

**MINORITI MELAYU DI BANGKOK DAN KAWASAN
SEKITARNYA: ANTARA SURVIVAL DAN KEJAYAAN**

CHAIWAT MEESANTAN

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**MINORITI MELAYU DI BANGKOK DAN KAWASAN
SEKITARNYA: ANTARA SURVIVAL DAN KEJAYAAN**

CHAIWAT MEESANTAN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : **CHAIWAT MEESANTAN**

No. K/P :

No. Pendaftaran/Matrik : **AHA110047**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALKSAFAH**

Tajuk Disertasi (Hasil Kerja ini):

**MINORITI MELAYU DI BANGKOK DAN KAWASAN SEKITARNYA:
ANTARA SURVIVAL DAN KEJAYAAN**

Bidang Penyelidikan : **PENGAJIAN ASIA TENGGARA**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa;

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
2. Hasil Kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa urusan berkaitan dengan Hasil Kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hak cipta telah dengan sejelasnya dan secukupnya dinyatakan dan satu pengiktirafan tajuk Hasil Kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta Hasil Kerja yang lain;
5. Pemunya hak cipta Hasil Kerja ini adalah Universiti Malaya ("UM") dan apa-apa pengeluaran semula dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara mekanikal atau sebaliknya adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta Hasil kerja yang lain, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain yang diputuskan oleh UM.

.....
Tandatangan Calon

.....
Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....
Tandatangan Saksi

.....
Tarikh

Nama : **PROFESOR MADYA DR. HANAFI BIN HUSSIN**

Jawatan : Pensyarah / Penyelia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang, survival, dan kejayaan minoriti Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya pada zaman Rattanakosin yang berada/hidup di kalangan masyarakat majoriti berketurunan Thai mulai zaman Raja Rama I selepas pemindahan tawanan perang dari Patani ke Bangkok pada tahun 1786M hingga sekarang. Kajian ini melibatkan pendekatan pelbagai disiplin. Kawasan Dataran Tengah Thailand khususnya kawasan Bangkok dan sekitarnya menjadi tumpuan pelbagai masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya; antaranya termasuk komuniti Melayu yang dianggarkan berjumlah seramai 700,000 orang. Orang-orang Melayu ini telah mendiami daerah ini semenjak zaman Ayuthaya sekitar abad 14M-15M dan jumlah mereka semakin meningkat semenjak awal zaman Rattanakosin pada abad ke 18M; iaitu kesan daripada peperangan antara Kerajaan Siam dengan Kerajaan-kerajaan Melayu di daerah Selatan. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa dasar-dasar kerajaan Siam merupakan faktor utama yang sangat mempengaruhi survival orang Melayu dan masyarakat Melayu di Bahagian Tengah Thailand. Setiap kali dasar kerajaan dikuatkuasakan, orang Melayu terpaksa mengadaptasi cara hidup mereka mengikuti dasar tersebut untuk meneruskan kehidupan di bawah kuasa kerajaan Siam. Semenjak zaman Rattanakosin dengan Raja yang memerintah bergelar Rama telah memperkenalkan pelbagai dasar pemerintahan yang memberi kesan kepada perjalanan kehidupan orang-orang Melayu khususnya dasar asimilasi. Sebagai bangsa yang kuat mempertahankan jati diri bangsa, orang-orang Melayu ini walau bagaimanapun mengadaptasikan dasar-dasar yang dikemukakan dan pengubahsuaian identiti berlaku dari semasa ke semasa sepanjang Raja Rama memerintah. Semua yang dilakukan adalah demi survival untuk meneruskan kehidupan di bawah kekuasaan Kerajaan Rattanakosin. Survival mereka dalam setiap zaman mempunyai bentuk pengubahsuaian yang berbeza-beza; iaitu pemisahan, adaptasi,

integrasi dan asimilasi. Begitu juga dengan kejayaan dalam kalangan mereka, dapat dilihat kejayaan satu demi satu iaitu institusi keluarga dan institusi agama pada zaman pemerintahan monarki Rattanakosin dan jelas dilihat kejayaan dalam institusi pendidikan, institusi ekonomi, dan institusi politik semasa pemerintahan demokrasi. Selepas tahun 1906-an Masihi orang-orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya mempunyai hak-hak dalam kehidupan yang sama dengan penduduk majoriti tanpa halangan dan apa-apa sekatan yang menghalang kejayaan dalam kalangan mereka. Hasil kajian terhadap orang-orang Melayu yang berjaya sekarang telah dapat mengenal pasti beberapa faktor yang membolehkan mereka berjaya. Antaranya ialah latar belakang keluarga, usaha tahap pendidikan, kreativiti dan akhirnya pekerjaan dan pendapatan, Kini, 230 tahun sudah berlalu, orang-orang Melayu dikatakan masih dapat meneruskan jati diri serta boleh mendapatkan kejayaan di tengah-tengah orang Thai yang merupakan masyarakat majoriti.

ABSTRACT

This study aims to investigate and explore the historical background, survival and success of Malay minority living with the Thai majority in Bangkok and its provinces during the Rattanakosin era; from the reign of king Rama I to the resettlement of prisoner of wars from Patani to Bangkok in 1786 up to the present time. This study adapts multi-disciplinary approach. The central plains region of Thailand, especially Bangkok and its surrounding areas, became intensely populated with people coming from different cultural backgrounds, including the Malay community with an estimated number of 700,000 people. The Malays had inhabited this area since the ruling of the Kingdom of Ayuthaya around 14th to 15th century and massive growth was evident since the early Rattanakosin era in the 18th century; much to the impact of war between the Kingdom of Siam and the Malay Kingdoms in the south. The findings of this study revealed that the Siamese government's policies were the major factor that had greatly affected the survival of the Malays and the Malay community living particularly in central Thailand. The implementation of Siamese government policies had conveniently forced the Malays to adapt and conform to the policies for survival. King Rama during the Rattanakosin era had introduced various government policies that had affected the Malay's way of life particularly under the assimilation policy. As a nation who aspired to maintain a strong national identity, the Malays had nevertheless adopted policies and modification of identity from time to time during the reign of King Rama. This life modification was performed for the sake of survival under the ruling of Rattanakosin. Their survival in every era consisted of different modifications; i.e. separation, adaptation, integration and assimilation. Their success was portrayed mainly through family and religious institutions during the Rattanakosin monarchical reign and further progressed to education, economy and political institutions during the Thailand democratic era. After 1906, the Malays in

Bangkok and its surrounding areas had assumed their rights in the same manner with the Thai majority, without hindrance and any barrier to success in life. The successful Malay individuals pointed out several key factors that had enabled them to succeed. Among them were the background of parents, perseverance, level of education, creativity, and finally employment and income. At present, the Malays still possess all the rights to preserve their identity and to compete fairly within the majority Thai community for success.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya menyempurkan tesis ini.

Pertama, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Hanafi Hussin; pensyarah di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya; merangkap Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, atas bimbingan dan nasihat serta segala tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya yang telah beliau berikan dan curahkan sepanjang tempoh penghasilan tesis ini, iaitu bermula dari peringkat awal sehingga ke peringkat akhir. Kecintaannya dalam dunia penyelidikan yang semakin mencabar serta kesungguhannya dalam kerjaya sentiasa menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada saya untuk terus memajukan diri dalam bidang akademik dan kehidupan.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada *Allahyarham* Yg. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Razuan bin Mohd Ariff, bekas dekan dan pensyarah Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya; yang merupakan pengasas tajuk tesis ini dan beliau bertindak sebagai penyelia bersama Walaupun beliau tidak berkesempatan menjadi penyelia tesis ini sehingga ke peringkat akhir kerana masalah kesihatan tetapi ketokohnya dalam bidang akademik amat saya kagumi. Beliau merupakan insan yang akan sentiasa menjadi pendorong dan pembakar semangat kepada saya dalam setiap penulisan hasil karya akademik pada masa-masa akan datang. Saya mendoakan semoga roh *Allahyarham* dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

Ucapan terima kasih dan rasa penghargaan juga ditujukan khususnya kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu terutamanya, Prof. Madya Nuwairi Hj. Khaza'ai yang merupakan penyelia saya di peringkat Sarjana, dan Prof. Madya Dr. Ab Razak Ab Karim; Ketua Jabatan Bahasa Melayu yang sentiasa memberi dorongan, galakan dan sokongan moral untuk saya meneruskan pengajian sehingga ke peringkat Doktor Falsafah. Kata-kata semangat dan keprihatinan yang mereka berikan kepada saya dari semasa ke semasa amat bermakna..

Di sini juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak *Faculty of Liberal Arts, Thammasat University* yang telah membiayai pengajian saya, iaitu dengan memberi Hadiah Cuti Belajar kepada saya selama dua tahun terakhir pembelajaran. Kepercayaan dan peluang keemasan yang diberikan itu sangat berharga kerana memudahkan dan melancarkan urusan pembelajaran dan pengajian saya sehingga saya berjaya menyiapkan dan menyempurnakan tesis ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khusus kepada pensyarah di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Prof. Madya Dr. Hanizah binti Idris selaku Ketua Jabatan, Dr. Lili Yulyadi, Dr. Mala A/P Rajo@Sathian, Dr. Mazlan bin Majid, dan Dr. Linda Alfarero Dumayag atas perkongsian idea dalam memantapkan penyelidikan ini. Tidak lupa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kakitangan di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Puan Liza, Cik Norsis dan Encik Jaffri serta kakitangan Ijazah Tinggi di Pejabat Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas pertolongan mereka dalam memudahkan dan melancarkan pengajian saya selama tempoh belajar di sini.

Melalui kesempatan ini juga, saya nukilkan ribuan terima kasih kepada pensyarah Jurusan Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, *Prince of Songkla University*, Kampus Patani; Prof. Madya Dr. Worawit Baru (Mantan Senator wilayah Patani), Prof. Madya Dr. Ruslan U-Thai, Acan Wae Maji Paramal, Acan Syed Abdullah Al-Jufri, Acan Abdul Razak Panaemalae, Acan Nik Abdul Rakib bin Haji Nik Hassan, Cikgu Radzuan bin Abdul Kadir, Cikgu Dr. Ismail Salleh, Cikgu Nawawee Mohammad dan guru-guru bahasa Melayu atas ilmu pengetahuan mereka tentang bahasa Melayu sehingga mendorong dan membakar semangat saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan seterusnya ke peringkat pengajian tertinggi, iaitu peringkat Doktor Falsafah.

Kepada teman-teman saya di Thailand dan Malaysia terutamanya, Encik Abdullah Kreedaoh, Encik Worapong Charoenwong, Puan Nurhuda Sadama, Cik Herawati Binti Bahri dan Encik Chayuti Tassanawongwara berbilang-banyak ucapan terima kasih saya rakamkan atas bantuan mereka.

Yang tidak boleh saya lupakan, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga yang lahir dari lubuk hati ini ditujukan khas untuk ibu dan ayah saya yang tersayang; iaitu Wanna Meesantan@Hajah Aisyah binti Haji Kasim dan Preecha Meesantan@Haji Hasan bin Haji Dek, adik-adik saya Syamsiah, Salma dan Laila kerana mendoakan agar saya diberikan kekuatan dan ketabahan hati. Pengorbanan serta kasih sayang merekalah yang telah merangsang dan membakar semangat saya untuk berusaha bersungguh-sungguh sehingga tesis ini dapat diselesaikan dan disempurnakan.

Saya juga ingin menyatakan dan meluahkan perasaan kasih yang amat dalam dan ucapan terima kasih seluruhnya kepada isteri saya; Wae Soh Meesantan@Wan Aisyah binti Romuli dan putera-putera tersayang kami; Sofwan Meesantan@Sofwan bin Abd Basit dan Miqdad Meesantan@Miqdad bin Abd Basit yang sentiasa bersabar memberi dorongan dan merekalah insan-insan yang memberikan saya kekuatan semasa saya dalam proses menyiapkan tesis ini. Pengorbanan, ketabahan dan kesetiaan kalian terhadap saya amat saya hargai dan amat saya sanjung tinggi. Mudah-mudahan segala usaha dan pengorbanan yang murni itu dirahmati dan diberkati Allah s.w.t.

Akhir sekali saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam proses penghasilan tesis ini.

Wassalam,

Chaiwat Meesantan@Abd Basit bin Hj. Hasan

Jabatan Pengajian Asia Tenggara,

Fakulti Sastera dan Sains Sosial,

Universiti Malaya

Disember 2016

Istimewa untuk datuk dan nenekku.....

*Haji Kasim Saengsuwan Rahimahullah
Hajah Zainab Saengsuwan Rahimahullah*

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI GAMBARAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI PETA	xvi
SENARAI GAMBAR	xvii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyata Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Kajian Terdahulu	12
1.8 Kerangka Teori dan Konseptual	26
1.9 Metodologi Kajian	44
1.9.1 Penyelidikan Perpustakaan	44
1.9.2 Pemerhatian	45
1.9.3 Pemerhatian Ikut Serta	45
1.9.4 Temu Bual	46
1.9.4.1 Temu Bual Formal	46
1.9.4.2 Temu Bual Tidak Formal	47
1.10 Pembahagian Bab	48
Nota Hujung	50
BAB 2 : LATAR BELAKANG MINORITI MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK	
2.1 Pengenalan	53
2.2 Demografi Orang Melayu di Persekitaran Bangkok	55
2.2.1 Bangkok	55
2.2.2 Wilayah Nonthaburi	60
2.2.3 Wilayah Prathumthani	66
2.2.4 Wilayah Samutprakarn	71

2.3	Istilah “Siam” dan “Thailand” dari Perspektif Orang Melayu	74
	a) Siam	74
	b) Thailand	75
2.4	Orang Melayu di Bangkok dan Sekitarnya	
	Sebelum Zaman <i>Rattanakosin</i>	77
	2.4.1 Orang Melayu dalam Kerajaan Sukhothai	77
	2.4.2 Orang Melayu dalam Kerajaan Ayutthaya	80
	2.4.3 Orang Melayu dalam Kerajaan Thonburi	88
2.5	Orang Melayu di Bangkok dan Sekitarnya	
	pada Zaman <i>Rattanakosin</i>	90
	2.5.1 Peristiwa Siam Mengalahkan Patani (1786M)	92
	2.5.1.1 Peristiwa Siam Mengalahkan Patani	
	Dalam Sejarah Siam	93
	2.5.1.2 Peristiwa Siam Mengalahkan Patani	
	Dalam Sejarah Melayu	99
2.6	Migrasi Penduduk Patani ke Bangkok	105
	2.6.1 Migrasi pada Zaman Raja Rama I tahun 1786M dan 1791M	105
	2.6.2 Migrasi pada Zaman Raja Rama III tahun 1832M	107
	2.6.3 Punca Pembawaan Tawanan Perang Melayu	
	ke Bangkok	110
2.7	Kedudukan Orang Melayu Bangkok Selepas Migrasi	
	pada Awal Zaman <i>Rattanakosin</i>	111
2.8	Petempatan dan Taburan orang Melayud di Persekitaran Bangkok	116
	2.8.1 Pertempatan dan Taburan orang Melayu Bangkok	
	zaman Raja Rama I	116
	2.8.2 Penempatan dan Taburan orang Melayu Bangkok	
	zaman Raja Rama III	121
2.9	Cerita-cerita dalam Kalangan Orang Melayu Bangkok	125
	2.9.1 “Menebuk Kaki” atau “Mencucuk kaki”	125
	2.9.2 Khlong Saen Saep	128
	2.9.2.1 <i>Khlong Saen Saep</i> dalam Sejarah Thailand	129
	2.9.2.2 Khlong Saen Saep dalam Catatan	
	Orang Melayu Bangkok	131
2.10	Kesimpulan	136
	Nota Hujung	139
BAB 3 : SURVIVAL DAN KEJAYAAN MINORITI MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK SEMASA PEMERINTAHAN MONARKI		
3.1	Pengenalan	143
3.2	Pengkategorian Tempoh Survival dan Kejayaan Orang Melayu di Persekitaran Bangkok	146
	i) Survival orang Melayu di persekitaran Bangkok	
	semasa pemerintahan monarki (1782M-1932M)	147

ii)	Survival orang Melayu di persekitaran Bangkok semasa pemerintahan demokrasi (1932M-sekarang)	148
3.3	Zaman Pemerintahan Raja Rama I sampai Zaman Pemerintahan Raja Rama IV	148
3.3.1	Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Raja Rama I sampai Zaman Pemerintahan Raja Rama IV	149
3.2.1.1	Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu ke Bahagian Tengah Thailand	149
3.3.2	Survival orang Melayu di persekitaran Bangkok Pada Zaman Pemerintahan Raja Rama I sampai Zaman Pemerintahan Raja Rama IV	150
3.4	Zaman Pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI	160
3.4.1	Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI	160
3.4.1.1	Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan pada Tahun 1878M-1905M	161
3.4.1.2	Dasar Pengurusan Pendidikan	166
3.4.1.3	Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib pada Tahun 1921M	167
3.4.1.4	Dasar Penggunaan Nama Keluarga	168
3.4.2	Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI	170
3.5	Kejayaan Orang Melayu Di persekitaran Bangkok Semasa Pemerintahan Monarki	200
3.6	Kesimpulan	206
	Nota Hujung	213

BAB 4 : SURVIVAL MINORITI MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK SEMASA PEMERINTAHAN DEMOKRASI

4.1	Pengenalan	216
4.2	Penukaran Sistem Pemerintahan Negara pada Tahun 1932M	218
4.3	Orang Melayu Bangkok dengan Penukaran Pemerintahan Negara	224
4.4	Zaman Penukaran Sitem Pemerintahan sehingga Zaman Pemerintahan Kerajaan Phibul Songkhram Penggal Pertama (1932M-1944M)	225
4.4.1	Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu Pada tahun1932M-1944M	226
4.4.1.1	Dasar Pemerintahan <i>Khana Ratsadorn</i> Enam Prinsip	226
4.4.1.2	Dasar Pembentukan Negara atau <i>Ratthaniyom</i>	226
4.4.2	Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok	

	Pada tahun 1932M-1944M	229
4.5	Zaman Pemerintahan Kerajaan Sivil (1944M-1948M)	245
4.5.1	Dasar-dasar Kerajaan yang mempengaruhi Survival orang Melayu pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sivil (1944-1948)	246
4.5.1.1	Dasar Panaungan Agama Islam	246
4.5.2	Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sivil (1944-1948)	247
4.6	Zaman Pemerintahan <i>Phubul Songkhram</i> Penggal Kedua (1948-1957)	255
4.6.1	Dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Phibul Songkhram Penggal Kedua (1948-1957)	255
4.6.1.1	Dasar Penyesuaian Pentadbiran	256
4.6.1.2	Dasar Penguatkuasaan Akta Pentadbiran Tempatan	257
4.6.2	Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada pada Zaman Pemerintahan Phubul Songkhram Penggal Kedua (1948M-1957M)	262
4.7	Zaman Pemerintahan Kerajaan Sarit Sampai Sekarang (1957M-2015M)	272
4.7.1	Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sarit sehingga Sekarang (1957M-2015M)	273
4.6.1.1	Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara	274
4.7.2	Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sarit Sampai Sekarang (1957M-2015M)	279
4.8	Kejayaan Orang Melayu Di persekitaran Bangkok Semasa Pemerintahan Demokrasi	291
4.9	Kesimpulan	298
	Nota Hujung	304

BAB 5 : FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN MINORITI MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK

5.1	Pengenalan	309
5.2	Faktor-faktor Kejayaan Orang Melayu di Persekitaran Bangkok sebelum Penyamarataan	310
5.2.1	Zaman Pemerintahan Monarki	310
5.2.1.1	Keadaan Tertekan Kerajaan Siam kerana Kegawatan Peperangan	312
5.2.1.2	Penguatkuasaan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan	313
5.2.2	Zaman Pemerintahan Demokrasi	314

5.2.2.1	Penguatkuasaan Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Pengurusan Pendidikan Wajib	315
5.2.2.2	Penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara	315
5.3	Faktor-faktor Kejayaan Orang Melayu di Persekitaran Bangkok selepas Dasar Penyamarataan	316
5.3.1	Latar Belakang Keluarga (Ibu Bapa Informan)	318
5.3.2	Usaha	331
5.3.3	Pendidikan	336
5.3.4	Kreativiti	339
5.3.5	Pekerjaan atau Pendapatan	342
5.4	Kesimpulan	352
	Nota Hujung	354
	BAB 6 : KESIMPULAN	356
	RUJUKAN	381
	LAMPIRAN	404

SENARAI GAMBARAJAH

Perkara	Halaman
Gambarajah 1.1 : Pengadaptasian Teori Keperluan Maslow dalam Bentuk Piramid	30
Gambarajah 1.1 : Masalah Dasar Manusia dan Jenis-jenis Institusi Sosial	34
Gambarajah 1.2 : Konsep Dasar Dalam Kajian	43
Gambarajah 3.1 : Kelas sosial masyarakat Thai pada awal zaman Rattanakosin	151
Gambarajah 3.2 : Sistem pembayaran cukai pada awal zaman Rattanakosin	159
Gambarajah 3.3 : Sistem pembayaran cukai selepas pembatalan sistem perhambaan	182
Gambarajah 3.4 : Penggunaan nama keluarga dalam masyarakat Melayu selepas dasar penggunaan nama keluarga	199
Gambarajah 3.5 : Kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama I hingga Raja Rama IV	203
Gambarajah 3.6 : Kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama V dan VI	206
Gambarajah 4.1 : Pengurusan Hal Ehwal Agama Islam di Thailand	250
Gambarajah 4.2 : Sistem Pemerintahan Thailand	261
Gambarajah 4.3 : Perkembangan Peluang Orang Melayu pada Zaman Rattanakosin	296
Gambarajah 4.4 : Perkembangan kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama I hingga sekarang (Raja Rama IX)	297
Gambarajah 5.1: Pengkategorian Faktor Kejayaan	348
Gambarajah 5.2: Model Langkah Kejayaan	351

SENARAI JADUAL

Perkara	Halaman
Jadual 2.1 : Perbandingan Panggilan Kerajaan Siam dalam Catatan Sejarah Thai dan Perspektif Orang Melayu	76
Jadual 2.2 : Senarai Nama Kampung Tawanan Perang Ditempatkan pada Zaman Raja Rama I	120
Jadual 2.3 : Senarai Nama Kampung Tawanan Perang Ditempatkan Berdasarkan Negeri Asal pada Zaman Raja Rama III	124
Jadual 3.1 : Senarai Nama Institusi Pengajaran Islam di Bangkok dan kawasan persekitaran yang didaftarkan pada tahun 1918M-1932M	207
Jadual 5.1 : Pendidikan informan dalam setiap institusi sosial	337

SENARAI PETA

Perkara	Halaman
Peta 1.1 : Pembahagian Kawasan Kajian	11
Peta 1.2 : Kampung-kampung yang Berketurunan Melayu	18
Peta 2.1 : Kawasan Bangkok yang Didiami oleh Orang Melayu di Bangkok	59
Peta 2.2 : Kawasan Wilayah Nonthaburi yang Didiami oleh Orang Melayu	65
Peta 2.3 : Kawasan yang Didiami oleh Orang Melayu di Wilayah Prathumthani	70
Peta 2.4 : Kawasan yang Didiami oleh Orang Melayu di Wilayah Samutprakarn	73
Peta 2.5 : Kerajaan Sukhothai (1238M-1583M)	79
Peta 2.6 : Kerajaan Ayutthaya (1351-1767)	82
Peta 2.7 : Perpindahan Penduduk Muslim zaman Ayutthaya dan Perkampungan baru Meraka	88
Peta 2.8 : Kerajaan Rattanakosin Sebelum dan Selepas Pembahagian Tanah kepada Penjajah Barat	91
Peta 2.9 : Peta Kawasan Kerajaan Melayu Patani	93
Peta 2.10 : Pembawaan Orang Melayu dari Thailand Selatan ke Tengah	110
Peta 2.11: Taburan orang Melayu Bangkok Mengikuti Kampung 9yang Ditempatkan pada Zaman Raja Rama I	121
Peta 2.1: Taburan Orang Melayu Bangkok Mengikut Negeri Asal yang Ditempatkan pada Zaman Raja Rama III	124
Peta 3.1: Perjalanan untuk mempelajari ilmu agama di Patani dan Mekah	175

SENARAI GAMBAR

Perkara	Halaman
Gambar 2.1 : Meriam Seri Patani yang terletak di hadapan Kementerian Pertahanan Thailand Sekarang	97
Gambar 2.2 : Bunga Emas Ufti Tahunan Negeri-negeri Melayu kepada Kerajaan Bangkok	99
Gambar 2.3 : Phraphutthayotfa Chulalok (Rama I) (1782M-1809M)	107
Gambar 2.4 : Pra Nang Klao (Rama III)(1824-1851)	109
Gambar 2.5 : Catatan Keturunan dan Petempatan orang Melayu, oleh Haji Abbas Saengwiman(1863-1950)	119
Gambar 2.6 : Catatan Keturunan dan Petempatan orang Melayu, Dicatat oleh Haji Kosem, penduduk di kampung Sapan Yaw, wilayah Ayutthaya	119
Gambar 2.7 : Terusan-terusan yang menghubungkan sungai Chao Phraya dengan sungai Bangprakong	130
Gambar 2.8 : Khlong Saen Saep pada Zaman Raja Rama V	133
Gambar 2.9 : Khlong Saen Saep Sekarang	133
Gambar 3.1 : Nai (Pembesar) dan Thas (hamba) pada awal zaman Rattanakosin	153
Gambar 3.2 : Tuan Guru Mustafa Ibrahim atau Tok Campa	176
Gambar 3.3 : Tuan Guru Abbas Saengwiman	177
Gambar 3.4 : Pondok Tuan Guru Abbas, kampung Paklad, daerah Phrapradaeng	177
Gambar 3.5 : Masjid Darossaadah, kampung Paklad, wilayah Samutprakarn selepas diperbaik	183
Gambar 3.6 : Lambang negara Thai pada zaman Raja Rama V dan VI	185
Gambar 3.7 : Wang kertas Thai versi pertama	186
Gambar 3.8 : Para alim ulama dan imam mengadap Raja Rama VI untuk menerima sejadah dan jubah diraja	187
Gambar 3.9 : Majlis Pemberian “Khatha Amir” atau cokmar pemimpin	188
Gambar 3.10 : Raja Rama VI	188
Gambar 4.1 Para Pemimpin Khana Ratsadorn atau Angkatan Rakyat	219
Gambar 4.2 Haji Syamsuddin Mustafa	225
Gambar 4.3 Lawatan Rasmi Raja Rama VIII ke Kampung Muslim Kali Pertama	254
Gambar 4.4 Lawatan Rasmi Raja Rama VIII ke Kampung Paklad, Samutprakarn	255
Gambar 4.5 Haji Ismail Yahyawi (Tuan Suwannasat) Chularatchamontri ke-15	263

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Thailand merupakan sebuah negara yang unik dari segi kedudukan geografi dan juga sejarahnya. Dari segi pentadbiran, Thailand telah dibahagikan kepada beberapa wilayah. Setiap wilayah mempunyai latar belakang sejarah dan sosio-budaya yang berbeza-beza. Setiap wilayah itu pula akan ditadbir oleh seorang gabenor yang dipanggil *Phuwaratchakan Changwad*. Penduduk Thailand terdiri daripada pelbagai etnik dengan nisbah majoriti 75 peratus daripada jumlah keseluruhan adalah beretnik Thai. Manakala penduduk lain yang dianggap sebagai golongan minoriti terdiri daripada Melayu, Khmer, China, Orang Bukit, dan beberapa etnik lagi.¹ Walau bagaimanapun, sebahagian daripada penduduk minoriti ini seperti etnik Melayu dan etnik Khmer merupakan kumpulan majoriti di beberapa wilayah yang mereka diami. Penduduk beretnik Melayu mendiami lima wilayah di Thailand Selatan; iaitu Wilayah Satun, Wilayah Songkhla, Wilayah Patani, Wilayah Yala, dan Wilayah Narathiwat yang bersempadan dengan negara Malaysia. Penduduk beretnik Melayu ini merupakan enam peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk dan kebanyakan mereka beragama Islam.² Golongan etnik Melayu yang dianggap sebagai minoriti ini bukan sahaja mendiami kawasan Thailand Selatan tetapi terdapat juga dalam kalangan mereka yang tinggal di kawasan Tengah Thailand terutamanya di Bangkok dan kawasan sekitarnya.

Orang Melayu di persekitaran Bangkok berpindah dari Wilayah Thailand Selatan ke Kawasan Thailand Tengah ketika zaman Kerajaan Patani³ sebagai tawanan perang pada tahun 1786 Masihi.⁴ Kehidupan bekas tawanan perang ini sangat susah.

Masyarakat Melayu sentiasa berusaha memperbaiki kedudukan mereka dari segi sosio-ekonomi, sosio-budaya, dan sosio-politik di tengah-tengah majoriti dan masyarakat lain yang bukan Islam dan berlainan budaya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Semenjak zaman dahulu sehingga sekarang, kerajaan Thailand menghadapi masalah ke atas penduduk minoriti terutama masalah keamanan dalam tiga wilayah di Thailand Selatan. Wilayah-wilayah tersebut ialah Wilayah Patani, Wilayah Yala, dan Wilayah Narathiwat. Ketiga-tiga wilayah tersebut merupakan kawasan penempatan majoriti penduduk beretnik Melayu di negara ini. Masalah konflik dan keamanan di kawasan tersebut masih menjadi masalah besar yang sangat mempengaruhi kemajuan dan keamanan negara. Apakah faktor yang menyebabkan masalah itu masih berterusan? Jawapan daripada soalan ini masih lagi dicari oleh kerajaan dan para penyelidik. Ramai pengkaji telah melakukan penyelidikan tentang masalah keamanan di Thailand Selatan. Jawapan daripada kajian-kajian tersebut didapati sangat berkaitan dengan latar belakang sejarah, ketidakadilan dan polisi-polisi kerajaan yang dijalankan ke atas penduduk di kawasan tersebut tidak sesuai serta menghakiskan cara hidup dan identiti mereka.

Bagi pemahaman kerajaan Thailand, orang Melayu adalah sebahagian daripada kumpulan orang Thai yang dipanggil “Thai Muslim”. Sebaliknya bagi orang Melayu itu sendiri walaupun mengakui bahawa diri mereka adalah sebagai sebahagian daripada rakyat atau orang Thailand, tetapi mereka mendefinisikan diri mereka sebagai “Orang Melayu”. Hal ini kerana perkataan “Melayu” bagi kalangan orang Melayu ini mempunyai makna yang lebih mendalam. Perkataan “Melayu” bukan hanya sekadar maksud salah satu etnik seperti Cina, India atau Burma tetapi perkataan “Melayu” dimaksudkan Muslim atau orang yang beragama Islam serta meliputi keseluruhan cara

hidup (*way of life*). Manakala frasa kata “Thai Muslim” bagi pihak kerajaan Thai pula digunakan hanya untuk memanggil semua orang yang beragama Islam tanpa mengira etnik. Sebaliknya bagi orang Melayu di Thailand Selatan pada zaman dahulu, perkataan “Thai” itu bukan sahaja bermaksud salah satu etnik, tetapi ia merujuk kepada maksud orang dan sesiapa sahaja yang beragama “Buddha”. Jadi, maksud “Thai Muslim” mengikut pandangan orang Melayu di Thailand Selatan ialah seolah-olah sebagai orang “Muslim Buddha”. Mereka sangat bencikan perkataan ini kerana maknanya yang tidak sesuai. Selain daripada itu, perkataan “Melayu” dan “Patani” juga masih lagi digunakan oleh pihak nasionalisme Melayu. Hal ini boleh dilihat dalam penggunaan bahasa Melayu tulisan Jawi secara menyeluruh di kawasan tersebut yang terdapat pada papan-papan tanda di tepi-tepi jalan raya; seperti nama kampung, nama jalan, nama sekolah dan seumpamanya.

Salah satu faktor asas yang membuatkan masalah keamanan di Thailand Selatan masih diteruskan sampai sekarang kerana ketidakfahaman pihak pentadbir kerajaan Thailand di Bangkok yang menjalankan polisi yang salah terhadap penduduk kawasan berkenaan. Kerajaan Thailand mahu menge-Thai-kan orang Melayu di kawasan terbabit dengan menggunakan dasar “asimilasi” (*Assimilation*) terhadap orang Melayu. Apa yang berlaku adalah sebaliknya, kerana hasil daripada pelaksanaan dasar itu lebih menambahkan jarak perasaan orang Melayu di Thailand Selatan terhadap pihak kerajaan. Pada pandangan orang Melayu, dasar tersebut akan memusnahkan cara hidup dan jati diri, di samping menge-Thai-kan mereka. Ini adalah faktor penting yang menyebabkan suasana dan keadaan tidak aman terus kekal di Thailand Selatan. Kebetulan pula orang Melayu pada ketika itu sama sekali berbeza dari segi etnisiti, anutan agama, dan penggunaan bahasa ibunda mereka berbanding dengan orang Thai. Apabila dasar asimilasi dilaksanakan, maka semakin lagi bertambah jarak perasaan

orang Melayu dengan kerajaan. Sekarang kerajaan Thailand sudah mula menukar dasar-dasar terhadap orang Melayu kerana hasil yang didapati jelas menunjukkan dasar asimilasi yang telah dijalankan menyebabkan masalah itu tidak dapat diselesai dan dihentikan. Antara contoh pertukaran ialah melaksanakan pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu sebaga mata pelajaran wajib bermula di sekolah-sekolah rendah di kawasan terlibat, selain Kementerian Pendidikan Thailand menawarkan jawatan untuk guru-guru bahasa Melayu sebagai guru tetap. Untuk hari raya Aidilfitri dan Aidil Adha, sebelum ini tidak menjadi hari cuti am. Sekiranya pegawai kerajaan yang beragama Islam mahu bercuti pada hari-hari kebesaran agama Islam itu, mereka dikehendaki terlebih dahulu mengajukan permohonan. Namun, sekarang tiga wilayah di Thailand Selatan dan empat daerah di Wilayah Songkhla telah diberi cuti khas hari raya Aidilfitri dan Aidil Adha. Semua pejabat kerajaan ditutup pada dua hari tersebut. Ini adalah sedikit daripada contoh dasar-dasar kerajaan Thailand terhadap orang Melayu di Thailand Selatan yang telah dilaksanakan.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, walaupun pada peringkat negara orang Melayu adalah golongan minoriti tetapi sebaliknya tidak di peringkat kawasan. Di wilayah-wilayah Patani, Yala dan Narathiwat, mereka adalah golongan majoriti. Jumlah etnik Melayu di ketiga-tiga wilayah tersebut melebihi kadar majoriti 70 peratus menyebabkan kerajaan Thailand telah memberi banyak kepentingan kepada golongan ini berbanding dengan orang Thai sendiri. Dengan perbezaan latar belakang, perbezaan anutan agama, perbezaan etnik dan perbezaan budaya menyebabkan orang Melayu merasa mereka sama sekali berbeza daripada orang Thai dari kawasan lain di Thailand. Pihak kerajaan Thailand juga sudah mengetahui bahawa kalau masih lagi menjalankan dasar-dasar seperti sebelum ini, ia akan hanya menambahkan lagi masalah-masalah yang sedia ada dan sukar untuk dihentikan.

Sebaliknya di Bangkok dan kawasan persekitarannya, saudara-mara mereka “Orang Melayu Bangkok” yang dipindahkan dari tanah air mereka, dan telah mendiami kawasan Bangkok dan kawasan sekitarnya walaupun sudah lebih daripada dua ratus tahun yang lalu, namun mereka tidak boleh melarikan diri atau terkecuali daripada apa-apa dasar yang telah dibuat oleh kerajaan Thailand. Dengan jumlah penduduk yang sedikit, mereka tidak boleh menjalankan dasar yang sama seperti di Thailand Selatan. Mereka perlu menukar pemikiran dan mengadaptasikan cara hidup untuk membolehkan mereka meneruskan hidup di kawasan tersebut. Lagi pula, status “tawanan perang” itu sedikit sebanyak telah menyusahkan hidup mereka. Kesemua mereka yang dibawa ke ibu negara Thailand iaitu Bangkok tidak membawa apa-apa harta benda yang berharga. Kesemuanya memulakan hidup dengan tanah yang diberi oleh raja.⁵

Orang Thai selalu memanggil Muslim sebagai “*Khaek*” yang bermaksud tetamu atau pendatang. Ini menampakkan pemikiran orang Thai zaman dahulu yang membezakan orang Thai dengan golongan “Muslim Thai” ini yang mereka anggap sebagai orang asing. Perkataan “*Khaek*” bukan sahaja digunakan untuk memanggil golongan Muslim ini, tetapi ia digunakan juga untuk menamakan kesemua pelawat atau pendatang yang berbilang kaum yang berasal dari Asia Selatan dan Asia Barat (tidak termasuk orang dari Eropah dan Asia Timur) dengan meletakkan etnik atau agama selepas perkataan “*Khaek*”. Contohnya *Khaek Pram (Brahmin)*, *Khaek Sik*, dan *Khaek* untuk yang beragama Islam atau Muslim seperti *Khaek Arab*, *Khaek Parsi*, *Khaek Cam*, *Khaek Jawa*, *Khaek Melayu*, dan sebagainya. Terdapat juga yang memanggil orang Muslim mengikut mazhab seperti *Khaek Chaosen (Shi-ah)* atau *Khaek Sunni*.

Dua ratus tiga puluh tahun sudah berlalu, namun perkataan “*Khaek*” masih lagi digunakan oleh orang Thai untuk memanggil golongan Muslim; terutamanya orang

Melayu. Tetapi bagi orang Melayu Bangkok sendiri tidaklah merasai mereka sebagai “*Khaek*” atau pendatang lagi. Mereka sudah menjadi sebahagian daripada masyarakat di kawasan ini dan juga sebagai rakyat Thailand. Namun, mereka sama sekali tidak melupakan asal-usul atau tanah air Patani tempat nenek moyang mereka dilahirkan. Mereka tidak melihat lagi kepada apa yang telah berlaku tetapi mereka memberi tumpuan kepada apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Dengan status minoriti di peringkat kawasan, mereka tetap menumpukan pada masalah bagaimana mereka boleh meneruskan hidup di kawasan ini, dan bagaimana mereka boleh mengekalkan cara hidup, adat-istiadat, dan amalan beragama lebih daripada kepentingan untuk memikirkan tentang apa yang telah berlaku pada masa lalu. Ini adalah perbezaan sikap antara orang Melayu Bangkok dengan orang Melayu Patani.

Hal tersebut menyebabkan pihak kerajaan Thailand juga melihat orang Melayu di persekitaran Bangkok dan orang Melayu di tiga wilayah di Patani adalah berbeza. Jadi, dasar-dasar yang dikeluarkan untuk dua kumpulan ini juga berbeza walaupun mereka daripada etnik yang sama. Dasar asimilasi yang dilaksanakan kerajaan Thailand tidak menggerunkan orang Melayu Bangkok kerana mereka tidak mempunyai pilihan. Tambahan pula, suasana sekeliling kampung tempat tinggal mereka adalah suasana Thai dan agama Buddha. Jadi, tumpuan yang mereka utamakan ialah lebih kepada mengekalkan Islam dan menguatkan hubungan dalam keluarga berbanding untuk memikirkan apa yang berlaku pada masa lalu. Boleh dikatakan bahawa orang Melayu Bangkok lebih banyak memberi kerjasama kepada kerajaan Thailand berbanding orang Melayu di Thailand Selatan.

Sekarang orang Melayu Bangkok masih mengekalkan kebudayaan mereka di tengah-tengah masyarakat majoriti orang Thai. Mereka boleh meneruskan hidup

mengikut apa-apa dasar yang diberikan oleh kerajaan Thailand terutamanya dasar asimilasi. Walau bagaimanapun, hingga sekarang boleh dilihat budaya-budaya Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran seperti beberapa buah kampung penduduknya masih bercakap bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Penduduk kampung mengadakan majlis kenduri yang hampir sama dengan majlis kenduri di Patani tempat asal-usul nenek moyang mereka. Apa yang paling penting, ramai anak-cucu keturunan daripada “tawanan perang” zaman dahulu itu mendapat kejayaan dalam kehidupan. Hal ini akan dibincangkan dalam bahagian yang berikutnya.

1.3 Penyataan Masalah

Maklumat daripada kajian mendapati bahawa semenjak zaman pemerintahan kerajaan Ayutthaya lagi orang Melayu sudah pun mendiami Kawasan Thailand Tengah, tetapi pada masa itu penduduk kawasan tersebut belum ramai. Kebanyakan mereka pula bekerja sebagai peniaga. Perubahan besar yang berlaku dalam kalangan penduduk Muslim di Bahagian Tengah Thai ini, terutama hal-hal yang melibatkan orang Melayu adalah disebabkan teretusnya peperangan antara kerajaan Siam dengan kerajaan-kerajaan Melayu di Semenanjung pada awal zaman Rattanakosin. Berpunca daripada peperangan yang berlaku itu menyebabkan penduduk Melayu di Bahagian Thailand Tengah makin bertambah kerana ramai orang Melayu daripada Bahagian Thailand Selatan dibawa oleh penguasa Siam ke Bangkok sebagai tawanan perang selepas kekalahan negeri-negeri Melayu.⁶ Gelaran yang diberikan kepada orang Melayu yang mendiami Bahagian Thailand Tengah ini ialah “Melayu di Bangkok” atau “Nayu Bakok”⁷ kerana penempatan mereka itu lebih tertumpu di kawasan Bangkok dan sekitarnya.⁸ Kini peristiwa itu sudah dua abad berlalu, dan orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah makin bertambah. Pada awal zaman Rattanakosin, jumlah penduduk

Melayu di kawasan tersebut hanya beberapa belas ribu orang.⁹ Sebaliknya jumlah mereka sekarang jauh lebih ramai; iaitu kira-kira 700,000 orang.¹⁰

Orang Melayu yang mendiami kawasan tersebut berada di tengah-tengah masyarakat yang dikelilingi oleh orang Thai. Rata-rata masyarakat Melayu yang mendiami Bahagian Thailand Tengah ini berada dalam lingkungan masyarakat majmuk; iaitu kemajmukan dari segi bangsa, budaya dan agama sebagaimana juga masyarakat di wilayah Nonthaburi, Samutprakan, Patumthani, dan kawasan di sekelilingnya. Penduduk majoriti di wilayah-wilayah tersebut ialah penduduk etnik Thai. Kedua-dua etnik ini; iaitu Melayu dan Thai mempunyai latar belakang sosio-budaya, agama, dan kehidupan yang berbeza. Namun apa yang dapat dikesan, didapati penduduk etnik Melayu yang mendiami wilayah tersebut dan kawasan di sekelilingnya masih teguh beragama Islam. Sekalipun kebanyakan mereka telah menyerap budaya Thai masuk ke dalam kehidupan seharian, namun mereka tetap dapat meneruskan kegiatan dari segi sosio-ekonomi dan budaya seperti penduduk Thai yang lain. Kajian ini akan menghuraikan tentang survival masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah, kerana mereka boleh dijadikan contoh yang terbaik untuk memperlihatkan kehidupan golongan minoriti yang mendiami kawasan pusat pentadbiran negara dan dianggap maju serta kaya dengan pengaruh luar seperti Bangkok.

Bukan mudah bagi sekumpulan minoriti yang boleh menyelamatkan kehidupan dan kebudayaan dalam tempoh masa yang panjang. Selain daripada berjaya mendapat keperluan asas yang perlu dipenuhi dalam kehidupan seharian seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan keselamatan, mereka juga menghadapi dasar-dasar penyelesaian masalah minoriti yang dijalankan oleh kumpulan majoriti melalui beberapa pendekatan seperti pengasimilasian, kemajmukan, pemberian perlindungan

undang-undang kepada minoriti, penghijrahan penduduk, penekanan berterusan, dan penghapusan identiti minoriti.¹¹ Survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya di tengah-tengah masyarakat majoriti Thai yang berlainan bangsa dan ingama adalah satu perkara yang membuatkan mereka sebagai bangsa minoriti telah mengalami daya tahan yang kuat dalam menjalani kehidupan seharian semenjak zaman-berzaman. Berkat ketabahan dan kesabaran serta penerimaan konsep asimilasi yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat, telah memberi kesan positif dalam bidang penyemerataan hak-hak dalam kehidupan. Manakala kesan negatif kepada masyarakat Melayu adalah kehilangan identiti mereka. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu ini mula mengecapi kejayaan dalam kehidupan seharian, malah setara sebagaimana masyarakat majoriti yang lain. Kejayaan-kejayaan mereka itu, walaupun bukan merupakan suatu fenomena yang baharu, namun apabila dihubungkan dengan masyarakat Melayu di Thailand, ia merupakan suatu keunikan kerana golongan minoriti di Thailand dan beberapa buah negara di Asia Tenggara sering digambarkan mengalami kemunduran dan penindasan oleh masyarakat majoriti serta pihak kerajaan yang berkuasa. Masalah yang mencabar pengkaji ialah, bagaimanakah orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya yang berasal sebagai tawanan perang dan kemudian mereka dijadikan hamba, boleh meneruskan kehidupan dalam masyarakat majoriti yang berlainan bangsa, agama dan budaya serta boleh mengembangkan masyarakat mereka sehingga akhirnya dihormati sebagai salah satu kumpulan ahli dalam masyarakat dan juga boleh mendapatkan kejayaan seperti majoriti Thai yang lain? Tumpuan kajian ini diberikan kepada golongan tawanan perang daripada negeri-negeri Melayu seperti Patani, Kelantan, dan Kedah yang dibawa ke Bahagian Thailand Tengah pada zaman awal Rattanakosin dan keturunan mereka yang mendiami kawasan ini. Manakala perkara-perkara yang akan dibincang ialah; latar belakang sejarah, survival, dan faktor-faktor yang membolehkan mereka mendapat kejayaan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji survival dan kejayaan minoriti Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya pada zaman Rattanakosin yang berada dalam kalangan masyarakat majoriti beretnik Thai.

1.5 Objektif Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian di atas, beberapa objektif telah dikenal pasti untuk kajian ini iaitu:


- i. untuk mengenal pasti latar belakang sejarah minoriti Melayu di persekitaran Bangkok.
- ii. untuk mengkaji survival minoriti Melayu di persekitaran Bangkok pada zaman Rattanakosin.
- iii. untuk mengkaji faktor-faktor yang membolehkan minoriti Melayu di persekitaran Bangkok pada zaman Rattanakosin mendapat kejayaan dalam kalangan penduduk majoriti beretnik Thai.

1.6 Skop Kajian

Kajian tesis ini melibatkan masyarakat minoriti Melayu yang berada di Bangkok dan kawasan sekitarnya. Tumpuan diberikan kepada minoriti Melayu yang dipindahkan ke kawasan ini sebagai “tawanan perang” pada awal zaman Rattanakosin sepanjang masa mereka mendiami kawasan ini. Kajian ini tidak meliputi golongan orang Islam yang beretnik lain seperti Jawa, Champa, India, Arab, dan Parsi. Begitu juga tidak terlibat dalam kajian ini dengan golongan orang Melayu di bahagian Thailand Tengah yang berada di kawasan ini sebelum perpindahan tawanan perang dari Patani ke Bangkok.

Pemilihan kampung-kampung sebagai lokasi kajian adalah mengikut “radius” dari pusat pentadbiran lama Istana Besar Thailand. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu 15 kilometer, 16-30 kilometer dan 31-45 kilometer dari pusat pentadbiran tersebut. Terdapat empat buah wilayah di bahagian Thailand Tengah yang terlibat dengan lokasi kajian ini; iaitu wilayah Bangkok ibu negara Thailand, wilayah Pratumthani, wilayah Nonthaburi dan wilayah Samutprakarn (Sila lihat Peta 1.1). Pembahagian kawasan ini bertujuan untuk melihat pengaruh bandar terhadap masyarakat Melayu yang terletak di kawasan-kawasan berkaitan.

Latar belakang sejarah dan perkembangan masyarakat minoriti Melayu di kawasan-kawasan kajian dari zaman dahulu sehingga sekarang akan dibincangkan berdasarkan institusi sosial untuk mendapatkan jawapan sebagaimana yang dinyatakan dalam objektif kajian.



Peta1.1 : Pembahagian Kawasan Kajian
Sumber: disesuaikan daripada <http://www.happyland4you.com>

1.8 Kajian Terdahulu

Penyelidikan mengenai masyarakat Melayu minoriti di kawasan Tengah Thailand dan juga sejarah latar belakang mereka belum banyak dilakukan secara khusus. Namun, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan komuniti Muslim etnik etnik lain serta kajian terhadap masyarakat minoriti lain di sekitar Bangkok telah dilakukan. Oleh itu, untuk mengenal pasti komuniti Melayu di Bangkok dan persekitaran, beberapa kajian yang dilakukan terhadap orang Melayu akan dibincangkan untuk pengenalan ciri-cirinya sebagai latar belakang, adat istiadat, kehidupan seharian, dan lain-lain. Perbincangan tersebut adalah untuk memperlihatkan Melayu dalam konteks yang berbeza. Antara kajian-kajian yang dibincangkan adalah kajian yang dilakukan terhadap orang Melayu yang merupakan majoriti di tanah asal seperti di Malaysia dan Singapura. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan terhadap orang Melayu di Thailand Selatan, walaupun mereka sebagai minoriti di peringkat negara tetapi mereka merupakan majoriti di peringkat kawasan. Tambahan lagi kajian terhadap minoriti yang pernah dilakukan di negara lain seperti Amerika Syarikat, Kanada, Afrika, dan Indonesia juga akan dipertimbangkan. Berdasarkan kajian-kajian tersebut dapat dilihat bahawa banyak kajian yang telah dibincangkan memaparkan tentang minoriti terutamanya minoriti Melayu yang sentiasa menghadapi masalah dengan majoriti. Kajian ini akan memaparkan keadaan di sebaliknya iaitu melihat Melayu sebagai minoriti yang berjaya dalam kalangan majoriti

Kajian-kajian yang ada kaitannya dengan kajian ini antaranya ialah *The Assimilation of Bangkok-Melayu Communities in The Bangkok Metropolis and Surrounding Areas*¹² yang telah dilakukan oleh Umayyah Haji Umar. Ia merupakan sebuah kajian yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini. Beliau mengkaji asimilasi komuniti Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dengan memilih

enam buah lokasi komuniti di kawasan tersebut sebagai kawasan kajian. Faktor yang membuatkan budaya Melayu semakin hari semakin hilang ialah disebabkan polisi asimilasi yang dijalankan oleh kerajaan Thai pada abad ke-20, di samping suasana komuniti Melayu yang dikelilingi oleh Komuniti Buddha Thai yang merupakan kumpulan majoriti. Antara sebab yang menjadikan keadaan asimilasi adalah akibat interaksi secara berterusan dengan masyarakat majoriti menyebabkan budaya ke-Melayuan semakin terhakis. Walau bagaimanapun, mereka masih mengekalkan beberapa budaya terutamanya aktiviti yang berkaitan dengan amalan agama Islam. Boleh dikatakan bahawa agama adalah faktor asas yang membuatkan orang Melayu Bangkok masih mengekalkan budaya warisan asal mereka hingga kini. Namun, terdapat sebahagian daripada bentuk budaya yang warisan mereka telah hilang seperti bahasa.

Orang Melayu Bangkok sekarang tidak lagi menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Bahasa Melayu hanya digunakan oleh orang-orang tua di kampung-kampung sahaja. Perkataan “Melayu” tidak lagi digunakan untuk mengembangkan semangat nasionalisme Melayu. Mereka mengenalkan diri mereka sebagai orang Thai yang beragama Islam dan beretnik Melayu. Mereka telah mengasingkan Melayu dengan Islam. Ini adalah perkara yang berbeza di antara orang Melayu di Bangkok dan orang Melayu di Patani.

Kajian yang dilakukan oleh Chokchai Wongtanee bertajuk *มลายูบางกอก/นายูนากอก: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/ซีแยะ* (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae)¹³ adalah sebuah kajian yang mengkaji tentang orang Melayu di persekitaran Bangkok. Dalam kajian Chokchai Wongtanee menyentuh tentang latar belakang sejarah Patani sebelum dan selepas ditakluk oleh kuasa kerajaan Siam. Dalam kajiannya itu

juga membincangkan tentang beberapa perkara yang sensitif; tetapi tidak pernah dinyatakan dalam sejarah Thai. Misalnya, penyiksaan pihak penguasa kerajaan Thai ke atas orang-orang Melayu Patani yang menjadi tawanan. Mereka disiksa dengan dicucuk di bahagian kaki dan telinga dengan rotan seni, dan kemudian mereka dirantai beramai-ramai untuk dibawa ke Bangkok.

Kajian ini juga menggambarkan penderitaan orang Melayu Patani selepas ditakluki oleh kerajaan Siam. Perkara ini ialah faktor penting yang mempengaruhi suasana keamanan di Selatan Thai. Beberapa kumpulan penduduk dalam kalangan orang Melayu Patani masih lagi menggunakan sejarah ini sebagai alat untuk menaikkan semangat nasionalisme Melayu. Sebaliknya orang Melayu Bangkok tidak lagi mengambil kira isu tersebut. Mereka tidak lagi memberi tumpuan tentang kepentingan sejarah, tetapi lebih memberi tumpuan kepada usaha mencari rezeki menaikkan taraf ekonomi masing-masing untuk meneruskan hidup serta penjagaan adat-istiadat dan budaya warisan mereka yang masih tersisa. Sejarah orang Melayu Bangkok telah menggambarkan keadaan kumpulan etnik mereka sendiri sahaja dan menceritakan bagaimana cara mengadaptasikan diri dan komuniti untuk dapat meneruskan hidup.

Kajian Siti Munirah Kasim¹⁴ yang bertajuk Sosio Budaya dan Identiti Etnik Melayu di Thailand: Kajian Perbandingan Antara Melayu Bangkok Dengan Melayu Patani dan Kajian Siti Munirah- Kasim & Mala Rajo Sathian¹⁵ yang bertajuk Bertunjangkan Akar Yang Sama, Pokoknya tidak semestinya serupa: Identiti Kemelayuan Bangkok merupakan kajian yang telah dilakukan terhadap orang Melayu di daerah Minburi, Bangkok. Kajian-kajian tersebut menghuraikan identiti dan sosio-budaya etnik Melayu Bangkok dan menunjukkan kepelbagaian orang Melayu di Thailand bukan sahaja di Thailand Selatan tetapi termasuk juga di Bangkok dan

persekitaran serta menyatakan bagaimanakah perbezaan dari aspek identiti kemelayuan antara Melayu Bangkok dengan Melayu Patani yang merupakan tanah asalnya.

Sebuah kajian yang pernah dilakukan tentang penghijrahan orang Melayu ialah *Patani Malay Diaspora*¹⁶ yang dilakukan oleh Nik Abdul Rakib Nik Hassan. Beliau membahagikan kajiannya kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah tentang orang Melayu Patani yang berpindah ke kawasan Melayu lain di Nusantara seperti Malaysia, Indonesia, dan Brunei serta kumpulan orang Melayu Patani yang ditukarkan oleh perubahan sempadan seperti Perak dengan Raman dan Kelantan dengan Rangae. Bahagian kedua ialah orang Melayu Patani yang berpindah ke kawasan luar rantau Tanah Melayu seperti Arab Saudi, Jordan, Yemen, dan beberapa buah negara di rantau Scandinavia. Terdapat beberapa bahagian dalam kajian Nik Abdul Rakib yang berkaitan dengan kajian ini iaitu kedua-dua kajian tersebut mengkaji tentang orang Melayu Patani yang berpindah ke luar Tanah Melayu kerana pengaruh perang antara Siam dengan Patani. Dalam kajian itu, tumpuan utama ialah mengkaji perpindahan, petempatan dan hubungan di dalam kumpulan etnik.

*ผลกระทบของการพัฒนากับการรักษาอัตลักษณ์ของชาวมุสลิมเชื้อสายมาเลย์ในพื้นที่กรุงเทพมหานครและปริมณฑล (Kesan Pembangunan ke atas Pengekalan Identiti Muslim Berketurunan Melayu di Bangkok dan Metropolitan)*¹⁷ adalah kajian Nattapong Boonlue yang mencari beberapa maklumat dasar tentang kesan pembangunan Thailand ke atas pengekalan identiti Muslim berketurunan Melayu. Tujuan utama kajian itu ialah untuk menganalisis kesan pembangunan yang penting, peranan agama Islam serta beberapa cara penyesuaian orang Melayu terhadap dasar pembangunan Kerajaan Thailand. Daripada kajian itu mendapati, dasar pembangunan kerajaan Thailand yang mengikuti format negara Barat telah memberi kesan positif dan negatif. Kesan negatif adalah pembangunan

menyebabkan berlaku pemisahan hal agama dengan hal duniawi. Bagi kesan positif pula, orang Melayu bersemangat untuk mengekalkan identiti sendiri. Mereka juga boleh mengadaptasikannya untuk pembangunan moden dengan memberi peluang dalam pendidikan agama dan keduniaan. Pembangunan mengikut negara Barat ini membuatkan golongan Muslim melaksanakan sistem pendidikan yang sesuai untuk kehidupan dunia dan akhirat iaitu suatu sistem pendidikan yang boleh mendatangkan ekonomi untuk meneruskan hidup tanpa mengabaikan pendidikan agama untuk bekalan akhirat kelak.

Kajian Raymond Scupin iaitu *Thai Muslims in Bangkok: Islam and Modernization In a Buddhist Society*¹⁸ adalah sebuah kajian yang menggambarkan kehidupan Muslim di Bangkok mengikut aspek adat-istiadat, adaptasi, nilai, cara hidup, pengekalan identiti serta faktor sosio-ekonomi yang berkesan dengan kehidupan seharian mereka. Dalam kajian itu beliau juga membincangkan tentang Muslim beretnik Melayu di Bangkok yang merupakan kumpulan penduduk yang paling besar antara kumpulan-kumpulan Muslim lain. Selain itu, kajian ini membincangkan tentang masalah yang sangat sensitif dalam kalangan Muslim; iaitu masalah perbezaan mazhab dalam Islam yang menjadi anutan kepercayaan mereka di Bangkok.

กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)¹⁹ adalah sebuah buku Sawvane Jitmoud yang menyatakan tentang latar belakang Muslim di Thailand, termasuklah orang Melayu. Daripada maklumat kajiannya, beliau menyatakan kerajaan Thailand menggunakan dasar asimilasi dengan orang Melayu di Patani dan kawasan lain. Dasar asimilasi itu semakin digunakan semakin menjauhkan perasaan kumpulan minoriti Muslim berkenaan di Patani. Asimilasi hanya sesuai digunakan dalam kalangan orang Thai yang beragama lain tetapi sangat tidak sesuai dengan orang beretnik Melayu

terutamanya golongan Islam di kawasan Thailand Selatan. Kerajaan Thailand seharusnya menjalankan dasar-dasar yang sesuai dengan setiap kumpulan etnik. Kalau dasar yang dijalankan sesuai, masalah-masalah tentang kumpulan etnik yang dihadapi sekarang akan dapat dikurangkan.

Aspek bahasa Melayu di Bangkok dan kawasan persekitarannya, terdapat beberapa pengkaji yang mengkaji tentang bahasa pertuturan etnik orang Melayu di Bangkok, antaranya Uri Tadmor (1992M), Umadiyah Haji Omar (2009M) dan Chaiwat Meesantan (2009M). Kajian terhadap bahasa ini adalah sebahagian daripada kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Bahasa adalah sebahagian daripada budaya. Jika mengikut konsep Robert K. Thomas yang telah dibincangkan, bahasa adalah sebagai salah satu tanda yang menggambarkan pengekalan etnik masing-masing.

Uri Tadmor menggunakan metodologi linguistik untuk membahagikan latar belakang orang Melayu di Bangkok dan sekitarnya. Dalam kajian beliau bertajuk “Kepelbagaian Dialek Melayu di Sekitar Bangkok” yang diterbitkan dalam *Jurnal Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka sangat menarik kerana maklumat ini sangat bermanfaat dalam penyusunan sejarah masyarakat penutur Melayu di bahagian tengah Thai. Menurut kajian beliau, terdapat lapan buah kampung yang masih bertutur bahasa Melayu sekarang.²⁰ (Sila rujuk Peta 1.2)



Peta 1.2 : Kampung-Kampung yang terdapat penduduk etnik Melayu,
 Sumber: Disesuaikan daripada <http://www.happyland4you.com>

Kajian Umayah Haji Omar mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam sekolah agama Islam di Bangkok dilakukan melalui kajian yang bertajuk *Bangkok Malays and the Jawi Language*²¹. Hasil daripada kajian ini Umayah mendapati bahawa bahasa Melayu masih lagi digunakan dalam sistem pengajaran agama Islam terutamanya pembelajaran kitab bertulisan Jawi. Terdapat juga beberapa buah sekolah yang tidak menggunakan kitab-kitab bahasa Melayu. Keadaan ini berkaitan dan bergantung dengan perancangan dasar para pentadbir setiap sekolah.

Chaiwat Meesantan²² membuat kajian tentang sistem panggilan dalam keluarga Melayu Bangkok untuk memperlihatkan hubungan dalam keluarga serta pengaruh sosial

terhadap bahasa Melayu melalui sistem panggilan. Hasil kajian dapat dilihat bahawa komuniti-komuniti Melayu masih menggunakan bahasa Melayu untuk memanggil ahli dalam keluarga walaupun dalam kehidupan seharian mereka tidak berbahasa Melayu. Sistem panggilan dalam keluarga ini sebagai tanda keeratan hubungan penutur. Mereka menggunakan panggilan dalam keluarga untuk memanggil orang yang bukan saudara-mara. Setiap orang selain daripada nama sebenar akan ditegur dengan nama panggilan hormat yang khusus dan umum. Yang khusus merujuk kepada kata panggilan kekeluargaan. Manakala, yang umum merujuk kepada kata panggilan yang ditujukan kepada seseorang yang digunakan dalam komuniti contohnya Wak, Wae, Cik, Pak Cik merupakan panggilan yang umum.

Selain daripada kajian yang berkaitan dengan masyarakat Melayu di bahagian Tengah Thailand dari pelbagai aspek di atas, beberapa kajian lain yang dilakukan di negara Thailand dan boleh digunakan untuk menjadi rujukan kajian ini adalah kajian Worawit Baru @ Ahmad Idris (1999) dan Likhit Theerawekhin (1978).

Kajian Worawit Baru @ Ahmad Idris yang bertajuk Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu Di Negara Thai²³, mengkaji tentang dasar-dasar kerajaan Thai yang melibatkan orang Melayu di wilayah-wilayah di Thailand Selatan sehingga menimbulkan kesan terhadap bahasa Melayu di negara Thai serta meninjau faktor-faktor penghalang dan pendorong dalam mencapai kejayaan perancangan bahasa kebangsaan dan mengkaji pendekatan-pendekatan kerajaan mengatasi masalah penggunaan bahasa Thai dalam kalangan orang Melayu melalui dasar-dasar kerajaan. Hasil kajian beliau didapati bahawa dasar kerajaan Thai yang ditetapkan dan dijalankan merupakan dasar pengasimilasian orang Melayu sebagai warga negara Thai yang menjadi golongan minoriti ke arah perpaduan negara.

Kerajaan Thai menjalankan dasar-dasar untuk menyelesaikan masalah golongan minoriti. Dalam hubungan ini, orang Melayu merupakan golongan minoriti yang ada kaitan dengan dasar-dasar tersebut. Simpson dan Yinger dalam Likhit Theerawekhin²⁴ membahagikan pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh kerajaan untuk menjalankan dasar penyelesaian masalah golongan minoriti kepada enam cara seperti yang berikut:²⁵

i) Pengasimilasian

Pendekatan asimilasi merupakan usaha golongan majoriti yang ingin menyelesaikan masalah golongan minoriti dengan menyempitkan atau menghapuskan segala perbezaan yang ada pada golongan minoriti, misalnya perbezaan dari segi agama, bahasa dan kebudayaan. Identiti golongan minoriti akan digantikan dengan identiti golongan dominan, malahan etnik atau bangsa keturunan yang berbeza juga mungkin dihapuskan melalui perkahwinan campur.

ii) Kemajmukan

Pendekatan ini merupakan dasar integrasi yang tidak menitikberatkan penghapusan identiti golongan minoriti tetapi yang diperlukan ialah kesetiaan sebagai rakyat negara Thai. Golongan minoriti harus sedikit sebanyak menerima bahasa dan kebudayaan golongan majoriti di samping mengekalkan identiti golongan sendiri yang tidak menjelaskan perpaduan negara. Ringkasnya hidup bersama-sama dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum yang mempunyai banyak kelainan dengan saling hormat-menghormati identiti antara kaum.

iii) Memberi Perlindungan Undang-undang kepada Minoriti

Melalui pendekatan ini, kerajaan memberi perlindungan kepada golongan minoriti supaya mendapat hak yang sama dalam beberapa hal dengan menggariskannya secara terus dalam perlembagaan negara atau undang-undang lain.

iv) Pemindahan Penduduk

Pendekatan ini merupakan satu cara penyelesaian masalah golongan minoriti yang dapat dilakukan secara aman atau secara paksaan. Secara aman ialah pemindahan penduduk minoriti kembali ke negara asal seperti yang dilakukan oleh beberapa buah negara terhadap pelarian Vietnam. Pemindahan secara paksaan pula dilakukan dengan menggunakan segala tekanan terhadap golongan minoriti sehingga mereka tidak lagi sanggup tinggal di negara-negara berkenaan, dan akhirnya golongan minoriti ini terpaksa berpindah keluar dari negara-negara itu, seperti tekanan yang dilakukan oleh Burma ke atas Muslim bangsa Rohingya di sempadan Burma dengan Bangladesh.

v) Penekanan Berterusan

Pendekatan ini berlaku apabila golongan dominan tidak mahu bertolak ansur dengan golongan minoriti. Mereka tidak berasimilasi, tidak mahu hidup bersama-sama dalam masyarakat majmuk, tidak mahu memberi hak yang saksama menurut undang-undang kepada golongan minoriti dan tidak mahu mengadakan pemindahan penduduk minoriti. Apa yang mereka mahu adalah untuk menawan golongan minoriti bagi kepentingan sendiri secara berterusan. Walaupun jumlah yang ditawan atau golongan minoriti lebih besar daripada golongan dominan, mereka amat terhad dari segi kekuatan politik, ekonomi ataupun kedudukan sosial. Pendekatan ini jelas kelihatan pada dasar *apartied* yang diamalkan oleh kerajaan Afrika Selatan dahulu.

vi) Penghapusan

Pendekatan penghapusan merupakan satu pendekatan yang digunakan oleh golongan majoriti untuk menghapuskan golongan minoriti daripada masyarakat dengan menggunakan apa sahaja cara biarpun tidak langsung berlandaskan moral ataupun perikemanusiaan. Mereka selalunya bertindak kejam ke atas golongan minoriti seperti yang dilakukan oleh Hitler terhadap orang Yahudi pada suatu ketika dahulu dan penindasan kerajaan Yugoslavia ke atas orang Muslim di Bosnia serta tindakan kejam orang Serb ke atas bangsa Albania di Kosova pada hujung abad ke-20M yang lalu.

Selain daripada kajian terhadap masyarakat minoriti Melayu di Thailand, pengkaji juga menggunakan beberapa kajian tentang identiti etnik Melayu di Malaysia sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini. Antaranya adalah Hodder (1959M), Djamour (1959M), Swift M.G.(1965M), Hasan R. (1971M), Anthony Smith (1996M). Anthony, Anthony Read (2004M), Shamsul AB (2004M) dan Milner (2008M)

Swift M.G.dalam kajiannya berjudul *Malay Peasant Society in Jelebu*²⁶ dan Djamour, J. dalam kajiannya bertajuk *Malay Kinship and Marriage in Singapore*²⁷ merupakan kajian antropologi yang dilakukan dalam masyarakat Melayu di Malaysia dan Singapura yang lebih banyak menumpukan perhatian kepada masyarakat kaum tani dan juga nelayan serta masyarakat tradisi secara amnya. Manakala *Interethnic Marriage in Singapore: A Sociological Analysis*²⁸ kajian Hassan R. dan *Man in Malaya*²⁹ kajian Hodder, B.W. merupakan kajian mengenai etnisiti di Singapura yang memberi tumpuan kepada masalah kahwin campur antara orang-orang Melayu dan kelompok-kelompok etnik yang lain di pulau itu. Anthony Reid dalam kajiannya *Understanding Melayu (Malay) As A Source of Diverse Modern Identities*³⁰ melihat terjemahan identiti Melayu daripada sudut pandangan Barat terutamanya pentadbiran

kolonial. Beliau menyatakan bahawa konsep Melayu di Malaysia dan Indonesia secara realitinya adalah berbeza. Perbezaan tersebut berdasarkan terjemahan pihak kolonial Barat iaitu Belanda yang berkuasa di Indonesia agak berbeza dengan British yang menguasai Malaysia. Anthony Milner dalam kajiannya *The Malay*³¹ memaksudkan Melayu yang dapat dilihat daripada berbagai bentuk seperti bahasa, cara hidup, dan agama Islam.

Kajian tentang etniksiti yang perlu dinyatakan di sini lagi ialah kajian-kajian yang dilakukan oleh Wilson (1967M), Provencher (1971M), dan Hirschman (1971M). *The Malay Village in Malaysia: Social Values and Rural Development*³² kajian Wilson yang pernah dilakukan di sebuah perkampungan Melayu ada menyentuh tentang etnisiti dan bagaimana ciri-ciri etnik mempengaruhi hubungan antara kelompok-kelompok etnik yang ada seperti Melayu, Mandailing, dan Minangkabau. Dalam hubungan dengan kelompok etnik Mandailing, Ramba bersatu dengan Kepunohan dan mereka mengunjungi kedai-kedai kopi yang diuruskan oleh kelompok-kelompok etnik masing-masing. Manakala, kajian Provencher yang dilakukan pada tahun 1971M bertajuk *Two Malay Worlds: Interaction in Urban and Rural Setting*³³ pula membuat kajian perbandingan antara Kampung Baru dan Kuang, iaitu satu masyarakat desa. Provencher membuat perbandingan dari segi interaksi antara masyarakat bandar dan luar bandar. Perbincangannya mengenai Kampung Baru ada menyentuh isu etnisiti dalam kalangan kelompok-kelompok etnik Melayu, Jawa, dan Minangkabau yang terdapat di Kampung Baru. Begitu juga dengan kajian Hirschman yang bertajuk *Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia*³⁴. Kajian ini banyak membincangkan tentang stratifikasi dari segi etnik dan sosial serta perbezaan dari segi ekonomi dalam kalangan kelompok-kelompok etnik di Semenanjung Tanah Melayu.

Satu kajian tentang identiti Melayu di Malaysia yang perlu disebutkan di sini ialah Identiti Etnik Melayu³⁵ yang dilakukan oleh Mohd Aris Haji Othman. Kajian beliau bertujuan untuk memahami sifat dinamik identiti Melayu dengan mengkaji isu-isu dan bentuk identiti ini mengikut tahap-tahap perhubungan etnik dan keadaan-keadaan yang tertentu dalam mana-mana identiti yang digunakan. Selain daripada melihat sifat dinamik identiti Melayu, kajian Mohd Aris juga menyentuh tentang perubahan bentuk dan isi identiti Melayu dari perspektif sejarah. Kajian tersebut memperlihatkan definisi Melayu dari dua sudut. Pertama ialah Melayu yang didefinisikan dari sudut etnik atau apa-apa yang selalu dikenali sebagai keturunan. Manakala sudut yang lain pula, Melayu didefinisikan mengikut perlembagaan iaitu dengan menganggap seseorang itu Melayu sekiranya dia memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan dalam perlembagaan tidak mengira dari golongan etnik mana dia berasal.³⁶

Untuk lebih memahami survival masyarakat Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya, pengkaji juga menggunakan kajian-kajian terhadap golongan minoriti yang pernah dilakukan di negara lain seperti Amerika Syarikat (Thomas Robert K. 1982M), Kanada (Jeffrey G. Reitz, 1980M), Afrika (Gluckman G.,1960M) dan Indonesia (Bruner, 1974M).

*Minority Survival*³⁷ adalah kajian Robert K. Thomas; Profesor bidang Pengajian Amerikan Indian, Universiti Arizona, Amerika Syarikat. Beliau mengkaji tentang survival etnik Cherokees (golongan Orang Amerika yang beretnik India). Hasil penting yang merupakan konsep panduan dalam kajian telah dibincang dalam bahagian kerangka konsep. Beliau menyatakan bahawa bahasa adalah faktor pertama yang akan dihilangkan kerana tidak ada kepentingan dalam kehidupan seharian. Orang Cherokees

menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan komuniti lain ataupun ahli keluarga. Orang yang berumur lebih tua daripada 60 tahun sahaja yang boleh bercakap bahasa Cherokee dengan fasih. Sebahagian generasi baharu sudah tidak boleh bercakap bahasa Cherokee. Perkara seperti ini ialah fenomena yang selalu ditemui dalam setiap kumpulan etnik. Manakala, tiga faktor yang merupakan penanda survival etnik ialah sejarah, agama dan menyatukan diri dengan tanah air adalah perkara yang sukar ditinggalkan.

Kajian Jeffrey G. Reitz, *The Survival of Ethnic Group*³⁸ juga digunakan sebagai panduan kajian. Beliau mengkaji survival etnik minoriti di Kanada. Hasil daripada kajiannya menyatakan, secara keseluruhan terdapat dua faktor asas yang boleh membuatkan sekumpulan etnik minoriti boleh kekal, iaitu asas ekonomi dan asas kebudayaan. Kedudukan ekonomi merupakan faktor penting yang membuatkan kumpulan etnik boleh meneruskan hidup. Penduduk yang mempunyai kedudukan ekonomi yang tinggi mempunyai banyak peluang untuk mengekalkan etnik mereka. Manakala kebudayaan adalah sebagai pakaian yang merujuk kepada identiti sesuatu etnik. Etnik dikaitkan dengan kebanggaan seseorang tentang warisan nenek moyang. Penanaman tradisi berbeza dengan sumbangan yang berharga. Setiap komuniti perlu membina pembangunan budaya kepada seluruh masyarakat dan memenuhi keperluan untuk persahabatan dan kebangsaan. Oleh hal yang demikian, hubungan dengan kumpulan nenek moyang kekal kerana penghargaan terhadap nilai-nilai tradisional dan kepuasan dalaman yang mempunyai akar dalam kumpulan kebangsaan. Dengan cara yang sama, kegagalan untuk menyampaikan kebanggaan tentang warisan dan budaya kepada setiap generasi baharu boleh menamatkan sesuatu etnik.

Kajian-kajian mengenai etnisiti di Afrika iaitu *Tribalism in Modern Central Afrika*³⁹ yang dilakukan oleh Gluckman G. (1960) menunjukkan bahawa taat setia seorang Afrika yang telah berhijrah ke bandar lebih tertumpu kepada satu-satu suku yang tertentu dan dengan ini dapat membantu untuk menentukan suku-suku yang terdapat di bandar itu. Suku kaum juga telah menjadi asas penubuhan persatuan-persatuan sukarela di bandar. Persatuan-persatuan sukarela ini bukan sahaja berfungsi sebagai persatuan-persatuan kebajikan, tetapi juga membantu anggota-anggotanya untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di bandar.⁴⁰

Bruner (1974M) dalam kajiannya *The Expression of Ethnicity in Indonesia*⁴¹ menyatakan bahawa orang-orang Batak di Indonesia menyesuaikan diri mereka di bandar mengikut keadaan-keadaan yang tertentu. Di Bandung misalnya, walaupun mereka menyesuaikan diri dengan kebudayaan Sunda yang dominan, mereka masih berpegang kepada identiti Batak. Sebaliknya pula di Medan, berbagai-bagai kelompok etnik yang terdapat di bandar ini terpisah antara satu sama lain disebabkan tidak terdapatnya sebarang kebudayaan yang dominan.

1.8 Kerangka Teori dan Konsep

Kajian ini merupakan kajian yang tergolong dalam bidang sosiologi yang berfokuskan pada etnik minoriti. Dalam penulisan tesis ini pengkaji menggunakan beberapa teori dan konsep yang berikut untuk meneliti survival dan kejayaan masyarakat minoriti Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya:

- Teori Hieraki Keperluan Maslow (*Maslow's Hierarchy of Needs*)
- Konsep "Survival Minoriti" (*Survival of Minority*)
- Konsep "Institusi Sosial" (*Social Institutions*)

- Konsep “Perubahan Sosial dan Perubahan Budaya” (*Social Change and Cultural Change*)
- Konsep “Sosialisasi” (*Socialization*)
- Konsep “Subbudaya” (*Subcultures*)
- Konsep “Kumpulan Etnik” (*Ethnic Groups*)
- Konsep Empat Peringkat Kemasukan Imigran ke dalam Masyarakat Tempatan iaitu;

Pemisahan (*Separation*)

Adaptasi (*Adaptation*)

Integrasi (*Integration*)

Asimilasi (*Assimilation*)

Teori Hierarki Keperluan Maslow (Maslow’s Hierarchy of Needs) merupakan teori dalam bidang psikologi yang dikemukakan oleh Abraham Maslow dalam bukunya yang bertajuk “*A Theory of Human Motivation*” pada tahun 1943M⁴². Teori ini sangat popular dan telah diadaptasi ke dalam bidang penyelidikan sosiologi, latihan pengurusan dan arahan psikologi pertengahan dan tinggi.⁴³ Maslow menyatakan bahawa dalam setiap individu terdapat lima keperluan yang mesti dipenuhi seperti fisiologi, keselamatan, sosial penghargaan diri, dan pencapaian hasrat diri. Keperluan-keperluan di tingkat rendah mesti dicapai atau dipenuhi terlebih dahulu sebelum menaik taraf kepada keperluan-keperluan tingkat yang lebih tinggi.⁴⁴

Keperluan-keperluan Maslow dikemukakan dalam bentuk piramid. Keperluan yang paling penting dan merupakan asas dalam kehidupan seperti keperluan fisiologi akan diletakkan di tingkat bawah dan pencapaian hasrat diri akan diletak di tingkat paling atas.⁴⁵ Lima keperluan tersebut ialah Keperluan Fisiologi, Keperluan

Keselamatan, Keperluan Kasih Sayang (Sosial), Keperluan Penghargaan Diri (Esteem), dan Keperluan Hasrat Diri.

1. Keperluan Fisiologi

Keperluan peringkat ini merupakan keperluan yang paling asas. Peringkat ini sangat penting dan diperlukan untuk diri atau fizikal seseorang manusia. Keperluan asas ini meliputi keperluan makanan dan minuman, tempat tinggal, seks, tidur dan rehat serta oksigen untuk bernafas.⁴⁶

2. Keperluan Keselamatan

Setelah keperluan-keperluan fisiologi sudah dipenuhi, muncullah *Keperluan Keselamatan* yang disebut oleh Maslow.⁴⁷ Keperluan peringkat ini termasuk keselamatan peribadi, keselamatan kewangan, kesihatan serta tidak akan menjadi mangsa penyalahgunaan kuasa. *Keperluan Keselamatan* ini berbeza daripada *Keperluan Fisiologi* kerana keperluan tersebut tidak boleh dicapai secara penuh. Manusia tidak pernah dapat dilindungi sepenuhnya dari ancaman-ancaman seperti kebakaran, banjir, ribut atau kelakuan berbahaya daripada orang lain.⁴⁸

3. Keperluan Kasih Sayang (Sosial)

Peringkat ini merupakan keperluan manusia untuk dicintai dan merasai perasaan “kekitaan”. Keperluan-keperluan peringkat ini merangkumi dorongan untuk persahabatan, kamahuan memiliki pasangan dan etnik, dan sebagainya. Setiap orang manusia mesti berkemahuan untuk miliki sesuatu dan juga merasai bahawa mereka diperlukan dan mempunyai peranan dalam masyarakat atau organisasi yang besar seperti persatuan, kumpulan agama, kumpulan pekerjaan, pasukan sukan mahupun dalam

masyarakat atau organisasi yang kecil seperti keluarga, pasangan hidup ataupun kawan.⁴⁹

4. Keperluan Penghargaan Diri (*Esteem*)


Keperluan ini ada kaitan dengan keperluan seseorang manusia untuk dihormati dan diberi peluang untuk menghormati orang lain. Maslow menyatakan bahawa setiap orang yang memiliki dua kategori mengenai *Keperluan Penghargaan Diri* (*Esteem*) ini iaitu; keperluan peringkat rendah dan keperluan peringkat tinggi. Keperluan peringkat rendah ialah kemahuan dihormati oleh orang lain, status, nama baik, kemuliaan, pengakuan, perhatian dan dominasi.⁵⁰ Manakala, keperluan peringkat tinggi ialah kemahuan penghargaan diri termasuklah perasaan, keyakinan, kompetensi, prestasi, penguasaan, prestasi, dan kebebasan.⁵¹ Selepas manusia dapat memenuhi keperluan ini, mereka sudah siap sedia untuk memasuki keperluan tahap yang paling tinggi iaitu *Keperluan Hasrat Diri*.

5. Keperluan Hasrat Diri

Tingkatan terakhir daripada keperluan asas yang dikemukakan oleh Maslow adalah *Keperluan Hasrat Diri*. Keperluan ini berkaitan dengan keperluan untuk mencapai cita-cita diri sendiri atau melibatkan kemahuan yang terus berterusan untuk memenuhi potensi.⁵² Maslow menyatakan bahawa keperluan ini sebagai hasrat untuk semakin menjadi diri sepenuh kemampuannya sendiri, menjadi apa-apa sahaja mengikut kemampuannya atau "*What a man can be, he must be*".⁵³

Teori Hieraki Keperluan Maslow digunakan untuk menjadi syarat umum yang membezakan survival iaitu bagaimana ketahanan dan kelangsungan identiti Melayu di tengah-tengah majoriti Thai dapat dilaksanakan dengan berjaya dan bagaimanakah

mereka boleh mempertingkatkan kehidupan lebih dari setakat survival sahaja. Mereka akan dianggap sebagai kumpulan minoriti atau orang yang berjaya apabila mereka telah mencukupi keperluan-keperluan peringkat pertama sehingga peringkat ketiga dan mencapai keperluan peringkat keempat; iaitu *Keperluan Penghargaan Diri*. Kalau belum mencapai keperluan peringkat ini, tidak boleh dianggap mereka sebagai telah berjaya. Keperluan tahap ini juga merupakan pembahagian kehidupan orang Melayu antara survival dan kejayaan. (Sila rujuk Gambarajah 1.1)



Gambarajah 1.1: Pengadaptasian Teori Keperluan Maslow dalam Bentuk Piramid

Selain daripada menduduki tahap keempat yang menjadi syarat umum bagi seseorang untuk mencapai tahap kejayaan, beberapa syarat lagi yang diperlukan untuk memperjelaskan atau menyerlahkan kejayaan seseorang dalam masyarakat Melayu dalam setiap institusi yang dinyatakan. Penentuan kejayaan institusi keluarga berdasarkan kedudukan ahlinya, terutamanya sejak peringkat anak-anak lagi. Jika kedudukan mereka adalah amat baik daripada anak-anak atau generasi muda ini dalam kalangan masyarakat sekeliling, mereka dipandang tinggi, lebih-lebih lagi kedudukan

dan pencapaian yang baik dalam bidang pendidikan dan pekerjaan. Penentuan kejayaan dalam institusi agama juga diambil kira, iaitu berasaskan penerimaan seseorang itu dalam bidang ilmu agama yang paling tinggi pada setiap zamannya. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh mereka itu dalam masyarakat Thai telah menyerlahkan pengaruh dan kejayaan mereka dalam masyarakat. Dalam institusi ekonomi sebagai penentuan kejayaan adalah berdasarkan pendapatan yang tinggi. Pendapatan komuniti Melayu melalui perniagaan dan perdagangan telah dijadikan tolak banding atau cermin perbandingan dengan pendapatan per kapita penduduk negara Thailand. Penentuan kejayaan dalam institusi pendidikan adalah berdasarkan tahap penerimaan pendidikan yang paling tinggi yang dicapai oleh orang Melayu pada setiap zamannya. Demikian juga peranan yang disumbangkan oleh orang Melayu terhadap masyarakat dan negara Thai berdasarkan pendidikan yang dicapai oleh mereka. Penentuan kejayaan orang Melayu dalam institusi politik pula adalah tahap pencapaian mereka sehingga boleh memegang jawatan politik yang tinggi dalam negara pada masa itu, iaitu menjawat jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Senat Negara Thailand. Jawatan berkenaan adalah sama ada sebagai ahli parlimen atau wakil rakyat di Dewan Rakyat; dan juga sebagai senator di Dewan Senat negara Thailand.

Kajian ini berlandaskan konsep yang dirumuskan daripada kerja lapangan terhadap survival minoriti komuniti Indian Cherokees di Amerika Syarikat oleh Robert K. Thomas. Beliau telah menyarankan bahawa kumpulan minoriti yang terselamat dalam tempoh masa yang panjang mempunyai sekurang-kurangnya empat perkara seperti yang berikut:⁵⁴

a) Mempunyai bahasa sendiri

Contoh kumpulan minoriti yang mempunyai bahasa sendiri ialah *Coptic Christians* di Mesir, *Kumpulan Basques* di Sepanyol dan *Kumpulan Welch* di Pulau England. Beberapa kes, bahasa kumpulan minoriti ini digunakan dalam upacara keagamaan sahaja seperti Yahudi yang tinggal di Eropah atau Amerika dan mereka akan menggunakan bahasa rasmi negara yang didiami dalam kehidupan seharian. Sebaliknya mereka akan menggunakan bahasa Ibrui dalam upacara keagamaan tersendiri. Beberapa kumpulan minoriti menganggap bahawa bahasa bermaksud lebih daripada lambang bagi kumpulan. Ia juga merupakan sesuatu yang boleh menunjukkan sempadan setiap kumpulan minoriti dan juga boleh menunjukkan latar belakang seseorang. Lebih-lebih lagi bahasa boleh merujuk kepada identiti kebudayaan dan pemikiran satu-satu kumpulan itu.

b) Mempunyai agama sendiri

Contoh kumpulan minoriti yang mempunyai agama sendiri ialah Kumpulan Orang Yahudi, Kumpulan Orang Mapuche di Chili, dan Kumpulan Orang Sontal di India.

c) Menyatukan keterikatan kepada sesuatu kawasan/teritori

Bumi sebagai tanah air yang keramat dan tercinta seperti tanah Palestin yang didakwa oleh Yahudi, Kumpulan Choctaw yang mempunyai keterikatan dengan tanah di kawasan tengah Negeri Mississippi, Amerika Syarikat, Kumpulan Orang Kurd yang masih menyayangi kawasan Barat Negara Iran, dan Kumpulan Orang Oglala Sioux yang mempunyai keterikatan dengan tanah banjaran gunung The Black Hills yang terletak di Barat negeri South Dakota.

d) Mempunyai sejarah yang suci.

Sejarah yang suci telah menceritakan tentang hubungan sebuah kumpulan penduduk dengan tuhan, sebidang tanah, sejarah pada masa lampau, nasib dan dengan kumpulan orang beretnik lain seperti peruntukan undang-undang Tora atau peruntukan Moses dalam lima buah kitab suci agama Judah dan kitab suci yang menceritakan tentang persamaan sejarah. Terdapat juga kumpulan lain seperti orang Papago dan Yaqui yang sedang menulis sejarah dan asal usul mereka yang pernah diceritakan secara lisan untuk dijadikan buku.


Institusi sosial sebagai konsep sangat penting dalam bidang sosiologi dan antropologi. Terdapat ramai penyelidik memberikan definisi tentangnya.

Esheleman⁵⁵ memberikan makna institusi sosial sebagai suatu sistem pembangunan, nilai, kedudukan, dan aktiviti yang dilakukan untuk mencapai tujuan masyarakat. Institusi sosial itu adalah sebagai dasar yang membuatkan masyarakat boleh hidup.

Thio⁵⁶ memberikan makna institusi sosial yang hampir sama dengan Eshlemen iaitu institusi sosial bermaksud satu set kepercayaan, peraturan, cara dan tindakan yang dipersetujui oleh majoriti untuk memenuhi keperluan ahli dalam masyarakat.

Manakala, Persell⁵⁷ mendefinisikan institusi sosial sebagai peraturan dalam masyarakat dan kelakuan yang dianggap penting untuk ahli masyarakat boleh terus hidup. Bagi Hess, Maskson & Stein⁵⁸ mendefinisikan institusi sosial adalah sebagai peraturan masyarakat dan kelakuan yang ditetapkan yang berfungsi penting terhadap survival individu dan semua ahli dalam masyarakat.

Kesimpulannya institusi sosial ialah corak perilaku yang dianggap penting bagi menjadikan tahap kualiti masyarakat lebih baik untuk menyelesaikan masalah dasar dan berfungsi untuk masyarakat itu boleh hidup. Corak perilaku bermaksud corak pemikiran dan perilaku masyarakat. Tahap kualiti bermaksud apa yang dipersetujui oleh majoriti dalam masyarakat bahawa perilaku itu betul dan boleh diikuti”. “Masalah dasar” bermaksud masalah keperluan asas manusia (*basic needs*) seperti keperluan makanan, minuman, tempat tinggal, pakaian, keperluan psikologi, keperluan minda, keperluan keselamatan daripada musuh dari dalam atau luar komuniti, keperluan keamanan, keperluan perkahwinan, dan keperluan lain yang boleh mengekalkan ahli dalam masyarakat. Selain daripada itu, institusi sosial juga berfungsi untuk membolehkan kehidupan masyarakat diteruskan.



Gambarajah 1.2 : Masalah Dasar Manusia dan Jenis-Jenis Institusi Sosial ⁵⁹

Salah satu fenomena masyarakat pada zaman globalisasi adalah perubahan (change). Setiap masyarakat akan menghadapi perubahan dalam pelbagai bidang seperti teknologi, penduduk, ekonomi, alam sekitar, politik, dan lain-lain. Perubahan ini adalah salah satu bahagian penting masyarakat manusia terutamanya masyarakat negara sedang membangun seperti Thailand.

Beberapa orang ahli sosiologi seperti C.W. Mills⁶⁰ memberikan makna “perubahan”, dengan menyatakan bahawa perubahan adalah hal yang telah dilakukan berkaitan dengan peranan institusi penganjuran struktur sosial serta kelakuan pengembangan dan kekurangannya. Moore⁶¹ mengatakan, perubahan adalah berkaitan dengan perubahan struktur sosial yang berpengaruh dengan peraturan dan nilai dalam masyarakat. Bagi pengkaji, perubahan ini bermaksud perbezaan antara salah satu perkara yang dibandingkan pada masa yang berbeza.

Terdapat dua jenis perubahan iaitu Perubahan Sosial dan Perubahan Budaya:

a) Perubahan Sosial

Perubahan Sosial ialah perubahan struktur sosial yang bermaksud hubungan antara dua orang atau lebih dengan mengikuti peraturan masyarakat. Perubahan sosial berbeza-beza dari segi jenisnya iaitu perhubungan antara orang yang berhubung serta perbezaan antara peranan penghubung dan perbezaan dalam pencapaian serta perlakuan institusi sosial.⁶²

b) Perubahan Budaya

Perubahan Budaya ialah perbezaan dalam sistem budaya atau perubahan sub unsur-unsur budaya seperti perubahan dalam sistem hubungan dalam keluarga, sistem

ekonomi, sistem politik, pengajaran dalam masyarakat dan pendidikan, sistem agama dan kepercayaan, sistem perubatan dan kesihatan. Ia termasuk juga perbezaan dalam sub unsur-unsur sistem budaya seperti perbezaan dalam nilai, kepercayaan, ideologi, adat-istiadat, simbol, status, dan peranan umur individu apabila dibandingkan pada usia yang berlainan jarak 10 tahun, 20 tahun atau 50 tahun.⁶³

Apabila mengatakan tentang perubahan, salah satu perkara yang mesti dinyatakan adalah proses budaya yang berbagai-bagai proses iaitu 1. Reka Cipta (*Invention*) 2. Penemuan (*Discovery*) 3. Difusi (*Diffusion*) 4. Pembudayaan (*Acculturation*), 5. Pemodelan (*Modernization*), 6. Inovasi (*Innovation*), 7. Sosialisasi (*Socialization*) dan 8. Sub-budaya (*Subculture*).⁶⁴

1. *Reka Cipta* adalah proses pembinaan sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum itu termasuklah kebudayaan bahan; seperti kereta, rumah, kapal terbang atau kebudayaan bukan bahan; seperti undang-undang, nilai, dan ideologi.
2. *Penemuan* adalah proses beberapa benda yang ditemui dan benda itu sudah lama ada tetapi tidak pernah ditemui sebelumnya seperti penemuan elektrik. Sebaliknya lampu bukan penemuan tetapi lampu ialah rekabentuk. Penemuan ini adalah salah satu faktor perubahan budaya.
3. *Difusi* bermaksud beberapa bahagian sesebuah budaya yang menyebar kepada budaya lain. Dalam beberapa kes, budaya itu menyebar ke seluruh dunia. Penyebaran ini adalah salah satu proses untuk menerima hal yang

baharu ke dalam masyarakat tempatan hingga akhirnya berlaku perubahan budaya.

4. *Pembudayaan* adalah sebuah fenomena kebudayaan. Apabila dua kumpulan penduduk yang berlainan anutan budaya berhubung, boleh berlaku setiap kumpulan berkenaan saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Dalam jangka masa yang pendek mungkin tidak mewujudkan beberapa pengaruh besar. Sebaliknya, jikalau dua budaya saling berhubungan dalam jangka masa yang panjang, akan banyak berlaku kesan pembudayaan yang dapat dilihat. Pembudayaan itu termasuklah pemindahan tenaga kerja, pertukaran teknologi, pelancongan, dan seumpamanya.

5. *Pemodenan* adalah sebagai proses perubahan yang sedang dilakukan dalam masyarakat terutama masyarakat negara-negara membangun. Proses tersebut dilakukan apabila masyarakat menyerap budaya meterial dan juga budaya yang bukan meterial dalam masyarakat perindustrian. Budaya meterial adalah teknologi pertanian, perhubungan, perubatan, pendidikan, dan lain-lain. Budaya bukan meterial seperti perkahwinan, penilaian, ideologi, sistem pentadbiran kerajaan, dan lain-lain. Apabila pemodenan ini digunakan dalam masyarakat maka akan berlakulah perubahan dan masalah. Perubahan yang berlaku itu boleh mempengaruhi tiap-tiap institusi, tiap-tiap komuniti dan tiap-tiap orang. Pemodenan sebagai fenomena kebudayaan yang meliputi fenomena lain termasuklah *perindustrian*, *urbanisasi*, dan *birokrasi*.

6. *Inovasi* adalah sebagai faktor asas yang berlaku perubahan dalam negara-negara membangun. Inovasi bermaksud proses penerimaan benda baharu ke

dalam masyarakat atau komuniti yang sebelumnya tidak pernah ada di dalam masyarakat atau sesebuah komuniti itu. Penerimaan ini termasuk kebudayaan material seperti teknologi baharu dalam komunikasi, perubatan, pengangkutan, pendidikan, pertanian, dan kebudayaan bukan material seperti pemikiran, penilaian, ideologi, atau peraturan dalam masyarakat yang berbeza daripada zaman dahulu.

Sosialisasi bermaksud pembelajaran kebudayaan sepanjang hidup seseorang; iaitu semenjak dilahirkan sehingga meninggal dunia serta pembangunan diri sendiri sehingga mampu menjadi ahli masyarakat yang baik. Setiap generasi akan menyampaikan kebudayaan kepada generasi seterusnya. Para ahli akademik membahagikan sosialisasi kepada dua peringkat utama iaitu sosialisasi peringkat awal hidup dan peringkat seterusnya. Sosialisasi peringkat awal hidup bermula semenjak dilahirkan hingga remaja dan selepas dianggap sebagai remaja akan memasuki dalam peringkat seterusnya. Terdapat juga beberapa ahli akademik yang membahagikan sosialisasi mengikut peringkat umur seperti peringkat awal dewasa (umur 25-39 tahun), peringkat akhir dewasa (umur 40-60 tahun) dan peringkat warga emas (umur 60 tahun hingga meninggal dunia). Sosialisasi ini mesti mengambil kira beberapa institusi yang berpengaruh dengan seseorang seperti keluarga, sekolah, agama, kawan, dan lain-lain.⁶⁵

Sub-budaya bermaksud budaya yang bukan budaya umum dalam masyarakat. Budaya umum bermaksud kebudayaan yang menjadi peraturan kehidupan ramai orang atau diikuti oleh majoriti dalam masyarakat seperti di Thailand agama Buddha, bahasa Thai, sistem pentadbiran, sistem pendidikan yang disediakan oleh kerajaan serta adat-istiadat yang berkaitan dengan kerabat diraja sebagai budaya umum. Sub-budaya akan digunakan dalam beberapa kumpulan penduduk dalam masyarakat. Ia adalah

sebahagian daripada budaya umum serta yang sering dikaitkan dengan budaya umum tetapi masih ada beberapa perkara yang berbeza. Beberapa kumpulan telah mengikut beberapa peraturan budaya umum bersama dengan sub-budaya diri sendiri. Sub-budaya ini boleh dibahagikan mengikut taraf dalam masyarakat seperti jantina, umur, pekerjaan, keturunan, dan agama. Selain daripada taraf dalam masyarakat yang telah dinyatakan di atas, geografi juga boleh menjadi sub-budaya seperti budaya masyarakat bandar dan budaya masyarakat luar bandar.⁶⁶

Kumpulan etnik adalah sebahagian sub-budaya. Kumpulan etnik bermaksud kumpulan penduduk yang mempunyai sub-budaya sendiri. Kumpulan etnik akan mempunyai budaya yang berbeza dengan budaya umum. Selain itu kumpulan etnik ini berkaitan dengan pemindahan dari negara atau kawasan lain. Apabila kumpulan etnik berpindah ke dalam masyarakat baharu, mereka akan mempunyai kesedaran dalam identiti budaya yang tinggi terutamanya kemasukan kumpulan etnik dalam masyarakat yang majoritinya berlainan dengan budaya komuniti pendatang. Kebanyakan kumpulan etnik akan diasimilasikan. Kumpulan generasi awal tidak berapa melihat perubahan tetapi dalam generasi seterusnya mereka akan menerima budaya umum hingga mereka tinggalkan sub-budaya kumpulan etnik diri sendiri.⁶⁷

Terdapat banyak kumpulan etnik dalam masyarakat Thai seperti kumpulan orang bukit, orang laut, orang beretnik Cina, Mon, Khmer, Burma, Laos, Melayu, Yuan, dan lain-lain. Setiap kumpulan mempunyai proses penyesuaian budaya yang berbeza.

Di Amerika Syarikat, beberapa pengkaji membahagikan proses integrasi kumpulan etnik kepada dua bentuk iaitu *The Melting Pot* dan *Cultural Pluralism*. *The Melting Pot* bermaksud, apabila masa berlalu kumpulan etnik akan menghilangkan

identiti budaya mereka dan menyerap ke dalam budaya umum sebagai budaya sendiri. Manakala, *Cultural Pluralism* bermaksud penerimaan perbezaan kebudayaan kumpulan etnik lain ke dalam sesebuah masyarakat. Sebaliknya setiap kumpulan etnik akan mengekalkan identiti budaya dan berbangga akan kumpulan etnik dan budaya sendiri.⁶⁸

Dalam kemasukan pendatang baru ke dalam sesebuah masyarakat boleh dibezakan berdasarkan pada beberapa tahap. Sempadan antara mereka adalah sukar untuk ditentukan, kerana proses "masuk" ke dalam masyarakat majoriti boleh berkembang dengan cara yang berbeza bergantung kepada aspek kehidupan. Kemasukan imigran ke dalam masyarakat tempatan dibahagikan kepada empat peringkat; iaitu Pemisahan (*Separation*), Adaptasi (*Adaptation*), Integrasi (*Integration*) dan Asimilasi (*Assimilation*).⁶⁹

Pemisahan adalah salah satu peringkat kemasukan imigran ke dalam masyarakat tempatan iaitu kumpulan imigran itu sama ada kekal dalam pemisahan diri yang dikenakan (penyisihan), atau terasing daripada masyarakat majoriti. Pemisahan boleh menjadi kesan dasar rasmi diikuti oleh negeri, atau oleh kerajaan tertentu, tetapi ia mungkin adalah hasil daripada sejarah yang berbentuk prejudis, tradisi, kebencian, atau menjadi kesan peristiwa baru. Pemisahan yang diinstitusikan kini sangat jarang, apa yang diperhatikan lebih kerap pemisahan adat, yang memohon untuk ruang perumahan atau bidang pendidikan.

Adaptasi merupakan peringkat seterusnya tentang kemasukan pendatang ke dalam masyarakat tempatan. Konsep penyesuaian sangat bermakna untuk sekurang-kurangnya membolehkan keupayaan hidup. Ini adalah kategori yang jarang muncul dalam antropologi. Bagaimanapun, yang diambil bekerja oleh pelbagai aliran sosiologi


semenjak sosiologi telah berasingan bidang ilmu: dalam teori perkembangan Spencer (penyesuaian menandakan peningkatan secara beransur-ansur tentang kebolehan sosial di bawah tekanan daripada alam sekitar), di sekolah fungsian (adaptasi dimaksudkan sebagai mekanisme yang mengawal kebersamaan hubungan antara mata pelajaran kehidupan sosial), dalam pendekatan fungsi struktur ini Parsons (adaptasi dimaksudkan sebagai keupayaan sistem kecil untuk menyesuaikan diri dengan sistem secara keseluruhan). Bagi maksud kajian ini, akan menentukan penyesuaian sebagai tempat tinggal yang minimum kepada alam sekitar untuk membolehkan hidup. Penyesuaian ekonomi, yang berkaitan dengan pasaran kerja. Penyesuaian budaya dengan bahasa dan kecekapan budaya di kawasan tempatan. Akhirnya penyesuaian sosial, berkenaan dengan interaksi sosial dengan penduduk asli. Adaptasi, adalah peringkat penyesuaian pendatang dalam masyarakat tempatan yang paling rendah. Ia tidak memerlukan hubungan rapat dengan ahli masyarakat tempatan, dan juga tidak meningkatkan keperluan untuk mewujudkan jalinan dalam kumpulan menengah, apatah lagi memasuki ke dalam kumpulan utama masyarakat tempatan. Adaptasi biasanya merujuk kepada biologi asas dan keadaan ekonomi yang membolehkan keberlangsungan hidup.

Tahap seterusnya adalah tentang "kemasukan" pendatang ke dalam kumpulan majoriti adalah integrasi. Integrasi bermaksud proses dan keadaan seseorang pendatang sebagai individu dan kumpulan dalam mewujudkan hubungan yang agak mantap dengan anggota masyarakat tempatan dengan mengambil kira dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, di samping tidak meninggalkan identiti kebangsaan mereka sendiri. Integrasi terutamanya merujuk kepada hubungan sosial. Ia menerangkan fungsi individu atau kumpulan dalam persekitaran sosial yang baharu. Dalam keadaan tersebut, seseorang pendatang sekurang-kurangnya menikmati keselamatan ekonomi pada tahap minimum dan telah mencapai sekurang-kurangnya tahap sederhana tentang penguasaan

bahasa dan kecekapan budaya. Integrasi bermakna, berusaha untuk menjadikan diri sebagai sebahagian daripada masyarakat sekeliling. Apa yang diperlukan untuk integrasi adalah masyarakat persekitaran yang mampu untuk memudahkan kehidupan pendatang di persekitaran baharu mereka. Ini diandaikan bahawa masyarakat tempatan dapat memainkan peranan aktif dalam membantu pendatang menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan. Ini bermakna penilaian semula yang sedia ada tentang tradisi dan budaya, dengan proses memohon untuk kedua-dua pihak iaitu pendatang dan majoriti dalam masyarakat.

Peringkat terakhir kemasukan pendatang ke dalam masyarakat tempatan adalah asimilasi. Secara etimologi, asimilasi ertinya ialah menjadi sama. Ia adalah satu proses yang berpunca daripada hubungan dengan kaum yang berlainan budaya. Apabila tingkah laku kumpulan minoriti mengalami perubahan seperti budaya dan jati diri kumpulan lain yang mereka amalkan, ahli kumpulan minoriti boleh diserap ke dalam majoriti. Ahli-ahli kumpulan minoriti, pendatang, secara beransur-ansur berhenti untuk berbeza budaya dan sosial daripada masyarakat tempatan. Kepudaran perbezaan etnik dalam kes ini disertakan dengan wasiat untuk menukar identiti dan secara amnya, dengan penerimaan transformasi ini bagi pihak majoriti. Asimilasi adalah sentiasa menjadi satu proses satu hala, yang berhasrat untuk membuat ahli-ahli minoriti atau kumpulan etnik imigran menjadi sebahagian daripada masyarakat majoriti. Asimilasi biasanya merujuk kepada sfera identiti diri dan budaya. Menurut beberapa pandangan, asimilasi merupakan peluang kehidupan yang lebih baik untuk ahli-ahli kumpulan minoriti (meninggalkan ghetto kaum, lenyap dari etno-kelas); orang lain melihatnya sebagai bahaya kepada majoriti (gangguan kesucian etnik) dan pengkhianatan minoriti etnos (iaitu tidak setia kepada tradisi).

Berdasarkan konsep-konsep tersebut, pengkaji mengadaptasikannya untuk meneliti survival masyarakat Melayu Bangkok dan kawasan sekitarnya. (Sila lihat Gambarajah 1.3, pengadaptasian konsep-konsep untuk menjalankan kajian ini.)



Gambarajah 1.3 : Konsep Asas dalam Kajian yang Diubahsuaikan oleh Pengkaji

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan adalah kualitatif. Kaedah kepustakaan, pemerhatian, pemerhatian ikut serta, dan temu bual adalah metod mendapatkan data kualitatif tersebut.

1.9.1 Kaedah Kepustakaan

Dalam melengkapkan kajian tesis ini, pengkaji melakukan kajian berbentuk keperustakaan untuk mendapatkan maklumat sokongan dan data yang diperlukan. Antara bahan yang digunakan di perpustakaan ialah buku, makalah, kertas kerja, jurnal, ensiklopedia, tesis, dan juga keratan akhbar yang berkaitan dengan tajuk tesis ini. Tulisan utama yang digunakan oleh pengkaji ialah bahan-bahan yang berkaitan dengan komuniti Melayu dan bahan-bahan yang berkaitan dengan orang Melayu Muslim di kawasan Tengah Thailand seperti Maxwell W.E.,⁷⁰, Raymond Scupin⁷¹, Surin Pitsuwan⁷², Wyatt David K.⁷³, Sawvane Jitmoud⁷⁴, Gilquin Michel⁷⁵, Francis R. Bradley⁷⁶, dan Worawit Baru⁷⁷.

Pengkaji mendapati banyak bahan rujukan dari Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Kebangsaan Thailand, Perpustakaan John F.Kenedy (Universiti Prince of Songkhla), Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Pridi Phanomyong Universiti Thammasat dan Perpustakaan Universiti Chulalongkorn. Bahan-bahan ini digunakan di seluruh peringkat kajian dan penulisan terutamanya dalam bab yang kedua yang berkaitan dengan latar belakang sejarah Komuniti Melayu Muslim di kawasan Tengah Thailand. Kaedah penyelidikan sejarah diaplikasikan dalam melaksanakan kajian ini. Kaedah kajian ini lebih memberi penekanan kepada kaedah pengumpulan data secara komprehensif.

1.9.2 Pemerhatian

Untuk mengetahui pelbagai perspektif dan memahami jalinan yang berlaku antara perspektif-perspektif yang berbeza dalam masyarakat minoriti Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya. Kaedah ini digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan dan merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenal pasti. Pengkaji memerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat. Pengkaji mengutip data tanpa perlu mewujudkan apa-apa interaksi dengan masyarakat minoriti Melayu atau persekitarannya. Pemerhatian cara ini adalah digunakan pada peringkat awal.

1.9.3 Pemerhatian Ikut Serta

Selepas data mencukupi, pengkaji menjalankan cara pemerhatian ikut serta iaitu melibatkan diri dalam persekitaran dan aktiviti-aktiviti masyarakat Melayu untuk mempelajari bagaimana pengalaman ketika berada dalam dunia dan kehidupan sebenar mereka. Ketika menjalankan Pemerhatian Ikut Serta, pengkaji juga melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti masyarakat Melayu tetapi kekal menjadi orang luar untuk membolehkan pengkaji membuat laporan secara objektif.

Pengkaji memasuki komuniti Melayu dalam kawasan kajian yang terdapat populasi yang boleh memberi jawapan kepada soalan kajian. Kemudian pengkaji terus bertindak secara natural dalam persekitaran mereka. Sebagai persediaan kepada proses pemerhatian, pengkaji mengenalpasti individu yang dapat memberikan maklumat terbanyak kepada soalan kajian. Dalam Pemerhatian Turut Serta, pengkaji membina hubungan dan seterusnya berinteraksi dengan individu-individu dalam masyarakat

minoriti Melayu untuk membantu pengkaji memahami fenomena-fenomena yang diperhatikan.

1.9.4 Temu Bual

Dalam kaedah temu bual ini, William J. Samarin mengatakan bahawa pertemuan antara informan dengan penyelidik merupakan satu rangkaian isyarat yang penting supaya perhubungan mereka tidak berlaku sebarang halangan. Kerjasama daripada informan sangat penting bagi kaedah ini. Pengkaji akan menjalankan temu bual dengan memilih beberapa orang informan daripada beberapa komuniti kajian untuk memperoleh maklumat atau keterangan yang diperlukan.⁷⁸

Melalui kaedah temu bual ini, pengkaji menggunakan teknik “memasang telinga dan mendengar secara pilihan”. Objektif kaedah ini ialah untuk merekod apa-apa yang dituturkan orang kepada mereka atau kepada pekerja lapangan tanpa dipandu, iaitu secara perbualan biasa. Pengkaji memulakan temu bual dengan memperkenalkan diri pengkaji sendiri. Seterusnya, pengkaji memberitahu tujuan kajian dan kepentingan kajian yang akan dijalankan untuk memaklumkan kepada informan sebelum temu bual dimulakan.

1.9.4.1 Temu Bual Formal

Temu bual formal dijalankan dalam kalangan orang Melayu Bangkok yang sudah menempa kejayaan pada masa sekarang. Dua orang informan yang berjaya mengikuti setiap institusi sosial akan dipilih sebagai wakil kumpulan orang Melayu Bangkok. Kejayaan mereka itu mesti telah diiktiraf oleh orang ramai bukan sahaja dalam kalangan orang Melayu atau masyarakat Muslim tetapi termasuk juga masyarakat Thai sebagai kumpulan majoriti di kawasan berkenaan. Mereka akan ditemu bual secara

rasmi untuk melihat faktor-faktor yang membolehkan seseorang Melayu itu dapat meraih kejayaan. Data ini sangat penting bagi melihat perubahan dan pembangunan serta pemikiran kekeluargaan sehingga mereka mendapat kejayaan. Temu bual formal ini juga dijalankan dalam kalangan sejarawan serta ahli akademik yang menjalankan penyelidikan berkaitan dengan orang Melayu Bangkok secara langsung dan tidak langsung. Maklumat yang didapati akan digunakan untuk dijadikan sumber perbincangan dalam kajian ini serta memperlihatkan pandangan mereka terhadap survival minoriti Melayu di Bahagian Thailand Tengah.

1.9.4.2 Temu Bual Tidak Formal

Temu bual tidak formal pula dilakukan dalam kalangan sejarawan, penduduk, dan ketua-ketua kampung Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya untuk mendapatkan respon kepada soalan-soalan kajian. Maklumat tidak formal ini akan digunakan untuk memperlihatkan survival masyarakat minoriti Melayu Bangkok dalam setiap institusi serta taburan dan perkembangan penduduk dan kampung-kampung Melayu di tengah-tengah masyarakat Thai.

Pemilihan informan adalah berdasarkan kepada pertuturan seseorang informan itu untuk mewakili komuniti atau daerah populasi. Pengkaji akan memilih beberapa orang informan daripada setiap komuniti untuk memperoleh maklumat atau keterangan yang diperlukan tentang sejarah serta kehidupan mereka. Pertimbangan yang sering dilakukan terhadap pemilihan seseorang informan berdasarkan beberapa faktor seperti umur, jantina, dan latar belakang pendidikan.

1.10 Pembahagian Bab

Pada keseluruhannya tesis ini mengandungi enam bahagian besar atau enam bab. Setiap bab dibahagikan kepada beberapa subtajuk yang merupakan komponen-komponen perbincangan untuk mendapatkan jawapan kepada tujuan kajian dan tema-tema yang tertentu untuk mencari jawapan kepada tujuan kajian.

Bab Satu, menjelaskan latar belakang kajian; termasuk tujuan kajian, skop kajian, kajian terdahulu, kerangka konseptual, dan kaedah-kaedah penyelidikan.

Bab Dua, membincangkan latar belakang sejarah masyarakat Melayu di persekitaran Bangkok untuk mengenalpasti asal-usul mereka semenjak dua ratus tahun yang lalu hingga sekarang. Dalam bab ini juga akan dikemukakan sejarah daripada perspektif dua pihak; iaitu pihak orang Melayu yang ditakluki oleh kerajaan Siam dan pihak kerajaan Siam. Perbandingan ini akan memperlihatkan perbezaan sejarah di antara kedua-duanya.

Bab Tiga, membincangkan mengenai survival dan kejayaan masyarakat minoriti Melayu di persekitaran Bangkok semasa pemerintahan monarki dinasti *Rattanakosin* yang merangkumi pemerintahan enam orang Raja Siam; iaitu Raja Rama I hingga Raja Rama VI (1782M-1932M). Hasil penyelidikan memperlihatkan bahawa dasar-dasar kerajaan adalah faktor utama yang mempengaruhi survival orang Melayu dan masyarakat Melayu di bahagian Tengah Thailand. Oleh sebab itu, untuk memperlihatkan survival dan kejayaan mereka sepanjang tempoh pemerintahan monarki, penentuan, dan pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan survival Melayu serta survival orang Melayu berdasarkan dasar-dasar tersebut akan dibincangkan di dalam bab ini.

Bab Empat, membincangkan survival dan kejayaan masyarakat minoriti Melayu di persekitaran Bangkok semasa pemerintahan demokrasi. Survival masyarakat Melayu selepas penukaran sistem pemerintahan negara pada tahun 1932M hingga sekarang turut dibincangkan. Pada zaman tersebut orang Melayu menghadapi masalah besar dengan pelaksanaan dasar kerajaan Siam yang berbentuk nasionalisme untuk meng-Thai-kan golongan minoriti berlandaskan agama Buddha. Bagaimana cara penyelesaian masalah akan dibincangkan juga di dalam bab ini.

Bab Lima, membincangkan faktor-faktor yang membolehkan orang Melayu di persekitaran Bangkok meraih kejayaan sepanjang tempoh mendiami kawasan ini. Faktor-faktor kejayaan pada zaman sebelum ini akan dibincang melalui maklumat dan sumber sejarah serta maklumat daripada temu bual di lapangan. Manakala perbincangan tentang faktor-faktor kejayaan masyarakat Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya sekarang akan dilakukan melalui temubual terhadap orang-orang Melayu yang berjaya. Dua orang yang berjaya berdasarkan setiap institusi sosial akan ditemu bualkan untuk mendapatkan faktor-faktor tersebut. Ia adalah sebagai panduan kepada kumpulan etnik yang mahu mendapat kejayaan.

Bab yang terakhir ialah Bab Enam sebagai bab penutup dan perbincangan hasil kajian yang dijalankan dalam kajian ini.

Nota Hujung

- ¹Banphot Virasai. (1981). *การเมืองระหว่างประเทศในเอเชียตะวันออกเฉียงใต้(International politics in Southeast Asia)*, Bangkok: Rong Phim D&S, hal. 286.
- ²Gilquin, Michel. (2005). *The Muslims of Thailand*. Trans. M. Smithies., Chiang Mai: Silkworm Books, hal. viii.
- ³Patani adalah sebuah Kerajaan Melayu di bahagian Pantai Timur sebelum ditakluk oleh kerajaan Siam. Kawasanya meliputi tiga wilayah di Selatan Thailand dan empat daerah di wilayah Songkla iaitu, Wilayah Pattani, Yala dan Naratiwat. Manakala, empat daerah tersebut ialah Daerah Thepa, Nathawi, Sabayoi dan Cana. Kebanyakan pengkaji masih keliru tentang perkataan “Patani” dan “Pattani”. Pattani itu hanya sebuah wilayah di bawah sistem pentadbiran kerajaan sahaja.
- ⁴Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Hizbi, hal. 96.
- ⁵Samai Charoenchang. (2012). *ย้อนรอยมุสลิมสยาม (Menjejak Semula Muslim Siam)*, Bangkok: Mulanithi Pua Pattana Yaowachon Su Phawa Phoo Nam.
- ⁶Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal. 96.
- ⁷Chokchai Wongtanee. (2011). *มลาญบางกอก/นายนากะฮะฮะ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/จีนเย (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae)*. *Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies*, Vol 2 (3), hal. 407.
- ⁸Umayyah, Haji Umar. (2003). *The assimilation of Bangkok-Melayu communities in Bangkok metropolis and surrounding areas*, Kuala Lumpur: Allwrite Sdn. Bhd., hal. 22
- ⁹Jumlah ini ialah jumlah yang telah dianggar dan sudah termasuk orang Melayu yang mendiami kawasan ini pada zaman Ayutthaya serta tawanan perang yang dibawa dari negeri-negeri Melayu ke Bangkok pada tahun 1786M (4,000 orang), 1791M (Tak dinyatakan jumlah) dan pada tahun 1832M (6,000) orang. Rujukan Mohd Zamberi A. Malek (1993M)
- ¹⁰Didapati daripada Setiap Pejabat Pentadbiran Wilayah di bahagian Thailand Tengah yang didiami oleh orang Melayu.
- ¹¹Likhit Teerawekhin. (1978). *ชนกลุ่มน้อยในประเทศไทย (Minoriti Di Thailand)*. Bangkok: Phraephitya, hal. 12-15.
- ¹²Umayyah, Haji Umar. (2003). *The assimilation of Bangkok-Melayu communities in Bangkok metropolis and surrounding areas*, Kuala Lumpur: Allwrite Sdn. Bhd.
- ¹³Chokchai Wongtanee. (2011). *มลาญบางกอก/นายนากะฮะฮะ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/จีนเย (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae)*. *Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies*, Vol 2 (3), hal. 402-473.
- ¹⁴Siti Munirah Kasim. (2014). *Sosio Budaya dan Identiti Etnik Melayu di Thailand: Kajian Perbandingan antara Melayu Bangkok dengan Melayu Patanni*. Disertasi Sarjana Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- ¹⁵Siti Munirah Kasim & Mala Rajo Sathian. (2013). Bertunjangkan Akar yang Sama, Pokaknya Tidak semestinya Serupa: Identiti keMelayuan Melayu Bangkok. *Manusia dan Masyarakat*. (23).
- ¹⁶Nik Abdul Rakib bin Nik Hassan. (2003). Patani Malay Diaspora. *The Phantasm in Southern Thailand: Historical on Patani and the Islam World*, Vol.2.
- ¹⁷Nattapong Boonlue. (2009). *ผลกระทบของการพัฒนากับการรักษาอัตลักษณ์ของชาวมุสลิมเชื้อสายมาเลย์ในพื้นที่กรุงเทพมหานครและปริมณฑล (Kesan Pembangunan ke atas Pengekalan Identiti Muslim Berketurunan Melayu di Bangkok dan Metropolitan)*. *Proceedings of the Academic Conference On Political Sciences*, International Convention Prince of Songkla University, 1-2 December 2009.
- ¹⁸Scupin Raymon. (1978). *Thai Muslim in Bangkok: Islam and Modernization In a Buddish Society*. PhD. Dissertation, Department of Anthopology, University of California, Santa Barbara.
- ¹⁹Sawvane Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, Bangkok: Kongthun Sanga Rujjamporn.
- ²⁰Uri Tadmor. (1992). *Kepelbagaian Dialek Melayu di Sekitar Bangkok*. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, hal. 485
- ²¹Umayyah Haji Umar. (2009). *Bangkok Malay and the Jawi Language*. *The 16th International Congress of Anthropological and Ethnological Sciences* held on 23-31 July 2009, Khunming, China.
- ²²Chaiwat Meesantan. (2010). *Sistem panggilan dalam keluarga melayu Thai di kampung Tha-It, Nonthaburi, Thailand : Kajian sosiolinguistik*. Disertasi Sarjana Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- ²³Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- ²⁴Likhit Teerawekhin. (1978). *ชนกลุ่มน้อยในประเทศไทย (Minoriti Di Thailand)*, Bangkok: Phraephitya, hal. 12-15.

- ²⁵ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal 27-30.
- ²⁶ Swift, M.G. (1965). *Malay Peasant Society in Jelebu*. London: The Athlone Press.
- ²⁷ Djamour, J. (1959). *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, London: The Athlone Press.
- ²⁸ Hassan R.. (1955). Interethnic Marriage in Singapore : A Sociological Analysis. *Sociology and Society Research*,Jil. 25, Bil. 4.
- ²⁹ Hodder, B.W. (1959). *Man in Malaya*. London: University of London Press.
- ³⁰ Anthony Reid. (2004). Understanding Melayu (Malay) As A Source of Diverse Modern Identities, Contesting Malayness: *Malay Identity Across Boundaries*, Singapore: NUS Press.
- ³¹ Anthony Milner. (2008). *The Malay*. United: Wiley-Blackwell.
- ³² Wilson, P.J.. (1967). A Malay Village in Malaysia: Social Values and Rural Development. *Human Relation Area File*, Connecticut: New Haven.
- ³³ Provencher, R.. (1971). *Two Malay Worlds: Interaction in Urban and Rural Setting*. Berkeley: University of California Press.
- ³⁴ Hirschman, C. (1975). Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia. *American Sociological Association Monograph Series*.
- ³⁵ Mohd Aris Haji Othman. (1985). *Identiti Etnik Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- ³⁶ Mohd Aris Haji Othman. (1985). *Identiti Etnik Melayu*, hal. v.
- ³⁷ Thomas Robert K. (1982). *Minority Survival*. didapati daripada : http://works.bepress.com/robert_thomas/9.
- ³⁸ G. Retz Jeffrey. (1980). *The Survival of Ethnic Groups*. Toronto: McGRAW-HILL RYERSON LIMITED.
- ³⁹ Gluckman, G. (1960). "Tribulism in Modern Central Africa. *Cahiers d' Etudes Africanies*, Jil. I.
- ⁴⁰ Mohd Aris Haji Othman. (1985). *Identiti Etnik Melayu*, hal. 7.
- ⁴¹ Bruner. (1974). The Expression of Ethnicity in Indonesia. *Urban Ethnicity*, A. Cohen(ed.) ASA Monograph 12.
- ⁴² A.H. Maslow. (1943). *Atheory of Human Motivation, Psychological Review*, 50(4), hal. 370-396
- ⁴³ Khremer, William; Hammond, Claudia. (2013). Abraham Maslow and the pyramid that be quiled business. *BBC News Magazine*, didapati 1 Mac 2016.
- ⁴⁴ Feist, Jess; Grogory J. Feist. (2010). *Teori Keperibadian: Theories of Personality*. Salemba Humanika, hal. 331.
- ⁴⁵ Bob F. Seere. (1988). *Becoming an Effective Classroom Manager: A resource for Teacher*. SUNY Press.
- ⁴⁶ G. Goble, Frank. A Supratiknya, ed. *Mazhab Ketiga*. (1987). Psikologi Humanistik Abraham Maslow. Kunisius, hal. 71.
- ⁴⁷ Ibid.
- ⁴⁸ Ibid.
- ⁴⁹ Ibid.
- ⁵⁰ Rahmad Hidayah, Deden. Zaenudin A. Naufal, ed. (2011). *Teori dan Aplikasi Psikologi Keperibadian dalam Konseling. Ghalia Indonesia*, hal. 165-166.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² Ibid.
- ⁵³ Maslow, Abraham. (1954). *Motivation and Personality*, Harper and Row New York: New York, hal. 91.
- ⁵⁴ Thomas Robert K.(1982). *Minority Survival* , hal.1-3.
- ⁵⁵ Eshelman, J. Ross. (2000). *The Family*. Boston : Allyn and Bacon, hal. 368.
- ⁵⁶ Thio Alex and Taylor Jim. (1990). *Social Problem*. Sudbury: Jones & Bartlett, hal. 291.
- ⁵⁷ Persell, H.P. & Cooksen P.W. (1991). Race and Class in America's elite preparatory Boarding School : African American as the "outsider within". *The Journal of Negro Education*, 60(2), hal. 219- 281.
- ⁵⁸ Hess, B.B., Markson, E. W.,& Stein P.J. (1988). *Sociology*, (3rd Edition), New York : Macmillan, hal.331.
- ⁵⁹ Nganpis Sattayasangan. (2000). สถาบันครอบครัวของกลุ่มชาติพันธุ์ในกรุงเทพมหานคร: กรณีศึกษาครอบครัวฉวน(Institut Keluarga Kumpulan Etnik dalam Bangkok: Kajian Kes Keluarga Yuan), Bangkok: Chulalongkorn University, hal. 47.
- ⁶⁰ Mills, C.W., & H. Gerth. (1954). *Character and Social Structure*. New Youk: The Free Press, hal. 90.
- ⁶¹ Moore W. E. (1974). *Social Change*. New Jersey: Prentice Hall Englewood Cliffs, hal. 24-27.
- ⁶² Nganpis Sattayasangan. (2000). สถาบันครอบครัวของกลุ่มชาติพันธุ์ในกรุงเทพมหานคร: กรณีศึกษาครอบครัวฉวน(Institut Keluarga Kumpulan Etnik dalam Bangkok: Kajian Kes Keluarga Yuan), hal. 24.
- ⁶³ Ibid., hal. 25.
- ⁶⁴ Ibid., hal. 25-27.
- ⁶⁵ Ibid., hal. 29-30.

⁶⁶Ibid., hal. 48.

⁶⁷ Ibid., hal. 33.

⁶⁸ Ibid., hal. 34.

⁶⁹Małgorzata Budyta-Budzyńska. (2011). Adaptation, integration, assimilation – an attempt at a theoretical approach. **Integration or assimilation? Strategies of becoming a member of a new community: case of Polish immigrants in Iceland**, A project carried out in collaboration with The Research Center on International Migration and Ethnic Relations, University of Iceland (RCIMER), 2011, hal.44-46, didapati daripada : <http://migracje.civitas.edu.pl/index.php/en/>

⁷⁰Maxwell, W.E. (1907). *A Manual of the Malay Language with an Introductory Sketch of the Sanskrit Element in Malay*. London : Kagen, Paul, Trench.

⁷¹Scupin Raymon. (1978). **Thai Muslim in Bangkok: Islam and Modernization In a Buddish Society**.

⁷²Surin Pitsuwan. (1982). **Islam And Malay Nationalism : A Case Study of the Malay-Muslim of Southern Thailand**. PhD. Thesis, Political Sciences and Middle Eastern Studies, Harvard University, Cambridge, Massachusetts.

⁷³ Wyatt, David K. (1984). **Thailand: A Short History**. London: Yale University Press.

⁷⁴ Sawvane Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม(Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*. Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn.

⁷⁵ Gilquin, Michel. (2005). **The Muslims of Thailand**. Translated by M. Smithies. Chiang Mai: Silkworm Books.

⁷⁶ Francis R. Bradley. (2010). **The Social Dynamics of Islamic Revivalism in Southeast Asia: The Rise of The Patani School, 1785-1909**, PhD. Dissertation, Department of History, University of Wisconsin-Madison.

⁷⁷Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). **Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai**.

⁷⁸William J. Samarin.1993. **Linguistik Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, , hal. 181.





BAB 2 : LATAR BELAKANG MINORITI MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan latar belakang sejarah orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya. Perbincangan akan bermula dengan demografi orang Melayu yang mendiami Bangkok dan kawasan persekitaran dan diikuti dengan pernyataan hubungan istilah Siam dan Thailand untuk memperlihatkan konteks penggunaan perkataan tersebut dengan orang Melayu yang mendiami kawasan itu.

Perbincangan seterusnya adalah latar belakang orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya sebelum zaman Rattanakosin dan pada zaman Rattanakosin. Berdasarkan maklumat yang didapati oleh pengkaji orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu orang Melayu yang mendiami kawasan ini sebelum zaman Rattanakosin dan Orang Melayu yang mendiami kawasan ini pada zaman Rattanakosin. Pembahagian ini berdasarkan kekalahan kerajaan Melayu di Thailand Selatan terutamanya kerajaan Melayu Patani di tangan kerajaan Siam pada tahun 1786M. Kekalahan tersebut telah menyebabkan ramai penduduk Melayu dibawa oleh Kerajaan Siam ke Bangkok sebagai tawanan perang. Migrasi orang Melayu dari kawasan selatan ke Bangkok terjadi sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1786M, 1791M, dan 1832M. Migrasi ini bukan sahaja memberi kesan perubahan besar terhadap masyarakat Melayu di Bahagian Tengah Thailand yang telah sedia ada di kawasan ini tetapi juga menyebabkan perubahan besar dari segi demografi terhadap semua masyarakat Islam di Bahagian Thailand Tengah. Dengan jumlah tawanan yang ramai iaitu lebih daripada 13,000 orang menyebabkan Masyarakat Islam di Kawasan Thailand Tengah berkembang dengan cepat.

Penempatan dan taburan penduduk serta kedudukan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya selepas migrasi adalah perkara seterusnya yang dibincangkan dalam bab ini. Tujuan perbincangan adalah untuk mengetahui keadaan tawanan perang Melayu dan kedudukan serta perkembangan masyarakat Melayu selepas mereka tiba di Bangkok.

Sebelum migrasi besar, terdapat maklumat yang membuktikan bahawa kawasan Thailand Tengah terutamanya di wilayah Ayutthaya iaitu ibu negara Siam zaman Ayutthaya telah didiami oleh orang Islam pelbagai bangsa. Orang Melayu juga merupakan salah satu etnik yang mendiami kawasan tersebut pada masa itu. Masyarakat Melayu pada zaman itu tidak berkembang dan tidak dikenali oleh orang ramai. Mereka hanya menjadi peniaga kecil dan tidak memberi apa-apa kesan terhadap masyarakat majoriti Thai.

Perkataan orang Melayu Bangkok belum lagi digunakan untuk merujuk kepada orang yang beretnik Melayu yang mendiami Kawasan Tengah Thailand sebelum zaman Rattanakosin. Perkataan ini digunakan selepas migrasi besar tawanan perang dari Patani ke Bangkok yang menjadi ibu negara baharu Siam selepas kerajaan Rattanakosin ditubuhkan. Sebaliknya sekarang perkataan orang Melayu Bangkok digunakan untuk menggelar semua penduduk yang beretnik Melayu di Bangkok dan kawasan-kawasan sekitarnya tanpa mengambil kira zaman.

Sehubungan itu, di bahagian akhir, bab ini akan membincangkan beberapa kisah lisan yang sedih dan menyayat hati dalam kalangan komuniti Melayu Bangkok, khasnya berkisar sejarah sosial silam yang dialami mereka setelah kerajaan Patani ditakluk oleh kerajaan Siam. Juga, dibincangkan kekejaman dan kezaliman kerajaan Siam terhadap

orang Melayu yang menjadi tawanan perang yang dibawa oleh kerajaan Siam ke kawasan Thailand Tengah. Cerita-cerita tersebut dianggap sebagai cerita yang berkaitan dengan sejarah sosial silam yang paling popular dalam kalangan mereka di Thailand Tengah yang terlibat dan mengalaminya sama ada dari kalangan komuniti orang Melayu mahupun komuniti orang Siam. Ia juga diceritakan oleh orang Melayu Bangkok daripada generasi awal kepada generasi selepasnya hingga sekarang. Dua buah cerita yang akan dibincangkan dalam bahagian ini adalah, pertama, peristiwa “Penyucukan Kenting Kaki Tawanan Perang Melayu” dan kedua ialah sejarah “Penggalian Terusan atau Khlong Saen Saep”.

2.2 Demografi Orang Melayu di Persekitaran Bangkok

Berdasarkan skop kajian, kawasan yang terlibat dalam kajian ini (45 kilometer dari Istana Negara) meliputi empat wilayah di bahagian tengah Thailand iaitu ibu negara Bangkok, wilayah Nonthaburi, Pratumthani dan Samutprakarn. Sebelum latar belakang sejarah orang Melayu di kawasan ini dibincangkan, pengkaji akan mengemukakan latar belakang wilayah-wilayah dan demografi mereka dalam kawasan tersebut secara ringkas.

2.2.1 Bangkok

Bangkok adalah ibu negara dan kota yang mempunyai penduduk paling ramai di Thailand. Kota ini merupakan pusat pentadbiran, pendidikan, pengangkutan, perekonomian, komunikasi dan kemajuan negara.

Bangkok mempunyai kawasan yang keluasanya kira-kira 1,568.737 kilometer persegi dan bersempadan dengan beberapa wilayah di Bahagian Tengah negara iaitu utara bersempadan dengan wilayah Pratumthani, timur bersempadan dengan wilayah

Chachengsao, barat bersempadan dengan wilayah Samutprakarn dan Teluk Thai serta selatan bersempadan dengan wilayah Nakhonprathom dan Samutsakorn.

Bangkok diperkembangkan dan dijadikan ibu negara Siam¹ sewaktu dua zaman pemerintahan, iaitu zaman Thonburi pada tahun 1768M dan zaman Rattanakosin pada tahun 1782M. Terdapat kepercayaan bahawa nama Bangkok berasal daripada *Bang Makok* (บางมะกอก). *Bang* (บาง), sebutan dalam bahasa Thai bermaksud bahagian Tengah untuk kota atau desa yang bertempat di tepi sungai, dan *Makok* (มะกอก) adalah sebutan dalam bahasa Thai untuk pokok zaitun. Jadi, Bangkok adalah kawasan di tepi sungai yang mempunyai banyak pokok zaitun. Terdapat juga pandangan yang dipercayai bahawa nama Bangkok itu diambil berdasarkan daripada perkataan *Bang Koh* (บางเกาะ), “Koh” bermaksud "Pulau", yang merujuk kepada suatu kawasan yang mempunyai banyak pulau di tengah sungai.²

Setelah kejatuhan kerajaan Ayutthaya akibat serangan Kerajaan Burma pada tahun 1767M, maka Siam dikuatkuasakan semula oleh *Maha Raja Taksin*, baginda mendirikan kota Thonburi sebagai ibu negara baharu (sekarang adalah sebuah daerah di Bangkok). Ketika zaman pemerintahan *Maha Raja Taksin* berakhir pada tahun 1782M, *Raja Buddha Yodfa Chulalok* (Raja Rama I zaman *Rattanakosin*) menubuhkan Bangkok yang terletak di sebelah Timur sungai *Chaophraya* sebagai ibu negara baharu dan memberikannya nama rasmi “**กรุงเทพมหานครรัตนโกสินทร์มหินทรายุทธยามหาดิลกภพนพรัตน์ราชธานีบุรีรมย์อุดมราชธานีเวศน์มหาราชธานีอวมรพิมานอวตารสถิต สักกะทัตติยวิษณุกรรมประสิทธิ์**” dibaca “*Krung Thep Mahanakhon Amon Rattanakosin Mahinthara Yuthaya Mahadilok Phop Noppharat Ratchathani Burirom Udomratchaniwet Mahasathan Amon Piman Awatan Sathit Sakkathatiya Witsanukam*

Prasit” dan kemudian disingkatkan menjadi nama rasmi sekarang iaitu *Krung Thep Maha Nakhon*. Namun, kota baru tersebut juga dikenali dengan nama Bangkok, yang terus digunakan oleh orang-orang asing yang merujuk kepada seluruh kota dan menjadikannya nama rasmi dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, sedangkan dalam bahasa Thai nama Bangkok tetap merujuk kepada kota lama di tepi tebing Barat sungai Chaophraya. Semenjak saat itu kota tersebut telah dibangunkan dengan pesat dan dimodenkan. Bandar ini mengalami banyak perubahan, termasuk pengenalan sistem pengangkutan dan infrastruktur pada masa pemerintahan Raja Rama IV dan Raja Rama V. Bandar ini dengan cepat menjadi pusat perekonomian negara.³


Bangkok mempunyai sistem pentadbiran yang berbeza daripada sistem pentadbiran wilayah-wilayah lain. Kota ini terdiri daripada 50 buah daerah. Pentadbirannya dianggap sebagai Pentadbiran Tempatan Khas dengan pemilihan Gabernornya secara langsung dibuat oleh penduduk untuk memegang jawatan dalam tempoh empat tahun.

Menurut data statistik penduduk pada tahun 2013M, Bangkok mempunyai penduduk tetap seramai 5,686,252 orang yang terdiri daripada 2,694,921 orang lelaki dan 2,991,331 orang perempuan.⁴ Jumlah ini tidak termasuk penduduk dari wilayah lain yang mendiami Bangkok untuk bekerja. Dari segi agama penduduk yang beragama Buddha adalah majoriti sebanyak 92 peratus diikuti dengan penduduk beragama Islam enam peratus (400,000 orang) dan penduduk beragama Kristian 1.3 peratus.⁵

Penduduk Muslim di Bangkok terdiri daripada pelbagai etnik seperti Cam (Khmer), Arab, Parsi, India dan Melayu.⁶ Golongan Islam daripada etnik Melayu yang dikenali dengan sebutan orang Melayu Bangkok adalah kumpulan majoriti dengan

kadar 90% daripada jumlah penduduk Muslim di seluruh Bangkok. Pada masa ini terdapat 184 buah masjid yang terletak di dalam kawasan Bangkok. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 176 buah masjid telah didaftarkan secara rasmi dengan Pejabat Agama Islam Thailand, dan 13 buah lagi belum didaftarkan. Daerah Nongcok adalah daerah yang paling banyak memiliki masjid, iaitu sebanyak 45 buah. Daerah ini juga mempunyai penduduk Melayu paling ramai. Manakala daerah-daerah lain, seperti daerah Minburi mempunyai 14 buah masjid, daerah Suanluang dan Prawet 11 buah dan daerah Thung-kru 10 buah.⁷

Orang Melayu di Bangkok menetap di 29 buah daerah, terutamanya daerah-daerah di sekeliling Khlong Saen Saep. Sekurang-kurangnya terdapat tiga buah daerah di Bangkok yang majoriti penduduknya beretnik Melayu di peringkat kawasan, iaitu Minburi, Nongcok dan Thungkru. Selain daripada tiga buah daerah tersebut, orang Melayu bertaburan mendiami daerah-daerah Dusit, Bangkholaem, Bangrak, Pratumwan, Phomprabsatrupay, Phranakorn, Phayathai, Sathon, Suanluang, Prawet, Watthana, Khannayaw, Dindaeng, Bangkapi, Bungklum, Wangthonglang, Huaikhwang, Khlongsamwa, Ladkrabang, Khlongsan, Jomthong, Thonburi, Bangkoknoi, Bangkokyai dan Bangplad. (Sila lihat Peta 2.1 untuk menunjukkan taburan kawasan yang didiami oleh orang Melayu di Bangkok.



Peta 2.1 : Kawasan Bangkok yang Didiami oleh Orang Melayu
 Sumber: Diadaptasi dari <http://th.wikipedia.org/wiki/กรุงเทพมหานคร>

- | | | | | |
|---------------------|--------------------|----------------------|-----------------|--------------------|
| 1. Phanakhorn | 11. Ladkrabang | 21. Bangkhuntian | 31. Bangkholaem | 41. Laksi |
| 2. Dusit | 12. Yanawa | 22. Phasijaroen | 32. Prawet | 42. Saymai |
| 3. Nongcok | 13. Sanmpanthawong | 23. Nongkheam | 33. Khlongtoey | 43. Khannayao |
| 4. Bangrak | 14. Phayathai | 24. Ratburana | 34. Suanluang | 44. Saphansoong |
| 5. Bangkhaen | 15. Thonburi | 25. <u>Bang</u> plad | 35. Jomthong | 45. Wangthonglang |
| 6. Bnagkapi | 16. Bangkokyai | 26. Dindaeng | 36. Donmuang | 46. Khlongsamwa |
| 7. Patumwan | 17. Huaikhwang | 27. Bungklum | 37. Ratchathewi | 47. <u>Bang</u> na |
| 8. Phomprabsatrupay | 18. Khlongsan | 28. Sathon | 38. Ladphrao | 48. Thawiwatthana |
| 9. Phrakhanong | 19. Talingchan | 29. Bangsu | 39. Watthana | 49. Thungkru |
| 10. Minburi | 20. Bangkoknoi | 30. Catucak | 40. Bangkhaen | 50. Bangbon |

2.2.2 Wilayah Nonthaburi

Nonthaburi ialah sebuah wilayah yang terletak di bahagian tengah negara Thai. Lokasinya tidak jauh dari ibu kota Bangkok. Wilayah Nonthaburi mempunyai sejarah yang lama semenjak pimpinan *Pramaha Chakpad*⁸ zaman Ayutthaya.

Wilayah Nonthaburi mempunyai keluasan kira-kira 622.38 kilometer persegi. Wilayah ini bersempadan dengan beberapa wilayah di Bahagian Tengah Negara iaitu utara bersempadan dengan wilayah Pratumthani dan Ayutthaya, timur bersempadan dengan Bangkok, barat bersempadan dengan Bangkok dan wilayah Pratumthani serta selatan bersempadan dengan wilayah Nakhonprathom.

Wilayah Nonthaburi wujud semenjak zaman *Ayutthaya*. Pada zaman silam, Nonthaburi ialah sebuah kampung yang bernama *Ban Thalad Kuan*. Kemudian seterusnya kampung ini dikembangkan menjadi bandar *Nonthaburi* pada tahun 1549 oleh *Pramaha Cakrapad*.

Wilayah Nonthaburi merupakan salah satu daripada enam wilayah yang bersempadan dengan Bangkok iaitu wilayah Samutprakan, Nakhonprathom, Samutsakran, Pratumthani dan Chachengsao. Jarak wilayah Nonthaburi dari Bangkok ialah 20 kilometer. Wilayah ini terletak di tepi Sungai Chaopraya. Sungai Chaopraya ini juga membahagikan wilayah Nonthaburi kepada dua bahagian iaitu Tebing Sungai Barat dan Tebing Sungai Timur. Kebanyakan kawasan wilayah Nonthaburi ini telah menjadi dataran pantai.

Nonthaburi mempunyai banyak terusan yang boleh digunakan untuk menghubungkan antara satu kampung dengan kampung lain. Terusan-terusan itu

menjadi laluan untuk pengangkutan penduduk dalam wilayah ini. Selain daripada itu beberapa daerah dalam wilayah ini berfungsi sebagai pusat perindustrian negara iaitu daerah Pakkret, Bangkui, Bangyai dan Bangbuathong.

Sistem pentadbiran pemerintahan Thailand terbahagi kepada sistem wilayah. Bagi setiap wilayah itu dilantik seorang gubernor untuk menjalankan pentadbiran di dalam wilayah masing-masing. Gubernor wilayah ini dilantik oleh kerajaan Thailand. Wilayah Nonthaburi terdiri daripada enam daerah, 52 kampung dan 309 mukim. Daerah-daerah tersebut ialah daerah Muang Nonthaburi, Bangkui, Bangyai, Bangbuathong, Sainoi dan Pakkret.

Penduduk wilayah Nonthaburi terdiri daripada berbagai-bagai etnik termasuklah Thai, Cina, Mon, Kaek (Melayu) dan lain-lain. Majoriti penduduk wilayah ini adalah etnik Thai beragama Buddha. Tidak terdapat maklumat yang lengkap semenjak bila dan dari mana penduduk-penduduk yang beretnik Thai mendiami wilayah ini. Penduduk etnik Cina menduduki tempat kedua dari segi jumlah. Kumpulan Cina ini juga tidak diketahui asal usul mereka. Mungkin mereka berpindah ke kawasan ini semenjak zaman *Ayattaya* lagi. Manakala penduduk etnik Melayu dan Mon berpindah ke kawasan ini selepas dua keturunan yang disebutkan tadi. Mereka berpindah ke wilayah Nonthaburi semenjak zaman *Ayutthaya*, zaman *Thonburi* dan awal *Rattanakosin*. Menurut Kamus *Geography Thai*, kemasukan penduduk etnik Mon dan Melayu adalah seperti berikut:

“...dalam wilayah ini, penduduk etnik Mon memasuki kawasan ini dua kali iaitu kali pertama pada tahun 1774M zaman *Somdej Pracao Taksin Maharaj* dan kali yang kedua pada tahun 1815M zaman Raja Rama II era *Rattanakosin*.

Penduduk Melayu yang mendiami kampung *Bang Tanawsri*, *Tha-it* berasal dari Patani. Mereka berpindah ke Nonthaburi pada zaman *Ayutthaya*. Manakala, penduduk etnik Melayu yang tinggal di

kampung Bang Kraso berasal dari Saiburi dan mendiami kawasan ini pada zaman Raja Rama II era Rattanakosin.”⁹

Menurut pangkalan data penduduk, pada tahun 2013M, wilayah Nonthaburi mempunyai penduduk seramai 1,156,271 orang. Dari segi jantina penduduk lelaki seramai 542,196 orang dan perempuan 615,075 orang. Majoriti penduduk wilayah Nonthaburi beragama Buddha iaitu 89.75 peratus. Penduduk beragama Islam sebanyak 6.91 peratus (80,000 orang) dan diikuti oleh penduduk beragama Kristian 1.16 peratus dan penduduk beragama lain-lain 2.15 peratus.¹⁰

Wilayah Nonthaburi adalah salah satu wilayah yang didiami oleh orang Melayu. Semua penduduk Muslim di wilayah Nonthaburi ini percaya bahawa mereka beretnik Melayu kerana tidak terdapat maklumat tentang kedudukan orang Muslim beretnik lain di wilayah ini. Mereka tinggal di kawasan empat buah daerah iaitu Daerah Bangbuathong, Daerah Pakkret, Daerah Sainoi dan Daerah Muang Nonthaburi. Terdapat empat buah mukim di dalam Daerah Bangbuathong yang mereka diami, iaitu Mukim Phimolrach, Mukim Lahan, Mukim Bangbuathong dan Mukim Sanoloi. Dua buah mukim di Daerah Pakkret ialah Tha-it dan Bang Talad. Tiga buah mukim di Daerah Muang Nonthaburi ialah Mukim Suan Yai, Mukim Tha-sai dan Mukim Bangkaso. Dua buah mukim di Daerah Sanoloi ialah Mukim Thawiwattana dan Mukim Khunsri.¹¹ Bukti yang menjelaskan mereka mendiami kawasan tersebut adalah dengan kewujudan masjid-masjid yang menjadi tempat ibadat mereka.

Dalam kajian Uri Tadmor yang bertajuk “Kepelbagaian Dialek Melayu di Sekitar Bangkok”¹². Beliau menyusun sejarah masyarakat penutur Bahasa Melayu di wilayah Nonthaburi. Terdapat empat buah kampung yang masih bertutur bahasa Melayu. Antaranya ialah;

1. Kampung Tha-it (Jeti Batu-bata) terbina di atas dua belah tebing Sungai Omkred, sebatang anak sungai Chao Phraya di daerah Pakkred. Secara pentadbiran rasmi, Tha-it mempunyai sebelas buah desa, tetapi semua bahagian pentadbiran kawasan ini terbentuk sebagai sebuah masyarakat. Bahasa Melayu dituturkan penduduk di bahagian tengah kampung ini, yang secara rasmi dinamai “Desa Enam” dan ”Desa Sepuluh”. Ia memperlihatkan bahagian tengah kampung ini merupakan kawasan yang tertua yang telah wujud semenjak lebih kurang 200 tahun yang lalu. Kampung ini merupakan kampung Melayu tertua di Nonthaburi.


2. Kampung Surau Khiaw (Masjid Hijau) terletak di sepanjang Parit Lamri di Bangbuathong. Secara rasmi kampung ini bernama Desa Lapan, Mukim Lahan. Dapat dikatakan bahawa seluruh mukim ini didiami oleh orang Melayu, akan tetapi bahasa Melayu hanya dituturkan di sekitar bangunan Masjid Hijau. Menurut pemaklum, nenek moyang mereka berasal dari Tha-It.

3. Kampung Surau Daeng (Masjid Merah) terletak di tepi Terusan Ladkhon. Dalam pendaftaran kerajaan kampung ini dikenali sebagai Desa Tujuh, Mukim Lahan. Kampung ini dianggap kampung yang didiami oleh penduduk yang berasal dari Tha-it juga.

4. Kampung Surau Klang (Masjid Tengah) terletak di pinggir Parit Phrapimon; nama lamanya Rong Suat. Nama ini mungkin menunjukkan bahawa kampung tersebut telah didirikan oleh orang Melayu yang juga berasal dari Kampung Tha-it. Menurut orang-orang tua di Surau Klang, nenek moyang mereka berpindah dari Tha-it lebih kurang seratus tahun yang lalu. Secara pentadbiran, kampung ini terbahagi

kepada dua buah desa: iaitu di tebing Utara, Desa Lapan, Mukim Bangbuathong; dan di tebing Selatan, Desa Dua Puluh Tiga, Mukim Phimonrat.

Sekarang wilayah Nonthaburi mempunyai 19 buah masjid yang terletak di dalam empat buah daerah. Taburan masjid tersebut adalah, 11 buah di Daerah Bangbuathong, dua buah di Daerah Parkket, empat buah di Daerah Muang Nonthaburi dan dua buah di Daerah Sainoi.¹³ Sila lihat Peta 2.2 untuk merujuk kawasan yang mereka diami di wilayah Nonthaburi.



Peta 2.2 : Kawasan Wilayah Nonthaburi yang Didiami oleh Orang Melayu

Sumber: The World Factbook (2006). *Thailand*.

<http://www.cia.gov/cia/pulications/factbook/geos/th.html>.

(Search date: 10/03/2013)

2.2.3 Wilayah Prathumthani

Wilayah Prathumthani juga merupakan sebuah wilayah yang terletak di Bahagian Tengah Thailand dan mempunyai sungai yang mengalir melaluinya. Wilayah ini juga mempunyai sejarah yang lama sekurang-kurangnya 300 tahun.

Wilayah Prathumthani mempunyai keluasan kira-kira 1 5 2 5 . 8 5 6 kilometer persegi dan jaraknya dari ibu negara Bangkok kira-kira sejauh 27.8 kilometer. Wilayah ini bersempadan dengan beberapa wilayah di Bahagian Tengah Negara iaitu utara yang bersempadan dengan wilayah Ayutthaya dan Saraburi, timur bersempadan dengan wilayah Nakhonnayok dan Chachengsao, barat bersempadan dengan wilayah Ayutthaya, Nakhonpathom dan Nonthaburi serta selatan bersempadan dengan Bangkok.

Pada tahun 1659M zaman Ayutthaya pimpinan *Maha Raja Somdej Phra Narai*, Mang Nanthamit merampaskan keluarga Mon dari bandar Muktama dan melarikan diri dari peperangan di Burma ke negara Siam. *Phra Narai* menitahkan para penduduk Mon yang menyelamatkan diri mendiami kawasan Ban Sam Khok. Kemudian, pada zaman Thonburi bawah pimpinan *Maharaja Taksin*, terjadi sekali lagi migrasi penduduk etnik Mon melarikan diri dari Burma ke Siam dan mereka juga ditempatkan di kawasan yang sama dengan migrasi sebelum itu, iaitu di Ban Sam Khok. Pada zaman Rattanakosin pimpinan Raja Rama II Phraphutthalertlart Naphalai, berlaku migrasi besar etnik Mon dari bandar Muktama ke negara Siam untuk menyelamatkan diri. Migrasi kali ini merupakan perpindahan kali yang ketiga dan para penduduk yang bermigrasi kali ini dinamakan “Mon Yai” yang bermaksud “Mon Kumpulan Besar”. Penduduk Mon ditempatkan oleh Raja Rama II di tempat yang sama dengan penduduk Mon yang berpindah ke Siam sebelum itu, iaitu di Ban Sam Khok. Penempatan orang Mon kali yang ketiga ini telah mengembangkan Ban Samkok menjadi sebuah kota besar.

Kemudian pada 23 Ogos 1851M, Raja Rama II menitahkan supaya menukarkan nama kota Sam Khok kepada kota Prathumthani dan akhirnya pada tahun 1918M pada zaman Raja Rama VI, kota Prathumthani dikembangkan menjadi sebuah Changwad atau wilayah.¹⁴

Wilayah Prathumthani juga mempunyai Gabenor yang bertanggungjawab menjalankan pentadbiran dalam wilayahnya. Gabenor wilayah ini juga dilantik oleh kerajaan. Wilayah Prathumthani ini terdiri daripada tujuh daerah dengan 60 mukim dan 529 kampung. Daerah-daerah tersebut adalah *Muang Prathumthani*, *Khlong Luang*, *Thanyaburi*, *Nong Sua*, *Ladlumkaew*, *Lamlookka* dan *Sam Khok*.¹⁵

Menurut pangkalan data penduduk, pada tahun 2013M wilayah Prathumthani mempunyai penduduk seramai 1,005,760 orang. Dari segi jantina penduduk lelaki 478,182 orang dan perempuan 527,578 orang. Majoriti penduduk wilayah Prathumthani beragama Buddha seramai 933,882 orang (92.85 peratus), diikuti dengan penduduk beragama Islam seramai 48,000 (4.77 peratus) dan penduduk yang beragama Kristian 4,342 orang (0.43 peratus).¹⁶

Dipercayai semua penduduk beragama Islam di wilayah Prathumthani ini adalah beretnik Melayu. Mereka ditempatkan di kawasan ini pada zaman Raja Rama III selepas kemasukan orang beretnik Mon pada zaman Raja Rama II. Sekarang orang Melayu Bangkok di Prathumthani mendiami tiap-tiap daerah di wilayah ini. Daerah yang paling ramai didiami orang Melayu ini ialah daerah Lamlookka di mukim Bungkhohai, Bungkhamsoi dan Lamlookka. Manakala daerah Ladlumkaew mempunyai penduduk Melayu yang tinggal di Mukim Khubangluang, Namai dan Khukwang, daerah Muang Prathumthani di mukim Bangprok, Banchang dan Suanprikthai, daerah Khlong Luang

di mukim Khlong Nueng dan Khlong Song, daerah Sam Khok di mukim Bangphonua dan Bangtoey, daerah Nuang Sua di mukim Nongsamwang dan daerah Thanyaburi di mukim Bungnanrak.

Uri Tadmor¹⁷ juga menyatakan sejarah masyarakat penutur Bahasa Melayu di wilayah Prathumthani. Dalam kajian beliau, terdapat empat buah kampung yang mempunyai penutur Bahasa Melayu. Antaranya ialah;

1. Kampung Namai (Bidas) didirikan di tepi Terusan Phraphimon, tidak terlalu jauh dari kampung Surau Klang. Dalam peta pentadbiran, terdapat dua perkampungan, iaitu Desa Satu dan Desa Dua di Kampung Namai, Daerah Latlumkaew, Wilayah Pathumthani. Kampung Surau Daeng ini menarik kerana dialek Melayu yang dituturkan penduduknya memperlihatkan ciri-ciri dialek yang berbeza daripada ragam bahasa kampung lain di wilayah yang sama (yakni wilayah Pathumthani). Contohnya [-an] dinyatakan sebagai [-aeng]. Ini dapat dilihat dalam kata-kata seperti yang berikut:

- makan [makaeng]
- petang [petaeng]
- ikan [ikaeng]

Malahan, ragam bahasa Melayu di Namai ini hampir sama dengan dialek yang terdapat di wilayah Nonthaburi.

2. Kampung Suan Prik Thai (Ladang Lada Hitam) terletak di Terusan Prapa Koa. Meskipun kampung ini dianggap sebagai kampung Melayu yang tertua di Wilayah Pathumthani dan sebagai kampung asal semua masyarakat Melayu di wilayah itu, namun hanya beberapa buah keluarga sahaja yang kini boleh berbahasa Melayu. Menurut penduduk kampung ini, nenek moyang mereka berasal dari Kedah dan dibawa


ke sini sebagai tawanan perang oleh kerajaan Thai pada zaman Raja Rama III. Mereka sebagai orang tawanan perang dipaksa menanam dan menjaga ladang lada hitam milik kerajaan Thai. Kawasan ini masih didiami oleh mereka dengan rasminya dan lokasi yang terlibat ialah Desa Tujuh, Mukim Suan Prik Thai, Daerah Muang Pathumthani.

3. Kampung Bangpho (Pokok Ara) yang terletak di Terusan Bangpho dan Parit Bangtoei, didirikan pada tahun 1880 oleh orang yang berhijrah dari Kampung Suan Prik Thai. Dalam perhitungan pentadbiran, kampung ini terbahagi kepada beberapa buah desa di tiga daerah di wilayah Pathumthani. Kemungkinan besar Bangpho ini merupakan perkampungan yang mempunyai masyarakat Islam penutur Bahasa Melayu yang paling banyak di seluruh bahagian Tengah Thai. Di Kampung Bangpho ini tinggal tidak kurang daripada 500 buah keluarga yang hampir semua mereka terdiri daripada penutur bahasa Melayu. Kampung Bangpho ini terkenal dalam kalangan umat Islam bahagian Tengah Thai sebagai kampung yang memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu yang meluas. Di Kampung Bangpho kanak-kanak masih bertutur sesama mereka dalam bahasa Melayu. Sekolah rendah kerajaan di sini dikehendaki menyelenggarakan kelas peralihan untuk murid-murid darjah satu yang hanya dapat berbahasa Melayu, iaitu untuk anak-anak Melayu yang tidak mampu menguasai bahasa Thai, supaya penutur-penutur bahasa Melayu generasi muda ini dapat menghadapi cabaran di sekolah kerajaan yang hanya menggunakan bahasa pengantar bahasa Thai.

4. Kampung Khlong Neung (Parit Satu) terletak di sepanjang Khlong Neung. Walaupun jumlah penduduknya hampir sama banyak dengan Kampung Bangpho, namun kampung ini lebih baharu; peneroka pertamanya juga kumpulan yang berpindah dari Kampung Suan Prik Thai, dan masih berpangkat datuk kepada generasi

yang tertua di sana sekarang. Dalam daftar kerajaan, kampung Melayu ini dicatat sebagai Desa Tiga, Desa Empat dan Desa Lima, Mukim Khlong Meung, Daerah Khlong Luang.

Pada masa ini wilayah Prathumthani mempunyai 30 buah masjid meliputi tujuh buah daerah; iaitu empat buah masjid di daerah Muang Prathumthani dan daerah Khlong Luang, sebuah masjid di daerah Thanyaburi, tiga buah Masjid di daerah Nong Sua, sepuluh buah masjid di daerah Lamlookka, enam buah Masjid di daerah Ladlumkaew dan dua buah Masjid di daerah Sam Khok.¹⁸ (Sila lihat Peta 2.3 untuk merujuk kawasan yang mereka diami di wilayah Prathumthani).



Peta 2.3: Kawasan yang Didiami oleh Orang Melayu di Wilayah *Prathumthani*
Sumber: The World Factbook (2006). *Thailand*.
<http://www.cia.gov/cia/pulications/factbook/geos/th.html>.
(Search date: 10/03/2013)

2.2.4 Wilayah Samutprakarn

Wilayah Samutprakarn juga merupakan sebuah wilayah yang terletak di Bahagian Tengah Thailand dan bersempadan dengan ibu negara Bangkok. Wilayah ini dijumpai dalam catatan sejarah Thai semenjak zaman Ayutthaya.

Wilayah Samutprakarn mempunyai keluasan kira-kira 1,004 kilometer persegi dan sebagai wilayah terakhir yang dilalui sungai Chaophraya sebelum keluar ke Teluk Thai. Wilayah ini bersempadan dengan beberapa wilayah di Bahagian Tengah Thailand iaitu utara bersempadan dengan Bangkok wilayah Chachengsao, timur bersempadan dengan wilayah Chachengsao, barat bersempadan dengan Teluk Thai (Siam) serta selatan bersempadan dengan Bangkok.

Pada zaman Ayutthaya terdapat sebuah bandar yang bernama Samutprakarn dicatatkan dalam undang-undang pada tahun 1635M, tetapi dalam undang-undang tersebut tidak dinyatakan secara khusus di manakah kawasan yang terletak bandar ini. Maklumat yang didapati hanya menyatakan bahawa Samutprakarn terletak di kawasan hadapan terusan Bangplakot di sebelah kanan tebing sungai Chaophraya dan kawasan ini ditemui oleh peniaga Belanda yang singgah sebelum memasuki kota Ayutthaya. Pada zaman pimpinan *Somdej Phrajao Boromakot*¹⁹, baginda melantik duta untuk pergi ke Langka. Dalam catatan perjalanan itu terdapat maklumat tentang bandar ini iaitu “bergerak dari kota Thonburi sehingga ke bangunan Belanda di mukim Bangplakot”. Bukti ini menjelaskan bahawa pada masa itu Samutprakarn merupakan kota besar yang mempunyai ramai penduduk, termasuk juga peniaga asing yang datang untuk singgah dan membina bangunan di kawasan ini. Kemudian pada tahun 1767M apabila kerajaan *Ayutthaya* dikalahkan oleh Burma, terdapat maklumat yang

menyatakan bahawa tentera Burma telah merampas barang-barang yang berharga di kawasan ini juga.

Pada awal zaman Rattanakosin, *Somdej Praputthalertlat Naphalai* (Raja Rama II) menitahkan untuk membangunkan bandar Samutprakarn dan membina enam buah kubu di kawasan wilayah ini untuk mempertahankan daripada serangan musuh yang akan memasuki Bangkok melalui sungai Chaophraya dari Teluk Thai.²⁰

Wilayah Samutprakarn juga mempunyai Gabenor yang menjalankan pentadbiran dan Gabenor wilayah ini juga dilantik oleh kerajaan. Wilayah Samutprakarn terdiri daripada enam daerah dengan 50 buah mukim dan 405 buah kampung. Daerah-daerah tersebut adalah Muang Samutprakarn, Bang Boh, Bang Phli, Phrapadaeng, Phrasamutjedi dan Bang Saothong.²¹

Wilayah ini juga mempunyai penduduk pelbagai etnik, terutamanya Mon yang mendiami kawasan wilayah ini semenjak zaman Ayutthaya lagi. Terdapat juga penduduk yang beretnik Melayu yang mendiami kawasan wilayah ini. Kebanyakan penduduk etnik Melayu di wilayah Samutprakarn ini mendiami daerah Phrapadaeng. Menurut pangkalan data, wilayah ini mempunyai penduduk seramai 1,192,033 orang yang terdiri daripada 574,770 orang penduduk lelaki dan 617,263 orang penduduk perempuan. Majoriti penduduk wilayah ini, beragama Buddha seramai 93 peratus, diikuti dengan penduduk beragama Kristian empat peratus dan penduduk yang beragama Islam 2.5 peratus (30,000 orang).

Penduduk etnik Melayu di wilayah ini mendiami kawasan di lima buah daerah; iaitu daerah Bang Boh, daerah Muang Samut Prakarn, daerah Bang Phli, daerah

Phrapradaeng dan daerah Bang Saothong. Terdapat dua buah mukim yang didiami oleh orang Melayu di daerah Bang Boh; iaitu mukim Khlong Dan dan mukim Bang Preang, tiga buah mukim di daerah Muang Samutprakarn iaitu mukim Bang Muang, Thayboh dan Samrong Nua, dua buah mukim di daerah Bang Phli iaitu mukim Bangpla dan Bangchalong, sebuah mukim di daerah Phrapadaeng iaitu mukim Bangnampung dan mukim Bang Saothong di daerah Bang Saothong.

Terdapat 13 buah masjid yang terletak di dalam kawasan wilayah ini; iaitu tiga buah masjid di daerah Bang Boh, tiga buah masjid di daerah Muang Samutprakarn, tiga buah masjid di daerah Bang Phli, dua buah masjid di daerah Phrapadaeng dan dua buah masjid di daerah Bang Saothong.²² Majoriti orang Melayu di wilayah ini mendiami kawasan kampung Paklad mukim Bangnampung daerah Phrapadaeng (Sila lihat Peta 2.4 untuk merujuk kawasan yang didiami oleh orang Melayu di wilayah Samutprakarn.)



Peta 2.4: Kawasan yang Didiami oleh Orang Melayu di Wilayah Samutprakarn
 Sumber :<http://th.wikipedia.org/wiki/จังหวัดสมุทรปราการ>

Selain daripada empat wilayah yang telah dinyatakan iaitu *Bangkok*, *Nonthaburi*, *Prathumthani* dan *Samutprakarn* sebagai kawasan kajian, terdapat juga wilayah-wilayah di Bahagian Timur Thailand seperti wilayah

Chachengsao, Nakhornnayok, Cholburi dan *Trad* yang mempunyai penduduk beretnik Melayu. Penduduk dalam wilayah-wilayah tersebut adalah anak-cucu orang Melayu dari kawasan lain di Thailand Tengah kemudian berpindah ke kawasan ini.

2.3 Istilah “Siam” dan “Thailand” dari Perspektif Orang Melayu

“Siam” atau “Thailand” dalam konteks orang Thai selalu digunakan untuk diletakkan selepas perkataan yang merujuk kepada orang berbangsa lain seperti *Melayu Siam, Mon Siam, Laos Siam* adalah untuk membezakan golongan penduduk berkenaan dengan penduduk yang beretnik Thai. Sebelum isu ini dibincangkan dengan lebih jelas, pengkaji akan mengemukakan makna istilah “Siam” dan “Thailand” serta kefahaman perkataan tersebut dalam konteks orang Melayu dengan tujuan untuk mengurangkan kekeliruan.

a) Siam

Siam (*สยาม*) adalah nama yang digunakan untuk memanggil negara Thai pada zaman dahulu. Menurut *พจนานุกรมไทยฉบับราชบัณฑิตยสถาน* (Kamus Thai edisi Institut Akademik Diraja), “Siam” merupakan nama yang diberi untuk kawasan dan kumpulan orang yang mendiami kawasan ini (Bahagian Tengah Thailand) semenjak zaman purba.²³ Pada zaman pemerintahan Raja Rama IV (1851M-1868M) Rattanakosin, “Siam” digunakan secara rasmi untuk menggelar negara Thailand sebelum ditukarkan namanya kepada Thailand pada 24 Jun 1939M oleh Jeneral *Pibul Songgram*. Dalam perjanjian antara kerajaan Thailand dengan negara asing, raja-raja Thailand akan menggunakan perkataan “Siam” untuk memanggil negara ini kerana empayar ini mempunyai penduduk yang berlainan bangsa seperti Thai, Laos, Mon, Yuan, Khmer, Khaek, Farang (orang putih) dan Melayu. Jadi, raja-raja Siam zaman dahulu menggunakan perkataan ini untuk memanggil negara secara rasmi untuk

perpaduan rakyatnya.²⁴ Nama Siam ini dikenali oleh orang ramai terutamanya para sejarawan Barat yang menulis tentang sejarah kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara.

Menurut *Kamus Dewan*, keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, perkataan “Siam” merupakan nama negara yang letaknya di Utara Tanah Melayu, iaitu Muang Thai.²⁵ Kawasan tersebut adalah di bawah lindungan Kemboja, Lanna, Laos, Pegu dan sebahagian Malaysia. Kerajaan ini dibentuk oleh Dinasti *Phra Raung* pada tahun 1238M. Ibu negara Kerajaan Siam bermula di Sukhothai (1238M-1382M), Phitsanulok (1382M-1438M), Ayutthaya (1351M-1767M), Thonburi (1767M-1782M) dan Bangkok (*Krung Thep*).

b) Thailand

Nama Thailand (*ประเทศไทย*) digunakan untuk menggantikan nama asalnya iaitu “Negara Siam” pada 24 Jun 1939M. Dasar asimilasi dan nasionalisme yang dilaksanakan dengan kuat oleh Jeneral *Pibul Songgam*²⁶ menyebabkan berlakunya fenomena “mengetaikan” penduduk (sebelum ini penduduk Siam boleh menggunakan etnik diri sendiri sebagai bangsa seperti Cina, Melayu, Mon, Cam dan lain-lain.) sehingga semua penduduk Siam mesti menukar bangsa mereka daripada bangsa mengikut etnik kepada bangsa Thai dan juga nama negara Siam ditukarkan kepada Thailand. Walaupun penduduk yang beretnik Thai merupakan majoriti di kawasan ini, tetapi dasar mengetaikan tersebut baru dijalankan pada zaman Jeneral *Pibul Songgam* sahaja.

Bagi orang Melayu, perkataan Kerajaan Siam digunakan untuk menamakan kerajaan tanpa mengira zaman. Mereka akan memasukkan nama kerajaan selepas perkataan tersebut, contohnya “Raja Rama I, kerajaan Siam dalam zaman Ratanakosin”.

Kajian ini juga akan menggunakan sistem tersebut iaitu dengan memasukkan perkataan “zaman” di hadapan untuk merujuk setiap kerajaan serta untuk mengurangkan kekeliruan yang ada. (Jadual 2.1 memperlihatkan perbandingan cara panggilan kerajaan Siam menurut sejarah Thai dan perspektif orang Melayu.)

Jadual 2.1: Perbandingan Panggilan Kerajaan Siam dalam Catatan Sejarah Thai dan Perspektif Orang Melayu

Catatan Sejarah Thai		Panggilan dari Perspektif orang Melayu	
Panggilan	Tahun	Panggilan	Ibu Negara
<i>Kerajaan Sukhothai</i>	(1238M-1583M)	Kerajaan Siam	Ibu negara di <i>Sukhothai</i>
<i>Kerajaan Ayutthaya</i>	(1351M-1767M)	Kerajaan Siam	Ibu negara di <i>Ayutthaya</i>
<i>Kerajaan Thonburi</i>	(1768M-1782M)	Kerajaan Siam	Ibu negara di <i>Thonburi</i>
<i>Kerajaan Rattanakosin</i>	(1782M-sekarang)	Kerajaan Siam	Ibu negara di Bangkok
Dipanggil <i>Kerajaan Siam</i> secara rasmi	Raja Rama IV (1851M-1868M)	Kerajaan Siam	Ibu negara di Bangkok
Siam ditukar kepada Thailand	24 Jun 1939M	Kerajaan Thailand	Ibu negara di Bangkok

Dalam konteks penduduk Thai “tawanan Siam” adalah panggilan pertama yang merujuk kepada orang Melayu yang dibawa oleh penguasa kerajaan Siam ke Bangkok sebagai tawanan perang. Perkataan ini digunakan untuk membezakan kedudukan orang Melayu dengan orang tempatan. Selepas mereka itu ditempatkan di beberapa kawasan dalam Bahagian Thailand Tengah, dan setelah mereka menjalani kehidupan yang sama seperti penduduk lain, perkataan yang merujuk kepada orang Melayu sebagai “Tawanan Siam” ditukar kepada panggilan “Siam Melayu” yang bermaksud mereka itu adalah orang Siam yang beretnik Melayu atau orang Siam berbangsa Melayu. Penggunaan nama panggilan “Siam Melayu” ini juga merupakan panggilan yang membezakan penduduk beretnik Melayu dengan penduduk Thai. Selepas nama negara Siam ditukar menjadi Thailand, panggilan “Siam Melayu” itu ditukar pula kepada nama “Orang

Melayu Thai”. Kemudian apabila dasar asimilasi telah dikuatkuasakan oleh kerajaan Thailand pada zaman Jeneral *Pibul Songgam*, semua bangsa selain daripada bangsa Thai tidak diizinkan menggunakan nama-nama bangsa itu. Sebaliknya semua penduduk di negara Thailand yang pelbagai bangsa yang sebelumnya boleh memasukkan nama bangsa sendiri dalam kad pengenalan ditukarkan kepada bangsa Thai. Berdasarkan dasar tersebut, panggilan “Orang Melayu Thai” telah ditukarkan kepada “Orang Muslim Thai” atau “Orang Thai Muslim” yang merujuk kepada semua orang Thai yang beragama Islam; bukan sahaja yang beretnik Melayu. Manakala dalam konteks orang Melayu di kawasan Selatan Thailand, mereka akan memanggil orang Melayu di kawasan Tengah Thailand dengan nama “Orang *Melayu Bangkok*” atau “*Nayu Bakok*” yang bermaksud orang Melayu yang mendiami kawasan tersebut.

2.4 Orang Melayu di Bangkok dan Sekitarnya Sebelum Zaman Rattanakosin

Dalam sejarah Siam terdapat tiga kerajaan yang ditubuhkan sebelum Kerajaan Rattanakosin iaitu Kerajaan Sukhothai “*อาณาจักรสุโขทัย*” (1238M-1583M), Kerajaan Ayutthaya “*อาณาจักรอยุธยา*” (1351M-1767M), Kerajaan Thonburi “*อาณาจักรธนบุรี*” (1768M-1782M).

2.4.1 Orang Melayu dalam Kerajaan Sukhothai

Kerajaan Sukhothai (1238M-1583M) merupakan kerajaan tertua di Thailand menurut sejarah Thai. Kerajaan ini dibentuk di kota Sukhothai yang sebelumnya kerajaan ini merupakan sebahagian daripada Kerajaan Khmer sehingga tahun 1238M, iaitu pada saat dua pemimpin berbangsa Thai, *Pho Khun Pha Muang* dan *Pho Khun Bang Klang Hao*, menyatakan kedaulatannya dan mendirikan kerajaan untuk bangsa Thai. *Pho Khun Bang Klang Hao* kemudian menjadi raja pertama Sukhothai, dan menamakan dirinya *Pho Khun Si Indrathit* (atau Intradit). Kerajaan ini secara tradisi

dianggap sebagai permulaan awal berdirinya negara Thai moden, meskipun terdapat beberapa kerajaan Thai yang tidak begitu terkenal, seperti Lanna, Phayao dan Chiang Saen, yang juga didirikan sekitar waktu yang sama.²⁷

Sukhothai berkembang dengan cara membentuk persekutuan dengan kerajaan-kerajaan Thai lainnya, dan dengan cara kerajaan-kerajaan tersebut memeluk agama Buddha sebagai agama negara dengan bantuan daripada para sami dari Sri Lanka. Pemerintahan *Intradit* dilanjutkan oleh anaknya *Pho Raja Ramkhamhaeng*. Sukhothai menikmati masa keemasan sebagai puncak kemakmuran *Khun Ban Muang*, yang pada tahun 1278M diikuti oleh saudaranya *Pho Khun Ramkhamhaeng*. Di bawah pemerintahan *Pho Khun Ramkhamhaeng* yang juga disebut dengan nama *Maha Raja Ramkhamhaeng*, dianggap sebagai pencipta abjad Thai (secara tradisional diperkirakan tahun 1283, dengan bukti kontroversial berupa batu Ramkhamhaeng, ia merupakan suatu batu berinskirpsi yang dianggap bukti tulisan Thai tertua).²⁸

Setelah kemangkatan *Raja Ramkhamhaeng*, Sukhothai mula lemah dan kebanyakan kerajaan di bawahnya mulai membebaskan diri. Sementara itu kerajaan Ayutthaya yang merupakan negeri naungan semakin meningkat kekuasaannya. Pada akhirnya *Raja Thammaracha II* dari Sukhothai tahun 1378M terpaksa menyerahkan kekuasaannya, dan *Sukhothai* menjadi negara di bawah Ayutthaya. Sekitar tahun 1430M, *Raja Thammaracha IV* memindahkan ibu negara Sukhothai ke Phitsanulok. Setelah kemangkatan baginda pada tahun 1438M, keadaan Sukhothai berubah dengan hanya menjadi salah satu bahagian daripada kerajaan Ayutthaya.



Peta 2.5 : Kerajaan Sukhothai (1238M-1583M)
 Sumber: <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>

Hubungan antara kerajaan Melayu dengan Kerajaan Siam bermula pada awal suku abad ke 13M. Sumber-sumber tradisional Siam mendakwa bahawa kerajaan-kerajaan Melayu di Semenanjung berada di bawah naungan Siam zaman Sukhothai dalam kurun ke-13M. Pada tahun 1230M kerajaan Sriwijaya yang selama ini menaungi negeri-negeri Melayu Semenanjung telah melepaskan cengkamannya. Kelemahan politik menyebabkan orang Melayu semakin terlibat dalam kejayaan *Raja Ramkhamhaeng*²⁹ yang menghalakan sasarannya dan memberi ancaman keselamatan kepada penduduk Melayu di Utara Semenanjung. Pencerobohan ini telah ditentang oleh Raja Sang Tawal (1267M-1335M), seorang pemimpin Melayu yang tampil mempertahankan Semenanjung daripada serbuan orang-orang Siam ini. Perjuangan menentang Sukhothai ini berlaku selama beberapa dekad. Orang-orang Melayu

Semenanjung berperang bersungguh-sungguh tetapi akhirnya terpaksa mengalah di bahagian Utara Segenting Kra dan Raja Sang Tawal sendiri berundur ke Langkasuka.³⁰

Menurut sumber sejarah China Yuan Shin pada tahun 1295M, diceritakan bahawa orang-orang Siam yang disebut sebagai *Sien* dan orang Melayu disebut sebagai *Mali-yu-erh* telah lama saling berbunuhan, tetapi sekarang orang Melayu mengalah. *Hikayat Mon* pula menjelaskan, orang-orang Siam memperluaskan kuasanya semenjak tahun 1280M, selama ini mereka menjadi naungan Kerajaan Sri Wijaya. W. Linehan mendakwa Siam Sukhothai berjaya menguasai Kerajaan Melayu Tambralingga semenjak tahun 1280M lagi. Namun yang jelas sebuah prasasti yang ditemui di ibu kota Sukhothai menyatakan Tambralingga telah ditawan sekitar tahun 1292M Masihi.³¹

Walaupun terdapat hubungan antara kerajaan Melayu dengan kerajaan Siam pada zaman Sukhothai, tetapi tidak terdapat apa-apa bukti yang menjelaskan tentang kedudukan orang Melayu di Bahagian Tengah Thailand.

2.4.2 Orang Melayu dalam Kerajaan Ayutthaya

Kerajaan Ayutthaya (1351M-1767M) merupakan kerajaan Thai yang berdiri di antara tahun 1351M sehingga 1767M. Nama Ayuthaya diambil daripada Ayodhya, iaitu nama kerajaan yang dipimpin oleh *Sri Rama*, tokoh dalam *Ramayana*. Pada tahun 1350M. *Raja Ramathibodi I* (Uthong) menubuhkan Ayuthaya sebagai ibu negara kerajaannya dan mengalahkan dinasti Kerajaan Sukhothai pada tahun 1376M.³²

Dalam perkembangannya, Ayuthaya sangat aktif melakukan perdagangan dengan berbagai-bagai negara asing. Bermula dengan Portugis dalam abad ke-16M

Ayutthaya mempunyai beberapa hubungan dengan Barat. Istana Raja Narai (1656M-1688M) mempunyai hubungan yang kuat dengan Raja Louis XIV dari Perancis.

Ayutthaya menguasai kawasan yang besar, yang terdiri daripada negara-negara Islam di Tanah Melayu dengan negeri-negeri di Utara Thailand. Di bawah *Maha Raja Naresuan* yang memerintah sepanjang tahun 1590M-1605M, Siam mengalami perkembangan wilayah yang terbesar dalam sejarah sebelum ini.

Meskipun demikian, Burma yang telah menguasai Lanna dan juga menyatukannya dengan kerajaan mereka di bawah dinasti yang berkuasa, telah melancarkan beberapa percubaan pencerobohan pada tahun 1750M dan 1760-an. Akhirnya, pada tahun 1767M, Burma berupaya menyerang dan memusnahkan kota Ayutthaya. Keluarga diraja Ayutthaya melarikan diri dari bandar. Kemudian Rajanya mangkat dalam tempoh pelarian. Kerajaan Ayutthaya diserang secara habis-habisan pada tahun 1767M. Istana Negara dan kota dibakar oleh angkatan tentera Burma yang merupakan pihak yang menang dalam peperangan tersebut.³³



Peta 2.6 : Kerajaan Ayutthaya (1351M-1767M)
 Sumber: <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>

Hubungan kerajaan Melayu dengan kerajaan Ayutthaya dipercayai telah wujud sejak awal kewujudan Ayutthaya. Walau bagaimanapun corak hubungan kedua-dua kerajaan itu tidaklah begitu jelas. Menurut maklumat dalam “*พระราชพงศาวดารกรุงศรีอยุธยา สมัยสมเด็จพระนเรศวรมหาราช*” (Hikayat Krung Sri Ayutthaya edisi Phancantanumas) menyatakan bahawa kawasan Ayutthaya pada zaman *Somdej Pra Ramathibodi I* (U-Thong)³⁴ sudah mempunyai 16 negeri naungan termasuk Melaka. Tetapi maklumat mengikut hikayat tersebut tidak boleh dipercayai kerana kerajaan *Ayutthaya* ditubuhkan pada tahun 1351M sedangkan kerajaan Melayu Melaka ditubuhkan pada tahun 1403. Ia adalah mustahil untuk kerajaan yang belum ditubuhkan menjadi negeri naungan Ayutthaya pada zaman tersebut.

Penubuhan kerajaan Ayutthaya pada tahun 1350M menyebabkan seluruh Semenanjung hingga Temasik (Singapura) mulai tunduk kepada kekuasaan Siam. Negeri-negeri Melayu seperti Terang, Chumpon, Ujong Sanglang, Berdelung dan Singgora di Utara Semenanjung hingga Segenting Kra, negeri-negeri Patani, Teluban, Kedah, Kelantan, Pahang, dan Melaka didakwa menjadi negara naungan Siam dan harus menghantar ufti kepada Ligor atau Nakorn Srithammarat.³⁵

Dalam catatan dinasti Ming III, sewaktu *Yin Ching* mengunjungi Melaka pada tahun 1403M, Melaka sudah pun menjadi naungan Siam dan menghantar ufti *Bunga Mas* seberat 40 tahil setahun kepada istana Ayutthaya. Keengganan meneruskan pengiriman ufti itu berlaku apabila Melaka berkembang menjadi sebuah Empayar Melayu. Ini menyebabkan raja Siam *Barommaraja* pada tahun 1445M bertindak menyerang Melaka dan serangan keduanya pula dilancarkan sewaktu pemerintahan *Raja Baromma Trailokanat* pada tahun 1456M.³⁶

Maklumat yang paling jelas tentang hubungan antara negeri-negeri Melayu dengan Siam adalah lawatan rasmi Sultan Muzaffar Syah yang menguasai kerajaan Patani pada tahun 1530M-1564M. Baginda memberi kepentingan kepada hubungan antara Patani dengan Siam yang menjajah negeri-negeri Melayu Utara Semenanjung. Suatu hari, ketika bersemayam di balairung baginda Sultan Muzaffar Syah bertitah, “apa bicara Bendahara kerana kita hendak ke *Ayutthaya* dan Raja Siam Beracau (Phra Chao) itu pun tiada orang lain daripada kita dan daripada sebuah negeri baiklah dua”³⁷ Maka Laksamana telah ditugaskan membuat persiapan. Sepeninggalan baginda nanti adinda bongsu Raja Mansur akan memangku takhta Kerajaan Patani. Setelah beberapa lama dalam pelayaran, angkatan Raja Patani tiba di muara Sungai Chaophraya lalu mudik memasuki kota Ayutthaya. *Phra Klang*³⁸ telah menyambut ketibaan rombongan

dari Patani yang dibawa menghadap *Raja Siam Maha Chakrapat* (1548M-1569M). Semasa berada di ibu kota Siam, Sultan Muzaffar Syah telah dilayan dengan sempurna dan menginap di sebuah istana khas di Kota Wang. Sultan Muzaffar berada di negeri Siam selama dua bulan lebih, di samping menjalinkan hubungan di peringkat tertinggi antara kedua-dua kerajaan berkenaan. Akhirnya Raja Patani memohon keizinan untuk pulang. Dalam persiapan untuk berangkat pulang itu tiba-tiba Raja Siam telah menitahkan pembesar Cakrinya menghadihkan seramai 60 orang tawanan Pegu, Burma dan 100 orang tawanan Lan Xang, Laos untuk dibawa pulang bersama-sama rombongan dari Patani itu. Apabila tiba di kota Patani, para tawanan ditempatkan di Bendang Pari, daerah Gerisik.³⁹

Pada tahun 1563M sekali lagi *Raja Bayingnuang* telah memimpin tentera Burma menyerang kota *Ayutthaya*, menyebabkan Raja Siam *Maha Chakraphat* mengundurkan diri lari keluar kota. Negeri Kedah dan Patani yang dianggap sebagai Negara naungan Siam semenjak zaman Sukhothai lagi telah diminta memberikan bantuan ketenteraan. Angkatan dari Patani pimpinan Sultan Muzaffar Syah, terdiri daripada 200 buah perahu perang bersama-sama 1,000 orang pejuang Islam Patani dan 100 orang perempuan tiba di muara Sungai Chao Phraya kali kedua untuk membantu raja Siam. Ketibaan raja Patani dan angkataannya dikatakan adalah sewaktu tentera-tentera Burma telah pulang. Kesempatan daripada kelemahan itu Sultan Muzaffar Syah dan adindanya Raja Mansur menukar fikiran untuk bertidak menyerang kota *Ayutthaya*. Hikayat Patani menceritakan serangan hebat ini dilakukan oleh baginda berdua, “Maka segala hulubalang dan rakyat Patani pun keluar dari kota Wang itu lalu bertikamlah dengan rakyat Siam itu sekalian, diamuknya oleh segala menteri hulubalang, dan baginda kedua bersaudara pun masuk mengamuk sendiri. Maka segala rakyat Siam pun terhisabkan lagi matinya patahlah perangnya undur berhimpun di kampung Cakeri.”⁴⁰ Sumber Siam

sendiri mengakui akan adanya serangan daripada pejuang-pejuang pimpinan raja Patani. Menurut sumber itu, akibat daripada serangan tersebut Raja *Maha Chakraphat* sekali lagi terpaksa berundur diri keluar kota bersembunyi di Pulau Mahaphram. Raja Patani menunggang gajah putih, dan apabila sampai di perkarangan istana baginda lantas turun dan mengamuk di medan pertempuran (taleng-Keng). Orang-orang Siam yang semakin tertekan itu terpaksa menahan serangan dengan meregang tali pada laluan pertempuran itu menyebabkan ramai pejuang-pejuang Patani gugur terkorban. Walau bagaimanapun raja Patani akhirnya berjaya mendapatkan sebuah perahu lalu belayar menyelamatkan diri.⁴¹

Sebenarnya menurut *Hikayat Patani* lagi, “Dan akhirnya maka baginda pun luka lengan sebelah kiri tembus kena bedil.”⁴² Sambil itu sempat juga baginda berpesan kepada adindanya Raja Mansur, “Jikalau adinda tiada pulang juga, apa halnya dengan rakyat kita dan negeri inilah tiada berketahuan dan salasilah etnik pun putuslah.”⁴³ Mendengarkan pesanan itu Raja Mansur begitu terharu untuk meninggalkan kekandanya yang tercedera itu. Seramai 1,500 orang pejuang Patani telah ditinggalkan untuk meneruskan percubaan mereka menawan kota Ayutthaya, selebihnya seramai 40 orang dan orang-orang perempuan telah belayar pulang bersama-sama Raja Mansur. Dalam pada itu sekumpulan orang Siam sempat juga mengejar mereka di laut, meriam Mahalela telah digunakan untuk menembak perahu-perahu Siam yang mengekori angkatan tersebut. Mengenai Sultan Muzaffar Syah yang ditinggalkan dalam peperangan itu tidak diketahui nasib yang menyimpannya. Ada sumber yang menyatakan kecederaannya semakin parah dan baginda akhirnya mangkat. Baginda dimakamkan di Kuala Sungai Chaophraya dan rakyat Patani mengenalinya sebagai *Marhum ke Siam*.⁴⁴

Keadaan ini menjelaskan hubungan negeri-negeri Melayu dengan kerajaan Siam zaman Ayutthaya. Walau bagaimanapun kedudukan orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah ini tidak begitu jelas. Berdasarkan serangan Siam oleh Sultan Muzaffar Syah tersebut dipercayai bahawa beberapa pejuang Patani ditangkap sebagai tawanan dan diperhambakan. Kemudian mereka menubuhkan perkampungan Melayu di kota itu.


Selain daripada hubungan politik antara kedua-dua buah kerajaan, terdapat juga hubungan ekonomi yang dianggap sebagai punca kedudukan orang Melayu di kawasan Tengah Thailand dalam zaman Ayutthaya. Pada zaman itu, Ayutthaya merupakan pusat perdagangan yang didatangi ramai pedagang asing untuk berniaga. Pedagang-pedagang asing tersebut termasuklah dari negeri Melayu seperti Patani, Melaka, Kedah, dan lain-lain. Begitu juga dengan maklumat yang didapati daripada Muzium Istana Kesultanan Melaka yang menyatakan tentang hubungan perdagangan ini, “walaupun catatan sejarah menyatakan tentang kerenggangan antara Melaka dengan Siam, tetapi disebabkan oleh faktor ekonomi kedua-dua negeri ini meneruskan perhubungannya. Menurut Tom Pires dan Ray de Brito, hubungan dua hala ini dilihat dari segi kepentingan dan keperluan bahan-bahan dan makanan yang diperlukan oleh Melaka dari Siam. Fakta ini menjelaskan bahawa hubungan ekonomi di antara dua kerajaan ini adalah baik.⁴⁵

Berdasarkan hubungan perdagangan ini, dipercayai bahawa beberapa pedagang dari negeri-negeri Melayu mula mendiami kawasan Tengah ini. Sawvane Jitmout pernah menyatakan bahawa di Ayutthaya terdapat bukti dijumpai bahawa orang Melayu dari Patani dan negeri-negeri Melayu naungan Siam lain di Semenanjung mendiami kawasan Thailand Tengah sebelum Patani dikalahkan oleh Siam.⁴⁶ Samai Careanchang juga menyatakan bahawa pada zaman Ayutthaya terdapat beberapa komuniti Melayu di

kota Ayutthaya. Mereka dipanggil sebagai *Khaek Tani*⁴⁷. Kumpulan *Khaek Tani* ini berbeza dengan *Khaek Thet* atau *Khaek Pae* sebab *Khaek Thet* atau *Khaek* ini beretnik Parsi. Kebanyakan mereka merupakan pegawai kerajaan dalam istana dan beberapa orang merupakan pedagang. Mereka mendiami kawasan di dalam kota Ayutthaya dan daerah Phakhai. Manakala, *Khaek Tani* yang beretnik Melayu mendiami kawasan di mukim Klong Ta Kean.⁴⁸ Kemudiannya pada tahun 1767M kerajaan Ayutthaya dikalahkan oleh Burma. Tentera Burma membakar istana dan memusnahkan kota Ayutthaya habis-habisan. Para penduduk Ayutthaya melarikan diri daripada angkatan tentera Burma ke kawasan lain. Kumpulan *Khaek Thet* yang beretnik Parsi dan Sultan Sulaiman Syah melarikan diri ke kawasan Khlong Bang Luang (Bangkok Yai), Khlong Bangkok Noi, Bang Oo dan di tebing sungai Chaophraya sampai Talad Kaew⁴⁹. Kumpulan penduduk Parsi membina beberapa buah masjid di kawasan tersebut iaitu Masjid Phadungtham Islam, Masjid Fadil Fallah (Kudi Playna) dan Masjid Kudi Luang. Manakala kumpulan yang beretnik Sultan Sulaiman Syah⁵⁰ membina dua buah Masjid iaitu Masjid Ton Son (Kudi Yai) yang tidak jauh dari istana Thonburi dan Masjid Kudi Daeng dekat dengan Wat Kallayanamit di daerah Thonburi. Kumpulan penduduk beretnik Melayu juga mendiami kawasan tersebut dan membina sebuah masjid di tebing Klong Bang Luang bahagian Barat iaitu Masjid Kudi Khaw.⁵¹

Berdasarkan semua maklumat yang dinyatakan, pada zaman *Ayutthaya* terutamanya pada penghujung zaman dijumpai orang Melayu yang mendiami kawasan ini, tetapi jumlah mereka belum ramai. Penduduk Melayu pada masa itu dikenali sebagai *Khaek Tani* yang merujuk kepada negara asal mereka iaitu Patani. Selepas kerajaan Ayutthaya kalah terhadap Burma, mereka juga ikut lari ke kawasan atas sungai Chaophraya iaitu kawasan wilayah Nonthaburi dan Bangkok untuk menyelamatkan diri bersama-sama kumpulan Muslim beretnik lain seperti Parsi, dan Muslim keturunan

Sultan Sulaiman Syah. Mereka melarikan diri melalui Sungai Chao Phraya sehingga sampai ke kawasan tersebut. (Sila lihat peta 2.4 yang menjelaskan tentang pelarian mereka dari kota Ayutthaya ke kawasan yang mereka diami kemudian.)



Peta 2.7: Perpindahan Penduduk Muslim zaman Ayutthaya dan Perkampungan baharu Mereka
 Sumber: Diadaptasi dari <http://www.google.com/map>

2.4.3 Orang Melayu dalam Kerajaan Thonburi

Kerajaan Thonburi (1768M -1782M) merupakan kerajaan yang ketiga dalam sejarah Siam. Kerajaan ini ditubuhkan oleh Maha Raja Taksin pada tahun 1768M. Walaupun kekalahan kepada Burma baharu sahaja berlalu, Siam membuat pemulihan dengan cepat. Peperangan terhadap kekuasaan Burma dipimpin oleh seorang panglima

bernama *Taksin* yang beretnik Cina. Beliau merupakan ketua perang yang berkeupayaan tinggi. Dalam tempoh setahun, beliau telah mengalahkan tentera Burma dan memulihkan kembali keadaan Siam dengan ibu negara baharu iaitu Thonburi yang terletak di tebing Barat Sungai Chao Phraya. Pada tahun 1768M beliau telah dinobatkan sebagai *Raja Taksin* (Kini secara rasmi dikenali sebagai *Maha Raja Taksin*). Kerajaan Thonburi hanya berdiri selama 14 tahun sebagai pusat pemerintahan Siam. Pada tahun 1782M *Somdej Chao Phraya Maha Kasatsuk* (Raja Rama I) menubuhkan Dinasti *Chakri* dan mendirikan kerajaan baharu iaitu Kerajaan Rattanakosin. *Maha Raja Taksin* dan anakanda baginda dihukum mati.

Pada zaman Thonburi, hubungan Siam dengan negara-negara lain merosot kerana kekalahan terhadap Burma pada zaman Ayutthaya masih lagi dirasakan. Apabila Ayutthaya dikalahkan oleh Burma, negeri-negeri naungan Siam di Semenanjung seperti Kedah, Patani, Kelantan, dan Terengganu menghentikan penghantaran ufti tahunan seperti yang pernah dihantar kepada istana Siam pada zaman Ayutthaya. *Raja Thonburi* pernah menitahkan *Phraya Nakornsrihammarat* untuk cuba berunding dengan negeri Kedah dan Patani untuk meminjam wang sebanyak 1,000 ชั่ง (Chang) setiap negeri untuk digunakan oleh pengurusan penubuhan kerajaan baharu. Sebaliknya perundingan tersebut tidak diendahkan oleh raja-raja Melayu. Walaupun perundingan ditolak, *Raja Thonburi* pun tidak menghantar angkata tentera untuk menyerang negeri-negeri tersebut sepanjang zaman kerana peperangan dengan Burma dan kawasan lain lebih penting dan belum diselesaikan. Namun terdapat juga beberapa orang *Khaek* (tidak dinyatakan etnik) memberikan 2,200 pucuk pistol kepada *Raja Taksin*.⁵² Malah terdapat juga beberapa orang Muslim yang bertugas sebagai pegawai istana Siam. Hal ini dijumpai dalam *โคลงยอพระเกียรติพระเจ้ากรุงธนบุรี* (*Pantun Kehormatan Raja Thonburi*) karangan *นายสวน มหาตเล็ก* (*Nay Suan Mahatlek*) :

“แขกขวาวรเทศทั้ง
จีนฝรั่งลันดา
ลาวมอญย้อมถนอมชู้
พระกรุณาเหนือเกล้า

มลายู
ดาษเฝ้า
รบบาท พระนา
กล่อมเกลี้ยงเลี้ยงควรวรฐาน”⁵³

Yang bermaksud:

“*Khaek Jawa, Khaek Thet dan Melayu,
Ramai Cina, Belanda,
Laos, Mon pun menghormati Raja Thonburi,
Tingginya simpati baginda atas mereka*”

Pada zaman ini juga terdapat bukti yang dipercayai bahawa ada salah seorang *Chao Phraya Phrakhlang* (Khaek) yang bertugas sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Luar Negeri berketurunan Melayu. Arkib Pengajar Agama Kristian dari Perancis yang memasuki tanah Siam semenjak akhir zaman pemerintahan Ayutthaya, zaman Thonburi dan awal zaman Rattanakosin mencatatkan bahawa *Phraya Phrakhlang* zaman *Raja Thonburi* berketurunan *Khaek Melayu* dan beragama Islam.⁵⁴

Tidak terdapat maklumat tentang penambahan atau perpindahan orang Melayu ke Bahagian Tengah Thailand pada zaman *Thonburi*. Negeri-negeri Melayu dianggap bebas daripada kuasa Siam pada zaman ini. Hubungan ekonomi antara Siam dengan negeri-negeri Melayu juga dikurangkan kerana kerajaan Siam masih berperang dengan Burma. Jadi, penduduk Melayu di Bahagian Tengah Thailand ini masih lagi di kawasan yang sama dengan kawasan yang mereka diami selepas kekalahan *Ayutthaya*.

2.5 Orang Melayu di Bangkok dan Sekitarnya dalam Zaman *Rattanakosin*

Kerajaan Rattanakosin (1782M - sekarang) adalah kerajaan yang keempat. Raja Rama I mendirikan Dinasti Chakri dan menobatkan dirinya sebagai raja pertama

daripada Dinasti Chakri tersebut. Pada tahun yang sama, beliau mengasaskan kota yang baharu di Bangkok. Kebanyakan sistem sosial dan sistem politik kerajaan Ayutthaya dipulihkan. Beliau menyebarkan kod undang-undang baharu, menggunakan semula upacara mahkamah, dan mengenakan disiplin sami Buddha. Pada tahun 1785M Burma menyerang Siam sekali lagi, dan berjaya menduduki kedua-dua bahagian di Utara dan Selatan, tetapi telah dikalahkan dalam pertempuran dekat Kanchanaburi. Ini adalah serangan besar yang terakhir Burma terhadap Siam. Raja Rama I telah membina Empayar Siam dan mendominasi kawasan yang paling besar berbanding kerajaan lain dalam sejarah Thailand. Pemerintahan Siam oleh Dinasti Chakri masih berterusan sehingga sekarang. Raja Phumipol (1946M – sekarang) merupakan Raja Rama IV dinasti tersebut.



Peta 2.8 : Kerajaan *Rattanakosin* Sebelum dan Selepas Kehilangan Tanah kepada Penjajah Barat
Sumber: <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>

Pada zaman Rattankosin terutamanya zaman Raja Rama I hingga Raja Rama III hubungan antara Siam dengan negeri-negeri Melayu sangat terkesan. Pada zaman ini ramai penduduk negeri-negeri Melayu dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang. Perpindahan ini mewujudkan perkataan “Orang Melayu Bangkok/Nayu Bakok” yang dirujuk kepada orang Melayu yang mendiami kawasan Tengah Thailand. Sebelum itu pada zaman Ayutthaya dan Thonburi orang-orang Melayu dipanggil “*Khaek Tani*”.

Hubungan Siam dengan negeri-negeri Melayu terutamanya negeri Patani pada zaman *Rattanakosin* bermula pada tahun 1782M selepas kerajaan Rattanakosin ditubuhkan oleh Raja Rama I. Serangan kerajaan Siam ke atas Patani dilakukan di bawah pimpinan baginda pada tahun 1786M. Punca utama serangan tersebut disebabkan kerajaan Melayu tidak menghantar ufti *Bunga Emas* sebagai tanda kesetiaan terhadap kerajaan Siam yang baharu itu. Inilah yang menyebabkan Siam menyerang Patani dan berjaya menakluk seluruh Patani pada tahun 1786M serta membawa tawanan perang kumpulan pertama ke Bangkok.

2.5.1 Peristiwa Siam Mengalahkan Patani (1786M)

Peristiwa Siam mengalahkan Patani pada tahun 1786M ini telah banyak diceritakan melalui beberapa karangan, cerita serta hikayat daripada pengarang dan penceritanya yang berbeza pandangan. Kajian terhadap peristiwa tersebut boleh dibahagikan kepada dua pandangan; iaitu catatan dan cerita yang dikarang dan diceritakan oleh pihak orang Melayu, dan satu lagi dari pihak orang Siam.. Kedua-dua pandangan tersebut mempunyai maklumat serta punca peristiwa yang berbeza.

Dalam kajian ini pengkaji akan mengemukakan sejarah kekalahan Patani berdasarkan sumber daripada kedua-dua pihak untuk memperlihatkan perbezaan

penulisan dan penceritaan sejarah mereka. (Peta 2.9 adalah kawasan kerajaan Melayu Patani sebelum ditakhluki oleh Siam.) Selepas kekalahan, kawasan Patani dipecahkan kepada tujuh kota kecil dan akhirnya pada zaman *Raja Rama V* sistem pentadbiran Patani ditukarkan sekali lagi kepada pentadbiran pusat secara langsung oleh kerajaan pusat iaitu sistem wilayah. Setiap wilayah akan diperintah oleh seorang gabenor yang dilantik oleh kerajaan. Kawasan kerajaan Melayu Patani adalah kawasan yang meliputi tiga buah wilayah di Selatan Thailand, iaitu wilayah Patani, Yala, Narathiwat, dan empat daerah di wilayah Songkla iaitu daerah *Chana*, *Thepa*, *Sabayoi* dan *Nathawi* sekarang.



Peta 2.9 : Peta Kawasan Kerajaan Melayu Patani
 Sumber: apanamadotcom.wordpress.com

2.5.1.1 Peristiwa Siam Mengalahkan Patani dalam Sejarah Siam

Hampir semua karangan yang berkaitan dengan peristiwa kekalahan Patani menentang Siam pada tahun 1786M merujuk kepada *พงศาวดารกรุงรัตนโกสินทร์ รัชกาล*

ที่ 1 (Hikayat Rattanakosin Raja Rama I) dalam tajuk *ยกไปตีเมืองแขกทั้งปวง*

(Serangan Takluki Negeri-negeri Khaek)⁵⁵ yang menyatakan bahawa:

Negeri Patani dan negeri-negeri Melayu belum menyerah sebagai negeri naungan. Oleh itu, Siam mesti menyerang semua Tanah Melayu agar Tanah Melayu di bawah jajahannya. Lalu Raja Rama I bertitah kepada barisan penyerang untuk menyerang negeri Patani. Setelah menitahkan untuk menceroboh semua tanah Melayu seperti Kerajaan Patani, seterusnya ditambahkan pula angkatan Raja Siam di Songkla dengan pejuang diraja. Dengan keizinan dan keampunan Raja Siam akhirnya mendapat kemenangan. Sebahagian kota dimilikinya dengan tidak perlu berperang kerana musuh mereka lari menyelamatkan diri sebelum berperang. Terdapat juga beberapa bahagian kawasan yang menyerah kepada Siam dan Negeri Patani itu sangat besar. Dapatlah dua laras meriam lalu menitahkan untuk memasukan ke kapal laut dan pelbagai senjata yang dirampas seperti wang, emas, dan sebagainya. Terdapat Raja-raja Negeri Melayu itu yang mangkat dalam peperangan, ada yang ditangkap dan dihukum mati, ada yang dihukum penjara, ada yang sempat lari menyelamatkan diri, dan ada juga yang datang untuk menyerah diri kepada kerajaan Siam. Akhirnya, Tanah Melayu dimiliki dan dijajah oleh Siam. Ketika itu, Phraya Sai (Sultan Kedah), Phraya Kelantan (Sultan Kelantan) di bawah naungan kerajaan Terengganu, Praya Terengganu (Sultan Terengganu) di bawah naungan kerajaan Linga merasa takut terhadap kuasa Raja Siam sehingga menyerah dan menghantar ufti kepada Raja Siam dan memohon untuk kembali sebagai negeri naungan Bangkok. Oleh itu, (adinda Raja Rama I) menitahkan menulis surat untuk memaklumkan kemenangan terhadap Burma dan kejayaan membanteras negeri-negeri Melayu serta permohonan beberapa negeri menjadi negeri jajahan Raja Rama I. Pesuruhjaya telah pergi melaporkan berita ini kepada Raja Siam di Bangkok. Berita diketahui Raja Siam dan baginda sangat gembira serta memuji adindanya.⁵⁶

Selepas angkatan tentera Siam mengalahkan Burma dan menakluki kerajaan Patani serta raja-raja negeri Melayu lain, mereka berjanji bahawa mereka akan memperbaharui ufti tahunan (Bunga Emas) kepada kerajaan Siam. Maka Raja Rama I menitahkan adindanya untuk membawa angkatan tentera dan tawanan Patani serta

barang-barang yang berharga dari negeri itu pulang ke Bangkok. Keadaan ini juga dicatatkan dalam hikayat yang sama:

Raja Siam berperintah (kepada adinda) bawalah semua angkatan tentera pulang ke Bangkok dan juga membawa para tawanan perang, wang, emas, senjata serta barang-barang yang berharga pulang bersama dengan memasukkan mereka (tawanan) dan barang-barang itu ke dalam kapal laut. Baginda juga bertitah untuk membahagikan beberapa bahagian barang yang dirampas itu kepada setiap negeri untuk digunakan dalam negeri masing-masing dan melantik para pembesar yang taat setia kepada Siam sebagai Raja untuk mentadbir negeri-negeri itu. Baginda mengetahui bahawa Bangkok itu belum sempurna, lalu berperintah, apabila telah mencatat semua maklumat tentang tawanan perang dan barang-barang dalam kapal, bawalah semua angkatan tentera balik ke Bangkok melalui darat dan laut dan angkatan tentera tiba di

Bangkok pada bulan 11 tahun 1786 masihi. Adindanya memberikan dua laras meriam, senjata serta tawanan perang yang diperolehi dari Patani dan Burma kepada Raja Siam. Meriam dari Patani panjangnya tigawa⁵⁷ dan pelurunya sepanjang 11 inci, satu laras meriam lagi panjangnya 250 sentimeter dan pelurunya sepanjang tiga inci. Baginda menitahkan untuk memperbaiki corak Meriam Phrayatani (Seri Patani) bersama corak Siam (Sebelum ini coraknya Melayu) dan membina sebuah bangunan untuk diletakkannya di dalam bangunan itu.⁵⁸

Selain daripada hikayat tersebut, terdapat beberapa kajian yang dirujuk oleh para sejarawan Siam iaitu karangan *Major Jeneral Tengku Thong Thikhayu Thongyai* yang bertajuk *เสื่กเขอรรพ์ประวัติศาสตรสยาม (พ.ศ. 2479)* (Syarahan Sejarah Siam Tahun 1936M)⁵⁹ disusun oleh *Lamiad Hongsaprapad* atau kajian tentang hubungan antara Siam dengan negeri-negeri Melayu iaitu *ความสัมพันธ์ระหว่างไทยกับมลายูในสมัยรัตนโกสินทร์ตอนต้น* (Hubungan antara Thai dengan Melayu pada Zaman Awal Rattanakosin)⁶⁰ yang dilakukan oleh *Thawisak Lomlim* serta kajian *Ratchanee Sadprem* yang bertajuk *บทบาทของชาวมุสลิมในภาคกลางและภาคใต้ของประเทศไทยในสมัยรัตนโกสินทร์ตั้งแต่ พ.ศ. 2325-2453* (Peranan Orang Thai Muslim di Tengah dan Selatan Thailand Zaman Rattanakosin 1782M-1910M).⁶¹ Ketiga-tiga kajian tersebut menyatakan kekalahan Patani terhadap Siam yang tidak jauh berbeza dari penceritaan

dalam *Hikayat Krung Rattanakosin* (Raja Rama I) dan punca serangan kali ini adalah kerana negeri-negeri Melayu tidak memperbaharui hantaran ufti tahunan kepada kerajaan Siam bahru di Bangkok.

Terdapat sebuah kajian yang dilakukan oleh Krongchai Hattha yang bertajuk *ประวัติศาสตร์ปัตตานีสันยอาณาจักรโบราณถึงการปกครองเจ็ดหัวเมือง* (Sejarah Patani pada Zaman Silam Sehingga Zaman Pemerintahan Tujuh Buah Kota Jajahan Takluk)⁶². Kajian ini merupakan sebuah kajian sejarah Patani yang dilakukan oleh orang Thai yang pertama yang merujuk kepada beberapa karangan sejarawan Melayu seperti karya A. Bangnara dan Ibrahim Syukri. Dalam kajiannya Krongchai Hattha mencatatkan tentang peristiwa tersebut dengan menyatakan:

Setelah angkatan tentera diraja berjaya merampas kota Selatan dari Burma, Raja Rama I segera menghantar pesuruhjaya ke Patani dan Kedah supaya memperbaharui penghantaran ufti Bunga Emas sebagai tanda kesetiaan terhadap kerajaan Bangkok yang baharu tetapi Sultan Patani dan para pembesar tidak bersetuju. Oleh itu, Raja Siam menitahkan Praya Kalahom sebagai panglima dan membawa para pejuang untuk memerangi kerajaan Patani. Walaupun Patani telah bersedia untuk mempertahankan dengan baik tetapi rancangan peperangan telah diberitahu kepada Praya Kalahom oleh seorang pegawai istana Patani yang berketurunan Siam Ligor. Angkatan tentera Siam boleh menembak meriam ke kawasan penting dan membawa tentera laut mendarat di kubu dan istana. Tentera Patani menentang dengan sengit. Tentera Patani menempah meriam Seri Patani dan Seri Negara. Kedua-dua angkatan tentera beramuk-amukan dengan senjata pendek. Peperangan bersambung lagi beberapa hari dan akhirnya Sultan Muhammad ditembak dan mangkat di depan Istana Nilam. Tentera Siam memasuki Istana, kemudian menangkap penduduk Patani, merampas harta benda, memusnahkan istana dan membawa para tawanan perang lelaki dan perempuan serta membawa pulang meriam zaman Raja Biru (Seri Patani) ke Bangkok dan selaras lagi meriam Sri Negara tenggelam di kuala sungai Patani ketika tentera Siam mengangkatnya ke kapal laut. Selepas peperangan itu, tentera Siam membawa warga Patani ke Bangkok.⁶³



Gambar 2.1: Meriam Seri Patani yang terletak di hadapan Kementerian Pertahanan Thailand Sekarang.
Sumber: <http://www.artsmen.net/content>

Walau bagaimanapun terdapat sebuah kajian sejarah yang dilakukan oleh sejarawan berketurunan Sultan Sulaiman Syah bernama Chukiat Utkaphan, yang bertajuk *ประวัติศาสตร์ตระกูลสุลต่านสุไลมาน*⁴ (Sejarah Keturunan Sultan Sulaiman). Dalam kajian ini Chukiat Utkaphan menyatakan bahawa serangan ke atas Kerajaan Patani yang dilakukan oleh Siam pada tahun 1786M itu, pihak Kerajaan Siam menggunakan panglima dan tentera yang beragama Islam untuk menyerang Patani. Boleh dikatakan bahawa peperangan ini adalah peperangan antara Muslim dengan Muslim. Tentang peristiwa itu kajian tersebut menyatakan:

Setelah zaman Maha Raja Thonburi dan Maharaja Somdej Phraphuttayodfa Chulalok (Raja Rama I) menubuhkan Dinasti Chakri dan menobatkan diri sebagai Raja Siam, dari tahun 1786M sehingga tahun 1788M selama tiga tahun Kerajaan Patani menjadi sebuah kota di bawah naungan Siam dan tidak memberi ufti tahunan kepada raja Krung Rattanakosin yang dianggap sebagai “tidak ada kesetiaan kuasa Siam” lalu baginda Raja Rama I menitah untuk menghantar angkatan tentera dari Bangkok dengan pemimpinnya Phraya Rachabangsan (Maen) (anak Chaophraya Rajamad atau Cuy yang dihukum mati pada zaman Maharaja Thonburi) sebagai panglima tentera laut dan menyatukan dengan angkatan tentera yang dipimpin oleh Somdej Kromprarajawangbaworn Mahasurasinghanat (adinda Raja Rama I) yang terletak di Songkla. Setelah tiba di kota Songkla, Kromprarajawangbaworn telah memerintah Praya Rajabangsan untuk bertugas sebagai panglima tentera laut supaya menyerang dan berperang dengan Patani bersama angkatan tentera dari

Pattalung dan Chana di bawah pimpinan Phraya Pattalung (Khun) menyerang di darat. Dalam peperangan dengan Patani kali ini, panglima tentera laut adalah Muslim dan panglima tentera darat juga Muslim. Kedua-dua bersatu hati menyerang Patani yang di mana Sultan dan penduduknya juga Muslim. Hal ini telah menjadikan peperangan kali ini merupakan peperangan yang paling menyedihkan.

Ketika kapal berhenti di hadapan pintu kota Patani, Praya Rajabangsan telah menghantar perutusan untuk berunding dengan Sultan Patani supaya menyerah tetapi Sultan Patani tidak peduli dan tidak menerima perundingan itu. Phraya Rajabangsan telah memerintahkan supaya menembak pintu kota Patani dan pagar kota dengan meriam. Peluru dari meriam terjatuh di tengah bandar. Ramai penduduk yang meninggal dunia, yang masih hidup melaungkan nama Allah serta kalimah takbir Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar! bersama “lailahailallah Muhamadurusulullah dan sebagainya”! Phraya Rajabangsan telah mendengarnya dan merasa sedih dan kecewa lalu memalingkan muka ke arah lain dan mengalir air matanya kerana berperang dengan musuh yang sesama agama. Beliau juga menyuruh tentera untuk menyerang sambil berdoa supaya warga Patani selamat dan berserah diri dengan cepat dan tidak ada lagi kematian di antara kedua-dua pihak. Selepas itu, kerajaan Patani pun menyerah dan berjanji untuk memperbaharui serta memberikan ufti kepada raja Krung Rattanakosin seperti yang telah dilakukan pada zaman Ayutthaya. Kemudian Raja Rama I menitahkan panglima tentera laut Phraya Rajabangsan untuk membawa pemuda tentera Patani serta anak-pinak dan keluarga ke Bangkok dengan kapal. Raja Siam memberikan mereka tanah untuk tinggal dan bercucuk tanam di sebelah Timur Bangkok kawasan Minburi dan Nongchok.⁶⁵

Semua kajian yang telah dinyatakan adalah kajian sejarah yang penting terhadap serangan ke atas Patani dalam sejarah Siam. Berdasarkan kajian tersebut boleh dikatakan bahawa punca serangan kali ini kerana Patani tidak menghantar ufti dan tidak mengiktiraf kuasa Kerajaan Siam baharu di Bangkok yang ditubuhkan oleh Raja Rama I. Selain daripada punca serangan, kajian-kajian tersebut menjelaskan bahawa terdapat rombongan penduduk Patani dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang apabila peperangan telah dihentikan dengan kalahnya pihak Patani.

2.5.1.2 Peristiwa Siam Mengalahkan Patani dalam Sejarah Melayu

Untuk menggambarkan peristiwa Siam mengalahkan Patani pada tahun 1786M, pengkaji juga akan mengemukakan beberapa karya yang ditulis oleh sejarawan Melayu untuk memperlihatkan catatan sejarah yang sama situasinya namun berbeza bentuk ceritanya. Sejarah yang dicatatkan oleh sejarawan Patani ini sangat jauh bezanya dengan sejarah yang ditulis oleh para sejarawan Siam. Kebanyakan karya Patani menggambarkan maklumat tentang penderitaan dan kezaliman pihak Siam terhadap Patani. Maklumat-maklumat yang diceritakan dalam sejarah ini tidak pernah dinyatakan dalam kajian sejarah Siam. Manakala punca peperangan kali ini adalah sama iaitu kerajaan Patani yang dipimpin oleh Sultan Muhammad (1776M-1786M) tidak memperbaharui penghantaran ufti Bunga Emas iaitu sebagai tanda kesetiaan Patani kepada kerajaan Bangkok.



Gambar 2.2: Bunga Emas Ufti Tahunan Negeri-negeri Melayu kepada Kerajaan Bangkok
Sumber: Muzium Negara Malaysia

Walaupun terdapat banyak tulisan sejarah tentang kekalahan Patani pada tahun 1786M yang ditulis oleh pengarang-pengarang Melayu, tetapi karya yang dilihat agak berani ditulis oleh sejarawan Siam untuk dicetak hanya sedikit kerana kebanyakan karya tersebut mendatangkan bahaya kepada diri pengarang yang terlibat. Kebanyakan karya tersebut dijumpai dalam bentuk kertas iklan atau poster sahaja.⁶⁶ Antara karya yang berani menyatakan peristiwa penaklukan Patani oleh Siam kepada masyarakat awam adalah karya Arifin Binci, Abdullah La-oman (A. Bangnara) dan Ahmad Sombun Bualuang. Kajian mereka bertajuk *ปัตตานี ดารุสสลาม “Patani Darussalam”*⁶⁷. Dalam kajian tersebut ada dicatatkan tentang tindakan zalim pihak Siam terhadap orang Melayu Patani yang menjadi tawanan perang dengan menyebut:

Phraya Kalahom membawa tawanan perang Melayu Patani sebanyak 4000 orang ke Bangkok. Dalam perjalanan, ada sebahagian orang melompat ke laut untuk menyelamatkan diri dan terdapat juga yang berjaya menyelamatkan diri dan masih hidup tetapi kebanyakannya mati di tengah laut. Oleh itu, tentera Siam mengambil rotan dan mencucuk tawanan lelaki di bahagian kaki dan dipakunya. Bagi tawanan perempuan dicucuk di telinga supaya tidak boleh lari dari kapal sehingga sampai Bangkok. Ada yang sakit sehingga mati, badannya dibuangkan ke laut. Yang tidak mati menghadapi sakit dan nanah di badan. Setelah tiba di Bangkok, tawanan berketurunan Sultan Patani diberi tanah dan ditempatkan di kawasan Wat Anongkharam, Wat Phichaiyat, wilayah Thonburi. Kawasan itu dikenali sebagai Ban Khaek dan tawanan lain disuruh menggali Khlong Saen Saep dan diberikan tanah untuk bersawah dan berkebun di sekitar kota Bangkok seperti Nongchok, Minburi, Tha-it, dan kawasan lain-lainnya di wilayah Nonthaburi dan di wilayah Pathumthani.

Jumlah penduduk Patani yang dibawa ke Bangkok dijadikan sebagai tawanan itu, dalam karya Arifin et. al selaras dengan karya pengkaji sejarah Melayu Patani di Malaysia iaitu Nik Anuar Nik Mahmad yang bertajuk *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785M-1954M* yang telah menyebut bahawa, walaupun kerajaan Melayu Patani cuba mempertahankan diri tetapi Siam telah berjaya menguasai Patani pada tahun

tersebut. Sultan Muhammad pula telah syahid dalam pertempuran dengan pihak Siam. Akibat kekalahan itu, seramai 4,000 orang Melayu Patani telah dijadikan tawanan dan dibawa ke Bangkok sebagai “hamba tebusan”.⁶⁸ Kekejaman Siam itu telah dilaporkan oleh Kapten Francis Light kepada Govenor General British., pada 12 September 1786M. Tentang hal ini Light mencatatkan “... *The Siamese General is extirpating Pattany (Patani) all the men, children, and old woman, he orders to be tied and thrown upon the grounds and then trampled to death by elphants.*”⁶⁹

Arifin Binci., menyatakan punca kekalahan Patani dalam kajian yang bertajuk *ปัตตานี: ประวัติศาสตร์และการเมืองในโลกมลายู (Patani: Sejarah dan Politik dalam Dunia Melayu)*⁷⁰. Antaranya adalah yang pertama kerana Encik Chanthong yang merupakan pegawai istana Patani berketurunan Siam Ligor telah memaklumkan rancangan peperangan Patani kepada panglima tentera Siam dan Kota Jamu ada pengkhianat Siam. Yang kedua, Sultan Muhammad mangkat ketika berperang menyebabkan tentera dan rakyat tiada semangat, tidak lagi berperang sehingga meninggalkan tugas yang diberikan. Yang ketiga, senjata tidak mencukupi dan yang ada pun sudah lama dan tidak diselenggara. Keempat, tentera Siam lebih ramai daripada tentera Patani (ada tentera dari Ligor dan Songkla bersatu dengan tentera Siam). Kelima, Patani telah lama tidak berperang dan tenteranya tidak terlatih, tidak siap sedia untuk menghadapi peperangan.⁷¹

Kajian sejarah Patani iaitu *Pengantar Sejarah Patani* karya Ahmad Fathi Al-Fatoni mengatakan bahawa punca yang menyebabkan Patani ditakluki Siam pada tahun 1786M adalah kerana Patani telah lama tidak menghadapi serangan, tentera tidak dilatih dan tidak ada barisan tentera yang berkebolehan sehingga Patani tidak dapat mempertahankan negeri sendiri daripada Siam. Walau banyak manapun mereka

mengumpulkan tentera, Patani tetap kalah dan akhirnya Sultan Muhammad Shah mangkat di dalam peperangan.⁷²

Begitu juga dengan Mohd. Zamberi A. Malik mengatakan bahawa kejatuhan Patani itu berpunca daripada seorang rakyat Patani berketurunan Siam yang telah membocorkan rahsia pertahanan kepada pihak Siam sehingga Patani ditakluki Siam pada tahun 1786M. Tentang peristiwa tersebut, Mohd. Zamberi menyatakan:

Menurut suatu sumber, seorang pegawai istana Patani bernama Nai Chanthong yang berketurunan Siam Ligor yang selama ini mendapat kepercayaan Sultan Muhammad Patani telah membocorkan rahsia pertahanan Patani kepada Praya Kalahom. Oleh itu, Praya Kalahom mengarahkan Palatcahana dari Singgora supaya menghantar beberapa buah kapal perang membantu Maha Uparat yang sedang menerima tentangan. Tentera Siam terus mara hingga ke pintu kota istana dan berjaya menawan tiga laras meriam besar yang selama ini menjadi harapan tentera istana Patani. Berita kemangkatan Sultan Muhammad yang telah menjadi sasaran bedilan musuh kafir telah melemahkan perjuangan umat Islam Patani. Menerusi pengalaman peralatan senjata yang lengkap dan di bawah seorang panglima yang berkebolehan, tentera-tentera penjajah Siam telah berjaya menakluki seluruh negeri Patani pada bulan November 1876M.⁷³

A. Bangnara juga telah menulis tentang punca kekalahan Patani dalam tulisannya yang bertajuk *ปัตตานี: อดีตและปัจจุบัน* (Patani: Dahulu dan Sekarang)⁷⁴ dengan memperihalkan:

Satu punca yang menyebabkan Patani ditakluki dengan mudah ialah pengkianatan, dengan kata lain Sultan Patani memberi kepercayaan kepada seorang Siam namanya Encik Chanthong berasal dari Ligor dan sudah lama tinggal di Patani. Apabila Sultan mengetahui tentera Thai akan meyerang Patani, baginda membahagikan tentera kepada dua angkatan. Angkatan pertama menjaga di kuala sungai dan di bandar. Angkatan yang kedua dan pimpinan Encik Chanthong menjaga Kem Kuala Sungai Patani untuk menahan angkatan tentera Thai memasuki

bandar. Encik Chanthong meminta meriam. Pistol dan pelurunya serta makanan dan sebuah kapal laut seluas lima hasta di mana apabila kapal tentera Thai telah tenggelam, Encik Chanthong boleh menaiki kapal tersebut dan menangkap tentera Thai dengan mudah. Sultan Patani percaya dan menyediakan semua perkara yang Encik Chanthong mahukan tanpa mengetahui bahawa Encik Chanthong akan belot. Pada waktu malam, Encik Chanthong dengan ditemani orang Thai membawa keluarga dan mengangkat barang ke kapal menuju ke arah tentera Thai lalu memaklumkan rancangan peperangan Patani kepada pihak tentera Thai. Rahsia Patani diketahui oleh tentera Thai, dan inilah yang menyebabkan Patani ditakluki oleh Thai dengan mudah.⁷⁵

Dalam kajian A. Bangnara lagi, menunjukkan sejarah Siam iaitu *พงศาวดารเมืองสงขลา* (Hikayat Singgora/Songkhla) dihimpun oleh Praya Wichiankiri dan dicetak dalam *Catatan Mesyuarat Hikayat Perpustakaan Negara* menyatakan bahawa:

Apabila Patani telah di bawah jajahan Thai, rakyat Patani ditangkap dan senjata serta harta diambil, istana Sultan Muhammad dibakar dan melantik seorang Melayu sebagai raja negeri. Dalam sejarah mengatakan bahawa tentera Thai menangkap orang Patani, membawanya ke kota Bangkok, serta merampas harta benda dan dua laras meriam. Barang-barang yang dibawa penuh kapal sehingga akhirnya tentera Thai tidak boleh menaiki kapal. Mereka berjalan kaki pulang ke Bangkok. Dua laras meriam yang dirampas itu bernama Seri Patani dengan Seri Negara. Seri Negara terjatuh ke laut tetapi Seri Pattani dibaiki kembali dengan corak Thai dan diletakkan di hadapan Kementerian Pertahanan Siam, Bangkok.⁷⁶

Kekalahan yang terbesar pada kali ini menjadi kekalahan pertama Patani menentang Siam daripada lima kali peperangan semenjak tahun 1632M, 1634M, 1678M, 1709M dan 1786M. Walaupun Patani telah dikalahkan secara habis-habisan oleh Siam, selepas itu terdapat juga beberapa kali usaha untuk mengembalikan kedaulatan kerajaan Melayu Patani dan membebaskan diri daripada kerajaan Siam pada tahun 1789M, 1808M, 1882M, 1838M dan 1838M⁷⁷, namun usaha-usaha tersebut tidak berjaya.

Secara keseluruhan kajian yang dilakukan oleh sejarawan Melayu jelas menyatakan tentang punca-punca kekalahan dalam peperangan tersebut. Terdapat beberapa kajian yang menyatakan tentang kezaliman ke atas orang Patani dan penderitaan mereka pada masa itu dari segi fizikal seperti cucukan di bahagian kaki dan telinga serta penderitaan semasa dalam perjalanan ke Bangkok. Perkara-perkara tersebut tidak dinyatakan dalam sejarah yang ditulis oleh penulis Siam.

Punca-punca kekalahan peperangan tersebut boleh dibahagikan kepada dua faktor utama iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran adalah kekuatan angkatan tentera Siam dengan jumlah tentera yang ramai dan pertolongan daripada beberapa negeri naungan Siam di Selatan seperti Chana Phatthalung dan Songkla serta persediaan yang baik dan semangat yang tinggi kerana mereka baharu sahaja mengalahkan Burma. Manakala faktor dalaman adalah kerana kerajaan Patani sendiri tidak lengkap bersiap sedia serta kekurangan latihan tentera dan menggunakan senjata lama yang tidak dijaga dengan baik. Manakala pengkianat Siam (Nay Chanthong) juga adalah salah satu faktor dalaman yang penting sehingga Patani telah dapat dikalahkan oleh Siam.

Kajian yang dilakukan oleh sejarawan Melayu juga menjelaskan bahawa tawanan perang Melayu dibawa dari Patani ke Bangkok bersama wang, emas, barang-barang yang berharga serta Meriam Seri Patani. Peristiwa ini adalah kali pertama dalam sejarah Siam yang mencatatkan bahawa tawanan Melayu dibawa ke kawasan Tengah Thailand.

2.6 Migrasi Penduduk Patani ke Bangkok

Migrasi tawanan perang pada zaman *Rattanakosin* ini dianggap sebagai faktor wujudnya perkataan “Melayu Bangkok”. Berdasarkan karya-karya sejarah, migrasi penduduk Patani ke Bangkok ini berlaku sebanyak tiga kali dalam dua zaman iaitu dua kali pada zaman Raja Rama I dan sekali pada zaman Raja Rama III.

2.6.1 Migrasi pada Zaman Raja Rama I tahun 1786M dan 1791M

Menurut maklumat daripada *ปรีชาพิพนธ์สงคราม (Hikayat)*⁷⁸ pada zaman Raja Rama I (1782M-1809M) terdapat dua kali migrasi tawanan perang Patani ke Bangkok iaitu kali pertama pada tahun 1768M dan berikutnya pada tahun 1791M.

Demikian juga dengan kenyataan melalui tulisan penulis Melayu iaitu Arifin Binci et al. dan Mohd. Zamberi A. Malek. Kedua-dua kajian mereka mencatatkan bahawa pada zaman Raja Rama I terdapat dua kali penduduk Patani dibawa ke Bangkok. Mohd Zamberi menyatakan migrasi kali pertama seperti berikut:

Setelah beberapa bulan bermaharajarela, Praya Kalahom telah menyusun semula pentadbiran negeri dengan mengurangkan kuasa pembesar tempatan. Raja Rama I kemudian menitahkan Maha Uparat supaya mengundurkan tentera Siam dari Patani dan membawa pulang sejumlah besar harta rampasan perang iaitu meriam besar Seri Patani dan seramai 4,000 orang tawanan untuk dijadikan hamba.⁷⁹

Arifin Binci. menyatakan migrasi kali ini dengan menyebut bahawa:

Praya Kalahom membawa tawanan seramai 4,000 orang menuruni kapal ke Bangkok. Dalam perjalanan ke Bangkok, beberapa orang melompat lari ke laut. Terdapat beberapa orang yang masih hidup tetapi kebanyakannya meninggal dunia di tengah laut.⁸⁰

Daripada catatan-catatan tersebut jelas menunjukkan bahawa maklumat yang didapati daripada dua pihak menjelaskan migrasi yang pertama kali terjadi selepas Patani dikalahkan oleh Siam iaitu pada tahun 1786M dengan tawanan seramai 4,000 orang.

Bagi migrasi kali yang kedua pada tahun 1791M, Mohd. Zamberi A. Malek mencatatkan:

Pada zaman Raja Tengku Lamidin, angkatan tentera Siam sekali lagi menyerang Patani kerana Tengku Lamidin menghantar perutusan kepada Raja Gia Long yang bernama Ong Chieng Su Annam (Vietnam Utara) secara sulit yang bertujuan untuk sama-sama menyerang negeri Siam.

...Raja Gia Long Ong Chieng Su telah membongkar rahsia pakatan itu kepada Raja Siam Rama I yang kemudiannya menitahkan Praya Kalahom menghantar bala tentera Siam untuk menghancurkan Patani secara habis-habisan.

Dalam pada itu di Kedah sekitar bulan Jun-Julai 1791M, Syeikh Ahmad Kamal dari Kota suci Mekah telah turun ke tanah Jawi untuk membela umat Islam Patani menerusi pakatan sulit dengan Raja Patani. Sultan Abdullah Kedah juga menghulurkan sokongan dengan mengizinkan Syeikh Ahmad Kamal untuk menjadikan Kedah sebagai pangkalan untuk membekalkan senjata dalam perjuangan gerila walaupun mereka sendiri kurang yakin dengan kejayaannya. Di medan peperangan, perjuangan umat Islam Patani terus memberikan tentangan hebat namun kekuatan pihak musuh telah dapat menyerbu negeri Patani hingga menawan Raja Patani Tengku Lamidin. Baginda kemudiannya telah dihukum bunuh atas tuduhan menderhaka kepada Raja Siam. Dengan kekalahan itu, sekali lagi umat Islam Patani disiksa oleh tentera-tentera Siam dengan berbagai penganiayaan. Ini telah mendesak ramai antara mereka untuk melarikan diri ke negeri-negeri Melayu berjiran seperti Kedah, Perak, Kelantan Terengganu, Pahang atau ke mana-mana sahaja...⁸¹

Berdasarkan peperangan tersebut tentera dan rakyat Patani melarikan diri ke hutan dan ke negeri-negeri Melayu lain. Selain itu Phraya Kalahom membawa angkatan tentera Siam untuk membakar istana Tengku Lamidin di bandar Perawan sehabis-habisnya serta merampas sekumpulan lagi penduduk Patani ke Bangkok.⁸²



Gambar 2.3: Phraphutthayotfa Chulalok (Rama I) (1782M-1809M), telah mengarahkan adindanya Kromprarajawangnaworn menyerang Patani pada bulan November 1786M
Sumber: <http://www.thaiguide-to-thailand.com/>

2.6.2 Migrasi pada Zaman Raja Rama III Tahun 1832M

Migrasi pada zaman Raja Rama III melibatkan Patani dan Kedah yang menentang Siam pada tahun 1832M. Hal ini dicatat oleh Mohd Zamberi A. Malek bahawa:

...Raja Rama III menitahkan Chaopraya Praklang mengetuai armada laut yang berjumlah 30,000 orang. Mereka bertolak pada hari Ahad 18 Mac 1832M, dari Bangkok bergerak ke Selatan membantu tenteranya berperang dengan orang-orang Melayu. Pada 30 Mac 1832M kemudiannya, angkatan tentera ini tiba di medan peperangan dan meletuskan lagi satu pertempuran yang dahsyat. Orang-orang Melayu berjuang dengan tidak menilaikan

pengorbanan mereka dan akhirnya Tengku Din pemimpin angkatan Kedah terkorban pada 22 April 1832M.

Ini menyebabkan strategi perjuangan mula membawa kepada perpecahan dan orang-orang Melayu berjaya digempur oleh tentera Siam. Raja Patani Tuan Sulong dan Raja Jalor Tuan Kundur bersama keluarga telah lari berlindung ke Kelantan. Raja Nongchik Tuan Lecik dan Raja Legeh Nik Duih pula berundur ke kawasan pedalaman di Hulu Patani. Mereka telah dikejar oleh tentera-tentera Siam lalu bertempur pula di daerah Belum dan mengakibatkan Raja Legeh terbunuh di situ. Raja Nongchik yang terselamat lari ke bahagian Hulu Perak. Sungguhpun Raja Reman dan Raja Saiburi tidak terlibat secara langsung dalam peperangan ini, namun mereka telah menyerah diri kerana rakyatnya juga dituduh menyertai peperangan dan kemudian telah dilantik semula untuk memerintah negeri masing-masing.

Kepulangan angkatan bantuan dari Kedah, Kelantan dan Terengganu meninggalkan Patani menyebabkan Siam melakukan serangan dan telah bertindak menyiksa umat Islam Patani. Penderitaan penduduk bandar Patani yang sejumlah 54,000 orang ketika itu, tidak ada pembelaan dari sesiapa pun. Seramai 6,000 orang telah dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang. 4,000 orang yang berjaya menyelamatkan diri telah lari memasuki negeri Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Langkat di Timur Sumatera dan seluruh kepulauan Nusantara.⁸³

Punca dan keadaan peperangan yang dinyatakan oleh Arifin Binci ini tidak berbeza dengan karya Mohd Zamberi tetapi terdapat maklumat bahawa migrasi kali ini melibatkan beberapa kumpulan penduduk dari Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang bersama penduduk Patani.



Gambar 2.4: Pra Nang Klao (Rama III) (1824M-1851M), melancarkan serangan besar-besaran ke atas Patani pada 18 Mac 1832M
Sumber: <http://www.thaiguide-to-thailand.com/>

Bagi jumlah penduduk yang dibawa ke Bangkok, berdasarkan maklumat yang didapati 4,000 orang dibawa ke Bangkok dalam migrasi kali yang pertama. 6,000 orang lagi dibawa ke kota itu dalam migrasi kali yang ketiga. Manakala migrasi kali yang kedua pada hujung zaman Rara Rama I tidak dicatatkan tentang jumlah tawanan tetapi dianggarkan bahawa jumlahnya sekurang-kurangnya 3,000 orang. Boleh dikatakan bahawa pada awal zaman *Rattanakosin* penduduk negeri-negeri Melayu di selatan Thai terutamanya negeri Patani dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang sekurang-kurangnya 13,000 orang. Menurut cerita yang diceritakan tentang kumpulan orang Melayu Bangkok, jumlah tawanan mungkin lebih daripada 20,000 orang.⁸⁴



Peta 2.10 : Pembawaan Orang Melayu dari Selatan ke Tengah Thailand
 Sumber: The World Factbook (2006). *Thailand*.
 Diolah dari: <http://www.cia.gov/cia/pulications/factbook/geos/th.html>.
 (Search date: 24/03/2009)

2.6.3 Punca Membawa Tawanan Perang Melayu ke Bangkok

Berdasarkan kajian tentang peperangan antara negeri Melayu dan Siam pada zaman awal Rattanakosin, terdapat beberapa punca mengapa tawanan perang Patani dibawa ke Bangkok. Pertama, kerajaan Bangkok ingin mengurangkan penduduk dan kuasa negeri-negeri Melayu terutamanya Patani serta menakut-nakutkan para pembesar supaya tidak terlintas untuk memikirkan hal pemberontakan terhadap Siam kerana

setiap kali peperangan Kerajaan Siam memerlukan wang yang banyak untuk persediaan perang. Kedua, kerajaan Siam yang baharu ditubuhkan di Bangkok memerlukan tenaga buruh untuk membangunkan ibu kota baharu itu. Punca yang terakhir ialah kerajaan Siam mahu menambahkan jumlah penduduknya di Bahagian Thailand Tengah kerana ramai penduduk dan tentera yang telah berkurangan kerana meninggal dunia semasa peperangan pada zaman Ayutthaya dan Thonburi.

Selain daripada dasar bertindak membawa tawanan perang tersebut ke Bangkok, kerajaan Siam juga menjalankan dasar memecahkan negeri Patani kepada negeri-negeri kecil dan melantik pembesar-pembesar Patani yang taat setia kepada kerajaan Siam atau pegawai Siam sebagai Raja Negeri. Dasar terakhir yang dijalankan oleh kerajaan Siam sehingga para pembesar berketurunan Sultan Patani tidak berkuasa atas negeri-negeri tersebut adalah dasar *มณฑลเทศาภิบาล* (Monthon) dengan mengumpulkan negeri-negeri naungan di kawasan berhampiran dijadikan Monthon. Contohnya, Monthon Pattani termasuklah negeri Patani, Yala Saiburi, Yaring, Nongcik, Raman, dan Rangae. Bagi negeri Perlis, Setul dan Saiburi (Kedah) dimasukkan ke dalam Monthon Saiburi (Kedah). Setiap Monthon diperintah oleh Gabenor yang dilantik oleh kerajaan di Bangkok. Dasar ini boleh dikatakan sebagai dasar yang menyelenyapkan kuasa raja-raja negeri di kawasan tersebut. Dasar ini juga dianggap sebagai salah satu punca berlakunya ketidakamanan yang masih berlarutan di Bahagian Selatan Thailand sehingga sekarang; terutamanya kawasan kerajaan Patani pada zaman dahulu.

2.7 Kedudukan Orang Melayu Bangkok Selepas Migrasi pada Awal Zaman Rattanakosin

Selepas penduduk Patani dibawa ke Bangkok, tidak terdapat maklumat atau catatan secara rasmi yang menyatakan kedudukan mereka pada masa itu dalam karya

sejarawan Melayu atau Siam. Kedudukan mereka dijumpai dalam beberapa catatan orang Barat yang mengunjungi Bangkok pada masa itu. George Windsor Earl⁸⁵ seorang pelayar dan penulis berbangsa Inggeris yang mengunjungi Bangkok pada tahun 1833M dalam zaman Raja Rama III (47 tahun selepas migrasi kali yang pertama, 45 tahun selepas perpindahan kedua) menyatakan kedudukan orang Melayu pada masa itu melalui catatan yang bertajuk *การเดินทางไปสุสยาม-กรุงเทพ*⁸⁶ (Perjalanan Menuju ke Siam-Bangkok) dengan menyebut bahawa:

Di dalam negara Siam terdapat penduduk yang berbagai bangsa; Burma, Khmer dan Kocincin semua bangsa menghormati pegawai Siam. Ramai juga penduduk bangsa Melayu dan mereka tinggal di seluruh Bangkok. Mereka merupakan hamba dan bekerja sebagai pekebun di kebun para kerabat Diraja Siam atau para pembesar Siam. Setelah beberapa tahun berlalu, Siam meluaskan kuasa ke kawasan Nusantara dan menangkap orang Melayu sebagai hamba dan bekerja untuknya. Laporan yang terakhir telah menyatakan bahawa Saiburi adalah sebuah kota di seberang Pulau Pinang yang telah dijajah oleh Siam dengan pertolongan daripada orang Inggeris yang mengharap keuntungan dari perniagaan dengan kerajaan Siam.

Dua buah tongkang yang membawa tawanan dari Patani telah tiba di kuala ketika saya tinggal di sini. Di bahagian ruang atas tongkang tidak muat kerana jumlah tawanan sangat ramai. Oleh itu, dibinakan sebahagian tambahan di tepi tongkang untuk meluaskan kawasannya. Sangat kasihan melihat keadaan tawanan perang kerana tangan mereka diikat supaya tidak boleh melarikan diri dari tongkang.

Enam bulan yang lalu ketika Mister Hunter berada di Bangkok, terdapat banyak tongkang membawa tawanan perang dari Patani dan mereka dipenjarakan di bawah rumah dan di lantai kilang. Mereka dizalimi, sebahagian lelaki kesakitan mereka tidak dipedulikan, mereka tidak dapat menyembuhkan kesakitan. Dua-tiga hari ketika mereka di dalam penjara di kilang, beberapa tawanan meninggal dunia terutamanya kanak-kanak kerana tidak ada makanan dan menghadapi penyakit sejak berangkat lagi. Mereka yang masih hidup dikawal dan dihambakan dan dipisahkan di antara ibu bapa dan anak. Oleh itu anak dan ibu serta keluarga dipecahkan malah tidak boleh tinggal bersama.

Di Bangkok, banyak kali saya berjumpa seorang Raja Melayu dari Patani dan sempat berbual dengan baginda tetapi perbualan di antara kami tidak panjang kerana Raja Melayu diiringi oleh dua orang Siam. Saya berfikir bahawa kejatuhan kerajaan Melayu sekarang berpunca daripada kemewahan para kerabat diraja dan pembesar serta kekurangan keharmonian di antara satu sama lain. Oleh itu, negeri-negeri Melayu mudah dijajah oleh Siam. Saya tidak dapat menolong Raja Melayu ini. Sudah banyak kali baginda melihat orang Melayu dipotong leher di hadapan kilang. Raja mengharapkan orang Eropah boleh menolong baginda dan rakyatnya. Baginda tidak memohon atau menegur orang Eropah. Tetapi dari segi gaya baginda menggambarkan setinggi-tinggi kesedihan kerana kehormatan dan maruah baginda terhina.⁸⁷

Selain daripada itu, Earl juga mengatakan bahawa beberapa tahun yang lalu, Siam selalu menyerang Semenanjung Melayu serta menyatakan punca pembawaan tawanan perang ini tidak ada alasan lain, selain daripada rampasan hamba⁸⁸ dan menggambarkan lagi keadaan tempat kediaman tawanan Patani selepas tiba di Bangkok:

Bangunan kilang dua tingkat diperbuat daripada bata putih. Tingkat bawah merupakan bilik simpanan barang, dapur, dan bilik hamba. Tingkat atas digunakan untuk kediaman orang Eropah yang mengunjungi Bangkok. Lantai bawah bangunan dan padang sangat kotor kerana menjadi sebuah penjara untuk didiami oleh orang Melayu dari Patani.⁸⁹

Melalui catatan *Sir John Bowring*⁹⁰ 20 tahun kemudian, yang bertajuk *The Kingdom and People of Siam*, dia menggambarkan bahawa kehidupan orang Melayu di Bangkok dalam zaman Raja Rama IV daripada tawanan dijadikan hamba, dan akhirnya hidup mereka seperti bangsa lain yang berada di Bangkok. Sir John Bowring menyatakan keadaan tersebut:

Adat istiadat orang Melayu lebih hampir sama dengan orang Siam berbanding orang Cina. Mereka selalu makan pinang seperti orang Siam. Makanan utama adalah nasi, tepung, ikan, daging lembu, daging kerbau, ubi, dan buah-buahan. Mereka berkebun dan menanam pisang, tebu, kadang-kala menanam lada atau kopi dan buah-buahan tempatan tetapi mereka tidak mengambil

berat tentang tenaga dan pemeliharaan makanan. Bahasa mereka banyak digunakan dan menjadi alat komunikasi dari India dan mudah diterjemah, serta mempunyai intonasi dan mudah dipelajari. Mereka menjaga kebudayaan di bawah pimpinan pembesar negeri (Sultan). Pakaian yang dipakai ialah kain sarung dan seluar serta serban, manakala rambut dipotong pendek. Mereka menyelitkan keris atau pisau di pinggang.⁹¹

Sir John Bowring juga menyatakan bahawa hamba di Bangkok terdiri daripada tiga kategori iaitu:

- 1) Hamba daripada peperangan
- 2) Hamba daripada jual beli dan
- 3) Anak hamba

Dari segi jumlah hamba dalam kategori yang pertama atau tawanan itu dibahagi mengikut bangsa masing-masing iaitu 5,000 orang Melayu, 10,000 orang Chochin Cina, 10,000 orang Mon, 20,000 orang Laos dan 1,000 orang Burma. Sir John Bowring telah mengatakan lagi bahawa "*hampir semua tawanan ini di bawah duli Maha Raja atau tawanan di-raja*". Terdapat beberapa orang sahaja yang diberikan oleh Raja kepada para pembesar. Tetapi status hamba itu masih kekal sebagai 'buruh di-raja' atau 'pekerja diraja' di bawah naungan raja. Hanya sedikit jumlah orang Melayu dan Mon yang dijadikan sebagai kelasi kapal laut atau nelayan. Pendapatan mereka sebanyak lapan Baht, manakala orang yang menjadi tukang kapal laut berpendapatan 20-30 Baht. Mereka bekerja selama tiga bulan dalam setahun, dan jika mempunyai anak lelaki akan menjadi buruh di-raja. Jika anak perempuan mungkin akan dijual oleh ibu bapa sebagai hamba seperti orang Siam lain. Sir John Bowring mengatakan bahawa mereka yang berbagai-bagai bangsa mendiami kawasan itu dengan mendirikan perkampungan secara kecil-kecil di sekitar kota.⁹²

Sebuah tulisan yang menceritakan kedudukan orang Melayu di Bangkok ialah karya Karl Friedrich Augustus Gützlaff yang berjudul *บันทึกกรายวันกับความเป็นอยู่ในกรุงสยาม (Catatan Kedudukan Sehari-hari dan Kehidupan di Siam)*⁹³ menceritakan:

Kadang-kadang tidak ternampak bangsa lain selain daripada Melayu yang dapat keuntungan dari penjajah Siam. Bangsa ini kebanyakannya dijadikan hamba atau mereka menyewa tanah untuk bekerja dan menjaga produk dari kebun dengan baik. Mereka bekerja keras, tetapi mendapat gaji yang murah. Mereka harus mengadaptasikan diri dengan adat istiadat Thai. Haji (guru agama) dihormati oleh mereka. Kuasa Haji tidak terdapat sesiapa yang boleh mengawalinya. Haji bertugas sebagai orang yang mengajar Al-quran.⁹⁴

Hamba kumpulan lain yang berada di Siam juga menempuh pelbagai dugaan serta kesusahan yang sama. Karl Friedrich Augustus Gützlaff menyatakan lagi:

Orang Cina merupakan salah satu kumpulan hamba di Siam. Yang lebih buruk lagi apabila mereka dijadikan hamba di istana raja. Mereka akan disuruh atau dipaksa melakukan sesuatu yang hina dan sukar. Jika tidak taat akan dihukum berat. Kadang-kala akan dipenjarakan seumur hidup dan dirantai. Orang Siam suka menangkap orang Burma dan dijadikan hamba. Walaupun England telah memasuki Burma tetapi masih terdapat ramai warga Burma di negeri Siam, beribu-ribu orang Burma ditangkap. Mereka disuruh bekerja lebih keras daripada warga Siam serta ditindas dan dihina oleh orang Siam. Yang paling teruk ialah apabila mereka tidak mendapat apa-apa balasan daripada pekerjaan yang dilakukannya.⁹⁵

Maklumat yang didapati memperlihatkan bagaimana nasib keadaan dan kedudukan orang Melayu Bangkok selepas mereka dibawa ke Bangkok. Tawanan perang adalah status pertama mereka selepas kekalahan perang. Kemudian status tawanan ditukar kepada hamba di-raja. Akhirnya mereka dibebaskan sebagai rakyat biasa. Jika dibandingkan kedudukan orang Melayu dengan bangsa lain, ternyata bahawa

kedudukan orang Melayu Bangkok ini lebih baik daripada penduduk bangsa lain. Akhirnya mereka diberikan tanah untuk dijadikan sumber mencari rezeki dan pekerjaan utama mereka sebagai petani.

2.8 Penempatan dan Taburan orang Melayu di Persekitaran Bangkok

Untuk mengetahui penempatan dan taburan orang Melayu di Bangkok dan persekitarannya selepas perpindahan mereka sehingga sekarang. Pengkaji menggunakan beberapa kajian sejarah dan temu bual serta catatan keturunan yang dicatat oleh anak cucu orang Melayu Bangkok untuk mendapatkan rumusan tentang kampung-kampung Melayu dan perkembangannya. Pengkaji membahagikan penempatan dan perkembangan orang Melayu di Bangkok kepada dua zaman berdasarkan perpindahan mereka iaitu zaman Raja Rama I dan zaman Raja Rama III.

2.8.1 Pertempatan dan Taburan orang Melayu Bangkok zaman Raja Rama I

Tulisan Samai Caroenchang yang bertajuk *ย้อนรอยมุสลิมสยาม*⁹⁶ (Menjejaki Semula Muslim Siam) meneritakan tentang penempatan dan taburan perkampungan Melayu selepas mereka dibawa ke Bangkok, dengan menyebut bahawa pada zaman Raja Rama I tawanan perang Melayu ditempatkan di beberapa kawasan di Bangkok dan kawasan persekitarannya seperti, *Paklad* (sekarang merupakan sebuah mukim di daerah Phrapradaeng, wilayah Samutprakran), Ban Somdej (sekarang merupakan sebuah mukim di daerah Thonburi, Bangkok) dan beberapa kawasan di luar bandar Bangkok seperti Khlong Prawet, Klong Khlet (kawasan masjid Al-Qubra). Terdapat juga mereka yang ditempatkan di tebing Sungai Chaophraya Utara Bangkok iaitu Ban Tha-it, daerah Pakkret, wilayah Nonthaburi.⁹⁷

Begitu juga dengan kajian Somkid Maneewong , *มุสลิมในประเทศไทย* (Muslim dalam Negara Thai) memperkatakan tentang penempatan tawanan dari Patani, dengan menyatakan bahawa para tawanan perang dipaksa ke Bangkok. Para kerabat di-raja dan pembesar ditempatkan di Si Yaek Ban Khaek (di daerah Thonburi, Bangkok), penduduk-penduduk Patani ditempatkan di Thanon Tok (sekarang adalah daerah Bangkholaem, Bangkok), Pratumam (Khlung Saen Saep) sampai Sam Yaek Tha Khai, Paklad, Pechaburi, Chachengsao, Nakhonnayok dan Prathumthani. Sekarang perkampungan Melayu berkembang ke kawasan wilayah Cholburi.⁹⁸

Direk Kulsirisawas dalam tulisannya *ความสัมพันธ์ของมุสลิมทางประวัติศาสตร์และวรรณคดีไทยและสำเนาอักษรวิสัยไลมาน* (Hubungan Muslim dalam Sejarah dan Kesusasteraan Thai dan Kapal Sultan Sulaiman) menyatakan bahawa tawanan yang dibawa kali ini dianggap ramai. Mereka ditempatkan di kawasan yang berlainan. Kebanyakan mereka berada di sekitar Bangkok seperti Thonburi kawasan *Si Yaek Ban Khaek*. Kawasan sekeliling Bangkok adalah Thung-kru (Paklad) dalam daerah Phrapradaeng, Bangkholaem, Mahanak, Phrakhanong, Klong Tan, Minburi, Nongchok. Di wilayah tengah Thailand lain adalah Nakornnayok, Chachengsao, Pechaburi, Ayutthaya dan Nonthaburi di mukim Tha-it dan kawasan Selatan Thailand di wilayah Suratthani mukim Tha-thong.⁹⁹

Selain daripada kajian tersebut terdapat dua buah catatan tentang keturunan yang dibuat oleh orang Melayu Bangkok berhubung dengan generasi ketiga, iaitu catatan Haji Abbas Saengwiman (1863M-1950M) dan catatan Haji Kosem, penduduk di kampung Sapan Yaw, wilayah Ayutthaya. Haji Abbas mencatatkan keturunan dirinya sendiri dengan menggunakan tulisan jawi serta penempatan dan taburan orang Melayu Bangkok pada zaman Raja Rama I. Catatan tersebut menyatakan tentang kawasan yang


menempatkan orang Melayu Bangkok. Kawasan tersebut adalah kawasan Ban Paklad daerah Phrapradaeng. Penduduk di Ban Paklad ini katanya, kemudian dipindahkan ke beberapa kawasan seperti Khlong Masong, Rongkracom, dan kawasan wilayah Nonthaburi. Terdapat juga yang berpindah ke kawasan daerah Sainoi wilayah Nonthaburi. Selain dipindahkan ke beberapa kawasan tersebut, orang Melayu Bangkok di Ban Paklad ini juga dipindahkan ke kawasan daerah Thung-kru, Phrakhanong, Aonnuch, Khlong Samwa, Nongchok di Bangkok dan wilayah Chachengsao dan Nakhonnayok.

Dalam catatan tersebut juga ada menyatakan bahawa tawanan perang Patani yang ditempatkan di kawasan wilayah Pratumthani, dan kampung Suan Prikthai kemudian dipindahkan ke kampung Bang Pho, kampung Khlong Nueng dan kawasan daerah Sam Khok dan daerah Lad Lumkaew. Catatan itu menyebut bahawa beberapa kumpulan tawanan perang Patani zaman Raja Rama I dipindahkan ke kawasan wilayah Ayutthaya di Khlong Takaen dan Ban Tha Sai.

Catatan keturunan berkenaan baharu dijumpai oleh cucu Haji Abbas pada tahun 2010M, dan ia banyak membantu sejarawan yang mengkaji tentang sejarah orang Melayu Bangkok. Catatan tersebut merupakan data asas pertama yang digunakan untuk merujuk tentang penempatan dan taburan orang Melayu Bangkok pada zaman dahulu selain daripada cerita lisan.

Manakala sebuah catatan berhubung dengan keturunan yang dicatat oleh Haji Kosem mengenai penduduk di kampung Sapan Yaw, wilayah Ayutthaya menyatakan bahawa terdapat beberapa kumpulan tawanan perang dari Patani ditempatkan di wilayah

Ayutthaya dan kemudiannya dipindahkan ke kawasan Bang Talad, wilayah Nonthaburi tetapi kebanyakan mereka itu masih mendiami kawasan di wilayah Ayutthaya.



Gambar 2.5: Catatan Keturunan dan Penempatan orang Melayu ,
oleh Haji Abbas Saengwiman(1863M-1950M)
Sumber: Muzium kampung *Paklad*, daerah *Phrapadaeng*, wilayah *Samutprakarn*




Gambar 2.6: Catatan Keturunan dan Penempatan orang Melayu,
Dicatat oleh Haji Kosem, penduduk di kampung
Sapan Yaw, wilayah Ayutthaya.
Sumber: Muzium kampung *Paklad*, daerah *Phrapadaeng*, wilayah *Samutprakarn*

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kajian tentang orang Melayu Bangkok dan catatan keturunan mereka, ia boleh menjelaskan tentang beberapa kawasan tawanan perang Melayu itu ditempatkan pada zaman Raja Rama I. Kawasan tersebut melibatkan beberapa wilayah di Bahagian Tengah Thailand; iaitu Bangkok, Samutprakarn, Nonthaburi, Pratumthani dan Ayutthaya. Kemudian penduduk-penduduk di kawasan tersebut dipindahkan pula ke kawasan wilayah Chachengsao dan Nakhonnayok. (Sila lihat Jadual 2.2 dan Peta 2.6 untuk rujukan nama kampung dalam setiap wilayah yang menempatkan mereka serta taburan penduduk Melayu dalam kampung-kampung tersebut.)

Jadual 2.2: Senarai Nama Kampung Tawanan Perang pada Zaman Raja Rama I

Wilayah	Kawasan ditempatkan.	Kategori Penduduk
Bangkok	1. Si Yaek Ban Khaek	Kerabat diraja, Pembesar
	2. Phrakhanong	
	3. Khlong Tan	
	4. Bangkholaem	
	5. Khlong Prawet	
	6. Khlong Khlet	
	7. Minburi	
	8. Nongcok	
	9. Thung-kru	
	10. Mahanak	
Samutprakarn	1. Paklad, Phrapadaeng	
Nonthaburi	1. Tha-it	
	2. Bang Talad	
Prathumthani	1. Suan Prikthai	
Ayutthaya	1. Khlong Takaen	



Peta 2.11: Taburan orang Melayu Bangkok Mengikut Kampung yang Ditempatkan pada Zaman Raja Rama I
 Sumber: Diadaptasi dari <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>

2.8.2 Penempatan dan Taburan Orang Melayu Bangkok Zaman Raja Rama III

Pada zaman Raja Rama III, kerajaan Siam sekali lagi membawa tawanan perang dari negeri-negeri Melayu ke Bangkok. Perpindahan kali ini bukan sahaja dalam kalangan penduduk Patani tetapi terdapat juga dari Kedah, Perlis dan Kelantan.¹⁰⁰ Jumlah tawanan yang dipindahkan kali ini adalah seramai 6,000 orang. Selepas tiba di Bangkok, mereka itu ditempatkan di beberapa kawasan termasuk juga kawasan-kawasan yang telah didiami oleh tawanan perang pada zaman Raja Rama I.

Tawanan dari Yaring ditempatkan di kawasan tebing terusan Khlong Saen Saep di kampung Bandon, Samin, Bangmakhua, Nualnoi, Ekamai, dan Khlong Tan. Penduduk kawasan ini kemudian dipindahkan ke kawasan Khlong Ladprao, Wat Tuk (sekarang Masjid Jamiul Islam), Wat Klang (sekarang Masjid Riduanul Islam) Lolae (sekarang

Masjid Al-Yusra) hingga ke Khlong Si Wang Lek (sekarang Masjid Abbusyra) daerah Minburi. Tawanan dari Yarang ditempatkan di Lolae, Ladbuakhao (sekarang daerah Saphansoong).¹⁰¹

Tawanan dari Kelantan dan Terengganu ditempatkan di kawasan kampung Hua Pah, Suan Luang, Phatthanakarn, Srinakharin dan beberapa kumpulan dipindahkan ke kampung Lamchala Khlong 16, Khlong 18, Khlong 19 dan Khlong 20 di daerah Bangnampreaw wilayah Chachengsao. Tawanan dari Satoi atau Satul ditempatkan di kawasan Khlong Rahad, Khlong Kum (sekarang Masjid Assalam) Surau Daeng (Khannayaw) Bangchan, Klibmu, Khukhot, Lamkralok, Khlong Samwa, Khlong Si Tawanok, Khlong Paed dalam daerah Khlong Samwa, Khlong Kao daerah Nongcok. Sekarang kumpulan ini berpindah ke kawasan mukim Bung Phra Acan daerah Aongkharak wilayah Nakhonnayok dan Khlong 14 berhampiran Khlong Rangsit. Terdapat juga meklumat yang dipercayai bahawa penduduk berketurunan Kedah ini dipindahkan ke kawasan Thailand Selatan ke bahagian utama iaitu daerah Thasae, wilayah Chumporn.¹⁰²


Tawanan dari Kedah dan Perlis ditempatkan di kawasan Saikongdin (sekarang daerah Khlong Samwa, Bangkok) dan di tebing Khlong Saen Saep Masjid Kamarul-Islam (kawasan daerah Minburi, Bangkok). Kemudian selepas itu mereka berpindah ke kawasan lain seperti kampung Khlong 16 Tonsamoak, Khlong 17, Khlong 21, mukim Chimpli daerah Wangnampreaw wilayah Chachengsao, Khlong 14 (Masjid Islam Nakhonnayok) Khlong Hokwa, Khlong 22 dan Khlong 24 wilayah Nakhonnayok. Sekarang penduduk keturunan Kedah ini dipindahkan lagi ke kawasan mukim Bang Kachae daerah Muang wilayah Trad dan Ban Pakphraya mukim Tha-chak daerah Muang wilayah Nakornsrihammarat.¹⁰³

Manakala perpindahan tawanan perang dari Patani pada Zaman Raja Rama III ditempatkan di kawasan Banciaradap, Bankratumrai, Ban Sam Yaek Tha-Khai dan kampung Surau Mai daerah Nongcok. Kemudian mereka dipindahkan pula ke kawasan Khlong 14, Khlong 15, Khlong Hokwa dan ke beberapa kampung di daerah Nongcok seperti, Ban Lamsai, Lam I-rua, Lamtonkuai, Lamphakchi, Lammodtanoi dan Lam Khaek. Terdapat maklumat tentang beberapa kumpulan tawanan perang keturunan Patani ini ditempatkan di daerah Bang Bua Thong wilayah Nonthaburi, daerah Muang, Khlong Luang, Lamlukka wilayah Pratumthani dan daerah Bang Pa-in, Wang Noi, Ladbualuang wilayah Ayutthya.¹⁰⁴

Berdasarkan maklumat yang didapati, kebanyakan tawanan Melayu pada zaman Raja Rama III ditempatkan di kawasan luar Bangkok terutamanya kawasan Barat tebing Khlong Saen Saep (daerah Prawet, Khlong Samwa, Minburi dan Nongcok, Bangkok). Punca wujudnya penempatan tawanan perang di luar kota Bangkok ini adalah disebabkan kawasan dalam kota Bangkok telah penuh dengan tawanan-tawanan yang dipindahkan pada zaman Raja Rama I. Selain itu, penempatan tawanan di luar kota ini bertujuan untuk membantu membangunkan kawasan luar kota. (Sila lihat Jadual 2.3 dan Peta 2.6 untuk merujuk tentang petempatan dan taburan mereka.)

Jadual 2.3: Senarai Nama Kampung Tawanan Perang Ditempatkan Berdasarkan Negeri Asal dalam Zaman Raja Rama III

Wilayah	Negeri Asal	Kawasan ditempatkan.
Bangkok	Yaring	Kampung Bandon, Samin, Bangmakhua, Nualnoi, Ekamai, Klong Tan
	Kelantan dan Terengganu	Hua Pah, Suan Luang, Phatthanakarn, Srinakharin
	Kedah dan Perlis	Saikongdin (sekarang daerah Khlong Samwa, Bangkok) dan tebing Khlong Saen Saep Masjid Kamarul- Islam (kawasan daerah Minburi, Bangkok)
	Patani	Banciaradap, Bankratumrai, Ban Sam Yaek Tha-Khai, kampung Surau Mai daerah Nongcok
Nonthaburi	Patani	Bang Bua Thong
Pratumthani	Patani	daerah Muang, Khlong Luang, Lamlukka wilayah Pratumthani
Ayutthaya	Patani	daerah Bang Pa-in, Wang Noi, Ladbualuang wilayah Ayutthya



Peta 2.12: Taburan Orang Melayu Bangkok Mengikut Negeri Asal yang Ditempatkan pada Zaman Raja Rama III
 Sumber: <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>

Maklumat yang telah dinyatakan boleh membuktikan bahawa tawanan perang Melayu pada zaman Raja Rama I ditempatkan di kawasan kota Bangkok. Para kerabat di Raja dan pembesar-pembesar negeri ditempatkan di kawasan yang paling dekat dengan Istana Negara kerana kerajaan Siam bimbang dengan kemungkinan berlakunya pemberontakan yang akan dipimpin oleh kumpulan tersebut. Apabila kawasan kota telah penuh dengan tawanan, kumpulan tawanan seterusnya akan ditempatkan di kawasan luar Bangkok seperti Minburi, Prawet dan Nongcok serta wilayah sekelilingnya seperti wilayah Samutprakarn, Ninthaburi, Pratumthani, Ayutthaya dan Nakhonnayok. Begitu juga pada zaman Raja Rama III, hampir semua tawanan ditempatkan di kawasan luar kota.

2.9 Cerita-cerita dalam Kalangan Orang Melayu Bangkok

Dalam kalangan orang Melayu Bangkok terdapat beberapa kisah yang diceritakan daripada satu generasi kepada satu generasi hingga sekarang. Cerita-cerita tersebut tidak dinyatakan secara rasmi dalam catatan-catatan Siam atau Melayu tetapi sangat terkenal dalam kalangan orang Melayu Bangkok. Pengkaji akan mengemukakan dua buah cerita yang berkaitan dengan latar belakang orang Melayu Bangkok yang masih lagi diceritakan dalam kalangan mereka. Cerita-cerita tersebut adalah cerita tentang “menebuk kaki” atau “pencucukan kaki” dan “Khleng Saen Saep”.

2.9.1 “Menebuk Kaki” atau “Penyucukan kaki”

Kajian sejarah yang paling sensitif di antara kerajaan Siam dengan kerajaan Melayu Patani pada zaman dahulu ialah tentang kekejaman pihak Siam terhadap tawanan perang setelah berlaku kekalahan di pihak Patani, walaupun tidak terdapat bukti yang jelas tentang kebenaran cerita penganiayaan tersebut.

Dalam kajian para sejarawan Melayu telah menyatakan bahawa penyucukan kaki tawanan dengan rotan itu adalah “benar” dan dilakukan oleh tentera Siam terhadap orang Melayu Patani setelah mereka menerima kekalahan. Mohd Zamberi A. Malik mengatakan bahawa orang-orang Melayu Patani yang menjadi tawanan perang ini telah dicucuk di bahagian kaki dan telinga mereka dengan rotan seni, dirantai beramai-ramai untuk mengelakkan mereka melarikan diri ketika dibawa ke Bangkok.¹⁰⁵ Pada akhir abad yang ke-19M W.E. Maxwell menemui ramai perempuan tua di kawasan hulu Perak yang telinga mereka berlubang. Begitu juga dengan perempuan Islam generasi tua di Bangkok banyak ditemui telinga mereka berlubang. Selain itu Mohd Zamberi menyatakan lagi bahawa “...mereka lari memasuki negeri Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Langkat di Timur Sumatera, dan seluruh kepulauan Nusantara. Di daerah Sik, Baling dan Padang Terap di negeri Kedah, daerah Hulu Perak, Larut dan Selama di negeri Perak merupakan penempatan keturunan Melayu Patani yang berhijrah mengikut siri-siri peperangan Patani-Siam ini.”¹⁰⁶

Selain itu, Chokchai Wongtani mengatakan bahawa terdapat banyak kajian akademik yang menceritakan tentang perpindahan atau penghijrahan orang Melayu Patani selepas peperangan tersebut. Begitu juga dengan bukti daripada sebahagian penduduk generasi seterusnya, mereka menceritakan dan memanggil penghijrahan itu dengan nama “mencucuk kaki” “merangkai kaki” atau “rampas” ke Bangkok.¹⁰⁷

Kejadian “penyucukan kaki” masih lagi diceritakan dalam kalangan penduduk generasi baharu. Terdapat pandangan daripada orang Melayu Muslim Ayutthaya, Manoch Phutal yang menceritakan bahawa;

Perkampungan Muslim (Ayutthaya) mungkin mereka diami sejak dari Krungsri Ayutthaya. Di pinggir Terusan Takian ada sebuah perkampungan dikenali dengan “Khaek Tani” dan difahamkan mereka dari Patani. Di Lumpli (padang Lumpli adalah medan

perang semasa peperangan Krungsri Ayutthaya), di Lumpli ini surau berusia seratus tahun dan perkampungan di sini dikenali dengan “Khaek Cam” mungkin datang dari Kemboja. Abang saya pernah menceritakan bahawa sebahagian Muslim (awal zaman Rattanikosin) pernah menjadi hamba dan buktinya dapat dilihat dari parut yang dicucuk dengan rotan di bahagian kaki.¹⁰⁸

Terdapat sebuah catatan yang dikemukakan dalam laman web yang tidak dinyatakan nama penulisnya, tetapi dengan hanya memaklumkan bahawa dia beragama “Buddha”. Dalam karangan itu diceritakan tentang peristiwa penyucukan kaki yang dimaksudkan:

Apabila Siam mendapat kemenangan, Istana Nilam dibakar (siapa pun tidak suka Burma yang telah membakar kota Ayuttaya tetapi peperangan pada zaman dahulu sebegini, siapa yang menang dapatlah merampas semua benda dan harta tidak ada larangan) masjid, pintu gerbang dan kampung-kampung juga dibakar serta merampas tiga laras meriam, tetapi yang boleh digunakan hanya dua laras iaitu Seri Negara dan Seri Patani dan dibawa ke Bangkok. Ketika menuju ke kuala sungai, tiba-tiba meriam Sri Negara terjatuh ke laut (sekarang beberapa orang penduduk Patani berusaha mencari meriam kembali) bersama meriam mereka membawa 4000 orang tawanan perang Patani di dalam kapal. Tawanan inilah yang menjadi sebab atau punca kemarahan dan kesedihan bagi generasi sekarang, tetapi sudah menjadi kebiasaan dalam peperangan pada zaman dahulu, dengan kata lain tawanan perang berusaha melarikan diri dari kapal dengan terjun ke laut dan tidak takut akan kematian. Disebabkan perlarian itu, ketua tentera Siam mencucuk kaki dan telinga supaya mereka tidak boleh lari (kelakuan ini seperti ketika Burma dapat kemenangan terhadap Siam mereka membakar semua benda di hadapan mereka termasuklah istana, kota, rumah dan lain-lain dan mereka juga mencucuk kaki dan telinga orang Siam tetapi Burma membawa tawanan berjalan kaki pulang ke negaranya dan tidak menggunakan kapal untuk membawa tawanan perang kembali)¹⁰⁹

Peristiwa penyucukan kaki atau kezaliman ini bukan baharu dilakukan oleh Siam terhadap tawanan Melayu, tetapi keadaan ini juga pernah dilakukan oleh kerajaan Burma terhadap tawanan Siam pada tahun 1767M. Berdasarkan maklumat yang didapati boleh dikatakan bahawa rampasan tawanan perang serta harta benda yang

berharga daripada negeri yang dikalahkan ini adalah perkara yang biasa dilakukan oleh pihak yang menang seperti Siam terhadap Patani atau Burma terhadap Siam sebelum itu.

2.9.2 Khlong Saen Saep

Satu cerita yang melibatkan kejatuhan Patani dan negeri-negeri Melayu pada tahun 1786M dan kedudukan tawanan perang dari Patani adalah cerita Khlong Saen Saep (Terusan Sangat Pedih) iaitu merupakan cerita yang menyebabkan berlakunya perdebatan di antara sejarah Siam dengan sejarawan Melayu kerana ada catatan yang merujuk tentang asal-usul nama Khlong Saen Saep sangat berbeza. Sekumpulan orang Melayu Patani dan Melayu Bangkok mempercayai bahawa terusan itu dikerjakan oleh orang Melayu Patani dengan penuh penderitaan dan penyiksaan. Mereka menggali terusan itu tanpa menggunakan sebarang alat bantuan. Sebaliknya mereka menggunakan tenaga empat kerat, dengan hanya menggunakan kudrat tangan, kuku dan titik peluh. Ia adalah bentuk kerahan tenaga yang menjadi tawanan perang untuk menggali terusan tersebut sehingga menjadi cerita daripada satu generasi kepada satu generasi bagi orang Melayu. Kemudiannya mereka itu mendiami di pinggir sebelah kiri dan kanan terusan tersebut.

Dalam catatan pihak Siam, *Khlong Saen Saep* itu bukan sahaja diperbuat daripada tenaga buruh Melayu tetapi terdapat juga buruh Cina yang diupah untuk menggalnya. Selain itu catatan di *Wat Thep Lila* yang terletak di tepi *Khlong Saen Saep*, daerah *Bang Kapi* menyatakan bahawa punca kawasan itu dipanggil *Khlong Saen Saep* kerana buruh yang menggali sungai itu mengalami penderitaan daripada gigitan nyamuk, kerana pada zaman dahulu kawasan tersebut merupakan kawasan yang banyak nyamuk.

Oleh kerana itu, pengkaji mengemukakan cerita *Khlong Saen Saeb* daripada maklumat yang didapati daripada dua pihak untuk memperlihatkan perbezaan serta latar belakangnya.

2.9.2.1 *Khlong Saen Saep* dalam Sejarah Thailand

Suchit Wongthet mengatakan bahawa permulaan pembinaan Bangkok bermula pada tahun 1783M, pagar lama *Krung Sri Ayutthaya* digunakan untuk membina Bangkok. Buruh Laos disuruh membina pagar dan Khmer disuruh menggali parit/terusan.¹¹⁰ Tujuan utama penggalian parit dan terusan itu adalah untuk memudahkan perjalanan kerana pada masa itu perahu merupakan kenderaan utama semenjak zaman *Krung Sri Ayutthaya*. Pada awal *Krung Rattanakosin*, terusan sangat penting kerana urusan pentadbiran politik, perdagangan dan percukaian menggunakan pengangkutan air seperti *Khlong Saen Saep* menuju ke bahagian Timur untuk mengangkut tentera dan senjata di Kemboja. Oleh itu, penggalian terusan tersebut bertujuan untuk menambah pendapatan kerajaan, meningkatkan dan memudahkan percukaian yang merupakan pendapatan kota.¹¹¹ Dari zaman Raja Rama III penggalian terusan semakin hari semakin bertambah, sehingga Bangkok dikenali dengan nama "*Venice Timur*" dan kemudiannya terusan digantikan dengan jalan raya. Sekarang kebanyakan terusan ditimbus kembali sehingga tidak tahu di mana asalnya.



Gambar 2.7 : Terusan-terusan yang menghubungkan *Sungai Chao Phraya* dengan sungai Bangprakong
 Sumber: *Siaran Muslim Siam*

Chokchai Wongtani mengatakan, di kawasan Bangkok terdapat banyak terusan. Khlong Saen Saep ialah terusan yang menuju ke arah Timur Bangkok, dan bersambung dengan Khlong Bang Lamphu dari sungai Chao Praya hingga ke benteng Maha Kal (Wat Phu), bersambung dengan Khlong Bang Lamphu hingga Wat Brom Niwat (Phadung Krung Kasem). Berikutnya Khlong Mahanak melalui Sa Pathum, Pratu Nam, Wat Makasan, Wat Bang Krapi hingga sampai Wat Mai Khau Thong. Dari situ dipanggil Khlong Mahanak yang diarahkan untuk menggantinya pada tahun 1785M zaman Raja Rama I untuk Chong Lom yang dikenali sebagai Klong Bang Kapi. Khlong Saen Saep bersambung dengan Khlong Mahanak melalui Khlong Bang Kapi, Klong Hua Mak sehingga sungai Bang Pakong wilayah Chachengsau.¹¹² Hal tersebut ada dituliskan dalam buku *Anam Siam Yut*:


Apabila sampai bulan dua tahun Ayam Jullasakarāt 1199 tahun yang ke-14, Raja Rama III menitahkan Praya Sriphipatrachkosa (Tad) sebagai ketua untuk menggali terusan dari Huamak sehingga Bangkok Timur dan bersambung di Bangkok, sungai wilayah Chachengsau, lebarnya 1337 sen 19 wa 2 sok luas 6 wa harganya 1 sen 70 baht dan memotong pokok untuk membaiki hujung Khlong Prakanong jumlahnya 200 Chang 30 Tamlung memakan masa empat tahun setengah dan pengangkutan air pada hujung tahun Tikus Jullasakarāt 1202 tahun yang ke-17, Raja Rama III, Bangkok dipanggil oleh penduduk sebagai Khlong Saen Saep.¹¹³

Srisak Waliphodom seorang pakar antropologi Thai mengatakan bahawa penggalian *Khlong Saen Saep* itu bertujuan untuk dijadikan jalan pengangkutan ke arah Timur sungai Chao Phraya sebagai laluan pengangkutan tentera. Raja Rama I menitahkan buruh supaya menggali Khlong Mahanak dan menyambungkannya dengan Khlong Bang Lamphu di sekitar benteng Maha Kal dan bersambung dengan Wat Saket. Pertama kali Khlong Mahanak berakhir di Kampung Ban Krua. Bermakna, Khlong Mahanaka dan Khlong Saen Saep adalah nama bagi terusan yang sama. Seterusnya dua batang terusan dipanggil Khlong Saen Saep dan disiapkan pada zaman Raja Rama III.¹¹⁴

2.8.2.2 Khlong Saen Saep dalam Catatan Orang Melayu Bangkok

Umar Damrilert¹¹⁵, seorang Tok Siak¹¹⁶ Masjid Ban Krua mengatakan bahawa, jika diukur jarak Khlong Mahanak dari Phukhau Thong sampai Wat Borom Niwat mungkin jauhnya 1.8 kilometer. Ketika Raja Rama I menitah supaya menggali Khlong Mahanak itu, telah berlaku peperangan dengan Burma. Akhirnya kerja-kerja penggalian terusan itu diberhentikan untuk berperang. Selesai peperangan, kerja-kerja penggalian tersebut disambung semula pada tahun 1786M. Oleh kerana Khlong Saen Saep bersambung dengan Khlong Ban Krua, ada yang mengatakan ia telah digali oleh nenek moyang kampung Ban Krua (berketurunan Cam) dengan upah mendapat tanah untuk kediaman. Khlong Saen Saep dari Ban Krua hingga Khlong Tan dipanggil Khlong Saen

Saep Tai (Selatan), jaraknya 8.8 kilometer dengan Khlong Saen Saep Nua (Utara) diukur mengikut peta lebih kurang 63 kilometer. Kesemuanya dari kuala Khlong Mahanak di jambatan Phanfahlilat sehingga Bang Krapı panjangnya lebih kurang 72 kilometer. Umar menceritakan lagi bahawa pada awalnya Khlong Saen Saep bermula dari Khlong Nang Hong melalui Khlong Mahanak sehingga Khlong Kelantan. Dijangkakan penggalinya mungkin orang tempatan dari berbagai-bagai bangsa seperti Melayu, Cam, dan Mon. Kemudian, Khlong Saen Saep tidak lagi digali oleh penduduk tetapi dibuat oleh syarikat Barat bernama Khuna Siam yang menggunakan tenaga buruh Cina untuk menggali. Walaupun telah mengupah orang Cina untuk menggali tetapi akhirnya penduduk Melayu juga menolong menggali terutama Khlong Soi. Umar juga menceritakan bahawa datuknya yang tinggal di Khlong Lam Takhe Tai pernah menceritakan, nenek monyangnya datang menggali terusan itu, termasuk datuknya sendiri semasa muda. Setelah mendiami kampung Ban Krua bersama-sama orang lain semakin hari penduduknya semakin ramai, akhirnya mereka menolong Raja Rama III menggali terusan itu. Apabila terusan hampir siap, mereka dipindahkan ke kampung Lo Lea, Kongdin, Minburi, Thungradap dan Nongcok. Mereka adalah berketurunan Melayu dari Ban Krua.



Gambar 2.8: *Khlong Saen Saep* pada Zaman Raja Rama V
Sumber:<http://www.skn.ac.th/skl/project/world96/rat32.jpg>



Gambar 2.9: *Khlong Saen Saep* Sekarang¹¹⁷
Sumber:<http://www.ictsilpakorn.com/ictmedia>

Syukri Sarem; setiausaha Persatuan Melayu Lembah Pantai Sungai Chao Phraya dan penyelidik “Institusi Raja dengan Muslim Thai” dan Institute Asian, Universiti Chulalongkorn mengatakan bahawa pada hujung zaman Raja Rama I kumpulan Yuan atau Vietnam menggali terusan di Delta Mekong, kerajaan Siam menakut-nakutkan mereka dengan mengatakan Vietnam akan menyerang Siam melalui kuala Teluk Siam atau datang dari sungai Bang Pakong. Dengan itu diadakan beberapa kubu di kuala sungai Chao Phraya pada hujung zaman Raja Rama I dan ditambahkan lagi semasa Raja Rama II. Idea untuk mempertahankan kota ketika itu akhirnya menyebabkan mereka menggali terusan ini untuk menjadi jalan pengangkutan senjata dan tentera untuk berperang dan mempertahankan tanah air Siam sebelah Timur. Sebagaimana asal nama “Saen Saep” ini, Sukri menyatakan bahawa ada catatan tentang kedatangan orang putih semasa awal kerajaan Rattankosin mungkin bermaksud pedih-pedih (Saep) dan gatal-gatal kerana mungkin banyak nyamuk. Ketika sebelah tangan bekerja sebelah tangan lagi manghalau nyamuk. Tetapi dalam konteks linguistik, Syukri menyatakan bahawa perkataan “Saen Saep” itu mungkin diambil daripada perkataan “sensiap” dalam bahasa Melayu dialek Bangkok kerana sepanjang terusan itu ada perkampungan Melayu. Perkataan “sensiap” bererti senyap kerana perkampungan Melayu dahulu terletak di pinggir laut dan yang ada hanya angin yang bertiup dan bunyi ombak tetapi di Klong Saen Saep sekarang ini jika tiada perahu suasana menjadi sunyi seperti sungai yang tiada ombak.¹¹⁸

Dengan landasan yang tepat ini menyebabkan pakar dokumentari kebangsaan, Rachasak Nilsiri telah menyiarkan tentang asal-usul perkataan Saen Saep bersama dengan Syukri dan para pengkaji lain:

Raja Rama III menitah orang Melayu mendiami perkampungan Muslim Cam (Sekarang adalah Ban Krua) kerana

menganut agama “Muhamad” yang sama dan memberi tanah untuk bekerja. Sejak berlaku peperangan Siam dengan Yuan atau “Anam Siam Yut” para tawanan Melayu dititah untuk menggali parit kecil-kecil berhampiran kampung Cam dan meluaskan terusan agar lebih mudah untuk mengangkut senjata melalui sungai Bang Prakong. Dengan alasan banyak nyamuk di terusan atau slang “Saen Saep” dalam bahasa Melayu (sunyi) akhirnya nama “Saen Saep” dikenali sebagai nama terusan ini. Kemudian, memainkan fungsi penting dalam pengangkutan ketika bandar masih menjadi hutan dan batas yang kecil untuk kerbau berjalan. Dua pinggir terusan terletak pula masjid atau surau dan kedai. Para sejarawan mengatakan perkampungan yang terletak di situ berdasarkan dua perkara, pertama orang Muslim Melayu dari perkampungan asal (Ban Krua) dan mereka mendiaminya sesudah menggali terusan. Kedua, orang Muslim dipisah dan dipindahkan untuk mendiami setiap kampung yang terletak di dua belah pinggir terusan. Ada yang mengatakan bahawa perpindahan itu adalah untuk mencegah orang Melayu daripada berkumpul dan memberontak dengan kerajaan Siam.¹¹⁹

Ahmad Sombun Bualuang menceritakan tentang Khlong Saen Saep dalam dokumen yang bertajuk “*Berpindah dari Krisik ke Bangkok*” yang dicatat tanggal 5 Februari 1999 yang menyebut bahawa:

Demi membina rumah dan masyarakat, mereka mengalami keduakaan sebagai tawanan perang. Mereka bersusah payah dan penat menggali terusan dengan tangan berbulan-bulan sehingga bertahun-tahun. Nama Khlong Saen Saep dan terusan lain di perkampungan sekeliling Bangkok hingga wilayah Nakhonnayok kesemuanya adalah kerana jasa pejuang Melayu Patani. Akhirnya mereka dapat tinggal dan berkampung di sekitar terusan itu. Kedua-dua pinggir terusan kiri dan kanan terjadi kerana bangsa Patani bijak dalam perikanan, tabah, sabar serta tidak memohon pertolongan dari siapa pun dan tidak pula menunggu nasib yang akan datang.¹²⁰

Begitu juga kezaliman pada zaman dahulu, menggali Khlong Saen Saep dengan “tangan tanpa alat” sangat menyentuh hati dan menyebabkan sekumpulan sejarawan Melayu Patani di Malaysia memberi pendapat terhadap sejarah kekejaman Khlong Saen Saep, misalnya Mohd Zamberi A. Malek mengatakan bahawa “Orang-orang Melayu

Islam Patani yang menjadi tawanan ini telah dikerah tenaga mereka untuk membangun Bangkok yang baru dengan mengorek terusan-terusan menggunakan tangan”¹²¹

Maklumat yang didapati pun tidak dapat membuktikan punca sebenar asal-usul nama terusan Khlong Saen Saep itu, kerana masing-masing setiap pihak mempunyai rujukan maklumat sendiri. Walau bagaimanapun, Khlong Saen Saep masih tetap dipanggil sebagai nama yang dituliskan dalam catatan kerajaan Siam dan juga yang disebut oleh orang ramai, tetapi bukti penggalian terusan tersebut “dengan tangan dan kezaliaman yang amat pedih” sehingga dipanggil “Saen Saep” (sangat pedih) tidak terdapat dalam catatan sejarah Siam. Sebaliknya ia hanya ada dalam catatan sejarah Melayu dan hikayat daripada orang Melayu Patani. Mereka mempercayai bahawa penggalian terusan itu berdasarkan pembangunan Bangkok pada zaman awal Rattanakosin dan tawanan dari Patani digunakan sebagai tenaga buruh yang menggunakan “tangan” dan dizalim dengan pelbagai cara sehingga dikatakan “Saen Saep” (sangat pedih).

Berdasarkan maklumat yang dikesan, asal-usul nama terusan itu masih lagi tidak boleh dijelaskan dengan tepat sejauh manakah kebenarannya. Maklumat daripada dua pihak adalah cerita yang disampaikan daripada satu generasi kepada generasi yang lebih kemudian. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang boleh dipercayai, sebenarnya memang terusan Khlong Saen Saep tersebut digali oleh orang Melayu Bangkok dan ceritan mengenainya masih disampaikan sehingga sekarang.

2.10 Kesimpulan

Latar belakang sejarah orang Melayu Bangkok memperlihatkan hubungan yang sudah lama berlangsung antara orang Melayu dengan orang Siam serta kerajaan Melayu dengan kerajaan Siam. Hubungan antara dua pihak dimulakan secara rasmi pada zaman

Ayutthaya dan masih diteruskan sehingga kini. Hubungan itu bermula daripada aktiviti perniagaan antara dua buah kerajaan pada zaman awal dan kemudian bertukar kepada hubungan negara naungan apabila kerajaan Siam menguatkuasakan penghantaran ufti tahunan *Bunga Emas*, *Bunga Perak* sebagai tanda hubungan antara dua buah kerajaan ini. Bagi kerajaan Siam ufti *Bunga Emas* ini adalah tanda ketaatan negeri naungan kepada negara penjajah. Manakala *Bunga Emas* ini bagi negeri-negeri Melayu bukan bermaksud seperti yang difahamkan oleh kerajaan Siam. Ia difahamkan sebagai tanda penghormatan bagi negeri kecil menghadiahkan kepada negara yang lebih besar menjadi tanda hubungan yang baik antara dua buah kerajaan. Apabila negara yang lebih besar itu dijajah pula oleh kerajaan yang lain, maka penghantaran ufti seumpama itu akan dihentikan.

Begitu juga dengan hubungan antara kerajaan Melayu dengan kerajaan Siam, apabila kuasa kerajaan Siam berkurangan, ufti yang pernah dihantar oleh kerajaan-kerajaan Melayu juga dihentikan. Pada hujung zaman *Ayutthaya* sampai awal zaman *Rattanakosin*, negeri-negeri Melayu menghentikan penghantaran ufti tahunan kepada kerajaan Siam kerana pada masa itu Siam dikalahkan oleh Burma hingga kerajaan itu sangat lemah. Pada zaman Raja Rama I selepas kerajaan Siam kembali berkuasa, kerajaan Siam mahu penghantaran *Bunga Emas* daripada kerajaan Melayu diteruskan kembali. Sultan negeri-negeri Melayu tidak setuju dan tidak memperbaharui penghantaran ufti tersebut kepada kerajaan Siam. Inilah punca berlakunya peperangan antara dua buah kerajaan pada tahun 1786M yang mendatangkan perubahan besar antara dua buah kerajaan terutamanya kerajaan Melayu.

Di kawasan Tengah Thailand, terdapat maklumat yang dipercayai bahawa kawasan tersebut didiami oleh orang Melayu sebelum berlaku peperangan besar antara

negeri Melayu dengan Siam. Penduduk etnik Melayu pada zaman itu dipanggil “*Khaek Tani*”. Mereka tinggal di kawasan Tengah Thailand untuk berniaga. Beberapa orang peniaga berkahwin dengan orang tempatan dan kemudian terus mendiami kawasan itu. Penduduk Melayu di kawasan Tengah Thailand pada masa itu tidak ramai dan tidak memberi apa-apa kesan kepada kerajaan Siam. Selepas kekalahan kerajaan *Ayutthaya* terhadap Burma, penduduk keturunan Melayu melarikan diri ke kawasan lain seperti Bangkok dan Nonthaburi untuk menyelamatkan diri.

Peperangan antara negeri-negeri Melayu terhadap Siam pada awal zaman *Rattanakosin* menyebabkan berlakunya perubahan besar. Apabila negeri-negeri Melayu dikalahkan oleh Siam, tentera Siam membawa ramai tawanan perang daripada orang Melayu ke Bangkok. Pembawaan ini dilakukan tiga kali dalam dua zaman iaitu dua kali pada zaman Raja Ram I dan sekali pada zaman Raja Rama III. Tawanan dari negeri-negeri Melayu ini dijadikan hamba dan tenaga buruh yang penting untuk membangunkan Bangkok yang baharu ditubuhkan sebagai ibu negara Siam yang baharu. Walaupun orang Melayu selepas migrasi itu menghadapi penderitaan hidup, namun anak cucu mereka dan generasi seterusnya boleh mendiami serta mengadaptasikan diri dan mempertingkatkan diri sebagai orang Thai yang berketurunan Melayu. Tawanan Melayu ini juga adalah salah satu punca taburan penduduk Muslim di Bahagian Tengah Thailand terutamanya di Bangkok dan kawasan persekitarannya hingga jumlah penduduk Muslim di kawasan itu mencecah seramai lebih kurang 700,000 orang.

Nota Hujung

- ¹ Siam merupakan nama negara yang pernah digunakan untuk merujuk kepada negara Thai pada zaman dahulu. Ia bukan perkataan yang digunakan oleh orang Thai untuk merujukkan diri sendiri. Menurut maklumat yang dinyatakan oleh Institut Akademik Diraja Thai, Siam merupakan nama yang dirujukkan tanah dan orang yang mendiami kawasan ini sejak zaman kuno. Ia juga merupakan nama rasmi negara Thai sejak zaman Raja Rama V kerajaan Rattanakosin hingga ditukarkan kepada Thailand pada 24 Jun 1939.
- ² Phaladisai Sitthithanyakit. (2008). *กรุงเทพฯศึกษา* (Pengajian Bangkok). Bangkok : Bantuk Siam.,
- ³ Ibid.
- ⁴ Cawangan Pentadbiran Pendaftaran, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Dalam Negeri. (2014). *Jumlah Penduduk dan Perumahan*. diakses 14 Oktobert 2014, didapati daripada: <http://stat.dopa.go.th/xstat/popyear.html> 2556.
- ⁵ Pejabat Statistik Sosial. (2012). *สรุปผลที่สำคัญการสำรวจสภาวะทางสังคมและวัฒนธรรมพ.ศ. 2554* (Kesimpulan Hasil Penting : Tinjauan keadaan sosial dan budaya tahun 2011). Bangkok: Samnakpim Khana Ratthamontri Lae Rachakitcanubeksa, hal. 6.
- ⁶ Gilquin, Michel. (2005). *The Muslims of Thailand*. Trans. M. Smithies., Chiang Mai: Silkworm Books, hal. viii.
- ⁷ *Daftar Masjid wilayah Bangkok* (2014). didapati daripada : <http://www.muslimbusiness.net/main/content.php?page=sub&category=91&id=1192>
- ⁸ Raja yang ke-16 dalam zaman Ayutthaya (1548-1569)
- ⁹ Kamus Geografi Thai. (1997). Nonthaburi(2008). Webpage: <http://nonthaburi@moi.go.th> (Search Date : 25/1/2008).
- ¹⁰ Pejabat wilayah Nonthaburi, (2014). Webpage: <http://nonthaburi@moi.go.th> (Search Date : 25/1/20014).
- ¹¹ Samai Caroenchang. (2012). *ย้อนรอยมุสลิมสยาม(Menjejaki Semula Muslim Siam)*, Bangkok: Mulanithi Phua Pattana Yaowachon Su Phawa Phoo Nam.
- ¹² Uri Tadmor. (1992). Kepelebagaian Dialek Melayu di Sekitar Bangkok. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, hal. 485
- ¹³ *Daftar Masjid wilayah Nonthaburi* (2014). didapati daripada : <http://www.muslimbusiness.net/main/content.php?page=sub&category=91&id=1192>
- ¹⁴ Pejabat Pentadbiran Wilayah Pratumthani. (2014). *แผนพัฒนาจังหวัดปทุมธานีพ.ศ. 2557-2560 (Rancangan Pembangunan wilaya Pratumthani tahun 2014-2017)*, hal.2.
- ¹⁵ Ibid., hal.7.
- ¹⁶ Ibid., hal. 13.
- ¹⁷ Uri Tadmor. (1992). Kepelebagaian Dialek Melayu di Sekitar Bangkok. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, hal. 485
- ¹⁸ *Daftar Masjid wilayah Pratumthani*. (2014). didapati daripada <http://www.muslim-business.net/main/content.php?page=sub&category=91&id=1192>
- ¹⁹ Raja Siam zaman Ayutthaya yang memimpin kerajaan Siam pada tahun 1732 - 1758
- ²⁰ Institut Akademik Diraja Thailand. (2014). *อัครานุกรมภูมิศาสตร์ไทย (Kamus Geografi Thailand)*. didapati daripada : <http://www.royin.go.th/akara/home/index.php>
- ²¹ Pejabat Wilayah Samutprakarn. (2014). *เขตปกครองและประชากร (kawasan Pentadbiran dan Penduduk)*. didapati daripada: <http://www.samutprakan.go.th/newweb/>
- ²² *Daftar Masjid wilayah Samutprakarn*. (2014). didapati daripada <http://www.muslim-business.net/main/content.php?page=sub&category=91&id=1192>
- ²³ Institute Akademik Diraja. (2014) *พจนานุกรมไทยฉบับราชบัณฑิตยสถาน (Kamus Thai edisi Institut Akademik Diraja)*. diapati daripada: <http://dictionary.sanook.com/search/สยาม>
- ²⁴ Siripan Thawornthawewong. (1983). *ประชากรศาสตร์ (Demografi)*. Bangkok: Universiti Ramkamhaeng, hal.5.
- ²⁵ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2014). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. didapati daripada :<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=siam>
- ²⁶ Jeneral Pibul Songgam merupakan Bekas Perdana Menteri Thai ketiga yang paling lama memegang jawatan tersebut iaitu 14 tahun 11 bulan 18hari. Tempoh beliau memegang jawatan Perdana Menteri Thai buat kali yang pertama adalah pada 16 December 1938 – 1 August 1944 dan kali kedua pada 8 April 1948 – 16 September 1957.
- ²⁷ *History of Thailand*. (2014). Didapati daripada : <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>.
- ²⁸ Ibid.
- ²⁹ Raja Ramkamhaeng adalah Raja yang ketiga pada dinasti Phra Ruang yang menguasai Kerajaan Sukhothai pada tahun (1279–1298)

- ³⁰ Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Hizbi, hal. 15.
- ³¹ Ibid., hal.16.
- ³² *History of Thailand*. (2014). Didapati daripada : <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>.
- ³³ Ibid.
- ³⁴ *Somdej Pra Ramathibodi I (U-Thong)* sebagai Raja pertama zaman Kerajaan Ayutthaya menguasai Siam pada tahun 1350–1369 .
- ³⁵ Sila lihat penerangan ini dalam JMBRAS Jilid 20 Bhg. 1, 1947, hal.24-25 dlm. Mohd Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.26
- ³⁶ Ibid., hal.18.
- ³⁷ Ibid., hal.79.
- ³⁸ *Phra Klang* salah satu jawatan pegawai kerajaan Siam zaman Ayutthaya yang bertugas sebagai Menteri Kewangan.
- ³⁹ Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.38.
- ⁴⁰ Teeuws, A. dan Wyatt, Dk., op. cit. hal.78.
- ⁴¹ Smith, R.B. (1924). *Siam or the History of The Trais from Earliest Time to 1569 A.D.*, Jilid2, Bethesda : Maryland, 1967, hal. 91-92 ; Lihat juga Wood, W.A.R., *History pf Siam*, Charlermnit: Bangkok, hal.119.
- ⁴² Teeuws, A. dan Wyatt, Dk., op. cit. hal.78.
- ⁴³ Ibid.
- ⁴⁴ Mohd Zamberi A. Malek,(1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.39.
- ⁴⁵ Maklumat ini didapati daripada Muzium Istana Kesultanan Melaka, Negeri Melaka. Pengkaji melawat muzium ini pada 15 Oktober 2012.
- ⁴⁶ Sawvaneet Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn, hal.35.
- ⁴⁷ Tani adalah Patani
- ⁴⁸ Samai Caroenchang. (2012). *ย้อนรอยมุสลิมสยาม(Menjejaki Semula Muslim Siam)*, Bangkok: Mulanithi Phua Pattana Yaowachon Su Phawa Phoo Nam, hal.30-31.
- ⁴⁹ Kawasan *Talad Kaew* sekarang adalah Masjid Riyadissunan, Mukim *Suan Yai*, Wilayah *Nonthaburi*.
- ⁵⁰ Sultan Sulaiman Shah, merupakan Raja Senggora (*Songkhal*) yang kedua dilantik oleh Kerajaan Siam zaman Ayutthaya pada tahun 1620. Baginda berketurunan Jawa. Anak cucu baginda sangat berkuasa di negeri Senggora dan selalu dilantik oleh kerajaan Siam sebagai *Phraya Rajabangsan* untuk memerintah Senggora dari satu generasi ke satu generasi.
- ⁵¹ Sawvaneet Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, hal.32.
- ⁵² Chaleam Yooviwngchai. (1973). *สมัยกรุงธนบุรี, สมัยกรุงรัตนโกสินทร์ (Zaman Thonburim Zaman Rattanakosin)*, (Dokumen Pengawasan Pendidikan), Jilid 131, Cawangan Pengawasan Pendidikan, Jabatan Latihan Guru, hal.15-16.
- ⁵³ Ibid., hal.270.
- ⁵⁴ *ประชุมพงศาวดารภาคที่ 39 (Mensyaurat Hikayat Jilid ke-39)*, op. cit., hal.88.
- ⁵⁵ Negeri-negeri *Khaek* yang dimaksudkan dalam tajuk hikayat ini adalah negeri-negeri Melayu di Semenanjung tanah Melayu.
- ⁵⁶ Nithi Eawsriwong. (1996). *พระราชพงศาวดารกรุงรัตนโกสินทร์ รัชกาลที่ 1 (Hikayat Rattanakosin Raja Rama I)*. Bangkok : Ammarin, , hal.82.
- ⁵⁷ *wa* (*wa*) jukuran tradisional Thai 1 *wa* = 2 meter
- ⁵⁸ Nithi Eawsriwong. (1996). *พระราชพงศาวดารกรุงรัตนโกสินทร์รัชกาลที่1 (Hikayat Rattanakosin Raja Rama I)*, hal. 85-86.
- ⁵⁹ Thikhayu Thongyai. (1936). *เลิกเซอร์ประวัติศาสตร์สยามพ.ศ. 2479 (Syarahan Sejarah Siam tahun 1936)*, Pranakorn : Krung Thep Bannakarn, hal.21
- ⁶⁰ Tawisak Lomlim. (1973). *ความสัมพันธ์ระหว่างไทยกับมลายูในสมัยรัตนโกสินทร์ตอนต้น(Perhubungan antara Thai dengan Melayu pada Awal Zaman Rattanakosin)*. Bangkok: Praewitthaya.
- ⁶¹ Ratchanee Sadprem. (1978). *บทบาทของชาวมุสลิมในภาคกลางและภาคใต้ของประเทศไทยในสมัยรัตนโกสินทร์ตั้งแต่พ.ศ. 2325-2453(Peranan Orang Thai Muslim di Tengah dan Selatan Thailand zaman Rattanakosin 1782-1910)*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sastera, Universiti Silapakorn, Nakhonprathom.
- ⁶² Krongchai Hattha. (2005). *ประวัติศาสตร์ปัตตานีสันยอามาจักร โบราณถึงการปกครองเจ้าหัวเมือง (Sejarah Patani pada Zaman Silam Sampai Pemerintahan Tujuh Buah Kota)*, Pattani : Universiti Songklanakharin.
- ⁶³ Ibid., hal.111.
- ⁶⁴ Chukiat Utkaphan. (1987). *ประวัติศาสตร์ตระกูลสุลต่านสุไลมาน(Sejarah Keturunan Sultan Sulaiman)*, Bangkok: Saytrakul Sultan Sulaiman.
- ⁶⁵ Ibid., hal.224.

- ⁶⁶ Karya-karya tentang sejarah Patani baru karangan orang Melayu baru sahaja dikenali masyarakat awam selepas tahun 2004. Mereka menakutkan penduduk Patani dengan menggunakan latar belakang sejarah tersebut untuk mengembalikan semangat nasionalisme Patani atau membangunkan kerajaan Patani. Tetapi pemikiran itu telah diketahui bahawa salah. Semakin kerajaan menyembunyikan sejarah, semakin bertambah keinginan orang ramai terhadap sejarah Patani, bukan sahaja orang di kawasan tersebut tetapi juga orang Thai di kawasan lain. Sekarang terdapat banyak buku tentang sejarah Patani yang ditulis oleh sejarawan Patani diterjemahkan kepada Bahasa Thai seperti kajian Ibrahim Syukri “Sejarah Kerajaan Melayu Patani” (1985), kajian Nik Anwar Nik Mahmud “Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954” dan sebagainya.
- ⁶⁷ Arifin Binci, Abdullah La-oman dan Ahmad Sombun Bualuang. (2000). *ปาดานีดารุสลาม(Patani Darussalam)*, Yala: Sunwatthanatham Chaidaeen Tai.
- ⁶⁸ Nik Anwar Nik Mahmud. (1999). *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ⁶⁹ Ibid., hal.105
- ⁷⁰ Arifin Binci, A. La-oman dan Suhaimi Ismail. (2007). *ปาดานี: ประวัติศาสตร์และการเมืองในโลกมลายู (Patani: Sejarah dan Politik dalam Dunia Melayu)*, Songkla: Mulanithi Islam Phaktai.
- ⁷¹Ibid., hal. 148-153.
- ⁷²Ahmad Fathy al-Fatani. 2001. *Pengantar Sejarah Patani*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press Senderian Berhad.
- ⁷³ Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.96.
- ⁷⁴ A. Bangnara [Abdullah La-oman]. 1976. *ปาดานี: อดีตแลปัจจุบัน (Patani: Dahulu dan Sekarang)*, Bangkok: Chomrom Saengtian.
- ⁷⁵Ibid., hal.59.
- ⁷⁶ Phraya Wichiankiri. (1964). *พงศาวดารเมืองสงขลา (Hikayat Singgora)* dalam *ประชุมพงศาวดารฉบับหอสมุดแห่งชาติ (Mensyuarat Hikayat edisi Perpustakaan Negara)*, Bangkok : Samnakphim Kawna.
- ⁷⁷Chokchai Wongtanee. (2011). *มลายูบางกอก/น่ายูบาเกาะฮะ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/จีนย (Melayu Bangkok/Nayu Bakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae. Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies, Vol 2 (3), hal.401-473.*
- ⁷⁸Jabatan Kesenian. (1964). *ประชุมพงศาวดารฉบับหอสมุดแห่งชาติ (Mensyuarat Hikayat edisi Perpustakaan Negara)*. Jilid 1-3 dan 7, Pranakorn: Samnakphim Khaona, hal.50.
- ⁷⁹Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.98.
- ⁸⁰ Arifin Binci, A. Laoman, Suhaimi Ismail. (2008). *ปาดานี: ประวัติศาสตร์และการเมืองในโลกมลายู (Patani: Sejarah dan Politik dalam Dunia Melayu)*. Songkla: Mulanithi Watthanatham pua Islam Phaktai, hal.151.
- ⁸¹Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.98.
- ⁸²Arifin Binci, A. Laoman, Suhaimi Ismail. (2008). *ปาดานี: ประวัติศาสตร์และการเมืองในโลกมลายู (Patani: Sejarah dan Politik dalam Dunia Melayu)*, hal.156.
- ⁸³Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal. 108-109
- ⁸⁴ Temu bual, Somwang Jareansuk, penduduk daerah Bang Bua Thong, wilayah Nonthaburi, 12 Julai 2014.
- ⁸⁵ Gough Windsor Earl merupakan pelayar dan pengarang berbangsa Inggeris, dilahirkan pada tahun 1805. Kali pertama belajar ke Australia pada tahun 1829 dan selepas itu menyambung perjalanan selama 2-3 tahun ke Jawa Singapura sebelum singgah di Bangkok untuk berjumpa Mr. Robert Hunter peniaga berbangsa Inggeris yang tinggal di Bangkok. Earl juga singgah di Terengganu, Kelantan (melalui Patani) dan Singgora)
- ⁸⁶ Dokumen yang bertajuk *การเดินทางสู่สยาม: บางกอก*(Perjalanan menuju ke Siam-Bangkok) Sarapee Sirising [terjemahan](#) daripada beberapa bahagian buku “*The Eastern Seas, Or Voyages and Adventures in the Indian Archipelago in 1832-33-34*” yang telah Earl catatkan daripada apa yang dilihatnya semasa perjalanan. Isi yang diterjemah ini khas untuk maklumat yang berkaitan dengan Siam, Negeri-negeri di Selatan Siam dan Beberapa Negeri Melayu. Sila lihat Nanthana Tantives et al. (1996). *รวมเรื่องแปลหนังสือและเอกสารทางประวัติศาสตร์ (Kumpulan Penceritaan Terjemahan dan Dokumen Sejarah Jilid 1)*, hal.111.
- ⁸⁷Ibid., hal.127-129.
- ⁸⁸ George Windsor Earl. (1837). *The Eastern Seas, Or Voyages and Adventures in the Indian Archipelago in 1832-33-34*, London: WM.H. Allen and Co., hal.170.
- ⁸⁹ Nanthana Tantives et al. (1996). *รวมเรื่องแปลหนังสือและเอกสารทางประวัติศาสตร์(Kumpulan Penceritaan Terjemahan dan Dokumen Sejarah)*, hal.123.
- ⁹⁰ Sir John Bowring (1792-1872) adalah peniaga dan diplomat berbangsa Inggeris. Bowring pernah bertugas sebagai Gabenor di Pulau Hongkong pada tahun 1848-1857 dan dilantik sebagai duta untuk mengembangkan hubungan persahabatan antara England dan Siam pada tahun 1855 zaman Raja Rama IV.
- ⁹¹ Charnvit Kasetsiri et. al. (2004). *ราชอาณาจักรและราษฎรสยาม: เอิร์จอห์นบาวริง, เล่ม1 (Kerajaan dan Penduduk Siam: Sir John Bowring, Jilid 1)*. Bangkok: Mulanithi Khrongkar Tamra Sangkhomsart, hal.110-111.

⁹²Ibid., hal.183-184.

⁹³ Dokumen ini diterjemah dan disusun oleh Sukolrat Tharasak dari “Jurnal of a Residence in Siam, &c...” dlm buku *Thee Voyages along the Coast of China*(Karl Friedrich Augustus Gützlaff, 1803-1851) adalah misionari Protestan yang mengunjungi Siam untuk menyebarkan agama Kritian pada tahun 1828, lihat Nanthana et al. (1996). *รวมเรื่องแปลหนังสือและเอกสารทางประวัติศาสตร์ (Kumpulan Penceritaan Terjemahan dan Dokumen Sejarah)*, hal. 59.

⁹⁴Ibid., hal.78-97.

⁹⁵ Sila lihat Nanthana Tantives et al. (1996). *รวมเรื่องแปลหนังสือและเอกสารทางประวัติศาสตร์(Kumpulan Penceritaan Terjemahan dan Dokumen Sejarah)*, hal.77-78.

⁹⁶ Samai Caroenchang. (2012). *ย้อนรอยมุสลิมสยาม (Menjejaki Semula Muslim Siam)*, hal.36.

⁹⁷Ibid., hal. 37.

⁹⁸Somkid Maneewong. (1973). “มุสลิมในประเทศไทย”(Muslim dalam Negara Thai), *Majalah Mitsampan*,1 (Jun-Ogos, 1973), hal.5

⁹⁹ Direk Kulsirisawas. (1974). *ความสัมพันธ์ของมุสลิมทางประวัติศาสตร์และวรรณคดีไทยและตำนานอัศรีซุลไลมาน (Hubungan Muslim dalam Sejarah dan Kesusasteraan Thai dan Kapal Sultan Sulaiman)*. Phranakorn: Samakhon Phasasa Lae Nhangsue Haeng Prathet Thai nai Phrabarommarachupatham, hal.77.

¹⁰⁰Samai Caroenchang. (2012). *ย้อนรอยมุสลิมสยาม (Menjejaki Semula Muslim Siam)* hal.41.

¹⁰¹Ibid., hal.39.

¹⁰²Ibid., hal.40.

¹⁰³Ibid., hal.43.

¹⁰⁴Ibid., hal.44.

¹⁰⁵Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.128.

¹⁰⁶ Ibid.

¹⁰⁷Chokchai Wongtanee. (2011). *มลายูบางกอก/นாயูบาเกาะฮะ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/ซีแฮ(Melayu Bangkok/Nayu Bakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae)*, hal.420.

¹⁰⁸ Sumber dari temu bual “พูดเรื่องความเป็นอิสลามกับมานิช พุดเตาล”(Perbualan Perlembagaan Islam Dengan Manoch Phuttal) *majalah On Open*, Didapati daripada : <http://www.onopen.com/coffee-open/08-03-27/2537>

¹⁰⁹ Pandangan ini dikemukakan dalam www.atcloud.com/discussions/29933, penulis artikel tersebut menamakan dirinya “Pemberontakan Young Turk”

¹¹⁰ Sujit Wongthet. (2005). *กรุงเทพฯมาจากไหน?(Dari manakah Bangkok?)*, Cetakkan kedua, Bangkok: Samnakphim Matichon, hal. 58.

¹¹¹Ibid., hal.182.

¹¹²Chokchai Wongtanee. (2011). *มลายูบางกอก/นாயูบาเกาะฮะ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/ซีแฮ (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae)*, hal.426.

¹¹³ Kor. Ro. So. Kulab. (1971). *อาณาจักรสยามยุคทอง: เกี่ยวกับสยามกับลาว เขมร และญวน (Anam Siam Yut: Berkaitan dengan Siam dengan Laos, Khmer dan Yuan)*, Jilid 2, Pranakorn: Prae Witthaya, hal.824.

¹¹⁴Srisak Waliphodom. (2014). *ประวัติศาสตร์คลองแสนแสบ (Sejarah Khlong Saen Saep)* dlm Siaran “Ramadhan Night” didapati daripada : www.youtube.com/watch?v=guyISfGbXRw

¹¹⁵Umar Damrilert , *ประวัติศาสตร์คลองแสนแสบ (Sejarah Khlong Saen Saep)* dlm Siaran “Ramadhan Night”. (2014). didapati daripada : www.youtube.com/watch?v=guyISfGbXRw

¹¹⁶*Tok Siak* adalah orang yang menjaga Masjid

¹¹⁷ Sekarang *Klong Saen Saep* masih lagi digunakan untuk pengangkutan air dengan bot dari Jambatan Phanfahlilat ke Wat Sri Bunroen, daerah Bangkok

¹¹⁸Sukri Sarem. (2014). *ประวัติศาสตร์คลองแสนแสบ (Sejarah Khlong Saen Saep)* dlm Siaran “Ramadhan Night”. didapati daripada : www.youtube.com/watch?v=guyISfGbXRw

¹¹⁹ Lihat Rachasak Nilsiri. (2011). *มุสลิมคลองแสนแสบ: รจนาแห่งสายน้ำและพระเจ้า (Muslim Khlong Saen Saep: Cerita Air dan Tuhan)*, National Geographic Thailand, Vol.122 (11), September, hal.124.

¹²⁰ Ahmad Sombun Bualuang. (2000). *Berpisah dari kerisik ke Bangkok* didapati daripada : web <http://patanisociety.com.org/?p=429> (5 hb Februari 2000)

¹²¹ Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*, hal.127-128.

BAB 3 : SURVIVAL DAN KEJAYAAN MINORITI MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK SEMASA PEMERINTAHAN MONARKI

3.1 Pengenalan

Survival dan kejayaan orang Melayu di bahagian Thailand Tengah, iaitu Bangkok dan kawasan sekitarnya boleh dikategorikan kepada dua tempoh zaman, iaitu zaman pemerintahan monarki dan zaman pemerintahan demokrasi. Perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah tentang survival dan kejayaan orang Melayu pada zaman pemerintahan monarki atau zaman pemerintahan raja Siam berkuasa mutlak. Tempoh masa tersebut berlaku pada masa pemerintahan monarki zaman Rattanakosin yang merangkumi pemerintahan enam orang raja Siam; iaitu Raja Rama I hingga Raja Rama VI (1782M-1932M).

Dalam penulisan bab ini, pengkaji akan menggunakan beberapa konsep dan teori untuk meneliti survival dan kejayaan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya. Konsep-konsep tersebut ialah konsep survival minoriti, konsep institusi sosial, konsep perubahan sosial dan perubahan budaya akan digunakan sebagai panduan untuk memahami survival dan kejayaan masyarakat Melayu sebagai subjek kajian ini di kawasan Thailand Tengah. Manakala, konsep empat peringkat terjadi akibat daripada kemasukan imigran dalam masyarakat tempatan meliputi aspek-aspek pemisahan, adaptasi, interaksi dan asimilasi digunakan untuk membahagikan tahap kedudukan orang Melayu berkenaan dalam masyarakat Thai. Sebaliknya, teori Hieraki Keperluan Maslow digunakan sebagai syarat pembahagian antara survival dan kejayaan orang Melayu di kota Bangkok dan kawasan sekitarnya. Seterusnya pengkaji akan memperkatakan tempoh zaman yang dikategorikan kepada zaman survival dan zaman

kejayaan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya. Perkara berkenaan akan diberi tumpuan dan diperbincangkan. Hasil analisis data kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa dasar-dasar kerajaan menjadi faktor utama yang sangat mempengaruhi survival dan kejayaan orang Melayu dan masyarakat Melayu di bahagian Thailand Tengah ini. Setiap kali dasar kerajaan dikuatkuasakan, untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka di bawah kekuasaan kerajaan Siam, orang Melayu terpaksa mengadaptasi cara hidup mereka yang bersesuaian dengan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Beberapa dasar yang mempengaruhi survival orang Melayu di Bangkok semasa pemerintahan monarki ialah Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu ke Bahagian Thailand Tengah (นโยบายการอพยพและการจัดที่อยู่ให้คนมลายูในภาคกลางของประเทศไทย) (1786M, 1791M dan 1832M), Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan (นโยบายการเลิกทาส) (1878M-1905M), Dasar Pengurusan Pendidikan (นโยบายการจัดการศึกษา) (1906M), Dasar Penggunaan Nama Keluarga (นโยบายการใช้นามสกุล) (1913M) dan Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib (นโยบายการศึกษาภาคบังคับ) (1921M).

Untuk memperlihatkan survival mereka sepanjang tempoh zaman pemerintahan monarki, pengkaji akan membincangkan penentuan dan pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan survival dan kejayaan orang Melayu serta kesannya terhadap mereka. Pengkaji juga akan membincangkan aspek pengadaptasian orang Melayu terhadap dasar-dasar tersebut. Selain itu, perbincangan ini adalah untuk menggambarkan keinginan kerajaan Siam pada masa itu menentukan corak kehidupan yang lebih baik terhadap para penduduk dalam negara. Perbincangan pengadaptasian bertujuan untuk menggambarkan tahap survival dan kejayaan orang Melayu di bawah pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Manakala, survival dan kejayaan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya pada zaman pemerintahan monarki dan pada zaman pemerintahan

demokrasi dapat dilihat dalam dua institusi sosial, iaitu institusi keluarga dan institusi agama.

Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu ke Bahagian Thailand Tengah digunakan untuk menyatakan survival orang Melayu pada awal hingga pertengahan zaman Rattanakosin. Dasar ini telah dikuatkuasakan sebanyak tiga kali; iaitu dua kali pada zaman Raja Rama I dan sekali lagi pada zaman Raja Rama III. Kesannya terhadap survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran dikekalkan hingga awal zaman pemerintahan Raja Rama V. Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan yang dikuatkuasakan oleh Raja Rama V, sebagai dasar kedua yang mempengaruhi survival orang Melayu. Berdasarkan dasar ini, orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah yang selama ini dihadkan hak-hak mereka dalam masyarakat kerana status hamba, dibebaskan dan telah dipertingkatkan kehidupan mereka seperti penduduk Thai yang lain/ dasar tersebut juga diibaratkan sebagai kunci yang membuka pintu kejayaan kepada orang Melayu. Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib pula adalah dasar yang dijalankan untuk membuatkan semua rakyat Thai terutama kumpulan minoriti supaya dapat mempelajari bahasa Thai dan mendapat pendidikan umum selain daripada ilmu agama. Dasar tersebut sangat berkesan terhadap survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya semasa pertengahan zaman Rattanakosin. Selain daripada itu, dasar ini terutamanya Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib merupakan permulaan dasar yang bersifat nasionalisme terhadap penduduk minoriti dalam negara. Dasar yang terakhir semasa pemerintahan monarki yang mempengaruhi orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah dan digunakan untuk membincangkan survival mereka adalah Dasar Penggunaan Nama Keluarga. Manakala, Semasa pemerintahan monarki ini, kejayaan

mereka dapat dilihat dalam dua institusi sosial; iaitu institusi keluarga dan institusi agama.

3.2 Pengkategorian Tempoh Survival dan Kejayaan Orang Melayu di persekitaran Bangkok

Sejarawan Thai membahagikan pemerintahan zaman Rattanakosin kepada tiga kategori iaitu pemerintahan awal zaman Rattanakosin (1782M-1850M), pemerintahan zaman peralihan (1851M-1924M) dan pemerintahan zaman Rattanakosin sekarang (1925M- sekarang).¹

Dalam kajian ini, pengkaji hanya membincangkan survival dan kejayaan orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran melalui dasar-dasar kerajaan yang melibatkan kehidupan orang Melayu. Ia bertujuan untuk memperlihatkan kisah tentang sejauh mana survival kehidupan mereka. Oleh yang demikian, berdasarkan penetapan dan pelaksanaan dasar yang dijalankan oleh kerajaan Thai pada zaman Rattanakosin, Pengkaji boleh mengkategorikan tempoh survival dan kejayaan mereka kepada dua kategori iaitu;

- (i) Survival dan kejayaan orang Melayu dipersekitaran Bangkok semasa pemerintahan monarki (1782M-1932M), dan
- (ii) Survival dan kejayaan orang Melayu dipersekitaran Bangkok semasa pemerintahan demokrasi (1932M-sekarang)

Penukaran sistem pemerintahan daripada monarki kepada demokrasi merupakan peralihan yang sangat penting dalam sejarah Thai kerana ia merupakan detik pemisah di antara sistem lama dengan sistem baharu yang diamalkan oleh kebanyakan negara di

dunia, iaitu demokrasi. Tambahan lagi, selepas keadaan tersebut dilakukan, lebih jelas kelihatan perubahan dalam masyarakat Melayu di kawasan ini.

(i) Survival dan kejayaan orang Melayu di persekitaran Bangkok semasa pemerintahan monarki (1782M-1932M)

Survival dan kejayaan orang Melayu dalam kategori ini merangkumi dasar pemerintahan enam orang raja yang terbahagi kepada dua tempoh iaitu pemerintahan awal zaman Rattanakosin (1782M-1850M), dan pemerintahan zaman peralihan (1851M-1924M).² Dasar pemerintahan awal zaman Rattanakosin dikira semenjak zaman pemerintahan Raja Rama I (1782M-1809M), Raja Rama II (1810M-1823M) dan Raja Rama III (1824M-1850M). Corak pemerintahan pada awal zaman Rattanakosin ini kebanyakannya hampir sama dengan corak pemerintahan kerajaan Ayutthaya dalam beberapa perkara seperti bidang ketenteraan, kemasyarakatan, perekonomian, pendidikan, kesenian, dan kebudayaan.³ Dasar pemerintahan zaman peralihan (1851M-1924M) pula merangkumi pemerintahan tiga orang raja iaitu Raja Rama IV (1851M-1864M), Raja Rama V atau Raja Chulalongkorn (1864M-1910M) dan Raja Rama VI atau Raja Vajiravut (1910M-1925M). Pada zaman pemerintahan raja-raja ini, pengaruh Barat mula masuk ke dalam masyarakat Siam. Dasar-dasar kerajaan dan pentadbiran negara pada masa itu dicipta berdasarkan pengaruh tersebut. Dasar pada zaman ini juga sangat mempengaruhi survival orang Melayu di persekitaran Bangkok ; terutama dasar pembatalan sistem hamba yang dikuatkuasakan oleh Raja Rama V. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, sepanjang masa pemerintahan monarki, survival orang Melayu boleh dibahagikan kepada dua tempoh iaitu:

- a) Zaman pemerintahan Raja Rama I sampai zaman pemerintahan Raja Rama IV
- b) Zaman pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI

(ii) Survival dan kejayaan orang Melayu di persekitaran Bangkok semasa pemerintahan demokrasi (1932M-sekarang)

Survival dan kejayaan orang Melayu dalam kategori ini merangkumi pemerintahan di bawah pimpinan tiga orang raja iaitu Raja Rama VII atau Raja Phrachathipok (1925M-1934M), Raja Rama VIII atau Raja Ananthamahidol (1934M-1946M) dan Raja Rama IX atau Raja Bhumipol (1946M-sekarang). Zaman ini merupakan zaman penggunaan sistem pemerintahan demokrasi, selain terdapat juga beberapa buah kerajaan yang terbentuk melalui rampasan kuasa. Beberapa dasar yang ditentukan oleh kerajaan selepas penukaran sistem pemerintahan negara sangat penting dan mempengaruhi survival dan sikap orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya. Semasa pemerintahan demokrasi, survival orang Melayu boleh dibahagikan kepada empat tempoh seperti yang berikut.

- a) Zaman penukaran sistem pemerintahan negara sampai zaman pemerintahan kerajaan Phibul Songkhram penggal pertama (1932M-1944M)
- b) Zaman pemerintahan kerajaan sivil (1944M-1948M)
- c) Zaman pemerintahan kerajaan Phibul penggal kedua (1948M-1957M)
- d) Zaman kerajaan Sarit sehingga sekarang (1957M-2015M)

3.3 Zaman Pemerintahan Raja Rama I sampai Zaman Pemerintahan Raja Rama IV

Pada zaman pemerintahan Raja Rama I hingga zaman pemerintahan Raja Rama IV merupakan zaman pemerintahan tradisional seperti yang diamalkan pada Era Ayutthaya. Struktur sosial pada zaman ini juga tidak berbeza dengan struktur sosial pada zaman sebelumnya. Survival orang Melayu di persekitaran Bangkok pada masa itu berpunca daripada Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu ke Bahagian Tengah Thailand. Dasar ini telah dikuatkuasakan sebanyak tiga kali, iaitu dua

kali pada zaman pemerintahan Raja Rama I (1786M dan 1791M), dan sekali lagi pada zaman pemerintahan Raja Rama III (1832M).

3.3.1 Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Raja Rama I sampai Zaman Pemerintahan Raja Rama IV

3.3.1.1 Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu ke Bahagian Tengah Thailand

Latar belakang sejarah yang telah dinyatakan dalam Bab Dua memperlihatkan tentang kepentingan dasar pemindahan dan penempatan terhadap masyarakat Melayu. Dasar pemindahan ialah dasar pertama yang berkaitan dengan orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran pada zaman Rattanakosin. Dasar ini pula dianggap sebagai punca kewujudan perkataan orang Melayu Bangkok dan perkembangan masyarakat Melayu di Bahagian Tengah Thailand secara rasmi. Berasaskan dasar ini, ramai penduduk Melayu di Selatan Thai dipindahkan ke Kawasan Tengah Thailand. Pemindahan dan penempatan tersebut sangat memberi kesan kepada masyarakat Muslim di kawasan ini terutamanya untuk menambahkan jumlah penduduk Muslim serta pengembangan masyarakat Melayu kemudiannya. Pemindahan dan penempatan orang Melayu dari Selatan ke Bahagian Tengah Thailand adalah bertujuan untuk:

a) Menambah tenaga kerja dalam membangunkan Bangkok yang pada mulanya diasaskan demi menambahkan jumlah warga penduduk Bangkok yang belum lagi terjamin daripada serangan tentera Burma.⁴

b) Menjadikan tawanan dari Patani sebagai tenaga kerja dalam memperbanyakkan bekalan bahan makanan dalam menghadapi serangan Burma.⁵


c) Memperkecilkan jumlah penduduk Melayu Patani supaya dapat mengelakkan berlakunya sebarang niat atau cita-cita untuk membebaskan diri daripada naungan Siam atau melakukan sesuatu untuk melepaskan diri daripada kawalan Siam.⁶

- d) Menjadi langkah bagi proses asimilasi kaum.⁷

3.3.2 Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok Pada Zaman Pemerintahan Raja Rama I sampai Zaman Pemerintahan Raja Rama IV

Institusi kekeluargaan merupakan institusi pertama yang mampu menyelesaikan masalah sosial selepas orang Melayu dipindahkan dan ditempatkan di persekitaran Bangkok. Selepas ketibaan mereka di kawasan ini, hamba adalah status yang diberikan oleh kerajaan Siam kepada mereka. Orang-orang Melayu itu ditempatkan di kawasan yang berlainan untuk mengelakkan daripada berlakunya pemberontakan dan niat untuk membebaskan diri serta melarikan diri untuk pulang ke tanah air mereka, iaitu Patani.

Pada masa itu, orang Melayu tidak mempunyai pilihan yang banyak dalam kedudukannya kecuali mengikut sahaja segala arahan yang diberikan oleh kerajaan. Berdasarkan status hamba, mereka adalah penduduk yang paling rendah status. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, masyarakat Thai terutamanya di Bahagian Tengah Thailand sebelum berlakunya pembatalan sistem perhambaan pada zaman Raja Rama V telah membahagikan kelas sosial orang Thai kepada dua kumpulan utama, iaitu kumpulan kerabat diraja dan kumpulan penduduk. Penduduk Thai pada zaman itu pula dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu *Nai* atau pembesar (pegawai kerajaan), *Phrai* atau orang (rakyat) biasa dan *Thas* atau hamba.⁸ (Sila lihat Gambarajah 3.1 untuk merujuk kelas sosial masyarakat Thai pada awal zaman Rattanakosin: 1782M-1905M).



Gambarajah 3.1: Kelas sosial masyarakat Thai pada awal zaman Rattanakosin

Nai atau pembesar adalah penduduk yang dikategorikan dalam kumpulan kelas sosial paling tinggi. Rakyat biasa yang bekerja dengan Raja akan diberikan jawatan mengikut hierarki bawah iaitu *Pan*, *Mun*, *Khun*, *Luang*, *Phra*, *Phraya*, dan *Chao Phraya*.⁹ Jawatan-jawatan tersebut boleh bertukar. Bagi pegawai kerajaan misalnya, sekiranya mereka mempunyai hasil kerja yang baik, mereka akan dinaikkan ke pangkat yang lebih tinggi.

Sebaliknya, kebanyakan peluang jawatan kerajaan akan diberikan kepada sesiapa yang mendapat sokongan daripada pegawai yang berpangkat lebih tinggi. Hal ini memberi peluang kepada ahli keluarga dan ahli keluarga kawan-kawan sebagai pilihan yang utama bagi pembesar-pembesar yang akan dimasukkan bekerja sebagai pegawai kerajaan. Boleh dikatakan bahawa, pada masa itu terlalu sukar bagi rakyat biasa untuk mendapatkan jawatan-jawatan tersebut. Selain daripada pangkat, tanda

kebesaran dan kekuasaan seseorang pembesar diambil kira berdasarkan jumlah *Phrai* dan *Thas* yang dimilikinya.

Phrai adalah penduduk biasa yang kelas sosialnya lebih rendah daripada *Nai* tetapi lebih tinggi daripada *Thas*. *Phrai* mempunyai kebebasan dalam penempatan dan perkahwinan tetapi mereka mesti berada di bawah bidang kuasa *Nai* (pembesar) dan tidak boleh menukarkan haknya kepada pembesar lain. *Phrai* yang telah mempunyai *Nai* akan dicacah tanda di pergelangan tangan. Jika *Phrai* tidak mempunyai *Nai* atau, tuan punya, mereka tidak akan dilindungi oleh undang-undang negara.

Setiap tahun, kerajaan akan mengerahkan *Phrai* untuk bertugas sebagai tenaga kerja atau dijadikan tentera pada masa perang. Pada zaman Raja Rama I, *Phrai* akan dikerahkan menjadi tenaga kerja selama empat bulan dalam setahun. Manakala pada zaman Raja Rama II pengerahan tenaga itu dikurangkan kepada selama tiga bulan dalam setahun.

Phrai dibahagikan kepada dua jenis iaitu *Phrai Luang* dan *Phrai Som*. *Phrai Luang* adalah penduduk yang dimiliki oleh raja secara langsung. *Phrai Luang* juga dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang bertanggungjawab sebagai tenaga kerja dan kumpulan yang membayar wang kepada kerajaan untuk menggantikan pengerahan tenaga menjadi tenaga kerja. Manakala *Phrai Som* adalah penduduk yang dimiliki oleh pembesar (*Nai*) atau penduduk yang diberikan oleh raja kepada pembesar sebagai hadiah. *Prai Som* ini adalah salah satu tanda yang menunjukkan wujudnya kuasa seseorang pembesar.

Selain daripada bekerja untuk pembesar yang memilikinya, *Phrai Som* juga mesti dikerahkan menjadi tenaga kerja untuk negara selama satu bulan dalam setahun. Ketika berlaku peperangan, *Phrai Som* juga akan dikerahkan menjadi tentera untuk mempertahankan negara. Apabila pemiliknya meninggal dunia, mereka akan ditukarkan statusnya kepada *Phrai Luang* kecuali jika anak pemiliknya meminta keizinan daripada raja untuk meneruskan apa yang menjadi kepunyaan bapa mereka.

Thas atau hamba adalah penduduk kumpulan terakhir yang paling rendah kelas sosial. Nilai mereka hanya sama dengan nilai benda atau alat kepunyaan yang dimiliki pembesar. *Thas* tidak mempunyai kebebasan dalam hidup dan juga tidak mendapat sebarang ganjaran daripada tuan punya (*Nai*). Jika *Thas* menentang arahan tuan punya, mereka akan dihukum mengikut apa sahaja kemahuan tuan mereka kecuali hukum mati. Berdasarkan maklumat yang didapati, *Thas* dibahagikan kepada tujuh jenis iaitu: *Thas Sinthai*, *Thas Nairoenbia*, *Thas yang didapati daripada pusaka*, *Thas Thanhai*, *Thas yang ditolong daripada hukuman*, *Thas yang ditolong daripada kesusahan* dan *Thas Chaloe*.¹⁰



Gambar 3.1 : *Nai* (Pembesar) dan *Thas* (hamba) pada awal zaman *Rattanakosin*

Sumber: <http://board.postjung.com/757059.html>

Berdasarkan pembahagian jenis-jenis hamba tersebut, orang Melayu dikategorikan dalam kumpulan jenis hamba yang ketujuh iaitu *Thas Chaloe* atau hamba tawanan perang. Pandangan tersebut adalah pandangan ramai para sejarawan dan kalangan penduduk yang beretnik Melayu sekarang.

Sukri Sarem iaitu sejarawan dan setiausaha Persatuan Melayu Lembah Sungai Chao Phraya memberi pandangan tentang kedudukan dan survival orang Melayu di Bahagian Tengah Thailand selepas mereka dipindahkan ke kawasan itu. Beliau berpandangan bahawa selepas orang Melayu tawanan perang itu dihantar ke kawasan yang disediakan, terdapat dua kumpulan penduduk pada masa itu iaitu penduduk yang mengikuti arahan kerajaan Siam dan penduduk yang membantah arahan kerajaan Siam. Penduduk yang mengikuti arahan kerajaan terus bekerja untuk menyelamatkan kehidupan mereka. Manakala penduduk yang membantah arahan kerajaan terus melarikan diri dari kawasan yang telah disediakan untuk balik ke tanah air mereka, iaitu Patani. Namun, usaha mereka tidak berjaya kerana jarak perjalanan yang sangat jauh melebihi 1,000 kilometer. Oleh itu, orang ramai yang melarikan diri itu ditangkap oleh pegawai kerajaan Siam dan dikenakan hukuman yang berat. Kegagalan penduduk yang engkar arahan kerajaan dan hukuman berat yang bakal diterima, menakutkan penduduk yang lain sekaligus membuatkan mereka melupakan hasrat untuk melarikan diri. Begitu juga dengan status hamba yang diberikan, mereka harus bekerja berat untuk kerajaan dan tidak boleh keluar daripada kawasan yang ditetapkan oleh kerajaan. Dengan syarat yang banyak, masyarakat Melayu pada zaman awal Rattanakosin terutamanya pada zaman Raja Rama I hingga Raja Rama IV tidak mampu berkembang.¹¹

Chokchai Wongtanee iaitu pensyarah di Institut Pengajian Keamanan, Universiti Songkla Nakharin menyatakan, memang kedudukan orang Melayu di Bahagian Tengah

Thailand selepas dipindahkan ke Bangkok adalah berstatus hamba. Mereka dipecahkan dan dihantar ke kawasan yang berlainan lokasi dengan tujuan untuk mengurangkan semangat pemberontakan dan mereka diberikan kerja tanpa upah. Keadaan ini secara tidak langsung menjelaskan status mereka. Kerajaan Siam pada masa itu telah melantik pegawai kerajaan (*Nai*) atau orang Melayu yang diberi kepercayaan oleh kerajaan Siam untuk menjaga kedudukan mereka selepas diberikan kawasan penempatan dan pekerjaan. Masyarakat dan keluarga orang Melayu pada masa itu, tidak terlalu berkembang kerana kesibukan dengan tanggungjawab melaksanakan pekerjaan yang diberikan oleh kerajaan dan masih dalam proses penyesuaian diri dengan keadaan baru yang mereka hadapi.¹²

Berasaskan temu bual yang telah dijalankan, boleh dikatakan bahawa selepas dasar pemindahan dan penempatan dikuatkuasakan ke atas orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran, mereka tidak mempunyai pilihan dalam kehidupan selain daripada mengikut arahan kerajaan. Orang yang membantah arahan kerajaan akan dikenakan hukuman berat. Sebaliknya orang yang mengikut arahan akan diberikan makanan dan minuman oleh tuan-tuan mereka. Mereka adalah hamba dan berdasarkan status ini beberapa hak mereka dihadkan seperti perjalanan dan pekerjaan. Sekatan yang dikenakan ke atas orang Melayu ini adalah menjadi penghalang dari segi perkembangan dan pembangunan masyarakat pada masa itu.

Kerajaan Siam pada masa itu masih belum menjalankan dasar-dasar yang bersifat asimilasi terhadap golongan minoriti. Semua dasar yang dijalankan bertujuan untuk membangunkan negara dengan memberikan tumpuan kepada bidang ekonomi dan politik sahaja. Manakala dasar-dasar yang berkaitan dengan kebudayaan atau

dasar-dasar yang bersifat asimilasi belum lagi diberikan perhatian kerana pada zaman itu merupakan zaman permulaan kerajaan yang diperintah oleh dinasti baharu.

Ratchanee Sadprem menyatakan kehidupan orang Melayu di Bangkok pada awal zaman Rattanakosin dengan tawanan perang orang Melayu yang dikerahkan ke Bahagian Tengah Thailand masih lagi bekerja sebagai petani seperti pekerjaan di negara asal mereka di Patani. Mereka tidak berinteraksi dengan komuniti-komuniti lain kecuali sesama komuniti Melayu yang sama bangsa dalam kalangan mereka sahaja. Oleh itu, pada awal zaman ini mereka masih memikirkan bahawa mereka bukan orang Siam.¹³ Berdasarkan pemikiran tersebut dan juga dasar-dasar kerajaan yang masih tidak bersifat asimilasi, orang Melayu di kawasan ini mengekalkan cara hidup dan kebudayaan Melayu mereka. Bahasa Melayu masih lagi digunakan dalam kehidupan seharian mereka sebagai bahasa pengantar. Dalam kalangan mereka terdapat seorang atau dua orang penduduk sahaja yang boleh bercakap bahasa Thai. Orang yang boleh bercakap bahasa Thai akan bertugas sebagai penterjemah atau penghubung antara golongan mereka dengan tuan punya dan pihak kerajaan Thai. Begitu juga dengan penduduk bangsa lain di kawasan ini seperti Mon, Khmer, dan Laos, masing-masing setiap kumpulan daripada penduduk dalam komuniti itu masih berkomunikasi mengikuti bahasa dan dialek mereka.

Status hamba telah menyekat beberapa hak sosial orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran. Walaupun demikian, ada hak yang tidak disekat oleh kerajaan Siam ke atas orang Melayu iaitu hak kepercayaan beragama atau aqidah. Kerajaan Siam memberi kebebasan dalam anutan kepercayaan beragama kepada semua penduduk tanpa mengira bangsa dan status. Agama Islam dalam kalangan orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran masih lagi diteruskan walaupun mereka berstatus

hamba. *Sir John Bowring* seorang pedagang dan diplomat berbangsa Inggeris yang mengunjungi Bangkok pada zaman Raja Rama IV menyatakan agama orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran sebagaimana berikut:

Mereka semua mempercayai agama Muhammad (Islam) dan sangat beriman kepada agama mereka. Dalam kalangan mereka, tidak terdapat orang yang menukarkan anutan agama walaupun beberapa kali terdapat orang barat yang mengemukakan ganjaran untuk penukaran agama mereka.¹⁴

Muhammad Adam seorang penduduk berketurunan Melayu yang mengumpulkan cerita-cerita lisan daripada orang tua, menyatakan pembelajaran ilmu pengetahuan agama pada masa itu berdasarkan cerita yang disampaikan oleh datuknya. Katanya, pembelajaran ilmu agama dalam kalangan orang Melayu pada zaman awal Rattanakosin tidak berkembang kerana sekatan perjalanan dan kesibukan pekerjaan yang dikenakan oleh pihak kerajaan. Perjalanan yang terhad adalah sebagai faktor utama yang menghalang penambahan pencarian ilmu pengetahuan agama. Penduduk setiap kampung tidak boleh keluar dari kawasan yang ditetapkan untuk mempelajari ilmu agama Islam. Mereka hanya beribadat mengikut pengetahuan yang ada. Setiap kampung akan memilih seorang penduduk yang mempunyai ilmu agama paling tinggi sebagai pemimpin atau imam untuk beribadat.¹⁵


Dasar pendidikan Siam pada awal zaman Rattanakosin merupakan kesinambungan daripada kegiatan pengajaran dan pembelajaran mengikut sistem pendidikan tradisional yang berpusat di istana dan kuil sebagai tempat penyebaran ilmu sebagaimana yang diamalkan pada zaman Ayutthaya. Kuil Buddha dijadikan tempat pendidikan untuk golongan pembesar dan bangsawan.¹⁶ Guru-guru yang memberi pendidikan kepada pelajar terdiri daripada golongan sami, maka suasana Buddha turut menjadi suasana pembelajaran kanak-kanak. Penekanan dan setiap apa yang diajar oleh

para sami itu ialah pengetahuan yang bercorak ke-Buddha-an. Keadaan ini menjadi kebiasaan masyarakat Siam bahawa apabila usia seseorang kanak-kanak lelaki itu meningkat, mereka akan menjalankan kehidupan sebagai sami supaya mereka dapat mempelajari ajaran agama Buddha dengan bersungguh-sungguh. Selain daripada itu juga mereka perlu tinggal di kuil selama beberapa bulan atau beberapa tahun untuk mendalami lagi kehidupan sebagai seorang sami.¹⁷

Disebabkan suasana pendidikan yang dikelilingi dengan suasana Buddha, keadaan tersebut menimbulkan kerisauan mengenai kesannya terhadap keimanan agama Islam dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Oleh yang demikian, orang Melayu di persekitaran Bangkok memutuskan untuk tidak menghantar anak-anak mereka belajar dan memasuki pendidikan mengikut sistem pendidikan Siam. Pada ketika itu, boleh dikatakan bahawa orang Melayu belum lagi mendapat pendidikan mengikut sistem pendidikan kerajaan Siam.

Tenaga kerja dan pertanian adalah pekerjaan bagi orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya selepas dasar pemindahan dan penempatan dikuatkuasakan. Tenaga kerja mereka digunakan untuk menggali terusan adalah tugas utama yang diberikan oleh kerajaan Siam untuk mendapatkan bekalan makanan. Mereka tidak diberikan sebarang ganjaran atau upah, tetapi mereka hanya mendapat makanan dan minuman serta tempat penginapan daripada kerajaan atau tuan-tuan punya hak ke atas diri masing-masing. Pada awal zaman Rattanakosin, hamba tidak ada hak dalam kehidupan kerana mereka dianggap sebagai salah satu barang kepunyaan pemilik sahaja. Tuan punya hamba akan memberi tugas kepada orang di bawah tanggungjawabnya, termasuklah *Phrai* dan *Thas* (hamba). Kemudian tuan-tuan punya hamba itu akan menghantar cukai kepada kerajaan berdasarkan jumlah orang atau

hamba yang dimiliki. *Phrai* dan *Thas* (hamba) tidak perlu membayar cukai kerana menjadi tanggungjawab tuan punya diri masing-masing. (Gambarajah 3.2 menggambarkan sistem pembayaran cukai pada masa awal zaman Rattanakosin.)



Gambarajah 3.2 : Sistem pembayaran cukai pada awal zaman Rattanakosin

Berdasarkan sistem pembayaran cukai dalam Rajah 3.2, dapat dilihat bagaimana kedudukan orang Melayu yang dijadikan tenaga hamba yang hanya bekerja untuk pemiliknya. Oleh hal yang demikian kedudukan orang Melayu dan masyarakat Melayu, terutamanya dari segi kemajuan ekonomi tidak dapat dikembangkan kerana sekatan-sekatan yang telah ditetapkan ke atas mereka dengan sistem ekonomi negara seperti yang dinyatakan.

Pada awal zaman Rattanakosin orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya tidak melibatkan diri dalam politik negara. Dengan status hamba yang diberikan, kesibukan bekerja untuk mendapatkan makanan dan minuman serta pencarian rezeki untuk meneruskan kehidupan adalah lebih penting daripada hal politik.

Namun dalam suasana itu, terdapat juga mereka yang terlibat dalam bidang politik daripada kalangan pegawai yang beragama Islam dalam kerajaan Siam dan menjadi penduduk yang telah lama tinggal di kawasan ini, tetapi mereka adalah orang Islam yang berketurunan seperti Arab, Parsi, India, dan Campa.

3.4 Zaman Pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI

Zaman pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI merupakan zaman yang sangat hebat dalam penerimaan kesan daripada pengaruh Barat. Zaman itu juga dianggap sebagai zaman permulaan berlakunya gerakan pemodenan negara Thai. Jika dilihat dasar-dasar yang dijalankan pada masa itu yang menerima pengaruh Barat terutamanya ialah dasar tentang sosial, pentadbiran dan pemerintahan. Pada hujung zaman pemerintahan Raja Rama V dan sepanjang zaman pemerintahan Raja Rama VI, dasar kerajaan Thai bermula dengan sesuatu yang dasar asimilasi. Pengasimilasian ke atas orang Melayu dilakukan secara sedikit demi sedikit melalui pembangunan sistem pendidikan. Kesan utama proses pengasimilasian pada zaman ini terhadap orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitarannya adalah dengan cara pengurangan kepentingan penggunaan bahasa Melayu.

3.4.1 Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI

Terdapat dua dasar yang berkaitan dengan survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran yang dikuatkuasakan oleh Raja Rama V, iaitu Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dan Dasar Pengurusan Pendidikan. Pada zaman pemerintahan Raja Rama VI, dasar utama baginda tidak jauh bezanya dengan dasar-dasar yang pernah dikuatkuasakan pada zaman Raja Rama V. Baginda Raja Rama VI hanya meneruskan dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh Raja Rama V itu. Pada zaman

ini, terdapat dua dasar yang melibatkan survival orang Melayu di persekitaran Bangkok ; iaitu Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib dan Dasar Penggunaan Nama Keluarga. Untuk memperlihatkan survival orang Melayu pada zaman pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI, pengkaji akan membincangkan penentuan dan pelaksanaan dasar serta survival mereka berdasarkan dasar-dasar tersebut.

3.4.1.1 Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan pada Tahun 1878M-1905M

Sistem perhambaan merupakan sebahagian daripada dasar dalam masyarakat Thai. Sistem tersebut telah disahkan oleh undang-undang Thai semenjak zaman Ayutthaya. Sistem perhambaan telah menyusup masuk ke dalam kehidupan masyarakat Thai pada ketika itu. Pada zaman Rattanakosin, jumlah *Thas* atau hamba semakin bertambah kerana rakyat biasa bertindak melarikan diri daripada kemiskinan dan kesusahan hidup melalui penjualan diri sendiri untuk menjadi hamba. Pada masa pertengahan abad ke-19M, anggaran bilangan hamba Siam berjumlah satu pertiga daripada jumlah penduduk Siam.¹⁸ Oleh yang demikian, pada zaman Raja Rama V, baginda telah mencadangkan untuk membatalkan sistem perhambaan dengan beberapa faktor iaitu:¹⁹

a) Pengaruh Peradaban Barat

Pengaruh peradaban Barat yang menuju ke arah kebebasan penduduk serta pembatalan sistem perhambaan sebagai punca utama yang menggesa Raja Rama V mengambil inisiatif untuk menghapuskan sistem perhambaan di Thailand. Konsep pembatalan dan sistem perhambaan berkaitan merebak ke dalam masyarakat Thai adalah melalui aktiviti perdagangan antara kerajaan Thai dengan orang asing terutamanya selepas Perjanjian Bowring²⁰ yang ditandatangani pada tahun 1855M.

b) Pengaruh Imperialisme Barat

Pengaruh imperialisme Barat turut menimbulkan ancaman kepada penguasa Thailand. Hal ini kerana, jika negara Thailand mundur dari segi sosial, tidak bertamadun dan keadaan kehidupan rakyat masih lagi diperhambakan, pasti negara-negara Barat akan menggunakan alasan tersebut untuk menguasai negara Thailand melalui bantuan dan campur tangan untuk mewujudkan kemakmuran.

c) Pengaruh Ekonomi

Perjanjian Bowring yang telah ditandatangani menyebabkan perdagangan dan pengeluaran pendapatan dikembangkan. Perkembangan ekonomi tersebut menyebabkan berlakunya peningkatan tenaga buruh terutamanya dalam aktiviti pengeluaran beras. Sekiranya hamba tidak dibebaskan, tenaga kerja untuk ekonomi negara tidak akan mencukupi. Kebanyakan hamba dalam masyarakat Thai pada masa itu bukan golongan hamba yang dimiliki oleh Raja, tetapi mereka adalah terdiri daripada kumpulan hamba yang dimiliki oleh para pembesar atau golongan bangsawan. Oleh hal yang demikian mereka tidak boleh keluar dari kawasan yang ditetapkan, dan sebaliknya mereka hanya boleh bekerja untuk tuan mereka sahaja. Manakala pihak kerajaan pula tidak mempunyai hak ke atas hamba-hamba yang dimiliki oleh para pembesar kerana kerajaan telah mengutip cukai daripada mereka termasuk juga cukai perhambaan. Oleh itu, pembatalan sistem perhambaan telah membebaskan tenaga buruh untuk memenuhi keperluan ekonomi negara.

d) Pengaruh Pentadbiran Moden

Raja Rama V mempunyai rancangan untuk memodenkan pentadbirannya. Baginda melihat bahawa sistem perhambaan boleh menghalang rancangan tersebut. Begitu juga dengan perkembangan pentadbiran baharu yang akan dijalankan

memerlukan ramai tenaga kerja. Baginda berpendapat, sekiranya rakyat masih dijadikan hamba dan tidak ada kebebasan untuk bekerja, maka usaha pemodenan pentadbiran yang dirancangkan tidak akan tercapai matlamatnya.

Pembatalan sistem perhambaan tidak boleh dilakukan dengan segera kerana sistem tersebut telah lama wujud dan berjalan menguasai kehidupan dalam masyarakat Thai. Manakala kesan pembatalan perhambaan yang akan dilakukan dipercayai secara langsung sangat mempengaruhi pembesar-pembesar negara yang memiliki hamba. Jika sistem itu dibatalkan dengan serta-merta, sudah semestinya para pembesar tidak akan bersetuju dengan rancangan ini. Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah tersebut dan meneruskan rancangan pembatalan sistem perhambaan, Raja Rama V telah membuat rancangan untuk menghapuskan sistem perhambaan ini secara sedikit demi sedikit seperti yang berikut:²¹

- 1) Pengeluaran arahan untuk meninjau jumlah hamba. Pada tahun 1874M, kerajaan telah mengumumkan arahan ini kepada sesiapa yang memiliki hamba supaya melaporkan jumlah hamba yang dimilikinya terutama hamba yang dilahirkan semenjak tahun 1868M yang merupakan tahun baginda menduduki takhta. Peninjauan ini adalah langkah pertama dalam rancangan pembatalan sistem perhambaan yang akan dilakukan pada masa akan datang.
- 2) Pengumuman Akta Persaraan Anak Hamba Thai pada tahun 1874M yang bertujuan untuk menetapkan beberapa panduan rancangan iaitu:
 - a) Orang yang menjual diri menjadi hamba dan hamba yang dijual oleh tuannya yang dilahirkan pada tahun 1868M dan tahun seterusnya, akan dibebaskan tanpa syarat apabila berumur 21 tahun. Bagi hamba yang dilahirkan sebelum tahun 1868M, mereka masih berstatus hamba mengikut undang-undang lama.

- b) Hamba yang dilahirkan selepas tahun 1868M akan dibebaskan mengikut syarat umur, dan boleh membayar wang tebusan kepada tuan punya dengan harga yang murah untuk membebaskan diri sendiri.
 - c) Ibu bapa yang melahirkan anak pada tahun 1868M dan seterusnya, tidak boleh menjual anak-anak mereka untuk dijadikan hamba. Jika didapati sesiapa yang menipu tahun kelahiran untuk menjual diri sendiri atau anak menjadi hamba, mereka akan dikenakan hukuman berat.
 - d) Dilarang tuan punya hamba, mengira harga makanan dan minuman daripada kanak-kanak lelaki atau perempuan yang telah dibebaskan, jika kanak-kanak itu tinggal bersama atau mengikut ahli keluarga yang belum dibebaskan menginap atau bekerja di rumah tuan punya sehingga kanak-kanak itu dijadikan hamba berdasarkan pengiraan harga makanan dan minuman tersebut.
 - e) Akta Persaraan Anak Hamba Thai tahun 1874M ini hanya diguna pakai di Kawasan Tengah Thailand; tidak termasuk negeri naungan yang terletak di kawasan yang jauh dari Bangkok.
- 3) Mengumumkan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan di kawasan wilayah-wilayah Timur Laut pada 21 September 1900M.
 - 4) Mengumumkan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan di kawasan wilayah-wilayah Barat pada tahun 1904M. Kemudian pada tahun 1906M, kawasan wilayah-wilayah Barat ini diberikan kepada Perancis.
 - 5) Pengumuman penggunaan *Akta Hamba Rattanakosinsok 124²²* pada tahun 1905M. Akta ini merupakan dasar penghapusan sistem perhambaan di Thailand. Terdapat beberapa maklumat yang menarik dalam akta ini iaitu:

- a) Anak hamba yang dilahirkan selepas akta ini diumumkan tidak akan menjadi hamba. Manakala hamba yang telah dibebaskan tidak boleh menjual dirinya untuk menjadi hamba semula.
- b) Berdasarkan akta ini, harga hamba dikurangkan kepada empat baht untuk memudahkan pembayaran kepada hamba-hamba yang ingin membebaskan diri.

Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan yang dijalankan oleh Raja Rama V secara langsung telah mempengaruhi survival orang Melayu di persekitaran Bangkok . Status hamba yang telah dilaksanakan selama ini telah menjadi penghalang yang besar ke arah mencapai kemajuan dan perkembangan dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan ini. Apabila sistem perhambaan tersebut telah dibatalkan, mereka boleh menggunakan status kehidupan seperti orang biasa yang tiada sebarang sekatan yang dihadkan mengenai hak-hak dan syarat yang banyak seperti sebelumnya. Boleh dicatatkan bahawa Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan ini merupakan suatu permulaan ke arah pencapaian perkembangan masyarakat Melayu di Bahagian Tengah Thailand.

Mengenai perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu di Bangkok serta perkembangan orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah, Worapong Charoenwong, seorang penyelidik tamadun Islam di Thailand juga turut memberi pandangan. Katanya, perkembangan masyarakat Melayu di Thailand adalah disebabkan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan yang dilaksanakan oleh Raja Rama V. Sekiranya sistem tersebut tidak dihapuskan, nescaya masyarakat Melayu tidak akan berkembang dan tidak akan maju seperti sekarang. Keadaan ini sekali gus menunjukkan bahawa sistem perhambaan sebagai sistem yang menghalang kemajuan negara.²³ Sukri Sarem juga bersetuju dengan pandangan tersebut. Beliau memberi pandangan bahawa sebelum

sistem perhambaan dibatalkan, tidak terdapat maklumat mengenai perkembangan masyarakat Melayu di Thailand Tengah.²⁴

3.4.1.2 Dasar Pengurusan Pendidikan

Pada awal zaman pemerintahan Rattanakosin, pendidikan Siam adalah berbentuk pengajaran dan pembelajaran secara tradisional; iaitu aktiviti yang menjadikan istana dan kuil Buddha sebagai pusat pembelajaran. Sebelum tahun 1906M, segala pengurusan pendidikan dan hampir semua aktiviti pembelajaran di Thailand dijalankan oleh institusi agama Buddha. Para sami diberikan kepercayaan untuk mengajar kanak-kanak Thai. Rong Sayamonda menjelaskan sistem pendidikan tradisional Thai seperti yang berikut:

Pendidikan tradisional telah diadakan sejak Dinasti Sukhothai (1238-1378), yang merupakan sistem pendidikan yang menjadi kegemaran masyarakat sehingga ke zaman pemerintahan Raja Chulalongkorn (Raja Rama V). Walaupun negara menerima kemajuan dalam bidang ilmu pengetahuan serta pengaruh Barat yang memasuki negara ini sejak zaman Ayutthaya (1350-1767), namun sistem pendidikan tidak berubah bentuknya yang masih berpusatkan kuil sebagai tempat belajar dan sami sebagai guru.²⁵

Pengaruh dari Barat mula memasuki negara Siam pada zaman Raja Rama IV , dan turut dihadiri oleh paderi-paderi Barat yang terus menghubungi istana untuk mengajar bahasa Inggeris kepada orang-orang Istana. Selepas itu barulah pengajaran bahasa Inggeris dibenarkan diajarkan di luar istana. Namun demikian, sambutan orang awam terhadap pendidikan masih dalam keadaan perlahan.²⁶

Pada 11 November 1898M, Raja Chulalongkorn mula menjalankan dasar pengembangan pendidikan ke atas negeri-negeri seluruh Siam dengan tujuan untuk

meningkatkan kemajuan rakyat dengan pekerjaan yang boleh mendatangkan sumber rezeki yang halal.

Dalam pelaksanaan dasar pengembangan pendidikan ke negeri-negeri seluruh negara, Raja Rama V memberi mandat kepada *Krommamoen Wachiraya Wachiroros* dalam urusan pengurusan dan kedudukan seterusnya. Proses pengurusan pendidikan ini melibatkan para ketua sami di negeri masing-masing. Mereka dilantik sebagai pengarah pendidikan negeri yang mempunyai tugas untuk mendaftarkan kuil, sami, sami muda, budak-budak yang menumpang di kuil-kuil dan juga sekolah-sekolah yang sedia ada di negeri masing-masing. Selain itu, mereka juga ditugaskan supaya memberi galakan kepada kampung-kampung yang berkemampuan mendirikan sekolah serta memilih sami muda untuk dihantar ke Bangkok untuk melanjutkan pengajiannya agar dapat menjadi guru sekembalinya nanti.²⁷

3.4.1.3 Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib pada Tahun 1921M

Memandangkan kedudukan rakyat Thai secara umum dalam usaha mempertingkatkan jumlah rakyat yang berkebolehan, Raja Rama VI mengeluarkan Akta Sekolah Kebangsaan B.E. 2464 pada 1 September 1921M, dan kemudian akta itu dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1921M. Hasrat sebenar akta ini tidak bertujuan untuk dikenakan ke atas semua kawasan di seluruh negara secara serentak tetapi bergantung kepada pertimbangan Menteri Pendidikan yang akan membuat pengisytiharan dari semasa ke semasa.²⁸

Pada tahap permulaan, akta itu dikuatkuasakan di Kawasan Tengah negara sahaja. Namun demikian, kawasan yang lain dikenakan akta tersebut. Orang Melayu di persekitaran Bangkok merupakan penduduk kumpulan pertama yang terlibat dengan

akta tersebut. Apabila akta ini dijalankan, anak-anak Melayu lelaki dan perempuan di kawasan berkenaan yang berumur di antara tujuh tahun hingga 14 tahun diwajibkan memasuki sekolah kebangsaan Siam untuk mempelajari penulisan dan pembacaan bahasa Thai supaya mereka dapat menguasai bahasa Thai. Sekiranya mereka belum dapat menguasainya dalam jangka masa yang ditetapkan, maka mereka harus melanjutkan pembelajaran bahasa Thai di sekolah itu sehingga dapat menguasai sepenuhnya.

Maklumat yang penting dalam permulaan pengurusan pendidikan wajib ke atas masyarakat minoriti adalah laporan tahunan yang dilaporkan oleh pesuruhjaya Monthon Patani pada tahun 1916M iaitu:

...jika hendak memperluaskan pendidikan dan membuka peluang kepada pesuruhjaya Munthon dan pegawai pengurus pendidikan bekerja dengan bersungguh-sungguh, kerajaan mesti mengeluarkan undang-undang untuk memaksa semua orang yang berumur dalam lingkungan bersekolah memasuki sekolah.²⁹

3.4.1.4 Dasar Penggunaan Nama Keluarga

Sebelum ini orang Thai belum ada nama keluarga. Mereka hanya menggunakan nama dirinya sahaja. Orang yang menjadi pegawai dan kakitangan kerajaan juga tidak memakai nama keluarga, bahkan memakai nama pangkat kebesaran atau gelaran yang dikurniakan oleh kerajaan menjadi nama panggilan untuk menggantikan nama asalnya. Sungguhpun begitu, tidak juga setiap orang pegawai memperoleh pangkat kebesaran dan gelaran kerana yang dikurniakan gelaran itu hanya mereka yang melakukan sesuatu perkhidmatan yang penting dengan bersungguh-sungguh sehingga dapat menjadi bukti tentang kebijaksanaannya.³⁰

Pegawai bawahan dan orang awam masih memakai nama-nama yang agak pendek dan kebanyakannya mempunyai nama yang sama, seperti *Dam, Khaw, Daeng, In, Chan, Man, Khong, Yoo, Dee*, dan seumpamanya. Hal ini telah menimbulkan kesulitan dalam mengidentifikasikan diri penduduk, lebih-lebih lagi apabila ada kalangan mereka yang melakukan sesuatu keadaan atau perbuatan yang melanggar peraturan atau norma-norma sosial, dan pihak yang berkenaan memerlukan bukti untuk mengesan kesalahan pelakunya. Raja Rama VI sedar akan kesulitan ini, di samping jumlah rakyat Thai yang semakin hari semakin bertambah, sedangkan nama-nama bahasa Thai yang dipakai oleh masyarakat Siam pada masa itu sangat terhad. Bagi mengatasi masalah ini, baginda telah melaksanakan penggunaan nama keluarga dengan memperkenalkan Akta Penggunaan Nama Keluarga pada 22 Mac 1912 dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 1913.³¹

Sawai Wattanaset³² menyatakan bahawa Raja Rama VI berhasrat supaya nama keluarga dapat dijadikan sebagai identiti orang Thai yang menunjukkan:

- a) Asas pertalian keturunan sebelah bapa, kehormatan diri seseorang serta pertalian dan susulan darah keturunan seseorang.
- b) Perkauman atau golongan yang mendukung perasaan kasih sayang dalam kalangan sanak-saudara sejak dari generasi terawal hingga ke generasi terkini.
- c) Sebagai identiti manusia bagi setiap bangsa dan etnik yang biasanya mendorong mereka dan sanak-saudara mereka sedar akan kebaikan atau keburukan dalam mewarisi sesuatu, atau sebaliknya agar dapat seboleh-bolehnya menjaga nama baik keturunannya.

Akta ini mewajibkan semua orang Thai memiliki nama diri atau nama pertama dan nama keluarga. Nama pertama ialah nama yang diberi oleh ibu-bapa kepada

anaknya sewaktu mereka dilahirkan, manakala nama keluarga merupakan nama bagi etnik yang menyusuli semua ahli keluarga daripada bapa kepada anak-anaknya. Bagi wanita yang mengahwini seseorang lelaki, maka haruslah menggunakan nama keluarga suaminya, tetapi dibenarkan juga mengekalkan nama keluarga asal mereka. Akta tersebut melarang sesiapa sahaja meminda nama pertama dan nama keluarga mereka serta ahli-ahli mereka sebelum mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pihak yang berkuasa terlebih dahulu. Setiap keluarga harus mendaftarkan nama keluarga yang tidak ada persamaan dengan nama-nama raja dan kerabat diraja, dan dilarang juga memakai nama keluarga yang boleh mendatangkan maksud yang janggal, kasar dan tidak baik. Apabila ditulis nama keluarga dengan bahasa Thai, mestilah melebihi sepuluh suku kata dan haruslah tidak menyerupai nama-nama keluarga yang telah didaftarkan terlebih dahulu di daerah yang sama atau daerah-daerah yang berdekatan.³³

3.4.2 Survival Orang Melayu di persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI

Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan merupakan kunci yang membuka pintu kebebasan dan kemajuan untuk orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran Bangkok Selepas dasar ini diumumkan secara rasmi pada 1 Mac tahun 1905M, hak-hak yang dihadkan oleh kerajaan Siam berdasarkan status hamba seperti perjalanan dan pekerjaan dibatalkan. Pembatalan sistem perhambaan ini dikuatkuasakan pada generasi yang ketiga selepas mereka dipindahkan ke kawasan ini. Catatan keturunan dan cerita orang tua di kampung merupakan salah satu sumber untuk menyatakan taburan penduduk dan perkembangan kekeluargaan Melayu selepas Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dijalankan. Maklumat tersebut diperolehi dari Pusat Maklumat Persaudaraan Melayu Chaophraya³⁴.

Berdasarkan maklumat yang didapati, penduduk dari kampung *Paklad*, *Prapadaeng*, wilayah Samutprakarn, mengembangkan persaudaraan ke kawasan yang lain seperti yang berikut:³⁵

- Sekumpulan penduduk berpindah ke kampung *Longkrachol*, *Klong Maseng* kawasan wilayah Nonthaburi.
- Penduduk keturunan *Chae*³⁶ *Man* dengan *Tok*³⁷ *Bung* berpindah ke wilayah *Phetchaburi* *Chae Ae* dan anak-anaknya pergi mendiami daerah *Khao Kayay*, di wilayah *Cholburi*. Terdapat juga beberapa orang anak-anak mereka yang mendiami daerah *Minburi*, *Nongchok* Bangkok dan kemudiannya berpindah ke wilayah *Chachengsao* dan *Nakhonnayok*.
- Penduduk keturunan *Chae Saeng* iaitu *Chae Cik Sangwiman*, berpindah ke *Khlong Masong*, daerah *Sainoi*, wilayah *Nonthaburi*. Kemudiannya, cucu beliau berpindah ke daerah *Pakpanang*, wilayah *Nakhonsrithammarat*.
- Beberapa orang penduduk dalam kampung mereka berpindah ke kawasan yang terdekat iaitu kampung *Thungkru* dan menubuhkan Masjid Al-istiqamah, Masjid Attaqwa dan Masjid Khalidin.

Terdapat maklumat di kawasan wilayah *Nonthaburi*, iaitu kampung *Tha-it* daerah *Pakkret* yang mencatatkan sejarah pemindahan penduduk Melayu dari kawasan lain ke kampung selepas Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dikuatkuasakan. Dalam catatan tersebut menyatakan bahawa pada tahun 1920M, sekumpulan orang Melayu dari daerah *Nongcok*, Bangkok berpindah ke Kampung *Tha-it*. Mereka memilih kawasan Selatan kampung sebagai tempat tinggal. Ketua pemindahan kali ini ialah Tok Yah Damurah, Khotib Muhammadsaman, Tok Yah Yim, Tok Yah Pream. Selepas semua telah mendapat tanah untuk didiami, mereka membina sebuah masjid yang bernama Surau Daeng (Masjid Merah).³⁸

Selain daripada kebebasan dalam perjalanan untuk yang mengembangkan masyarakat Melayu di kawasan ini, Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan juga mempengaruhi cara pemakaian dalam kalangan mereka. Namun demikian, tidak terdapat maklumat mengenai pakaian orang Melayu sebelum Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dijalankan. Walau bagaimanapun, dipercayai bahawa pakaian harian mereka tidak jauh beza dengan penduduk Thai yang lain kecuali pakaian untuk sembahyang dan beribadat. Selepas pembatalan sistem hamba, lelaki Melayu memakai sarung semasa berada di rumah. Mereka akan berbaju lengan panjang, memakai kopiah, dan berserban apabila keluar dari rumah. Manakala perempuan Melayu pula, mereka memakai kain sarung batik dan baju lengan panjang serta berselendang.³⁹ Bagi alim ulama pula, pakaiannya adalah jubah, kopiah dan berserban.

Pada zaman ini bahasa Melayu masih lagi digunakan dalam kalangan mereka tetapi bagi kawasan yang dekat dengan pusat pentadbiran negara iaitu Istana Raja jarang digunakan. Haji O-pas Mitmana, khatib Masjid Chakkaphong, penduduk berketurunan Melayu yang mendiami kawasan yang berhampiran dengan istana menyatakan keadaan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk di kawasan sekeliling istana. Katanya, datuk dan neneknya tidak boleh bercakap bahasa Melayu tetapi mereka memahami bahasa Melayu. Faktor yang mengurangkan kepentingan bahasa Melayu bagi orang yang mendiami kawasan sekeliling istana adalah disebabkan suasana perkampungan serta keadaan kawasan di sekeliling yang ramai bukan orang Melayu. Dalam kehidupan seharian, mereka menggunakan bahasa Thai untuk berkomunikasi.⁴⁰ Boleh dikatakan bahawa pada zaman Raja Rama V selepas pembatalan sistem perhambaan, bahasa Melayu masih digunakan dalam kalangan orang Melayu terutamanya bagi penduduk kampung yang terletak di kawasan yang jauh dari pusat pentadbiran. Manakala kampung-kampung yang berdekatan dengan istana, bahasa

Melayu tidak begitu penting dan hanya sebagai bahasa percakapan dan pengantar dalam keluarga sahaja.

Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan sangat mempengaruhi survival agama orang Melayu di Kawasan Tengah Thailand. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Boleh keluar dari kawasan yang dihadkan untuk mempelajari ilmu agama

Selepas dibebaskan, orang Melayu menghantar anak cucu mereka ke Patani untuk mempelajari ilmu pengetahuan agama kerana pada masa itu pembelajaran agama di Patani sangat masyhur dalam kalangan penduduk di Nusantara dan Asia Tenggara sehingga Patani dinamakan “Serambi Mekah” atau “Cerminan Mekah”. Pada masa yang sama, sebuah bandar lagi di Asia Tenggara yang terkenal dalam bidang agama Islam Banda Aceh di Sumatera, Indonesia. Banda Aceh atau kota Aceh juga dinamakan “Serambi Mekah”. Kedua-dua bandar tersebut dianggap sebagai pusat pembelajaran ilmu agama Islam pada masa itu. Laporan *Chaoprayayommaraj* merupakan sumber maklumat yang menyokong penghantaran anak cucu orang Melayu Bangkok pergi mempelajari ilmu agama di Patani. Berikut adalah laporan kepada Raja Rama VI setelah lawatannya ke Patani:

“...terdapat banyak alim ulama yang menyampaikan ilmu Islam. Ibu-bapa menghantar anak-anak mereka supaya bergurukan alim ulama itu untuk beberapa ratus orang pada setiap tahun. Mereka ialah anak Melayu dari Bangkok, Kedah, Perak dan negeri-negeri lain.”⁴¹

Bentuk pendidikan di Patani sebelum tahun 1906M mempunyai hubungan yang rapat dengan pembelajaran ilmu agama. Kebanyakan orang awam mendapat pendidikan Islam sebagai asas untuk memahami selok-belok ilmu agama agar mereka dapat mengamalkan ajaran-ajaran Islam secara betul. Antara tempat-tempat yang menjadi

gedung asuhan ialah pondok, masjid, dan rumah-rumah guru Al-quran.⁴² Menurut catatan kerajaan Siam, pada tahun 1916M jumlah tempat-tempat pengajaran Islam yang berbentuk sekolah persendirian atau sekolah swasta yang mengajar ilmu Islam di Patani adalah sebanyak 479 buah.⁴³ Setiap cabang ilmu Islam yang disampaikan di Patani pada masa itu disampaikan dalam bahasa Melayu dan Bahasa Arab.⁴⁴ Patani sememangnya telah lama menjadi pusat dan gedung ilmu yang menyebarkan agama Islam ke seluruh Nusantara dan Asia Tenggara.⁴⁵


Patani bukan sahaja sebagai pusat pembelajaran ilmu agama tetapi juga sebagai pusat yang menghantar pelajar-pelajar ke tanah suci Mekah. Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan ini juga secara tidak langsung membuka peluang kepada orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitar untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian di kota Mekah untuk mempelajari ilmu agama Islam melalui Patani. Maklumat yang didapati daripada temu bual di lapangan, semua alim ulama di persekitaran Bangkok yang dapat mempelajari ilmu agama untuk belajar di kota Mekah pernah belajar ilmu agama di Patani. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa Patani adalah sebagai jambatan ilmu agama Islam bagi orang yang mahu pergi mempelajari ilmu agama di tanah suci Mekah. (Peta 3.1, merujuk perjalanan untuk mendapatkan ilmu agama dari Bangkok ke Patani dan akhirnya ke kota Mekah.)



Peta 3.1: Perjalanan untuk mempelajari ilmu agama di Patani dan Mekah
 Sumber: Diadaptasi dari
<https://www.google.com.my/maps/@23.2428885,89.9804688,4z>

Bagi alim ulama di Bangkok, Tuan Guru Mustafa Ibrahim adalah salah seorang alim ulama beretnik Melayu yang terkenal pada masa ini. Beliau juga sebagai salah seorang yang dapat mempelajari ilmu agama di Patani dan kemudiannya mendalami ilmu agama Islam di tanah suci Mekah. Tuan Guru Mustafa Ibrahim merupakan orang Melayu Bangkok daripada kumpulan pertama yang mendapat peluang mempelajari ilmu agama di Patani dan di Mekah. Beliau berasal dari kampung *Paklad*, daerah *Phrapradaeng*, wilayah *Samutprakarn*. Berdasarkan catatan daripada cerita yang disampaikan oleh Tok Guru Abdullah; seorang guru agama yang sempat berjumpa dengan Tuan Guru Mustafa Ibrahim, telah menceritakan bahawa “*di kawasan Asia pada masa itu, tidak ada sesiapa yang mempunyai ilmu agama lebih banyak daripada Tuan Guru Mustafa Ibrahim dari Paklad, Siam dan Tok Kenali dari Kelantan, Malaysia*” . Tuan Guru Mustafa Ibrahim pernah mengajar agama di dalam Masjid Al-haram, kota Mekah dan ramai alim ulama di Kawasan Thailand Tengah generasi kemudian dapat mempelajari ilmu agama dengannya. Antara pelajar-pelajar Tuan Guru Ibrahim yang paling terkenal ialah dua orang bekas *Chularajamontri* atau Mufti Thailand; iaitu Haji Shamsyuddin Mustofa (1901M-1989M) dan Haji Ismail Yahyawi (1887M-1981M).

Tuan Guru Ibrahim pulang ke tanah air untuk mengajar ilmu agama di kampung asalnya. Ketibaannya di Kawasan Thailand Tengah sebagai permulaan pembelajaran agama secara tidak rasmi daripada Tuan Guru yang mempelajari ilmu agama dari Mekah. Ramai orang Islam di persekitaran Bangkok datang ke kampung Paklad untuk mempelajari ilmu dengan Tuan Guru Ibrahim Mustafa. Beliau sangat dihormati oleh orang ramai termasuk juga orang yang bukan Islam. Beliau dikenali oleh masyarakat luar yang bukan Muslim pada masa itu dengan panggilan “*Tok Campa*”. Selepas itu, seorang lagi alim ulama iaitu Tuan Guru Abbas Saengwiman (?-1950) pulang dari Mekah, Tuan Guru Mustafa menyerahkan pengajaran agama kepada Tuan Guru Abbas dan beliau pulang semula ke kota Mekah sehingga akhirnya meninggal dunia di sana.⁴⁶ Tuan Guru Abbas meneruskan pengajaran dan pembelajaran agama Islam sehingga akhirnya beliau mendaftarkan sekolah pondok dengan pihak kerajaan atas nama “Sekolah Tuan Guru Abbas” pada tahun 1923M. Ramai alim ulama Melayu Bangkok pada zaman itu dapat mempelajari ilmu agama Islam di pondoknya.



Gambar 3.2: Tuan Guru Mustafa Ibrahim atau Tok Campa
Sumber: Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban Paklad⁴⁷



Gambar 3.3 : Tuan Guru Abbas Saengwiman
Sumber:Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban Paklad



Gambar 3.4 : Pondok Tuan Guru Abbas, kampung *Paklad*,
daerah *Phrapradaeng*
Sumber: Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban Paklad

Di samping itu, terdapat bukti sejarah yang menunjukkan perkembangan pendidikan agama Islam selepas Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dilaksanakan di persekitaran Bangkok ; iaitu catatan *Nang (Puan) Lamduan*, seorang pegawai kerajaan Jabatan Pemeriksa yang pernah melaporkan keadaan pembelajaran agama Islam kepada Setiausaha Tetap Jabatan Pemeriksa pada tahun 1910M. Dalam catatan tersebut menyatakan maklumat institusi pengajaran agama Islam di persekitaran Bangkok (meliputi wilayah *Ayutthaya*, *Sammutprakarn* dan *Minburi*) bahawa:

Setelah diperiksa, Khaek (orang Muslim) di bawah penjagaan Phrachao Nongyate Krommaluang Prajak Sillapakom⁴⁸ yang pernah meminta tanah untuk membina masjid pada Rattanakosinsok 121. Kemudiannya pada Rattanakosinsok 131 Raja Rama V memberikan lagi tanah yang bersebelahan dengan masjid. Haji Abdul Karim menubuhkan sekolah dan padang di kawasan itu dengan jumlah wang sebanyak 150 Chang⁴⁹. Pembinaan bermula pada Rattanakosinsok 126 sampai 128 dan menamakan sekolah dengan dua nama iaitu di hadapan sekolah dinamakan “Rongrean (sekolah) Thai Khaek” serta di tepi sekolah dinamakan “Rongrean Islam”. Kedua-dua nama ini dibuat papan nama dan diletakkan di depan sekolah. Tujuan Khaek dalam pembinaan sekolah ini adalah untuk memberi tempat penginapan kepada anak-anak yang mahu mempelajari empat bahasa iaitu 1) bahasa Thai 2) bahasa Inggeris 3) bahasa Arab dan 4) Bahasa Melayu. Sekarang, sekolah ini mempunyai pelajar sebanyak 50 orang tetapi mereka tidak menginap di sekolah. Mereka menginap di rumah dan rakit. Apabila sekolah telah dibuka. Semua akan dimasukkan dalam sekolah ini.⁵⁰

Berdasarkan maklumat yang telah dinyatakan di atas, pengajaran ilmu agama dalam kalangan orang Melayu di persekitaran Bangkok selepas pembatalan sistem perhambaan sangat berkembang. Terdapat banyak institusi pendidikan agama Islam telah ditubuhkan. Ramai anak-cucu orang Melayu Bangkok dapat mempelajari ilmu agama di Patani dan Kota Mekah. Akhirnya mereka pulang ke kampung dan tanah air untuk mengajar ilmu yang mereka pelajari dengan menubuhkan sekolah atau mengajar di rumah secara tradisional. Pihak kerajaan Siam pada masa itu tiada sebarang halangan

terhadap pembelajaran agama Islam. Tambahan lagi, kerajaan menyokong pendidikan ini dengan pemberian tanah untuk membina masjid dan sekolah agama.

- Boleh menunaikan ibadat haji

Selain daripada peluang dalam pembelajaran ilmu pengetahuan agama Islam di Mekah, peluang untuk menunaikan ibadat Haji yang menjadi salah satu rukun Islam, merupakan suatu harapan bagi setiap orang Muslim di Bangkok. Ibadat Haji merupakan kesan besar daripada Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan terhadap orang Melayu di persekitaran Bangkok. Sebelum dasar ini dijalankan, tidak terdapat maklumat yang kukuh untuk membuktikan bahawa orang Melayu di persekitaran Bangkok dapat menunaikan Haji. Berdasarkan catatan latar belakang sejarah kampung *Tha-it*, daerah *Pakkret*, wilayah Nonthaburi menyatakan tentang ibadat menunaikan Haji dalam kalangan penduduk kampung, bahawa orang di kampung *Tha-it* baru dapat menunaikan Haji pada zaman Raja Rama V. Kasem Boonmaha bekas ketua kampung *Tha-it* menceritakan, pada awal zaman *Rattanakosin* iaitu selepas orang Melayu dipindahkan dari Patani ke Bangkok, mereka tidak mempunyai peluang untuk menunaikan ibadat Haji kerana kesibukan dengan pekerjaan dan sekatan perjalanan daripada pihak kerajaan. Di samping itu juga, keadaan yang masih belum stabil dalam kalangan penduduk Melayu menyebabkan orang Melayu pada zaman itu belum lagi memikirkan hal ibadat Haji. Semua mereka memberi tumpuan kepada usaha mencari rezeki untuk meneruskan kehidupan masing-masing. Beliau menyatakan lagi, datuknya pernah menceritakan kepadanya bahawa zaman pertama penduduk kampung ini dapat menunaikan Haji ialah zaman Raja Rama V.⁵¹

Temu bual Haji Sukre Sarem dalam siaran *Muslim Siam*, Episod “*From Siam to Makkah*” menyatakan tentang perjalanan orang Melayu Bangkok ke kota Mekah untuk


menunaikan ibadat Haji, dengan menyebut bahawa perjalanan ke kota Mekah pada zaman dahulu sangat susah terutamanya sebelum zaman Raja Rama VI. Perjalanan hanya boleh dilakukan dengan kapal laut dan setiap perjalanan mengambil masa lebih daripada setahun. Majoriti penduduk yang pergi ke kota Mekah pada zaman itu tidak dapat pulang semula ke tanah air. Terdapat yang meninggal dunia di dalam kapal dan terdapat juga yang meninggal dunia di kota Mekah. Oleh itu, setiap orang yang akan menunaikan Haji mesti memberikan wasiat kepada ahli keluarga terlebih dahulu kerana ketidakpastian dalam perjalanan yang mungkin meninggal dunia semasa perjalanan.⁵²

Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan sangat memberi kesan terhadap institusi agama orang Melayu di persekitaran Bangkok. Dasar tersebut dianggap sebagai kunci ke arah perkembangan pembangunan dan perkembangan agama Islam dalam kalangan orang Melayu di kawasan itu.

Walaupun Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan sangat memberi kesan terhadap institusi keluarga dan institusi agama terutamanya mengenai taburan penduduk dan pembelajaran ilmu pengetahuan agama Islam, namun bagi ilmu hayat yang disediakan oleh kerajaan Siam masih belum berkembang dalam kalangan penduduk Melayu. Faktor utama yang menyebabkan orang Melayu tidak berminat menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan kerana disebabkan pembelajaran ilmu hayat masih lagi dilakukan dalam kuil Buddha. Kebimbangan para ibu bapa terhadap keimanan anak-anak kerana mereka terpaksa mempelajari ilmu dalam suasana guru yang terdiri daripada sami Buddha. Manakala kawan-kawan mereka pula terdiri daripada murid bukan Muslim, dan kelas pula berlangsung dalam kuil Buddha. Keadaan ini mempunyai pengaruh besar mengapa ibu bapa Muslim tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan.

Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan sangat mempengaruhi survival ekonomi orang Melayu di persekitaran Bangkok. Sebelum dasar ini dijalankan, orang Melayu yang berstatus hamba perlu bekerja untuk pembesar yang memilikinya. Ganjaran yang diperolehi adalah berdasarkan kepuasan tuan punya ke atas diri mereka. Kemudian, tuan punya akan membayar cukai kepada kerajaan. Pada ketika itu, kerajaan masih belum lagi membayar gaji kepada pegawai kerajaan tetapi kerajaan akan memberikan hamba kepada pegawai atau pembesar dan mereka yang akan membayar cukai kepada kerajaan berdasarkan jumlah hamba yang mereka miliki. Sistem pembayaran cukai berdasarkan jumlah kepunyaan hamba ini merugikan kerajaan dan juga sebagai penghalang kemajuan negara. Kerajaan Siam pada masa itu menerima cukai yang terhad daripada pembesar atau pegawai ketika para pembesar dan pegawai itu mendapati pengeluaran yang tidak terhad daripada hamba dan penduduk yang mereka miliki. Selepas dasar ini dikuatkuasakan, para pembesar mendapat gaji daripada kerajaan untuk menggantikan tenaga hamba yang telah dibebaskan.

Hamba yang dibebaskan termasuk orang Melayu tidak semestinya bekerja untuk tuan punya tetapi mereka mesti membayar cukai kepada kerajaan. *Somdej Chaophraya Barom Maha Srisuriyawong*⁵³ merupakan orang yang mengemukakan cadangan tersebut. Beliau mengemukakan cadangan itu kepada Raja Rama V untuk mengutip cukai penduduk sebanyak enam baht setahun dan menghentikan pengerahan tenaga kerja sementara waktu.⁵⁴ Pengenalan sistem pembayaran cukai yang dijalankan membuat pendapatan kerajaan bertambah kerana pendapatan dikira berdasarkan jumlah penduduk bukan pembesar. (Sila lihat sistem pembayaran cukai kepada kerajaan pada zaman Raja Rama V dalam Gambarajah 3.3.)



Gambarajah 3.3 : Sistem pembayaran cukai selepas pembatalan sistem perhambaan

Kebebasan dalam pekerjaan dan usaha mencari rezeki yang diberikan oleh kerajaan sebagai kunci yang telah membuka pintu kejayaan dalam bidang ekonomi dalam kalangan orang Melayu di persekitaran Bangkok. Mereka boleh bekerja untuk diri mereka sendiri berdasarkan kerajinan tanpa halangan daripada tuan punya seperti zaman sebelumnya. Pada awal zaman pembatalan sistem perhambaan, kedudukan ekonomi orang Melayu belum pesat berkembang kerana zaman itu merupakan zaman permulaan. Tanda yang menggambarkan permulaan perkembangan ekonomi mereka pada zaman itu adalah berlakunya pembaikan masjid-masjid dalam kalangan masyarakat Melayu. Sebelum itu masjid-masjid di kampung Melayu dibina berasaskan kayu kerana berlaku sekatan ekonomi dalam kalangan mereka. Selepas Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dilaksanakan, beberapa kampung yang mempunyai penduduk yang ramai dapat mengumpul dana untuk membaik pulih masjid di kampung mereka; daripada kayu kepada batu. Tujuan pembaikan tersebut adalah untuk

mengekalkan penggunaan masjid berkenaan dan juga untuk menampung jumlah penduduk di dalam kampung.

Berdasarkan latar belakang masjid di persekitaran Bangkok, terdapat beberapa buah masjid dalam kampung Melayu yang usianya di antara 100 hingga 150 tahun; iaitu Masjid Nurul Mubin, Siyaek Ban Khaek Bangkok, Masjid Suanphlu di tepi landasan kereta api stesen Wongweanyai Bangkok dan Masjid Darossaadah di Paklad, Samutprakarn.⁵⁵ Masjid Nurul Mubin dan Masjid Suanphlu adalah masjid kepunyaan orang Melayu yang berketurunan kerabat diraja Melayu Patani. Kedudukan penduduk di kampung yang mempunyai dua buah masjid ini jauh lebih baik daripada kedudukan penduduk Melayu kampung lain. Ketika ini kampung Paklad adalah kampung Melayu yang paling besar dan paling ramai penduduk. Hal ini menyebabkan masjid di kampung mereka terlebih dahulu diperbaiki, jika dibandingkan dengan kampung-kampung Melayu yang lain.



Gambar 3.5: Masjid Darossaadah, Kampung Paklad, wilayah Samutprakarn selepas diperbaiki

Sumber : Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban Paklad


Pada masa itu secara keseluruhan kedudukan ekonomi orang Melayu masih belum begitu berkembang. Walau bagaimanapun dasar pembatalan sistem hamba yang dilaksanakan pada zaman Raja Rama VI, menjadi punca utama yang mempengaruhi survival dan perkembangan ekonomi dalam kalangan orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, orang Melayu di persekitaran Bangkok pada zaman sebelum penguatkuasaan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan belum berperanan dalam politik negara. Sebaliknya selepas dasar itu dilaksanakan, terdapat beberapa keadaan yang menggambarkan peranan mereka dalam bidang politik negara. Terdapat beberapa bukti yang memperlihatkan peranan orang Melayu dalam pemerintahan negara Thai pada zaman Raja Rama V dan Raja Rama VI yang menggambarkan survival politik mereka pada masa itu. Antaranya ialah:

1) Penggunaan Keris dalam Lambang Negara Siam pada zaman Raja Rama V dan Raja Rama VI

Penggunaan keris sebagai lambing senjata orang Melayu ikut menjadi lambang negara Siam pada zaman pemerintahan Raja Rama V dan VI sebagai tanda yang memperlihatkan bahawa kerajaan Siam telah menerima orang Melayu sebagai sebahagian daripada warga negara Siam. Penggunaan keris pada lambang negara Siam sebagai tanda yang menunjukkan kepentingan dan evolusi orang Melayu di negara ini. Walaupun mereka merupakan golongan minoriti di peringkat negara tetapi pengaruh mereka terhadap kerajaan Thai terutamanya bidang politik sangat berkesan. Kemasukan penjajah Barat melalui Semenanjung Melayu sebagai faktor utama yang menunjukkan betapa pentingnya orang Melayu di kawasan Thailand Selatan. Hal ini kerana, jika tidak terdapat tanda yang menunjukkan kepunyaan tanah tersebut secara rasmi, ada

kemungkinan kerajaan Siam pada masa itu terpaksa menyerahkan kawasan Selatan Thailand terutamanya kawasan kerajaan Patani kepada penjajah Barat seperti negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu.⁵⁶



Gambar 3.6: Lambang negara Thai pada zaman Raja Rama V dan VI
Sumber :[http:// www.bot.or.th](http://www.bot.or.th)

2) Penggunaan Tulisan Jawi dalam Wang Kertas Versi Pertama

Pada zaman pemerintahan Raja Rama V, baginda menguatkuasakan Akta Thanabat (wang kertas) Siam *Ratanakosinsok* 121 pada 24 Jun 1902M untuk mengumumkan penggunaan wang kertas kepada masyarakat Thai yang sebelum itu menggunakan wang yang diperbuat daripada metal atau logan. Baginda juga menubuhkan Jabatan Wang Kertas di bawah Kementerian Kewangan untuk menjaga pengeluaran wang kertas dan pertukaran wang zaman sebelumnya kepada wang kertas. Kemudian pada 23 September 1902M, kerajaan Thai membuka peluang kepada penduduk untuk menukarkan mata wang lama mereka dengan wang kertas. Penguatkuasaan akta ini sebagai permulaan penggunaan wang kertas dalam negara Thai.⁵⁷

Pada wang kertas yang dikeluarkan oleh kerajaan Raja Rama V versi pertama, terdapat bahasa Melayu versi Jawi sebagai salah satu bahasa yang digunakan dalam wang kertas tersebut selain daripada bahasa Thai dan bahasa Cina. (Sila lihatkan Gambar 3.1) Dalam Gambar 3.1, tulisan Jawi yang dituliskan adalah “*wang Siam seribu kop*⁵⁸”



Gambar 3.7: Wang kertas Thai versi pertama
Sumber: <https://www.bot.or.th/thai/Banknotes>

Penggunaan tulisan Jawi dalam wang kertas, sebagai tanda yang memperlihatkan kepentingan golongan orang Melayu terhadap negara Thai. Pada zaman Raja Rama V, terdapat banyak dasar yang menggambarkan usaha baginda untuk meningkatkan taraf dan kedudukan penduduk Melayu supaya mereka itu setaraf dengan penduduk Thai yang lain.

3) Penerimaan Sejadah dan Jubah Diraja daripada Raja Rama VI

Pada 31 Disember 1916M iaitu hari keputeraan Raja Rama VI, terdapat ramai alim ulama Muslim dari seluruh negara Siam termasuk juga orang Melayu di persekitaran Bangkok mendapat peluang untuk mengadap dan bertemu dengan Raja Rama VI serta menerima sejadah dan jubah diraja. Antara nama-nama alim ulama Melayu Bangkok yang mengadap Raja Rama VI ketika itu ialah Haji Abbas dan Haji Sama dari kampung *Paklad, Phrapadaeng*.⁵⁹

Pemberian peluang kepada orang Melayu untuk menyertai upacara diraja, sebagai bukti yang menunjukkan kedudukan orang Melayu pada zaman itu telah dianggap sebagai penduduk Thai secara rasmi. Keadaan ini juga memperlihatkan kepentingan mereka yang diberikan oleh kerajaan. Sebaliknya, penyertaan upacara diraja ini juga sebagai tanda yang menggambarkan penerimaan kuasa Raja Siam dalam kalangan penduduk Muslim termasuklah orang Melayu.



Gambar 3.8 : Para alim ulama dan imam mengadap Raja Rama VI untuk menerima sejadah dan jubah diraja
Sumber:Haji Sukri Sarem

4) Pemberian “*Khatha Amir*” (Cokmar Pemimpin) kepada Raja Rama VI

Cokmar dalam masyarakat Melayu di Malaysia adalah sebagai tanda kebesaran atau kekuasaan dalam upacara-upacara tertentu seperti sewaktu memulakan persidangan parlimen, dan upacara diraja.⁶⁰ Begitu juga dengan masyarakat Melayu di Thailand, cokmar digunakan sebagai tanda penerimaan kekuasaan dan kebesaran raja Siam. Pemberian “*Khatha Amir*” (Cokmar Pemimpin) kepada Raja Rama VI pada 31 Disember 1916M adalah sebagai salah satu simbol yang menggambarkan survival politik Melayu di bawah kuasa pemimpin Siam. Majlis pemberian “*Khatha Amir*” dilakukan selepas penerimaan sejadah dan jubah diraja. Jika diteliti, majlis “*Khatha*

Amir” atau cokmar pemimpin adalah sebagai tanda ketaatan dan penerimaan terhadap kuasa raja Siam yang dilakukan oleh wakil penduduk minoriti; iaitu para alim ulama Melayu. Selain daripada ketaatan dan penerimaan kuasa, “*Khatha Amir*” ini juga mencerminkan cara pengadaptasian penduduk Melayu untuk meneruskan kehidupan di bawah kuasa Raja yang berlainan agama.⁶¹ (Sila lihat Gambar 3.8 dan 3.9)



Gambar 3.9 : Majlis Pemberian “*Khatha Amir*” atau cokmar pemimpin
Sumber:Haji Sukri Sarem



Gambar 3.10 : Raja Rama VI
Sumber: <http://thailands-economic-nationalism.blogspot.com>

Berikut merupakan titah jawapan balas daripada Raja Rama VI kepada penduduk Muslim yang datang untuk mengadap dan mengucapkan tahniah dalam Majlis Hari Keputeraan pada 31 Disember 1916M. Titah jawab tersebut sebagai maklumat yang menegaskan keadaan ini. Raja Rama VI menitahkan kepada para alim ulama dan imam serta penduduk Muslim yang datang mengadap bahawa:

Beta mengucapkan terima kasih kepada semua kerana bersama-sama datang pada hari ini dan memberikan beta Khatha Amir (Cokmar Pemimpin) iaitu sesuatu yang penting kepada beta. Beta menerimanya dengan penuh kegembiraan. Hasrat beta sejak dahulu adalah menjaga tuan-tuan sekalian yang beragama Islam untuk mendapatkan keamanan dalam kehidupan seperti rakyat bangsa lain dalam negara ini. Beta sangat gembira kerana dapat mengetahui bahawa penduduk Muslim mengiktiraf tugas diri sendiri dengan menjaga perpaduan dalam kumpulan masing-masing. Disebabkan perpaduan inilah menjadi faktor kejayaan. Apabila beta mendapat tahu mengenai pemberian Khatha Amir, beta sangat gembira dan merasakan hubungan dengan tuan-tuan sekalian lebih rapat lagi. Beta akan mempertingkatkan usaha dalam menjaga tuan-tuan untuk mendapatkan kemajuan, kelimpahan sama seperti rakyat beta yang lain. Beta gembira apabila mendengarkan ucapan daripada Phraya Kallaya wakil tuan-tuan sekalian yang mengeluarkan rasa kesetiaan dan hasrat dalam pengorbanan hidup untuk mempertahankan negara, agama dan raja. Beta berharap tuan-tuan sekalian akan meneruskan kehidupan sebagai seorang penduduk yang baik dan mengikuti ajaran Nabi Muhammad. Semoga Tuhan memberikan tuan-tuan apa yang dikehendaki dan memperoleh keamanan dan kemajuan.⁶²

Melalui Dasar Pengurusan Pendidikan, terdapat dua institusi sosial yang dipengaruhi dan dilihat perubahan, iaitu institusi keluarga dan institusi agama. Tujuan pengurusan pendidikan adalah untuk menjadikan semua rakyat Thai terutamanya kumpulan minoriti lebih banyak mempelajari bahasa Thai. Apabila dasar ini dijalankan, penduduk Melayu di persekitaran Bangkok tidak berapa senang dengan dasar tersebut kerana guru-guru yang dihantar oleh kerajaan untuk mengajar bahasa Thai di surau-sarau adalah orang Buddha. Lagipun dasar ini belum lagi diwajibkan untuk semua penduduk. Oleh sebab itu ramai penduduk Melayu masih tidak menghantar anak-anak

mereka belajar dalam sistem yang baharu ini. Penduduk Melayu masih menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi dan tempat-tempat pembelajaran agama Islam seperti pondok, surau atau rumah alim ulama seperti zaman sebelum ini.

Dalam masyarakat Melayu di negara Thai, sistem pendidikan berpusat di pondok, masjid, surau dan rumah orang yang berilmu pengetahuan agama Islam yang luas. Anak-anak orang Melayu akan dihantar ke tempat-tempat tersebut untuk mempelajari ilmu agama, bahasa Melayu, bahasa Arab dan Al-Quran. Sistem pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman itu hampir sama dengan masyarakat Thai iaitu secara tradisional. Namun begitu, pengurusan dalam kedua-dua masyarakat dijalankan oleh dua institusi agama yang berlainan, iaitu masing-masing menekankan ajaran yang jauh berbeza dan dengan bahasa yang digunakan dalam pembelajaran juga jauh berlainan. Dalam kalangan masyarakat Thai, bahasa yang digunakan ialah bahasa Thai sebagai bahasa pengantar, manakala masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu.

Institusi pendidikan dalam masyarakat Melayu yang merupakan pusat pembelajaran bahasa Melayu disuruh oleh pihak berkuasa kerajaan Siam supaya diadakan pembelajaran bahasa Thai kepada kanak-kanak Melayu. Institusi-institusi dan tempat-tempat pendidikan agama Islam secara perlahan-lahan telah dikurangkan peranannya terhadap masyarakat dan ditutup. Institusi yang kecil-kecil digabungkan menjadi sekolah yang mengajar pengetahuan agama Islam dan bahasa Thai. Alim ulama dan para pemimpin (imam) diminta dan didorong supaya bekerjasama dengan pesuruhjaya Thai dalam hal pendidikan. Kerajaan mendesak mereka supaya menerima sistem pendidikan berpengantar bahasa Thai. Dasar yang berbentuk minta sambil paksa ini mengganggu budaya pendidikan orang Melayu.⁶³

Dasar pengurusan pendidikan yang dijalankan oleh Raja Rama V menghadapi kerumitan iaitu orang Melayu tidak gemar menghantar anak-anak mereka mempelajari bahasa Thai. Oleh yang demikian, kerajaan menguatkuasakan Akta Pendidikan Wajib ke atas mereka pada tahun 1921M. Kerajaan menyenaraikan nama-nama anak Melayu di persekitaran Bangkok yang cukup umur dan disyaratkan memasuki sekolah. Pemaksaan kali ini dijalankan dengan keras.

Penguatkuasaan pendidikan wajib ini sangat mempengaruhi masyarakat Melayu terutamanya di wilayah Thailand Selatan. Dasar ini menimbulkan krisis politik di antara kerajaan Thai dengan orang Melayu di Patani sehingga mencetuskan penentangan terhadap kerajaan di bawah pemimpin bekas raja Patani, Sultan Abdul Kadir Kamaruddin⁶⁴. Penentangan yang hebat berlaku secara berleluasa semenjak akhir-akhir tahun 1922M. Penduduk Melayu Patani bertindak keras terhadap pegawai kerajaan tanpa ada tolok ansur. Mereka berasa cemas kerana bahasa Melayu yang digunakan di dalam setiap urusan dicabar dan diancam. Lalu mereka berkumpul, berkempen untuk membangkitkan semangat nasionalisme Melayu dan mengajak ibu bapa Melayu menentang kerajaan dengan tidak menghantar anak-anak ke sekolah Siam. Keadaan penentangan terhadap kerajaan Siam berlarutan dan semakin mendapat sokongan daripada masyarakat Melayu di seluruh negara Thai. Sultan Abdul Kadir sekali lagi ditahan oleh kerajaan Thai kerana dianggap sebagai ketua pemberontak yang mengancam dan menggugat kedudukan kuasa Thai di Patani. Maka pada tahun 1923M, baginda terpaksa berpindah ke Kelantan dan mangkat di sana pada tahun 1933M.⁶⁵

Kerajaan menggunakan kekerasan untuk menghapuskan penentangan terhadap kerajaan dalam kalangan masyarakat Melayu ekoran penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib. Tindakan kerajaan dalam hal ini menyebabkan berlakunya penghijrahan orang-

orang Melayu ke negeri-negeri Melayu di Semenanjung, khususnya negeri-negeri yang bersempadan dengan wilayah sempadan Selatan Thailand, seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Perak dan sebagainya. Mereka bukan sahaja berhijrah kerana tindakan keras pihak Siam, bahkan pemaksaan dan pengambilan anak-anak mereka memasuki sekolah Siam dan pembelajaran bahasa Thai yang diwajibkan ke atas anak-anak itu juga menjadi punca penting yang menyebabkan penghijrahan orang-orang Melayu. Orang Melayu Patani yang berhijrah ke Perlis dan Kedah pada waktu itu mencela dasar pendidikan paksaan kerajaan Thai sebagai salah satu kekejaman yang dilakukan ke atas anak-anak Melayu. Mereka menganggap pemaksaan anak-anak Melayu memasuki sekolah Siam dan mempelajari bahasa Thai bertujuan supaya mengubah kebudayaan Melayu dan kepercayaan orang Melayu terhadap agamanya.⁶⁶

Bagi orang Melayu di persekitaran Bangkok, walaupun mereka tidak suka Dasar Pengurusan Pendidikan Wajib yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Siam serta tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Siam kerana mereka mengetahui kemusnahan yang akan menghadapi kebudayaan mereka iaitu bahasa Melayu dan pembelajaran agama, namun kerana kedudukan mereka sebagai minoriti di peringkat kawasan dan dikelilingi oleh masyarakat yang berlainan agama dan kepercayaan agama menyebabkan mereka harus menerima dan mengikuti arahan dan sistem yang dijalankan oleh kerajaan Thai.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Haji Samai Charoenchang, salah seorang penduduk yang berketurunan Melayu di Minburi Bangkok, seorang peminat sejarah dan bekas wakil rakyat Thailand menyatakan, penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian dalam kalangan orang Melayu di kawasan-kawasan perkampungan Melayu yang terletak di dalam ibu negara Bangkok sudah lama

dihentikan. Beliau mendakwa, pada zaman datuk nenek mereka bahasa Melayu itu jarang digunakan walaupun mereka boleh bercakap dan boleh memahami bahasa Melayu, tetapi apabila mereka bercakap dengan anak cucu, mereka menggunakan bahasa Thai. Katanya, punca sebenar yang menyebabkan bahasa Melayu dikurangkan peranannya adalah kerana penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib yang dilaksanakan oleh Raja Rama VI. Apabila anak-anak dihantar ke sekolah Siam untuk mempelajari bahasa Thai, mereka akan menggunakan bahasa Thai sepanjang hari di sekolah. Apabila balik dari sekolah, mereka meneruskan penggunaan bahasa Thai dengan keluarga. Semakin hari bahasa Melayu semakin jarang digunakan sehingga akhirnya bahasa Melayu digantikan oleh bahasa Thai dalam kehidupan seharian mereka.⁶⁷

Orang Melayu di persekitaran Bangkok tidak menentang Dasar Pendidikan Wajib yang dilaksanakan oleh kerajaan Thai. Walaupun mereka tidak suka dasar tersebut kerana banyak kesan negatif terhadap keluarga Melayu dan perkembangan bahasa Melayu, namun peluang untuk mereka mencari rezeki dan untuk meneruskan hidup dalam kalangan penduduk yang majoriti bukan beragama Islam penggunaan bahasa Thai tetap lebih diutamakan. Tambahan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya semakin hari semakin terhad kerana tiada peluang untuk menggunakannya. Penggunaan bahasa Melayu hanya dihadkan dalam kalangan penduduk kampung orang Melayu itu sendiri dan dengan penduduk kampung Melayu yang lain serta dalam pembelajaran agama Islam sahaja. Sebaliknya dalam perbualan seharian untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar, mereka terpaksa menggunakan bahasa Thai.

Sebelum penguatkuasaan Dasar Pendidikan Wajib dijalankan, anak-anak Melayu di persekitaran Bangkok mempelajari ilmu pengetahuan agama Islam di

institusi pendidikan Islam seperti di pondok, di surau atau di rumah alim ulama dari pagi sampai ke malam dengan menggunakan bahasa Melayu. Mana-mana kampung yang tidak mempunyai tempat belajar agama Islam, anak-anak mereka akan dihantar ke kawasan lain yang mempunyai institusi pendidikan agama untuk belajar. Kebanyakan pelajar akan menginap di rumah saudara-mara atau membina sebuah pondok kecil untuk menginap sepanjang tempoh pembelajaran. Lagipun, bahasa yang digunakan dalam pembelajaran agama adalah bahasa Melayu. Boleh dikatakan bahawa kehidupan anak-anak Melayu pada zaman itu dipenuhi dengan pembelajaran ilmu agama menggunakan bahasa warisan bangsanya.

Apabila penguatkuasaan akta Dasar Pendidikan Wajib dijalankan, masa yang digunakan untuk belajar agama menjadi lebih terhad, kerana waktu tengah hari anak-anak Melayu terpaksa belajar di sekolah Siam. Pembelajaran agama dari pagi hingga malam pada zaman sebelum ini dihadkan supaya anak-anak itu dapat belajar agama Islam pada waktu petang dan malam sahaja. Pengurangan masa pembelajaran itulah merupakan faktor utama yang menyebabkan kurangnya kepentingan institusi pendidikan agama.

Bahasa pengantar dalam pembelajaran agama telah ditukarkan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Thai. Anak-anak orang Melayu yang sebelum ini mempelajari apa sahaja ilmu melalui bahasa pengantar Melayu, kini bahasa itu tidak digunakan lagi. Selepas Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib dilaksanakan, institusi pendidikan agama Islam di Bahagian Tengah Thailand menyerapkan bahasa Thai ke dalam sistem pendidikan dan kemudiannya terdapat beberapa institusi pendidikan agama Islam yang mengadaptasi dasar kerajaan supaya menggunakan bahasa Thai dalam pembelajaran ilmu agama Islam.

Beberapa institusi pendidikan agama ditutup dan dikecilkan secara perlahan-lahan kerana jumlah pelajar yang semakin kurang disebabkan kesan daripada pelaksanaan dasar penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib. Akta tersebut secara langsung telah mengurangkan jumlah pelajar di institusi pendidikan agama terutamanya kawasan institusi agama yang tidak mempunyai sekolah Siam. Hal ini kerana apabila sepanjang hari kanak-kanak Melayu itu belajar di sekolah Siam, mereka akan mengalami kepenatan. Ini akan menjadi salah satu punca yang menyebabkan kurangnya semangat mereka dalam pembelajaran ilmu pengetahuan agama. Kebanyakan institusi pendidikan agama yang boleh bertahan di bawah dasar tersebut hanya institusi yang menyediakan tempat penginapan atau asrama untuk para pelajar, di samping kawasannya pula berhampiran dengan sekolah Siam dan menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran.

Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib mendatangkan kesan negatif dari perspektif kebudayaan. Sebaliknya dari perspektif pendidikan ilmu hayat, dasar tersebut menjadi faktor yang boleh melonjakkan taraf pendidikan dalam bidang pengetahuan yang lain selain daripada bidang agama kepada masyarakat Melayu Bangkok. Sekalipun penolakan sistem pendidikan kerajaan oleh orang Melayu boleh mengekalkan budaya pendidikan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu, namun secara tidak langsung ia juga merupakan penghalang kemajuan ekonomi dan taraf sosial dalam kalangan masyarakat yang majoriti bukan Muslim.

Hal ini berbeza dengan keadaan di Thailand Selatan, kerana orang Melayu merupakan kumpulan majoriti peringkat kawasan di kawasan tersebut walaupun di peringkat negara mereka sebagai minoriti. Kebanyakan dasar yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Thai dan yang boleh mempengaruhi jati diri utama mereka seperti bahasa dan

agama akan mereka tentang sekeras-kerasnya. Mereka tidak nampak kepentingan sistem pendidikan yang disediakan oleh kerajaan sebagai sesuatu yang menguntungkan bangsa Melayu. Mereka boleh meneruskan kehidupan mereka mengikut sistem pendidikan tradisional seperti yang telah lama berlangsung kerana mereka adalah penduduk majoriti. Tetapi bagi orang Melayu di persekitaran Bangkok, mereka tidak mempunyai banyak pilihan seperti saudara-mara di Thailand Selatan. Masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah tidak boleh menolak dasar yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Mereka hanya boleh mengadaptasi dan menyesuaikan cara hidup mereka dengan apa-apa dasar yang dijalankan oleh kerajaan termasuk juga dalam bidang pendidikan.

Pekerjaan dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu adalah pertanian dan buruh umum. Mereka tiada banyak pilihan kerana mereka tidak mempunyai pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan. Walaupun mereka dapat mempelajari agama Islam, tetapi pengetahuan tersebut tidak boleh digunakan untuk mendapatkan kerja lain dalam masyarakat Thai terutamanya jawatan-jawatan kerajaan. Pendidikan dalam sekolah Siam merupakan kunci yang membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat Melayu di persekitaran Bangkok selain daripada bidang pertanian dan juga tenaga kerja dalam sektor lain.

Walaupun dalam kerajaan Siam pada zaman Raja Rama VI sudah dijumpai pegawai Muslim sebagai pegawai kerajaan, tetapi mereka itu orang Islam bukan berketurunan Melayu. Menurut Prayunsak Chalayondecha, ramai pegawai Muslim kerajaan pada zaman Raja Rama VI adalah tentera. Antara mereka itu ialah, Nawatri Phra laksamana (Lao Chalayondecha) Ketua Jabatan Pendaftaran Angkatan Tentera Laut Diraja Siam, Nawatri Luang Panruksarak Kor Perubatan Angkatan Tentera Laut

Di-raja Siam, Phantri Khun Waithanomsat doktor haiwan Angkatan Tentera Darat Diraja Siam, Phanti Luang Phraiboon Yontrakit (Soodjai Manajit) tentera tukang Angkatan Tentera Darat Diraja Siam.⁶⁸ Orang Melayu masih tidak mendapat peluang untuk bekerja dalam jawatan kerajaan kerana ilmu pengetahuan mereka yang ada tidak boleh digunakan untuk menjawat jawatan-jawatan berkaitan.

Dasar Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib juga adalah kunci yang membuka pintu peranan politik bagi orang Melayu dalam masyarakat Thai. Sebelum ini mereka hanya membahaskan peranan politik di bawah status penduduk iaitu sebagai penerima dan pengikut dasar daripada kerajaan. Tetapi selepas mereka mendapat pendidikan, mereka dikenali oleh masyarakat luar dan mula mendapat peluang pekerjaan swasta dan kerajaan. Hal ini merupakan peningkatan peranan mereka dalam masyarakat Thai dan memberi kesan kepada kehidupan mereka dalam politik negara pada masa depan.

Dasar Penggunaan Nama Keluarga mempengaruhi institusi keluarga Melayu secara langsung. Berdasarkan dasar ini orang Melayu diwajibkan menggunakan nama rasmi dan nama keluarga yang tidak pernah dilakukan dalam kalangan mereka. Penggunaan nama keluarga dan nama rasmi dalam kalangan masyarakat Melayu di persekitaran Bangkok sebagai salah satu kesan yang boleh dilihat dalam kalangan mereka.


Kehidupan orang Melayu di persekitaran Bangkok serta di mana sahaja berada, orang Melayu tetap menjadikan ajaran Islam sebagai tunjang kehidupan dan bersama-sama menghayati ciri budaya Melayu. Mereka memiliki nama-nama bahasa Arab mengikut ajaran Islam dan nama itulah yang didaftarkan dengan kerajaan. Pada zaman permulaan dasar penggunaan nama keluarga, orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah menggunakan nama yang diberikan oleh ibu-bapa untuk didaftarkan dengan

kerajaan. Walau bagaimanapun, disebabkan mereka tinggal di kawasan yang mempunyai pengaruh dengan bahasa dan budaya Thai, maka bahasa Thai telah menyerap dan digunakan sebagai bahasa pengantar sehingga mereka telah menggunakan nama bahasa Thai sebagai nama rasmi diri. Selain itu mereka masih lagi menggunakan nama dalam bahasa Arab untuk panggilan dalam masyarakat Melayu dan dalam kalangan keluarga masing-masing.

Demikian juga dengan nama keluarga, selalunya orang Melayu menggunakan “bin” atau “binti” bagi menyatakan keturunan dan jantinya, kecuali sesetengah masyarakat Melayu yang sudah ditelan oleh arus budaya Thai akibat tempoh keterasingan dengan kebudayaan induknya yang terlalu lama. Penggunaan nama keluarga bagi orang Melayu di Thailand sebelum dasar penggunaan nama dilaksanakan sama dengan masyarakat Melayu di Semenanjung, yakni berdasarkan nama berunsur Islam. Mereka menggunakan nama bapa sebagai nama keluarga untuk mengidentifikasikan diri. Sungguhpun demikian, apabila Akta Penggunaan Nama Keluarga dikuatkuasakan, masyarakat Melayu seolah-olah ditimpa kebingungan. Bukan sahaja kebingungan terhadap bahasa Thai yang selama ini mereka tidak faham, bahkan budaya baharu yang diperkenalkan sangat berbeza dengan kepercayaan dan kehidupan mereka. Apabila orang Melayu didesak supaya mendaftarkan nama keluarga, mereka pun menggunakan nama bapa atau datuknya menjadi nama keluarga mereka sehingga ke anak cucu mereka seterusnya. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya terdapat orang Melayu di Thailand memiliki nama diri sama dengan nama keluarganya.⁶⁹

Bagi orang Thai yang bukan keturunan Melayu, biasanya nama keluarga mereka dikurniakan oleh raja. Sebaliknya bagi orang Melayu, mereka didesak supaya memilih

satu nama keluarga menjadi milik masing-masing untuk didaftarkan dengan kerajaan. (Sila lihat Gambarajah 3.4 untuk merujuk penggunaan nama keluarga dalam masyarakat Melayu.)



Gambarajah 3.4 : Penggunaan nama keluarga dalam masyarakat Melayu selepas dasar penggunaan nama keluarga

Selain daripada nama bapa atau nama datuk dijadikan nama keluarga, terdapat juga orang Melayu di persekitaran Bangkok mencipta nama keluarga melalui penggabungan bahasa Melayu dengan bahasa Thai seperti, “Kuyai” dan “Wongtani”. “Kuyai” berdasarkan perkataan “Ku” daripada Ku atau Tuanku dalam bahasa Melayu dan Yai yang bermaksud besar. Manakala “Wongtan”i berdasarkan perkataan “wong” daripada wangsa atau bangsa dalam bahasa Melayu dan “tani” ialah Patani.

Orang Melayu di persekitaran Bangkok mendaftarkan nama-nama mereka dengan kerajaan. Pada zaman permulaanya mereka menggunakan bahasa Arab untuk

mendaftar, tetapi kemudiannya ditukar kepada nama-nama bahasa Thai. Nama bahasa Arab juga masih digunakan dalam kalangan keluarga dan masyarakat Muslim sebagai nama panggilan. Nama rasmi yang didaftarkan kerajaan digunakan untuk berurusan atau berhubung dengan pejabat kerajaan dan dalam sistem pendidikan sekolah Siam. Punca yang membuatkan orang Melayu di Bangkok menukarkan nama yang didaftarkan dari bahasa Arab kepada bahasa Thai ialah kesalahan sebutan bunyi apabila nama-nama tersebut tidak ada huruf atau bunyi dalam bahasa Thai. Contohnya bunyi /z/, /g/, /sy/ dan /h/. Boleh dikatakan bahawa Akta Penggunaan Nama Keluarga menyebabkan keluarga Melayu terutamanya di persekitaran Bangkok memulakan penggunaan nama rasmi dan nama keluarga dalam bahasa Thai yang tidak pernah mereka gunakan pada zaman sebelum itu.

3.5 Kejayaan Orang Melayu di Persekitaran Bangkok Semasa Pemerintahan Monarki

Berasaskan konsep “kejayaan” yang telah dinyatakan dalam Bab Satu, orang Melayu di persekitaran Bangkok akan dianggap sebagai “orang yang berjaya” apabila mereka sudah memenuhi keperluan tingkat keempat menurut Teori Hierarki Keperluan Maslow iaitu Keperluan Penghargaan Diri (*Esteem*) atau “dihormati dan diberi peluang untuk menghormati orang lain”. Maklumat yang didapati memperlihatkan kejayaan orang Melayu bermula selepas Kerajaan Thai melaksanakan *Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan* pada zaman pemerintahan Raja Rama V. Sebelum ini, mereka hanya memenuhi tiga keperluan iaitu; Keperluan Fisiologi, Keperluan Keselamatan dan Keperluan Sosial. Sebaliknya mereka tidak pernah sampai pada tahap keempat iaitu Keperluan Penghargaan *Diri*. Oleh sebab pelaksanaan dasar tersebut, hak-hak dalam kehidupan seharian yang dihadkan oleh kerajaan seperti perjalanan dan pekerjaan dibatalkan. Orang Melayu dinaiktarafkan sama dengan penduduk majoriti Thai di


kawasan ini. Persamaan taraf kedudukan dalam masyarakat tersebut, mendatangkan kehormatan daripada pihak majoriti. Mereka tidak lagi dipandang sebagai hamba yang mesti bekerja keras untuk tuan punyanya. Sebaliknya mereka sudah diterima sebagai golongan rakyat Thai yang sama taraf dengan penduduk-penduduk keturunan lain. Kehormatan yang didapati ini memenuhi *Keperluan Penghargaan Diri* dalam kalangan masyarakat Melayu yang sepanjang masa sebelumnya belum pernah diperolehi. Bahkan kehormatan secara rasmi terhadap golongan minoriti Melayu ini di peringkat negara jelas dilihat apabila Raja Rama VI memberi peluang kepada mereka untuk datang mengadap di Istana Besar serta melakukan upacara khas untuk orang Melayu Muslim pada hari keputeraan Baginda itu. Antara upacara-upacara tersebut ialah Upacara Penerimaan Sejadah dan Jubah DiRaja dan Upacara Pemberian “Khatha Amir” (Cokmar Pemimpin) kepada Raja pada tahun 1916M.

Upacara-upacara tersebut dianggap sebagai permulaan kejayaan orang Melayu secara rasmi di peringkat nasional kerana dalam tempoh masa yang panjang semenjak zaman kerajaan Sukhothai lagi masyarakat Thai mempunyai Raja sebagai pemimpin negara yang sangat dihormati oleh rakyat. Dalam sejarah Thailand dari dahulu sampai sekarang Raja-raja sangat berperanan dalam setiap institusi sosial dalam masyarakat Thai. Pada zaman Sukhothai, status raja adalah sebagai “bapa” yang menjaga anak-anaknya iaitu rakyat. Kemudian pada zaman Ayutthaya, status raja dinaik taraf kepada Replika Deva dan mempunyai kuasa penuh dalam pemerintahan negara.⁷⁰ Oleh itu, pemberian peluang untuk menyertai upacara-upacara DiRaja serta mengadakan upacara DiRaja khas untuk orang Melayu merupakan tanda penerimaan dan kehormatan daripada institusi yang paling tinggi dan paling berkuasa dalam masyarakat Thai, apatah lagi dalam golongan rakyat yang sangat menghormatinya. Hal ini dianggap sebagai kejayaan rasmi di peringkat nasional bagi orang Melayu di persekitaran Bangkok.

Lebih-lebih lagi, pada zaman pemerintahan Raja Rama VII, baginda telah mengadakan dua kali lawatan rasmi ke kawasan kampung-kampung Melayu. Keadaan tersebut adalah sebagai tanda yang menjelaskan kepentingan dan kehormatan terhadap orang Melayu yang diberikan oleh Raja Thai.

Kejayaan yang dinyatakan di atas hanya menjadi tanda yang menunjukkan kejayaan masyarakat Melayu yang mendiami Kawasan Thailand Tengah secara keseluruhan bukan individu. Walaupun pintu dan peluang untuk mendapatkan kejayaan telah terbuka, namun bukan semua penduduk Melayu boleh mencapai tahap tersebut. Terdapat ramai keluarga Melayu yang masih menduduki di peringkat survival iaitu belum mencukupi keperluan-keperluan rendah dan tidak boleh menaiki tahap yang lebih tinggi.

Maklumat yang dapati di atas, zaman pemerintahan Raja Rama I hingga Raja Rama IV orang Melayu di Bangkok dan kawassan sekitarnya hanya memenuhi keperluan-keperluan asas iaitu Keperluan Fisiologi, Keperluan Keselamatan dan Keperluan Sosial. Mereka telah mencukupi keperluan fizikal seperti makanan, minuman, tempat tinggal serta mempunyai keselamatan dan telah diterima sebagai ahli dalam masyarakat. Bagaimanapun, mereka belum lagi mencapai tahap Keperluan Penghargaan Diri (*Esteem*) yang merupakan kensep kejayaan dalam kajian ini. Boleh diperkatakan bahawa pada zaman ini orang Melayu di persekitaran Bangkok belum mencapai tahap kejayaan. (Sila lihat Gambarajah 3.5)




Gambarajah 3.5: Kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama I hingga Raja Rama IV

Walaupun pada zaman pemerintahan Raja Rama V orang Melayu di persekitaran Bangkok telah mendapat peluang untuk menyambung pelajaran mereka di Patani tetapi kejayaan tersebut hanya jelas dilihat pada pertengahan dan hujung zaman pemerintahan Raja Rama VI. Maklumat yang memperlihatkan kejayaan institusi agama adalah berdasarkan jumlah sekolah agama di persekitaran Bangkok yang makin bertambah sebagaimana catatan Nang Lamduan seorang pegawai kerajaan Jabatan Pemeriksaan pada tahun 1910M.⁷¹ Selain daripada laporan tersebut, turut ditemui ialah catatan pendaftaran sekolah agama di persekitaran Bangkok yang dilaporkan kepada setiausaha tetap Jabatan Pemeriksa. (Sila lihat Jadual 3.1) .

Jadual 3.1 Senarai Nama Institusi Pendidikan Islam di Bangkok dan kawasan persekitaran yang didaftarkan pada tahun 1918M-1932M⁷²

No.	Nama Sekolah	Pengerusi/Bangsa	Tahun yang didaftar	Matapelajaran
1.	Anjuman Islam	Muhammad Husin ethik India/Inggeris	1922M	Bahasa Arab dan Bahasa Thai
2.	Ismail	Haji Ismail ethik (Campa)/Perancis	1922M	Quran dan Bahasa Thai Asas
3.	Rassadon Nongcokpittayakom	Haji Awang ethik Melayu Patani/Thai	1928M	Bahasa Arab dan agama Islam
4.	Bamrung Islam	Haji Ismail ethik Arab/Thai	1918	Bahasa Arab, Bahasa Thai dan Bahasa Melayu
5.	Abdul Latif	Tok Haji Abdul Latif Muslim/Inggeris	1923M	Ilmu Akademik
6.	Tuan Guru Abbas	Tuan Guru Abbas Muslim/Thai	1923M	Ilmu Akademik
7.	Mohammad Ali	Haji Muhammad Ali ethik Arab/Perancis	1918M	Quran dan Bahasa Arab
8.	Mas-u-di	Mas-ud As-ubari/tidak dinyatakan	1922M	Quran, Bahasa Thai dan Matematik
9.	Tok Haji Mad	Tok Haji Mad/Thai	1923M	Ilmu Akademik
10.	Madrasatul Islam	Abduk Khadir Salleh Kaew muslim/ Perancis	1932M	Quran dan Agama Islam
11.	Ahmadia	Man Himara Muslim/Thai	1920M	Agama Islam dan Bahasa Thai
12.	Tok Sad	Sad Kumarat Muslim/Thai	1920M	Agama Islam dan Bahasa Thai
13.	Bamrung Sassana	Lah Kantapraj	1921M	Agama Islam dan Bahasa Thai
14.	Tok Dej	Dej Limmoh/Thai	1921M	Ilmu Akademik dan Agama Islam

Institusi agama pada zaman itu bukan sahaja digunakan untuk menyelesaikan masalah moral atau menjadi panduan dalam kehidupan harian, tetapi komuniti Melayu menggunakan institusi tersebut untuk melibatkan diri dalam arena politik. Hal ini dapat dilihat dalam zaman pemerintahan Raja Rama VI yang menjemput para pemimpin agama Islam mengadap semasa majlis hari keputeraan baginda serta mengadakan upacara khas untuk orang Melayu. Jemputan ke majlis hari keputeraan tersebut dan upacara tersebut adalah contoh yang diketahui bagi kepentingan orang Melayu demi mendapatkan pengaruh daripada kerajaan Thai di Bahagian Thailand Tengah. Selain itu, keadaan ini merupakan tanda penerimaan dan penghormatan secara rasmi daripada Institusi Raja yang merupakan institusi yang paling tinggi dalam masyarakat Thai. Walaupun pembatalan sistem perhambaan akan menyamakan status orang Melayu yang merupakan minoriti dengan majoriti Thai, tetapi mereka masih dipandang sebagai bekas hamba. Upacara-upacara tersebut menaiktarafkan dan mendatangkan kejayaan secara penuhnya kepada masyarakat Melayu terutamanya institusi keluarga dan memusnahkan halangan usaha orang Melayu untuk mencapai keperluan tahap yang dianggap sebagai tahap kejayaan iaitu *Keperluan Penghargaan Diri*. Boleh memperkatakan bahawa zaman pemerintahan Raja Rama V merupakan zaman pembatalan halangan pencapaian kejayaan dalam kalangan orang Melayu. Manakala zaman Raja Rama VI merupakan zaman dipenuhi keperluan tersebut. (Sila lihat kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama I hingga Raja Rama V dan VI.)



Gambarajah 3.6: Kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama V dan VI

3.6 Kesimpulan

Pada keseluruhannya, semasa pemerintahan monarki, survival masyarakat Melayu di Bangkok boleh dibahagikan kepada dua tempoh zaman, iaitu zaman survival masyarakat Melayu sebelum kemasukan pengaruh imperialisme Barat dan zaman survival masyarakat Melayu selepas pengaruh imperialisme Barat. Survival masyarakat Melayu sebelum dipengaruhi imperialisme Barat merangkumi tempoh zaman pemerintahan Raja Rama I sehingga zaman pemerintahan Raja Rama IV. Manakala, zaman pemerintahan Siam menerima pengaruh imperialisme Barat adalah pada zaman pemerintahan Raja Rama V dan Raja Rama VI. Sementara itu, zaman kemasukan penjajah Barat berlaku dengan pesat pada zaman pemerintahan Raja Rama IV.

Pada awal zaman *Rattanakosin*, iaitu di bawah pemerintahan Raja Rama I hingga Raja Rama IV merupakan kesinambungan daripada kegiatan pemerintahan kerajaan Siam tradisional seperti yang diamalkan pada zaman *Ayutthaya*. Zaman ini

juga dikenali sebagai zaman permulaan pembangunan negara, terutamanya Bangkok yang baharu dibangunkan sebagai ibu negara kerajaan Siam yang baharu. Setelah Raja Rama I berjaya menakluk kerajaan Melayu Patani, baginda melaksanakan Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu ke Bahagian Thailand Tengah. Akibat dan kesan pelaksanaan dasar ini, ramai orang Melayu dibawa ke bahagian Thailand Tengah, terutama di Bangkok dan kawasan sekitarnya.

Orang Melayu Patani yang dipindah ke Bangkok dan kawasan sekitarnya berstatus “Tawanan Perang”. Proses pemindahan dan penempatan orang Melayu Patani ini menguntungkan kerajaan Siam kerana tujuan utama pemindahan orang tawanan tersebut bertujuan untuk menambahkan tenaga kerja bagi pembangunan Bangkok yang baharu dibangunkan. Proses penempatan mereka di kawasan Thailand Tengah, kerajaan Siam menggunakan strategi politik “pecah dan perintah”. Kumpulan tawanan perang Patani ini dipecahkan kepada kelompok-kelompok kecil agar mudah dikawal dan dipantau oleh kerajaan Siam melalui para pegawainya di daerah-daerah tawanan perang ini ditempatkan. Dengan memecahkan mereka dalam kelompok-kelompok kecil merupakan strategi kerajaan Siam untuk mengawal “orang tawanan perang Patani” daripada berinteraksi dan bersatu tenaga sesama mereka untuk bangkit menentang atau menimbulkan ancaman keselamatan kepada kerajaan Siam. Hal ini dilakukan supaya terjamin daripada sebarang tindakan buruk orang-orang Melayu Patani yang boleh menggugat keselamatan negara Siam.

Kerajaan Siam sedar akan kedudukan yang sebenarnya tentang pemindahan orang Melayu ke ibu negara Bangkok dan kawasan sekitarnya. Sekiranya mereka ditempatkan di satu kawasan sahaja dengan jumlah yang besar, para tawanan perang ini berpeluang berinteraksi dan bertindak untuk membangkitkan semangat Melayu yang

terpendam di dalam diri mereka. Jika hal sedemikian tidak dikawal pada peringkat awal lagi boleh menimbulkan gerakan di luar jangkaan seperti melakukan rusuhan yang boleh membahayakan kedudukan pemerintahan Siam pada kan waktu itu. Pemindahan dan penempatan orang Melayu ke kawasan Thailand Tengah merupakan prosedur kerajaan Siam yang sangat teliti dengan mengambil kira pelbagai aspek keselamatan negara dan penempatan tersebut ialah permulaan kisah survival tawanan perang Patani di kawasan Thailand Tengah.

Selepas orang Melayu dari Selatan tiba di ibu negara Bangkok, sebagai tawanan perang mereka diberikan status “hamba”. Mereka diperhambakan dan dijadikan tenaga kerja untuk membangunkan Bangkok sebagai ibu negara. Kelompok- kelompok tawanan ini juga ditugaskan membina terusan air atau klong mengikut petempatan yang disediakan oleh kerajaan. Terusan yang digali dengan tenaga empat kerat oleh tawanan perang Petani ini amat berjaya dalam konteks pembangunan bahagian Thailand Tengah, khasnya kota dari segi pembentukan sistem pengairan dan saluran serta sistem perhubungan air yang efisien pada masa itu, malah rangkaian terusan yang berfungsi sebagai pengairan dan saluran untuk pertanian serta pengangkutan di Bangkok masih digunakan hingga sekarang. Selain itu tawanan perang Patani ini juga dikehendaki membuka tanah pertanian baharu di pinggir Bangkok bagi meningkatkan hasil pengeluaran bahan makanan untuk penduduk Bangkok yang sedang dibangunkan. Perkara yang dinyatakan ini adalah kerja utama yang ditetapkan oleh kerajaan untuk mereka tunaikan.

Berdasarkan status hamba yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Siam, beberapa hak dalam kehidupan tawanan perang ini, terutamanya hak pergerakan mereka dihadkan. Mereka tidak boleh atau melakukan perjalanan di luar dripada kawasan

kampung atau petempatan mereka yang ditetapkan oleh kerajaan. Orang Melayu di bahagian Thailand Tengah pada masa itu mesti berada dalam kawasan petempatan mereka dan menjadi kesalahan dari segi undang-undang pada masa itu jika mereka keluar dari kawasan petempatan yang diperuntukkan oleh kerajaan. Tahap kedudukan mereka dalam masyarakat tempatan pada zaman ini adalah “pemisahan” mengikut Konsep Empat Peringkat Kemasukan imigran ke dalam Masyarakat Tempatan. Walaupun demikian, mereka mempunyai empat perkara yang menyelamatkan golongan mereka dalam masyarakat majoriti mengikut Konsep Survival Minoriti iaitu mempunyai bahasa sendiri (bahasa Melayu), mempunyai agama sendiri (Islam), mempunyai keterikatan dari segi emosi terhadap tanah leluhur mereka hanya satu, iaitu negeri Patani yang mempunyai ikatan sejarah yang suci kepada mereka. Dari segi ekonomi, mereka hanya membekalkan tenaga hambanya yang bekerja untuk tuan mereka. Semua hasil pekerjaan akan diserahkan kepada tuan punya atau pembesar yang memilikinya. Pekerjaan mereka hanya dibalas dengan diberi tempat penginapan, makanan dan minuman serta penjagaan keselamatan sahaja. Berdasarkan pengekangan status hamba yang telah dilaksanakan, menyebabkan masyarakat Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran pada zaman itu tidak berkembang. Walau bagaimanapun, kerajaan Siam tidak menyekat dalam hal kepercayaan agama, mereka masih berpegang teguh dengan agama Islam dan menunaikan ibadat seperti yang dilakukan sebelum ini, kecuali menunaikan ibadat haji.

Zaman pemerintahan Raja Rama V merupakan zaman permulaan pemodenan dalam masyarakat Thai. Pengaruh peradaban dan imperialisme Barat ialah punca utama yang menyebabkan Raja Rama V cepat mengambil inisiatif untuk menghapuskan beberapa peraturan dalam masyarakat Thai yang menggambarkan kemunduran sosial. Perubahan tersebut mempengaruhi masyarakat Melayu secara langsung terutamanya

dalam institusi keluarga. Antara dasar-dasar yang dijalankan oleh Raja Rama V, Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan ialah dasar yang sangat memberi kesan terhadap masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah. Orang Melayu dibebaskan daripada status hamba dan boleh meneruskan kehidupan seperti seorang rakyat biasa tanpa sekatan dalam kehidupan. Kebebasan yang didapati merupakan peluang yang penting untuk mereka mencapai kejayaan. Kehidupan orang Melayu telah dipertingkatkan dan diiktiraf sebagai sebuah kumpulan masyarakat Rakyat Thai dan tidak dihadkan hak-hak dalam kehidupan mereka sebagaimana yang dikenakan sebelum itu.

Tahap kedudukan orang Melayu pada zaman ini mula berubah daripada peringkat “pemisahan” kepada “adaptasi” dan “integrasi”. Kebebasan yang didapati daripada pembatalan sistem perhambaan membuatkan mereka mempunyai kebebasan untuk berinteraksi dengan masyarakat di sekeliling. Oleh itu, bahasa Melayu yang selama ini merupakan bahasa perbualan dalam kalangan mereka makin dikurangkan peranannya, pada masa yang sama bahasa Thai makin bertambah peranannya. Tambahan lagi, tempoh masa yang panjang serta perasaan kasih sayang terhadap kawasan yang didiami mereka sekarang telah berkurangan akan kepentingan sejarah dan keterikatan kepada tanah leluhur mereka negeri Patani. Empat perkara yang sebelum ini telah menyelamatkan indentiti mereka yang semakin hilang. Bagaimanapun, kepercayaan terhadap agama Islam masih teguh dianuti oleh bekas tawanan perang Petani ini.

Pada zaman pemerintahan Raja Rama I hingga Raja Rama IV, belum dapat dilihat orang Melayu beroleh kejayaan dalam kehidupan mereka. Mereka masih dalam proses memenuhi keperluan asas dan sederhana, iaitu keperluan fizikal dan

keselamatan. Bagaimanapun, mereka berjaya mengekalkan identiti mereka sebagai orang Melayu.

Selepas Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dijalankan, masyarakat Melayu di bahagian Thailand Tengah berkembang pesat dalam kehidupan mereka. Mereka berpindah ke kawasan sekeliling mereka dan ke kawasan lain untuk mencari tempat tinggal yang baharu kerana kampung asal mereka telah padat dengan penduduk yang selama ini mereka tidak boleh berpindah keluar dari kawasan yang ditetapkan. Hasil daripada dasar ini juga institusi agama ikut menerima kesan pembangunan. Oleh sebab kesibukan dengan pekerjaan dan sekatan perjalanan, orang yang berpengetahuan dalam bidang agama juga sangat terhad. Selepas dasar ini dijalankan, mereka dapat keluar untuk menuntut ilmu agama Islam di pelbagai tempat seperti di Patani dan di kota Mekah. Begitu juga dengan ibadat Haji, orang Melayu di persekitaran Bangkok dapat menunaikan ibadat haji selepas dasar tersebut dilaksanakan. Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan juga dianggap sebagai punca agama Islam di Kawasan Thailand Tengah berkembang maju dengan pesat. Orang Melayu dapat menambahkan ilmu pengetahuan agama Islam di kawasan lain seperti Patani dan tanah suci Mekah, di samping dapat menunaikan ibadat haji selepas dasar itu dikuatkuasakan dan dasar lama dibatalkan.

Pada zaman Raja Rama VI, orang Melayu di Bangkok telah diterima oleh masyarakat Thai sebagai sebahagian daripada penduduk Thai secara rasmi. Hal ini dapat dilihat daripada penyertaan penduduk Melayu dalam majlis-majlis rasmi kerajaan dan upacara diraja. Penyertaan dalam majlis-majlis kerajaan tersebut bukan sahaja sebagai penerimaan status penduduk Melayu daripada pihak kerajaan Siam, tetapi ia juga sebagai tanda penerimaan kuasa Raja Siam dalam kalangan penduduk Melayu.

Keadaan masyarakat Melayu bertambah baik apabila Raja Rama V menguatkuasakan *Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan*. Orang-orang Melayu mendapat peluang yang penting dalam kehidupan iaitu kebebasan bergerak ke sana sini. Mereka boleh keluar dari kawasan yang dihadkan oleh kerajaan yang selama ini mereka tidak mempunyai peluang berbuat demikian. Selain daripada kebebasan, mereka juga mendapat status persamaan taraf kerakyatan dengan penduduk majoriti, dan bukan lagi bersrtatus sebagai hamba. Persamaan taraf sebagai rakyat ini merupakan faktor utama yang mendatangkan penghormatan daripada masyarakat majoriti. Penghormatan inilah merupakan tanda kejayaan menurut konsep kejayaan dalam kajian ini kerana institusi keluarga orang Melayu telah dinaiktarafkan dalam tahap kejayaan. Pada zaman Raja Rama VI, baginda mengadakan upacara-upacara khas untuk orang Melayu serta memberi peluang kepada mereka untuk datang mengadap Baginda di istana. Peluang yang diberikan ini sebagai tanda yang sangat jelas bahawa orang Melayu telah diiktiraf, dihormati dan menjadi sebahagian daripada masyarakat Thailand secara rasmi.

Kemudian, pada awal zaman pemerintahan Raja Rama VII, telah berlaku perubahan besar terhadap pemerintahan negara Thai apabila sekumpulan elit Thai lulusan Eropah mengambil alih pucuk pemerintahan negara dan berjaya menukarkan sistem pemerintahan negara daripada monarki kepada demokrasi di bawah perlembagaan. Pertukaran tersebut sangat mempengaruhi survival penduduk Melayu di Kawasan Tengah Thailand dan juga di seluruh negara. Peristiwa penukaran pemerintahan monarki dan survival orang Melayu pada zaman pemerintahan yang dimaksudkan akan dinyatakan dalam Bab Empat.

Nota Hujung

-
- ¹ Suksaman Wongsawan. (1984). *ประวัติศาสตร์การปกครองไทย (Sejarah Pemerintahan Thai)*. Bangkok: Ruam Saan, hal.156.
- ² Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal.111.
- ³ Ibid.
- ⁴ Sawvane Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn, hal.110.
- ⁵ Ratchanee Sadprem. (1978). *บทบาทของชาวมุสลิมในภาคกลางและภาคใต้ของประเทศไทยในสมัยรัตนโกสินทร์ตั้งแต่พ.ศ. 2325-2453(Peranan Orang Thai Muslim di Tengah dan Selatan Thailand zaman Rattanakosin 1782-1910)*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sastera, Universiti Silapakorn, Nakhonprathom, hal. 52-53.
- ⁶ *Himpunan Hikayat Rattanakosin*, 1963. hal. 459.
- ⁷ Phan-ngam Ngauthamasan. (1976). *การเมืองไทยในหัวเมืองภาคใต้ในอดีตกับจดหมายเหตุหลวงอุดมสมบัติ (Politik Thai dalam Negeri Ngaungan di Selataan dengan Hikayat Luang Sombat)*. *Chulasan Lae Tai*. Pattani: Prince of Songkla University, hal. 42.
- ⁸ Scupin Raymon. (1978). *Thai Muslim in Bangkok: Islam and Modernization In a Buddish Society*. PhD. Dissertation, Department of Anthopology, University of California, Santa Barbara, hal. 52.
- ⁹ *ประมวลกฎหมายรัชกาลที่ 1* (Buku undang-undang Raja Rama I), Jidid 1, hal. 281.
- ¹⁰ Akhin Rapheepat. (1984). *สังคมไทยในสมัยต้นกรุงรัตนโกสินทร์ พ.ศ. 2325-2416 (Masyarakat Thai pada awal Zaman Rattanakosin B.E. 2325-2416)*. Bangkok : Thammasat University, hal. 146.
- ¹¹ Temu bual Sukri Sarem, sejarahwan dan setiausaha Persatuan Melayu Lebah Pantai Sungai *Chaophraya*, 12 Februari 2015.
- ¹² Temu bual Chokchai Wongtanee, pensyarah Institut Pengajian Keamanan, Prince of Songkla University, 13 Mac 2015.
- ¹³ Ratchanee Sadprem. (1978). *บทบาทของชาวมุสลิมในภาคกลางและภาคใต้ของประเทศไทยในสมัยรัตนโกสินทร์ตั้งแต่พ.ศ. 2325-2453(Peranan Orang Thai Muslim di Tengah dan Selatan Thailand zaman Rattanakosin 1782-1910)*, hal. 220.
- ¹⁴ Charnvit Kasetsiri et. al. (2004). *ราชอาณาจักรและราษฎรสยาม: เอร็จอห์นเบริง เล่ม1 (Kerajaan dan Penduduk Siam: Sir John Bowring, Jilid 1)*. Bangkok: Mulanithi Khrongkar Tamra Sangkhomsart, hal.110.
- ¹⁵ Temu bual Muhammad Adam, Khatib Masjid *Kaewnimit*, Kampung *Khlong Nueng*, Prathunthani, Thailand, 23 Disember 2014.
- ¹⁶ Suthep Chucheua. (1972). *ประวัติการศึกษาไทย (Sejarah Pendidikan Thai)*. Bangkok: Kaowna, hal. 69.
- ¹⁷ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal.128.
- ¹⁸ Danai Chaiyotha. (2003). *ประวัติศาสตร์ไทย: ยุคกรุงธนบุรีถึงกรุงรัตนโกสินทร์ (Sejarah Thai: Era Thonburi sampai Rattanakosin)*. Bangkok: Odeon Store , hal.106.
- ¹⁹ Jabatan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan. (2014). *รำลึก100 ปีแห่งการสวรรคตพระบาทสมเด็จพระจุลจอมเกล้าเจ้าอยู่หัว (Merperingati 100 tahun Kemangkatan Raja Rama V)*. didapati daripada : http://www.bic.moe.go.th/th/index.php?option=com_content&view=article&id=668:-100-&catid=44:2009-05-31-06-08-45
- ²⁰ Perjanjian Bowring atau *Bowring Treaty* sebagai perjanjian antara United Kingdom dan Kerajaan Siam. Perjanjian ini ditandatangani pada 18 April 2398 B.E. *Sir John Bowring* duta besar United Kingdom yang dilantikkan oleh Ratu Victoria. Perjanjian ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang asing melakukan perniagaan secara bebas. Pada zaman sebelum ini, penaiga dari barat dikenakan cukai yang sangat mahal. Perjanjian ini juga, mengizinkan menubuhkan konsulat United Kingdom di negara ini dan yang terpenting adalah mengizinkan orang berbangsa Inggeris boleh memiliki tanah Siam.
- ²¹ Chai Ruangsil. (1998). *ประวัติศาสตร์ไทยสมัยพ.ศ. 2352-2453 ด้านเศรษฐกิจ (Sejarah Thai Moden B.E. 2352-2453 bidang Ekonomi)*. Bangkok: Thaiwatthanapanich.
- ²² Rattanakosinsok 124 bermaksud tahun ke-124 zaman Rattanakosin.
- ²³ Temu bual Worapong Charoenwong, pensyarah Jabatan Pengajian Islam untuk Pembangunan, Universiti Bangkok Thonburi, Bangkok, 3 Januari 2015
- ²⁴ Temu bual Sukri Sarem, 12 Februari 2015.
- ²⁵ Rong Sayamanon. (1977). *ประวัติศาสตร์ไทยในระบอบรัฐธรรมนูญ (Sejarah Thailand di Bawah Sistem Perlembagaan)*. Bangkok : Thaiwatthanapanit., hal. 2.
- ²⁶ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal.128.
- ²⁷ Ibid., hal. 129-130.

- ²⁸Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal.132.
- ²⁹ Arkib Negara Thai, 1916, M 44/22
- ³⁰Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 137.
- ³¹Ibid., hal. 137-138.
- ³² Sawai Wattanaset. (1960). *ปทานุกรมการตั้งชื่อและนามสกุล (Daftar Kata pemberian Nama Panggilan dan Nama Keluarga)*. Bangkok: Khem Bannakit, hal. 291-292.
- ³³Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 138-193.
- ³⁴ Pusat Maklumat Persaudaraan Melayu sebagai organisasi tidak rasmi yang ditubuhkan oleh penduduk keturunan Melayu di kampung Paklad, daerah Phrapradaeng, wilayah Samutprakarn untuk mengumpulkan maklumat persaudaraan serta taburan penduduk keturunan Melayu sebelum ini.
- ³⁵Chokchai Wongtane. (2011). *มลาญบางกอก/นาญบาเกาะฮ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/ซีเย (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae)*. *Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies*, Vol 2 (3), hal.461.
- ³⁶*Chae* bermaksud datuk. Perkataan ini kata panggilan nama digunakan untuk merujuk kepada datuk sebelah ibu dan bapa. Selain dari digunakan untuk merujuk datuk, *Chae* boleh juga digunakan untuk lelaki tua dalam masyarakat. Biasanya akan diletakkan sebelum nama orang yang dipanggil seperti datuk nama Usman akan dipanggil *Chae Usman* atau *Chae Man*.
- ³⁷*Tok* bermaksud nenek. Perkataan ini kata panggilan nama yang digunakan untuk merujuk kepada nenek sebelah ibu dan bapa. Selain dari digunakan untuk merujuk nenek, *tok* boleh juga digunakan untuk perempuan tua dalam masyarakat. Biasanya akan diletakkan sebelum nama orang yang dipanggil seperti nenek nama Aminah akan dipanggil *Tok Aminah* atau *Tok Nah*.
- ³⁸ Catatan sejarah Kampung Tha-it, daerah Pakkret, wilayah Nonthaburi didapati salinan daripada Haji Pairat, guru Sekolah Tha-it Suksa.
- ³⁹Chokchai Wongtane. (2011). *มลาญบางกอก/นาญบาเกาะฮ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/ซีเย (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae)*. *Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies*, hal. 438.
- ⁴⁰ Temu bual Haji O-pas Mitma2na, khatib Masjid Chakkaphong, Bangkok, 12 Januari 2015.
- ⁴¹Arkib Negara Thai, M 44/12
- ⁴² Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal.128.
- ⁴³ Arkib Negara Thai, M 44/22
- ⁴⁴ Noppadol Rochana Udomsart. (1980). *ปัญหาการจัดการศึกษาในมณฑลปัตตานี (พ.ศ.2449-2474) (Masalah Pengurusan Pendidikan di Monthon Pattani B.E. 2449-2474)*. Bangkok: Srinakarinwirot University, hal. 27.
- ⁴⁵ Ibid.
- ⁴⁶Biografi Tuan Guru Mustafa Ibrahim, Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban Paklad.
- ⁴⁷Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban Paklad
- ⁴⁸Adinda Raja Rama V. Baginda pernah bertugas sebagaiKomander Tentera Laut yang menjaga kedudukan orang Muslim di Tengah Thailand.
- ⁴⁹*Chang* adalah ukurang wang lama Siam.
- ⁵⁰ Hor Jor Chor., Sor Thor 43/5 “รายงานนางลำควนพนักงานสืบสวนโรงเรียนแขก” (Laporan *Nang Lamduan* pemeriksa sekolah Khaek), dalam Ibrahim Narongraksakhaet dan Numan Haji Masae, *ทฤษฎีใหม่สถาบันการศึกษามุสลิมจังหวัดชายแดนภาคใต้ (Teori Baru Institut Pendidikan Muslim Wilayah Sempadan Thailand)*, Songkla: Institut Selatan Penyelidikan dan Akademik, 2010, hal. 125.
- ⁵¹ Temu bual Kasem Boonmaha, Bekas pengetua kampung Tha-it, daerah Pakkret, wilayah Nonthaburi, 24 Disember 2013.
- ⁵² Sukri Sarem. (2015). From Siam to Makkah, dlm Siaran “*Muslim Siam*”[Onlinedidapati daripada : <https://www.youtube.com/watch?v=MrG3fwG-3mU>
- ⁵³*Somdej Chaophraya Barom Maha Srisuriyawong* (Disember 23, 1808 – January 19, 1883) seorang pembesar Thailand yang paling berkuasa dan berpengaruh dalam bidang politik negara pada zaman awal *Rattanakosin* terutamanya zaman pemerintahan Raja Rama IV dan V. Beliau bermula bekerja sebagai biduanda diraja pada zaman Raja Rama II dan telah dilantikkan sebagai *Somdej Chaophraya Barom Maha* semasa pemerintahan Raja Chulalongkorn. Beliau sebagai orang terakhir yang berjawatan *Somdej Chaophraya* iaitu jawatan yang paling tinggi untuk orang yang bukan kerabat diraja. Beliau juga memainkan peranan dalam kenaikan Raja Chulalongkorn dan telah dilantik sebagai pengawas raja dari tahun 1868 - 1873 juga.
- ⁵⁴Chai Ruangsil, *ประวัติศาสตร์ไทยสมัยพ.ศ. 2352-2453 ด้านเศรษฐกิจ (Sejarah Thai Moden B.E. 2352-2453 bidang Ekonomi)*, hal. 289.

-
- ⁵⁵Chokchai Wongtane. (2011). *มลายูบางกอก/นายูบาเกาะฮ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/ซีเย (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae). Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies*, hal. 447.
- ⁵⁶ Temu bual Sukri Sarem, sejarahwan dan setiausaha Persatuan Melayu Lebah Pantai *Sungai Chaophraya*, 12 Januari 2015.
- ⁵⁷ Bank Negara Thai. (2015). *วิวัฒนาการธนบัตรไทย (Evolusi Wang Kertas Thai)*. Didapati daripada : <https://www.bot.or.th/Thai/Banknotes/>
- ⁵⁸ “Kop” adalah perkataan dalam bahasa Melayu dialek Patani yang digunakan untuk menggantikan “baht” seperti dua kop adalah dua baht.
- ⁵⁹Chokchai Wongtane. (2011). *มลายูบางกอก/นายูบาเกาะฮ: การผจญภัยในแผ่นดินสยาม/ซีเย (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae). Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies*, hal. 465.
- ⁶⁰Dewan Bahasa dan Pustaka. (2014). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Didapati daripada : <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=cokmar>
- ⁶¹ Ibid.,467.
- ⁶²Worachat Meechoobot. (2010). *พระบาทสมเด็จพระรามาธิบดีศรีสินทรมหาวชิราวุธ พระมงกุฎเกล้าแผ่นดินสยาม (Phrabatsomdej Phramathibodi Srinakharin Mahawachirawut Pramongkutklao Phaendin Siam)*, Bangkok : Sangsanbook, , hal. 123-124.
- ⁶³ Noppadol Rochana Udomsart. (1980). *ปัญหาการจัดการศึกษาในมณฑลปัตตานี(พ.ศ.2449-2474) (Masalah Pengurusan Pendidikan di Monthon Pattani B.E. 2449-2474)*, hal. 43.
- ⁶⁴ Tengku Abdul Kadir Kamaruddin (Phraya Pattani V) adalah Sultan Kerajaan Pattani yang terakhir. Beliau telah dipecat oleh Siam sebagai Sultan Pattani pada 1902. Dianugerahkan gelaran Tengku Sri Akar Raja oleh Sultan Muhammad IV setelah berkahwin dengan Tengku Kembang Petri Binti Sultan Muhammad IV. Tengku Abdul Kadir adalah dari keturunan Raja Muda Long Ismail ibni DYT M Long Yunus.
- ⁶⁵Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 207.
- ⁶⁶Arkib Negara Thai, R6 M.22/12 dlm Worawit Baru @ Ahmad Idris, *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 208.
- ⁶⁷ Temu bual Samai Charoenchang, sejarahwan dan bekas wakil rakyat Bangkok berketurunan Melayu, 14 Disember 2014.
- ⁶⁸ Prayunsak Chalayondecha. (1996). *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*, Bangkok : Krongkarn Hosamutklang Saisakul Sultan Sulaiman, hal. 50.
- ⁶⁹Ibid., hal. 195.
- ⁷⁰Chaoprayanews Online. (2013). *ความสำคัญของสถาบันพระมหากษัตริย์ไทย (Kepentingan Institusi Raja)*. Didapati daripada : <http://www.chaoprayanews.com/2013/04/12/>
- ⁷¹Sila lihat catatan dan senarai nama sekolah tersebut dalam Bab 3.
- ⁷²Ibrahim Narongraksakhaet dan Numan Haji Masae. (2010). *ทฤษฎีใหม่สถาบันการศึกษามุสลิมจังหวัดชายแดนภาคใต้ (Teori Baru Institut Pendidikan Muslim Wilayah Sempadan Thailand)*. Songkla: Institut Selatan Penyelidikan dan Akademik, hal.127-128.

BAB 4 : SURVIVAL DAN KEJAYAAN MINORITI MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK SEMASA PEMERINTAHAN DEMOKRASI

4.1 Pengenalan

Penukaran sistem pemerintahan negara Thailand daripada sistem monarki atau sistem raja berkuasa mutlak kepada sistem demokrasi beraja berlaku pada tahun 1932M. Perubahan ini ialah faktor penyebab berlakunya perubahan besar terhadap kehidupan orang Melayu di bahagian Thailand Tengah, khasnya di Bangkok dan kawasan saekitarnya. Perubahan sistem pemerintahan negara Thai berlaku apabila sekumpulan elit Thai lulusan beberapa buah universiti di Eropah melakukan reformasi politik dan sosial setelah kembali ke Thailand. Kumpulan ini dikenali dengan nama *Khana Ratsadorn* atau Angkatan Rakyat. Gerakan kumpulan ini telah berjaya mengambil alih pucuk pemerintahan negara. Mereka mengubah sistem pemerintahan daripada sistem raja berkuasa mutlak kepada sistem demokrasi beraja di bawah perlembagaan baharu. Perubahan sistem pemerintahan ini sangat penting dalam sejarah Thai kerana ia merupakan detik pemisahan antara sistem lama dengan sistem baharu iaitu sistem demokrasi ¹ yang sudah diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia. Survival dan kejayaan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya berlaku semasa pemerintahan demokrasi di bawah pemerintahan tiga orang Raja Siam iaitu Raja Rama VII, Raja Rama VIII dan Raja Rama IX (1932-sekarang). Zaman ini dapat dikategorikan kepada empat tempoh masa, iaitu zaman penukaran sistem pemerintahan negara sehingga zaman pemerintahan kerajaan Phibul Songkhram penggal pertama (1932M-1944M), zaman pemerintahan kerajaan sivil (1944M-1948M), zaman pemerintahan kerajaan Phibul Songkhram bagi penggal kedua (1948M-1957M) dan zaman pemerintahan kerajaan Sarit sehingga sekarang (1957M-2015M).

Huraian dalam bab ini, pengkaji bersandarkan konsep-konsep berikut, iaitu Konsep Survival Minoriti, Konsep Institusi Sosial dan Konsep Perubahan Sosial dan Perubahan Budaya sebagai konsep utama yang digunakan dalam kajian ini bagi memahami survival orang Melayu. Manakala, konsep empat peringkat kemasukan imigran ke dalam masyarakat tempatan digunakan untuk membahagikan tahap-tahap kedudukan orang Melayu dalam masyarakat Thai. Selain itu, Teori Hieraki Keperluan Maslow digunakan untuk memperlihatkan kejayaan orang Melayu di kota Bangkok dan kawasan sekitarnya.

Survival orang Melayu di sepanjang tempoh masa pemerintahan demokrasi, penentuan dan pelaksanaan dasar yang berkaitan dengan survival orang Melayu serta kesannya dan pengadaptasian berasaskan dasar-dasar tersebut akan dibincangkan. Antara dasar-dasar yang mempengaruhi survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya semasa pemerintahan demokrasi ialah Enam Prinsip Dasar Pemerintahan *Khana Ratsadorn* (นโยบายหลัก 6 ประการคณะราษฎร) (1933M), Dasar Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom* (นโยบายรัฐนิยม หรือ นโยบายสร้างชาติ) (1939M), Dasar Penaungan Agama Islam (นโยบายอุปถัมภ์ศาสนาอิสลาม) (1944M), Dasar Penyesuaian Pentadbiran (นโยบายความเหมาะสมของการปกครอง) (1948M), Dasar Penguatkuasaan Akta Pentadbiran Tempatan (นโยบายการปกครองส่วนภูมิภาค) (1955M) dan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara (นโยบายแผนพัฒนาเศรษฐกิจและสังคมแห่งชาติ) (1961M).

Perubahan sistem pemerintahan baharu yang dilaksanakan melalui penggunaan dasar asimilasi terhadap orang Melayu lebih jelas kelihatannya. Kesannya terdapat banyak perubahan dalam kehidupan mereka sebagai penduduk minoriti. Dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan Thai ada yang memberi kesan positif dan ada yang

memberi kesan negatif kepada masyarakat Melayu. Kesan positif adalah terserlah dari segi pembangunan pendidikan dan ekonomi dan kesan negatifnya adalah dari segi sosiobudaya orang Melayu sebagai bekas tawanan perang Patani. Dalam aspek berkaitan, kesannya amat ketara bahawa mereka semakin kehilangan identiti atau jati diri, terutamanya dalam hal penggunaan bahasa Melayu dan budaya Melayu yang mereka warisi. Walau bagaimanapun, pada zaman ini juga dapat dilihat beberapa perkembangan positif dari segi kejayaan dalam kalangan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dalam tiga buah institusi lagi iaitu, institusi pendidikan, institusi ekonomi dan institusi politik.

4.2 Penukaran Sistem Pemerintahan Negara pada Tahun 1932M

Penukaran sistem pemerintahan negara Thai pada tahun 1932M merupakan suatu perubahan besar dalam sejarah negara pada abad ke-20M. Peristiwa ini berlaku pada 24 Jun 1932M, menyebabkan berlakunya perubahan dalam sistem pemerintahan negara daripada sistem monarki kepada sistem demokrasi di bawah perlembagaan. *Khana Ratsadorn* atau Angkatan Rakyat merupakan kumpulan yang bertanggungjawab memimpin penukaran sistem tersebut. Faktor utama yang mempengaruhi penukaran ini adalah penukaran pemerintahan negara di seluruh dunia terutamanya di Barat. Penukaran ini telah menyebabkan terlaksananya perlembagaan pertama untuk masyarakat Thai.



Gambar 4.1: Para Pemimpin *Khana Ratsadorn* atau Angkatan Rakyat
Sumber:<http://www.oknation.net/blog/oldsiam/2008/04/26/entry-1>

Zaman pemerintahan Raja Rama V dan VI merupakan zaman perubahan negara Thai kepada zaman moden. Dasar-dasar yang dikuatkuasakan seperti dasar pengangkutan, pendidikan dan kemasyarakatan bertujuan untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk dan memodenkan negara. Manakala, dalam bidang politik negara masih tidak nampak sebarang perubahan. Kerabat diraja serta bangsawan-bangsawan negara masih berperanan dan berkuasa dalam tampuk pemerintahan negara tanpa penglibatan dari rakyat jelata. Oleh itu, terdapat beberapa kumpulan penduduk terutamanya mereka yang berkelulusan pendidikan dari Negara Barat yang dikenali sebagai kumpulan progresif tidak bersetuju dengan sistem pemerintahan lama, dan mereka mahu menukarkan sistem pemerintahan yang ada kepada pemerintahan berbentuk demokrasi seperti negara Barat.

Sebelum peristiwa penukaran sistem pemerintahan negara pada tahun 1932M dilakukan, sudah pernah sekali berlaku usaha dalam penukaran sistem pemerintahan pada zaman *Rattanakosinsok 130* atau tahun 1912M. Ketika itu, sekumpulan tentera memberontak terhadap Raja Rama VI. Pemberontakan kali ini bertujuan untuk mendapatkan perlembagaan dan menukarkan sistem pemerintahan daripada monarki

kepada demokrasi. Namun pemberontakan tersebut tidak berjaya kerana rancangan pemberontakan telah dimaklumkan kepada pihak kerajaan sebelum dilakukan. Berdasarkan kegagalan pemberontakan kali pertama itu, seramai 91 orang pengasas telah ditangkap. Juri mahkamah tentera menjatuhkan hukuman penjara dan menjatuhkan hukuman mati kepada para pengasas. Tiga orang pemimpin dijatuhi hukuman mati, 20 orang pengasas telah dijatuhi hukuman penjara sepanjang hayat, 32 orang telah dihukum penjara selama 20 tahun, 30 orang telah dihukum penjara selama 12 tahun dan enam orang lagi dihukum penjara selama lima tahun.³ Walau bagaimanapun akhirnya Raja Rama VI memberi keampunan ke atas mereka yang dikenakan hukuman mati atas kesalahan tersebut, dan digantikan dengan hukuman penjara sahaja.

Pada tahun 1925M, *Somdej Prachaonongyather Krommaluang Sukhothaithammathirat* atau Raja Rama VII⁴ telah menaiki takhta sebagai Raja Siam yang ketujuh Dinasti Chakri selepas kemangkatan kekandanya Raja Rama VI. Pada zaman pemerintahan baginda, ekonomi negara dalam keadaan krisis kerana sebelumnya, Raja Rama VI sering menggunakan wang dalam perbendaharaan negara untuk menyembunyikan krisis ekonomi pada masa itu sehingga status negara hampir muflis. Tambahan lagi, kerajaan dan rakyat Siam pada masa itu telah dipaksa untuk membayar wang kepada para kerabat diraja yang menggunakannya untuk kehidupan yang mewah ketika negara menghadapi krisis ekonomi. Raja Rama VII menubuhkan sebuah perbadanan kerajaan, iaitu *Aphimontri Sapha* (Majlis Tertinggi). Tujuan utama penubuhan Majlis Tertinggi tersebut adalah untuk menjadikannya sebagai perbadanan utama kerajaan dalam pentadbiran dan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan Siam. Ahli Majlis Tertinggi ini terdiri daripada para kerabat diraja senior, dan pegawai kerajaan yang dilantik oleh Raja Rama VII.⁵

Pada tahun 1930M, keadaan ekonomi dunia dalam keadaan yang sangat kritikal. Keruntuhan *Wall Street* di Amerika Syarikat dan keruntuhan ekonomi dunia mempengaruhi ekonomi negara Thai sehingga Raja Rama VII telah mengisytihar untuk menaikkan cukai pendapatan dan cukai harta. Kenaikan cukai ini bertujuan untuk digunakan bagi membantu golongan yang dikenal pasti miskin. Tetapi dasar kenaikan cukai ini telah ditolak oleh para ahli Majlis Tertinggi kerana mereka bimbang harta mereka akan terjejas. Oleh itu, para ahli Majlis Tertinggi bersetuju untuk mengurangkan ganjaran pegawai kerajaan dan belanjawan tentera bagi menggantikan penambahan cukai yang dicadangkan oleh Raja Rama VII. Penguatkuasaan dasar tersebut menimbulkan kemarahan yang besar para pegawai kerajaan serta tentera yang dikurangkan ganjaran dan belanjawan.⁶ Pada tahun 1931M *Praworawongto Phraongchao Baworadej* Menteri Pertahanan meletak jawatan sebagai respon kepada pemotongan belanjawan tentera yang dijalankan oleh Majlis Tertinggi. Peletakan jawatan Menteri Pertahanan ini memberikan kesan kepada pemerintahan pentadbiran Raja Rama VII.

Ketika itu terdapat juga cara yang memperlihatkan usaha Raja Rama VII untuk menggubal perlembagaan. Penggubalan perlembagaan tersebut dihasilkan melalui pertolongan seorang penasihat warga Amerika Syarikat (USA) yang bernama Raymon Bartlets Stephen.⁷ Baginda berusaha dan menjangkakan bahawa perlembagaan akan dilaksanakan untuk rakyat Thai sebelum Majlis Ulang Tahun ke-150 Dinasti Chakri pada tahun 1932M.⁸ Walau bagaimanapun, cadangan itu dibantah oleh Para Ahli Majlis Tertinggi Negara atas alasan bahawa rakyat Thai masih belum bersedia untuk pemerintahan berbentuk demokrasi.⁹

Pada hujung bulan April 1932M, Raja Rama VII berangkat dari Bangkok ke Istana Klai Kangwong, daerah *Huahin*, Wilayah *Prachuabkirikhan*. Baginda telah melantik *Sondej Phrachao Barommawongto Chaofa Bariphath Sukhumphan*¹⁰ menjadi Pemangku Raja. Pada 23 Jun 1932M, rancangan revolusi telah diketahui oleh Pesuruhjaya Polis Negara dan dilaporkan kepada *Sondej Phrachao Barommawongto Chaofa Bariphath Sukhumphan* untuk meminta keizinan menangkap semua orang yang terlibat dalam rancangan revolusi ini sebelum mereka melakukannya.¹¹ Baginda Pemangku Raja tidak bersetuju dengan pandangan bagi penangkapan para pengasas itu dengan serta-merta kerana mereka yang berjumlah begitu ramai adalah orang yang sangat berkuasa dan berpengaruh dalam kerajaan. Oleh itu, baginda menunda titah penangkapan pengasas revolusi kepada hari yang berikutnya. Penundaan titah penangkapan ini sangat penting bagi golongan pengasas.¹²

Pada waktu petang 23 Jun 1932M, sekumpulan penyokong revolusi dalam Angkatan Tentera Laut Thai di bawah pimpinan *Luang Sinsongkramchai* mengerahkan kapal meriam menuju ke istana yang didiami oleh baginda Pemangku Raja untuk merampas kuasa. Tambahan lagi, beberapa orang pemimpin revolusi telah merampas semua pejabat pos dan telegram di kawasan sekeliling ibu negara Bangkok. Rampasan pejabat pos dan telegram telah memutuskan sistem perhubungan di antara kerabat diraja dan pembesar negara yang berkuasa pada masa itu. Akhirnya semua istana dan rumah bangsawan dirampas oleh pihak penyokong revolusi.¹³

Pada pukul empat pagi 24 Jun 1932M, *Phraya Phaholpholphayusana* dan sekumpulan penyokong berkumpul di kawasan yang terdekat dengan *Istana Anantasamakhom*. Ketika itu, *Phraya Songsuradej* dan sekumpulan lagi penyokong menuju ke Berek Tentera Berkuda Pertama yang menjadi tempat mengumpul senjata

dan kereta kebal. Apabila Berek Tentera Berkuda Pertama telah dirampas, semua senjata dan kereta kebal dibawa ke Istana *Anantasamakhom*. Apabila rombongan penyokong tiba di padang di hadapan istana, *Phraya Phaholpholphayusena* menaiki sebuah kereta kebal dan membaca “Prakad Khana Ratsadorn” atau Pengumuman Angkatan Rakyat, dan secara langsung beliau telah mengumumkan penamatan sistem pemerintahan monarki dan memulakan sistem pemerintahan demokrasi di bawah perlembagaan.

Selepas berjaya merampas ibu negara Bangkok daripada pihak kerabat diraja dan pembesar-pembesar yang berkuasa, *Angkatan Rakyat* menghantar telegram kepada Raja Rama VII yang masih berada di *Huahin* bahawa “Kalau Tuanku tidak mahu menjadi raja di bawah perlembagaan, pihak *Angkatan Rakyat* akan menarik balik jawatan Tuanku dan melantik kerabat diraja lain yang sesuai menjadi raja Siam”.¹⁴ Raja Rama VII menjawab balas surat daripada *Angkatan Rakyat* bahawa, baginda sanggup menjadi raja Siam di bawah sistem perlembagaan.

Selepas ketibaan Raja Rama VII di Bangkok pada 26 Jun 1932M, baginda memberi peluang kepada para pemimpin revolusi untuk mengadap. Pada hari yang sama, baginda Raja Rama VII menandatangani surat pengampunan dosa kepada pihak penyokong revolusi. Kemudian pemimpin menyampaikan draf perlembagaan kepada baginda untuk ditandatangani. Sebaliknya Raja Rama VII meminta diberikan masa untuk membaca draf perlembagaan tersebut dan tidak menandatangani serta-merta. Akhirnya draf perlembagaan itu ditandatangani dan diumumkan pada 27 Jun 1932M. Perlembagaan tersebut merupakan perlembagaan pertama negara Thai.

Pihak *Angkatan Rakyat* melepaskan semua orang yang ditangkap selepas pengampunan dosa daripada Raja Rama VII kecuali *Sondej Phrachao Barommawongto Chaofa Bariphath Sukhumphan* yang dianggap sangat berkuasa. Baginda diminta untuk meninggalkan negara Thai dan berpindah ke negara lain. Akhirnya baginda berangkat ke Bandung, Indonesia dan tidak dapat balik ke Thailand lagi sepanjang hayatnya. Dalam revolusi kali ini, ramai kerabat diraja berangkat meninggalkan Thai ke luar negara-negara di Asia Tenggara dan juga ke negara-negara Barat.¹⁵

4.3 Orang Melayu Bangkok dengan Penukaran Pemerintahan Negara

Dalam peristiwa penukaran pemerintahan, terdapat seorang penduduk berketurunan Melayu Bangkok menjadi pemimpin dalam *Angkatan Rakyat* yang melakukan revolusi; iaitu Haji Syamsuddin Mustafa atau *Chaem Phromyong*¹⁶. Beliau adalah anak lelaki Tuan Guru Haji Mustafa Ibrahim iaitu seorang ulama yang terkenal pada tahun 1900M-1920M. Pada hari revolusi, Haji Syamsuddin bertugas sebagai orang yang bertanggungjawab mengumpul, menjaga, dan mengawal kerabat diraja dan bangsawan negara di *Istana Anantasamakhom* dan penyebar maklumat kepada rakyat untuk memahamkan sistem pemerintahan demokrasi. Kemudian beliau dilantik sebagai ahli parlimen dan diikuti dengan jawatan Pengarah di Jabatan Iklan Negara sehingga akhirnya dilantik sebagai *Chularatchamontri* atau Mufti negara Thai.¹⁷



Gambar 4.2 : Haji Syamsuddin Mustafa
Sumber: The Central Islamic Council of Thailand

Penukaran pemerintahan negara pada tahun 1932M merupakan titik permulaan bagi orang Melayu Bangkok dalam memainkan peranan serta melibatkan diri dalam politik negara Thai secara rasmi. Peranan Haji Syamsuddin Mustafa dalam penukaran sistem pemerintahan telah mempertingkatkan peranan politik orang Melayu Bangkok dan sekitarnya dalam politik peringkat negara. Pelantikan beliau sebagai direktor di pejabat kerajaan dan Mufti Negara Thai yang bertugas sebagai pemimpin Muslim di seluruh negara serta penasihat kepada Raja-Raja Siam tentang hal ehwal Islam juga merupakan salah satu tanda yang memperlihatkan peranan orang Melayu Bangkok dalam politik negara.

4.4 Zaman Penukaran Sistem Pemerintahan Negara sehingga Zaman Pemerintahan Kerajaan Phibul Songkhram Penggal Pertama (1932M-1944M)

Penentuan dan pelaksanaan dasar kerajaan Thai pada zaman ini sangat penting dan memberikan kesan yang begitu meluas kepada masyarakat Melayu secara umumnya di Selatan dan juga di Bahagian Thailand Tengah. Antara dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan *Phibul Songkhram*, sebenarnya hanya satu dasar yang melibatkan

masyarakat Melayu secara langsung tetapi dasar itu menjadi punca terpenting hingga mencetuskan penentangan yang sangat hebat oleh masyarakat Melayu Muslim.¹⁸

4.4.1 Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu di Persekitaran Bangkok (1932M-1944M)

Antara dasar-dasar yang dijalankan pada zaman ini terdapat dua dasar yang mempengaruhi survival orang Melayu di Bahagian Tengah Thailand; iaitu Dasar Pemerintahan *Khana Ratsadorn* Enam Prinsip dan Dasar Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom*.¹⁹

4.4.1.1 Dasar Pemerintahan *Khana Ratsadorn* Enam Prinsip

Enam prinsip yang menjadi dasar pemerintahan kerajaan *Khana Ratsadorn* merangkumi kedaulatan negara yang meliputi kedaulatan politik, mahkamah, ekonomi dan lain-lain, keselamatan dalam negara, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dalam bidang ekonomi, hak dan kebebasan rakyat,²⁰ keadilan yang saksama di bawah undang-undang dan hak untuk mendapat pendidikan.²² Dasar ini melibatkan penduduk Melayu dalam proses pengasimilasian terutamanya dasar pendidikan.

4.4.1.2 Dasar Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom*

Dasar Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom* dikuatkuasakan pada zaman pemerintahan kerajaan *Phibul Songkram* penggal pertama. *Phibul Songkram* menduduki jawatan Perdana Menteri Thai penggal pertama pada tahun 1938M-1944M.²³ Selepas beliau menjawat jawatan Perdana Menteri, dasar-dasar yang berbentuk *nasionalisme* telah ditetapkan dan dijalankan. Ini kerana negara Thai pada masa itu sangat memerlukan perpaduan rakyat dalam menghadapi kegawatan perang dunia kedua yang telah bermula di Benua Eropah.²⁴

Dasar Pembentukan Negara Thai dijalankan melalui konsep *nasionalisme terlampau* dengan tanggapan *budaya bahasa Thai* tanpa mengambil kira etnik, agama dan kepercayaan yang berbeza. Seluruh penduduk Thai mesti mempunyai kesedaran sebagai seorang Thai dengan mengamalkan budaya yang sama yang telah digariskan di dalam pengisytiharan *Ratthaniyom*. Pengisytiharan ini dikeluarkan semenjak tahun 1939M hingga tahun 1942M sebanyak 12 bilangan seperti yang berikut:²⁵

- i) Penggunaan nama negara, kewarganegaraan dan bangsa yang dikuatkuasakan pada 24 Jun 1939M.
- ii) Pencegahan akan bahaya yang mengancam keselamatan negara, dikuatkuasakan pada 3 Julai 1939M.
- iii) Nama panggilan orang Thai yang dikuatkuasakan pada 2 Ogos 1939M.
- iv) Penghormatan bendera kebangsaan, lagu kebangsaan dan lagu diraja yang dikuatkuasakan pada 8 September 1939M.
- v) Mendorong orang Thai menggunakan barang-barang buatan tempatan seboleh-bolehnya, dikuatkuasakan pada 8 September 1939M.
- vi) Lirik dan senikata lagu kebangsaan yang dikuatkuasakan pada 10 Disember 1939M.
- vii) Kempen dan promosi bagi orang Thai dengan tatasusila rakyat, dikuatkuasakan pada 20 Mac 1940M.
- viii) Lagu memuji raja yang dikuatkuasakan pada 26 April 1940M.
- ix) Bahasa dan persuratan Thai dengan tatasusila rakyat, dikuatkuasakan pada 24 Jun 1940M.
- x) Pakaian orang Thai, dikuatkuasakan pada 15 Januari 1941M.

- xi) Kegiatan seharian orang Thai yang dikuatkuasakan pada 8 September 1941M.
- xii) Memberi bantuan dan perlindungan kepada kanak-kanak, orang tua dan orang cacat, dikuatkuasakan pada 28 Januari 1942M.

Pembentukan negara kerajaan *Phibul Songkram* melalui *Ratthaniyom* memuatkan hal-hal kebudayaan dengan tumpuan menyerapkan sikap ke-Siam-an berdasarkan budaya Siam yang berlandaskan Buddha. Sebenarnya sepanjang sejarah, kerajaan Thai telah menggunakan dasar asimilasi dalam pentadbiran, malahan dasar nasionalisme ditekankan pada zaman pimpinan *Phibul Songkram* seboleh-bolehnya demi menghapuskan identiti bangsa selain daripada bangsa Siam.²⁶

Apabila akta kebudayaan kebangsaan telah dikuatkuasakan, *Phibul Songkram* mengeluarkan pengisytiran Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom* untuk melaksanakan dasar nasionalismenya. Akta-akta itu ialah; Akta Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan Tahun 1940M, Akta Penentuan Kebudayaan yang mesti diamalkan oleh semua rakyat Thai Tahun 1941M, penubuhan Dewan Kebudayaan Negara pada tahun 1942M dan Hukum Wira Dharma Negara 14 Perkara Tahun 1944M. Oleh itu, dengan tersendirinya kerajaan berhak untuk mengeluarkan akta-akta demi “*menjaga tatanegara dan keamanan dalam melakukan sesuatu untuk menjamin kehormatan negara dan agama Buddha*”. Hal ini menggambarkan usaha kerajaan mendesak dan mengganggu keyakinan akidah penganut Islam di negara Thai.²⁷

4.4.2 Survival Orang Melayu di Persekitaran Bangkok pada tahun 1932M-1944M

Peristiwa penukaran sistem pemerintahan negara yang dilakukan oleh Khana Ratsadorn tidak memberi kesan terhadap masyarakat dan kehidupan orang Melayu di Kawasan Thailand Tengah. Tetapi kesan penukaran sistem pemerintahan adalah khusus dalam kalangan elit negara iaitu kerabat diraja dan bangsawan yang berkuasa dalam kerajaan pada zaman sebelumnya. Penukaran pemerintahan negara mula mempengaruhi survival orang Melayu apabila Enam Prinsip Dasar Pemerintahan Khana Ratsadorn dikuatkasakan. Surin Pitsuwan memberikan pandangan dan mengkritik dasar kerajaan yang dijalankan oleh Khana Ratsadorn yang mempengaruhi institusi keluarga orang Melayu Muslim dengan menyatakan bahawa:

“Dasar pendidikan Khana Ratsadorn telah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh pada tahap permulaan pembelajaran bahasa Thai, dan kurikulum pendidikan sekolah rendah dipandang negatif sebagai dasar asimilasi yang menelan dan memusnahkan identiti mereka, malahan diadakan dasar ekonomi dan pentadbiran lain-lain lagi yang mungkin menyebabkan makin cepat orang Melayu Muslim kehilangan bahasa dan kebudayaannya.”²⁸

Berdasarkan pandangan Surin terhadap dasar yang dijalankan oleh kerajaan *Khana Ratsadorn*, dasar pendidikan merupakan dasar yang mempengaruhi kehidupan orang Melayu terutamanya dari segi bahasa dan kebudayaan. Usaha dalam meningkatkan pendidikan rakyat yang dikuatkuasakan telah memusnahkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk Melayu seluruh negara terutama di kawasan Thailand Selatan.

Bagi orang Melayu Bangkok dan sekitarnya, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka semakin hari semakin berkurangan peranannya. Semua penduduk

Melayu di Bahagian Thailand Tengah pada zaman itu telah menguasai bahasa Thai. Terdapat beberapa kampung sahaja yang masih menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Antara kampung-kampung yang penduduknya masih berbahasa Melayu ialah Kampung Tha-it dan Kampung Surau Khaew wilayah Nonthaburi, Kampung Namai, Kampung Bang Pho, Kampung Suan Prikthai, Kampung Klong Nueng, Kampung Lakkhon, Kampung Bang Toey dan Kampung Khlong Phra U-Dom wilayah Phrathumthani.²⁹ Selain daripada kampung-kampung tersebut, terdapat beberapa kampung lagi yang menggunakan bahasa Melayu dalam kalangan orang tua dalam kampung. Antaranya ialah, kampung Paklad, wilayah Samutprakarn, Kampung Thung Kru, wilayah Bangkok.³⁰ Khadijah Samani, iaitu salah seorang penduduk kampung Thung Kru, Bangkok menceritakan keadaan penggunaan bahasa Melayu pada zaman itu bahawa "...datuk dan nenek masih lagi boleh bercakap bahasa Melayu, begitu juga dengan ayah dan emak. Mereka boleh bercakap bahasa Melayu. Tetapi ayah dan emak tidak menggunakan bahasa Melayu dengan anak-anak, datuk dan nenek juga tidak menggunakan bahasa Melayu dengan cucu. Bahasa Melayu hanya digunakan dalam kalangan orang tua dalam kampung sahaja...".³¹

Berdasarkan maklumat yang didapati, dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan *Khana Ratsadorn* enam prinsip sangat memberi kesan kepada penduduk Melayu di Selatan Thailand. Tetapi bagi orang Melayu di persekitaran Bangkok, dasar tersebut tidak terlalu mempengaruhi kehidupan mereka. Mereka telah menghadapi masalah seumpamanya semenjak ditempatkan di kawasan ini. Tambahan lagi, kepentingan bahasa Melayu yang makin dikurangkan peranan penggunaannya menyebabkan orang Melayu di Bangkok tidak memikirkan bahawa dasar itu menjadi masalah dan akan menghapuskan kebudayaan mereka.

Sebaliknya, terdapat dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan yang telah memberikan kesan positif kepada orang Melayu di persekitaran Bangkok. Pelaksanaan secara bersungguh-sungguh terhadap bidang pendidikan pada masa itu merupakan pintu kepada peluang kerjaya yang lain kepada anak cucu Melayu Bangkok selain daripada bidang pertanian dan tenaga buruh yang sebelumnya merupakan pekerjaan utama mereka.

Pada zaman ini, institusi agama dalam kalangan penduduk Melayu di Kawasan Thailand Tengah tiada sebarang perbezaan dengan zaman sebelumnya. Mereka masih meneruskan kepercayaan dan ibadat mereka. Terdapat beberapa keluarga masih menghantar anak-anak ke Patani untuk mempelajari ilmu agama Islam. Ramai penduduk zaman dahulu yang pergi mempelajari ilmu agama Islam di Patani dan tanah suci Mekah mula pulang ke tanah air untuk mengembangkan ilmu yang telah dipelajari kepada penduduk lain.

Pembelajaran agama Islam pada masa itu menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar dalam kelas. Namun, kitab-kitab yang dipelajari adalah kitab bahasa Arab dan bahasa Melayu dan terdapat juga kitab dalam bahasa Thai. Untuk menggambarkan suasana pembelajaran ilmu agama Islam dan perkembangannya pada zaman itu, pengkaji memberikan contoh pembelajaran agama dalam sebuah sekolah agama Islam di kampung Melayu di Bahagian Thailand Tengah. Sekolah tersebut ialah Sekolah Rizuanul-Islam atau dikenali oleh masyarakat Melayu Bangkok sebagai Pondok Rizuan. Sekolah ini terletak di tebing *Khlong San Saep*, daerah Bangkok, Bangkok. Haji Ismail Syukri Minsakorn, Haji Ismail bin Mahmud Piangsiri, dan Haji Ahmad Minsakorn menubuhkan sekolah ini pada tahun 1918M dan mendaftarkannya dengan kerajaan pada tahun 1933M sebagai sebuah sekolah swasta yang mengajar

agama. Tujuan utama penubuhan sekolah ini adalah untuk memberi kerjasama dengan kerajaan dalam meningkatkan pengetahuan kepada pemuda-pemudi Melayu tentang hukum-hakam agama Islam yang betul, bahasa Arab, dan bahasa Melayu.³² Dalam sekolah ini terdapat kitab-kitab bahasa Arab iaitu “*Kitab Kifayatul Mubtadi*” yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu oleh seorang ulama Melayu Bangkok; iaitu Haji Ismail bin Mahmud Puangsiri³³. Bahagian kulit kitab yang diterjemahkan ini menyatakan tentang tempat kelahiran penterjemah; iaitu Masjid Rizuan dan negara kelahirannya ialah Siam. Kitab ini merupakan kitab bahasa Melayu tunggal yang menggunakan perkataan Siam untuk menentukan tempat kitab tersebut dicetak. Kebanyakan kitab bahasa Melayu lain yang digunakan untuk mempelajari ilmu agama Islam akan ditentukan kawasannya “Al-fatani”. Selain kitab yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu, terdapat tiga buah kitab bahasa Arab dan bahasa Melayu yang diterjemahkan kepada bahasa Thai.³⁴ Penterjemahan kitab-kitab bahasa Arab dan bahasa Melayu kepada bahasa Thai memperlihatkan peranan bahasa Thai dalam pembelajaran agama Islam pada masa itu. Di samping itu juga, penterjemahan tersebut merupakan tanda yang menggambarkan tentang perkembangan pembelajaran agama Islam di kawasan ini.

Selain daripada perkembangan pembelajaran agama Islam dalam kalangan penduduk, pada zaman ini juga agama Islam aliran *Ahlus Sunah Wal Jamaah* yang dipercayai oleh majoriti Muslim di Thailand terutama orang Melayu mula mempengaruhi sistem pentadbiran negara. Selama ini penasihat hal ehwal agama Islam bagi raja, kerabat diraja serta pemimpin negara Thai adalah penasihat Muslim aliran Syiah. Jawatan penasihat hal ehwal agama Islam ini dinamakan *Phraya Chularachamontri*. Sepanjang sejarah Thai, jawatan Chularachamontri yang dilantik terdiri daripada golongan pengikut aliran Syiah. Jawatan ini bermula pada zaman

pemerintahan *Somdej Phrachao Songtham* tahun 1602M era Ayutthaya. Selain daripada berperanan sebagai penasihat hal ehwal agama Islam kepada Raja Siam dan pemimpin kerohanian agama Islam di negara Thai, jawatan ini juga berfungsi untuk menjaga hal ehwal luar negeri. Antara tugas-tugasnya termasuklah menjaga pelawat serta duta-duta daripada negara asing, mengawal selia aspek percukaian barangan import dan ekport, pelayaran kapal perdagangan antarabangsa.³⁵

Sepanjang sejarah perlantikan Chularatchamontri di negara Thai sehingga zaman ini, terdapat seramai 13 orang yang dilantik dan semua mereka terdiri daripada golongan Muslim aliran Syiah.³⁶ (Nama-nama dan tahun-tahun perkhidmatan mereka sila lihat dalam Lampiran)

Kematian Phraya Chularatchamontri ke-13 (Son Ahmadchula) merupakan titik kesudahan perlantikan jawatan Chularatchamontri daripada golongan Muslim aliran Syiah. Keturunan Sheikh Ahmad tidak dapat dilantik sebagai Chularatchamontri dan jawatan ini ditamatkan selepas kematian Phraya Chularatchamontri (Son Ahmadchula) sehingga tahun 1945M.

Perlantikan Chularatchamontri sepanjang masa 350 tahun dari era Ayutthaya zaman pemerintahan Phrachao Prasatthong sehingga era Rattanakosin zaman pemerintahan Raja Rama VII, semua mereka yang telah dilantik menjadi Chularatchamontri adalah terdiri daripada keturunan Sheikh Ahmad. Boleh dikatakan bahawa perlantikan jawatan Chularatchamontri sebelum ini bukan berdasarkan ilmu pengetahuan agama Islam tetapi jawatan tersebut diberikan berdasar keturunan.

Sepanjang sejarah pemerintahan Siam, orang Muslim bukan tidak berperanan dalam pentadbiran negara, tetapi peranan Muslim dalam pentadbiran negara adalah khusus dalam golongan minoriti Muslim aliran Syiah yang berketurunan Sheikh Ahmad sahaja. Sebaliknya, orang Melayu yang menjadi majoriti Muslim dalam negara tidak mempunyai apa-apa peranan ketika itu. Hal ehwal agama Islam kerajaan sepanjang sejarah Thai sebelum ini dinasihati oleh golongan minoriti yang berlainan mazhab dengan kumpulan majoriti.

Semua anak orang Melayu di persekitaran Bangkok pada zaman ini telah mendapat pendidikan wajib. Ini adalah berdasarkan penguatkuasaan Dasar Pendidikan Wajib yang telah dijalankan oleh Raja Rama VI dan pelaksanaan dasar pendidikan secara bersungguh-sungguh oleh *Khana Ratsadorn* selepas penukaran sistem pemerintahan. Walau bagaimanapun, penduduk Melayu di persekitaran Bangkok akan menghantar anak mereka belajar di sekolah kerajaan hanya untuk pendidikan wajib sahaja. Jika mereka telah lulus daripada pendidikan wajib, mereka akan dihantar ke sekolah agama untuk mempelajari ilmu pengetahuan Islam seperti sebelumnya. Pada zaman itu, tidak terdapat maklumat tentang lulusan pendidikan yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib dalam kalangan penduduk Melayu.

Tahap pencapaian ekonomi orang Melayu masih sama dengan zaman pemerintahan monarki. Pertanian dan tenaga buruh adalah pekerjaan utama dalam kalangan penduduk Melayu. Pendapatan daripada pekerjaan tersebut sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga. Lagi pun, pada zaman itu orang Melayu belum menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib. Oleh itu, mereka tidak ada peluang dalam kerjaya yang lain terutama dalam perbadanan kerajaan. Bagaimanapun, terdapat seorang penduduk Melayu Bangkok yang dapat bekerja

sebagai pegawai kerajaan, iaitu Haji Syamsuddin Mustafa atau Chaem Phromyong yang bekerja di Jabatan Iklan, Pejabat Perdana Menteri.³⁸

Apabila sistem pemerintahan negara Thai ditukar daripada monarki kepada demokrasi beraja di bawah perlembagaan pada tahun 1932M, orang Muslim di Thailand adalah sebahagian daripada penduduk yang mendapat peluang untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran negara melalui kedaulatan. Sebelum pilihan raya pertama pada 15 November 1933M, terdapat beberapa orang Muslim di Bangkok yang menjadi ahli *Khana Ratsadorn* yang telah dilantik menjadi ahli parlimen sementara, iaitu Haji Syamsuddin Mustafa atau Chaem Phromyong, Encik Prawat Srijaroon, Encik Bancong Srijaroon dan Encik Karim Srijaroon.³⁹ Perlantikan ini merupakan perlantikan yang pertama bagi orang Muslim bukan keturunan Sheikh Ahmad dapat memainkan peranan dalam pemerintahan negara. Haji Syamsuddin Mustafa atau Chaem Phromyong dianggap sebagai orang Melayu Bangkok pertama yang mengambil bahagian dalam politik negara.

Pengisytiharan *Ratthaniyom* yang dikeluarkan oleh kerajaan *Phibul Songkram* diterapkan semua perkara yang boleh mempengaruhi cara hidup rakyat dengan tidak menentukan batasan kuasa kerajaan dalam bertindak. Oleh yang demikian, hak dan kebebasan peribadi, bahkan kehidupan perseorangan di dalam rumah tangga juga tidak terlepas daripada kawalan kerajaan. Kerajaan mengharamkan cara hidup orang Thai yang dianggap mundur, misalnya melarang orang Thai makan pinang, menjunjung sebarang barangan, memikiul atau mengandar sesuatu, melarang memakai kain sarung, melarang orang perempuan berambut panjang, melarang perempuan Thai berkahwin dengan orang asing dan sebagainya. Di samping itu, *Phibul Songkhram* mendesak supaya orang Thai berbudaya Thai dan beretika Buddha.⁴⁰

Melalui Minit Mensyuarat Jamaah Menteri kali ke-24/2484, Phibul Songkram mengatakan bahawa “*Negara Thai kepunyaan orang Thai, tidak sepatutnya orang yang beragama lain mendiami*”.⁴¹ Ucapan Phibul Songkram tersebut sangat mempengaruhi psikologi penduduk Muslim di seluruh negara.⁴² Worawit Baru menyatakan bahawa empat aspek *Ratthaniyom* memberi kesan ke atas orang Muslim di negara Thai secara umum dan orang Melayu di Selatan Thailand secara khusus,⁴³ iaitu:

i) *Ratthaniyom* Bilangan I, yang menyebut tentang penggunaan nama negara, kewarganegaraan dan bangsa bagi semua orang Thai, telah menekankan dan mempertingkatkan perasaan perkauman dalam kalangan orang Thai pelbagai bangsa dan keturunan, khususnya orang Melayu di Thailand Selatan. Perasaan perkauman tersebut tidak lahir serta merta, tetapi terpendam di dalam hati mereka dan beransur-ansur meningkat.

ii) *Ratthaniyom* Bilangan II, mengenai nama panggilan orang Thai. kerajaan memaksa rakyat Thai menggunakan perkataan *Thai* untuk semua rakyatnya serta tidak membenarkan orang Thai memanggil dirinya mengikut bangsa dan keturunan asal. Orang Thai mesti berketurunan dan berbangsa Thai.

iii) *Ratthaniyom* Bilangan IX, mengenai bahasa dan persuratan Thai dengan tatasusila rakyat, telah menegaskan bahawa semua rakyat Thai mesti menganggap bahawa mempelajari bahasa Thai sebagai tugasnya yang penting serta menggalakkan orang ramai supaya mempelajari dan memahami bahasa Thai. Ini bertujuan supaya orang Thai tidak mempunyai ruang perbezaan yang begitu jauh mengikut daerah masing-masing.

iv) *Ratthaniyom* Bilangan X, yang menyebut tentang pakaian orang Thai, telah menggariskan bahawa orang Thai mesti berpakaian mengikut apa yang ditetapkan oleh kerajaan.

Selain itu, kerajaan menentukan amalan-amalan rukun tetangga untuk diamalkan oleh semua penduduk Thai. Bagi orang Islam di negara Thai, memang jelas sama sekali hak dan kebebasan mengamalkan adat dan budaya mereka dihadkan dan juga terjejas. Mereka dilarang melakukan beberapa amalan, misalnya memakai pakaian berbudaya Melayu, pakaian berlandaskan Islam, mengajar bahasa Melayu di sekolah-sekolah, dan menggunakan bahasa Melayu sewaktu menghubungi pejabat-pejabat kerajaan (di Thailand Selatan). Mereka digesa supaya menukarkan nama mereka kepada nama Thai, disuruh berpakaian bercirikan Thai, menggunakan bahasa Thai dan mengamalkan adat dan budaya Thai.⁴⁴

Sewaktu penguatkuasaan Dasar Ratthaniyom, orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran digesa supaya mengamalkan budaya mengikut dasar kerajaan. Mereka dilarang memakai kopiah, songkok serta sarung bagi orang lelaki dan mengharakan wanita berselendang. Sesiapa yang masih berpakaian mengikut kebudayaan bangsa sendiri tidak akan dilayani atau tidak mendapat kemudahan apabila berhubung dengan pejabat-pejabat kerajaan. Perempuan yang berambut panjang mesti digunting sehingga pendek dan mesti memakai topi. Bagi sesiapa yang melanggar arahan kerajaan juga akan ditangkap.

Penguatkuasaan Dasar Ratthaniyom sangat memberi tekanan terhadap survival penduduk Melayu di persekitaran Bangkok terutamanya penggunaan bahasa Melayu. Berdasarkan penguatkuasaan dasar tersebut, penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan orang Melayu dihentikan. Mereka tidak boleh menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi walaupun sesama sendiri dalam kampung sendiri. Jika pegawai kerajaan atau orang lain mendengar mereka berbahasa Melayu, mereka akan ditangkap dan dipenjarakan. Boleh dikatakan bahawa zaman ini sebagai zaman terakhir

penggunaan bahasa Melayu di Kawasan Thailand Tengah secara umum. Hampir semua penduduk Melayu di Thailand Tengah tidak menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Kemahiran penggunaan bahasa Melayu disekat dalam kalangan orang tua dan tidak diwariskan kepada generasi kemudian. Tambahan lagi, dalam kalangan orang tua sendiri, mereka juga dilarang menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu, bahasa Melayu tidak lagi memainkan peranan hingga akhirnya bahasa itu tidak berfungsi dalam masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kampung Melayu yang terletak di wilayah Pratumthani masih meneruskan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk kampung dan masih diwarisi sampai sekarang.

Dasar nasionalisme terlampau ini mengandungi unsur kekerasan dan ketegasan yang mendesak semua golongan, terutama orang Melayu di persekitaran Bangkok. Dapat dilihat daripada pandangan-pandangan beberapa informan sewaktu temu bual di lapangan, misalnya:

“...zaman Phibul Songkhram, keadaan sangat teruk. Ayah saya pernah menceritakan bahawa kami diharamkan memakai kopiah, songkok, sarung dan selendang. Semua diwajibkan memakai baju mengikut arahan kerajaan. Bahasa Melayu dilarang digunakan. Kehidupan kami sangat susah pada masa itu...”⁴⁵

“...tahun 1941M-1943M, bermulanya dasar Phibul Songkram, semua orang mesti memakai seluar, dilarang memakai sarung. Siapa yang memakai sarung akan ditangkap. Bagi perempuan, sesiapa yang berambut panjang akan digunting sehingga pendek. Mereka mesti memakai topi...”⁴⁶

“...saya sangat tidak bersetuju dengan dasar kerajaan Phibul Songkhram penggal pertama. Kesemua perkara yang dilarang dalam dasar itu bercanggah dengan agama. Dasar tersebut merupakan detik yang menimbulkan masalah. Bukan sahaja orang Muslim, orang Buddha pun cemas. Kerajaan memaksa orang memakai topi, bertongkat, berseluar. Penguatkuasaan dasar ini mendatangkan banyak masalah...”⁴⁷

“...Muslim di Bangkok pada zaman itu kehidupan mereka sangat susah. Semua amalan yang pernah dilakukan telah dilarang. Mereka dilarang makan pinang, dilarang memakai sarung, kopiah, dan jubah. Perempuan juga dilarang memakai sarung dan selendang, tidak boleh bertudung keluar dari rumah, dan mesti berambut pendek...”⁴⁸

Berdasarkan pendapat yang diberikan oleh informan-informan di atas, dapat disimpulkan bahawa dasar *Ratthaniyom* yang dijalankan oleh kerajaan *Phibul Songkhram* memusnahkan kebudayaan minoriti dalam negara sama ada yang Muslim mahupun yang bukan Muslim. Selain itu, dasar tersebut dianggap gagal dan tidak sesuai untuk dijalankan dalam pentadbiran negara terutama dalam kalangan orang Islam di negara Thai. Tambahan lagi, dasar itu boleh memupuk sikap negatif terhadap kerajaan Thai semenjak zaman itu terutamanya di kawasan wilayah di Thailand Selatan yang majoritinya adalah orang Melayu.

Pelaksanaan dasar ini kononnya menjadi punca terpenting yang menyebabkan lahirnya ketidakpuasan orang Melayu di Thailand terhadap kerajaan. Kesannya sangat mendalam dan berlarutan. Sungguhpun perasaan tidak puas hati itu tidak ditonjolkan sebaik sahaja dasar tersebut dijalankan, orang Melayu sedikit demi sedikit menyimpan perasaan tidak puas hati kerana ditekan dan dipaksa supaya menjadi orang Thai dalam konteks ke-Siaman dengan sepenuhnya. Kerajaan *Phibul Songkhram* menjalankan dasar pembinaan kebudayaan Thai yang berasaskan ajaran Buddha dan juga kebaratan itu agar semua kebudayaan golongan minoriti diintegrasikan, diasimilasi atau ditelan oleh kebudayaan kebangsaan sehingga dapat melahirkan identiti kebudayaan kebangsaan yang seragam di negara ini.⁴⁹

Pelaksanaan pembentukan negara menerusi pendekatan nasionalisme yang terlampau dan tindakan secara keras ke atas golongan yang enggan bekerjasama dengan kerajaan menimbulkan perasaan sangsi, takut, dan sangat tertekan dalam kalangan

orang Melayu. Pada zaman ini juga semua penduduk Muslim dalam negara Thai diarah untuk menukar nama mereka yang asalnya bahasa Melayu dan bahasa Arab kepada bahasa Thai. Semangat Melayu dalam kalangan mereka dihilangkan pada zaman ini, dan semangat Islam ditinggalkan begitu sahaja. Kerajaan menjalankan langkah-langkah melenyapkan dan menghilangkan istilah Melayu yang sekali gus mencantumkan bahasa, bangsa, dan agama pada diri *Melayu* dan digantikan dengan istilah “*Thai Muslim*”.

Golongan Thai Muslim merupakan satu-satu kaum di negara Thai yang diidentifikasi dengan agama. Manakala, golongan-golongan yang lain dipanggil mengikut kaum, misalnya orang Thai berketurunan Cina, orang Thai berketurunan Mon dan sebagainya. Penciptaan panggilan rasmi Thai Muslim merupakan satu pendekatan penghapusan identiti kaum minoriti Melayu dan kesetiaan orang Melayu terhadap bahasa dan budaya yang amat berkesan. Kaum Melayu yang selama ini memanggil diri Melayu dalam pengertian yang lebih luas mula berasa sangsi terhadap panggilan yang pernah digunakan. Tetapi kini dianggap haram oleh pihak kerajaan.⁵⁰

Survival agama orang Melayu di persekitaran Bangkok pada zaman pemerintahan *Phibul Songkhram* penggal pertama sangat wajar diberi perhatian. Penguatkuasaan Dasar *Ratthaniyom* sangat mempengaruhi amalan keagamaan dalam kalangan penduduk Muslim di Thailand. Berdasarkan dasar tersebut, orang Muslim diarahkan untuk mengambil patung Buddha dan meletakkannya di dalam masjid di seluruh negara dan mengharamkan pembelajaran Quran. Hal ini sangat memberi tekanan terhadap psikologi Muslim di seluruh negara. Di bawah dasar nasionalisme melampau yang dijalankan secara bersungguh-sungguh, orang Melayu di persekitaran Bangkok masih meneruskan keyakinan dan menjalankan amalan keagamaan seperti

yang telah dilakukan pada zaman sebelumnya. Mereka mengadaptasi amalan keagamaan mereka dengan budaya Thai untuk mengekalkan kebudayaan tersendiri. Pengadaptasian orang Melayu Bangkok berdasarkan dasar *Ratthaniyom* dapat dibahagikan kepada dua tahap, iaitu pengadaptasian peringkat tempatan dan pengadaptasian peringkat negara.

Pengadaptasian peringkat tempatan adalah amalan yang dilakukan oleh orang Melayu selepas dasar *Ratthaniyom* yang dijalankan dalam keluarga atau kampung. Dapat dilihat beberapa amalan yang menggambarkan pengadaptasian mereka terhadap Dasar *Ratthaniyom*, antaranya adalah seperti yang berikut:

- i) Penukaran bahasa pengantar dalam pembelajaran agama kepada bahasa Thai

Untuk dapat meneruskan pembelajaran agama Islam di kawasan perkampungan Melayu, orang Melayu menukarkan bahasa pengantar dalam pembelajaran agama daripada bahasa Arab atau bahasa Melayu kepada bahasa Thai. Perkara ini adalah berdasarkan larangan dalam dasar *Ratthaniyom* yang mengharamkan orang Thai menggunakan bahasa asing dalam institut pendidikan. Begitu juga dengan kitab-kitab yang digunakan untuk dipelajari, alim ulama pada zaman itu juga menterjemahkan kitab-kitab bahasa Arab dan bahasa Melayu kepada bahasa Thai untuk digunakan dalam pembelajaran agama. Jika mereka tidak menukar bahasa pengantar kepada bahasa Thai, sekolah atau institut pendidikan tersebut akan ditutup.

- ii) Menyatukan amalan agama dengan majlis-majlis kerajaan

Sepanjang tempoh sejarah orang Melayu di persekitaran Bangkok, mereka memisahkan amalan keagamaan mereka dengan amalan kerajaan. Selepas dasar yang

bersifat nasionalisme dijalankan, beberapa amalan agama yang pernah dilakukan sebelum ini diharamkan. Oleh itu, untuk menggambarkan identiti mereka dalam masyarakat, mereka melakukan beberapa amalan dalam majlis-majlis rasmi kerajaan. Antaranya ialah, pembacaan doa dalam majlis-majlis yang dilakukan dalam perkampungan Melayu, berzanji dan majlis meraikan tarikh Maulidurrasul dalam majlis perasmian bangunan-bangunan baharu yang terletak di kawasan perkampungan Melayu dengan menjemput pegawai kerajaan untuk merasmikan majlis-majlis yang berkaitan dengan agama Islam.

Bagi pengadaptasian peringkat negara, Haji Syamsuddin Mustafa atau Chaem Phromyong dan Encik Bancong Srijaroon bekas ahli *Khana Ratsadorn* yang terlibat dalam menukar sistem pemerintahan negara pada tahun 1932M, telah mengadakan “*Majlis Maulidur Rasul Negara Thai Kali Keempat*”⁵¹ dalam tahun 1943M setelah empat tahun dihentikan. Majlis diadakan di Taman Istana Saranrom dan Encik Bancong Srijaroon sebagai pengerusi majlis. Tujuan utama mengadakan majlis ini adalah untuk menggambarkan kedudukan orang Muslim di negara Thai kepada *Phibul Songkram* dan mempertahankan diri dari penguatkuasaan dasar asimilasi dan nasionalisme yang dijalankan oleh kerajaan terutama amalan yang boleh menjejaskan akidah umat Islam. Majlis Maulidur Rasul Negara Thai kali ini, merupakan Majlis Maulidur Rasul paling besar yang pernah diadakan di negara Thai. Semua pemimpin agama Islam dari seluruh negara dijemput menyertai majlis ini. Haji Syamsuddin menjemput *Luang Wjitwatakarn* iaitu pengasas pandangan tentang penggunaan patung Buddha di Masjid yang menjadi perasmian majlis. Sebelum acara perasmian majlis dilakukan, Haji Syamsuddin menyatakan tentang ketidakadilan yang dihadapi oleh penduduk Melayu di wilayah Selatan Thailand serta menuntut pembatalan membawa masuk patung Buddha ke dalam masjid. Kesan daripada Majlis Maulidur Rasul Thailand sangat

mempengaruhi kerajaan sehingga akhirnya arahan membawa masuk patung Buddha ke dalam masjid dibatalkan.⁵² Kemudian, kerajaan *Phibun Songkhram* menghadapi krisis di parlimen sehingga beliau meletakkan jawatan pada awal Ogos 1944M.

Pada zaman ini, pendidikan orang Melayu tidak jauh berbeza dengan zaman sebelumnya. Orang Melayu masih diwajibkan untuk mempelajari pendidikan wajib yang disediakan oleh kerajaan. Tidak terdapat penduduk Melayu yang menyambung pendidikan di institusi pendidikan yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib. Bagaimanapun, pendidikan agama Islam masih diteruskan. Selepas lulus pendidikan wajib, anak cucu orang Melayu masih dihantar ke Patani dan Mekah serta Mesir untuk mendalami ilmu agama Islam.

Bidang kerjaya dalam kalangan penduduk Melayu masih lagi dalam sektor pertanian dan buruh am. Perkara ini adalah disebabkan oleh pendidikan yang rendah dalam kalangan mereka. Terdapat juga beberapa kawasan perkampungan Melayu yang penduduknya berniaga. Tetapi perniagaan mereka adalah untuk penduduk dalam kampung dan bukan perniagaan yang besar. Beberapa orang penduduk membawa produk daripada hasil pertanian untuk dijual di pasar minggu atau pasar malam bersama penduduk agama lain. Perniagaan utama yang dilakukan dalam kalangan penduduk Muslim adalah penjualan daging lembu dan daging kerbau.⁵³

Secara umum, orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitaran belum lagi memainkan peranan dalam politik negara, kecuali orang yang telah berperanan pada zaman sebelum ini dan sebagai pemimpin penduduk Melayu, iaitu Haji Syamsuddin Mustafa. Beliau merupakan antara orang yang membantah penguatkuasaan Dasar *Ratthaniyom*. Bantahan ini memberi kesan terhadap Muslim di seluruh negara. Beliau

juga merupakan salah seorang ahli *Seree Thai* atau Pergerakan Bebas Thai yang menentang kerajaan Thai dan yang memberi kerjasama kepada Jepun dalam Perang Asia-Pasifik⁵⁴. Selain daripada menjadi ahli *Seree Thai*, pada masa itu beliau ditugaskan untuk memimpin beberapa kumpulan tentera Thai menentang Angkatan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Ini adalah peranan salah seorang penduduk Melayu Bangkok dalam politik negara pada waktu tu.

Penguatkuasaan Dasar *Ratthaniyom* bukan sahaja dikritik oleh penduduk yang telah dipengaruhi. Para ahli Parlimen Thai juga mengkritik dasar tersebut. Dalam kajian yang dilakukan oleh Buppha Thipsaphakul, iaitu *ทัศนคติของสมาชิกสภาผู้แทนราษฎรต่อนโยบายวัฒนธรรมของ จอมพล ป. พิบูลสงคราม (พ.ศ. 2481T-2487T)* (Sikap Ahli Parlimen Terhadap Dasar *Phibul Songkram* B.E. 2481T-2487T), menyebut beberapa ahli parlimen pada tahun 1942M memberi pandangan dan membantah dasar *Phibul Songkhram* tersebut. Misalnya ahli parlimen wilayah Songkhla telah memberi nasihat kepada kerajaan sehingga akhirnya kerajaan membantu orang Muslim di Thailand Selatan dengan mengadakan projek jangka panjang untuk memindahkan lebih ramai orang Thai dari bahagian Utara dan Tengah ke wilayah-wilayah Thailand Selatan.⁵⁵ Encik Pol Saendi, ahli parlimen wilayah *Khonkaen* juga memberi pandangan, bahawa dasar tersebut diibaratkan seperti pisau bermata dua, kerana Thailand terdiri daripada penduduk berbilang keturunan dan bahasa. Mereka berkemungkinan tidak mengerti dan menyanjungi kebudayaan negara yang baru direformasikan.⁵⁶ Encik *Chit Wetphrasit*, ahli parlimen wilayah Phuket pula menasihatkan kerajaan supaya akta kebudayaan kebangsaan memandang berat terhadap perbezaan daerah-daerah tempat tinggal, cara hidup penduduk setiap tempat dan agama yang dianuti oleh mereka seperti di Selatan Thailand. *Phraya Prasong Kasem Ratsadorn*, ahli parlimen wilayah Nakornratchasrma, juga memberi pandangan yang menentang akta tersebut

berdasarkan kepelbagaian bangsa dan agama penduduk Thai di seluruh negara. Penggunaan akta ini ke atas semua penduduk Thai menimbulkan kesukaran dan akan mengakibatkan keburukan kelak. Akhir sekali, Encik *Arun Thongpatchot* ahli parlimen beragama Islam dari Bangkok menegaskan dalam perbincangan parlimen bahawa minoriti Muslim yang tinggal di Bangkok masih besar jumlahnya. Selain menganut agama Islam, mereka masih memakai kain sarung. Oleh itu, akta ini memang mendatangkan kesusahan kepada mereka.⁵⁷

4.5 Zaman Pemerintahan Kerajaan Sivil (1944M-1948M)

Pada bulan Julai 1944M, kerajaan *Phibul Songkhram* menghadapi krisis parlimen, iaitu parlimen tidak meluluskan dua buah undang-undang yang dikemukakan oleh kerajaan, menyebabkan *Phibul Songkhram* meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada awal Ogos 1944M. Tempatnya sebagai Perdana Menteri digantikan oleh *Khuang Aphaiwong*⁵⁸. Zaman pemerintahan kerajaan sivil hanya berusia empat tahun, mempunyai 11 orang ahli kabinet dan 6 orang pemimpin. Nama-nama Perdana Menteri Thai dan tempoh menjawat jawatan dalam tempoh kerajaan sivil adalah seperti yang berikut⁵⁹:

1. *Khuang Aphaiwong*, menjawat jawatan Perdana Menteri Thai dari 1 Ogos 1944M hingga 17 Julai 1945M. (penggal pertama)
2. *Tawee Boonyakhet* dilantik menjadi Perdana Menteri Thai oleh ahli parlimen pada 31 Ogos - 17 September 1945M (17 hari)
3. *Seni Pramot* menjadi Perdana Menteri Thai pada 17 September 1945M -13 Januari 1946M (penggal pertama).
4. *Khuang Aphaiwong* menjawat jawatan Perdana Menteri Thai penggal kedua pada 31 Januari - 18 Mac 1946M.

5. *Pridee Phanomyong*⁶⁰ menjadi Perdana Menteri Thai pada 24 Mac - 21 Ogos 1946M.
6. *Thamrong Navasawas* menjawat jawatan Perdana Menteri pada 23 Ogos 1946M-8 November 1947M.

4.5.1 Dasar-dasar Kerajaan yang mempengaruhi Survival orang Melayu pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sivil (1944M-1948M).

Ketidakpuasan dan ketegangan dalam kalangan orang Islam seluruh negara disedari oleh kerajaan *Khuang Aphaiwong*. Dengan nasihat *Pridee Phanomyong*, kerajaan *Khuang Aphaiwong* berusaha menghapuskan konflik dan ketidakpuasan dalam kalangan orang Melayu terhadap kerajaan *Phibul Songkhrum* yang dijalankan sebelum ini. Oleh itu, kerajaan menjalankan “Dasar Penaungan Agama Islam” untuk menyelesaikan masalah tersebut.

4.5.1.1 Dasar Penaungan Agama Islam

Surin Pitsuwan menyatakan kesan dasar Penaungan Agama Islam yang dijalankan oleh kerajaan pada zaman kerajaan sivil dengan menyebut bahawa:

Orang yang sedari masalah negara berdasarkan ketidakpuasan orang Melayu Muslim di Thailand Selatan adalah *Pridee Phanomyong*, yang bertugas sebagai Pengganti Kuasa Raja pada hujung zaman perang dunia kedua. Kerajaan di bawah nasihat *Pridee Phanomyong* mengumumkan beberapa tindakan untuk mengurangkan arus penentangan yang akan membawa kearah pembebasan tahanan. Pada 3 Mei 1945M, kerajaan *Khuang Aphaiwong* meluluskan Akta Penaungan Agama Islam. Sebahagian daripada akta tersebut menyatakan bahawa ...berdasarkan Perlembagaan Thailand yang memberikan kebebasan kepada penduduk dalam penganutan agama, dan raja adalah penaung setiap agama. Jelas bahawa beberapa kawasan di negara Thai mempunyai penduduk yang bergama Islam. Maka orang Thai yang beragama Islam mesti mendapat bantuan, naungan, dan sumbangan dalam hal ehwal keagamaan.⁶¹

Surin Pitsuwan juga menyifatkan, dasar tersebut sebagai *penaung* dan *pengawal* hal ehwal agama Islam⁶² seperti yang berikut.

“...dengan demikian, penaung hal ehwal agama Islam merupakan tindakan jangka pendek untuk menyelesaikan masalah pembebasan bumi di Thailand Selatan yang dilakukan oleh kerajaan dengan nasihat daripada sesetengah pemimpin Muslim di bahagian Tengah. Ini bukan cara yang cukup terperinci dan mendalam.”⁶³

Dasar Penaungan Agama Islam diteruskan dengan menghidupkan semula penggunaan undang-undang Islam di Wilayah Patani, Yala, Narathiwat dan Satun pada tahun 1946M. Ini merupakan hak kepada penggunaan agama Islam yang telah dibatalkan sebelum ini oleh kerajaan *Phibul Songkram*.⁶⁴ Tetapi penguatkuasaan undang-undang Islam tidak mendapat kerjasama dan dipandang negatif oleh para pemimpin agama Islam sendiri. Perasaan menentang dasar dan perasaan ketidakpuasan terhadap kerajaan makin meningkat. Untuk menyelesaikan masalah ini, Encik *Bancong Srijaroon* senator Muslim dari Bangkok mengemukakan cadangan kepada kerajaan *Khuang Aphaiwong* untuk mengembalikan hak-hak dan kebebasan kepada orang Islam seluruh Negara Thai, sebagaimana yang diperolehi mereka sebelum ini.⁶⁵ Kemudian pada tahun 1947M, Dewan Negara meluluskan Akta Masjid; iaitu setiap masjid bertanggungjawab untuk menguruskan harta benda dan juga kerajaan dapat memberi jagaan dan sumbangan yang berbentuk kebendaan ataupun rohani kepada masjid.

4.5.2 Survival Orang Melayu di Persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sivil (1944M-1948M)

Berdasarkan Dasar Penaungan Agama Islam yang dijalankan oleh kerajaan *Khuang Aphaiwong*, orang Melayu di persekitaran Bangkok dikembalikan hak-hak dan kebebasan dalam kehidupan dan kepercayaan. Mereka tidak diwajibkan berpakaian mengikut peraturan-peraturan kerajaan seperti zaman pemerintahan *Phibul Songkram*

sebelum ini. Amalan-amalan kehidupan dikembalikan seperti biasa. Walaupun Dasar *Rathaniyom* yang menghapuskan cara hidup minoriti akan dibatalkan, namun kesannya masih lagi dikekalkan terutamanya dalam penggunaan bahasa Melayu. Kebanyakan penduduk Melayu yang boleh berbahasa Melayu menghentikan penggunaannya. Mereka menggunakan bahasa Thai dalam kehidupan seharian.

Walaupun kebebasan dan hak-hak kehidupan mereka telah dikembalikan, tetapi perasaan ke-Melayuan dalam kalangan mereka telah berkurangan, dan yang tinggal hanya semangat sebagai orang Islam sahaja. Usaha penduduk Melayu di persekitaran Bangkok dalam mengadaptasikan diri dengan masyarakat majoriti dan dasar-dasar kerajaan telah menghapuskan perasaan ke-Melayuan dalam kalangan mereka. Tambahan lagi istilah yang digunakan untuk merujuk tentang identiti mereka ditukarkan dari *orang Melayu Bangkok* kepada *orang Thai beragama Islam*, kemudian ditukar menjadi *orang Thai Islam* dan akhirnya adalah *kaum Thai Muslim*.⁶⁶


Dengan adanya Akta Penaungan Agama Islam, kerajaan menubuhkan institusi-institusi keagamaan sebagai badan penyelaras di antara masyarakat Muslim dengan kerajaan. Jawatan Chularatchamontri yang merupakan jawatan pemimpin tertinggi kerohanian masyarakat Muslim dikembalikan. Orang pertama yang dilantik menjawat jawatan Chularachamontri adalah Haji Syamsuddin Mustafa atau Chaem Phromyong; seorang Muslim Bangkok berketurunan Melayu lulusan Universiti Al-Azhar, Mesir yang selama ini berperanan dalam penukaran sistem pemerintahan negara pada tahun 1932M dan pentadbiran negara sepanjang masa pemerintahan demokrasi. Sebelum dilantik menjadi Chularatchamontri, beliau bertugas sebagai direktor di Jabatan Iklan Negara, Pejabat Perdana Menteri. Beliau juga merupakan Chularachamontri yang ke-14

dan Chularachamontri negara Thai pertama daripada aliran Ahli Sunnah Waljamaah semenjak jawatan ini ditubuhkan pada zaman Ayutthaya.

Berdasarkan Akta Penaungan Agama Islam, terdapat dua buah kementerian yang ditugaskan untuk bertanggungjawab melaksanakan hal ehwal agama Islam di bawah nasihat Chularatchmontri; iaitu Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Keagamaan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Pentadbiran.

Pengurusan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Thailand dibahagikan kepada tiga peringkat; iaitu peringkat negara, peringkat wilayah dan peringkat tempatan. Lembaga Islam Thailand adalah perbadanan Islam peringkat negara yang bertugas untuk mempertimbangkan arahan Jawatankuasa Islam Wilayah dalam pelucutan ahli Jawatankuasa Masjid. Ahli Lembaga ini terdiri daripada 36 orang alim ulama dari seluruh negara dan dilantik oleh Raja Thai dan menjawat jawatan sepanjang hayat. Pengerusi ahli lembaga ini adalah Chularachamontri. Jawatankuasa Islam Wilayah atau Majlis Agama Islam Wilayah adalah perbadanan Islam peringkat wilayah. Wilayah yang layak menubuhkan jawatankuasa ini adalah wilayah yang mempunyai ramai penduduk Muslim. Jumlah ahli jawatankuasa setiap wilayah ialah seramai 15 orang; kecuali ibu negara Bangkok yang berjumlah seramai 30 orang. Tugas Jawatankuasa Islam Wilayah adalah untuk melantik dan melucutkan serta mengawal pelaksanaan ahli Jawatankuasa Masjid. Selain dinaungi oleh Lembaga Islam Thailand, perbadanan ini juga di bawah seliaan Gabenor setiap wilayah. Jawatankuasa Islam Masjid, merupakan perbadanan agama Islam peringkat tempatan. Ahli Jawatankuasa Islam Masjid pula terdiri daripada 15 orang dan imam masjid bertugas bertanggungjawab sebagai pengerusi jawatankuasa. Tempoh menjawat jawatan ini ialah selama empat tahun; tidak termasuk imam, khatib dan muazzin yang masing-masing menjawat jawatan itu

sepanjang hayat. Tugas jawatankuasa ini adalah untuk melaksana dan menguruskan hal ehwal agama Islam pada peringkat kampung.⁶⁷ (Sila lihat Gambarajah 4.1 untuk dilihatkan pengurusan hal ehwal agama Islam di Thailand.)



Gambarajah 4.1 : Pengurusan Hal Ehwal Agama Islam di Thailand

Dasar Penaungan Agama Islam, merupakan langkah yang penting dalam peningkatan hal ehwal agama Islam yang selama ini adalah amalan yang tidak diiktiraf oleh undang-undang Thai. Tambahan lagi, bagi beberapa kerajaan amalan ini sebelumnya dilihat sebagai amalan yang haram. Berdasarkan penubuhan perbadanan agama Islam, orang Melayu boleh berinteraksi dengan pihak kerajaan melalui perbadanan tersebut. Misalnya peringkat tempatan melalui Gabenor wilayah dan

peringkat negara melalui jabatan-jabatan kerajaan yang ditugaskan. Penubuhan perbadanan ini juga boleh dapat mengurangkan ketidakfahaman di antara kerajaan terhadap orang Melayu terutama mengenai amalan-amalan yang berkaitan dengan agama Islam.

Sepanjang sejarah pendidikan orang Melayu di persekitaran Bangkok, pendidikan dalam kalangan mereka hanya terhad pada pengetahuan agama Islam dan kaum lelaki sahaja yang mendapat pendidikan tersebut. Pembelajaran agama Islam dalam kalangan penduduk lelaki dilakukan di masjid, di rumah alim ulama, di rumah imam serta pondok. Orang yang akan mendapat penghormatan di sisi masyarakat adalah orang yang mempunyai ilmu pengetahuan Islam yang tinggi, dan bukan orang yang berlulus ilmu akademik. Dengan pandangan yang telah dinyatakan, orang Melayu tidak mendapat ilmu pengetahuan lain selain daripada ilmu agama Islam.

Untuk mempertingkatkan pendidikan ilmu akademik dalam kalangan penduduk Muslim, kerajaan menubuhkan sebuah sekolah yang bernama *อิสลามวิทยาลัยแห่งประเทศไทย* (Kolej Islam Thailand atau *Islamic College of Thailand*). Institut ini ditubuhkan berdasarkan Akta Penaungan Agama Islam tahun 1945M. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk memberikan ilmu agama Islam dan ilmu akademik kepada pemuda-pemudi Muslim. Sekolah ini sangat dipercayai oleh ibu-bapa kerana kalau anak mereka mendapat pendidikan daripada sekolah ini akan lebih selamat dan tidak *tergugat akidah*. Oleh itu, ramai keluarga menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut untuk mendapat pendidikan. Murid-murid sekolah ini bukan sahaja terdiri daripada keluarga Melayu atau Muslim di Bahagian Thailand Tengah, tetapi terdapat juga daripada kalangan orang Islam di Thailand Selatan. Pada zaman awal penubuhannya, sekolah ini

menerima murid lelaki sahaja. Tetapi kemudian dibuka untuk pelajar-pelajar perempuan.

Selain daripada Kolej Islam Thailand, terdapat juga beberapa sekolah lain yang mengajar ilmu agama Islam dan ilmu akademik pada zaman itu. Antara nama-nama sekolah tersebut ialah Sekolah Ratchakarun Mulanithi (Bangkok), Sekolah Bang O Suksa (Bangkok), Sekolah Sahabamrung Witthaya (Bangkok) dan Sekolah Islam Sri Ayutthaya (wilayah *Ayutthaya*).⁶⁸

Zaman itu merupakan zaman permulaan pendidikan ilmu akademik yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib dalam kalangan penduduk Melayu di persekitaran Bangkok. Ramai anak-cucu generasi Melayu Bangkok mendapat pendidikan dan kemudian mereka menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi. Pendidikan yang mereka dapati merupakan peluang penting yang membezakan kehidupan mereka dengan ibu-bapa dan generasi orang tua dalam zaman sebelum, kerana mereka berpeluang untuk mendapat pekerjaan di pejabat-pejabat kerajaan atau syarikat swasta.

Pada zaman ini pekerjaan dan perekonomian mereka masih dalam keadaan yang sama dengan zaman sebelumnya. Lagipun zaman ini merupakan zaman berakhirnya Perang Dunia Kedua. Oleh itu, kehidupan orang Melayu di Bangkok masih menghadapi pengaruh daripada perang tersebut. Walaupun anak-anak mereka telah mendapat pendidikan yang lebih tinggi, tetapi zaman ini merupakan zaman permulaan sahaja.

Orang Melayu di persekitaran Bangkok lebih mendapat peluang dalam politik negara berdasarkan penubuhan perbadanan agama Islam melalui Akta Penaungan Agama Islam. Tambahan lagi, orang yang menjawat jawatan Chularatchamontri

merupakan orang Melayu Bangkok. Oleh itu, pada zaman pemerintahan kerajaan sivil ini dapat dilihat kepentingan dan peranan orang Melayu Bangkok melalui beberapa keadaan seperti yang berikut:

i) Pengisytiharan Akta Undang-undang Syariah

Selepas Haji Syamsuddin Mustafa menjawat Jawatan Chularatchamontri, beliau mengemukakan pandangan tentang penggunaan undang-undang syariah dalam kalangan penduduk di wilayah Thailand Selatan; iaitu Patani, Narathiwat, Yala dan Setul kepada parlimen pada tahun 1946M. Akhirnya undang-undang tersebut dikuatkuasakan dan masih diteruskan penggunaannya sampai sekarang. Undang-undang syariah tersebut adalah berkaitan dengan hal ehwal keluarga seperti perkahwinan dan harta pusaka.

ii) Lawatan Raja Rama VIII ke Kampung-kampung Muslim

Pada zaman pemerintahan sivil, terdapat dua kali lawatan rasmi Raja Rama VIII ke kampung-kampung Muslim. Kali pertama baginda Raja Rama VII melawat Masjid Tonson, daerah Bangkoknoi, Bangkok dan kali yang kedua di kampung *Paklad*, *Phrapadaeng*, *Samutprakran*. Dalam lawatan kali pertama baginda, pemimpin-pemimpin Muslim di Thailand Selatan iaitu ahli jawatan kuasa Islam wilayah juga dibawa ke Bangkok untuk mengadap Raja Rama VIII. Lawatan baginda ke kampung Melayu tersebut bercorak politik; iaitu bertujuan untuk memupuk kesetiaan pemimpin Muslim terhadap Raja Thai. Dalam kedua-dua lawatan rasmi itu, Haji Syamsuddin Mustafa berperanan sebagai pengiring untuk memberikan nasihat kepada Raja Rama VIII tentang kehidupan dan adat-istiadat orang Islam.

Lawatan Raja Thai ke kampung-kampung tersebut merupakan suatu situasi yang menggambarkan tentang kepentingan penduduk Muslim kepada kerajaan dan kerabat diraja Thai. Begitu juga, sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan masalah ketidakpuasan dalam kalangan penduduk Muslim yang sebelum ini menghadapi masalah kebudayaan dan kehidupan berdasarkan penguatkuasaan Dasar *Ratthaniyom*. (Sila lihat Gambar 4.3 untuk merujuk tentang lawatan rasmi Raja Rama VIII kali pertama. Dalam gambar tersebut dilihat Haji Syamsuddin Mustafa di hadapan Raja Rama VIII. Gambar 4.4 pula adalah lawatan rasmi Raja Rama VIII kali kedua ke kampung *Paklad*, wilayah *Samutprakarn*.)



Gambar 4.3 : Lawatan Rasmi Raja Rama VIII ke Kampung Muslim Kali Pertama
Sumber:Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim Ban Paklad



Gambar 4.4 : Lawatan Rasmi Raja Rama VIII ke Kampung Paklad, Samutprakan
Sumber:Haji Sukri Sarem

4.6 Zaman Pemerintahan *Phibul Songkhram* Penggal Kedua (1948M-1957M)

Pada bulan April 1948M, kerajaan *Khuang Aphaiwong* dipaksa supaya meletak jawatan demi memberi jalan kepada *Phibul Songkhram* untuk menduduki Jawatan Perdana Menteri Thai buat kali kedua. *Phibul Songkhram* mengetuai kerajaan selama sembilan tahun, iaitu tahun 1948M hingga 1957M. Sepanjang pentadbirannya terdapat enam buah jemaah menteri.⁶⁹ Kesenambungan kerajaan *Phibul Songkhram* dapat memberikan peluang kepada beliau melaksanakannya beberapa dasar pembangunan negara sehingga dapat menimbulkan keyakinan dalam kalangan rakyat dan negara asing.⁷⁰

4.6.1 Dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu di Persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan *Phubul Songkhram* Penggal Kedua (1948M-1957M)

Di bawah pimpinan *Phibul Songkhram* penggal kedua, beliau juga menjawat jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Beliau sangat sedar akan masalah yang dilakukan berdasarkan penguatkuasaan Dasar *Ratthaniyom* atau Pembentukan Negara yang bersifat nasionalisme untuk menghapuskan identiti golongan minoriti semasa

menjadi Perdana Menteri Thai pada penggal pertama. Oleh itu, kerajaannya memberi perhatian terhadap masalah dalam kalangan masyarakat Muslim di seluruh negara, terutama masalah dalam kalangan penduduk Melayu khususnya di Bahagian Thailand Selatan yang menerima kesan daripada dasar tersebut. Kerajaan *Phibul* pada penggal kedua menguatkuasakan dasar-dasar untuk menyelesaikan masalah itu. Terdapat dua buah dasar yang berkaitan dengan survival penduduk Melayu di persekitaran Kota Bangkok; iaitu Dasar Penyesuaian Pentadbiran dan Dasar Penguatkuasaan Akta Pentadbiran Tempatan.

4.6.1.1 Dasar Penyesuaian Pentadbiran

Dasar Penyesuaian Pentadbiran kerajaan adalah dasar yang mengikut adat dan kebudayaan *Orang Thai Islam*. Dasar pentadbiran yang dijalankan itu juga selari dengan cara hidup dan kebudayaan orang Islam di Thailand Selatan dan Muslim di kawasan lain. Bagi penduduk Melayu di kawasan empat wilayah di Thailand Selatan, kerajaan sangat memberikan keistimewaan kepada mereka lebih banyak daripada kumpulan orang Islam di kawasan lain. Ini adalah berdasarkan jumlah penduduk Melayu Muslim di Thailand Selatan yang menjadi majoriti di peringkat tempatan. Kerajaan Thai di bawah pimpinan *Phibul Songkhram* menubuhkan jawatankuasa pemulihan pentadbiran empat wilayah Selatan Thailand untuk memberi pandangan dan mengemukakan cadangan kepada kerajaan dalam hal pentadbiran wilayah tersebut. Tambahan lagi, kerajaan berjanji bahawa kerajaan akan memberi keistimewaan kepada kawasan empat wilayah di Thailand Selatan dengan menjadikan hari Jumaat sebagai hari cuti am mingguan. Selain itu, kerajaan membaiki sistem pendidikan kawasan tersebut dengan mengadakan mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan sebagainya.

4.6.1.2 Dasar Penguatkuasaan Akta Pentadbiran Tempatan

Pada tahun 1952M, *Phibul Songkhram* membuat lawatan sambil belajar ke luar negara untuk melihat pengurusan pentadbiran tempatan. Selepas balik daripada lawatan tersebut, beliau dapat melihat kepentingan pentadbiran tempatan dan dapat mengetahui bahawa kemajuan dan pembangunan di negara Thailand terhad di kawasan bandar tetapi tidak dikembangkan ke kawasan luar bandar. Oleh itu, beliau menguatkuasakan beberapa akta pentadbiran tempatan. Tujuan penguatkuasaan akta-akta tersebut adalah untuk mempercepatkan pembangunan serta mendekati kemahuan penduduk di luar bandar. Kerajaan *Phibul Songkhram* menguatkuasakan beberapa akta untuk meneruskan dasar ini. Pada tahun 1952M, kerajaannya telah menguatkuasakan Akta *Sukhaphibal* (Dewan Bandar). Kemudian pada tahun 1955M, Akta Dewan Pentadbiran Wilayah dikuatkuasakan dan diikuti dengan Akta Dewan Pentadbiran Kampung pada tahun 1956M.⁷¹

Penguatkuasaan akta pentadbiran tempatan pada zaman pemerintahan kerajaan *Phibul Songkhram* telah membahagikan pentadbiran Thailand kepada tiga bahagian iaitu:⁷²

a) Bahagian Pentadbiran Pusat

Bahagian ini dikenali dalam bahasa Thai dengan “*Kan Pokrong Suan Klang*” iaitu pentadbiran badan-badan kerajaan di Bangkok.

b) Bahagian Pentadbiran Kawasan

Bahagian ini dikenali dalam bahasa Thai dengan “*Kan Pokrong Suan Phumiphak*” iaitu pentadbiran badan-badan kerajaan di peringkat wilayah atau *changwad* (จังหวัด) daerah atau *amphoe* (อำเภอ).

(i) Dalam sesebuah Wilayah atau *Changwad* (จังหวัด) mempunyai seorang Gabenor atau Phuwa Ratchkan Changwad yang mentadbir sesebuah wilayah. Adakalanya penduduk Melayu memanggil Gabenor dengan nama “raja negeri”. Ini adalah kesan daripada panggilan jawatan pemerintah pada zaman negeri-negeri kecil Patani dahulu. Gabenor dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri. Pernah satu ketika pihak ahli politik mengesyorkan supaya jawatan Gabenor dipilih oleh rakyat mengikut pilihan raya. Sebaliknya pihak Majlis Keselamatan Negara Thailand telah membantah cadangan tersebut dengan alasan jika berlaku pemilihan itu, jawatan-jawatan Gabenor di wilayah-wilayah Melayu akan disandang oleh ahli politik Melayu dan di sesetengah wilayah di Timur Laut Thailand akan disandang oleh orang yang disokong oleh ahli perniagaan keturunan Vietnam yang berpengaruh di wilayah tersebut. Wilayah atau Province itu terdiri daripada beberapa daerah atau *amphoe* (อำเภอ).

(ii) Daerah atau *Amphoe* (อำเภอ) mempunyai seorang ketua daerah atau *District officer* yang dipanggil dalam bahasa Thai dengan nama *Nai Amphoe*. Mereka juga dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri. Dalam satu daerah atau *Amphoe* (อำเภอ) terdiri daripada beberapa mukim atau *Tambon*. Begitu juga dalam satu mukim atau *Tambon* terdiri daripada beberapa kampung atau *Muban*.

(iii) Mukim atau *Tambon* diketuai oleh seorang ketua kampung yang dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Kamnan*. Biasanya penduduk Melayu memanggil dengan nama *Tok Kamnan*. Mereka dipilih oleh penduduk dalam kampung daripada kalangan ketua kampung yang mencalonkan diri mereka dalam pertandingan pilihan *Kamnan*. Jangka

masa tempoh jawatan Kamnan ialah lima tahun. Kakitangan Kamnan dalam pentadbiran kampung terdiri daripada seorang petugas kesihatan kampung atau dikenali dengan Bomoh Kampung atau *Phaet Tambon*, dua orang Penyelia Kampung (*Sarawat Kamnan*), Pembantu Ketua Kampung Bahagian Pentadbiran atau *Phuchuai Fai Pokkhrong* dan seramai dua orang Pembantu Ketua Kampung Bahagian Keselamatan atau *Phuchuai Fai Khwam Plodphai*. Sesiapa yang dipilih menjadi Ketua Kampung adalah bertanggungjawab menguruskan pentadbiran seluruh mukim., kerana mereka juga masih menjadi ketua kampung sebelum dipilih memegang jawatan tersebut.

(iv) Kampung atau *Muban* diketuai oleh seorang ketua kampung yang dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Phu Yai Ban*. Biasanya dipanggil oleh penduduk Melayu sebagai *Tok Nai Ban*. Mereka juga dipilih oleh penduduk mukim mengikut undang-undang pemilihan *Kamnan* dan *Phu Yai Ban* tahun 1999M. Kedua-dua jawatan itu mempunyai jangka masa selama lima tahun perkhidmatan. Kakitangan Ketua kampung terdiri daripada dua orang Pembantu Ketua Mukim (*Phuchuai Fai Pokkhrong*) dan dua orang pembantu ketua mukim bahagian keselamatan (*Phuchuai Fai Kwam Plodphai*).

Selain itu, dalam satu-satu mukim masih mempunyai Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Mukim yang terdiri daripada Sembilan hingga 12 orang yang akan dipilih oleh penduduk mukim, tetapi biasanya dipilih oleh Ketua Mukim. Kebanyakan penduduk mukim tidak mengetahui bahawa tanggungjawab memilih ahli jawatankuasa pentadbiran mukim adalah hak mereka.

c) Bahagian Pentadbiran Tempatan


Bahagian ini dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Kan Pokkhrong Suan Thongthin*. Ia terdiri daripada beberapa badan seperti berikut:

(i) Dewan Pentadbiran Wilayah atau dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Ongkan Borihan Suan Changwad* atau ringkasnya *Oo. B. Cho*. Ahli Dewan ini terdiri daripada wakil rakyat di setiap daerah. Jumlah wakilnya mengikut jumlah penduduk dalam daerah. Sebelum undang-undang perlembagaan Thailand tahun 1997M diperkenalkan, jawatan pengerusi dewan ini dipegang oleh Gabenor wilayah. Setelah perlembagaan tersebut dikuatkuasakan, jawatan pengerusi dewan dipegang oleh wakil rakyat yang dipilih oleh ahli dewan tersebut.

(ii) Majlis Perbandaran atau *Thesaban*. Majlis Perbandaran terdiri daripada ahli majlis seramai 12 hingga 18 orang mengikut jenis majlis tersebut dan mengikut keputusan pilihan raya. Ketua majlis dipilih daripada kalangan ahli majlis tersebut. Jangka masa memegang jawatan ahli majlis perbandaran adalah selama empat tahun.

(iii) Badan Pentadbiran Mukim atau dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Ongkan Borihan Suan Tambon* atau ringkasannya *Oo. Bo. To*. Mengikut Undang-undang pemilihan *Ongkan Borihan Suan Tambon* tahun 2000M, setiap kampung mempunyai dua orang wakil yang menjadi ahli badan ini yang akan dipilih oleh penduduk kampung. Badan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pentadbiran terdiri daripada Pengerusi dan dua orang Timbalan Pengerusi. Ketiga-tiga jawatan ini dipilih daripada ahli badan. Manakala Penolong Pegawai Daerah bahagian mukim selaku Setiausaha Badan, dan beberapa jawatan lagi.

Bahagian kedua ialah bahagian legislatif terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha yang dipilih daripada ahli badan Pentadbiran Mukim. Semua ahli badan kecuali yang menjawat jawatan bahagian pentadbiran adalah ahli dalam bahagian legislatif itu. (Sila lihat Gambarajah 4.2 di bawah untuk merujuk sistem pentadbiran Thailand sekarang.)



Gambarajah 4.2 : Sistem Pemerintahan Thailand

4.6.2 Survival Orang Melayu di Persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Phibul Songkhram Penggal Kedua (1948M-1957M)


Kepulangan *Phibul Songkram* menjawat jawatan Perdana Menteri Thai untuk kali kedua menimbulkan ketakutan di kalangan masyarakat Muslim di seluruh negara. Perkara ini adalah kerana berdasarkan kesan daripada dasar-dasar yang pernah dia laksanakan sewaktu menjawat jawatan Perdana Menteri pada kali pertama sangat menekan dasar nasionalisme yang memberi kesan pada penduduk daripada kumpulan minoriti seperti orang Islam khususnya. Walau bagaimanapun, selepas menjawat jawatan Perdana menteri, beliau tidak meneruskan dasar nasionalisme tetapi menjalankan Dasar Penyesuaian Pentadbiran mengikut adat dan kebudayaan yang menaungi masyarakat Islam. Penguatkuasaan dasar ini mengurangkan kebimbangan tentang kesan dasar nasionalisme yang menghapuskan kebudayaan dalam kalangan penduduk Melayu Bangkok.

Sebaliknya di Thailand Selatan, hanya tujuh belas hari selepas *Phibul Songkhram* menjawat jawatan Perdana Menteri Thai buat kali kedua, berlaku *Pemberontakan Dusun Nyior* yang mencetuskan peristiwa berdarah yang sangat ngeri dan kejam di antara orang Melayu dengan pasukan polis wilayah Narathiwat. Peristiwa pemberontakan Dusun Nyior dianggap oleh orang Melayu sebagai suatu rusuhan yang kejam dilakukan oleh pihak polis ke atas orang Melayu Kampung Dusun Nyior, daerah Chane, Narathiwat. Selepas kerajaan meredakan peristiwa rusuhan di kampung tersebut, *Phibul Songkhram* menentukan dasar pentadbirannya terhadap orang Muslim khususnya di empat wilayah Thailand Selatan. Dasar-dasar penting yang dijalankan pada zamannya itu adalah Dasar Penyelaras Persefahaman Di Antara Kerajaan Dengan Penduduk Muslim, Dasar Pengawalan Kegiatan Orang-orang Melayu dan Dasar Mempercepat Pelaksanaan Dasar Yang Ditetapkan.⁷³

Selepas *Phibul Songkhram* merampas kuasa daripada kerajaan sivil, Haji Syamsuddin Mustafa atau Chaem Phromyong berhijrah ke luar negara dan meletak jawatan *Chularatchamontri*. *Phibul Songkhram* menghidupkan semula badan-badan dan institusi-institusi keagamaan mengikut Akta Penaungan Agama Islam yang ditangguhkan untuk seketika pada akhir-akhir era kerajaan *Khuang Aphaiwong* kerana faktor politik. Beliau kemudian menjemput semua Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah seramai 24 wilayah⁷⁴ untuk mengundi orang yang akan menjawat jawatan *Chularatchamontri* yang **dikosongkan** itu. Akhirnya pada tahun 1949M, orang yang dipilih untuk menjawat jawatan *Chularatchamontri* itu ialah Haji Ismail Yahyawi (Tuan Suwannasat) seorang Muslim berketurunan Melayu. Beliau merupakan *Chularatchamontri* ke-15 dan Muslim daripada aliran *Ahlis Sunah Waljamaah* yang kedua dalam sejarah Thai yang menjawat jawatan *Chularatchamontri* ini.



Gambar 4.5 : Haji Ismail Yahyawi (Tuan Suwannasat) *Chularatchamontri* ke-15
Sumber:Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim Ban Paklad



Gambar 4.6 : Haji Ismail Yahyawi (duduk, ketujuh dari kiri) selepas dilantik menjadi Chularatchamontri bersama Perdana Menteri Phibul Songkhram (duduk, kelapan dari kiri) dan pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah
Sumber:Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim Ban Paklad

Haji Ismail Yahyawi (Tuan Suwannasat) mendapat pendidikan agama Islam di tanah suci Mekah. Beliau merupakan orang Melayu Bangkok generasi kedua yang dapat mendalami ilmu agama Islam di Mekah selepas Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dijalankan. Sebelum menjawat jawatan Chularatchamontri, beliau bertugas sebagai Pengarah Sekolah Anyuman Islam. Haji Ismail mempunyai ramai anak murid di Kawasan Thailand Tengah dan juga di wilayah-wilayah Selatan negara Thai. Beliau menjawat jawatan Chularatchamontri selama 32 tahun dan meninggal dunia pada tahun 1981M ketika berumur 92 tahun. Dalam majlis penkebumian jenazahnya, *Somdej Phratheppharat Ratchasuda Siam Baromma Ratchakumari* (Puteri *Maha Chakri Sirinthon*)⁷⁵ mewakili Raja Rama IX bersama General *Prem Tinnasulanon*⁷⁶ iaitu Perdana Menteri Thai pada zaman itu, Encik *Phichai Rattakul* Timbalan Perdana Menteri serta pegawai kerajaan tinggi dan ramai penduduk Muslim mahupun bukan Muslim ikut menyertai majlis tersebut.⁷⁷ Selepas kematiannya hingga sekarang terdapat seramai tiga orang alim ulama yang dipilih untuk menjawat jawatan ini. Mereka semua

terdiri daripada aliran *Ahli Sunah Waljamaah*. Nama-nama mereka adalah seperti yang berikut:⁷⁸

- Haji Ahmad bin Mahamad (Prasert Mahamad), dilantik oleh Raja Rama IX (Bhumibhol) menjadi *Chularatchamontri* pada tahun 1981M hingga tahun 1997M. Beliau merupakan *Chularatchamontri* ke-16 dalam sejarah Thai dan juga seorang Melayu Bangkok.

- Haji Ahmad bin Mahmud Saskori (Sawat Sumalayasak), dilantik menjadi *Chularatchamontri* ke-17 menggantikan Haji Ahmad bin Mahamad (Prasert Mahamad). Beliau juga sebagai seorang yang berketurunan Melayu dan boleh berbahasa Melayu. Haji Ahmat menjawat jawatan *Chularatchamontri* dari tahun 1997M hingga 2010M. Haji Ahmad juga pernah dua kali bertugas menjadi ahli parlimen kawasan Bangkok di bawah Parti Phrachathipat (*Democrat Party*).

- Haji Abdul Aziz bin Ismail (Aziz Phithakkhumphol), seorang Muslim berketurunan Melayu yang berasal dari wilayah Songkhla. Beliau dilantik menjadi *Chularatchamontri* pada tahun 2010M hingga sekarang menggantikan Haji Ahmad Mahmud. Haji Abdul Aziz pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Songkhla dan sebagai senator. Beliau adalah *Chularatchamontri* ke-18 dalam sejarah Thai.

Sepanjang tempoh 32 tahun menjawat jawatan *Chularatchamontri*, Haji Ismail Yahyawi sangat mempengaruhi pentadbiran negara Thai terutamanya [sekitar](#) masalah keamanan di Thailand Selatan. Beliau selalu melawat kawasan Thailand Selatan untuk menyelaraskan kemahuan penduduk dalam kawasan tersebut dengan pihak kerajaan untuk mengurangkan masalah konflik di Thailand Selatan yang berasaskan ketidakpuasan penduduk terhadap pihak pentadbiran kerajaan. *Chularatchamontri* Ismail Yahyawi juga menterjemah naskah Quran kepada bahasa Thai untuk menjadi

rujukan penduduk Muslim Thai yang tidak memahami bahasa Arab. Raja Bhumiphol telah membiayai perbelanjaan kos pencetakan dalam aktiviti penterjemahan Quran tersebut. Naskhah terjemahan itu diedarkan kepada seluruh kawasan yang didiami oleh orang Muslim terutamanya wilayah-wilayah Thailand Selatan. Akhirnya terjemahan Quran beliau itu dinamakan *Terjemahan al-Quran Edisi Diraja* yang bermaksud terjemahan Quran yang dinaungi oleh Raja Siam. Penaungan agama Islam daripada kerajaan dan kerabat diraja Thai dilihat sangat jelas mempengaruhi institusi Islam dengan kerajaan Thai dan negara.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan Thai selepas penguatkuasaan Dasar *Ratthaniyom* kerajaan *Phibul Songkhram* yang bersifat nasionalisme dan penghapusan identiti golongan minoriti dalam negara terutama dalam kalangan penduduk Muslim sangat disedari oleh pihak kerajaan. Hal ini dapat dilihat semua kerajaan Thai selepas *Phibul Songkhram* menjalankan Dasar Penaungan Agama Islam terhadap golongan penduduk Muslim, termasuk juga kerajaan *Phibul Songkhram* sendiri apabila beliau menjawat jawatan Perdana Menteri Thai kali kedua, beliau meneruskan dasar penaungan agama Islam mengikut kerajaan sivil untuk mengurangkan ketidakpuasan di kalangan penduduk Muslim. Penubuhan badan-badan dan institusi-institusi agama Islam telah digunakan untuk menjadi jambatan di antara kerajaan dengan penduduk. Institusi agama bukan sahaja digunakan untuk menyelesaikan masalah rohani, tetapi juga digunakan untuk menyelesaikan masalah dan hal ehwal politik.

Pada zaman ini, pendidikan ilmu akademik mula mendapat penerimaan daripada masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah. Para ibu-bapa mulai sedar bahawa kekuatan akidah dalam kalangan anak-anak mereka yang belajar di sekolah-

sekolah kerajaan tidak terancam. Sebaliknya mereka yang belajar ilmu akademik juga boleh mempertingkatkan keimanan mereka melalui buku-buku agama yang diterjemah kepada bahasa Thai serta Quran versi bahasa Thai.

Beberapa keluarga yang mempunyai anak-anak perempuan, mereka masih tidak menghantar anak-anak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana bimbang akidah mereka tergugat dan terpengaruh dengan suasana ke-Buddhaan dalam masyarakat bukan Muslim, atau akan menjauhkan mereka daripada agama Islam dan mendekatkan mereka dengan kejahatan atau maksiat. Sawanee Jitmuat, menceritakan perasaan kebimbangan daripada keluarganya terhadap pembelajaran beliau di Institut Pengajian Tinggi. Katanya, “...Ayah izinkan saya menyambung pelajaran dalam Institut Pengajian Tinggi dalam bidang yang sesuai. Tetapi mereka agak tidak berpuas hati.”⁷⁹ Begitu juga dengan pandangan Fatimah Samani, seorang Muslimah berketurunan Melayu, menceritakan bahawa:

“...Ayah tidak izinkan saya menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi walaupun saya merupakan pelajar terbaik di sekolah. Ayah saya tidak nampak kepentingan ilmu hayat bagi perempuan. Tidak ramai pelajar perempuan yang sebaya dengan saya dapat menyambung pelajaran yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib. Tambahan lagi, pekerjaan keluarga saya hanya dalam sektor pertanian dan menjual lauk-pauk. Oleh itu, saya hanya teruskan pekerjaan keluarga saya sahaja.”⁸⁰

Pada zaman ini jelas dilihat perbezaan pekerjaan antara penduduk Melayu yang mendiami kawasan bandar dan luar bandar. Hal ini berdasarkan skop kajian yang membahagikan kawasan kajian kepada tiga bahagian; iaitu 15 kilometer, 16 hingga 30 kilometer dan 31 hingga 45 kilometer dari Istana Negara. Kemajuan dan pembangunan dalam bandar sangat mempengaruhi sikap orang Melayu yang mendiami kawasan pertama dan kedua; iaitu mereka yang tinggal sekitar 15 kilometer dan 30 kilometer

dari Istana Negara. Harga tanah yang semakin hari semakin mahal dan suasana bandar dan kehidupan mereka yang makin dihimpit oleh pembangunan, membuatkan ramai penduduk Melayu yang mendiami kawasan ini menjual tanah, kemudian berpindah ke kawasan lain di luar bandar untuk menyelamatkan kehidupan keluarga.

Orang yang tinggal di kawasan bandar, iaitu kawasan 30 kilometer dari Istana Negara menukar kerjaya mereka daripada sektor pertanian kepada sektor perniagaan dan buruh upahan. Manakala, penduduk yang mendiami kawasan luar bandar; iaitu 30 hingga 45 kilometer masih lagi bekerja dalam sektor pertanian sebagai petani dan sebagainya. Samai Jaroenchang menyatakan tentang pekerjaan orang Melayu pada zaman ini dengan menyebut bahawa Muslim di Bangkok dan kawasan bandar menghentikan kerjaya pertanian mereka pada zaman *Phibul Songkhram* penggal kedua. Faktor utama disebabkan penghasilan yang mereka perolehi daripada pertanian tidak mencukupi untuk perbelanjaan ahli dalam keluarga kerana kawasannya terhad. Beberapa keluarga terpaksa menjual tanah, kemudian membeli tanah lain di kawasan perkampungan Muslim di luar bandar. Kebanyakan orang Islam dalam bandar menjadi pekerja di syarikat atau kilang swasta. Orang yang berpendidikan tinggi dapat bekerja sebagai kerani di syarikat swasta dan beberapa orang dapat bekerja sebagai pegawai kerajaan.⁸¹ Begitu juga dengan Hajah Mariam Maliwan penduduk daerah Bangkok menceritakan tentang kerjaya orang Islam semasa pemerintahan *Phibul Songkhram* penggal kedua. Katanya, orang di kawasan ini telah meninggalkan kerja sebagai petani kerana pekerjaan itu tidak cukup makan. Lagipun, tanah yang mereka miliki semakin mahal jika dibandingkan dengan sebelum ini. Tambahan lagi, orang Muslim tidak suka suasana bising yang semakin bertambah kerana pembangunan bandar serta perasaan takut dengan unsur-unsur maksiat yang akan mempengaruhi keluarga. Oleh itu, ramai yang menjual tanah di bandar dan membeli tanah baharu di

luar bandar. Terdapat juga yang membeli tanah di kawasan luar Bangkok seperti daerah Minburi dan Nongcok, beberapa kumpulan membeli tanah di Pattaya, Cholburi dan beberapa keluarga membeli tanah di wilayah Trad.⁸²

Orang Melayu di persekitaran Bangkok masih tidak mendapat peluang dalam politik negara sebagai wakil rakyat mengikut sistem demokrasi. Mereka terpaksa menggunakan badan-badan agama yang ditubuhkan dan dihidupkan semula untuk memainkan peranan politik. Penghidupan semula semua badan itu juga kerana unsur politik. Dasar-dasar yang dikuatkuasakan dan berkaitan dengan penduduk Islam akan dinasihati oleh Lembaga Islam Thailand terlebih dahulu. Begitu juga dengan jawatan Chularatchamontri, bukan sahaja sebagai pemimpin kerohanian agama Islam negara Thai tetapi Chularatchamontri juga sebagai penasihat kerajaan dan kerabat diraja dalam hal yang berkaitan dengan agama Islam dan penduduk Muslim. Keadaan ini adalah untuk mengurangkan penentangan yang mungkin dilakukan oleh pihak Muslim seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Pemimpin-pemimpin Islam di Bahagian Thailand Tengah yang majoritinya berketurunan Melayu merupakan kumpulan yang boleh membantu pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang berlaku di Thailand Selatan dengan nasihat dan penentuan Chularatchamontri.

Penguatkuasaan Akta Pentadbiran Tempatan memberi kesan yang positif kepada institusi keluarga orang Melayu di persekitaran Kota Bangkok. Haji Kasem Boonmaha, bekas Ketua kampung Tha-it, wilayah Nonthaburi menyatakan bahawa penubuhan badan-badan pentadbiran tempatan merupakan faktor utama yang mendekatkan kerajaan dengan orang Melayu. Sebelum ini, badan-badan kerajaan akan dilihat dengan pandangan yang negatif daripada kalangan penduduk Melayu kerana kebanyakan para pemimpin badan-badan tersebut terdiri daripada orang yang beragama

Buddha. Penguatkuasaan dasar ini, memberikan peluang kepada orang Melayu dalam politik tempatan. Kawasan yang majoritinya terdiri daripada penduduk Melayu, boleh mengundi orang Melayu sebagai wakil mereka dalam badan pentadbiran tempatan. Perwakilan orang Melayu dalam badan pentadbiran tempatan memudahkan penyampaian soal kemahuan mereka kepada kerajaan.⁸³

Apabila Dasar Penguatkuasaan Pentadbiran Tempatan dilaksanakan, institusi agama yang selama ini bertindak sebagai badan yang digunakan untuk memainkan peranan politik dikurangkan penglibatannya. Badan-badan agama seperti Lembaga Islam Thailand, atau Majlis Islam Wilayah yang selama ini berfungsi sebagai wakil penduduk Muslim untuk menyampaikan kemahuan mereka kepada pihak kerajaan telah dihentikan peranannya. Institusi agama hanya digunakan untuk menguruskan hal ehwal agama seperti perlantikan imam masjid, penyelesaian masalah semasa yang berkaitan dengan agama Islam, mengesahkan makanan halal haram di kilang yang berada dalam kawasan yang berkuasa dan memberi nasihat kepada para pemimpin kawasan seperti Gabenor dan Pengerusi Dewan Pentadbiran Wilayah dalam hal ehwal agama Islam.

Melalui penguatkuasaan Dasar Pentadbiran Tempatan membuatkan pihak kerajaan mengetahui masalah-masalah yang dihadapi penduduk di setiap tempat secara mendalam. Selama ini mereka hanya mengetahui masalah-masalah berkaitan melalui laporan daripada pegawai kerajaan bahagian kawasan; iaitu pengawas daerah atau Gabenor yang dilantik oleh kerajaan. Ketidakhahaman tentang faedah dan keperluan sistem pendidikan ilmu akademik yang dijalankan oleh kerajaan dalam kalangan penduduk Melayu merupakan masalah besar yang dihadapi oleh kerajaan. Badan pentadbiran tempatan diberikan tugas untuk memahami dan menyelesaikan masalah ini.⁸⁴ Boleh dikatakan bahawa secara tidak langsung, Dasar Penguatkuasaan Akta

Pentadbiran Tempatan merupakan faktor yang boleh mempertingkatkan pendidikan ilmu akademik dalam kalangan penduduk Melayu di persekitaran Kota Bangkok.

Penguatkuasaan Akta Pentadbiran Tempatan mempengaruhi institusi ekonomi orang Melayu terutamanya golongan penduduk miskin di kawasan luar bandar. Badan-badan pentadbiran tempatan yang ditubuhkan berdasarkan akta ini yang merupakan jambatan untuk menyampaikan pertolongan daripada kerajaan kepada penduduk tempatan. Masalah-masalah ekonomi yang mereka hadapi sebelum ini dikurangkan melalui wakil mereka dalam badan pentadbiran tempatan tersebut. Somwang Charoensuk menyatakan bahawa, masalah ekonomi dalam kalangan penduduk Melayu dikurangkan apabila badan-badan pentadbiran tempatan dikuatkuasakan. Kerajaan memberi peruntukan kepada badan pentadbiran tempatan untuk menjalankan apa-apa projek bagi mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk dalam setiap kawasan. Oleh itu, pertolongan daripada pihak kerajaan melalui projek badan-badan pentadbiran tempatan ini, selain daripada dasar-dasar atau pertolongan biasa daripada kerajaan melalui badan pentadbiran bahagian kawasan yang ditadbir oleh pegawai kerajaan akan disalurkan kepada penduduk di kampung-kampung yang terletak di kawasan luar bandar.⁸⁵

Pintu politik dalam kalangan penduduk Melayu yang kedudukannya sederhana di persekitaran Bangkok dibuka apabila Akta Pentadbiran Tempatan dikuatkuasakan. Selama ini orang yang berperanan dalam bidang politik adalah para elit Muslim yang berpendidikan tinggi dan orang-orang kaya. Ramai penduduk Melayu dapat mengundi wakil penduduk kampung mereka dalam badan-badan pentadbiran tempatan seperti Badan Pentadbiran Mukim atau Dewan Pentadbiran Wilayah melalui pengundian. Perwakilan orang Melayu dalam badan-badan kerajaan sangat memberi kesan positif

kepada masyarakat Melayu iaitu kerajaan lebih memahami masyarakat dan identiti orang Melayu serta kehendak penduduk dalam setiap kampung. Berdasarkan bajet yang diberikan oleh kerajaan kepada setiap badan pentadbiran tempatan, mereka boleh menggunakan bajet yang diperuntukkan itu untuk menyelesaikan masalah di setiap kampung serta boleh membantu penduduk kampung yang miskin. Kebanyakan ahli parlimen negara Thai sekarang pernah terlibat dengan politik tempatan sebelum maju dan beralih ke dalam politik negara. Jaran Malulim, pensyarah Fakulti Sains Politik di Universiti Thammasat yang berketurunan Melayu menyatakan bahawa, selain daripada menjadi wakil kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar yang tidak dapat dibangunkan oleh kerajaan pusat, badan pentadbiran tempatan ini digunakan untuk menunjukkan identiti dan cara hidup orang Melayu kepada pihak kerajaan.⁸⁶

4.7 Zaman Pemerintahan Kerajaan Sarit Sehingga 2015(1957M-2015M)

Zaman ini merangkumi zaman pemerintahan 20 orang Perdana Menteri; iaitu semenjak tahun 1957M hingga 2015M. Sepanjang masa 58 tahun dari zaman pemerintahan kerajaan *Sarit* sampai sekarang, dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan terhadap penduduk Melayu di Bahagian Tengah Thailand tidak jauh berbeza, tetapi yang berbeza hanya sedikit dari segi pendekatan dan rancangan-rancangan. Tumpuan yang diberikan oleh semua kerajaan adalah pembangunan infrastruktur dan ekonomi negara. Kerajaan *Sarit* mula menggunakan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara,⁸⁷ atau Rancangan Negara sebagai panduan dalam pentadbiran negara.⁸⁸ Penggunaan Rancangan Negara ini merupakan zaman permulaan penentuan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam bentuk yang agak progresif. Dasar asimilasi secara paksaan yang telah dijalankan oleh *Phibul Songkhram* bukan sahaja gagal dalam mengasimilasikan orang Melayu Muslim, bahkan menyebabkan timbulnya gerakan penubuhan barisan-barisan penentangan kerajaan di dalam dan di

luar negeri.⁸⁹ Oleh itu, kerajaan *Sarit* dan kerajaan seterusnya memang menyedari akan hakikat ini lalu menjalankan dasar yang berbentuk *pembangunan negara* sebagai dasar teras kerajaan.

4.7.1 Dasar-dasar Kerajaan yang Mempengaruhi Survival Orang Melayu di Persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sarit Sehingga Sekarang (1957M-2015M)

Bermula dari zaman kerajaan *Sarit*, orang Melayu di persekitaran Bangkok sudah dilihat sebagai sebahagian daripada penduduk kawasan ini. Secara keseluruhan, dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan terhadap mereka tidak jauh beza dengan dasar-dasar yang dijalankan untuk penduduk Thai lain kecuali dalam hal ehwal agama sahaja. Sepanjang tempoh hampir enam puluh tahun, terdapat satu dasar sahaja yang mempengaruhi survival orang Melayu, iaitu Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara.

Di empat kawasan wilayah Thailand Selatan, semakin hari semakin bertambah masalah-masalah dalam kalangan penduduk Melayu. Hal ini terjadi kerana kesilapan pihak kerajaan dalam penguatkuasaan dasar-dasar terhadap kawasan tersebut. Kerajaan Thai semenjak zaman dahulu sampai sekarang berusaha menyelesaikan masalah yang berlaku dengan memberikan keistimewaan kepada penduduk dan menjalankan dasar-dasar yang istimewa dalam kawasan berkaitan. Walau bagaimanapun, masalah di Thailand Selatan terutamanya masalah keamanan masih berterusan berlaku sampai sekarang dan merupakan masalah besar yang harus dihadapi oleh setiap kerajaan yang mengambil alih pemerintahan negara.

4.7.1.1 Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara

Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara atau Rancangan Negara dikuatkuasakan untuk kali pertamanya pada tahun 1961M di bawah pemerintahan kerajaan *Sarit*. Perancangan tersebut bertujuan untuk menjadi panduan dalam pentadbiran negara. Tempoh setiap Rancangan Negara berjalan selama lima tahun. Unsur-unsur utama dalam Rancangan Negara terdiri daripada matlamat, proses dan rancangan yang akan menyampaikan matlamat rancangan tersebut termasuk juga projek-projek yang akan dijalankan serta sasarannya. Sekarang kerajaan Thai telah menggunakan Rancangan Negara Edisi XI untuk menjadi panduan dalam pentadbiran. Sepanjang sejarah Rancangan Negara, terdapat tiga edisi yang berkait secara langsung dengan survival orang Melayu di persekitaran kota Bangkok; iaitu Rancangan Negara Edisi I, II dan III.

Rancangan Negara Edisi I digunakan untuk menjadi panduan pentadbiran negara pada tahun 1961M hingga 1966M dengan matlamat utamanya adalah untuk mempertingkatkan kehidupan penduduk Thai serta membangunkan ekonomi dan infrastruktur negara. Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan Thai mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan industri dan menggalakkan pelaburan khususnya sektor swasta. Kerajaan juga membangunkan infrastruktur negara seperti pengangkutan, perjalanan, tenaga, pengairan untuk menyokong pembangunan industri dan membangunkan kehidupan rakyat. Matlamat penting dalam Rancangan Negara Edisi I adalah seperti yang berikut:⁹⁰

- Mempertingkatkan pendapatan negara daripada 4% kepada 5% pertahun, dan pendapatan perseorangan kepada 3% pertahun (sepanjang sejarah Thai sebelum ini, pendapatan perseorangan tidak pernah melebihi 2%). Dalam bidang

industri, kerajaan bermatlamat untuk menambahkan nilai industri dengan peratusannya 3% pertahun dan perindustrian lombong bijih dengan peratusannya 12% pertahun.

- Menambah barang impot dan ekspot 4% pertahun.
- Menambah pengeluaran tenaga elektrik daripada 138,000 kilowatt pada tahun 1960M kepada 370,000 kilowatt pada tahun 1963M.
- Membina jalan raya baharu sepanjang 1,000 kilometer dan membaiki jalan raya yang telah ada sepanjang 1,000 kilometer dan sebagainya.

Terdapat kenyataan yang jelas tentang pembangunan infranstruktur dalam Rancangan Negara Edisi I bahawa kerajaan akan menyiapkan pembinaan empangan *Bhumibhol* pada tahun 1963M dan mempercepatkan pembangunan sistem penghantaran elektrik, bekalan air dan telefon di sekitar kota Bangkok. Dalam Rancangan Negara Edisi I ini dinyatakan tentang pembangunan bidang kesihatan, bahawa kerajaan akan membina dua buah hospital besar baharu, enam buah hospital daerah, dan mempertingkatkan hospital kampung tidak kurang daripada sepuluh hospital dalam setiap tahun. Kerajaan juga akan mempercepatkan penambahan jumlah doktor dan jururawat. Manakala, pembangunan bidang pendidikan seperti yang dinyatakan dalam rancangan ini semuanya adalah di bawah tanggungjawab Majlis Pendidikan Negara.⁹¹ Hasil operasi Rancangan Negara Edisi I dianggap berjaya. Ekonomi negara meningkat dengan peratusannya sebanyak 6.4% pertahun; iaitu lebih tinggi daripada sasaran. Pendapatan perseorangan penduduk juga lebih tinggi daripada sasaran. Ketika ini pembangunan infrastruktur juga mengikut sasaran. Pencapaian matlamat pembangunan infrastruktur tersebut sangat membantu perkembangan dan kemajuan pelbagai aktiviti khususnya, pengeluaran perindustrian, eksport, dan hal ehwal kewangan.

Berdasarkan hasil operasi Rancangan Negara Edisi I, masih lagi dijumpai masalah-masalah dalam pembangunan negara. Masalah utama yang dihadapi oleh

kerajaan adalah masalah kekurangan infrastruktur dan pembangunan yang tidak sampai ke kawasan terpencil dan kawasan luar bandar. Oleh itu, dalam Rancangan Negara Edisi II pada tahun 1967M hingga 1971M kerajaan masih meneruskan pentadbiran selaras dengan Rancangan Negara Edisi I tetapi dikembangkan ke kawasan tersebut untuk mengurangkan masalah kemiskinan dan taburan pendapatan. Pada masa yang sama, kerajaan juga memberi penekanan kepada kepentingan pembangunan sosial khususnya pendidikan dan kesihatan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk serta membangunkan sumber manusia. Dalam rancangan ini juga terdapat projek-projek yang istimewa selain daripada tanggungjawab utama kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan seperti Projek Mempercepatkan Pembngunan Kawasan Luar Bandar dan Projek Pertolongan Pesawah. Matlamat-matlamat yang penting dalam Rancangan Negara Edisi II adalah seperti yang berikut:⁹²

- menambahkan jumlah murid-murid di peringkat pendidikan wajib daripada 5.29 juta orang kepada 6.35 juta orang.
- mempercepatkan pengeluaran guru untuk disesuaikan dengan jumlah murid-murid, iaitu seramai 49,770 orang.
- memperbanyakkan fakulti dan jabatan dalam setiap universiti bagi membolehkan universiti untuk menerima pelajar yang lebih ramai daripada sebelum ini. Jumlah sasaran kerajaan adalah seramai 10,300 orang.
- Meningkatkan ekonomi negara sebanyak 8.4 peratus pertahun dan pendapatan perseorangan penduduk tidak kurang daripada 5 peratus.
- Menambahkan nilai produk perindustrian 10.9 peratus pertahun dan produk pertanian 4.3 peratus pertahun.
- Menambahkan nilai pengeksportan purata 8.1 peratus pertahun dan nilai pengimportan 9.3 peratus pertahun.

- Menambahkan peluang dalam pekerjaan dan membangunkan kemahiran tenaga buruh dalam setiap peringkat serta membangunkan sistem sosial ke arah penyamarataan.
- Membina kediaman untuk rakyat yang berpendapatan rendah sekurang-kurangnya 760 keluarga pertahun, dan seumpamanya.

Sepanjang tempoh Rancangan Negara Edisi II berlakulah beberapa peristiwa yang menghalang pembangunan seperti pengunduran tentera dari Vietnam, pengurangan perbelanjaan tentera Amerika, krisis kewangan dan perdagangan antarabangsa. Masalah-masalah tersebut secara langsung mempengaruhi dan mengurangkan pendapatan negara Thai. Pertumbuhan ekonomi negara bertambah sebanyak 7.3% pertahun (sasaran yang dirancang 8.5% pertahun), nilai produk pertanian dan perindustrian lebih rendah daripada yang dirancang iaitu sebanyak 3.7% dan 10.1% pertahun (sasaran yang dirancang 4.3% dan 10.9% pertahun). Nilai pengimpotan dan pengeksportan juga lebih rendah daripada yang dirancang. Walau bagaimanapun secara keseluruhan, perkhidmatan asas ekonomi dan sosial masih berkembang iaitu pengangkutan, tenaga, telefon dan pelan bekalan air lebih banyak meliputi kawasan yang penting. Kanak-kanak lebih banyak mendapat peluang dalam pendidikan dengan jumlah yang bertambah 1.8 juta orang jika dibandingkan dengan zaman sebelum ini.⁹³

Arah dan tujuan utama Rancangan Negara Edisi III yang digunakan pada tahun 1972M hingga 1976M adalah penjagaan penstabilan ekonomi, memberi kepentingan kepada penyusunan semula struktur ekonomi, penambahan pendapatan rakyat, sokongan dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan, sokongan pendidikan dan kesihatan. Rancangan ini merupakan rancangan pertama yang menyatakan Dasar Penduduk ke

dalam Rancangan Negara. Antara matlamat-matlamat yang penting dalam Rancangan Negara III adalah seperti yang berikut:⁹⁴

- Meningkatkan ekonomi negara sebanyak 7% pertahun dengan nilai produk perindustrian bertambah sebanyak 8% pertahun dan nilai produk pertanian bertambah sebanyak 5.1% pertahun.
- Memperbanyakkan cawangan tenaga elektrik dan bekalan air sebanyak 15% pertahun dan menambah pembinaan sebanyak 6.5% pertahun.
- Mengurangkan penambahan penduduk daripada 3.2% pertahun kepada 2.5% pertahun.
- Mengurangkan masalah pengangguran.

Sepanjang tempoh Rancangan Negara Edisi III berlakulah beberapa peristiwa yang memberi kesan kepada pembangunan negara dan matlamat yang dirancang. Antara peristiwa-peristiwa tersebut ialah Amerika Syarikat menurunkan nilai wang dollar yang menyebabkan nilai wang baht Thai juga turun pada tahun 1972M, krisis minyak pada tahun 1973M yang menaikkan harga minyak seluruh dunia serta masalah ketidakstabilan politik Thailand. Secara keseluruhan, hasil operasi Rancangan Negara III tidak mencapai matlamat. Ekonomi negara meningkat sebanyak 6.5 peratus (sasaran 7.0 peratus), pendapatan perseorangan juga lebih rendah daripada sasaran iaitu bertambah sebanyak 3.5 peratus. Walaupun pada awal rancangan ini, perindustrian negara banyak berkembang tetapi dengan krisis minyak yang dihadapi pada hujung rancangan membuatkan nilai produk perindustrian bertambah sebanyak 5.5 peratus pertahun sahaja. Pada pertengahan rancangan terdapat seramai 800,000 orang penduduk yang menghadapi masalah pengangguran. Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh Rancangan Negara

Edisi III kerajaan berjaya menghubungkan pengangkutan untuk memudahkan perjalanan yang memberi kesan yang baik kepada perdagangan dalam negara dan antarabangsa.⁹⁵

4.7.2 Survival Orang Melayu di Persekitaran Bangkok pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Sarit Sehingga Sekarang (1957M-2015M)

Pada zaman ini boleh dikatakan bahawa kerajaan Thai telah berjaya mengasimilasi orang Melayu di persekitaran Bangkok dengan masyarakat majoriti. Mereka telah berasa bahawa mereka adalah orang Thai yang beragama Islam atau Thai Muslim seperti yang dirancang oleh kerajaan Thai. Perasaan ke-Melayuan dalam kalangan mereka telah beransur hilang dan panggilan mereka digantikan dengan Thai Muslim. Namun mereka masih mengetahui bahawa mereka adalah berketurunan Melayu, nenek moyang mereka berasal dari Thailand Selatan yang dipindahkan ke Bangkok sebagai tawanan perang. Pun begitu, latar belakang sejarah tersebut tidak mengembalikan semangat nasionalisme sehingga mendorong untuk melakukan pemberontakan terhadap kerajaan Thai lagi. Perkara ini berdasarkan dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan sepanjang masa 170 tahun sebelum ini. Tambahan lagi, mereka tidak merasai bahawa mereka adalah orang asing atau luar. Sebaliknya, mereka menyayangi tanah air yang mereka diami dan menganggap bahawa bumi ini merupakan tanah air yang mereka adalah pemiliknya. Bukan kerana mereka telah melupakan Patani tanah asal-usul mereka, tetapi kerana sepanjang masa mendiami kawasan ini, mereka berjuang untuk menjaga identiti, mempertingkatkan kehidupan serta mengekalkan agama Islam sehingga diterima sebagai sebahagian daripada penduduk yang mempunyai hak sama rata dengan penduduk majoriti lain.

Rancangan Negara Edisi I dan II sebagai faktor yang mempertingkatkan kehidupan orang Melayu yang mendiami Kawasan Thailand Tengah. Pembangunan

infrastuktur seperti tenaga elektrik, bekalan air, dan jalan raya memudahkan kehidupan mereka serta membangunkan kawasan yang mereka diami. Hal ini boleh dilihat berdasarkan maklumat daripada Haji Arun Bunchom, pengerusi Majlis Agama Islam Bangkok; seorang penduduk berketurunan Melayu yang mendiami kawasan Asok, jalan Sukhumwit⁹⁶. Beliau menceritakan bahawa, pada zaman penguatkuasaan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi I, orang Melayu di kawasan tengah bandar di bahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama adalah penduduk yang menjual semua tanah kepunyaan mereka dan membeli tanah baharu di kawasan luar Bangkok. Kumpulan ini bimbang bahawa kemajuan yang akan memasuki kampung mereka akan memusnahkan kehidupan dan agama Islam. Kumpulan kedua adalah orang yang menjual hampir semua tanah kepunyaan, tetapi telah meninggalkan sedikit baki untuk membina rumah kediaman. Kumpulan yang terakhir ialah orang yang tidak menjual tanah kepunyaan mereka seperti kumpulan pertama dan kedua. Sekarang kebanyakan penduduk kumpulan ketiga dianggap orang kaya kerana mereka boleh mendapatkan duit yang banyak daripada sewa tanah serta sewa bilik di tanah kepunyaan mereka.⁹⁷ Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara sangat memberi kesan besar kepada penduduk Melayu di persekitaran Bangkok terutamanya penduduk yang mendiami kawasan bandar. Pengaruh pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan Thai mengikut garis panduan negara Barat mempengaruhi institusi keluarga orang Melayu di kawasan ini. Kemasukan kemajuan mengubah kehidupan orang Melayu terutamanya taburan penduduk. Ramai penduduk Melayu meninggalkan tanah kepunyaan mereka yang merupakan pusaka daripada nenek moyang dan berpindah ke kawasan lain.

Agama Islam dalam kalangan penduduk Melayu sangat berkembang pada zaman ini. Hal ini dapat dilihat daripada jumlah anak-anak Melayu yang makin

bertambah dapat menyambung pelajaran agama Islam di negara-negara Arab. Faktor yang membuatkan orang Melayu boleh menghantar anak ke negara-negara Arab untuk mendalami agama Islam adalah pengangkutan yang lebih mudah dan kehidupan yang telah stabil. Perkara ini berdasarkan Rancangan Negara Edisi I yang dijalankan oleh kerajaan telah mempertingkatkan kehidupan semua penduduk di Kawasan Thailand Tengah termasuk juga penduduk Melayu.

Kepulangan para pelajar lulusan dari negara-negara Arab mendatangkan perubahan besar kepada institusi agama dalam kalangan orang Melayu di persekitaran Kota Bangkok. Para pelajar lulusan dari negara-negara Arab membawa balik aliran *Salafi* atau *Salafiyah*⁹⁸ bersama mereka. Kemasukan aliran *Salafi* membuatkan masyarakat Melayu di Bahagian Tengah Thailand berpecah kepada dua kumpulan iaitu *Khana Kao* (Aliran Lama) dan *Khana Mai* (Aliran Baharu). *Khana Kao* (Aliran Lama) adalah kumpulan penduduk yang masih mengikut amalan keagamaan nenek moyang. Manakala, *Khana Mai* (Aliran Baharu) adalah kumpulan penduduk yang mengikut aliran *Salafi*. Kumpulan kedua telah meninggalkan semua adat dan amalan nenek moyang yang tiada dalam ajaran *Lelahur Saleh* atau tiga generasi pertama orang Islam; iaitu Sahabat, Tabi'un ("Pengikut") dan Tabi' al-Tabi'in ("Pengikut Para Tabiin"). Serara keseluruhan, kepercayaan dan amalan dasar pengikut dua kumpulan ini adalah sama kecuali bahagian-bahagian tertentu yang melibatkan amalan ibadat.

Worrapong Charoenwnong membahagikan latar belakang penyebaran dan kemasukan *Salafi* di Bahagian Thailand Tengah kepada tiga zaman, iaitu: i) zaman kemasukan, ii) zaman permulaan penyebaran, dan iii) zaman penyebaran.⁹⁹

i) Zaman kemasukan

Pada zaman ini, aliran *Salafi* memasuki ke negara Thai bersama penghijrah yang pernah mempelajarinya dari negara Arab seperti Ahmad Khatib. Beliau adalah orang Indonesia yang berhijrah ke Bangkok pada awal abad ke-20M iaitu kira-kira tahun 1930-an kerana melarikan diri daripada penjajah Belanda di Minangkabau, dan pernah mendapat pendidikan agama Islam di tanah suci Mekah. Selepas ketibaannya di kota Bangkok, Ahmad Khatib mendiami kawasan daerah Charoenkrung. Beliau menyebarkan aliran Salafi dengan memberi ceramah di beberapa kawasan yang terdekat dengan rumahnya seperti Masjid Assalafiyah daerah Charoenkrung, Masjid Ansorissunnah daerah Bangkoknoi, Masjid Al-Atik daerah Suanluang dan seumpamanya. Aliran *Salafi* yang disebarkan oleh Ahmad Khatib dipengaruhi daripada dua punca utama iaitu pengaruh semasa kanak-kanak dan pengaruh semasa belajar. Pada waktu kanak-kanak, pemikiran *Pardi* dari Indonesia menyokong kumpulan *Wahbi* di negara Arab Saudi semasa merampas negeri Hijaz pada tahun 1803M dan kemudian penyokong kumpulan ini kembali ke Indonesia dan menggunakan semangat ini untuk melawan Belanda yang menjajahi Indonesia. Ahmad Khatib dibesarkan dalam suasana pemikiran *Pardi* dari kecil sehingga besar. Semasa belajar di Mekah, beliau juga dipengaruhi oleh kumpulan *Salafi* dari Mesir yang dipimpin oleh Sheikh Muhammad Abduh dan Rashid Ridha. Mereka berinteraksi melalui majalah *Al-Manar*. Di Bangkok, Ahmad Khatib mempunyai dua orang anak murid yang hebat; iaitu Tuan Guru Ismail Ahmad dan Ibrahim Kuresyi (Direk Kulsirisawas). Kedua-dua orang ini memperluaskan ilmu mengikut aliran *Salafi* yang didapati daripada gurunya. Ibrahim Kuresyi (Direk Kulsirisawas) kemudian menubuhkan sebuah syarikat penerbit majalah dan menerbitkan "*Majalah Al-huda*" untuk menyebarkan aliran *Salafi*. Beliau juga merupakan orang pertama yang menterjemah Quran kepada bahasa Thai. Terjemahan Quran yang beliau lakukan dinamakan *Qurannul Majid* dan *Bayanul Quran*

(terjemahan Quran edisi ini sebagai dorongan kepada Chularatchamontri Haji Ismail Yahyawi (Tuan Suwannasat) dalam penterjemahan Quran Edisi Diraja untuk membalas balik terjemahan Ahmad Khatib). Manakala, Tuan Guru Ismail menubuhkan sebuah sekolah agama Islam untuk mengajar ilmu pengetahuan mengikut aliran *Salafi* di daerah Pakphayun, wilayah Nakhonsrithammarat. Namun aliran *Salafi* yang beliau sebarkan tidak berapa berkembang dalam kalangan penduduk di kawasan itu. Akhirnya Tuan Guru Ismail berpindah balik ke Bangkok untuk menubuhkan sebuah sekolah di daerah *Minburi*, Bangkok. Kemudian Sheikh Ali Isa seorang ulama berbangsa Mesir merupakan wakil Liga Muslim Dunia atau *Rabitah (Muslim World League –MWL)*¹⁰⁰ datang ke Thailand untuk menyebarkan aliran *Salafi* kepada para Muslim di Bahagian Thailand Tengah. Beliau juga menubuhkan sebuah penerbit dan menerbitkan Majalah yang bernama “*Majalah Saisamphan*” untuk memperluaskan aliran ini dalam kalangan penduduk Muslim di Kawasan Thailand Tengah. Selain itu, beliau banyak menulis buku yang berkaitan dengan aliran *Salafi* dan menubuhkan sebuah sekolah di daerah *Ladbualuang*, wilayah *Ayutthaya*.

ii) Zaman Permulaan Penyebaran

Pada zaman sebelum Perang Teluk Parsi ramai penduduk Muslim dapat menyambung pelajaran agama Islam di luar negara seperti Arab Saudi, Libiya, Pakistan dan Mesir. Ramai pelajar yang dapat pendidikan daripada negara-negara tersebut menukar aliran mereka selepas tamat belajar. Kepulangan mereka ke tanah air mendatangkan perubahan besar terhadap masyarakat Melayu di Thailand Tengah. Pada zaman ini, aliran *Salafi* lebih berkembang dalam kalangan penduduk Muslim. Faktor utama penyebaran aliran *Salafi* pada zaman ini adalah kerana penubuhan Yayasan Pusat Islam Thailand (Islamic Center of Thailand).¹⁰¹Tuan Guru Syafi-I Naphakorn¹⁰² seorang pengasas yayasan ini lulusan Universiti Al-Azhar Mesir menggunakan kaedah

jualan langsung untuk menyebarkan aliran *Salafi* dalam kalangan penduduk Muslim. Beliau menubuhkan cawangan aliran *Salafi* di kawasan yang didiami oleh pengikutnya. Setiap cawangan akan melantik seorang ahli sebagai pengerusi cawangan. Tugas utama pengerusi cawangan adalah menjaga ahli dalam cawangan dan menyebarkan aliran ini kepada jiran dalam kampung. Tuan Guru Haji Syafi-I Naphakorn akan pergi ke setiap cawangan aliran untuk memberi ceramah dan mengajar pengikutnya. Contohnya, setiap hari Isnin minggu pertama Tuan Guru akan pergi ke rumah Haji Daeng di *Khlong Lakkhon*, wilayah *Nonhaburi*. Setiap hari Khamis minggu pertama beliau akan pergi ke rumah *Tok Nhoo* di Pattaya, wilayah *Cholburi* dan seumpamanya. Kemudian setiap hari Sabtu semua ahli setiap cawangan akan berkumpul di Pusat Islam Thailand untuk memperkenalkan ahli satu cawangan kepada ahli cawangan lain. Selain dari penubuhan cawangan-cawangan, Tuan Guru Syafi-I menggunakan radio untuk menyebar dan mendekati ahli aliran *Salafi*. Boleh dikatakan bahawa kaedah *jualan langsung* yang dijalankan oleh Tuan Guru Syafi-I sangat memberi kesan kepada penyebaran aliran *Salafi* pada masa itu dan Pusat Islam Thailand sebagai pusat penyebaran dalam kalangan penduduk Muslim di Kawasan Thailand Tengah.

iii) Zaman Penyebaran

Di bawah pimpinan dan kaedah penyebaran yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Syafi-I Naphakorn, Pusat Islam Thailand yang merupakan pusat penyebaran aliran *Salafi* makin besar dan ramai pengikut. Ketika itu, berlakulah masalah dalam kalangan pengikut aliran *Salafi* sehingga akhirnya para pengikut dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil. Perpecahan di Pusat Islam Thailand telah menyebabkan penubuhan badan-badan penyebaran aliran *Salafi* lain. Terdapat beberapa kumpulan pengikut aliran *Salafi* menubuhkan yayasan seperti Pusat Islam Thailand untuk menyebarkan aliran ini seperti Yayasan Dasissalam, Yayasan Darussalam, Yayasan Santichon.

Terdapat juga beberapa kumpulan pengikut yang menubuhkan sekolah untuk memberi ilmu pengetahuan mengikut aliran ini kepada kanak-kanak generasi baharu. Antara sekolah aliran *Salafi* adalah Sekolah Khlong Sib, wilayah *Nakornnayok*, Sekolah Sassanawitthaya dan Sekolah Sassanupratham, Bangkok. Ramai pelajar sekolah-sekolah tersebut dapat menyambung pelajaran di luar negara terutamanya negara-negara yang mengikut aliran *Salafi* seperti Arab Saudi.

Pada zaman ini, aliran *Salafi* berpecah kepada dua kumpulan besar berdasarkan pemikiran yang diterima daripada institusi pendidikan yang berbeza. Kumpulan pertama adalah pengikut aliran *Salafi* Mesir yang merupakan kumpulan pertama memasuki masyarakat Muslim di Kawasan Thailand Tengah yang bersifat lemah-lembut, bertolak ansur dan beralasan. Kumpulan ini tidak menimbulkan sebarang masalah dan tidak bermusuhan dengan orang yang tidak mengikut aliran mereka. Manakala, kumpulan kedua adalah pengikut aliran *Salafi* Arab Saudi yang memasuki masyarakat Muslim selepas kumpulan pertama. Para pengikut *Salafi* Arab Saudi bersifat keras dan akan bermusuhan dengan semua orang yang tidak mengikut aliran mereka termasuk juga pengikut *Salafi* Mesir. Boleh dikatakan bahawa kemasukan aliran *Salafi* Arab Saudi telah mendatangkan masalah besar dalam kalangan penduduk Muslim di Bahagian Thailand Tengah. Persamaan semua pengikut aliran *Salafi* adalah penggunaan Quran dan hadis untuk mencari asal-usul upacara keagamaan. Upacara-upacara keagamaan yang tidak berkaitan dan tidak diperkatakan dalam Quran dan hadis akan ditinggalkan. Mereka menganggap bahawa adat-istiadat sebagai bid'ah yang mesti dibuang.

Bagi pengikut *Khana Kao* (Aliran Lama), untuk membalas balik penyebaran aliran *Salafi*, mereka menubuhkan beberapa sekolah pondok untuk mengekalkan aliran

Ahlissunnah dan upacara keagamaan seperti yang pernah dilakukan oleh nenek moyang mereka. Antara sekolah-sekolah yang ditubuhkan adalah Sekolah Tha-it Suksa, Sekolah Nurulislam di wilayah *Nonhaburi*, Sekolah Miftahul Ulumiddiniah, Sekolah Majlisudini, Sekolah Riduanulislam di Bangkok. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan jumlah orang yang mengikut *Khana Kao* (Aliran Lama) masih lebih banyak daripada pengikut aliran *Salafi* atau *Khana Mai* (Aliran Baharu). *Chularatchamontri* atau Mufti Thailand juga adalah terdiri daripada aliran *Khana Kao* (Aliran Lama).¹⁰³

Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara sangat memberi kesan kepada orang Melayu di persekitaran Kota Bangkok. Pada zaman ini, orang Melayu lebih banyak memasuki sistem pendidikan ilmu akademik terutama dalam Institut Pengajian Tinggi. Keadaan ini berdasarkan pendidikan ilmu akademik yang semakin tinggi kepentingannya dalam masyarakat Thailand. Orang Melayu telah menyedari bahawa ilmu akademik yang selama ini mereka hindari tidak menyesatkan akidah pelajar Muslim seperti yang mereka jangkakan. Pelajar Melayu yang dapat belajar di Institut Pengajian Tinggi Thailand sebelum ini merupakan contoh yang diperlihatkan bahawa pendidikan akademik tidak boleh mempengaruhi keimanan mereka. Tambahan lagi, ilmu akademik yang mereka dapat boleh menambahkan peluang dalam pekerjaan dan dalam masyarakat kepada orang yang berpendidikan dan lulus dari Institut Pengajian Tinggi. Oleh itu, ramai keluarga Melayu mengizinkan anak-cucu mereka menyambung pelajaran ilmu akademik yang lebih tinggi selepas tamat pendidikan wajib. Ammara Thapsen penduduk kampung Thungkru yang mendapat pendidikan pada zaman ini menyatakan bahawa, selepas *Sarit* menjawat jawatan Perdana Menteri Thai dan menjalankan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara, lebih ramai

penduduk Melayu dapat menyambung pendidikan di Institut Pengajian Tinggi. Ammara sendiri juga sebagai salah seorang perempuan pada zaman itu yang dapat menyambung pelajaran sehingga lulus ijazah Sarjana Muda dan akhirnya bekerja sebagai guru di sekolah kebangsaan kerajaan. Beliau menceritakan lagi bahawa, faktor asas yang menyebabkan masyarakat Melayu menukar pemikiran terhadap bidang akademik adalah kerana peluang dalam kerjaya yang lebih banyak berbanding dengan para graduan Melayu yang lulus ijazah Srjana Muda pada zaman sebelum ini. Kebanyakan mereka yang lulus daripada pengajian tinggi dapat pekerjaan yang baik dalam organisasi kerajaan dan juga swasta.¹⁰⁴ Sawvane Jitmuat menyatakan dalam bukunya *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม* (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim) tentang hal ini bahawa, sebenarnya para Muslim pada zaman ini yang dapat pendidikan tinggi tidak sesat akidahnya seperti yang dikhuatiri oleh para ibu bapa. Sebaliknya, Muslim yang dikuatkan keimanan semasa kanak-kanak akan lebih tinggi lagi keimanannya kalau dapat mempelajari ilmu hayat. Keadaan ini berdasarkan kefahaman daripada Quran dan hadis serta buku-buku agama yang telah diterjemah kepada bahasa Thai yang memudahkan pendekatan pembelajaran agama dan menyesuaikan agama Islam dengan zaman moden.¹⁰⁵

Berdasarkan penguatkuasaan dasar ini, pihak kerajaan memperbanyakkan jumlah penerimaan pelajar dalam Institut Pengajian Tinggi dengan memperbanyakkan fakulti dan jabatan serta membuka universiti terbuka yang rendah yurannya dan tidak perlu memasuki kelas seperti Universiti Ramkhamhaeng untuk memberi peluang kepada rakyat menyambung pelajaran. Peluang yang diberikan oleh kerajaan ini merupakan pintu pembukaan kepada anak-anak Melayu belajar di Institut Pengajian Tinggi.

Bermula dari zaman ini, orang Melayu di Kawasan Thailand Tengah mendapat pendidikan yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib. Pandangan negatif tentang pendidikan ilmu akademik makin berkurangan, dan jumlah kanak-kanak Melayu yang dapat menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi makin bertambah sehingga akhirnya tiada lagi halangan tentang pendidikan ilmu akademik dalam kalangan penduduk Melayu di kawasan ini.

Semua kampung Melayu di persekitaran Bangkok telah dipengaruhi oleh penguatkuasaan dasar ini. Secara langsung dasar ini memberi kesan kepada institusi ekonomi masyarakat Melayu terutama kampung-kampung yang terletak di kawasan bandar kota Bangkok. Pembangunan infrastruktur terutamanya pembinaan jalan raya, memperbanyakkan bekalan elektrik dan bekalan air telah mendatangkan kemajuan kepada kampung-kampung Melayu. Perkara pertama yang jelas dapat dilihat dan sangat memberi kesan kepada penduduk Melayu di kawasan ini adalah harga tanah kepunyaan mereka yang lebih mahal kerana pembangunan dan kemudahan infrastruktur. Dengan harga yang mahal dan kemajuan yang makin memasuki kehidupan masyarakat mereka telah membuatkan ramai penduduk Melayu mengambil keputusan menjual tanah dalam bandar kemudian membeli tanah baharu di luar bandar seperti yang telah dinyatakan di atas. Penjualan tanah tersebut memberi kesan positif dan negatif kepada penduduk Melayu pada zaman itu. Kejayaan ekonomi dapat dilihat dalam keluarga yang pandai menguruskan tanah milik sendiri, dan pandai menguruskan wang yang diperolehi daripada hasil penjualan tanah. Sebaliknya, kegagalan ekonomi pula dapat dilihat dari pengurusan harta ini juga.¹⁰⁶

Dari segi pekerjaan, zaman ini merupakan zaman akhir kejaya pertanian dalam kampung Melayu di kawasan bandar, terutama kawasan pertama dan kedua dalam skop

kajian; iaitu 30 kilometer dari Istana Negara. Arun Bunchom menceritakan peristiwa ini bahawa, selepas penguatkuasaan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi I, telah berlaku perubahan terhadap kampung Melayu yang terletak di kawasan bandar. Sebelum tahun 1961M, keluarganya masih bekerja sebagai pesawah dan berkebun buah-buahan di kawasan *tengah-tengah Asok*. Selepas dasar ini dijalankan, semakin hari kemajuan semakin memasuki kawasan ini sehingga akhirnya tidak boleh meneruskan pertanian kerana dikelilingi dengan pembinaan bangunan-bangunan tinggi dan kawasannya sudah tidak sesuai dengan pekerjaan ini.¹⁰⁷ Begitu juga dengan keluarga Ammara Thapsen yang berkebun limau di Thungku. Katanya, sebelum tahun 1966M keluarganya masih mengusahakan kebun limau. Setiap tahun mereka akan dapat duit yang banyak daripada hasil jualan limau ini, tetapi selepas pembangunan memasuki kawasan yang mereka diami berdasarkan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara, kebun limau mereka tidak boleh diteruskan kerana alam sekitar tidak sesuai dengan kebun limau yang diasalkan seperti zaman dahulu.¹⁰⁸ Keadaan seumpama itu juga berlaku di kampung Melayu dalam wilayah Phrathumthani. Haji Muhammad Adam menyatakan, selepas dasar tersebut dijalankan, kawasan di wilayah Phrathumthani dirancang untuk dijadikan sebagai kawasan perindustrian. Ramai pemodal mahu membeli tanah untuk membina kilang dan mereka menawarkan harga yang menarik kepada tuan punya tanah. Banyak penduduk yang menjual tanah kepada pemodal itu. Apabila kilang telah dibina, sawah padi dan kebun buah-buahan yang terletak di sekelilingnya tidak boleh diteruskan kerana perubahan alam sekitar dan telah mempengaruhi hasil pertanian mereka. Akhirnya mereka berhenti daripada menguruskan pertanian dan menjual tanah kepada pemodal. Sekarang daerah *Khlong*, wilayah *Phrathumthani* yang didiami oleh ramai orang Melayu sudah tidak ada lagi kawasan pertanian. Kebanyakan

penduduk dalam kampung tersebut bekerja di syarikat atau di kilang yang terletak di tanah yang pernah mereka punyai.¹⁰⁹

Maklumat yang didapati daripada temu bual di lapangan memperlihatkan perubahan kerjaya penduduk Melayu di kawasan Thailand Tengah. Pertanian yang merupakan pekerjaan utama dalam kalangan penduduk Melayu sepanjang tempoh mereka mendiami kawasan ini dihentikan apabila pembangunan mula memasuki kawasan yang mereka diami. Sekumpulan keluarga Melayu menjual tanah dalam bandar dan membeli tanah baharu di luar bandar serta meneruskan pekerjaan dalam sektor pertanian. Sekumpulan lagi tidak menjual tanah tetapi menukarkan pekerjaan daripada petani kepada pekerjaan lain dengan menggunakan harta yang mereka miliki untuk mendapatkan pendapatan seperti membina bilik sewa atau menyewakan tanah. Sekarang ramai penduduk daripada kumpulan ini dianggap sebagai orang yang berada kalau dibandingkan dengan penduduk kumpulan lain. Kumpulan yang terakhir adalah kumpulan yang gagal dalam pengurusan harta. Mereka menjual tanah kepada orang lain dan tidak mengembangkan wang yang didapati seperti kumpulan pertama. Mereka hanya menggunakan wang yang diperolehi itu sehingga akhirnya wang itu habis digunakan.

Selepas penguatkuasaan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara, ekonomi masyarakat Melayu dipertingkatkan bersama dengan masyarakat majoriti Thai. Mereka mendapat peluang dalam bidang ekonomi berdasarkan dasar pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan. Tanpa apa-apa halangan lagi yang menyekat hak-hak ekonomi dalam kalangan penduduk Melayu, ramai penduduk Melayu menggunakan peluang yang diberikan ini telah berjaya dan diterima oleh masyarakat Melayu sendiri dan juga masyarakat luar.

Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara secara langsung telah mempengaruhi politik negara. Selepas penguatkuasaan dasar ini, makin bertambah jumlah ahli politik Melayu dalam sistem politik peringkat kawasan dan juga peringkat negara. Selama ini, orang Melayu di persekitaran Bangkok tidak terlalu memberi kepentingan kepada hal ehwal politik kerana mereka sibuk mencari rezeki untuk perbelanjaan keluarga. Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara telah membantu mempertingkat dan menstabilkan ekonomi orang Melayu. Apabila ekonomi mereka telah stabil, baharulah mereka memberi perhatian kepada politik. Beberapa orang Melayu yang berjaya dalam bidang ekonomi mula melangkah ke dalam bidang politik dari peringkat tempatan ke peringkat negara. Bermula pada zaman ini, daerah, mukim atau kampung yang mempunyai majoriti penduduk Melayu, mereka akan pilih orang Melayu untuk menjadi wakil dalam badan-badan pentadbiran politik tersebut. Kebanyakan orang Melayu akan memainkan peranan dalam politik Bahagian Pentadbiran Kawasan seperti Ketua Kampung, Ketua Mukim dan Bahagian Pentadbiran Tempatan seperti Badan Pentadbiran Mukim, Majlis Perbandaran dan Dewan Pentadbiran Wilayah. Hak politik dalam kalangan penduduk Melayu telah disamaratakan dengan penduduk Thai. Mereka boleh memohon setiap jawatan politik termasuk juga jawatan Perdana Menteri mengikut kemampuan yang ada. Tiada apa-apa halangan lagi bagi penduduk Melayu dalam masyarakat Thai.

4.8 Kejayaan Orang Melayu di Persekitaran Bangkok semasa Pemerintahan Demokrasi

Pada zaman pemerintahan demokrasi, kejayaan yang dapat dirasai oleh orang Melayu dalam tiga buah institusi sosial; iaitu institusi pendidikan, institusi ekonomi dan institusi politik. Kejayaan dalam institusi pendidikan dapat dilihat terlebih dahulu pada

zaman ini. Orang-orang Melayu di Bangkok dan persekitaran dapat menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi selepas lulus pendidikan wajib; terutamanya di Universiti Thammasat yang merupakan universiti terbuka pertama di Thailand untuk semua orang. Universiti ini ditubuhkan oleh pemimpin *Khana Ratsadorn* iaitu Pridi Phanomyong dengan tujuan untuk memberi pendidikan kepada rakyat daripada setiap peringkat. Berdasarkan maklumat daripada temu bual di lapangan, orang Melayu Islam mula menyambung pelajaran ilmu akademik di peringkat universiti mengikuti sistem pendidikan Thai selepas penukaran sistem pemerintahan negara.¹¹⁰ Selain daripada menyambung pelajaran di institut pengajian tinggi, pada zaman ini juga kerajaan Thai menubuhkan sebuah sekolah iaitu Kolej Islam Thailand untuk menjadi institut pengajian yang memberi ilmu kepada penduduk Muslim dalam bidang ilmu agama bersama ilmu akademik. Pada masa yang sama, terdapat beberapa buah sekolah jenis swasta yang mengajar ilmu akademik bersama-sama ilmu agama Islam ditubuhkan di kawasan Bangkok dan di kawasan sekitarnya; antaranya Sekolah Islam Sri Ayutthaya, di wilayah Ayutthaya, Sekolah Rajakarun Mullanithi, Sekolah Bang O Suksa, Sekolah Saha Bamrung Witthaya di Bangkok.¹¹¹ Penubuhan sekolah-sekolah tersebut merupakan kejayaan dalam pengadaptasian pembelajaran ilmu agama dengan ilmu akademik yang disediakan oleh kerajaan. Sekolah-sekolah yang ditubuhkan itu sangat memberi kesan positif kepada para penduduk Melayu kerana mampu melenyapkan rasa bimbang tentang akidah dan keimanan anak-cucu mereka yang selama ini merupakan faktor utama mengapa mereka tidak menghantar anak-cucu mereka ke sekolah kerajaan.

Institusi ekonomi merupakan institusi keempat yang dapat dilihat kejayaan selepas Penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara atau Rancangan Negara. Dasar tersebut dilaksanakan buat kali pertama pada tahun

1961M, Semua pembangunan dan kemajuan itu adalah bertujuan melibatkan kawasan penempatan orang Melayu di persekitaran Kota Bangkok. Rancangan Negara Edisi I, II dan III sangat mempengaruhi institusi ekonomi orang Melayu. Berdasarkan lokasi perkampungan orang Melayu yang terletak tengah-tengah kawasan bandar dan pinggiran bandar yang menjadi kawasan tumpuan pembangunan dalam Rancangan Negara, menyebabkan harga tanah kepunyaan orang Melayu meningkat tinggi berasaskan pembangunan dan kemudahan infranstruktur yang telah dibina itu. Ramai orang Melayu mengambil keputusan untuk menjual tanah dalam kawasan bandar atau kawasan yang sedang dibangunkan, kemudian mereka membeli tanah di kawasan luar bandar. Tentang hal itu, Haji Arun Bunchom menyatakan bahawa, ramai keluarga yang berjaya dalam bidang ekonomi sekarang adalah kumpulan orang yang pandai mengurus harta semasa Rancangan Negara Edisi I, II dan III dijalankan. Sebelum itu, orang Melayu hanya bekerja sebagai petani dan pekebun. Kemasukan kemudahan infranstruktur dan pembangunan ke dalam kawasan kampung Melayu merupakan peluang dan faktor penting dalam peningkatan taraf kehidupan terutamanya dalam institusi ekonomi.¹¹² Begitu juga dengan pandangan Haji Sukri Sarem yang menyatakan bahawa kejayaan institusi ekonomi orang Melayu jelas dilihat selepas penguatkuasaan Rancangan Negara terutamanya bagi penduduk yang mendiami kawasan bandar. Kemajuan dan pembangunan yang bertujuan untuk menyerap masuk dalam masyarakat Melayu merupakan faktor utama yang mempertingkatkan kehidupan orang Melayu. Keluarga yang pandai menguruskan harta benda milik sendiri akan mendapat kejayaan. Terdapat juga beberapa keluarga yang tidak berjaya menguruskan harta kepunyaan sehingga akhirnya harta itu dihabiskan tanpa apa-apa perkembangan.¹¹³

Institusi politik ialah institusi sosial terakhir dalam kalangan orang Melayu di persekitaran Bangkok yang dapat dilihat kejayaannya. Walaupun badan-badan


pentadbiran tempatan seperti Majlis Perbandaran dan Badan Pentadbiran Mukim ditubuhkan semenjak tahun 1933M tetapi orang Melayu masih tidak dapat menguasai badan-badan tersebut. Hal ini kerana disebabkan keadaan ekonomi mereka masih tidak stabil dan sibuk dengan pekerjaan. Kejayaan institusi pendidikan dan kejayaan institusi ekonomi merupakan faktor penting yang menjayakan orang Melayu dalam institusi politik. Kebanyakan orang Melayu yang mewakili penduduk kampung dalam badan pentadbiran peringkat tempatan terdiri daripada golongan orang yang berjaya dalam ekonomi dan pendidikan.¹¹⁴

Pada awal zaman permulaan pilihan raya umum, orang Melayu Bangkok belum lagi berperanan dalam politik negara tetapi di Thailand Selatan orang Melayu telah pun ada pilihan sebagai ahli Parlimen. Pada tahun 1975M misalnya, terdapat seramai 14 orang ahli parlimen Islam; iaitu tiga orang di wilayah Patani, tiga orang lagi di wilayah Narathiwat, dan wilayah Satul, Songkhla, Yala, Krabi, Chaingmai dan Phattalung dan seorang atau dua orang di Bangkok.¹¹⁵ Ahli parlimen Bangkok ialah Encik Lek Nana (beretnik India) dan Encik Prayunsak Chalayondecha (beretnik Parsi). Encik Lek Nana adalah orang kaya Islam kerana mempunyai banyak perniagaan di kawasan Bangkok. Manakala Encik Prayunsak adalah bekas pegawai tinggi kerajaan dan orang Islam generasi awal yang mendapat pendidikan tinggi. Orang Melayu Bangkok yang dapat dipilih menjadi ahli parlimen pertama pada tahun 1986M ialah Haji Suwat Wannasirikul.¹¹⁶ Maklumat yang diketahui bahawa kejayaan institusi politik orang Melayu adalah berasaskan ekonomi dan pendidikan. Orang yang mendapat peluang dalam politik terdiri daripada golongan orang kaya ataupun orang yang berpendidikan tinggi.

Sekarang orang Melayu Bangkok sering dipilih menjadi ahli parlimen atau wakil rakyat di peringkat tempatan dan peringkat negara. Kawasan yang mereka wakili adalah kawasan yang mempunyai majoriti orang Melayu. Antara kawasan yang mempunyai majoriti orang Melayu ialah daerah Ratburana, Thungkru, Minburi, Nongchok, Bangkrapi dan Khlong Samwa Bangkok. Daerah Bangbuathong, Pakkret dan Bangyai wilayah Nonthaburi, Daerah Khlongluang dan Thanyaburi wilayah Pratumthani.

Gambarajah 4.3 memperlihatkan sejarah perkembangan kejayaan orang Melayu di persekitaran Bangkok sepanjang zaman Rattanakosin. Dapat dilihat bahawa semakin lama mereka mendiami kawasan ini semakin bertambah peluang untuk mencapai kejayaan dalam setiap institusi. Pada zaman awal, mereka hanya meneruskan kehidupan di bawah peraturan-peraturan kerajaan Siam sahaja. Kekuatan institusi sosial membolehkan mereka berjaya mengekalkan identiti. Pada zaman pemerintahan Raja Rama V, selepas pembatalan sistem perhambaan, institusi keluarga merupakan institusi sosial pertama yang dapat dilihat kejayaannya. Kemudian, institusi agama dalam kalangan orang Melayu dibangunkan. Mereka dapat mempelajari dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan agama sehingga dapat menubuhkan sekolah atau pondok di kawasan ini. Institusi pendidikan merupakan institusi seterusnya yang dapat dilihat kejayaan orang Melayu. Penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib, menyebabkan semua rakyat Thai yang cukup umur mendapat pendidikan ilmu akademik. Orang Melayu juga menerima kesan daripada penguatkuasaan dasar ini. Walaupun pendidikan akademik yang diwajibkan oleh kerajaan dipandang negatif pada peringkat permulaan tetapi akhirnya diterima baik, kerana dengan pendidikan tersebut mampu mempertingkat dan menambahkan peluang kepada orang Melayu dan masyarakat mereka dalam bidang kerjaya. Kemudian kerajaan Siam di bawah pimpinan Sarit mahu membangunkan ekonomi negara dengan menguatkuasakan Dasar Perancangan


Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara. Berdasarkan penguatkuasaan dasar ini serta pendidikan dan kestabilan yang ada, peluang orang Melayu dalam bidang ekonomi makin bertambah. Institusi politik adalah institusi sosial yang terakhir yang dapat dilihat peluang mereka. Ini kerana kebanyakan orang yang berjaya menjadi ahli politik adalah terdiri daripada keluarga yang berada. Orang Melayu yang sebelum ini belum sempurna dalam keperluan hidup menyebabkan mereka tidak berapa minat dalam bidang politik. Namun selepas mereka berjaya dalam institusi-institusi sosial, baharulah mereka mula memainkan peranan dalam bidang politik



Gambarajah 4.3: Perkembangan Kejayaan Orang Melayu pada Zaman Rattanakosin

Pada zaman pemerintahan demokrasi, kejayaan yang dapat dirasai oleh orang Melayu dalam tiga buah institusi sosial; iaitu institusi pendidikan, institusi ekonomi dan institusi politik serta pencapaian kejayaan adalah berdasarkan faktor-faktor yang telah

dinyatakan. Orang Melayu yang berpendidikan, orang yang berada dan ahli politik mudah mencapai tahap *Keperluan Penghargaan Diri* berbanding dengan orang yang tidak ada sebarang sokongan daripada ketiga-tiga institusi tersebut. Maka jelas dapat dilihat bahawa kejayaan dalam kalangan orang Melayu di persekitaran Bangkok pada zaman ini masih diteruskan, walaupun menghadapi beberapa halangan daripada *Dasar Rathaniyom* yang bersifat nasionalisme melampau yang bertujuan untuk menghapuskan identiti golongan minoriti. Sebaliknya, peluang yang didapati daripada faktor-faktor kejayaan merupakan punca yang menambahkan jumlah orang Melayu yang beralih daripada tahap survival kepada tahap kejayaan. (Sila lihat Gambarajah 4.4 untuk merujuk kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama I hingga sekarang - Raja Rama IX).



Gambarajah 4.4: Perkembangan kejayaan dalam masyarakat Melayu pada zaman Raja Rama I hingga sekarang (Raja Rama IX)

4.9 Kesimpulan

Walaupun penukaran sistem pemerintahan negara daripada sistem pemerintahan monarki atau raja berkuasa mutlak kepada sistem pemerintahan demokrasi beraja di bawah perlembagaan baharu merupakan detik pemisah antara sistem lama dengan sistem baharu, tetapi dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan masih belum bebas sepenuhnya daripada dasar-dasar kerajaan Thai yang dijalankan sebelumnya. Pada umumnya, dasar pada awal zaman pemerintahan demokrasi jelas berbentuk pemaksaan dan pendesakan untuk mengubah beberapa aspek sosial dan budaya golongan minoriti, terutamanya penduduk Melayu.

Dasar Pemerintahan *Khana Ratsadorn* Enam Prinsip dikuatkuasakan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk seluruh negara dan dasar ini juga melibatkan aspek survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dalam proses pengasimilasian mereka sebagai golongan minoriti dengan golongan majoriti masyarakat Thai. Walaupun demikian, sesetengah dasar yang dijalankan diberi beberapa kelonggaran tetapi kebanyakan dasar berkaitan telah mendatangkan kesan negatif kepada penduduk Melayu. Misalnya kesan negatif daripada dasar pembangunan pendidikan yang dijalankan oleh kerajaan telah menelan dan memusnahkan identiti mereka orang Melayu. Begitu juga dasar pembangunan ekonomi dan pentadbiran, dalam proses pelaksanaannya telah mendatangkan kesan negatif kepada penduduk Melayu ke arah mempercepatkan lagi proses kehilangan budaya dan bahasa Melayu yang mereka warisi .

Antara dasar-dasar yang dikuatkuasakan, Dasar Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom* merupakan dasar yang sangat mempengaruhi survival orang Melayu pada zaman itu. Dasar tersebut dijalankan melalui konsep nasionalisme melampau dengan

tanggapan bahawa budaya bangsa Thai sahaja harus dipupuk dan dilaksanakan tanpa mengira etnik, agama dan kepercayaan golongan minoriti. Semua warganegara Thai mesti menyedari dan berpegang bahawa mereka adalah sebagai orang Thai. Oleh itu mereka harus menanamkan sikap “ke-Thai-an” berdasarkan budaya Thai yang berlandaskan kepercayaan agama Buddha. Sepanjang masa pemerintahan, kerajaan Siam menjalankan dasar asimilasi dalam pentadbiran tetapi Dasar Pembentukan Negara yang dikuatkuasakan oleh *Phibul Songkhram* ini seboleh-bolehnya bertujuan untuk menghapuskan identiti golongan minoriti, termasuk juga orang Melayu. Bagi orang Melayu, perasaan perkauman tersebut tidak dizahirkan serta-merta tetapi terpendam di dalam hati sanubari mereka. Dengan itu, orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya terpaksa mengadaptasi cara hidup mereka untuk membolehkan mereka meneruskan kehidupan di bawah dasar-dasar kerajaan yang bersifat kekerasan dan menyekat dan membantut perkembangan identiti mereka. Namun begitu, perkara yang berkaitan dengan agama atau kepercayaan mereka, dasar-dasar yang menggugat kepercayaan Islam yang mereka warisi akan ditolak sama sekali. Penguatkuasaan dasar ini menjadikan kerajaan Thai dipandang negatif oleh penduduk Muslim dari seluruh negara, terutamanya di Thailand Selatan. Dasar ini juga merupakan faktor asas yang menyebabkan berlakunya masalah keamanan dan konflik yang berlarutan di tiga wilayah Selatan Thai hingga sekarang.

Penguatkuasaan dasar yang bersifat nasionalisme melampau tersebut telah memberi pengaruh langsung terhadap orang Melayu, terutamanya pengekalan identiti mereka. Sebelum ini, identiti mereka hanya dipengaruhi secara tidak langsung melalui dasar pendidikan. Sebaliknya dasar ini telah mendatangkan perubahan besar dalam bidang sosial dan budaya Melayu. Empat perkara mengikut Konsep Survival Minoriti, orang Melayu terpaksa akur dengan dasar-dasar tersebut, walaupun bahasa dan

budaya mereka diketepikan dalam arus berasimilasi dengan masyarakat Thai, kecuali kepercayaan agama tetap mereka pertahankan. Kehidupan mereka pada zaman itu diasimilasi oleh masyarakat Thai secara paksa melalui dasar-dasar tersebut.

Setelah mendapat penentangan dan bantahan penduduk Islam terhadap Dasar *Ratthaniyom* berhubung dengan kepercayaan penduduk beragama Islam, kerajaan Thai mengeluarkan dan menguatkuasakan Akta Penaungan Agama Islam bagi menyelesaikan masalah yang dipertikaikan. Lanjutan daripada itu, badan-badan agama peringkat tempatan dan peringkat negara ditubuhkan untuk menyelaraskan masalah yang berlaku antara masyarakat Muslim dengan kerajaan. Orang-orang Muslim di seluruh negara telah dikembalikan kebebasan mereka dalam kehidupan beragama dan kepercayaan Islam yang selama ini disekat. Namun begitu, walaupun kebebasan beragama dan kepercayaan penduduk Islam telah dikembalikan, tetapi kesan Dasar *Ratthaniyom* masih diteruskan oleh kerajaan Thai. Budaya Melayu terutamanya bahasa dihilangkan peranan dalam masyarakat. Orang Melayu generasi baru tidak boleh berbahasa Melayu. Orang Melayu generasi tua pun tidak mengajar bahasa Melayu kepada anak-cucu mereka. Semangat Melayu dalam kalangan mereka dihilangkan dan yang terus utuh dan dikekalkan hanya semangat Islam. Manakala, Pendidikan dalam kalangan orang Melayu di Bahagian Tengah Thailand dipertingkatkan seperti rakyat Thai lain.

Kerajaan *Phibul Songkhram* yang memerintah negara Thai pada penggal kedua menjalankan Dasar Penyesuaian Pentadbiran mengikut adat dan kebudayaan orang Islam dengan pandangan dan sikap yang agak terbuka daripada sebelumnya. Tambahan lagi, kerajaan membuka peluang dalam bidang politik kepada penduduk tempatan, termasuk penduduk Melayu dengan menguatkuasakan Akta Pentadbiran Tempatan.

Beraskan dasar tersebut, badan-badan pentadbiran tempatan ditubuhkan. Penduduk kawasan luar bandar mula mendapat peluang untuk mengundi untuk memilih wakil mereka dalam kampung dan mukim yang membolehkan mereka menjadi ahli badan pentadbiran tersebut. Begitu juga dalam komuniti Melayu di bahagian Thailand Tengah, mukim-mukim atau kawasan yang majoriti penduduk Melayu boleh memilih dan mengundi wakil mereka. Peluang dan hak-hak yang didapati daripada kerajaan Thai membuatkan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dapat meneruskan kehidupan mereka tanpa sekatan, dan mempunyai hak berpolitik yang sama sebagaimana penduduk Thai yang lain.

Apabila Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara dikuatkuasakan, survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya didapati ikut sama berubah akhirnya. Sektor perekonomian dalam masyarakat Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya ikut meningkat dan berkembang maju. Penguatkuasaan dasar ini mendatangkan perubahan besar kepada masyarakat Melayu di Kawasan Thailand Tengah. Kedudukan masyarakat Melayu lebih baik dan lebih stabil kalau dibandingkan dengan kedudukan mereka pada zaman silam iaitu sebelum dasar ini dikuatkuasakan. Orang Melayu sebagai golongan minoriti ikut membangun sehingga kedudukan sosial mereka sebagai warganegara Thai didapati sama tarafnya dengan warganegara Thai. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa masalah yang dihadapi ekoran daripada pembangunan pesat yang berlaku seperti konflik aliran kepercayaan dan masalah sosial dalam kalangan mereka tetapi mereka berjaya mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah yang timbul serta dapat meneruskan kehidupan mereka dalam kawasan Thailand Tengah ini hingga sekarang.

Sepanjang sejarah survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya, jelas menunjukkan bahawa dasar-dasar kerajaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kehidupan mereka. Secara keseluruhan, dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Thai memberi kesan positif dan negatif kepada masyarakat Melayu. Kesan negatifnya adalah sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa identiti Melayu hilang akibat ditelan oleh perkembangan arus pembangunan yang pesat melalui dasar asimilasi yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Manakala kesan positifnya adalah orang Melayu dapat dipertingkatkan mutu kehidupan mereka dalam bidang pendidikan, ekonomi dan politik sehingga berjaya menyamai taraf atau kedudukannya dengan penduduk Thai yang lain. Orang-orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya yang merupakan golongan minoriti di peringkat kawasan didapati berjaya menyesuaikan diri dalam kehidupan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam masyarakat yang majoritinya orang Thai yang beragama Budha.

Manakala pada zaman pemerintahan demokrasi penduduk Melayu ikut sama mendapat kejayaan dalam arus perkembangan institusi pendidikan, institusi ekonomi, dan akhirnya institusi politik negara Thai. Kejayaan orang Melayu dalam setiap institusi sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan Thai merupakan faktor luaran. Faktor-faktor tersebut telah mendatangkan ruang dan peluang. Mereka bebas daripada diskriminasi atau sekatan kerajaan yang membolehkan masyarakat Melayu mencapai kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan melalui institusi pembangunan negara. Manakala, kemahuan mereka berusaha untuk mencapai kejayaan selepas institusi sosial dilaksanakan adalah faktor dalaman kerana mereka sedar erti kemajuan diri demi kelangsungan hidup keluarga dan generasi mereka akan datang serta masyarakat

Melayu seluruhnya di kawasan Thailand Tengah. Kawasan ini telah menjadi tempat tinggal tetap mereka dan keluarganya sebagai warganegara Thailand.

Hasil kajian ini terutamanya survival institusi agama dan institusi keluarga selaras dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Siti Munirah Binti Kasim (2014). Kajian beliau dilakukan terhadap sebuah daerah di Bangkok iaitu Minburi yang merupakan sebahagian daripada kawasan kajian dalam tesis ini. Identiti agama menurut Munirah adalah agama Islam yang merujuk kepada masjid, surau, serta sekolah agama dan perayaan berasaskan agama Islam. Sebaliknya identiti budaya pula terdiri daripada adat Melayu, bahasa Melayu, pakaian, nilai Melayu dan panggilan berasaskan persaudaraan (kinship). Bagaimanapun, identiti budaya mereka makin hari makin dikurangkan peranan sehingga akhirnya ditinggalkan sahaja budaya yang berkaitan dengan agama. Di sebalik faktor-faktor yang membolehkan dalam kalangan mereka mendapat kejayaan berasaskan faktor dalaman, faktor-faktor tersebut akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab V berikutnya.

Nota Hujung

¹ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 141.

³Pleng Phupa. (2007). *ย้อนรอยขบวนการยึดอำนาจ ปฏิวัติเมืองไทย (Menjejaki semula Perampasan Kuasa dan Revolusi Thailand)*. Bangkok : Pimkurathau, hal. 232.

⁴ Rama VII (dilahirkan 8 November 1893 – mangkat 30 Mei 1941 pada umur 47 tahun), sebagai raja ketujuh Siam dari Dinasti Chakri. Baginda merupakan raja terakhir Siam yang memegang kekuasaan di bawah pemerin tahan monarki atau sistem raja berkuasa mutlak, setelah terjadinya revolusi pada tahun 1932, dan raja Siam pertama yang berkuasa di bawah perlembagaan.

⁵ Stowe, Judith. (1991). *Siam Becomes Thailand: A Story of Intrigue*. United Kingdom: C. Hurst & Co. Publishers, hal.4.

⁶ Ibid., hal. 2.

⁷ Department of Government. (2007). *The Last Chance for Political Reform*. Faculty of Political Science, Chulalongkorn University, didapati daripada:

<http://www.polsci.chula.ac.th/pitch/modernthaipolitics2007/outline06.pdf>

⁸ Stowe, Judith. (1991). *Siam Becomes Thailand: A Story of Intrigue*, hal. 2.

⁹ Ibid.

¹⁰ Baginda seorang anakanda Raja Rama V dan pegawai tentera Thai yang sangat berpengaruh dan menteri kerajaan Siam pada abad ke-20 hingga tahun terakhir sistem pemerintahan monarki. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Turus Royal Thai Army, Komander Tentera Laut Diraja Thai, Menteri Tentera Laut, Tentera Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri, dan sebagai Privy Kaunselor untuk kedua-dua Raja iaitu Raja Vajiravudh (Rama VI) dan Raja Prajadhipok (Raja VII).

Selepas rampasan kuasa pada tahun 1932 iaitu tahun terakhir pemerintahan monarki mutlak di Siam, beliau telah dibuang dari kerajaan Thai ke Bandung, Indonesia, yang ketika itu di bawah pentadbiran Belanda. Semasa Perang Dunia II dia bekerjasama dengan Plaek Pibulsonggram. Beliau meninggal dunia pada tahun 1944 ketika dalam buangan semasa Jepun menguasai Indonesia.

¹¹ Stowe, Judith. (1991). *Siam Becomes Thailand: A Story of Intrigue*, hal. 15.

¹² Ibid., hal.16.

¹³ Ibid.,

¹⁴ Ibid., hal.19.

¹⁵ Baker, Christopher; Phongpaichit, Pasuk. (2005). *A History of Thailand*. United Kingdom: Cambridge University Press, hal. 115.

¹⁶ Sebagai ahli *Angkatan Rakyat* yang melakukan revolusi pada tahun 1932. Kemudiannya beliau dilantik sebagai ahli parlimen dan sebagai *Chularachamontri* atau Mufti negara Thai yang ke-14. Beliau menamatkan pelajaran ijazah dasar dari Universiti Al-Azhar. Beliau juga sebagai Muslim Ahli Sunah pertama yang dilantik sebagai Mufti Thai.

¹⁷ Prayunsak Chalayondecha. (1996). *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*. Bangkok : Krongkarn Hosamutklang Saisakul Sultan Sulaiman, hal. 63.

¹⁸ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 142.

¹⁹ *Ratthaniyom* merupakan adat yang disukai ramai yang diluluskan oleh jamaah menteri dan diisytiharkan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk dijalankan dan diamalkan oleh Rakyat Thai.

²⁰ Rong Sayamonda. (1997). *ประวัติศาสตร์ไทยในระบอบรัฐธรรมนูญ (Sejarah Thailand di Bawah Sistem Perlembagaan)*. Bangkok : Thaiwatthanapanit, hal. 55-56.

²² Sanan Muangwongse. (1981). *ประวัติศาสตร์ไทย ตอนที่ 1 (Sejarah Thai Episod 1)*. Songkla : Universiti Srinakharinwirot Songkla, hal. 229.

²³ *Phibul Songkram* menjawat jawatan perdana menteri Thai dua penggal iaitu penggal pertama pada 16 Disember 1938 hingga 24 Ogos 1944 dan penggal kedua pada 8 April 1948 hingga 16 September 1957.

²⁴ Piyant Boonak. (1991). *นโยบายการปกครองของรัฐบาลไทยต่อชาวไทยมุสลิมในจังหวัดชายแดนภาคใต้ พ.ศ. 2475-2516 (Dasar Kerajaan Thai terhadap Penduduk Muslim dala wilayah-wilayah di Selatan Thailand B.E. 2475-2516)*. Bangkok: Chulalongkorn Universiti, hal. 82-83.

²⁵ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal.146-147.

²⁶ Imran Maklulim. (1995). *วิเคราะห์ความขัดแย้งระหว่างรัฐบาลกับมุสลิมในประเทศไทย : กรณีศึกษากลุ่มมุสลิมในจังหวัดชายแดนภาคใต้ (Analisis Konflik antara Kerajaan dengan Muslim dalam Negara Thai : Kajian Kes di Wilayah Sempatan Selatan)*. Bangkok, Islamic Academy, hal. 105-106.

- ²⁷ Buppha Thipsaphapkul. (1986). *ทัศนะของสมาชิกสภาผู้แทนราษฎรต่อนโยบายวัฒนธรรมของ จอมพล ป. พิบูลสงคราม (พ.ศ. 2481-2487) (Sikap Ahli Parlimen Terhadap Dasar Phibul Songkram B.E. 2481-2487)*, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Institut Pengajian Siswazah, Chulalongkorn Universiti, hal. 77.
- ²⁸ Surin Pitsuwan. (1982). *เรื่องราวที่มีผลกระทบต่อความมั่นคงปลอดภัยของเขตแดนระหว่างมาเลเซียกับประเทศไทย (Cerita yang Mempengaruhi Keteguhan Sempadan Thailand dan Malaysia)*. Bangkok : Universiti Thammasat, hal. 5.
- ²⁹ Temu bual Muhammad Adam, Khatib Masjid *Kaewnimit*, Kampung *Khlong Nueng*, Prathunthani, Thailand, 23 Disember 2014.
- ³⁰ Temu bual Khadijah Samani, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 25 Disember 2014.
- ³¹ Ibid.
- ³² หนังสือพิธีอัญเชิญพระบรมราชานุสาวรีย์ (Buku Peringatan Fardu-in Razuan), 18 April 1980, hal. 4,5 dan 8.
- ³³ 1906-1958
- ³⁴ Chokchai Wongtane. (2011). *มลายูบางกอก/น่ายูบเกาะฮะ: การหจยหัยในแผ่นดินสยาม/จีนย (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembangan di Tanah Siam/Siae)*. *Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies*, hal.454-455.
- ³⁵ Prayunsak Chalayondecha, *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*, hal. 307.
- ³⁶ Ibid., hal. 307-309.
- ³⁸ Ibid., hal. 53.
- ³⁹ Ibid., hal. 52.
- ⁴⁰ Worawit Baru @ Ahmad Idris, *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal.148.
- ⁴¹ Sirirat Ruangwongwan, 1978, hal. 78, dlm Sawvane Jitmuat, *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn, 1988, hal.273.
- ⁴² Prayunsak Chalayondecha. (1996). *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*, hal. 46.
- ⁴³ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1995). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal.149-150.
- ⁴⁴ Ibid., hal.150.
- ⁴⁵ Temu bual Khadijah Samani, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 25 Disember 2014.
- ⁴⁶ Temu bual Ammara Tapsen, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 26 Disember 2014.
- ⁴⁷ Temu bual Phaitoon Charoensuk, Bekas pegawai Bank Negara Thailand, penduduk kampung *Sanonoi*, wilayah *Nonthaburi*, Thailand, 7 Januari 2015.
- ⁴⁸ Temu bual Muhammad Adam, Khatib Masjid *Kaewnimit*, Kampung *Khlong Nueng*, Prathunthani, Thailand, 23 Disember 2014.
- ⁴⁹ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 214-215.
- ⁵⁰ Ibid., hal., 186.
- ⁵¹ Sebelum ini, Majlis Maulidur Rasul Negara Thai telah tiga kali dilakukan. Kali yang pertama diadakan pada tahun 1937, Haji Abdullah Kadimi sebagai pengerusi majlis. Kawasan yang dilakukan adalah Dewan Mensyarat Jabatan Kesenian Negara. Majlis Maulidur Rasul Negara Thai Kali yang kedua diadakan di rumah Haji Lek Nana (seorang Muslim berketurunan India yang kaya) pada tahun 1938. Beliau juga sebagai pengerusi majlis pada tahun ini. Majlis Maulidur Rasul Negara Thai kali ketiga diadakan di Sekolah Amnuaisuin pada tahun 1939. Haji Lek Nana juga sebagai pengerusi Majlis pada tahun ini. Pada tahun 1940 dan tahun seterusnya Majlis Maulidur Rasul Negara Thai dihentikan kerana penguatkuasaan Dasar *Ratthaniyou* atau Pembentukan Negara.
- ⁵² Haji Faisal bin Syamsuddin (Paisal Phromyong). (2015). *ประวัติความเป็นมางานเมาลิดกลางแห่งประเทศไทย (Asal usul Majlis Maulidin Nabi Negara Thai)*. Didapati daripada : <http://muslimchiangmai.net/index.php?topic=3586.0;wap2>
- ⁵³ Temu bual Preeda Chuaphodee, Bekas Ketua Kampung *Tha-it*, wilayah *Nonthaburi*, Thailand, 2 Disember 2014.
- ⁵⁴ Perang Pasifik, juga dikenali dengan nama Perang Asia-Pasifik, ialah medan pertempuran Perang Dunia Kedua yang berlaku di Lautan Pasifik dan Asia Timur. Perang di kawasan ini meliputi kawasan yang luas merangkumi Lautan dan Kepulauan Pasifik, Pasifik Barat Daya, Asia Tenggara dan di China (termasuk konflik Soviet-Jepun 1945).
- ⁵⁵ Arkib Negara. SR. 0201.25/806. (1985). dlm Worawit Baru @ Ahmad Idris, *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 154.
- ⁵⁶ Raingan Karn Pra Chum Sapha Phootaen Ratsadorn, 1942, hal. 782 , Dlm Ibid.,
- ⁵⁷ Raingan Karn Pra Chum Sapha Phootaen Ratsadorn, 1940, hal.273-274, 261-262, 247-248, Dlm Ibid., hal. 154-155.
- ⁵⁸ Seorang elit Thai lulusan Perancis dan salah seorang pemimpin *Khana Ratsadorn*.
- ⁵⁹ Pejabat Setiausaha Kabinet Thai. *ประวัตินายกรัฐมนตรีไทย 2475- ปัจจุบัน (Biografi Perdana Menteri Thai 1932-sekarang)*. Didapati daripada : http://www.cabinet.thaigov.go.th/bb_main21.htm

- ⁶⁰ *Pridee Phanomyong* pemimpin *Khana Ratsadorn*, beliau juga pernah bertugas sebagai *Phu Samrej Ratchakarn* atau Pengganti Kuasa Raja (Raja Rama VIII).
- ⁶¹ Surin Pitsuwan. (1982). *นโยบายการประสมประสานชาวมุสลิมในประเทศไทยสมัยรัตนโกสินทร์ (Dasar Asimilasi Orang Malay Muslim dalam Negara Thai Zaman Rattanakosin)*. Bangkok: Institut Pengajian Thai, Universiti Thammasat, hal. 9.
- ⁶² Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 158.
- ⁶³ Surin Pitsuwan. (1982). *นโยบายการประสมประสานชาวมุสลิมในประเทศไทยสมัยรัตนโกสินทร์ (Dasar Asimilasi Orang Malay Muslim dalam Negara Thai Zaman Rattanakosin)*, hal., 11.
- ⁶⁴ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 158.
- ⁶⁵ สำนักงานเลขาธิการรัฐสภา (*Pejabat Setiausaha Parlimen*). (1948). hal., 315.
- ⁶⁶ Piyanart Boonak. (1991). *นโยบายการปกครองของรัฐบาลไทยต่อชาวไทยมุสลิมในจังหวัดชายแดนภาคใต้ พ.ศ. 2475-2516 (Dasar Kerajaan Thai terhadap Penduduk Muslim dala wilayah-wilayah di Selatan Thailand B.E. 2475-2516)*, hal.94.
- ⁶⁷ Sawanee Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*. Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn, hal.221-222.
- ⁶⁸ *Ibid.*, 243.
- ⁶⁹ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 160.
- ⁷⁰ Rong Sayamanon. (1997). *ประวัติศาสตร์ไทยในระบอบรัฐธรรมนูญ (Sejarah Thailand di Bawah Sistem Perlembagaan)*. Bangkok : Thaiwatthanapanit, hal. 297-298.
- ⁷¹ Kowit Puangngam. (2005) *การปกครองท้องถิ่นไทย: หลักการและมิติใหม่ในอนาคต (Pentadbiran Tempatan Thai: Prinsip dan Dimensi Baru)*. Bangkok: Winyuchon, 2005.
- ⁷² Nik Abdul Rakid Haji Nik Hassan. (2003). *Siamisasi Penduduk Melayu: Kajain Kes di Kampung Duku, Daerah Bacok, Wilayah Narathiwat*, Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal.39.
- ⁷³ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 162-163.
- ⁷⁴ Dalam negara Thai pada masa itu, Jawatankuasa Islam Wilayah ditubuhkan sebanyak 24 wilayah iaitu terdiri daripada wilayah-wilayah yang ramai penduduk Muslim mendiami kawasan wilayah tersebut.
- ⁷⁵ Baginda merupakan anakanda ketiga Raja Rama IX, Dinasti Chakri. Baginda sebagai wanita pertama dalam sejarah Thai yang dilantik menjadi pewaris takta Raja Siam selepas perubahan konstitusi Thailand pada tahun 1974.
- ⁷⁶ Perdana menteri Thai keenam belas yang menjawat jawatan pada tahun 1979 sehingga tahun 1986. Walaupun telah lama meletak jawatan, tetapi pengaruh beliau terhadap politik Thai masih kekal sampai sekarang. Kini beliau merupakan pengerusi Majlis Penasihat Diraja Thai.
- ⁷⁷ Prayunsak Chalayondecha. (1996). *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*, hal. 55.
- ⁷⁸ Office of Syeak Islam Thailand. *ตำแหน่งจุฬาราชมนตรีแห่งราชอาณาจักรไทย (Jawatan Chularatchamontri Thailand)*. Didapati daripada : www.skthai.org
- ⁷⁹ Sawanee Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, hal. 244.
- ⁸⁰ Temu bual Fatimah Samani, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 26 Disember 2014.
- ⁸¹ Temu bual Samai Charoenchang, sejarahwan dan bekas wakil rakyat Bangkok berketurunan Melayu, 14 Disember 2014.
- ⁸² Temu bual Hajah Mariam Maliwan, penduduk Muslim di daerah Bangkok, Bangkok, 17 Disember 2014.
- ⁸³ Temu bual Kasem Boonmaha, Bekas pengetua kampung Tha-it, daerah Pakkret, wilayah Nonthaburi, 24 Disember 2013.
- ⁸⁴ *Ibid.*
- ⁸⁵ Temu bual Somwang Charoensuk, bekas guru sekolah menengah, penduduk kampung Bangbuathong, wilayah *Nonthaburi*, 25 November 2014.
- ⁸⁶ Temu bual Jaran Maluleem, Profesor Fakulti Sains Politik, Unversiti Thammasat, Thailand, 1 Jun 2015.
- ⁸⁷ Sebelum penggunaan Rancangan Negara, kerajaan Phibul Songkhram telah menubuhkan Majlis Ekonomi Negara pada tahun 1950. Majlis ini bertugas untuk memberi nasihat dan cadangan serta menjelaskan hal ehwal ekonomi kepada kerajaan.
- ⁸⁸ Office of The National Economic and Social Development Board. *ประวัติความเป็นมา (Latar Belakang)*. Didapati daripada : <http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>
- ⁸⁹ Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*, hal. 170.

⁹⁰ Office of The National Economic and Social Development Board. *แผนพัฒนาเศรษฐกิจและสังคมแห่งชาติฉบับที่ 1 (Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi I)*. Didapati daripada: <http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>

⁹¹Ibid.

⁹²Office of The National Economic and Social Development Board, *แผนพัฒนาเศรษฐกิจและสังคมแห่งชาติฉบับที่ 2 (Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi II)*. Didapati daripada: <http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>

⁹³Ibid.

⁹⁴Office of The National Economic and Social Development Board. *แผนพัฒนาเศรษฐกิจและสังคมแห่งชาติฉบับที่ 3 (Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi III)*. Didapati daripada: <http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>

⁹⁵ Ibid.

⁹⁶ Kawasan Asok jalan Sukhumwit merupakan pusat ekonomi negara Thai. Banyak ibu pejabat syarikat besar negara Thai terletak di sini. Kawasan ini juga merupakan salah satu kawasan yang tanahnya paling mahal di Thailand. Sebelum kawasan ini dimajukan, kebanyakan tuan punya tanah adalah orang Melayu.

⁹⁷ Temu bual Haji Arun Bunchom, Pengurus Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.

⁹⁸Salafi adalah pengikut gerakan Islam yang mengambil generasi pendahulu mereka yang soleh, *Salaf* di zaman awal Islam, sebagai model teladan. Perkataan *salaf* merupakan kata nama Arab yang bermakna "pendahulu", atau "leluhur". Golongan ini juga dirujuk sebagai "*Salaf as-Saaleh*", atau Leluhur Salih, dan merangkumi tiga generasi pertama Muslim iaitu *Sahabah*, *Tabi'un* ("Pengikut") dan *Tabi'in* ("Pengikut Para Tabiin"). Tiga generasi ini dan pemahaman mereka terhadap teks dan rukun Islam dilihat oleh golongan Salafi sebagai faham ortodoks Islam, dan model bagaimana Islam harus diamalkan.

Istilah Salafi atau Salafiyah ini telah digunakan sejak abad pertengahan, tetapi sekarang perkataan ini merujuk kepada pengikut aliran Islam Sunnimodern yang dikenali sebagai Salafiyah atau Salafisme, yang terkait pula dengan Wahhabisme (untuk sebahagian umatnya nama Wahabi ini dianggap menghina, mereka lebih memilih istilah Salafisme), sehingga dua istilah ini sering dipandang sebagai sinonim. Mereka memiliki pandangan bahawa Muhammad bin Abdul Wahhab tidak mengajar agama (aliran) baru dalam pemikiran atau penggambaran diri, ia hanya berusaha memurnikan Islam yang telah bercampur dengan adat istiadat lokal.

Pada zaman modern, kata Salafi memiliki dua definisi yang berbeza. Pertama, digunakan oleh ahli akademik dan sejarawan, merujuk pada "aliran pemikiran yang muncul pada paruh kedua abad sembilan belas sebagai reaksi atas penyebaran pemikiran-pemikiran dari Eropah," dan "orang-orang yang mencuba memurnikan kembali ajaran yang telah di bawa Rasulullah serta menjauhi berbagai bidah, khurafat, syirik dalam agama Islam

⁹⁹ Worapong Charoenwong. (2011). *Muslim society of Thailand : a study of islamic resurgence in the globalisation era*. Disertasi Sarjana,. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

¹⁰⁰adalah salah satu organisasi Islam bukan kerajaan terbesar di dunia. Organisasi ini ditubuhkan di Mekkah tahun 1962 dan telah memiliki 60 anggota dari 22 negara Muslim. Tujuan utama Liga Islam Dunia adalah penyebaran Islam, menjelaskan prinsip dan ajaran agama, meyakinkan orang-orang untuk mentaati perintah Tuhan, melakukan sangkalan atas laporan dan tuduhan palsu terhadap agama Islam, memberikan bantuan terhadap masalah yang dialami umat Islam, dan membantu projek yang melibatkan penyebaran agama, pendidikan, dan kebudayaan.

¹⁰¹ Sebuah yayasan yang diwujudkan untuk menjadi pusat sembahyang dan perhimpunan orang Muslim di Negara Thai. Kebanyakan penubuh Yayasan Pusat Islam Thailand terdiri daripada golongan pengikut aliran *Salafi*. Oleh itu, Pusat Islam Thailand merupakan pusat penyebaran aliran *Salafi* terbesar di negara Thai dari zaman dahulu hingga sekarang

¹⁰² Sekarang bertugas sebagai ketua imam Masjid Pusat Islam Thailand

¹⁰³ Temu bual Haji Arun Bunchom, Pengurus Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.

¹⁰⁴ Temu bual Ammara Tapsen, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 26 Disember 2014.

¹⁰⁵Sawvane Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, hal. 244.

¹⁰⁶ Temu bual Haji Arun Bunchom, Pengurus Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.

¹⁰⁷Ibid.

¹⁰⁸ Temu bual Ammara Tapsen, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 26 Disember 2014.

¹⁰⁹ Temu bual Muhammad Adam, Khatib Masjid *Kaewnimit*, Kampung *Khlong Nueng*, Prathunthani, Thailand, 23 Disember 2014.

¹¹⁰ Temubual Pakorn Priyakorn, Pengerusi Yayasan Islam Thailand, bekas pensyarah National Institute of Development and Administration, 28 Mei 2015.

-
- ¹¹¹Sawvane Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*. Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn, hal.491-492.
- ¹¹²Temubual Haji Arun Bunchom, Pengurusi Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.
- ¹¹³Temubual Sukri Sarem, sejarahwan dan setiausaha Persatuan Melayu Lebah Pantai *Sungai Chaophraya*, 12 Februari 201
- ¹¹⁴Ibid
- ¹¹⁵Prayunsak Chalayondecha. (1996). *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*. Bangkok : Krongkarn Hosamutklang Saisakul Sultan Sulaiman, hal. 64-65.
- ¹¹⁶Ibid., hal . 66.

BAB 5 : FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN ORANG MELAYU DI PERSEKITARAN BANGKOK

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan faktor-faktor yang membolehkan orang Melayu di persekitaran Bangkok mendapat kejayaan. Perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian utama; iaitu faktor-faktor kejayaan sebelum penyamarataan dengan penduduk majoriti iaitu dari zaman awal Rattanakosin sehingga Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara dikuatkuasakan dan faktor-faktor kejayaan selepas penyamarataan dengan penduduk majoriti. Faktor-faktor sebelum penyamarataan juga boleh dibahagikan kepada dua tempoh masa; iaitu semasa pemerintahan monarki dan semasa pemerintahan demokrasi. Faktor kejayaan orang Melayu pada zaman pemerintahan monarki adalah sewaktu kerajaan Siam dalam keadaan tertekan kerana kegawatan peperangan sebagai faktor luaran; dan penguatkuasaan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan sebagai faktor dalaman. Manakala, faktor-faktor kejayaan pada zaman pemerintahan demokrasi ialah ketika penguatkuasaan Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Pengurusan Pendidikan Wajib dan Penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara.

Sepuluh informan etnik Melayu yang berjaya sekarang iaitu dua orang daripada mereka yang mewakili setiap institusi sosial dipilih untuk menjadi informan dalam kajian ini. Kejayaan mereka semua telah diiktiraf oleh orang ramai bukan sahaja oleh masyarakat Melayu itu sendiri, tetapi juga termasuk masyarakat Thai yang menjadi penduduk majoriti di dalam kawasan terbabit. Setiap informan mempunyai latar belakang kejayaan yang sangat menarik. Mereka semua bukan terdiri daripada keluarga berada, tetapi berasal daripada keluarga yang sederhana atau keluarga yang miskin.

Bahagian analisis tentang kejayaan informan ini berdasarkan maklumat yang didapati daripada temu bual di lapangan seperti latar belakang keluarga, maklumat ibu bapa, kaedah tunjuk ajar dan pendidikan anak-anak oleh ibu bapa, pengaruh agama dalam keluarga serta konsep dan nilai dalam pendidikan keluarga untuk dijadikan maklumat dalam penganalisan data.

5.2 Faktor-faktor Kejayaan Orang Melayu di Persekitaran Bangkok sebelum Penyamaraan

Berdasarkan hasil penyelidikan tentang kejayaan orang Melayu dalam Bab Tiga dan Bab Empat, faktor-faktor kejayaan informan dapat dibahagikan kepada dua zaman iaitu zaman sebelum dan selepas penyamarataan antara penduduk Melayu sebagai golongan minoriti dengan penduduk Thai sebagai golongan majoriti; dan zaman selepas penyamarataan antara orang Melayu sebagai golongan minoriti dengan penduduk majoriti. Dalam bahagian ini akan dibincangkan faktor-faktor kejayaan sebelum penyamarataan antara golongan minoriti dengan golongan majoriti. Zaman ini juga dapat dibahagikan kepada dua zaman lagi iaitu zaman pemerintahan monarki dan zaman pemerintahan demokrasi.

5.2.1 Zaman Pemerintahan Monarki

Pada awal Rattanakosin iaitu zaman pemerintahan Raja Rama I hingga awal zaman pemerintahan Raja Rama V, kejayaan orang Melayu di persekitaran Bangkok tidak kelihatan jelas. Hal ini kerana berdasarkan status perhambaan yang dikenakan beberapa lama selepas mereka dipindahkan ke Bangkok. Hak-hak mereka dalam kehidupan seharian seperti perjalanan dan pekerjaan telah disekat dan dihadkan. Tambahan lagi, penguatkuasaan *Dasar Penempatan Orang Melayu* ke kawasan yang berlainan di sekeliling Bangkok menyebabkan masyarakat Melayu dari awal hingga

zaman pertengahan pemerintahan Rattanakosin tidak berubah atau berkembang. Mereka hanya boleh tinggal di dalam kawasan yang disediakan oleh kerajaan dan tidak boleh keluar dari kawasan tersebut.

Kehidupan orang Melayu di persekitaran Bangkok pada awal zaman pemerintahan Rattanakosin tidak banyak diperkatakan oleh para pengkaji dan tiada catatan secara rasmi dalam penulisan sejarah negara Thailand. Walau bagaimanapun terdapat maklumat dalam catatan orang asing yang pernah berkunjung ke Siam pada awal zaman Rattanakosin seperti Sir John Bowring¹ yang bertajuk *The Kingdom and People of Siam* pada zaman Raja Rama IV, yang menyatakan tentang kehidupan orang Melayu di Kawasan Tengah Thailand. Melalui catatan itu beliau menyatakan:

Adat istiadat orang Melayu lebih hampir sama dengan orang Siam berbanding dengan orang Cina. Mereka selalu makan pinang seperti orang Siam. Makanan utama ialah nasi, tepung, ikan, daging lembu, daging kerbau, ubi, dan buah-buahan. Mereka berkebun dan menanam pisang, tebu, kadangkala menanam lada hitam atau kopi dan buah-buahan tempatan, tetapi mereka tidak ada pengurusan tentang tenaga kerja dan pemeliharaan makanan. Bahasa mereka banyak digunakan dan menjadi alat komunikasi dari Kepulauan Melayu dan mudah diterjemah, ada intonasi dan mudah dipelajari. Mereka menjaga kebudayaan di bawah pimpinan pembesar negeri (Sultan). Pakaian yang dipakai ialah kain sarung dan seluar serta serban manakala rambut dipotong pendek. Mereka menyelitkan keris atau pisau di pinggang.²

Begitu juga dengan pengekalan agama Islam dalam kalangan orang Melayu. Sir John Bowring menyatakan tentang agama orang Melayu di persekitaran Bangkok sebagaimana yang berikut:

Mereka semua menganut agama Muhammad (Islam), dan kepercayaan mereka terhadap agama sangat tinggi. Walaupun kadang-kadang terdapat orang Barat menawarkan wang kepada

mereka untuk menukarkan agama, tetapi tidak dijumpai bahawa mereka menukarkannya.³

Maklumat tersebut secara tidak langsung boleh memperlihatkan kedudukan orang Melayu di Bahagian Tengah Thailand dengan pengekalan identiti dan kepercayaan di bawah sekatan hak-hak dalam kehidupan dan usaha dalam pengasimilasian yang dijalankan oleh kerajaan Thai. Kedudukan tersebut boleh dianggap menjadi pintu pembuka peluang kepada institusi keluarga kerana berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan dan boleh mengekalkan identiti mereka.

Sepanjang zaman pemerintahan monarki, terdapat dua faktor yang membolehkan orang Melayu di persekitaran Bangkok mengekalkan identiti mereka, iaitu kerana faktor keadaan tertekannya kerajaan Siam disebabkan oleh kegawatan peperangan sebagai faktor luaran; dan pelaksanaan penguatkuasaan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan sebagai faktor dalaman

5.2.1.1 Keadaan Tertekan Kerajaan Siam kerana Kegawatan Peperangan

Faktor pertama yang membolehkan orang Melayu di persekitaran Bangkok berjaya mengekalkan identiti mereka pada zaman pemerintahan Rattanakosin kerana kerajaan Siam pada masa itu masih berada dalam keadaan tertekan akibat ancaman keselamatan negara daripada luar. Faktor luaran ini adalah kesan wujudnya kegawatan peperangan dengan kerajaan-kerajaan lain seperti kerajaan Melayu di bahagian Selatan dan juga kerajaan Yuan (Vietnam) di bahagian Timur. Kesibukan menghadapi peperangan membuatkan kerajaan Thai tidak boleh menguatkuasakan dasar-dasar yang bersifat pembangunan. Oleh itu, tawanan perang yang terdiri daripada orang-orang Melayu yang ditempatkan di kawasan sekitar Bangkok hanya bekerja mengikut arahan

kerajaan Siam sahaja. Walaupun dari segi kebebasan mereka dihadkan, tetapi dengan sekatan yang dikenakan itu menyebabkan mereka dapat mengekalkan identiti seperti budaya, bahasa dan agama sebagaimana semasa mereka berada di tanah asal mereka Patani tanpa diganggu-gugat oleh pihak kerajaan atau masyarakat di sekeliling.

Ketika kerajaan Siam dalam keadaan menghadapi kegawatan peperangan dengan negara jiran sekelilingnya, orang Melayu sendiri tidak dapat berinteraksi dengan masyarakat luar dan kekal tinggal di tempat yang ditetapkan oleh kerajaan di persekitaran Bangkok. Dengan anutan agama dan amalan budaya yang berbeza dengan orang Siam serta keterikatan kepada tanah airnya membuatkan orang Melayu pada zaman itu merasa diri mereka sebagai orang luar atau pendatang asing. Tambahan lagi, perasaan sakit hati kesan kekalahan peperangan kepada Siam serta perpindahan secara paksa dari Patani ke Bangkok juga telah menambahkan lagi perasaan tersebut dalam kalangan orang Melayu. Di sebaliknya, kedua-dua faktor itu juga merupakan punca kejayaan orang Melayu mengekalkan identiti Melayu mereka dalam jangka masa yang panjang dan berlarutan hingga hari ini.

5.2.1.2 Penguatkuasaan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan

Selepas penguatkuasaan *Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan* yang dilaksanakan oleh Raja Rama V pada tahun 1878M-1905M, kebebasan dan hak-hak dalam kehidupan orang Melayu di persekitaran Bangkok yang dihadkan sebelum ini telah dikembalikan. Kejayaan yang dapat dilihat selepas penguatkuasaan dasar tersebut ialah berlakunya pengembangan pembelajaran ilmu agama Islam. Selepas mendapat kebebasan dan sekatan perjalanan dibuka, dengan serta-merta orang Melayu mula menghantar anak-cucu mereka ke Patani untuk menyambung pelajaran dan mendalami pengetahuan agama Islam. Sepanjang sejarah selepas mereka dipindahkan ke Bahagian

Thailand Tengah dan ditempatkan di kawasan yang berlainan, pembelajaran agama Islam dalam kalangan orang Melayu disekat kerana hak perjalanan berdasarkan status perhambaan yang diberikan juga terhad. Ilmu pengetahuan agama Islam yang dipelajari itu dikembangkan dalam kelompok orang Melayu daripada satu generasi kepada generasi seterusnya berasaskan pengetahuan yang sedia ada semenjak zaman mereka dipindahkan ke kawasan ini. Haji Sukri Sarem menyatakan, ilmu pengetahuan agama Islam dalam kalangan orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah sebelum pembatalan sistem perhambaan sangat terbatas kerana orang Melayu tidak boleh keluar daripada kawasan yang ditetapkan pihak penguasa. Oleh itu, ilmu pengetahuan agama Islam dalam kalangan mereka adalah berasaskan ilmu yang sedia ada semenjak zaman pemindahan dan diwariskan daripada satu generasi kepada generasi terkemudian. Perkembangan ilmu agama dalam kalangan penduduk Melayu di persekitaran Bangkok ini dimulakan selepas pembatalan sistem perhambaan yang dijalankan pada zaman pemerintahan Raja Rama V.⁴

5.2.2 Zaman Pemerintahan Demokrasi

Pada zaman pemerintahan demokrasi dapat dilihat dengan jelas kejayaan orang Melayu di persekitaran Bangkok dalam tiga institusi sosial; iaitu institusi pendidikan, institusi ekonomi dan institusi politik. Kejayaan-kejayaan tersebut adalah berdasarkan beberapa faktor yang tertentu. Antaranya ialah, penguatkuasaan Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Pengurusan Pendidikan Wajib dan Penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara. Peluang yang wujud ini berjaya dimanfaatkan oleh orang Melayu sebagai golongan minoriti di persekitaran Bangkok. Pada zaman pemerintahan demokrasi ini, peluang awal yang terbuka luas untuk masyarakat Melayu memajukan diri dalam sektor-sektor yang dinyatakan, khasnya sektor pendidikan dan ekonomi.

5.2.2.1 Penguatkuasaan Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Pengurusan Pendidikan Wajib

Penguatkuasaan *Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Penguasaan Pendidikan Wajib* yang dilaksanakan pada tahun 1906M dan 1912M zaman pemerintahan monarki di bawah pimpinan Raja Rama VI merupakan faktor utama yang membolehkan kejayaan dalam institusi pendidikan kepada orang Melayu di persekitaran Bangkok pada zaman seterusnya. Walaupun pada awal zaman penguatkuasaan itu dua buah dasar tersebut menerima pandangan negatif daripada golongan penduduk Melayu, namun akhirnya dasar itu memberi kesan positif kepada mereka pada zaman selepas itu.

5.2.2.2 Penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara

Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara merupakan faktor kedua yang medatangkan kejayaan dalam kalangan orang Melayu terutamanya dalam institusi ekonomi dan institusi politik. Berdasarkan penguatkuasaan dasar ini, orang Melayu yang mendiami di kawasan tengah Thailand terutamanya di persekitaran Bangkok dapat dipengaruhi secara langsung. Kawasan yang didiami orang Melayu ini merupakan kawasan dalam perancangan dasar tersebut. Oleh itu, mereka menerima kesan pembangunan tersebut secara langsung. Penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara mendatangkan peluang dalam bidang ekonomi kepada orang Melayu. Banyak penduduk Melayu dapat faedah daripada dasar ini kerana dinaiktaraf kepada orang yang kaya selepas dasar ini dilaksanakan. Mereka diberikan duit pampasan yang banyak untuk nilai ataupun harga tanah kepunyaan mereka dalam kawasan pembangunan diambil yang diambil oleh kerajaan. Berasaskan wang yang banyak itu, mereka dapat melakukan perniagaan dan perdagangan serta memperkembangkan duit yang mereka dapat sehingga dianggap sebagai orang kaya dalam masyarakat bukan sahaja dalam kalangan orang Melayu tetapi termasuk juga

masyarakat luar. Hal ini belum pernah terlihat lagi dalam masyarakat Melayu sebelum ini. Dalam bidang politik juga, dipengaruhi secara langsung berasaskan penguatkuasaan dasar ini. Ahli-ahli politik Melayu di peringkat negara semakin bertambah jumlahnya selepas keadaan ekonomi mereka telah stabil. Sebelum ini orang Muslim yang berperanan dalam bidang politik bukanlah orang Melayu tetapi mereka terdiri daripada golongan Muslim berketurunan lain seperti Parsi, Arab, dan India.

Dapatan penyelidikan ini memperlihatkan faktor-faktor kejayaan orang Melayu di persekitaran Bangkok sebelum penyamarataan ialah faktor luaran. Faktor ini yang menghalang komuniti Melayu bergerak maju kerana Siam pada masa itu menerima ancaman peperangan daripada negara-negara jirannya. Orang Melayu dihadkan dari segi tempat tinggal dan pekerjaan. Mereka dikawal dengan beberapa syarat dan hak-haknya oleh kerajaan daripada golongan majoriti. Oleh itu, pada zaman tersebut hak-hak orang Melayu belum dapat disamaratakan tarafnya dengan rakyat Thai yang merupakan golongan majoriti di kawasan tersebut. Dasar-dasar kerajaan yang dikuatkuasakan selepas itu merupakan kunci yang membuka pintu kejayaan kepada penduduk Melayu yang sebagai golongan minoriti. Sebaliknya selepas kerajaan memberi peluang kepada golongan minoriti melalui dasar-dasar yang dilaksanakan, barulah orang Melayu mencapai tahap kejayaan dalam kehidupan seperti golongan majoriti.

5.3 Faktor-faktor Kejayaan Orang Melayu di Persekitaran Bangkok selepas Dasar Penyamarataan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan faktor-faktor yang membolehkan orang Melayu membangun dan mendapat kejayaan hidup di Kawasan Thailand Tengah atau di persekitaran Bangkok. Komuniti Melayu di kawasan ini mula beroleh kejayaan selepas dasar penyamarataan antara rakyat minoriti dengan penduduk majoriti dilaksanakan oleh kerajaan Siam. Kejayaan pembangunan sosioekonomi dan

pendidikan, orang Melayu bergerak maju apabila Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara dikuatkuasakan. Mereka mendapat peluang untuk bergerak maju dan mencapai kejayaan dalam semua institusi sosial sama seperti rakyat Thai yang lain. Faktor-faktor yang membolehkan mereka mendapat kejayaan dalam bidang sosioekonomi dan pendidikan berbeza daripada zaman awal mereka di bawa ke kawasan persekitaran Bangkok. Kesan pembangunan komuniti Melayu di kawasan yang dinyatakan dapat dikaitkan dengan faktor-faktor tersebut. Pengkaji memilih sepuluh orang informan bagi memperlihatkan faktor-faktor kejayaan sosio-ekonomi komuniti Melayu di persekitaran Bangkok. Mereka dipilih untuk ditemu bual bagi mendapatkan maklumat tersebut yang terdiri daripada dua orang bagi setiap institusi sosial yang diceburi mereka.

Informan-informan dalam bahagian ini ialah orang yang berketurunan Melayu yang berjaya dalam institusi sosial yang dipilih. Mereka semua didapati telah berjaya memenuhi keperluan hidup tahap keempat menurut Teori Hieraki Keperluan Maslow iaitu Keperluan Penghargaan Diri serta mencukupi syarat-syarat kejayaan bagi setiap institusi yang telah dinyatakan dalam Bab Satu. Nama-nama informan yang ditemu bual dalam bahagian ini ialah Khun Ammara Thapsaen dan Prof. Dr. Jaran Maluleem mewakili orang yang berjaya dalam institusi keluarga. Haji Marwan Sama-un dan Haji Arun Bunchom mewakili orang yang berjaya dalam institusi agama. Manakala Prof. Madya Dr. Abdullah Numsum dan Prof. Madya Dr. Prakorn Preeyakorn merupakan wakil institusi pendidikan. Wakil orang yang berjaya dalam institusi ekonomi ialah Khun Kittisak Bisalleh dan Khun Subaidah Wangmana, dan akhir sekali Khun Samai Jaroenchang dan Khun Narumol Rattanaphibal mewakili orang yang berjaya dalam institusi politik. Mereka semua ialah penduduk berketurunan Melayu yang terkenal di bahagian Thailand Tengah dalam institusi-institusi yang berkaitan. (Untuk maklumat

lanjut sila rujuk latar belakang setiap orang informan yang boleh dilihat di bahagian Lampiran).

Penganalisan maklumat yang didapati melalui temu bual informan-informan tersebut, lima faktor utama dapat dilihat atau dikenal pasti yang membolehkan mereka mencapai kejayaan dalam bidang berkaitan. Antaranya petunjuk yang digunakan ialah latar belakang keluarga, daya usaha sendiri, tahap pendidikan, bidang kerjaya (pekerjaan) dan pendapatan, serta sifat kreativiti informan.

5.3.1 Latar Belakang Keluarga (Ibu Bapa Informan)

Hasil daripada penganalisan temu bual di lapangan memperlihatkan bahawa, latar belakang keluarga merupakan faktor utama yang membolehkan orang Melayu mendapat kejayaan. Walaupun semua informan berbeza-beza dari segi kejayaan tetapi faktor ini dapat dilihat daripada hampir kesemua informan. Latar belakang keluarga ini termasuklah tahap pendidikan ibu bapa, kedudukan keluarga, pekerjaan yang berpendapatan ibu bapa, perancangan pendidikan kepada anak-anak dan penjagaan yang baik serta pengajaran nilai-nilai murni diyakini boleh mempengaruhi kehidupan anak-anak dengan sifat rajin, bersabar, suka akan pendidikan dan seumpamanya.

Lima orang informan iaitu Khun Ammara Thapsaen, Prof. Dr. Jaran Malulim, Haji Marwan Sama-un, Prof. Madya Dr. Abdullah Numuk, Prof. Madya Dr. Prakorn Preeyakorn terdiri daripada keluarga alim ulama iaitu bapa atau ibu menjadi guru dan pendidikan mereka lebih tinggi kalau berbanding dengan penduduk lain pada zaman yang sama. Empat orang informan daripada mereka (Prof. Dr. Jaran Malulim, Haji Marwan Sama-un, Prof. Madya Dr. Abdullah Numuk, Prof. Madya Dr. Prakorn Preeyakorn) bapa menjadi guru agama. Manakala informan seorang lagi (Khun

Ammara Thapsaen) bapa menjadi guru akademik di sekolah kerajaan tetapi pada masa yang sama beliau juga memegang jawatan imam masjid di kampung dan sambil mengajar agama. Keluarga dua orang informan iaitu Khun Samai Jaroenchang dan Khun Narumol Rattanaphibal menjadi peniaga. Manakala keluarga tiga orang informan lagi iaitu Haji Arun Bunchom, Haji Kittisak Binsalleh, Hajah Subaidah Wangmana terdiri daripada keluarga petani.

Latar belakang ibu bapa informan tersebut menjelaskan bahawa pembelajaran ilmu akademik generasi mereka atau informan belum berkembang. Selepas lulus pendidikan wajib mereka tidak menyambung pelajaran dalam Institusi Pengajian Tinggi kerajaan tetapi memasuki institut pendidikan agama Islam. Bagi keluarga yang berkemampuan dan bersemangat tinggi dalam pembelajaran agama, anak-anak mereka akan dihantar menyambung pelajaran di Selatan Thailand terutamanya di Patani dan kemudiannya dihantar ke Tanah Suci Mekah. Selepas lulus pendidikan agama Islam, mereka pulang ke tanah asal untuk menjadi guru agama. Bagi keluarga yang tidak mampu membiayai anak mereka untuk menyambungkan pelajaran, mereka (responden) akan terus bekerja atau menolong keluarganya. Antara pekerjaan yang paling masyhur dalam kalangan orang Melayu ialah sektor pertanian dan perniagaan.

Bagi lima orang informan yang asalnya daripada keluarga yang berpendidikan iaitu bapa atau ibu mereka menjadi guru atau pendidik. Mereka semua berpandangan sama dan bersetuju bahawa faktor utama kejayaan mereka sekarang berkaitan dengan latar belakang keluarga yang mementingkan pendidikan anak-anak dan mereka agak berbeza dengan penduduk lain dalam masyarakat. Sebagai anak guru, mereka mempunyai peluang dalam pendidikan yang lebih banyak daripada orang lain dalam kampung. Keluarga mereka memberi keutamaan akan kepentingan pendidikan kepada

anak-anak mereka. Hal seperti ini sangat membantu untuk kemajuan pendidikan anak-anak mereka. Walaupun jawatan guru gajinya tidak besar dan wang gajinya tidak mencukupi untuk menyara hidup keluarga dan bagi menambah pendapatan, mereka mesti mencari kerja lain seperti bersawah padi dan bertani, namun hal pendidikan anak-anak mereka masih lagi diteruskan dan diberi keutamaan. Perkara ini lain pula halnya dengan keluarga Melayu yang lain pada zaman itu yang miskin dan tidak mampu memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Banyak keluarga daripada generasi sama dengan informan kajian ini tidak dapat menyambung pelajaran apabila telah lulus pendidikan wajib kerana kemiskinan keluarga. Mereka tidak meneruskan persekolahan dan untuk menyara hidup keluarga, mereka disuruh menolong keluarga bekerja, tambahan lagi ibu bapa mereka juga tidak mengutamakan kepentingan pendidikan anak-anak mereka bagi kebaikan masa hadapan mereka. Anak-anak perlu menyumbangkan tenaga kerja untuk membantu keluarga bekerja mencari rezeki. Oleh itu, tidak ramai kanak-kanak yang dapat menyambung pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib mengikut perlembagaan dan juga pendidikan Fardu Ain bagi pendidikan agama.

Hal ini dijelaskan oleh informan yang mewakili orang yang berjaya dalam institusi keluarga iaitu Khun Ammara Thasaen dan Prof. Dr. Jaran Maluleem. Kedua-dua informan terdiri daripada keluarga yang sangat dikenali oleh orang ramai tentang kejayaan hidup mereka iaitu semua adik-beradik mereka dapat mempelajari ilmu agama dan akademik sehingga lulus sekurang-kurangnya peringkat sarjana dari Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara serta mencapai kerjaya (pekerjaan) yang baik. Khun Ammara Thapsean menceritakan latar belakang keluarga beliau bahawa: "...Bapa saya pernah bekerja sebagai guru sekolah rendah dan jawatan terakhir ialah timbalan guru besar sekolah. Beliau merupakan orang Muslim berketurunan Melayu pertama di

daerah ini yang dapat mengajar dalam sekolah kebangsaan kerajaan. Dalam bidang pendidikan, bapa saya membawa anak-anak ke sekolah bersama-samanya semenjak mereka belum cukup umur untuk memasuki sekolah. Saya juga dibawa oleh bapa ke sekolah semenjak berumur tiga tahun (kira-kira tahun 1957M). Adik-adik saya juga dibawa ke sekolah untuk mengetahui suasana pendidikan dari kecil dan melihat tentang kepentingan pendidikan. Semua adik-beradiknya boleh membaca dan menulis bahasa Thai sebelum memasuki sekolah secara rasmi. Ini adalah keuntungan daripada tunjuk ajar daripada bapa mereka. Selepas lulus pendidikan wajib, saya dan adik-adik diminta untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi. Oleh itu, setiap orang adik-beradik saya berkelulusan dalam bidang pendidikan sekurang-kurangnya pada peringkat ijazah Sarjana Muda. Keluarga saya merupakan keluarga Melayu pertama di kawasan ini yang semua anak berjaya lulus peringkat pendidikan universiti...”⁵.

Begitu juga dengan maklumat yang didapati daripada Prof. Dr. Jaran Maluleem, beliau menceritakan bahawa “...Keluarga bapa saya adalah daripada keluarga alim ulama. Datuk sebelah bapa menjadi guru agama. Begitu juga, bapa saya juga salah seorang guru agama yang terkenal pada zamannya. Selepas belajar agama dengan datuk, bapa saya dapat menyambung pelajaran ilmu agama di tanah suci Mekah. Selepas balik dari Mekah, bapa saya berkahwin dengan ibu saya yang berasal dari Ayutthaya. Selepas berkahwin, bapa berpindah ke Ayutthaya dan tinggal di sana bersama ibu. Di Ayutthaya, bapa dan ibu saya mengajar di Sekolah Islam Sriayutthaya. Sebab itu, hampir semua adi-beradik saya berjaya menyambung pelajaran di sekolah tersebut kerana memudahkan penjagaan. Ibu bapa saya dianggap sebagai orang yang berfikiran moden kalau dibandingkan dengan penduduk lain pada zaman yang sama. Mereka mengutamakan kepentingan bidang pendidikan terutama bidang bahasa. Semua adik-beradik saya boleh bercakap bahasa Inggeris dan bahasa Arab kerana mendapat

bimbingan ibu bapa. Ibu bapa saya mengajar anak-anak seperti mengajar murid di sekolah. Selepas sudah belajar di sekolah, semua orang mesti menolong keluarga di ladang lembu tenusu dan menanam padi. Setiap malam, semua orang mesti mengulangkaji dan belajar bahasa Arab. Ibu bapa kami selalu mengingatkan kepentingan pendidikan dengan tunjuk ajar dan pegangan hidup bahawa walaupun tidak ada harta yang berharga tetapi kalau ada ilmu bolehlah kita menggunakan ilmu yang ada untuk mencari rezeki. Kalau ada harta tetapi tidak ada ilmu, harta yang ada itu semakin hari akan habis juga. Oleh itu, ilmu atau pendidikan ini lebih penting daripada harta. Ini adalah perkataan yang selalu diajar oleh ibu-bapa saya. Selain daripada mengajar, keluarga saya mempunyai ladang lembu tenusu dan sawah padi. Secara keseluruhan, keluarga saya dianggap sebagai orang berada kalau dibandingkan dengan keluarga Melayu yang lain....”⁶

Faktor latar belakang keluarga ini juga dapat dilihat kepentingan dan pengaruhnya terhadap kejayaan informan dalam institusi pendidikan. Perkara ini dapat diambil contoh daripada informant kajian ini iaitu Prof. Madya Dr. Abdullah Numuk dan Prof. Madya Dr. Pakorn Preeyakon. Dr. Abdullah Numuk orang Melayu Bangkok pertama lulusan Ijazah Doktor Faksafah dari Universiti Islam Madinah, Negara Arab Saudi. Beliau ialah bekas penyarah Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkhanakharin dan alim ulama yang terkenal dalam bidang Aqidah menceritakan latar belakang keluarga beliau bahawa “...Bapa saya merupakan salah seorang ulama berketurunan Melayu yang terkenal di Bangkok yang berasal dari wilayah Petchaburi. Ibu saya berasal dari daerah Minburi Bangkok. Ayah telah berpindah ke Minburi selepas berkahwin dengan ibu, dan tinggal bermastautin di sana sepanjang hayat. Selain daripada menjadi guru agama, keluarganya juga menjadi imam masjid dan bersawah padi. Bapa saya pernah belajar dengan Tuan Guru Haji Mustafa Ibrahim, ulama

Bangkok yang sangat terkenal. Beliau mengajar agama Islam kepada orang di kawasan daerah Minburi, Nonchok dan Khlong Sam Wa. Bapa saya merupakan seorang yang sangat berdisiplin tinggi. Keluarga saya sangat menitikberatkan pendidikan agama. Semua anak tidak dihantar ke sekolah agama untuk menyambung pelajaran selepas lulus pendidikan wajib di sekolah kerajaan. Hal moral dan akhlak adalah selalu diajar kepada anak-anak serta menentukan kelangsungan hidup mengikut ajaran agama Islam. Setiap orang anak akan diberikan kerja yang tertentu pada setiap hari untuk disiapkan. Kalau sesiapa terlupa atau tidak menyiapkan kerja yang merupakan tanggungjawab sendiri akan dipukul olehnya sebagai hukuman. Berdasarkan tujuk ajar ini, semua adik-beradik saya terdidik sebagai orang yang berdisiplin tinggi. Semua anak akan dikejutkan sebelum solat Subuh untuk membaca Quran dan solat sunat. Setiap petang dan malam selepas solat dikehendaki menyiapkan kerja rumah. Saya merupakan anak lelaki tunggal dalam keluarga. Beliau mengharapkan saya akan mewariskan ilmu agama dan menjadi alim ulama sepertinya. Oleh itu, saya dapat keistimewaan daripada bapa iaitu saya hanya ditugaskan belajar dan tidak disuruh untuk membuat apa-apa kerja di rumah bagi menolong keluarga. Tanggungjawab saya hanya untuk belajar sahaja. Kaedah ini sangat berbeza daripada keluarga lain. Setiap musim menanam padi di sawah, murid-murid yang belajar di rumah alim ulama akan balik ke rumah untuk menolong ibu bapa masing-masing bersawah. Sebaliknya, saya dilarang balik ke rumah kerana bapa mahu saya betul-betul memberi tumpuan kepada pembelajaran...”⁷

Manakala, Prof. Madya Dr. Prakorn pula ialah orang Melayu Bangkok pertama lulus Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Cambridge, England. Beliau bekas pensyarah dan Timbalan Rektor *National Institute of Development Administration* dan bekas ahli parlimen Thailand menyatakan latar belakang beliau bahawa “...Ibu dan bapa saya berasal dari daerah Nongchok, Bangkok. Sebagai salah seorang Muslim yang

menjawat jawatan tinggi dengan kerajaan dalam Kementerian Dalam Negeri, bapanya pernah menjadi Setiausaha Tetap Daerah. Manakala ibu saya berniaga. Datuk dan nenek sebelah ibu saya pesawah. Sebaliknya, datuk dan nenek sebelah bapa saya merupakan orang alim. Keluarga sebelah bapa sangat aktif dalam bidang pendidikan sehingga ada yang masih aktif walaupun telah berusia 80 tahun lebih. Bapa saya bekerja sebagai pegawai kerajaan dan menjawat jawatan sebagai Setiausaha Tetap Daerah yang merupakan jawatan yang tidak ramai boleh disandang oleh orang Melayu dan juga orang Thai sendiri. Berdasarkan jawatan tersebut, keluarga saya perlu keluar dari kampung dan terpaksa mengikut bapa ke daerah-daerah tempat bertugas. Perpindahan tempat bertugas bapa berlaku setiap dua atau tiga tahun sekali. Ia memberi kesan kepada pembelajaran anak-anak kerana mereka mesti berpindah sekolah dengan kerap. Oleh sebab itu, bapa saya membeli sebuah rumah di dalam bandar Bangkok untuk anak-anak tinggal semasa dia bertugas di daerah-daerah lain. Ketika ketiadaan bapa di rumah, ibu mengambil alih tugas memberikan tunjuk ajar. Ibu saya sangat mempengaruhi kami sebagai anak-anaknya kerana beliau sentiasa mendampingi, memberi nasihat dan menjadi penyelia ketika kami anak-anaknya menghadapi masalah. Ibu saya selalu mengajar anak-anaknya supaya memberikan kepentingan kepada pendidikan ilmu akademik demi kelangsungan hidup kami di dunia ini serta menggunakan ilmu agama sebagai panduan supaya tidak tersesat daripada jalan yang baik. Selain itu, bapa dan ibu selalu mengajar anak-anaknya untuk menjadi orang yang boleh memberi khidmat kepada masyarakat dengan sukarela tanpa mengharapkan balasan...’’⁸

Seorang informan lagi yang terdiri daripada keluarga guru ialah Haji Marwan Sama-un. Haji Marwan mewakili orang yang berjaya dalam institusi agama. Beliau sangat dikenali atas nama salah seorang pembangun masyarakat. Walaupun beliau tidak berijazah mengikut sistem pendidikan formal, tetapi berasakan hasil kerjaya yang beliau

lakukan sepanjang hidup akhirnya beliau dikurniakan Ijazah Sarjana Kehormat dalam bidang Komunikasi Sains daripada Universiti Rajabhat Chankasem Bangkok dan Ijazah Sarjana Kehormat dalam bidang pembangunan daripada *National Institute of Development Administration*. Beliau juga pernah dilantik menjadi senator di Dewan Senat Thailand dan juga Penasihat Menteri Dalam Negara Thailand. Dalam temu bual di lapangan, Haji Marwan menceritakan tentang latar belakang keluarga beliau bahawa “...Bapa saya berasal dari Bangkok, berketurunan Melayu. Nenek moyang saya dipindahkan ke Bangkok pada zaman Raja Rama III. Mengikut cerita beliau, jurai keturunannya berasal dari negeri Kedah. Bapa saya merupakan guru agama, imam dan pesawah. Keluarga bapa saya ialah keturunan alim ulama. Ibu saya juga berasal dari kampung yang sama dengan bapanya. Ibu saya surirumah tangga dan menolong bapa menanam padi di sawah dan mengajar Quran setiap petang. Keluarga saya sangat memberi penekanan kepada kepentingan bidang pendidikan terutama pendidikan agama Islam. Saya dihantar ke Patani dan Nakhon Srithammarat untuk belajar ilmu agama semenjak kecil. Penghantaran anak lelaki tunggalnya ke Patani ini memperlihatkan pengorbanan besar keluarga. Bapa dan ibu saya percaya bahawa pengetahuan agama Islam boleh digunakan dalam setiap keadaan dan boleh diaplikasikan pada zaman moden...”⁹

Selain daripada lima orang informan yang asalnya berlatar belakangkan daripada keluarga berpendidikan, terdapat dua orang informan yang berjaya dalam institusi politik yang dapat dilihat berkaitan dengan pengaruh latar belakang keluarga terhadap kejayaan mereka iaitu Khun Samai Charoenchang bekas ahli Parlimen Thailand dan Khun Narumol Rattanaphibal Ahli Dewan Bangkok. Mereka mencapai kejayaan tersebut kerana tunjuk ajar perancangan pendidikan keluarga. Walaupun mereka berdua asalnya dari keluarga peniaga yang sentiasa sibuk dengan perniagaan

tetapi dengan pandangan ibu bapa yang berbeza dengan peniaga lain dalam masyarakat dapatlah mereka berdua menyambung pelajaran sehingga akhirnya lulus peringkat Sarjana. Sesungguhnya kebanyakan anak-anak peniaga pada zaman itu akan dihentikan pelajaran selepas lulus pendidikan wajib tetapi galakan dan tunjuk ajar ibu bapa mereka ini sangat berbeza daripada keluarga lain, iaitu keluarga mereka berdua sangat menitikberatkan kepentingan terhadap bidang pendidikan. Khun Samai menceritakan bahawa “...Bapa dan ibu saya sebagai peniaga. Barang-barang perniagaan mereka pelbagai mengikut kemahuan orang tempatan. Ibu dan bapa saya pada awalnya menggunakan bot sebagai kedai untuk mengambil barang dan juga menjual barang-barang perniagaannya. Oleh itu, hidup saya pada waktu kanak-kanak sebahagian besarnya dihabiskan di dalam bot bersama ibu dan bapa yang menguruskan perniagaannya. Kemudian keluarga saya menukar kerjaya daripada perniagaan kepada pengusaha kilang padi. Pendidikan semua anaknya hanya lulus sehingga sekolah wajib mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Siam. Ibu dan bapa saya selalu membawa anak-anak bersama mereka di dalam bot ketika pergi membeli barang-barang untuk jualan. Tujuan mereka membawa anak-anak ini adalah untuk mendidik anak sendiri dan memperlihatkan mereka bagaimana susahny keluarga mencari rezeki. Walaupun keluarga kami sangat sibuk dengan pekerjaan, tetapi ibu bapanya tidak pernah mengabaikan tugas utama mendidik anak-anak. Apabila anak-anak cukup umur untuk memasuki sekolah, akan dihantar anak-anaknya ke sekolah sehingga lulus pendidikan wajib. Bagaimanapun, ibu bapa saya lebih banyak memberi keutamaan kepada ilmu agama Islam berbanding dengan ilmu akademik...”¹⁰

Latar belakang keluarga Khun Narumol juga tidak jauh bezanya dengan informan-informan lain sebelum ini. Keluarga beliau juga mengutamakan kepentingannya kepada bidang pendidikan walaupun sesibuk dengan perniagaan. Beliau

menceritakan hal ini bahawa“...Pendidikan ialah hal yang diberikan keutamaan oleh keluarga saya. Semua anak perempuan akan dihantar ke sekolah untuk pelajar perempuan pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Tiap-tiap orang anak di bawah kendalian ibu bapa saya akan diberikan pelajaran secukupnya sehingga lulus peringkat Ijazah Sarjana Muda. Sesiapa yang mahu belajar ke peringkat yang lebih tinggi mesti mencari duit sendiri. Bapa saya yang bekerja di luar negara akan hantar duit kepada ibu saya untuk membelanjai ahli dalam keluarga serta membayar yuran sekolah atau universiti anak-anaknya. Walaupun bapa saya tinggal bersama ibu, saya dan adik-adik saya, tetapi kami diajar supaya saling sayang menyayangi. Oleh sebab bapa mesti bekerja berat untuk kami dapat menyambungkan pendidikan, kami anak-anak sedari hal ini dan belajar bersungguh-sungguh sehingga semua kami berjaya lulus daripada institusi pendidikan tinggi. Ini adalah sebagai asas kejayaan kami ...”¹¹

Bagi ketiga-tiga orang informan lagi iaitu Haji Arun Bunchom, Hajah Subaidah Wangmana dan Khun Kittisak Binsalleh, walaupun mereka berasal dari keluarga pesawah dan mempunyai latarbelakang keluarga yang lebih susah daripada informan-informan lain tetapi ternampak juga beberapa kesan daripada tunjuk ajar ibu bapa yang merupakan panduan dalam kehidupan. Haji Arun Bunchom ialah Pengerusi Jawatankuasa Islam Bangkok. Beliau ialah bekas pelajar Universiti Islam Madinah, Arab Saudi yang merupakan orang yang terkenal dan berjaya dalam institusi agama Islam. Beliau ialah pengarang dan penterjemah yang aktif menghasilkan buku-buku agama Islam. Beliau berjaya mengarang buku agama dan menterjemah buku-buku bahasa Arab ke bahasa Thai lebih daripada 100 buah buku. Karya beliau sangat dikenali oleh orang ramai. Kebijaksanaan beliau bukan sahaja diketahui dalam kalangan orang Melayu tetapi termasuk juga masyarakat Thai. Beliau pernah dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pengelola Syariah, Bank Islam Thailand. Haji Arun menceritakan latar

belakang keluarga beliau bahawa “...Bapa dan ibu saya ialah pesawah. Sawah padi keluarga saya berada di tengah-tengah kawasan Sukhumwit yang merupakan pusat perniagaan Thailand sekarang. Pada tahun 1957M-1960M keluarga saya masih lagi menanam padi. Selain daripada menanam padi, bapa saya merupakan pakar menangkap ikan di kampung. Setiap petang selepas menghabiskan kerja di sawah beliau akan terus menangkap ikan di kolam atau terusan yang terdekat dengan sawahnya. Ibu saya merupakan seorang suri rumah tangga dan ikut serta menolong suaminya bersawah padi. Bapa saya tidak banyak bercakap tetapi rapat dengan anak-anak. Kaedah mengajar anak-anaknya dengan bertanya dan memberi soalan kepada anak-anak untuk mereka memberi jawapan. Kalau jawapan itu tidak betul, dia akan menjelaskan dan memberikan contoh yang jelas untuk difahami. Selain itu, bapa saya akan selalu menggunakan peristiwa yang berlaku di sekeliling rumah sebagai contoh dalam kehidupan. Contohnya, jiran-jirannya menjual tanah dan mendapat duit yang banyak. Bapa bertanya kepada anak-anak, kalau mendapat duit yang banyak, apa yang kamu harus buat dan bagaimana pandangan kamu dengan penggunaan duit keluarga ini? Soalan-soalan begini akan selalu ditanya apabila terdapat keadaan yang boleh dijadikan contoh. Ketika yang lain pula ibu saya akan memberi pendidikan tentang moral dan menjadi penasihat yang terbaik untuk anak-anak semasa menghadapi masalah...”¹²

Hajah Subaidah Wangmana orang Melayu yang berjaya dalam institusi ekonomi. Sebagai usahawan, beliau memiliki restoran dan mengusahakan pengeluaran produk itik halal. Beliau memiliki nilai perniagaannya yang tinggi melebihi daripada 150 juta baht atau RM15 juta menceritakan bahawa “...Bapa saya merupakan seorang pesawah dan asalnya daripada keluarga miskin. Beliau tidak kaya serta tidak ada harta benda yang berharga, tetapi kerana rajin bekerja membolehkan beliau mampu membeli beberapa bidang sawah. Manakala ibu saya berasal daripada keluarga yang kaya. Datuk

sebelah ibu pula ketua mukim. Bapa saya berusaha dan bekerja keras hingga kerajinannya dikenali oleh orang ramai. Selain daripada menjadi pesawah, bapa saya juga bekerja sebagai setiausaha kepada bapa mentua yang merupakan ketua mukim. Bapa saya sangat berperanan dalam mukim kerana apabila penduduk menghadapi masalah atau konflik, dia akan menjadi orang yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah mereka. Keadilannya diterima oleh penduduk dalam masyarakat sehingga akhirnya beliau dilantik menjadi pengerusi masjid di dalam mukim tempat beliau tinggal. Cara ibu bapa saya mengajar dan mendidik anak-anak sangat jauh berbeza dengan keluarga lain. Ini kerana jumlah anak yang ramai membuatkan keluarga saya terpaksa hidup berhemat. Pada masa kecil, semua anaknya akan dipanggil untuk makan dalam satu hidangan seramai lima atau enam orang. Setiap orang akan dapat satu perempat daripada sebiji telur sebagai lauk untuk dimakan bersama nasi. Kemudian nasi dalam hidangan dimasukkan lauk-pauk bersama dengan telur untuk dimakan dengan nasi. Pengajaran utama dalam keluarganya ialah sifat kasih dalam keluarga; terutama antara adik-beradik. Kalau anak-anak bergaduh, semua akan sama-sama dipukul terlebih dahulu, kemudian baharu disiasat. Selepas berjaya disiasat, orang yang bersalah akan dihukum. Pengajaran itu menyebabkan hubungan antara adik-beradik dalam keluarga sangat rapat. Apabila seorang ahli dalam keluarga menghadapi masalah, ahli keluarga lain akan menolong sebelum diminta. Hal ini diketahui oleh penduduk lain dalam kampung tentang sifat saling mengasihi dan hubungan akrab dalam keluarga kami. Selain daripada hubungan dalam keluarga, hubungan kerajinan ialah satu pengajaran yang selalu disampaikan oleh ibu dan ayah kepada anak-anak. “Kemiskinan tidak akan menghinggapi orang yang rajin” adalah kata-kata yang menjadi semangat dalam kehidupan semua anak-anak...”¹³

Manakala Khun Kittisak Binsalleh seorang berketurunan Melayu lagi yang berjaya dalam bidang ekonomi dengan nilai perniagaan kira-kira RM50 juta atau 500 juta baht Thai. Beliau menyatakan latar belakang keluarga dan tujuk ajar ibu bapa bahawa "...Ibu dan bapa saya bekerja sebagai pesawah. Mereka melakukan apa-apa sahaja pekerjaan yang dapat memberikan pendapatan untuk mereka menampung perbelanjaan keluarga membeli makanan untuk anak-anak yang ramai. Selain daripada bersawah padi, mereka juga menguasai kebun buah-buahan dan memelihara itik. Keluarga saya sering mendapat pertolongan daripada kerajaan seperti bantuan padiberas, sardin, dan maggi kerana mempunyai jumlah anak yang paling ramai dalam daerah tempat kami tinggal. Ayah dan emak saya bekerja keras untuk mencari wang pada waktu siang dan malam. Dengan jumlah ahli keluarga yang ramai, ibu bapa saya memberikan beberapa pengajaran yang selalu disampaikan kepada kami iaitu nilai perpaduan dan berjimat-cermat. Semua kami anak-anaknya akan dipanggil untuk makan bersama. Lauk-pauk yang dimasak kebanyakannya tidak ada daging tetapi hanya kuah sahaja. Ini kerana kalau memasak daging, tidak akan mencukupi untuk semua anak-anaknya. Anak-anak jarang menerima didikan daripada ibu bapa kerana mereka sibuk dengan pekerjaannya. Orang yang menjaga kami ialah datuk dan nenek, tetapi apabila anak telah besar, orang yang bertanggungjawab menjaga adik-adik yang lebih kecil ialah abang dan kakak..."¹⁴

Walaupun setiap orang informan mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza-beza. Ada informan terdiri daripada keluarga yang mempunyai kedudukan yang dianggap baik, ada yang terdiri daripada keluarga yang sederhana dan miskin, tetapi mereka semua mempunyai satu perkara yang sama iaitu semua informan mempunyai bapa atau ibu yang megutamakan kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka, jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk lain pada zaman yang sama. Mereka

semua merancang perkara yang lebih baik terutama dalam bidang pendidikan untuk anak-anak semenjak kecil. Bagi informan yang mewakili institusi politik dan ekonomi, walaupun kedudukan dan pekerjaan keluarga mereka tidak tinggi, tetapi dengan kaedah penjagaan dan tunjuk ajar yang baik membuatkan anak-anak mereka menjadi orang yang lebih sabar, lebih rajin dan lebih memandang positif terhadap pendidikan. Akhirnya mereka boleh juga mencapai kejayaan walaupun kedudukan keluarga mereka daripada generasi terdahulu merupakan orang susah.

5.3.2 Usaha

Usaha merupakan faktor kedua yang dapat dilihat daripada kehidupan semua informan. Walaupun mereka mempunyai latar belakang yang berbeza-beza tetapi sifat tekun dan rajin berusaha ialah perkara yang ternampak pada setiap individu informan. Hal ini jelas dapat dilihat daripada temu bual di lapangan terhadap semua informan.

Khun Ammara berpandangan tentang kepentingan usaha ini bahawa "...dari segi pekerjaan, dengan jumlah anak yang ramai iaitu seramai tujuh orang, gaji bapanya sebagai guru tidak mencukupi untuk perbelanjaan keluarga. Kami menampung perbelanjaan keluarga dengan berkebun, iaitu menanam limau. Berkebun limau dianggap sebagai pekerjaan untuk mendapatkan duit tambahan untuk perbelanjaan keluarga. Saya dan adik-beradik mesti menolong ibu bapa menjaga kebun limau setiap pagi, petang dan hujung minggu...dari segi pendidikan, walaupun saya dapat peluang untuk menyambung pelajaran ke universiti, tetapi dengan pengangkutan yang masih tidak baik pada zaman itu iaitu dari rumah ke universiti mesti empat kali menukar bas dan menggunakan masa lebih kurang tiga hingga empat jam. Tambahan lagi, dari perhentian bas untuk sampai ke rumah, saya mesti berjalan kaki kira-kira 30 minit lagi.

Bagi saya yang merupakan seorang perempuan, ia sangat susah dan mesti menggunakan daya usaha yang tinggi...”

Begitu juga dengan pandangan Prof. Dr. Jaran Maluleem, beliau menggambarkan kepentingan usaha dalam kehidupan sehingga akhirnya mencapai kejayaan. Menurut beliau “...keluarga saya dianggap sebagai orang yang berfikiran moden kalau dibandingkan dengan penduduk lain pada zaman yang sama. Ibu bapa memberi kepentingan dalam bidang pendidikan terutama bidang bahasa. Kesemua boleh bercakap bahasa Inggeris dan bahasa Arab kerana bimbingan ibu bapa. Ibu bapa saya mengajar anak-anak seperti mengajar murid di sekolah. Selepas sudah belajar di sekolah semua orang mesti menolong keluarga di ladang lembu tenusu dan menanam padi. Setiap malam, semua orang mesti mengulang kaji dan belajar bahasa Arab. Hidup kami jauh berbeza dengan budak-budak lain pada umur yang sama. Budak-budak lain boleh bermain dan seronok dalam hidup, tetapi saya dan adik-beradik saya mesti mengorbankan masa tersebut untuk belajar. Semasa belajar di India juga saya menggunakan daya usaha yang sangat tinggi kerana saya mendapat biasiswa kerajaan India, oleh itu saya mesti belajar dengan sebaik-baiknya untuk mendapat keputusan yang tinggi bagi menentukan biasiswa tersebut terus disambungkan..”

Haji Arun Bunchom dan Haji Marwan Sama-un informan yang mewakili orang yang berjaya dalam institusi agama juga memberi pandangan yang selaras tentang kepentingan usaha. Haji Arun Bunchom mengatakan bahawa “...Selepas lulus sekolah rendah Darjah Enam, saya tidak menyambung pelajaran di sekolah menengah kerajaan tetapi menyambung pelajaran agama di Sekolah agama di Bangkok. Kemudian menyambungkan pelajaran agama di Pondok Salah, Pondok Maning, dan Pondok Broming di wilayah Patani Thailand. Selepas tiga tahun di Patani beliau menyambung

pelajaran agama lagi di Sekolah Miftahul Ulumiddiniah, Bangkok selama enam tahun. Pada umur 24 tahun saya mendapat biasiswa kerajaan Arab Saudi untuk menyambung pelajaran di Universiti Islam Madinah selama tujuh tahun bermula peringkat Sanawi hingga Ijazah Sarjana Muda. Semua pendidikan yang saya dapati ialah daya usaha yang berasaskan kemahuan saya sendiri kerana keluarga saya hanya pesawah sahaja...”¹⁵

Manakala Haji Marwan Sama-un menceritakan perkara ini bahawa “...Usaha merupakan faktor utama yang membuatkan saya mendapat kejayaan. Walaupun saya tidak lulus sebarang ijazah mengikut sistem pendidikan formal, tetapi berdasarkan usaha dalam pencarian ilmu sepanjang hayat saya, saya juga mampu beroleh kejayaan seperti orang lain. Saya mesti menggunakan usaha yang lebih gigih daripada orang lain kerana saya tidak ada ijazah. Saya mesti memperlihatkan ilmu yang saya ada melalui kerjaya dan memperlihatkan hasil kerjaya yang berkualiti. Alhamdulillah akhirnya, saya juga mencapai kejayaan dan kejayaan saya itu lebih tinggi daripada apa yang dicapai oleh kebanyakan penduduk Muslim generasi yang sama dan mempunyai peluang yang lebih banyak daripada saya...”¹⁶

Prof. Madya Dr. Abdullah Numsum dan Prof. Madya Dr. Prakorn Preeyakorn dua orang Melayu yang berjaya dalam institusi pendidikan memperlihatkan hal ini lagi melalui temu bual yang jelas diperlihatkan kepentingannya. Menurut Dr. Abdullah Numsum “... Walaupun ayah saya sangat menyokong dalam pembelajaran agama, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa usaha diri sendiri juga merupakan faktor utama yang membuatkan saya mencapai kejayaan. Peluang dapat menyambung pembelajaran di Negara Arab Saudi ialah hasil daripada usaha saya kerana peluang tersebut didapati ketika saya belajar bahasa Arab daripada Tuan Shaek Ali Isa atas daya usaha dan kemahuan saya sendiri. Kalau saya tidak berusaha mempelajari dan menguasai bahasa

Arab, tentu saya tidak mendapat peluang dalam pendidikan sehingga peringkat Doktor Falsafah dan mencapai kejayaan seperti sekarang...”¹⁷

Demikian juga dengan hasil temu bual Dr. Prakorn Preeyakorn “...Kalau mahu mendapat kejayaan, haruslah banyak berlatih dan membangunkan diri sendiri dalam bidang yang diminati sehingga menjadi seorang pakar dalam bidang tersebut. Pendidikan sangat penting untuk setiap manusia tetapi yang lebih penting daripada pendidikan ialah kemahiran untuk boleh meneruskan kehidupan dalam masyarakat. Tiada maknanya jika menjadi seorang yang berpendidikan tinggi tetapi tidak boleh bersama-sama dengan orang lain dalam masyarakat. Kejayaan tidak boleh dicapai dengan mudah dalam masa yang pendek. Oleh itu, perkara yang paling penting adalah kita mesti berusaha dan bersabar. Usaha dan sabar menjadi faktor utama yang membolehkan seseorang itu berjaya...”¹⁸

Usaha ini juga merupakan faktor yang penting terutamanya bagi informan yang latar belakang keluarganya terdiri daripada orang susah. Bagi informan dalam kajian ini yang mewakili orang yang berjaya dalam institusi ekonomi iaitu Hajah Subaidah Wangmana dan Khun Kittisak Binsalleh. Hajah Subaodah menceritakan kepentingan usaha terhadap kehidupan beliau bahawa “...Sebelum mencapai kejayaan seperti sekarang kehidupan saya pada masa kecil sangat susah. Adik-beradik selalu makan nasi berlaukkan sebiji telur dibelah empat dengan kicap. Setiap hari, semua adik-beradik saya mesti membantu ibu bapa menanam padi dan menjaga kebun tembikai. Bapa dan ibu saya membawa anak-anak ke Bangkok untuk mencari rezeki kerana hasil daripada sawah dan kebun tidak mencukupi untuk perbelanjaan menyara hidup keluarga. Keluarga saya menyewa sebuah rumah teres dan tinggal bersama-sama sekeluarga seramai 15 orang. Lima belas tahun saya menjual makanan di kantin Universiti

Mahidol. Selepas berhenti menjual makanan di universiti, saya membuka kedai pakaian tetapi perniagaan ini tidak berjaya. Selepas itu saya berpindah ke Ayutthaya untuk menjual daging di pasar minggu dan pasar raya tetapi perniagaan ini juga tidak berjaya. Tambahan lagi, rumah yang saya diami terbakar menyebabkan semua harta benda habis dijilat api... ini hanya sedikit sahaja pengalaman kesusahan yang saya hadapi. Kalau tanpa usaha dan kesabaran tentu saya tidak ada hari ini...”¹⁹ Khun Kittisak menitikberatkan kepentingan usaha ini bahawa “...kesusahan yang saya hadapi tidak habis-habis ceritanya. Daripada anak pesawah yang ramai adik-beradik melarikan diri ke Bangkok untuk mendapatkan rezeki dengan menjual aiskrim dan menjadi penolong pemandu bas. Kemudian bekerja di kelab malam dan menjual daging di pasar. Konsep yang selalu saya ingatkan ialah usaha dan jangan malu bekerja, melakukan apa sahaja pekerjaan yang sampai ke tangan tanpa menolaknya. Dua puluh empat jam adalah untuk masa bekerja bagi saya. Saya bekerja tidak kira siang atau malam. Kalau ada kerja, saya akan menyelesaikannya terlebih dahulu tanpa menunggu...”²⁰

Dua orang informan lagi yang berjaya dalam institusi ekonomi juga menitikberatkan kepentingan usaha. Menurut Khun Samai Charoenchang “...kejayaan saya pada hari ini berasaskan usaha saya. Saya sentiasa mengingatkan ilmu tidak akan pernah habis asalkan kita rajin mencarinya. Walaupun pada awalnya saya tidak ada peluang menyambung pelajaran pada peringkat yang tinggi kerana keluarga saya menghantar saya untuk mempelajari ilmu agama Islam, namun dengan kerajinan dan daya usaha saya, akhirnya saya dapat menyambungkan pelajaran sehingga lulus ijazah Sarjana Muda dan Sarjana ketika saya sudah lewat usia. Ilmu dan pengalamannya dapat dilihat daripada hasil kerja semasa menjawat jawatan Ahli Parlimen Thailand dan juga jawatan-jawatan yang lain...”²¹ Tambahan lagi dengan pandangan Khun Narumol “...Usaha merupakan punca kejayaan. Ia merupakan faktor asas yang memdatangkan

kejayaan kepada saya adalah dalam bidang pendidikan dan juga bidang politik. Kalau saya tidak berusaha sehingga saya berpeluang untuk belajar di Universiti Chulalongkorn, saya tidak akan dapat bekerja sebagai wartawan sehingga dikenali oleh ramai orang, kerjaya saya dalam politik kerana saya ditawarkan untuk memegang jawatan sebagai ahli politik...²²

Hasil temu bual tersebut jelaskan bahawausaha ini merupakan faktor asas yang mendatangkan kejayaan kepada informan tidak diambilkira miskin atau kaya. Informan yang mempunyai latar belakang dan kedudukan keluarga yang baik, hanya menjadi faktor yang memudahkan pencapaian kejayaan, tetapi kalau tanpa usaha mereka juga tidak boleh mencapai kejayaan. Manakala, bagi informan yang latar belakang keluarga terdiri daripada keluarga yang susah, maka usahanya sendiri sahaja merupakan faktor penting yang sedia ada untuk menghadapi kesusahan dan mengatasi masalah yang akan berlaku kelak.

5.3.3 Pendidikan

Tahap pendidikan informan merupakan faktor ketiga yang membolehkan orang Melayu meraih kejayaan menurut penganalisan dalam kajian ini. Kebanyakan informan mempunyai tahap pendidikan yang tinggi berbanding dengan penduduk Melayu lain dalam masyarakat. Dalam empat dari lima buah institusi sosial iaitu institusi keluarga, institusi agama, institusi pendidikan, dan institusi politik semua informan yang ditemu bual berpendidikan tinggi. Peluang untuk mencapai jawatan yang mereka pegang dilaksanakan dengan baik sehingga diterima oleh masyarakat. Cerita mereka sebagai orang yang berjaya berdasarkan lulusan dan tahap pendidikan mereka. (Sila lihat Jadual 5.1 untuk merujuk tentang pendidikan tertinggi informan dalam setiap institusi sosial)

Jadual 5.1 Pendidikan informan dalam setiap institusi sosial

Institusi Sosial	Nama Informan	Pendidikan Tertinggi/Negara
Keluarga	1. Khun Ammara Thapsaen 2. Prof. Dr.Jaran Maluleem	Sarjana Pendidikan/Thai Doktor Falsafah/India
Agama	1. Haji Arun Bunchom 2. Haji Marwan Sama-un	Sarjana Muda/Arab Saudi Sarjana(Kehormatan)/Thai
Pendidikan	1. Dr. Abdullah Numsuk 2. Dr. Prakorn Priyakorn	Doktor Falsafah/Arab Saudi Doktor Falsafah/England
Ekonomi	1. Khun Subaidah Wangmana 2. Khun Kittisak Binsaleh	Sekolah Menengah Sekolah Menengah
Politik	1. Khun Samai Charoenchang 2. Khun Narumol Rattanaphibal	Sarjana/Thailand Sarjana/Thailand

Adik-beradik Khun Ammara Thapsean dan Prof. Dr. Jaran Maluleem yang mewakili orang yang berjaya dalam institusi keluarga diterima oleh masyarakat Melayu dan masyarakat majoriti Thai sebagai keluarga yang berjaya kerana mereka mempunyai pendidikan yang tinggi dibandingkan anak-anak yang sezaman dengan mereka, ketika penduduk Melayu lain belum lagi menyedari akan kepentingan pendidikan anak-anak. Semua adik-beradik mereka (informan berkaitan) sekurang-kurangnya lulusan Ijazah Sarjana Muda. Manakala informan yang berjaya dalam institusi agama juga diberi jawatan yang tinggi sehingga dianggap sebagai orang yang berjaya dalam hidup kerana menguasai bidang ilmu dan pendidikan. Haji Arun Bunchom mendapat peluang untuk menyambung pelajaran peringkat Sekolah Menengah dan Ijazah Sarjana Muda di Negara Arab Saudi. Selepas lulusan pengajian dan pulang ke tanah air beliau dilantik menjawat jawatan-jawatan penting berasaskan ijazah yang diperolehinya.

Kepentingan pendidikan sebagai faktor kejayaan ini jelas kelihatan dalam institusi pendidikan. Prof. Madya Dr. Abdullah Numsuk dan Prof. Madya Dr. Prakorn

Preeyakorn dianggap sebagai orang yang berjaya kerana peluang terbuka dalam kehidupan berasaskan kelulusan pendidikan mereka. Dr. Abdullah merupakan orang Melayu Bangkok pertama yang lulus pengajian Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Aqidah dari Universiti Islam Madinah. Manakala Prof. Madya Dr. Pakorn Preeyakon lulus Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Cambridge dalam bidang Pentadbiran Awam. Jawatan yang pernah disandang oleh mereka berdua ialah pensyarah universiti dan jawatan-jawatan lain yang penting di peringkat tempatan, malah pada peringkat negara juga berasaskan kelayakan mereka dalam pendidikan.

Dua orang informan lagi yang dapat dilihat dari segi faktor pendidikan dalam kejayaan mereka ialah Khun Samai Charoenchang dan Khun Narumol Rattanaphibal yang mewakili orang yang berjaya dalam institusi politik. Mereka berdua dikenali oleh masyarakat kerana jawatan yang mereka sandang iaitu Khun Samai pernah menjadi Guru Besar Sekolah Menengah dan sukarelawan masyarakat dan Khun Narumol pernah bekerja sebagai wartawan. Mereka tidak akan berpeluang menjawat jawatan-jawatan tersebut kalau tanpa pendidikan.

Walaupun terdapat beberapa orang informan yang tidak mempunyai pendidikan tinggi mengikut sistem pendidikan kerajaan atau tidak mendapat kelulusan pada tahap ijazah tetapi dengan pengalaman dalam pendidikan dan pendidikan yang tinggi di luar kotak sistem pendidikan biasa, mereka juga mampu mencapai kejayaan. Contoh yang jelas dilihat ialah Haji Marwan Sama-un yang mewakili orang Melayu Muslim yang berjaya dalam institusi agama. Beliau tidak memiliki sebarang ijazah mengikut sistem pendidikan formal. Namun, dengan ilmu dan pendidikan yang tinggi serta hasil kerjanya sepanjang hidup, melayakkannya untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Kehormat oleh pihak universiti di Thailand. Sebaliknya, dua orang informan yang mewakili orang yang

berjaya dalam institusi ekonomi, mereka hanya lulusan sekolah menengah atau peringkat pendidikan wajib. Hasil ini memperlihatkan bahawa dalam institusi ekonomi, pendidikan tidak begitu diberikan kepentingan seperti institusi lain. Kejayaan mereka tidak berkaitan dengan pendidikan, tetapi berkaitan dengan pengalaman dan kepandaian dalam pengurusan. Oleh itu, orang yang berjaya dalam institusi tersebut bukan semestinya mempunyai pendidikan yang tinggi.

5.3.4 Kreativiti

Kreativiti merupakan faktor keempat yang dapat dilihat daripada temu bual di lapangan terhadap semua informan. Setiap orang informan mempunyai sifat kreativiti yang lebih tinggi daripada orang lain dalam masyarakat. Informan yang berjaya dalam bidang keluarga, pendidikan, dan agama ialah orang yang boleh mengadaptasikan ilmu pengetahuan mereka dengan kehidupan sekarang atau boleh menghasilkan kerja berdasarkan ilmu yang ada. Beberapa perbualan ketika menjalankan temu bual di lapangan merupakan sokongan kenyataan di atas.

Menurut Khun Ammara Thapsaen “...Harta benda yang berharga boleh habis kalau tanpa pengurusan yang baik, tetapi ilmu akan kekal milik diri kita sendiri sampai mati. Kalau tidak ada pendidikan, sebanyak manapun harta yang ada boleh habis. Sebaliknya, kalau ada ilmu (pendidikan), walaupun pada asalnya tiada harta tetapi boleh dicari dengan kebijaksanaan pendidikan seseorang...”²³ Begitu juga dengan pandangan Prof. Dr. Jaran Maluleem. Beliau menyatakan bahawa “...Ilmu lebih banyak faedah daripada harta. Kalau sudah cukup mencari rezeki untuk keluarga sendiri, jangan terlupa memberi rezeki yang lebih kepada orang miskin atau orang yang lebih susah. Walaupun tidak ada duit atau harta yang lebih, gunakanlah ilmu pengetahuan yang ada untuk menolong masyarakat...”²⁴

Haji Arun Bunchom menggambarkan sifat kreativiti dalam diri sendiri beliau bahawa “...Saya susah menterjemah buku bahasa Arab kepada bahasa Thai untuk memudahkan orang yang membaca buku dan tidak tahu bahasa Arab. Begitu juga dengan karangan saya yang banyak itu adalah untuk memudahkan orang Muslim yang tidak ada peluang mencapai ilmu agama Islam dapat memahaminya. Mereka boleh membaca dan boleh memahami ilmu dalam buku ini...”²⁵ Sifat kreativiti ini juga merupakan faktor utama yang membezakan Haji Marwan Sama-un bekas Ahli Dewan Senat (Senator) Thailand selain daripada guru agama dalam masyarakat Melayu, sehingga beliau masih dikenali oleh orang ramai. Hasil kerjaya seseorang itu sangat mempengaruhi masyarakat dan pembangunan kawasan yang didiami adalah berasaskan sifat ini. Menurut beliau “...Orang yang berilmu agama Islam bukan sahaja boleh menjadi guru agama atau imam. Ilmu agama juga boleh diadaptasikan dan dimodenkan seiring dengan pembangunan yang makin berkembang maju dalam masyarakat. Radio komuniti, sekolah rendah swasta yang mengajar agama Islam, pembangunan alam sekitar merupakan hasil daripada pengadaptasian ilmu dengan pembangunan dan kemajuan yang semakin menyerap masuk ke dalam kampung. Orang yang berjaya bukan orang yang berilmu banyak, tetapi orang yang berjaya itu ialah orang yang boleh mengadaptasi ilmu yang ada untuk membangunkan kampung serta masyarakat. Nilai seseorang manusia bukan berdasarkan ilmu, tetapi berdasarkan faedah dan amalan yang telah seseorang itu berikan kepada masyarakat...” Haji Marwan Sama-un²⁶

Prof. Madya Dr. Pakoran Preeyakorn juga memberi pandangan tentang faktor kejayaan beliau yang menggambarkan sifat kreativiti ini melalui jawatan yang dipegang iaitu pensyarah. Berdasarkan sifat ini, beliau boleh mencapai kejayaan ketika ramai pensyarah universiti lain tidak mencapai kejayaan sepertinya. Menurut beliau “...Pendidikan sangat penting untuk setiap manusia tetapi yang lebih penting daripada

pendidikan ialah kemahiran seseorang untuk boleh meneruskan kehidupan dalam masyarakat. Tiada maknanya jika menjadi seorang yang berpendidikan tinggi tetapi tidak boleh bersama-sama dengan orang lain dalam masyarakat. Selepas mampu mencari rezeki yang mencukupi untuk menampung keluarga sendiri, jangan lupa untuk menolong masyarakat lain yang susah melalui kemampuan diri sendiri bukan sahaja dari segi kewangan tetapi termasuk juga pendidikan atau apa sahaja yang boleh kita lakukan...”²⁷

Manakala, sifat kreativiti ini pula merupakan faktor yang penting bagi informan yang mewakili institusi ekonomi. Kreativiti menyebabkan perniagaan mereka lebih baik dan berbeza dengan orang lain. Khun Kittisak dan Khun Subaidah ialah orang yang sangat kreatif. Mereka menjual barang yang sama seperti orang lain dalam pasar tetapi dengan sifat kreativiti mereka berdua dapat mengembangkan dan mempertingkatkan lagi perniagaan mereka hingga berjaya mencapai tahap jutawan. Menurut Hajah Subaidah Wangmana, orang yang telah banyak kali gagal dalam perniagaan tetapi akhirnya dapat mencapai kejayaan kerana menjual itik yang belum lagi diusahakan dalam masyarakat Melayu. Bukan sahaja daging itik yang dijual, beliau membuat produk-produk lain tentang itik seperti itik bakar, sup itik, itik masak hurba, soses itik, dan lain lain lagi. Produk-produk tersebut adalah hasil daripada kreativiti beliau. Menurut Khun Subaidah “...Pemikiran yang kreatif juga akan mendatangkan keistimewaan dalam kerjaya dan menambahkan peluang kejayaan...”²⁸ Kehidupan Khun Kittisak juga tidak jauh beza dengan Khun Subaidah. Kehidupan awal beliau sangat susah. Beliau pernah menjual aiskrim, bekerja di kelab malam dan menjual daging lembu di pasar seperti orang lain. Sebaliknya dengan sifat kreativiti ini, beliau dapat mengembangkan perniagaan beliau sehingga dapat memiliki kilang produk daging lembu yang paling besar di Thailand. Beliau menceritakan tentang kepentingan kreativiti

ini bahawa “...Kalau mahu menjadi orang yang berjaya dalam bidang perniagaan, mestilah mempunyai kreativiti yang lebih tinggi daripada orang lain. Kejayaan saya adalah berdasarkan pekerjaan asal; iaitu menjual daging lembu. Dengan kreativiti, saya telah nampak peluang yang boleh dikembangkan hingga jumlah pekerjaan saya bertambah besar dan benar-benar berakhir dengan kejayaan...” Khun Kittisak Binsalleh²⁹

5.3.5 Pekerjaan atau Pendapatan

Faktor terakhir yang membolehkan orang Melayu di Kawasan Thailand Tengah atau di persekitaran Bangkok mendapat kejayaan adalah dari segi pekerjaan dan pendapatan. Kebanyakan informan yang berjaya terdiri daripada anak-anak yang menjadi guru sekolah sebagai kerjayanya. Anak-anak guru ini terdedah sejak zaman awal lagi dengan alam persekolahan dan pendidikan telah menyebabkan mereka lebih tertarik terhadap bidang pendidikan daripada keluarga lain. Ibu bapa sebagai guru, mereka boleh memberi contoh teladan dan boleh memberi nasihat kepada anak-anak. Pekerjaan dan pendapatan juga menjadi salah satu faktor sokongan pendidikan yang penting bagi setiap orang dalam masyarakat. Orang yang berpendapatan tinggi akan mendapat peluang yang lebih banyak dalam semua aspek kehidupan berbanding dengan orang yang berpendapatan rendah. Begitu juga dengan pendidikan; keluarga yang mempunyai ibu atau bapa yang berpendidikan tinggi akan lebih mudah berjaya kalau dibandingkan dengan keluarga yang berpendidikan rendah.

Latar belakang beberapa orang informan memperlihatkan pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi daripada penduduk lain bukan sahaja dalam kalangan orang Melayu tetapi termasuk juga masyarakat majoriti Thai. Mereka semua diterima

oleh masyarakat sebagai orang yang berjaya kerana pekerjaan dan pendapatan mereka. Hasil temu bual di lapangan jelas dilihat tentang perkara ini.

Keluarga Khun Ammara Thapsen informan yang mewakili orang yang berjaya dalam institusi keluarga bekerja sebagai guru didapati semua adik-beradik mendapat pendidikan tinggi. Tambahan lagi, keluarga beliau mempunyai kebun limau yang mendatangkan pendapatan sekurang-kurangnya tiga hingga lima juta baht (tahun 1967M-1977M). Lebih-lebih lagi, keluarga Khun Ammara membeli tanah di kawasan yang terdekat dan kawasan pembangunan bandar dengan nilai tanah kepunyaan Khun Ammara kira-kira 1,500 juta baht atau RM150 juta.³⁰ Begitu juga Profesor Dr. Jaran Malulemm yang mewakili orang yang berjaya dalam institusi yang sama, beliau menjadi pensyarah di Universiti Thammasat dan menjawat jawatan profesor dalam bidang hubungan antarabangsa. Kepakaran beliau tersebut mendatangkan jawatan-jawatan lain di peringkat negara seperti Penasihat Perdana Menteri Thai, Ahli Senat Universiti, Penasihat Duta Besar Thai dan lain-lain lagi. Selain daripada pekerjaan yang baik keluarga beliau juga memiliki tanah yang luas untuk mengusaha dan menternak lembu tenusu. Adik-beradik beliau juga menjawat jawatan yang tinggi. Abang sulung juga menjadi profesor dalam bidang Falsafah di Universiti Kasetsart dan dua orang adik beliau menjadi penarah di universiti. Adik-beradik lain sekurang-kurangnya lulusan Ijazah Sarjana.³¹

Bagi informan yang mewakili institusi agama iaitu Haji Arun Bunchom dan Haji Marwan Sama-un, mereka berdua tidak berpendapatan tinggi. Sebaliknya, dengan ilmu dan nilai hasil kerjaya dalam bidang akademik dan pembangunan, mereka dianggap sebagai ulama Bahagian Thailand Tengah zaman ini dan dilantik menjawat jawatan yang tinggi bukan sahaja peringkat tempatan tetapi termasuk juga peringkat negara. Haji

Arun Bunchom pernah memegang jawatan Ketua Pejabat Sheikhul Islam Thailand selama 20 tahun. Beliau juga pernah menjawat jawatan Ketua Ahli Lembaga Pengelora Bahagian Syariah, Bank Islam Thailand. Kini beliau memegang jawatan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Islam Bangkok.³² Manakala Haji Marwan Sama-un, walaupun pada awalnya beliau hanya imam masjid di kampung asal dan guru agama tetapi dengan hasil kerjaya beliau dalam pembangunan kampung dapatlah beliau dilantik sebagai Setiausaha kepada Mufti Haji Muhammad Mahmud selama dua puluh tahun. Hasil kerjaya dalam bidang pembangunan, beliau bukan sahaja dikenali dalam masyarakat Muslim, tetapi dikenali juga oleh masyarakat Thai sehingga akhirnya beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Senat (Senetor) Thailand, Penasihat Perdana Menteri serta Penasihat Menteri Dalam Negeri, Thailand. Selain itu, beliau dikurniakan Ijazah Sarjana Kehormat daripada universiti di Thailand.³³

Prof. Madya Dr. Abdullah Numsuk dan Prof. Madya Dr. Prakorn Preeyakorn yang mewakili institusi pendidikan juga merupakan orang yang mempunyai pekerjaan yang baik. Mereka berdua bekerja sebagai pensyarah universiti. Berdasarkan pekerjaan yang mereka pegang, terdapat pelbagai peluang lain untuk mereka mencapai kejayaan. Dr. Abdullah Numsuk dilantik menjadi Penasihat Mufti Thailand dan Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Bangkok. Tambahan lagi, beliau dilantik oleh kerajaan Arab Saudi untuk memegang jawatan Direktor Institut Al-wasatiah.³⁴ Bagi Prof. Madya Dr. Pakorn Preeyakon, beliau merupakan pakar dalam bidang Polisi Awam dan Pentadbiran Awam yang terkenal di negara Thai. Oleh itu, beliau dilantik menjawat jawatan-jawatan penting di peringkat universiti dan peringkat negara. Di universiti, beliau pernah memegang jawatan Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, Timbalan Naib Chanselor, dan Jawatankuasa Dewan Universiti. Manakala di peringkat negara, beliau

penah menjadi ahli Jawatankuasa Mengedraf Perlembagaan, Ahli Parlimen dan Penasihat Menteri-menteri Tentang Polisi dan Pentadbiran Awam.³⁵

Pengusaha restoran pelbagai jenis masakan dan pengeluar makanan halal berasaskan produk ternakan itik dan daging lembu halal yang berpendapatan tinggi berbanding dengan pengusaha lain merupakan punca yang menaikkan kedudukan Hajah Subaidah Wangmana dan Khun Kittisak Binsalleh dari peringkat survival kepada peringkat kejayaan. Mereka sebagai pengusaha makanan halal dan rakaian restoran di kawasan Thailand Tengah dikenali ramai oleh para pengguna dan pelanggannya sama ada dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam.

Hajah Subaidah mempunyai restoran dan mengeluarkan pelbagai produk masakan dan makanan berasaskan itik seperti itik bakar, bebola itik, sosej itik dan beberapa produk lain daripada itik. Dalam satu hari, Hajah Subadah boleh menjual itik di rangkaian restoran dan di rangkaian kedainya sekurang-kurangnya 500 ekor sehari. Nama Restoran Subaidah dan produk itik beliau dikenali oleh orang ramai, terutama pengguna Muslim. Beliau dianggap sebagai salah seorang Melayu yang berjaya dalam bidang ekonomi kerana sekarang beliau memiliki dua buah restoran besar dan empat buah gerai dalam pasar pagi.³⁶

Begitu juga dengan Khun Kittisak Binsalleh, beliau dikenali oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Thai kerana kejayaan dalam bidang ekonomi sebagai pengusaha restoran dan pembekal daging halal di kawasan Thailand Tengah. Khun Kittisak memiliki restoran besar yang terkenal di Bangkok iaitu Restoran Sinthon. Selain daripada restoran tersebut, beliau juga merupakan pembekal produk-produk daging lembu yang paling besar di Thailand iaitu sebanyak 7,000-10,000 kilogram

sehari. Beliau mempunyai kilang dan mesin yang paling moden dalam proses pengeluaran daging halal di Thailand. Sekarang nilai perniagaan beliau iaitu restoran dan produk yang berasaskan daging lembu bernilai lebih daripada RM50 juta atau 500 juta baht Thai.³⁷

Orang yang berjaya dalam institusi politik seperti Khun Samai Charoenchang dan Khun Narumol Rattanaphibal juga asalnya memiliki kerjaya atau pekerjaan yang baik. Khun Samai merupakan salah seorang tenaga penting dan aktif dalam bidang sukarelawan. Beliau aktif bekerja dengan masyarakat dan persatuan-persatuan yang berkaitan dengan sosial dan komuniti Muslim. Beliau juga pernah menjadi guru besar sekolah. Berdasarkan pekerjaan dan aktiviti-aktiviti yang beliau pernah lakukan, Parti Demokrat yang merupakan parti politik Thai yang paling lama mengajak beliau agar memohon menjadi ahli parlimen melalui pilihan raya. Akhirnya beliau menjawat jawatan tersebut pada tahun 1995M, 1996M, dan 2011M, dan juga pernah menjawat jawatan Penolong Setiausaha Menteri Pendidikan, Jurucakap Suruhanjaya Tenaga Negara, Jawatankuasa Suruhanjaya Tentera, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pendidikan, dan lain-lain lagi.³⁸


Khun Narumol Rattanaphibal juga asalnya seorang yang mempunyai kerja yang baik. Sebelum menjawat jawatan Ahli Dewan Bangkok, beliau pernah menjadi wartawan di TV 7 dan TV 9 selama 14 tahun. Kemasyuran beliau membuatkan Dr. Pichit Rattakul Gabenor Bangkok pada zaman itu mengajak beliau untuk menjawat jawatan Penolong Setiausaha Gabenor Bangkok. Kemudian beliau memohon menjadi ahli Dewan Bangkok dan dipilih menjawat jawatan tersebut pada tahun 2010M-2015M. Beliau dijangka akan mewakili Parti Demokrat dan akan bertanding menjadi ahli parlimen dalam pilihan raya negara yang akan datang.³⁹

Hasil temu bual tersebut memperjelaskan bahawa pekerjaan dan pendapatan merupakan faktor yang membolehkan orang Melayu yang merupakan golongan minoriti di kawasan Thailand Tengah mendapat kejayaan. Dua perkara tersebut merupakan punca yang mempertingkatkan informan dari peringkat survival ke peringkat kejayaan mengikut konsep dan syarat-syarat dalam kajian ini. Berdasarkan pendapatan dan pekerjaan informan, beliau diterima oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Thai sebagai orang yang berjaya.

Berdasarkan dapatan kajian di atas dapat dikategorikan faktor-faktor kejayaan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya kepada dua kumpulan iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman ialah seseorang individu itu berupaya melakukan sendiri sesuatu perkara tanpa dorongan orang lain atau pengaruh luar untuk mencapai sesuatu kejayaan seperti usaha sendiri, kreativiti, dan bakat. Usaha dan kreativiti ini merupakan hal yang tidak boleh dilaksanakan dan dilakukan oleh orang lain kecuali diri sendiri. Walaupun setiap orang mempunyai latar-belakang yang berbeza-beza tetapi dua perkara ini tidak dihadkan oleh hal tersebut. Sifat dalaman ini jelas dilihat daripada latar belakang kehidupan Hajah Subaidah dan Khun Kittisak merupakan orang yang berjaya dalam institusi ekonomi. Mereka berdua berasal daripada keluarga yang miskin dan tidak berpeluang dalam pendidikan, tetapi dengan usaha dan keretiviti dalam diri sendiri mereka akhirnya dapat mencapai kejayaan seperti wakil informan daripada institusi lain.

Manakala faktor luaran ialah perkara yang merupakan sokongan kepada seseorang manusia atau individu untuk berjaya iaitu latar belakang keluarga dan pendidikan. Dalam kajian ini dapat dilihat bahawa orang yang berpendidikan tinggi ialah orang yang mempunyai latar belakang yang dianggap baik. Bagaimanapun

pekerjaan dan pendapatan merupakan faktor terakhir yang berasaskan empat faktor tersebut kerana anggota masyarakat akan menerima seseorang sebagai orang yang berjaya berdasarkan pendapatan atau pekerjaan mereka. (Sila lihat Gambarajah 5.1 untuk merujuk tentang pengkategorian faktor kejayaan)



Gambarajah 5.1: Pengkategorian Faktor Kejayaan


Dapatan kajian memperlihatkan bahawa hubungan antara faktor-faktor kejayaan saling berhubung kait antara satu sama lain. Hubungan antara faktor-faktor tersebut boleh dikeluarkan langkah demi langkah melalui “Model Tangga Kejayaan”. Latar belakang keluarga adalah merupakan faktor langkah pertama dalam tangga kejayaan ini. Faktor tersebut ialah faktor luaran, iaitu faktor yang tidak dapat dikawal. Ia merupakan sokongan kepada seseorang dalam usaha mencapai kejayaan. Orang yang mempunyai latar belakang keluarga yang baik akan mempunyai peluang dalam perjalanan ke langkah seterusnya dalam “Model Tangga Kejayaan” ini.

Langkah seterusnya dalam Konsep Tangga Kejayaan ini ialah usaha. Usaha ini merupakan faktor dalaman yang dapat dilihat pada setiap orang yang berjaya. Bagi orang yang mempunyai latar belakang yang baik, kalau tanpa usaha ini mereka juga tidak boleh mencapai tahap kejayaan. Ramai orang Melayu yang berlatar belakang keluarga yang baik tetapi tidak boleh mencapai tahap kejayaan kerana tanpa faktor ini. Apatah lagi dalam orang yang latar belakangnya susah. Kalau tanpa faktor ini mereka tidak boleh mencapai tahap kejayaan dan pada masa yang sama dalam peringkat survival juga susah diteruskan.

Langkah ketiga dan keempat dalam Tangga Kejayaan ini ialah pendidikan dan keaktiviti. Pada masa sekarang, tidak boleh dinafikan bahawa pendidikan merupakan syarat minimum dalam setiap pekerjaan kecuali dalam bidang ekonomi. Kalau tanpa pendidikan susah juga akan mendapat peluang yang baik sehingga boleh mencapai kejayaan. Manakala, dalam bidang ekonomi, pendidikan ini bukan hanya kelulusan atau memiliki Ijazah daripada Institut Pengajian Tinggi. Sebaliknya pengalaman dalam kehidupan juga boleh dianggap sebagai pendidikan tidak formal. Hal ini jelas dilihat daripada informan yang berjaya dalam institusi ekonomi dalam kajian ini. Langkah kejayaan seterusnya adalah kreativiti. Kreativiti ini merupakan punca yang membolehkan seseorang mendapat kejayaan. Jawatan-jawatan yang dipegang dan dimiliki informan dalam kajian ini bukan tidak ada orang lain yang boleh mencapainya, tetapi berdasarkan sifat kreativiti ini membuatkan informan dikenali oleh orang ramai melalui hasil kerjaya mereka sebagai bukti kebolehan dan keupayaan melakukan sesuatu yang diceburinya. Tambahan lagi, hasil kerjaya yang berasaskan sifat kreativiti itu memberi kesan kepada orang ramai dan mendapat pekerjaan atau pendapatan yang lebih tinggi daripada penduduk atau orang lain.

Pekerjaan dan pendapatan merupakan faktor terakhir yang membolehkan seseorang mendapat kejayaan. Seseorang akan diterima oleh masyarakat sebagai orang yang berjaya adalah berdasarkan pekerjaan atau pendapatan mereka. Empat langkah sebelum ini merupakan sokongan bagi seseorang boleh mendapatkan pekerjaan atau pendapatan yang baik. Pekerjaan dan pendapatan yang dimaksudkan ini, bukan sahaja jawatan atau pendapatan biasa yang majoriti dalam masyarakat boleh mendapatinya. Sebaliknya yang dimaksudkan adalah jawatan atau pendapatan yang tinggi dan orang yang akan mencapainya mestilah mempunyai keistimewaan seperti jawatan profesor, senator, tuan punya restoran dan lain-lain lagi.

Berdasarkan dapatan kajian tersebut, empat langkah utama iaitu latar belakang keluarga, usaha, pendidikan dan kreativiti dikategorikan dalam peringkat survival. Manakala, pendapatan atau pekerjaan dikategorikan dalam tahap kejayaan. Empat perkara utama hanya sebagai langkah dan sifat yang mesti ada dalam diri seseorang yang mahu mencapai kejayaan. Sebaliknya, empat perkara tersebut tidak boleh membuatkan seseorang itu boleh mencapai kejayaan kalau tanpa pekerjaan atau pendapatan. Oleh, itu perbezaan antara survival dan kejayaan dalam seseorang ialah langkah kelima. Kalau mencukupi empat langkah utama dan boleh menduduki langkah kelima, barulah dianggap sebagai orang yang berjaya. Kalau mencukupi empat langkah utama tetapi tidak boleh menduduki langkah kelima, belum lagi dinamakan sebagai orang yang berjaya. Selain itu, kajian ini memperlihatkan bahawa setiap orang informan mempunyai sekurang-kurangnya tiga daripada empat faktor pertama iaitu latar belakang keluarga, usaha, pendidikan dan kreativiti. (Sila lihat Gambarajah 5.2 Model Langkah Kejayaan di bawah.)



Gambarajah 5.2: Model Langkah Kejayaan

Selain daripada lima perkara tersebut yang merupakan faktor-faktor yang membolehkan orang Melayu mencapai kejayaan, terdapat juga perkara yang sangat menarik daripada kajian ini iaitu kebanyakan informan yang berjaya terdiri daripada keluarga yang ramai anak. Hasil kajian ini bertentangan dengan beberapa kajian tentang minoriti lain yang pernah dilakukan oleh Ngampis Sattayasanguan⁴⁰. Kajian Ngampis Sattayasanguan bertajuk *สถาบันครอบครัวของกลุ่มชาติพันธุ์ในกรุงเทพมหานคร: กรณีศึกษาครอบครัวยวน* (Institut Keluarga Kumpulan Etnik dalam Bangkok: Kajian Kes Keluarga Yuan). Hasil penyelidikannya menyatakan bahawa salah satu faktor yang mempengaruhi kejayaan dalam keluarga minoriti Yuan di Bangkok ialah faktor jumlah anak. Keluarga yang mempunyai jumlah anak ramai lebih susah mendapat kejayaan kalau dibandingkan dengan keluarga yang jumlah anaknya tidak ramai.⁴¹ Punca yang membezakan hasil penyelidikan ini dengan hasil penyelidikan tersebut ialah pandangan terhadap jumlah anak. Dalam masyarakat Melayu Muslim, setiap orang anak yang dilahirkan, Tuhan telah memberikan rezeki kepadanya. Oleh yang demikian mereka tidak akan risau

tentang jumlah anak dan tidak memikirkan bahawa jumlah anak yang ramai akan menghalang rezeki mereka.

5.4 Kesimpulan

Sepanjang sejarah kerajaan Rattanakosin, kejayaan dan faktor-faktor yang membolehkan orang Melayu mendapat kejayaan pada setiap masa adalah berbeza-beza. Faktor-faktor yang membolehkan mereka berjaya mengekalkan identiti boleh dibahagikan kepada dua bahagian; iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran ialah layanan pihak kerajaan kerajaan Siam yang tidak begitu memberi perhatian kepada kedudukan golongan tawanan perang Patani yang dibawa ke Bangkok kerana pada zaman itu mereka masih digangu-gugat oleh situasi peperangan antara kerajaan Siam dengan dengan negeri-negeri lain yang berjiran dengannya. Manakala faktor dalaman pula ialah perasaan orang Melayu sendiri ketika itu masih mempunyai rasa keterikatan dengan tanah air leluhur mereka iaitu Patani serta cerita sedih yang berkaitan dengan perpindahan mereka masih menghantui perasaan. Mereka sekadar bertahan untuk boleh meneruskan kehidupan dengan selamat. Walaupun mereka telah mempunyai kestabilan dalam kekeluargaan dan keamanan dalam kehidupan, tetapi perkara-perkara tersebut hanya pada tahap survival dan belum lagi memasuki tahap kejayaan.

Selepas orang Melayu di persekitaran Bangkok mendapat kejayaan dalam setiap institusi sosial, maka hak-hak dalam kehidupan yang wujud untuk mereka setaraf dengan penduduk Thai yang lain. Tiada lagi halangan dan apa-apa sekatan termasuk sekatan perjalanan yang menghalang kejayaan dalam kalangan mereka. Semua berpeluang dalam kehidupan untuk mencapai kejayaan terbuka luas seperti penduduk majoriti. Kajian temubual di lapangan terhadap orang-orang Melayu yang berjaya

sekarang jelas dapat memperlihatkan perkara tersebut. Dapatan kajian telah dapat mengenal pasti beberapa faktor yang membolehkan mereka berjaya. Antaranya ialah latar belakang keluarga, usaha, pendidikan, kreativiti dan akhirnya kerjaya (pekerjaan) dan pendapatan. Lima faktor tersebut berkaitan antara satu sama lain dalam bentuk tangga. Kejayaan yang didapati langkah demi langkah. Sekurang-kurangnya tiga dari empat faktor yang mesti ada dalam setiap orang yang berjaya iaitu latar belakang keluarga, usaha, pendidikan, dan kreativiti. Berdasarkan maklumat daripada temubual berkaitan, satu perkara yang sangat menarik ditemui ialah jumlah anak yang ramai bukan masalah yang menjadi penghalang kejayaan dalam keluarga Melayu kerana lapan daripada sepuluh informan terdiri daripada keluarga-keluarga besar yang mempunyai jumlah adik-beradik yang ramai.

Nota Hujung

-
- ¹ Sir John Bowring (1792-1872) ialah peniaga dan diplomat berbangsa Inggeris. Bowring pernah bertugas sebagai Gabenor di Pulau Hongkong pada tahun 1848-1857 dan dilantik sebagai duta untuk mengembangkan hubungan persahabatan antara England dan Siam pada tahun 1855 zaman Raja Rama IV.
- ² Charnvit Kasetsiri et. al. (2004). *ราชอาณาจักรและราษฎรสยาม: เฮอร์จอห์นบาวริง, เล่ม 1 (Kerajaan dan Penduduk Siam: Sir John Bowring, Jilid 1)*. Bangkok: Mulanithi Khrongkar Tamra Sangkhomsart, hal.110-111.
- ³Ibid.,
- ⁴Temubual Sukri Sarem, sejarahwan dan setiausaha Persatuan Melayu Lebah Pantai *Sungai Chaophraya*, 12 Februari 2015
- ⁵Temu bual Ammara Thapsaen, bekas guru sains Kolej Islam Thailand, penduduk daerah Thungkru, Bangkok Thailand, 26 Mei 2015
- ⁶ Temu bual Jaran Maluleem, Profesor Fakulti Sains Politik, Unversiti Thammasat, Thailand, 1 Jun 2015.
- ⁷ Temu bual Prof. Madya Dr. Abdullah Numsuk, Pengarah Institut Alwasatiah dan pengarah Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkhlanakarin Cawangan Bangkok. 25 Mei 2015.
- ⁸ Temu bual Prof. Dr. Pakorn Priyakorn, Jawatankuasa Pengubalan Perlembagaan, Bekas Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, *National Institute of Development Administration*, 30 Mei 2015.
- ⁹ Temu bual Haji Marwan Sama-un, Imam Masjid Kamalul Islam, bekas senator Thailand, 27 Mei 2015.
- ¹⁰ Temu bual Samai Charoenchang, sejarahwan dan bekas ahli parlimen Thailand berketurunan Melayu, 14 Disember 2014.
- ¹¹ Temu bual Khun Narumol Rattanaphibal, Ahli Dewan Bangkok, 1 Mei 2015
- ¹²Temubual Haji Arun Bunchom, Pengurus Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.
- ¹³ Temu bual Hajah Subaidah Wangmana, Tuan punya Subaidah Restoran, 1 Februari 2015.
- ¹⁴ Temu bual Khun Kittisak Binsaleh, Tuan punya Restoran Sinthon, 1 Mei 2015.
- ¹⁵Temubual Haji Arun Bunchom, Pengurus Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.
- ¹⁶ Temu bual Haji Marwan Sama-un, Imam Masjid Kamalul Islam, bekas senator Thailand, 27 Mei 2015.
- ¹⁷ Temu bual Prof. Madya Dr. Abdullah Numsuk, Pengarah Institut Alwasatiah dan pengarah Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkhlanakarin Cawangan Bangkok. 25 Mei 2015.
- ¹⁸ Temu bual Prof. Dr. Pakorn Priyakorn, Jawatankuasa Pengubalan Perlembagaan, Bekas Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, *National Institute of Development Administration*, 30 Mei 2015.
- ¹⁹ Temu bual Hajah Subaidah Wangmana, Tuan punya Subaidah Restoran, 1 Februari 2015.
- ²⁰ Temu bual Khun Kittisak Binsaleh, Tuan punya Restoran Sinthon, 1 Mei 2015.
- ²¹ Temu bual Samai Charoenchang, sejarahwan dan bekas ahli parlimen Thailand berketurunan Melayu, 14 Disember 2014.
- ²² Temu bual Khun Narumol Rattanaphibal, Ahli Dewan Bangkok, 1 Mei 2015
- ²³ Temu bual Ammara Thapsaen, bekas guru sains Kolej Islam Thailand, penduduk daerah Thungkru, Bangkok Thailand, 26 Mei 2015.
- ²⁴ Temu bual Jaran Maluleem, Profesor Fakulti Sains Politik, Unversiti Thammasat, Thailand, 1 Jun 2015.
- ²⁵Temubual Haji Arun Bunchom, Pengurus Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.
- ²⁶ Temu bual Haji Marwan Sama-un, Imam Masjid Kamalul Islam, bekas senator Thailand, 27 Mei 2015.
- ²⁷ Temu bual Prof. Dr. Pakorn Priyakorn, Jawatankuasa Pengubalan Perlembagaan, Bekas Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, *National Institute of Development Administration*, 30 Mei 2015.
- ²⁸ Temu bual Hajah Subaidah Wangmana, Tuan punya Subaidah Restoran, 1 Februari 2015.
- ²⁹ Temu bual Khun Kittisak Binsaleh, Tuan punya Restoran Sinthon, 1 Mei 2015.
- ³⁰ Temu bual Ammara Thapsaen, bekas guru sains Kolej Islam Thailand, penduduk daerah Thungkru, Bangkok Thailand, 26 Mei 2015.
- ³¹ Temu bual Jaran Maluleem, Profesor Fakulti Sains Politik, Unversiti Thammasat, Thailand, 1 Jun 2015.
- ³²Temubual Haji Arun Bunchom, Pengurus Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.
- ³³ Temu bual Haji Marwan Sama-un, Imam Masjid Kamalul Islam, bekas senator Thailand, 27 Mei 2015.
- ³⁴ Temu bual Prof. Madya Dr. Abdullah Numsuk, Pengarah Institut Alwasatiah dan pengarah Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkhlanakarin Cawangan Bangkok. 25 Mei 2015.
- ³⁵ Temu bual Prof. Dr. Pakorn Priyakorn, Jawatankuasa Pengubalan Perlembagaan, Bekas Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, *National Institute of Development Administration*, 30 Mei 2015.
- ³⁶ Temu bual Hajah Subaidah Wangmana, Tuan punya Subaidah Restoran, 1 Februari 2015.
- ³⁷ Temu bual Khun Kittisak Binsaleh, Tuan punya Restoran Sinthon, 1 Mei 2015.
- ³⁸ Temu bual Samai Charoenchang, sejarahwan dan bekas ahli parlimen Thailand berketurunan Melayu, 14 Disember 2014.
- ³⁹ Temu bual Khun Narumol Rattanaphibal, Ahli Dewan Bangkok, 1 Mei 2015

⁴⁰Nganpis Sattayasanguan. (2000). สถาบันครอบครัวของกลุ่มชาติพันธุ์ในกรุงเทพมหานคร: กรณีศึกษาครอบครัวยวน(*Institutut Keluarga Kumpulan Etnik dalam Bangkok: Kajian Kes Keluarga Yuan*). Bangkok : Chulalongkorn University.

⁴¹Ibid., hal. 229.

BAB 6 : KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian yang berkaitan dengan golongan minoriti di Thailand dan di Asia Tenggara sering menggambarkan komuniti minoriti yang mengalami kemunduran dan penindasan oleh masyarakat majoriti serta kerajaan yang berkuasa. Begitu juga dengan tulisan-tulisan sejarah yang memberikan tumpuan kepada sosio-ekonomi dan sosio-budaya masyarakat majoriti. Dengan memberatkan perkara-perkara tersebut, latar belakang sejarah golongan minoriti serta survival dan kejayaan mereka terlepas pandang sehingga terabai begitu sahaja dan tidak diberikan perhatian akan kepentingannya.

Berdasarkan punca tersebut, pengkaji melakukan kajian ini untuk memperlihatkan kehidupan golongan minoriti iaitu orang Melayu yang mendiami Bangkok dan kawasan sekitarnya melalui soal selidik. Bagaimanakah mereka yang merupakan penduduk minoriti di peringkat kawasan dan berasal daripada tawanan perang dan kemudian mereka dijadikan hamba, boleh meneruskan kehidupan dalam masyarakat majoriti yang berlainan bangsa, agama, dan budaya serta boleh mengembangkan masyarakat mereka sehingga akhirnya dihormati sebagai salah satu ahli kumpulan dalam masyarakat dan juga boleh mendapatkan kejayaan seperti penduduk majoriti Thai?

Kawasan Dataran Thailand Tengah khususnya kawasan Bangkok menjadi tumpuan pelbagai masyarakat daripada pelbagai latar belakang budaya, antaranya termasuklah komuniti Melayu yang dianggarkan berjumlah seramai 700,000 orang. Orang-orang Melayu merupakan golongan minoriti di kawasan ini dan mereka telah

mendiami daerah ini semenjak zaman Ayuthaya lagi iaitu sekitar abad 13M dan 14M lagi.

Kajian ini melibatkan zaman awal orang Melayu dibawa ke kawasan Thailand Tengah pada zaman pemerintahan kerajaan *Rattanakosin*. Tumpuan kajian diberikan kepada golongan minoriti Melayu yang dipindahkan ke kawasan Thailand Tengah sebagai “tawanan perang” tidak termasuk golongan minoriti Muslim keturunan lain seperti Jawa, Champa, India, Arab, Parsi dan juga golongan orang Melayu yang mendiami kawasan ini terlebih awal iaitu sebelum zaman ini. Golongan orang Melayu minoriti awal dikenali sebagai “*Khaek Tani*”. Mereka ialah golongan pedagang yang membawa barangan dari negeri-negeri Melayu untuk berniaga di Kota Ayutthaya. Jumlah penduduk Melayu pada zaman itu masih belum ramai dan tidak memberi apa-apa kesan kepada pihak kerajaan Thailand.

Orang Melayu “bekas tawanan perang” yang tinggal di Bangkok dan kawasan sekitarnya pada zaman pemerintahan kerajaan Rattanakosin, dipanggil oleh orang Melayu di Thailand Selatan dengan panggilan “Orang Melayu Bangkok” atau dalam dialek Patani sebagai “Oghae Nayu Bakok”. Istilah Melayu Bangkok atau *Nayu Bakok* ini bukan sahaja digunakan untuk memanggil orang berketurunan Melayu yang tinggal di wilayah ibu negara Thailand sahaja, tetapi istilah ini digunakan untuk memanggil semua penduduk berketurunan Melayu yang tinggal di Thailand Tengah termasuklah wilayah Nonthaburi, Pratumthani, Samutprakarn, Nakornnayok, dan Chachengsau. Sepanjang sejarah orang Melayu tinggal bermustautin atau menetap di kawasan ini, mereka tetap menjaga adat-istiadat, agama, dan identiti mereka sebagai bangsa Melayu beragama Islam. Warisan ini berterusan dalam kalangan orang Melayu Bangkok bagi

mengekalkan identiti mereka dan mampu meneruskan kehidupan mereka seadanya sehingga sekarang.

Oleh sebab itu, dari segi lokasi kajian ini, pengkaji telah memilih kawasan kajian mengikut “radius” dari pusat pentadbiran lama; iaitu Istana Besar Thailand, Bangkok. Kawasan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian; iaitu 15 kilometer, 16-30 kilometer, dan 31-45 kilometer. Terdapat empat buah wilayah di Bahagian Thailand Tengah yang terlibat dalam kajian ini; iaitu wilayah Bangkok ibu negara Thailand, wilayah Pratumthani, Nonthaburi, dan Samutprakarn.

Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan sejarah untuk meneliti latar belakang sejarah orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah. Manakala, untuk meneliti survival orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah, pengkaji mengadaptasikan beberapa teori dan konsep. Hal ini telah dinyatakan pada bab tiga kajian ini. Penggunaan teori dan konseptual ini adalah untuk mempertegas lagi tentang pengadaptasian konsep-konsep tersebut bagi memperolehi hasil penyelidikan yang lebih mendalam daripada penggunaan konsep-konsep asal survival secara berasingan. Antaranya pendapat yang diutarakan oleh Thomas Robert K (1982) tentang konsep ‘Survival Minoriti’ dan konsep ‘Empat Peringkat Kemasukan Imigran ke dalam Masyarakat Tempatan’ yang merupakan kajian Małgorzata Budyta-Budzyńska (2011) yang memandang golongan minoriti secara kasar sebagai sebuah kelompok komuniti tanpa unsur pembolehubah. Sebaliknya apabila digabungkan dengan konsep Institusi Sosial kajian Nganpis Sattayasanguan (2000), hasil kajian lebih mendalam dan lebih jelas hasilnya. Ia boleh dilihat bahawa unsur pembolehubah tahap kedudukan golongan minoriti dalam pelbagai bidang bukan sahaja dipandang sama tanpa dilihat unsur pembolehubahnya. Contoh yang jelas boleh dilihat ialah orang

Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya, walaupun mereka telah menyerap banyak unsur budaya Thai ke dalam kehidupan mereka tetapi tidak boleh dikatakan bahawa hidup mereka telah diasimilasikan dengan budaya Thai sepenuhnya kerana beberapa aspek budaya warisan mereka seperti agama dan kepercayaan masih lagi dikekalkan. Dari segi anutan agama dalam kalangan minoriti Melayu di kawasan Thailand Tengah kekal utuh. Hakikat ini sudah berlaku berterusan sejak dari zaman dahulu hingga sekarang.

Sebaliknya kajian Małgorzata Budyta-Budzyńska (2011) juga memberi kesan kepada “Konsep Institusi Sosial”; demikian juga kajian Nganpis Sattayasanguan (2000) bahawa konsep ini boleh digunakan untuk menyatakan tahap kedudukan institusi sosial sesebuah masyarakat. Berdasarkan konsep yang dikemukakan oleh Ngampis bahawa sesebuah masyarakat menggunakan institusi-institusi sosial untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Sebaliknya kajian Małgorzata Budyta-Budzyńska (2011) yang mendalam dan jelas, pada tahap manakah golongan minoriti semasa itu berada dalam kedudukan institusi-institusi tersebut. Yang nyata mereka berada pada tahap tertentu sama ada tahap pemisahan, adaptasi, integrasi atau asimilasi.

Migrasi orang Melayu dari selatan ke Bahagian Thailand Tengah dilakukan sebanyak tiga kali; iaitu dua kali pada zaman pemerintahan Raja Rama I dalam tahun 1786M dan 1791M, dan sekali lagi pada zaman pemerintahan Raja Rama III dalam tahun 1832M. Sepanjang sejarah migrasi orang Melayu ke Kawasan Thailand Tengah, sekurang-kurangnya 20,000 orang tawanan perang telah terlibat. Tujuan membawa mereka ke kawasan ini adalah untuk menambahkan sumber tenaga kerja bagi proses pembangunan Bangkok yang baru diasaskan. Tawanan perang dari negeri-negeri Melayu itu dijadikan tenaga kerja sebagai persediaan untuk menghadapi ancaman dan

serangan musuhnya terutama kerajaan Burma. Sumber tenaga kerja ini bagi memperbanyakkan atau meningkatkan hasil bekalan bahan makanan untuk pusat pemerintahan yang baharu ini selain daripada strategi pertahanan bagi menghadapi sebarang ancaman musuh yang dinyatakan. Jumlah penduduk Melayu dari Patani yang menjadi tawanan perang dipecahkan kepada kumpulan kecil supaya dapat mengelakkan berlakunya sebarang niat atau cita-cita tawanan perang ini untuk membebaskan diri daripada naungan kerajaan Siam atau melakukan sesuatu untuk melepaskan diri daripada kawalan Siam.

Selepas penduduk Melayu dibawa ke Bangkok, mereka telah dijadikan hamba. Berdasarkan status perhambaan yang diberikan oleh kerajaan Siam, orang Melayu telah mengalami penderitaan hidup yang parah, terutama sekali apabila kebebasan mereka dalam kehidupan telah dikawal oleh kerajaan Siam. Orang Melayu dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan ditempatkan dalam kawasan yang berlainan. Para kerabat diraja dan bangsawan Melayu Patani yang menjadi tawanan perang ditempatkan di kawasan yang dekat dengan Istana Besar. Manakala rakyat biasa ditempatkan di kawasan sempadan atau pinggiran Bangkok seperti di daerah Minburi, Prawet, Nongchol serta wilayah di kawasan sekeliling yang lain seperti Samutprakarn, Nonthaburi, Pratumthani, Nakornnayok, dan Chachengsao.

Daripada hasil kajian ini, survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya boleh dikategorikan kepada dua tempoh; iaitu survival semasa pemerintahan monarki ; dan survival semasa pemerintahan demokrasi. Survival orang Melayu semasa pemerintahan monarki merangkumi enam orang raja Siam yang memerintah dari tahun 1782M sehingga tahun 1925M. Manakala survival semasa pemerintahan demokrasi

merangkumi tiga orang raja Siam yang memerintah dari tahun 1925M hinggalah sekarang.

Hasil kajian memperlihatkan lagi bahawa, faktor utama yang mempengaruhi survival orang Melayu di Kawasan Thailand Tengah ialah dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan Siam. Setiap kali dasar kerajaan yang berkaitan dengan golongan minoriti dikuatkuasakan, orang Melayu terpaksa mengadaptasi cara hidup mereka mengikut dasar tersebut untuk membolehkan mereka meneruskan kehidupan di bawah kuasa kerajaan. Pengadaptasian inilah yang telah mewujudkan “Perubahan Sosial” dan “Perubahan Budaya” dalam masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah.

Pada zaman pemerintahan monarki, terdapat beberapa dasar yang mempengaruhi survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya; iaitu Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang Melayu ke Bahagian Thailand Tengah, Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan, Dasar Pengurusan Pendidikan, Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib dan Dasar Penggunaan Nama Keluarga. Manakala dasar-dasar yang mempengaruhi survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya semasa pemerintahan monarki ialah Dasar Pemerintahan Khana Ratsadorn dengan Enam Prinsip, Dasar Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom*, Dasar Penaungan Agama Islam, Dasar Penyesuaian Pentadbiran, Dasar Penguatkuasaan Pentadbiran Tempatan, dan Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara.

Sepanjang zaman pemerintahan monarki dari zaman pemerintahan Raja Rama I sehingga awal zaman pemerintahan Raja Rama VII, pendekatan asimilasi merupakan pendekatan yang digunakan oleh pihak kerajaan Thai untuk menyelesaikan masalah

dalam kalangan minoriti terutamanya orang Melayu. Kerajaan Thai berusaha mengasimilasikan orang Melayu secara langsung dan tidak langsung melalui dasar-dasar yang telah dijalankan. Antara dasar-dasar yang bersifat asimilasi ialah Dasar Pemindahan dari Patani ke Bangkok, Dasar Pemecahan Penduduk Melayu, Dasar Pengurusan Pendidikan, Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib, dan Dasar Penggunaan Nama Keluarga. Bagi orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya, sepanjang zaman pemerintahan monarki, mereka telah cuba mengadaptasi diri mereka untuk menyesuaikan hidup dengan menggunakan “Institusi Sosial” bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi, terutama institusi keluarga dan institusi agama.

Dasar Pemindahan dan Penempatan Orang-orang Melayu ke Bahagian Thailand Tengah digunakan untuk menyatakan survival orang Melayu pada awal hingga pertengahan zaman *Rattanakosin*. Dasar ini telah dikuatkuasakan sebanyak tiga kali; iaitu dua kali pada zaman Raja Rama I dan sekali lagi pada zaman Raja Rama III. Survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dikekalkan sehingga awal zaman pemerintahan Raja Rama V. Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan yang dikuatkuasakan oleh Raja Rama V merupakan dasar kedua yang mempengaruhi survival orang Melayu. Berdasarkan dasar ini, orang Melayu di Thailand Tengah yang selama ini disekat hak-hak dalam masyarakat kerana mereka berstatus hamba, dibebaskan dan dipertingkatkan kehidupan mereka sama seperti penduduk Thai lain di kawasan ini. Dasar ini juga merupakan kunci yang membuka pintu kejayaan bagi orang Melayu yang merupakan penduduk minoriti dalam masyarakat.

Sepanjang masa sebelum Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan dikuatkuasakan, masyarakat Melayu berjaya mengekalkan identiti dan cara hidup Melayu kerana mereka mempunyai empat faktor yang boleh menyelamatkan golongan minoriti seperti yang

dinyatakan oleh Robert K. Thomas (1982M) dalam kerangka kerja konseptual iaitu; mempunyai bahasa sendiri, mempunyai agama sendiri, menyatukan keterikatan kepada sesuatu kawasan, dan mempunyai sejarah yang suci. Sebelum pembatalan sistem perhambaan, orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitar masih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan masih kekal menganut agama Islam. Selain itu, semangat Melayu yang tersemat dalam hati mereka masih kental kerana cerita latar belakang tentang negara asal mereka Patani dan sejarah pemindahan mereka juga masih diwariskan kepada mereka daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Tambahan lagi, beberapa orang tua dalam kampung yang pernah terlibat sama dalam peristiwa pemindahan dari Patani masih hidup dalam kalangan mereka. Mereka merupakan faktor utama yang menghubungkan kaitkan orang Melayu generasi baharu dengan tanah leluhur atau nenek moyang mereka Patani serta menghubungkan kumpulan penduduk Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dengan penduduk Melayu Patani yang berada jauh di wilayah selatan.

Manakala status kedudukan mereka dalam masyarakat Thai mengikut konsep yang dikemukakan oleh Małgorzata Budyta-Budzyńska (2011M) adalah bertaraf “pemisahan” atau *Separation*. Berdasarkan empat faktor yang menyelamatkan golongan minoriti yang telah dinyatakan serta pengawalan hak perjalanan, iaitu tidak boleh keluar dari kawasan petempatan yang ditetapkan, status hamba yang diberikan oleh kerajaan Siam kepada mereka, masyarakat Melayu dipisahkan daripada masyarakat lain di Bangkok dan kawasan sekitarnya.

Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib ialah dasar yang dijalankan untuk semua rakyat Thai terutama kumpulan minoriti. Mereka lebih banyak dapat mempelajari bahasa Thai dan mendapat pendidikan umum

selain daripada pendidikan ilmu agama. Dasar tersebut sangat berkesan terhadap survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitar pada zaman pertengahan pemerintahan Rattanakosin. Selain itu, dasar ini terutama Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib merupakan permulaan dasar yang bersifat nasionalisme terhadap penduduk minoriti dalam negara.

Dasar yang terakhir semasa pemerintahan monarki yang mempengaruhi orang Melayu di kawasan Thailand Tengah yang digunakan untuk membincangkan survival mereka ialah Dasar Penggunaan Nama Keluarga. Oleh sebab terpaksa mematuhi dasar tersebut, penduduk yang berketurunan Melayu yang selama ini menggunakan ciri khas untuk menamakan nama peribadi dan nama keluarga mengikut tradisi masyarakat Melayu telah berubah bagi mematuhi dasar kerajaan. Sepanjang mereka mendiami kawasan ini, nama peribadi dan nama keluarga mereka merupakan salah satu perkara jelas melambangkan identiti Melayu dan membezakan identitinya dengan identiti Thai. Akhirnya mereka terpaksa mematuhi dasar yang ditetapkan oleh kerajaan bahawa nama peribadi dan nama keluarga yang digunakan harus dalam bahasa Thai selaras dengan warganegara Thai yang lain.

Selepas pembatalan sistem perhambaan, kerajaan Thai menjalankan dasar yang bersifat pengasimilasian melalui penguatkuasaan pendidikan wajib. Dasar-dasar selepas pembatalan sistem perhambaan mempengaruhi kehidupan orang Melayu di kawasan Thailand Tengah secara langsung terutama tentang penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Kebebasan perjalanan yang diperolehi selepas sistem perhambaan dibatalkan. Oleh itu mereka bukan sahaja boleh berinteraksi sesama orang-orang Melayu tetapi juga dengan orang Thai dan komuniti lain di sekeliling mereka. Walau bagaimanapun kesan yang berlaku daripada keadaan ini ialah peranan bahasa

Melayu dalam masyarakat semakin berkurangan hingga akhirnya penggunaan bahasa itu semakin terhad. Penggunaannya hanya di rumah atau dalam kampung tempat mereka tinggal sahaja.

Selain itu, semangat kemelayuan mereka seperti keterikatan dengan Patani tanah asal nenek moyang mereka semakin lemah kerana semua penduduk Melayu generasi terkemudian yang dilahirkan dan dibesarkan di kawasan Thailand Tengah, kecintaan mereka terhadap tanah yang mereka diami lebih tinggi dan mendalam daripada Patani tanah asal nenek moyang mereka yang terpisah jauh di selatan dan mereka kenali hanya melalui cerita-cerita daripada generasi tua sahaja, jauh sekali daripada mengalami sendiri. Tambahan lagi, mereka daripada generasi baharu mempunyai sejarah baharu dalam kehidupan mereka dengan pengalaman, pengembaraan dan survival sepanjang mereka mendiami kawasan Thailand Tengah. Taraf kedudukan mereka dalam masyarakat Thai pada zaman ini adalah bersifat “adaptasi” atau *adaptation*. Orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya tidak boleh dipisahkan daripada masyarakat Thai sebagai penduduk majoriti dan masyarakat lain. Keadaan seperti ini tidak pernah berlaku sebelum ini. Dasar-dasar kerajaan yang dijalankan dan keadaan ekonomi membuatkan mereka sebagai warganegara Thai dapat menjalinkan hubungan yang lebih luas dan terbuka dengan masyarakat lain.

Selepas penukaran sistem pemerintahan negara daripada pemerintahan monarki kepada pemerintahan demokrasi, kerajaan Thai masih lagi meneruskan pendekatan asimilasi kepada golongan rakyat minoriti. Dasar Pemerintahan *Khana Ratsadorn* dengan Enam Prinsip digunakan untuk menyatakan survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya selepas penukaran sistem pemerintahan hingga tahun 1939M. Parlimen di bawah kuasa Angkatan Rakyat telah menguatkuasakan dasar ini untuk

mempertingkatkan kehidupan penduduk di seluruh negara. Dasar ini memberi kesan positif dan negatif terhadap masyarakat Melayu di Thailand Tengah. Kesan positif adalah dari segi pembangunan pendidikan dan ekonomi, tetapi kesan negatifnya adalah dari segi sosiobudaya yang mereka amalkan, antaranya jati diri mereka semakin terhakis dan kehilangan identiti, terutama dalam penggunaan bahasa Melayu.

Dasar Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom* yang dikuatkuasakan oleh *Phibul Songkhram* pada tahun 1939M merupakan dasar yang sangat mempengaruhi kehidupan kumpulan etnik di seluruh negara terutamanya orang Melayu. Dasar *Ratthaniyom* bersifat nasionalisme yang akan menghapuskan identiti etnik-etnik lain supaya menjadi orang Thai yang berbudaya Thai dan beretika Buddha. Penguatkuasaan dasar ini telah menimbulkan sifat negatif terhadap kerajaan dan menyebabkan berlakunya pemberontakan terhadap kerajaan di kawasan Selatan Thailand. Dasar tersebut menggunakan pendekatan penghapusan sosio-budaya penduduk minoriti. Dalam konteks ini, penduduk Melayu di negara Thai akan terhapus identiti mereka sebagai golongan minoriti dalam masyarakat Thai. Pelaksanaan dasar ini melalui konsep *nasionalisme melampau* sebagai dasar negara bahawa *budaya dan bahasa Thai* harus diterima oleh rakyatnya tanpa mengira perbezaan etnik, agama, dan kepercayaan. Berdasarkan penguatkuasaan dasar tersebut, kerajaan Thai menghadapi banyak masalah dan tentangan daripada kaum minoriti, terutamanya golongan penduduk Melayu di Thailand Selatan yang merupakan penduduk majoriti di peringkat kawasan. Masalah tersebut sangat memberikan kesan negatif kepada kerajaan hingga akhirnya dasar tersebut ditarik balik pelaksanaannya. Walaupun dasar yang bersifat penghapusan identiti etnik bukan Thai ini telah dihentikan, namun kesan daripadanya telah menimbulkan masalah konflik yang berlarutan di Thailand Selatan dan masih berterusan hingga sekarang.

Kerajaan Thai kemudiannya tidak lagi melaksanakan pendekatan penghapusan identiti terhadap golongan minoriti, terutama kumpulan orang Melayu kerana mereka telah benar-benar sedar akibat dan masalah-masalah yang timbul hasil daripada pelaksanaan pendekatan tersebut. Selepas *Phibul Songkhram* meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri Thai, kerajaan selepasnya telah memperkenalkan dan menguatkuasakan Dasar Penaungan Agama Islam pada tahun 1948M. Dasar ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan ketidakpuasan dan ketegangan dalam kalangan orang Muslim di seluruh negara Thai.

Pendekatan dasar kemajmukan dan pendekatan memberi perlindungan undang-undang kepada minoriti digantikan penggunaannya melalui dasar yang bersifat “penaungan agama Islam”. Dasar yang bersifat penyelesaian masalah ini bagi mengatasi masalah yang berlaku dan dasar ini telah diteruskan penggunaannya hingga sekarang. Orang Melayu di Bangkok dan kawasan persekitarannya merupakan kumpulan penduduk minoriti pertama yang sangat ketara menerima kesan penguatkuasaan dasar tersebut. Walau bagaimanapun Mereka masih berupaya mengadaptasi dasar yang dilaksanakan selaras dengan aktiviti harian mereka untuk dapat meneruskan kehidupan di bawah ketetapan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Institusi-institusi sosial yang ada masih lagi digunakan untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Institusi agama sangat mempengaruhi kehidupan mereka pada awal zaman penukaran pemerintahan. Mereka menggunakan badan-badan agama yang ditubuhkan berdasarkan Dasar Penaungan Agama Islam untuk menyalurkan rasa tidak puas hati mereka terhadap dasar penghapusan kumpulan minoriti terutamanya hal yang berkaitan dengan agama Islam dan kebudayaan. Selepas penghapusan Dasar

Pembentukan Negara atau *Ratthaniyom*, kumpulan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya mempunyai hak yang sama dengan penduduk Thai dan ethnik lain dan orang Melayu dapat meneruskan kehidupan serta mengamalkan kebudayaan mereka dengan bebas.

Pada tahun 1948M *Phibul Songkhram* sekali lagi menjawat jawatan Perdana Menteri Thai. Beliau telah menyedari akan hakikat penguatkuasaan dasar *Ratthaniyom* yang bersifat nasionalisme melampau dan penghapusan golongan etnik minoriti tidak sesuai untuk dilaksanakan. Oleh itu, beliau menguatkuasakan dasar yang selari dengan cara hidup orang Melayu Muslim melalui Dasar Penyesuaian Pentadbiran dalam tahun 1948M dan Dasar Penguatkuasaan Akta Pentadbiran Tempatan pada tahun 1955M. Badan-badan agama Islam dan badan-badan pentadbiran tempatan ditubuhkan melalui dasar-dasar tersebut. Penubuhan badan-badan ini adalah bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian masalah ketidaksefahaman antara pihak penduduk dengan pihak pegawai kerajaan. Dasar yang diperkenalkan ini telah memberikan peluang kepada penduduk tempatan mentadbir kawasan yang mereka sendiri diami. Kedua-dua dasar ini amat mempengaruhi survival penduduk Melayu hingga sekarang dan telah memberi peluang dan ruang kepada orang Melayu dalam bidang politik negara Thai yang terbuka untuk mereka sertai.

Dasar Penggunaan Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara yang dikuatkuasakan oleh kerajaan *Sarit* pada tahun 1961M, ialah dasar terakhir pada zaman pemerintahan demokrasi. Dasar ini telah mempengaruhi survival orang Melayu di kawasan Thailand Tengah dengan berkesan. Berdasarkan penguatkuasaan dasar tersebut, kehidupan orang Melayu telah dipertingkatkan dari segi ekonomi. Infrastruktur kampung-kampung Melayu telah dibangunkan hingga kehidupan mereka setaraf dengan

penduduk majoriti Thai. Walau bagaimanapun, pembangunan yang menyerap masuk ke dalam kehidupan masyarakat berasaskan dasar tersebut telah mengasimilasikan identiti Melayu dengan masyarakat Thai sedikit demi sedikit dengan penduduk.

Survival orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah berubah dengan pesat selepas penukaran sistem pemerintahan negara. Selepas penukaran sistem pemerintahan, kerajaan *Khana Ratsadorn* menggunakan pendekatan “kemajmukan” yang merupakan dasar integrasi yang tidak menitikberatkan penghapusan identiti minoriti. Orang Melayu mempertingkatkan kehidupan mereka sambil meneruskan pengekalan identiti mereka tanpa halangan daripada pihak kerajaan. Sebaliknya selepas *Phibul Songkhram* menjawat jawatan Perdana Menteri, pendekatan “pengasimilasian” melalui dasar *Ratthaniyom* terus digunakan untuk menghapuskan golongan minoriti dalam masyarakat Thai. Dasar ini diharapkan dapat meng-Thai-kan semua penduduk negara ini tanpa mengira bangsa dan agama untuk membolehkan semua rakyat berbahasa Thai, berbudaya Thai dan beretika Buddha. Semua kumpulan minoriti menerima kesan penguatkuasaan dasar ini terutama orang Melayu. Walaupun Kerajaan *Phibul Songkhram* berjaya meng-Thai-kan kumpulan-kumpulan minoriti lain tetapi orang Melayu tidak menerima sepenuhnya dasar tersebut, malah dasar yang bertentangan dengan budayanya ditolak atau diadaptasi sahaja demi survival mereka dalam masyarakat majoriti.

Tahap kedudukan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitar pada awalnya adalah mengambil pendekatan “adaptasi”. Selepas Dasar *Ratthaniyom* dihentikan, tahap kedudukan orang Melayu di kawasan ini mengalami proses “integrasi”. Kesan daripada Dasar *Ratthaniyom* mewujudkan hubungan yang mantap golongan minoriti dengan masyarakat majoriti tempatan. Masing-masing mengambil bahagian dalam

pelbagai aspek kehidupan mereka yang sesuai dengan dasar berkenaan. Namun mereka tidak meninggalkan identiti warisan mereka; terutama identiti yang ada kaitan dengan agama Islam. Mereka menerima bahasa dan beberapa kebudayaan daripada orang Thai yang tidak bercanggah mengikut peraturan-peraturan agama Islam serta mengekalkan identiti golongan mereka sendiri. Hidup mereka selepas zaman *Ratthaniyom* hingga sekarang kekal harmonis dalam masyarakat yang berbilang kaum dan mempunyai kelainan tetapi mereka tetap saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Orang Melayu di kawasan sekitar Bangkok, walaupun boleh mengekalkan identiti dan kebudayaan mereka hingga sekarang, tetapi perubahan identiti dan kebudayaan setiap kawasan adalah berbeza-beza. Faktor yang membezakan perubahan setiap kawasan adalah kebiasaan dalam proses pembudayaan. Kampung-kampung yang terletak di kawasan bandar mempunyai proses pembudayaan yang lebih pesat berbanding dengan kampung-kampung di luar bandar. Berdasarkan perubahan sosial dan budaya serta tempoh masa yang panjang, survival orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya berbeza daripada zaman pemerintahan monarki, dan tidak mencukupinya dengan empat perkara yang boleh menyelamatkan golongan minoriti seperti yang dikemukakan oleh Robert K . Thomas. B. bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam kalangan orang Melayu dan menjadi perkara pertama yang dapat menyelamatkan golongan minoriti telah dikurangkan peranannya. Sebaliknya bahasa Melayu semakin kurang digunakan hingga akhirnya diabaikan langsung penggunaannya.

Kesan tersebut berterusan dan kebanyakan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa komunikasi dalam kehidupan seharian. Bahasa Thai bagi generasi baharu pula telah menjadi bahasa ibunda

kecuali di beberapa kampung dalam wilayah Prathumthani yang masih terus mengekalkan penggunaan bahasa Melayu hingga sekarang. Agama Islam merupakan perkara kedua yang dapat menyelamatkan dan mengekalkan identiti golongan minoriti masyarakat Melayu sehingga sekarang. Walaupun agama Islam dalam kalangan orang Melayu dikekalkan, tetapi terdapat juga perubahan di dalamnya. Kemasukan aliran-aliran baharu seperti *Salafiah* dan *Syiah* melalui orang yang berpendidikan agama daripada negeri-negeri Arab merupakan faktor utama yang menyebabkan berlaku perubahan tersebut.

Perkara ketiga dan keempat yang boleh menyelamatkan survival golongan minoriti orang Melayu ialah faktor “menyatukan keterikatan kepada sesuatu kawasan” dan “mempunyai sejarah yang luhur atau suci” telah melunturkan semangatnya melalui dasar-dasar asimilasi yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Melalui tempoh masa yang panjang telah menyebabkan semangat kemelayuan dalam kalangan orang Melayu ini kian lemah, kemudian bertukar kepada bahasa Thai hingga mereka telah merasai bahawa mereka ialah orang Thai yang beragama Islam. Mereka hanyalah sebahagian daripada masyarakat Thai atau negara Thai, dan generasi mereka bukan lagi pendatang. Mereka dilahirkan dan dibesarkan di kawasan Thailand Tengah bukan dari tempat lain.

Secara keseluruhan, kerajaan Thai berusaha untuk mengasimilasi kumpulan minoriti. Usaha kerajaan Thai sepanjang masa pemerintahan monarki dan demokrasi dianggap berjaya tetapi tidak dalam semua aspek kehidupan mereka. Orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya masih boleh mengekalkan beberapa identiti mereka hingga sekarang. Taraf kedudukan mereka dalam masyarakat Thai berlaku proses “adaptasi”; iaitu dengan berusaha sendiri menyesuaikan diri dengan sekatan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan kecuali hal ehwal agama Islam.

Dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh kerajaan memberi kesan positif dan negatif kepada masyarakat Melayu. Kesan negatif ialah kehilangan identiti Melayu kerana ditelan oleh arus pembangunan dan dasar yang berbentuk asimilasi. Manakala kesan positif pula, menjadikan kehidupan orang Melayu dalam bidang pendidikan, ekonomi dan politik dapat dipertingkatkan hingga setaraf dengan penduduk Thai yang lain. Boleh dikatakan, orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya merupakan minoriti di peringkat kawasan. Mereka mula mengadaptasi corak hidup mereka untuk meneruskan kehidupan masa depan yang lebih menjanjikan masa depan yang baik dalam masyarakat majoriti orang Thai yang beragama Buddha.

Bagi Kejayaan dalam kajian ini, pengkaji mengadaptasikan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1943) dengan beberapa syarat lagi yang diperlukan untuk memperjelaskan atau menyerlahkan kejayaan seseorang dalam masyarakat Melayu dalam setiap institusi yang dinyatakan dan untuk membezakan peringkat kedudukan minoriti antara survival dan kejayaan. Daripada hasil kajian, faktor-faktor yang membolehkan orang Melayu mendapat kejayaan dalam setiap zaman sepanjang sejarah kerajaan Rattanakosin adalah berbeza-beza. Kejayaan orang Melayu boleh dibahagikan dalam dua tempoh; iaitu kejayaan pada masa sebelum pelaksanaan dasar penyamarataan dengan rakyat majoriti; dan tempoh masa selepas pelaksanaan dasar penyamarataan dengan rakyat majoriti.

Kejayaan-kejayaan tersebut dapat dilihat daripada penggunaan institusi sosial untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi; dan penggunaan peluang dan ruang yang diperolehi untuk mempertingkatkan tahap kehidupan mereka. Dasar kerajaan juga merupakan faktor asas yang berkaitan dengan kejayaan orang Melayu. Kejayaan

mereka dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi tertentu. Pada zaman pemeritahan monarki misalnya, kejayaan mereka dapat dilihat dalam institusi keluarga dan institusi agama. Manakala pada zaman pemerintahan demokrasi dapat dilihat peluang dan ruang yang terbuka untuk mereka dalam institusi pendidikan, institusi ekonomi, dan akhirnya institusi politik.

Kejayaan orang Melayu melalui institusi keluarga merupakan kejayaan pertama yang dapat dilihat. Di bawah sekatan kebebasan berdasarkan status perhambaan serta kesusahan dalam kehidupan mereka selepas perpindahan ke bahagian Thailand Tengah, orang Melayu masih berjaya mengekalkan identiti mereka seperti bahasa, kebudayaan, dan agama. Faktor-faktor yang membolehkan mereka berjaya mengekalkan identiti warisan bangsanya adalah disebabkan pada masa itu kerajaan Siam masih dalam tempoh peperangan dengan negeri-negeri lain yang berjiran dengannya. Oleh sebab itu pihak kerajaan tidak menguatkuasakan dasar-dasar lain terhadap tawanan perang terutama dasar yang berkaitan dengan kedudukan orang Melayu. Orang Melayu hanya digunakan untuk menjadi tenaga kerja atau buruh dengan menghadkan kebebasan dan pergerakan mereka dalam kehidupan tetapi tidak menghalang anutan dan amalan kepercayaan agama dan kebudayaan.

Suasana kehidupan dalam kalangan masyarakat Melayu bertambah baik apabila Raja Rama V menguatkuasakan Dasar Pembatalan Sistem Perhambaan. Dengan penguatkuasaan dasar ini, orang Melayu diberikan hak yang sangat penting dalam kehidupan mereka; iaitu mereka boleh bergerak bebas untuk pergi ke kawasan-kawasan lain di luar kawasan yang ditetapkan. Selepas diberi kebebasan, mereka dengan sertamerta dilihat bertindak dan mengambil peluang menghantar anak-cucu mereka ke Patani untuk mempelajari ilmu agama Islam. Anak-anak yang menuntut ilmu agama

Islam itu, selepas lulus, mereka akan pulang ke Bangkok dan menubuhkan sekolah-sekolah agama di kawasan Thailand Tengah.

Kejayaan dalam bidang agama ini dapat dilihat daripada jumlah sekolah-sekolah agama Islam yang makin bertambah pada zaman pemerintahan Raja Rama VI. Raja Rama VI juga memberikan pengiktirafan kepada orang Melayu dengan mengundang atau menjemput pemimpin-pemimpin agama Islam serta alim ulama Melayu di Thailand Tengah untuk mengadap baginda ke Istana Besar semasa majlis keputeraan baginda. Baginda Raja juga melakukan beberapa majlis khas untuk para pemimpin Muslim seperti Majlis Pemberian Jubah Diraja dan Majlis Pemberian Cokmar Pemimpin. Undangan majlis rasmi diraja dan perkembangan agama Islam ini merupakan kejayaan besar terhadap masyarakat Melayu. Pada zaman ini juga orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dianggap berjaya mengikut konsep kejayaan dalam kajian ini. Mereka telah memenuhi keperluan-keperluan asas sehingga mencapai tahap kejayaan yang belum pernah dicapai pada zaman sebelum ini iaitu mereka mendapat penghormatan khusus daripada institusi diraja dan masyarakat setempat yang bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu tetapi termasuk juga orang Thai.

Institusi pendidikan merupakan institusi ketiga yang memperlihatkan kejayaan dalam kalangan orang Melayu. Berdasarkan penguatkuasaan Dasar Pengurusan Pendidikan dan Dasar Pendidikan Wajib, orang Melayu mula dapat mempelajari ilmu akademik. Pendidikan ilmu akademik yang dipelajari di sekolah kerajaan merupakan kunci untuk membuka pintu kejayaan kepada masyarakat Melayu dalam bidang pekerjaan atau kerjaya dan ikut serta dalam aktiviti ekonomi. Ramai anak-cucu orang Melayu berpeluang diterima bekerja dalam sektor kerajaan dan sektor swasta. Taraf

kehidupan mereka semakin meningkat. Peluang dalam bidang ekonomi dapat dilihat selepas orang Melayu mempunyai kestabilan dalam institusi keluarga dan agama serta berjaya mencapai tahap pendidikan baik dalam pelbagai bidang di peringkat maktab dan universiti sama ada dalam negara ataupun luar negara.

Tambahan lagi penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara yang melibatkan kehidupan orang Melayu secara langsung, terutama dalam bidang ekonomi. Kebanyakan kawasan yang didiami masyarakat Melayu merupakan kawasan yang dirancang untuk dibangunkan melalui dasar tersebut. Jenis pekerjaan atau kerjaya dalam kalangan mereka telah banyak bertukar. Keluarga yang bijak mengurus harta benda dan hartanah kepunyaan mereka, akhirnya berjaya menjadi kaya-raya dan jutawan.

Seterusnya, apabila orang Melayu sudah stabil dalam kehidupan, barulah mereka berminat memasuki bidang politik. Ahli-ahli politik di Bahagian Tengah Thailand yang berketurunan Melayu, terdiri daripada keluarga orang kaya. Kestabilan dalam kehidupan itu merupakan faktor utama yang membolehkan orang Melayu mendapat peluang dalam institusi politik. Semua orang Melayu Bangkok dan kawasan sekitarnya yang menjadi ahli politik berlaku selepas penguatkuasaan Dasar Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara. Peluang-peluang dalam institusi pendidikan, institusi ekonomi dan institusi politik hanya merupakan sokongan yang memudahkan orang Melayu mendapat kejayaan.

Ketika pintu peluang kejayaan telah dibuka untuk orang Melayu dan sebahagian daripada mereka dapat mencapai tahap kejayaan, namun masih terdapat juga sebahagian lagi dalam kalangan mereka yang belum mencapai tahap tersebut kerana

mereka masih belum boleh memenuhi keperluan-keperluan asas mengikut Teori Hieraki Keperluan Maslow. Selepas orang Melayu berjaya menyelesaikan masalah dasar melalui institusi-institusi sosial, pendidikan, ekonomi, dan institusi politik, orang Melayu di kawasan Thailand Tengah telah mendapat peluang membangun dan memajukan diri dalam komuniti mereka melalui institusi-institusi tersebut tanpa sekatan. Kesannya menyebabkan mereka berjaya mencapai kejayaan seperti rakyat Thai yang lain juga. Faktor-faktor yang membolehkan orang Melayu mencapai kejayaan ini boleh dikaitkan dengan faktor dalaman dan luaran.

Usaha , kreativiti serta bakat yang dimiliki oleh seseorang individu itu berkaitan dengan faktor dalaman dan luaran yang mereka perolehi atau miliki seperti latar-belakang keluarga, tahap pendidikan, dan pendapatan daripada kerjaya yang diceburinya. Faktor-faktor tersebut mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Peningkatan kejayaan mereka seperti kata pepatah Melayu ‘rajin dan usaha tangga kejayaan’ atau ‘yang pipih tidak datang melayang dan yang bulat tidak datang bergolek’. Peribahasa ini bagi mengungkapkan hubung kait tentang usaha dan kejayaan tidak datang dengan mudah dan percuma tetapi melalui kerajinan dan kegigihan berusaha untuk bergerak maju. Sesuatu kejayaan yang dicapai bergerak langkah demi langkah seperti peluang seseorang itu bermula daripada latar belakang keluarga kepada sifat rajin berusaha, kemudiannya dibantu oleh tahap pendidikan yang diperolehi dan diikuti oleh bakat dan daya kreativiti individu berkaitan. Manakala langkah yang tertinggi ialah tahap kerjaya (pekerjaan) dan pendapatan yang diperolehi. Pekerjaan atau jawatan yang disandang dan tingkat pendapatan tinggi dan baik merupakan punca utama yang menjadikan seseorang itu dipandang tinggi dan dihormati. Mereka dengan mudah diterima oleh masyarakat dan dijadikan inspirasi dan sebagai tokoh contoh yang berjaya.

Survival dan kejayaan orang Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya dalam kegiatan sosio-ekonomi dan budaya di tengah-tengah masyarakat majoriti yang berlainan bangsa dan agama ialah satu perkara yang membuatkan mereka menjadi bangsa minoriti yang mempunyai daya tahan yang tinggi dalam usaha menjalani kehidupan seharian semenjak zaman-berzaman. Berkat ketabahan, kesabaran, penerimaan dan penyelesaian masalah berdasarkan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan pusat, menjadikan masyarakat Melayu ini mula mencapai kejayaan dalam kehidupan seharian, bahkan kejayaan mereka setara dengan masyarakat majoriti Thai yang lain. Bak kata pepatah Melayu, ‘duduk sama rendah, berdiri sama tinggi’.

Hasil penyelidikan ini memperlihatkan bahawa sekurang-kurangnya empat perkara yang ada pada golongan minoriti apabila mereka mula mendiami kawasan masyarakat majoriti, iaitu bahasa, sejarah sebelum kedatangan, adat-istiadat, dan kepercayaan (agama). Dalam golongan orang Melayu juga jelas dapat dilihat tentang empat perkara ini pada awal zaman mereka datang mendiami kawasan Thailand Tengah. Selain itu, terdapat dua faktor yang mempengaruhi survival golongan minoriti ini. Faktor pertama yang mempengaruhi survival minoriti ialah kesanggupan mendatangi kawasan berkenaan sebagai golongan minoriti walaupun secara terpaksa. Golongan minoriti yang sanggup datang ke dalam sebuah masyarakat majoriti lebih mudah mengadaptasi diri mereka dengan masyarakat majoriti kalau dibandingkan dengan golongan minoriti yang tidak sanggup datang atau tidak berpeluang datang. Kes minoriti Melayu di Bangkok dan kawasan sekitarnya jelas dapat dilihat bahawa mereka pada asasnya tidak sanggup datang ke Bangkok. Sebaliknya mereka dibawa secara paksa ke kawasan ini oleh kerajaan Thai sebagai tawanan perang. Oleh itu, kedudukan mereka pada awal kedatangannya dalam keadaan terpisah dengan

masyarakat majoriti tempatan, namun kedudukan mereka dalam keadaan sedemikian amat lama tempohnya, iaitu lebih daripada 100 tahun.

Selain daripada kesanggupan datang atau penghijrahan ke kawasan Thailand Tengah, faktor lain adalah disebabkan oleh dasar yang dikuatkuasakan oleh kerajaan sebagai golongan majoriti amat penting. Perkara ini juga merupakan faktor kedua yang mempengaruhi survival golongan minoriti berkenaan. Setiap kali dasar baru golongan majoriti dikuatkuasakan, dengan nyata dapatlah dilihat perubahan juga ikut berlaku dalam masyarakat minoriti. Hal ini juga terserlah dan dapat dilihat pada hasil dalam penyelidikan ini. Setiap kali kerajaan Thai menguatkuasakan dasar-dasar baru, perubahan dalam masyarakat Melayu dapatlah dilihat juga walaupun secara beransur-ansur, sebagaimana peribahasa Melayu menyatakan bahawa “setiap kali bah (banjir) , pantai juga ikut berubah.” Sifat mereka yang terbuka kepada perubahan demi survival, akhirnya komuniti Melayu Bangkok atau “Oghae Nayu Bakok” ikut mengecapi kejayaan dalam arus pembangunan dan kemajuan negara Thailand di kawasan mereka ditempatkan, iaitu di kawasan Thailand Tengah sama seperti golongan majoriti rakyat Thai.

Secara keseluruhannya, hasil yang diperoleh daripada kajian ini didapati sangat signifikan kepada bidang akademik, terutamanya berkaitan dengan bidang sejarah dan lebih khusus lagi tentang sejarah sosial masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah selain daripada hubung kaitnya dengan negara Thai keseluruhannya. Manakala, signifikan kajian ini terhadap masyarakat Melayu terutamanya di Bahagian Thailand Tengah ialah di mana dapatan kajian ini telah memperlihatkan perkembangan dan kedinamikan mereka dalam sejarah sosial yang ditempuhi sepanjang mereka mendiami kawasan Thailand Tengah di tengah-tengah masyarakat majoriti Thai yang

berlainan bangsa dan agama. Walaupun mereka menghadapi banyak masalah sepanjang masa dalam tempoh yang lama pula tetapi akhirnya mereka berjaya meningkatkan taraf kehidupan mereka dan juga boleh mencapai kejayaan seperti penduduk majoriti di sekeliling mereka. Cara penyelesaian masalah yang dihadapi orang Melayu di Bahagian Thailand Tengah, pengekalan identiti dan proses pengadaptasian adalah untuk meneruskan kehidupan dalam masyarakat yang majoritinya berlainan bangsa dan agama. Perkara ini boleh dijadikan model peminan masyarakat dalam negara Thailand. Sebagai contoh yang baik adalah amat sesuai untuk dijadikan panduan kepada pembinaan masyarakat minoriti lain, terutamanya masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Selatan yang kini masih belum berjaya dan belum menemui model yang sesuai untuk penyelesaian masalah sama ada untuk jangka masa pendek ataupun jangka masa panjang. Dengan hasil kajian ini bukanlah dapat menyelesaikan semua masalah golongan minoriti yang berlaku di tempat lain, namun hasil kajian ini dapat dimanfaatkan sebagai sumber rujukan dan panduan oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan sesuatu dasar negara untuk kebaikan rakyat.

Bagi negara Thai, hasil kajian ini memperlihatkan faktor-faktor yang berlakunya masalah dalam kalangan minoriti terutamanya dalam kumpulan penduduk yang berlain agama. Masalah dan punca yang berlakunya masalah dalam kalangan masyarakat Melayu di Bahagian Thailand Tengah ini juga boleh diguna pakai sebagai panduan kepada kerajaan Thai dalam penguatkuasaan dasar dan penyelesaian masalah terhadap golongan minoriti. Apa-apa amalan yang berkaitan tentang agama dan kebudayaan masyarakat minoriti mesti diberikan perhatian dan diitikberatkan kerana persoalan ini sangat sensitif dan akibatnya boleh menjadi punca yang boleh menimbulkan pelbagai masalah susulan. Hal ini jelas dapat dilihat dengan pergolakan

yang tidak kunjung padam dalam kawasan orang Melayu di Thailand Selatan hingga ke hari ini.

Kajian ini ialah sebahagian penelitian terhadap sejarah sosial yang berkaitan dengan survival iaitu kelangsungan dan ketahanan identiti Melayu di tengah-tengah majoriti orang Thai dan kejayaan mereka di sekitar Bangkok. Selain pelbagai perkara yang terdapat dalam kajian ini, banyak lagi skop dan bidang akademik yang boleh ditekuni dan dijalankan kajian seperti ekonomi, kesusasteraan, kebudayaan, bahasa, linguistik, dan lain-lain lagi di Bahagian Thailand Tengah. Pengkaji berharap kajian ini akan dijadikan sebagai sebuah kajian permulaan yang boleh dijadikan asas kepada para pengkaji lain yang berminat untuk melakukan penyelidikan tentang minoriti di Asia Tenggara terutamanya dalam dunia Melayu dan untuk mendapat maklumat yang tepat bagi meneruskan kajian di kawasan lain di negara Thailand.

RUJUKAN

BUKU

A. Bangnara [Abdullah La-oman]. (1976). *ปัตตานี: อดีตและปัจจุบัน (Patani: Dahulu dan Sekarang)*. Bangkok: Chomrom Saengtian.

Ahmad Fathy al-Fatani. (2001). **Pengantar Sejarah Patani**. Kota Bharu : Pustaka Aman Press Senderian Berhad.

A.H. Maslow. (1943). **A Theory of Human Motivation**, *Psychological Review*, 50(4) , hal. 370-396

Akhin Rapheepat. (1984). *สังคมไทยในสมัยต้นกรุงรัตนโกสินทร์ พ.ศ. 2325-2416 (Masyarakat Thai pada awal Zaman Rattanakosin B.E. 2325-2416)*. Bangkok : Thammasat Universiti. 1984.

Anthony Milner. (2008). *The Malay*. United State: Wiley-Blackwell.

Arifin Binci, Abdullah La-oman dan Ahmad Sombun Bualuang. (2000). *ปัตตานีดารุสลาม (Patani Darussalam)*. Yala: *Sunwatthanatham Chaidaeen Tai*.

Arifin Binci, A. La-oman dan Suhaimi Ismail. (2007). *ปัตตานี: ประวัติศาสตร์และการเมืองในโลกมลายู (Patani: Sejarah dan Politik dalam Dunia Melayu)*. Songkla: Mulanithi Islam Phaktai.

Baker, Christopher; Phongpaichit, Pasuk. (2005). **A History of Thailand**. United Kingdom: Cambridge University Press.

Banphot Virasai. (1981). *การเมืองระหว่างประเทศในเอเชียตะวันออกเฉียงใต้ (International Politics in Southeast Asia)*, Bangkok: Rong Phim D&S.

Bob F. Steere. (1988). **Becoming an Effective Classroom Manager: A resource for Teacher**. New York: State University of New York Press.

Chai Ruangsil. (1998). *ประวัติศาสตร์ไทยสมัยพ.ศ. 2352-2453 ด้านเศรษฐกิจ (Sejarah Thai Moden B.E. 2352-2453 bidang Ekonomi)*. Bangkok: Thaiwatthanapanich.

Chaleam Yooviwngchai. (1973). *สมัยกรุงธนบุรี, สมัยกรุงรัตนโกสินทร์ (Zaman Thonburim Zaman Rattanakosin)*. (Dokumen Pengawasan Pendidikan). Jilid 131. Cawangan Pengawasan Pendidikan, Jabatan Latihan Guru.

Charnvit Kasetsiri et. al. (2004). *ราชอาณาจักรและราษฎรสยาม: เอร็จอห์นเบวริง, เล่ม1 (Kerajaan dan Penduduk Siam: Sir John Bowring, Jilid 1)*. Bangkok: Mulanithi Khrongkar Tamra Sangkhomsart.

Chukiat Utkaphan. (1987). *ประวัติศาสตร์ตระกูลสุลต่านสุไลมาน (Sejarah Keturunan Sultan Sulaiman)*. Bangkok: Saytrakul Sultan Sulaiman.

Danai Chaiyotha. (2003). *ประวัติศาสตร์ไทย: ยุคกรุงธนบุรีถึงกรุงรัตนโกสินทร์ (Sejarah Thai: Era Thonburi sampai Rattanakosin)*. Bangkok: Odeon Store.

- Direk Kulsirisawas. (1974). *ความสัมพันธ์ของมุสลิมทางประวัติศาสตร์และวรรณคดีไทยและตำแหน่งเกียรติยศผู้ใดมาน*
(**Hubungan Muslim dalam Sejarah dan Kesusasteraan Thai dan Kapal Sultan Sulaiman**). Phranakorn: Samakhon Phasasa Lae Nhangsue Haeng Prathet Thai nai Phrabarommarachupatham.
- Djamour, J. (1959). **Malay Kinship and Marriage in Singapore**, London: The Athlone Press.
- Eshleman, J. Ross. (2000). **The Family**. Boston : Allyn and Bacon.
- Feist, Jess; Grogory J. Feist. (2010). **Teori Keperibadian: Theories of Personality**. Salemba Humanika.
- G. Goble, Frank. A Supratiknya, ed. *Mazhab Ketiga*. (1987). Psikologi Humanistik Abraham Maslow. Kunisius.
- G. Retz Jeffrey. (1980).**The Survival of Ethnic Groups**. Toronto: McGRAW-HILL RYERSON LIMITED.
- George Windsor Earl. (1837). *The Eastern Seas, Or Voyages and Adventures in the Indian Archipelago in 1832-33-34*. London: WM.H. Allen and Co.,.
- Gilquin, Michel. (2005). *The Muslims of Thailand*. Trans. M. Smithies., Chiang Mai: Silkworm Books.

Hess, B.B., Markson, E. W., & Stein P.J. (1988). **Sociology**, (3rd Edition), New York : Macmillan.

Hodder, B.W. (1959). **Man in Malaya**. London: University of London Press.

Hor Jor Chor., Sor Thor 43/5. (2010). “รายงานนางลำควนพนักงานสืบสวนโรงเรียนแขก” (Laporan *Nang Lamduan* pemeriksa sekolah Khaek). dalam Ibrahim Narongraksakhaet dan Numan Haji Masae, **ทฤษฎีใหม่สถาบันการศึกษามุสลิมจังหวัดชายแดนภาคใต้ (Teori Baru Institut Pendidikan Muslim Wilayah Sempadan Thailand)**. Songkla: Institut Selatan Penyelidikan dan Akademik.

Ibrahim Narongraksakhaet dan Numan Haji Masae. (2010). **ทฤษฎีใหม่สถาบันการศึกษามุสลิมจังหวัดชายแดนภาคใต้ (Teori Baru Institut Pendidikan Muslim Wilayah Sempadan Thailand)**. Songkla: Institut Selatan Penyelidikan dan Akademik.

Imran Maklulim. **วิเคราะห์ความขัดแย้งระหว่างรัฐบาลกับมุสลิมในประเทศไทย : กรณีศึกษากลุ่มมุสลิมในจังหวัดชายแดนภาคใต้ (Analisis Konflik antara Kerajaan dengan Muslim dalam Negara Thai : Kajian Kes di Wilayah Sempatan Selatan)**. Bangkok: Islamic Academy.

Jabatan Kesenian. (1964). **ประชุมพงศาวดารฉบับหอสมุดแห่งชาติ (Mensyuarat Hikayat edisi Perpustakaan Negara)**. Jilid 1-3 dan 7. Pranakorn: Samnakphim Khaona.

Kor. Ro. So. Kulab. (1971). **อาณาจักรสยามยุค: เกี่ยวกับสยามกับลาว เขมร และญวน (Anam Siam Yut: Berkaitan dengan Siam dengan Laos, Khmer dan Yuan)**. Jilid 2. Pranakorn: Prae Witthaya.

Kowit Puangngam. (2005). *การปกครองท้องถิ่นไทย: หลักการและมิติใหม่ในอนาคต (Pentadbiran Tempatan: Prinsip dan Dimensi Baru)*. Bangkok: Winyuchon.

Krongchai Hattha. (2005). *ประวัติศาสตร์ปัตตานีสันยอาณาจักรโบราณถึงการปกครองเจ็ดหัวเมือง (Sejarah Patani pada Zaman Silam Sampai Pemerintahan Tujuh Buah Kota)*. Pattani : Universiti Songklanakharin.

LikhitTeerawekhin. (1978). *ชนกลุ่มน้อยในประเทศไทย (Minoriti Di Thailand)*. Bangkok: Phraephitya.

Maslow, Abraham. (1954). **Motivation and Personality**, Harper and Row New York: New York.

Maxwell, W.E. (1907). *A Manual of the Malay Language with an Introductory Sketch of the Sanskrit Element in Malay*. London : Kagen, Paul, Trench.

Mills, C.W., & H. Gerth. (1954). **Character and Social Structure**. New Youk: The Free Press

Mohd Aris Haji Othman. (1985). **Identiti Etnik Melayu**, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Mohd Zamberi A. Malek. (1993). **Umat Islam Patani Sejarah dan Politik**. Shah Alam: Hizbi.

Moore W. E. (1974). **Social Change**. New Jersey: Prentice Hall Englewood Cliffs.

Nanthana Tantives et al. (1996). *รวมเรื่องแปลหนังสือและเอกสารทางประวัติศาสตร์ (Kumpulan Penceritaan Terjemahan dan Dokumen Sejarah)*.

Nganpis Sattayasanguan. (2000). *สถาบันครอบครัวของกลุ่มชาติพันธุ์ในกรุงเทพมหานคร: กรณีศึกษาครอบครัว
ญวน (Instutut Keluarga Kumpulan Etnik dalam Bangkok: Kajian Kes
Keluarga Yuan)*, Bangkok: Chulalongkorn University.

Nithi Eawsriwong. (1996). *พระราชพงศาวดารกรุงรัตนโกสินทร์ รัชกาลที่ 1 (Hikayat Rattanakosin
Raja Rama I)*. Bangkok: Ammarin.

Noppadol Rochana Udomsart. (1980). *ปัญหาการจัดการศึกษาในมณฑลปัตตานี(พ.ศ.2449-2474)
(Masalah Pengurusan Pendidikan di Monthon Pattani B.E. 2449-2474)*,
Bangkok: Srinakarinwirot University.

Pejabat Pentadbiran Wilayah Prathumthani. (2013). *แผนพัฒนาจังหวัดปทุมธานี พ.ศ. 2557-2560
(Rancangan Pembangunan wilaya Prathumthani tahun 2014-2017)*.

Pejabat Statistik Sosial. (2012) *สรุปผลที่สำคัญ การสำรวจสถานะทางสังคมและวัฒนธรรม พ.ศ. 2554
(Kesimpulan Hasil Penting: Tinjauan keadaan sosial dan budaya tahun
2011)*. Bangkok: Samnakpim Khana Rathamontri Lae Rachakitcanubeksa.

Phaladisai Sitthithanyakit. (2008). *กรุงเทพศึกษา (Pengjian Bangkok)*. Bangkok : Bantuk
Siam.

- Phraya Rattana Phakdi. (1965). *ดินแดนไทยในแหลมทอง (Tanah Thai di Semenanjung)*.
Phranakoran: Saengngsawang.
- Phraya Wichiankiri. (1964). “พงศาวดารเมืองสงขลา (Hikayat Singgora)” dalam *ประชุมพงศาวดารฉบับ
หอสมุดแห่งชาติ (Mensyuarat Hikayat edisi Perpustakaan Negara)*, Bangkok :
Samnakphim Kawna.
- Piyanart Boonnak. (1991). *นโยบายการปกครองของรัฐบาลไทยต่อชาวไทยมุสลิมในจังหวัดชายแดนภาคใต้
พ.ศ. 2475-2516 (Dasar Kerajaan Thai terhadap Penduduk Muslim dala wilayah-
wilayah di Selatan Thailand B.E. 2475-2516)*. Bangkok: Chulalongkorn
Universiti.
- Pleng Phupa. (2007). *ย้อนรอยขบวนการยึดอำนาจ ปฏิวัติเมืองไทย (Menjejaki semula Perampasan
Kuasa dan Revolusi Thailand)*. Bangkok : Pimkurathau.
- Prayunsak Chalayondecha. (1996). *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*. Bangkok :
Krongkarn Hosamutklang Saisakul Sultan Sulaiman.
- Provencher, R.. (1971). **Two Malay Worlds: Interaction in Urban and Rural Setting**.
Berkeley: University of California Press.
- Rahmad Hidayah, Deden. Zaenudin A. Naufal, ed. (2011). *Teori dan Aplikasi Psikologi
Keperibadian dalam Konseling. Ghalia Indonesia*.

- Rong Sayamanon. (1977). *ประวัติศาสตร์ไทยในระบอบรัฐธรรมนูญ (Sejarah Thailand di Bawah Sistem Perlembagaan)*. Bangkok : Thaiwatthanapanit.
- Samai Charoenchang. (2012). *ย้อนรอยมุสลิมสยาม (Menjejaki Semula Muslim Siam)*, Bangkok: Mulanithi Pua Pattana Yaowachon Su Phawa Phoo Nam.
- Sanan Muangwongse. (1981). *ประวัติศาสตร์ไทย ตอนที่ 1 (Sejarah Thai Episod 1)*. Songkla : Universiti Srinakharinwirot Songkla.
- Sawai Wattanaset. (1960). *ปทานุกรมการตั้งชื่อและนามสกุล (Daftar Kata pemberian Nama Panggilan dan Nama Keluarga)*. Bangkok: Khem Bannakit.
- Sawvane Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*, Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn.
- Siripan Thawornthaweewong. (1983). *ประชากรศาสตร์ (Demografi)*. Bangkok: Universiti Ramkamhaeng.
- Sirirat Ruangwongwan. (1978). hal. 78, dlm Sawvane Jitmuat. (1988). *กลุ่มชาติพันธุ์: ชาวไทยมุสลิม (Kumpulan Etnik: Orang Thai Muslim)*. Bangkok: Kongthun Sanga Rujiamporn.
- Smith, R.B. (1967). *Siam or the History of The Trais from Earliest Time to 1569 A.D.*, Jilid2. Bethesda : Maryland.

Stowe, Judith. (1991). **Siam Becomes Thailand: A Story of Intrigue**, United Kingdom: C. Hurst & Co. Publishers.

Surin Pitsuwan. (1982). *เรื่องราวที่มีผลกระทบต่อความมั่นคงปลอดภัยของเขตแดนระหว่างมาเลเซียกับประเทศไทย* (Cerita yang Mempengaruhi Keteguhan Sempadan Thailand dan Malaysia). Bangkok : Universiti Thammasat.

_____. (1982). *นโยบายการประสมประสานชาวมาเลย์มุสลิมในประเทศไทยสมัยรัตนโกสินทร์ (Dasar Asimilasi Orang Malay Muslim dalam Negara Thai Zaman Rattanakosin)*. Bangkok: Institut Pengajian Thai, Universiti Thammasat.

Suthep Chucheua. (1972). *ประวัติศาสตร์การศึกษาไทย (Sejarah Pendidikan Thai)*. Bangkok: Kaowna.

Swift, M.G. (1965). **Malay Peasant Society in Jelebu**. London: The Athlone Press.

Tawisak Lomlim. (1973). *ความสัมพันธ์ระหว่างไทยกับมลายูในสมัยรัตนโกสินทร์ตอนต้น (Perhubungan antara Thai dengan Melayu pada Awal Zaman Rattanakosin)*. Bangkok: Praewitthaya.

Thikhay Thongyai. (1936). *เสกเชอร์ประวัติศาสตร์สยามพ.ศ. 2479 (Syarahan Sejarah Siam tahun 1936)*. Pranakorn : Krung Thep Bannakarn.

Thio Alex and Taylor Jim. (1990). **Social Problem**. Sudbury: Jones & Bartlett.

Umayyah, Haji Umar. (2003). *The assimilation of Bangkok-Melayu communities in Bangkok metropolis and surrounding areas*, Kuala Lumpur: Allwrite Sdn. Bhd.

William J. Samarin. (1993). **Linguistik Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Winzeler Robert L. (1985). **Ethnic Relations in Kelantan A Study of the Chinese and Thai as Ethnic Minorities in a Malay State**. Singapore : Oxford University Press.

Wood. W.A.R.. (1924). *History of Siam*. Charlermnit : Bangkok.

Worachat Meechoobot. (2010). พระบาทสมเด็จพระรามาธิบดีศรีสินทรมหาวชิราวุธ พระมงกุฎเกล้าแผ่นดินสยาม (Phrabatsomdej Phraramathibbodi Srinakharin Mahawachirawut Pramongkutklao Phaendin Siam). Bangkok : Sangsanbook.

Wyatt, David K. (1984). **Thailand: A Short History**. London: Yale University Press.

หนังสือฟาร์ดูอินริดวานรำลึก (Buku Peringatan Fardu-in Razuan). 18 April 1980.

TESIS

Buppha Thipsaphakul. (1986). *ทัศนะของสมาชิกสภาผู้แทนราษฎรต่อนโยบายวัฒนธรรมของ จอมพล ป.*

พิบูลสงคราม (พ.ศ. 2481-2487) (Sikap Ahli Parlimen Terhadap Dasar *Phibul*

Songkram B.E. 2481-2487). Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Institut

Pengajian Siswazah, Chulalongkorn Universiti.

Chaiwat Meesantan. (2010). **Sistem panggilan dalam keluarga melayu Thai di kampung Tha-It, Nonthaburi, Thailand : Kajian sosiolinguistik**. Disertasi Sarjana Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Francis R. Bradley. (2010). **The Social Dynamics of Islamic Revivalism in Southeast Asia: The Rise of The Patani School, 1785-1909**, PhD. Dissertation, Department of History, University of Wisconsin-Madison.

Nik Abdul Rakid Haji Nik Hassan. (2003). **Siamisasi Penduduk Melayu: Kajian Kes di Kampung Duku, Daerah Bacok, Wilayah Narathiwat**. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ratchanee Sadprem. (1978). *บทบาทของชาวมุสลิมในภาคกลางและภาคใต้ของประเทศไทยในสมัยรัตนโกสินทร์ตั้งแต่ พ.ศ. 2325-2453 (Peranan Orang Thai Muslim di Tengah dan Selatan Thailand zaman Rattanakosin 1782-1910)*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sastera, Universiti Silapakorn, Nakhonprathom.

Scupin Raymon. (1978). **Thai Muslim in Bangkok: Islam and Modernization In a Buddish Society**. PhD. Dissertation, Department of Anthopology, University of California, Santa Barbara.

Siti Munirah Kasim. (2014). **Sosio Budaya dan Identiti Etnik Melayu di Thailand: Kajian Perbandingan antara Melayu Bangkok dengan Melayu Patanni**. Disertasi Sarjana Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Suksaman Wongsawan. (1984). *ประวัติศาสตร์การปกครองไทย (Sejarah Pemerintahan Thai)*,

Bangkok: Ruam Saan.

Surin Pitsuwan. (1982). **Islam And Malay Nationalism : A Case Study of the Malay-Muslim of Southern Thailand**. PhD. Thesis, Political Sciences and Middle Eastern Studies, Harvard University, Cambridge, Massachusetts.

Worapong Charoenwong. (2011). **Muslim society of Thailand : a study of islamic resurgence in the globalisation era**. Disertasi Sarjana,. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). **Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai**. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

ARTIKEL

A.H. Maslow. (1943). **A theory of Human Motivation**, *Psychological Review*, 50(4), hal. 370-396.

Alexander Horstmann. (2008). "Pilgrimage and the Making of Ethnic Identities on a Plural Peninsula". **Thai South and Malay North**. Singapore: NUS Press.

Anthony Reid. (2008). "A Plural Peninsula". **Thai South and Malay North**. Singapore: NUS Press. 2008.

_____. (2004). Understanding Melayu (Malay) As A Source of Diverse Modern Identities, Contesting Malayness: **Malay Identity Across Boundaries**. Singapore: NUS Press.

Bruner. (1974). The Expression of Ethnicity in Indonesia. *Urban Ethnicity*, A. Cohen(ed.) ASA Monograph 12.

Chokchai Wongtanee. (2011). *มลายูบางกอก/น่ายูนาเคอะฮะฮะ: การผจญภัยในพื้นที่ดินสยาม/ซีแย* (Melayu Bangkok/Nayu Nakok: Pengembaraan di Tanah Siam/Siae). **Rubaiyat Thai Journal of Asian Studies**, Vol 2 (3).

Chuleeporn Virunha. (2008). “Historical Perceptions of Local Identity in The Upper Peninsular”. **Thai South and Malay North**. Singapore: NUS Press.

Gluckman, G. (1960). “Tribulism in Modern Central Africa. *Cahiers d’ Etudes Africanies*, Jil. I.

Hassan R.. (1955). Interethnic Marriage in Singapore : A Sociological Analysis. *Sociology and Society Research*, Jil. 25, Bil. 4.

Hirschman, C. (1975). Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia. *American Sociological Association Monograph Series*.

Judith Nagata. (2011). “Boundaries of Malayness: We have Made Malaysia: Now It is Time to (Re) Make the Malays but Who Interprets the History?”. **Melayu The Politics, Poetics and Paradoxes of Malayness**. Singapore: Singapore Press.

- Khremer, William; Hammond, Claudia. (2013). *Abraham Maslow and the pyramid that be quiled business*. **BBC News Magazine**, didapati 1 Mac 2016.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (2008). “National Identity, the “Sam-Sams” of Satun, and the Thai Malay Muslims”. **Thai South and Malay North**. Singapore: NUS Press.
- Nattapong Boonlue. (2009). ผลกระทบของการพัฒนากับการรักษาอัตลักษณ์ของชาวมุสลิมเชื้อสายมาเลย์ในพื้นที่กรุงเทพฯ และปริมณฑล (Kesan Pembangunan ke atas Pengekalan Identiti Muslim Berketurunan Melayu di Bangkok dan Metropolitan). **Proceedings of the Academic Conference On Political Sciences**, International Convention Prince of Songkla University, 1-2 December 2009.
- Nik Abdul Rakib bin Nik Hassan. (2003). Patani Malay Diaspora. **The Phantasm in Southern Thailand: Historical on Patani and the Islam World**, Vol.2.
- Phan-ngam Ngauthamasan. (1976). การเมืองไทยในหัวเมืองภาคใต้ในอดีตกับจดหมายเหตุหลวงอุดมสมบัติ (Politik Thai dalam Negeri Ngaungan di Selataan dengan Hikayat Luang Sombat) di dalam **Chulasan Lae Tai**. Pattani: Prince of Songkla University.
- Persell, H.P. & Cooksen P.W. (1991). Race and Class in America’s elite preparatory Boarding School : African American as the “outsider within”. **The Journal of Negro Education**, 60(2), hal. 219- 281.
- Rachasak Nilsiri. (2011). “มุสลิมคลองแสนแสบ: รจนาแห่งสายน้ำและพระเจ้า” (Muslim Khlong Saen Saep: Cerita Air dan Tuhan). **National Geographic Thailand**. Vol.122 (11). September 2011, hal.124.

Romel A. Curaming. (2011). "Filipions as Malay: Historicizing an Identity". **Melayu The Politics, Poetics and Paradoxes of Malayness**. Singapore: Singapore Press, 2011.

Siti Munirah Kasim & Mala Rajo Sathian. (2013). Bertunjangkan Akar yang Sama, Pokaknya Tidak semestinya Serupa: Identiti keMelayuan Melayu Bangkok. **Manusia dan Masyarakat**. (23).

Somkid Maneewong. (1973). "มุสลิมในประเทศไทย"(Muslim dalam Negara Thai). **Majalah Mitsampan**,1 (Jun-Ogos, 1973).

Sujit Wongthet. (2005). *กรุงเทพมหานครจากไหน?* (**Dari manakah Bangkok?**). Cetakan kedua, Bangkok: Samnakphim Matichon.

Syed Muhd Khairudin Aljunied. (2011). "Malay Identity in Postcolonial Singapore". **Melayu The Politics, Poetics and Paradoxes of Malayness**. Singapore: Singapore Press.

Teo Kok Seong. (2008). Chinese-Malay-Thai Interactions and the making of Kelantan Peranakan Chinese Ethnicity. **Thai South and Malay North**. Singapore: NUS Press.

Umairah Haji Umar. (2009). Bangkok Malay and the Jawi Language. *The 16th International Congress of Anthropological and Ethnological Sciences* held on 23-31 July 2009, Kunming, China.

Uri Tadmor. (1992). *Kepelbagaian Dialek Melayu di Sekitar Bangkok*. **Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka**

Wilson, P.J.. (1967). *A Malay Village in Malaysia: Social Values and Rural Development*. **Human Relation Area File**, Connecticut: New Haven.

ONLINE

Ahmad Sombun Bualuang. **Berpisah dari kerisik ke Bangkok**. didapati daripada : web <http://patanisociety.com.org/?p=429> (5 hb Februari 2000)

Bank Negara Thai. *วิวัฒนาการธนบัตรไทย (Evolusi Wang Kertas Thai)*. Didapati daripada : <https://www.bot.or.th/Thai/Banknotes/>

Cawangan Pentadbiran Pendaftaran, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Dalam Negeri. **“Jumlah Penduduk dan Perumahan”**. didapati daripada: <http://stat.dopa.go.th/xstat/popyear.html> 2556. สืบค้น 3 เมษายน 2556.

Chaoprayanews Online. *ความสำคัญของสถาบันพระมหากษัตริย์ไทย (Kepentingan Institusi Raja)*. didapati daripada: <http://www.chaoprayanews.com/2013/04/12/>

Daftar Masjid wilayah Nonthaburi. didapati daripada :<http://www.muslimbusiness.net/main/content.php?page=sub&category=91&id=1192>

Daftar Masjid wilayah Pratumthani. didapati daripada <http://www.muslim-business.net/main/content.php?page=sub&category=91&id=1192>

Daftar Masjid wilayah Samutprakarn. didapati daripada <http://www.muslim-business.net/main/content.php?page=sub&category=91&id=1192>

Department of Government. **The Last Chance for Political Reform..** Faculty of Political Science, Chulalongkorn University, 2007, didapati daripada: <http://www.polsci.chula.ac.th/pitch/modernthaipolitics2007/outline06.pdf>

Dewan Bahasa dan Pustaka. **Kamus Dewan (Edisi Keempat)** . Didapati daripada :<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=siam>.

_____,**Kamus Dewan (Edisi Keempat)**. Didapati daripada :<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=cokmar>

Haji Faisal bin Syamsuddin (Paisal Phromyong). *ประวัติความเป็นมางานเมอลิดกลางแห่งประเทศไทย* (Asal usul Majlis Maulidin Nabi Negara Thai. Didapati daripada : <http://muslimchiangmai.net/index.php?topic=3586.0;wap2>

History of Thailand. Didapati daripada : <http://www.onlychaam.com/thailand-history.php>.

Institut Akademik Diraja Thailand. *อัครานุกรมภูมิศาสตร์ไทย (Kamus Geografi Thailand)*. didapati daripada : <http://www.royin.go.th/akara/home/index.php>

Institute Akademik Diraja. *พจนานุกรมไทยฉบับราชบัณฑิตยสถาน(Kamus Thai edisi Institut Akademik Diraja)*. diapati daripada: <http://dictionary.sanook.com/search/สยาม>

Jabatan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan.

รำลึก**100** ปีแห่งการสวรรคตพระบาทสมเด็จพระจุลจอมเกล้าเจ้าอยู่หัว (**Merperingati 100 tahun**

Kemangkatan Raja Rama V). didapati daripada :

http://www.bic.moe.go.th/th/index.php?option=com_content&view=article&id=668:-100-&catid=44:2009-05-31-06-08-45

Kamus Geografi Thai. **Nonthaburi**. (1997). Didapati daripada: Webpage: <http://nonthaburi@moi.go.th> (Search Date : 25/1/2008).

Małgorzata Budyta-Budzyńska. (2011). Adaptation, integration, assimilation – an attempt at a theoretical approach. **Integration or assimilation? Strategies of becoming a member of a new community: case of Polish immigrants in Iceland**, A project carried out in collaboration with The Research Center on International Migration and Ethnic Relations, University of Iceland (RCIMER), 2011, hal.44-46, didapati daripada : <http://migracje.civitas.edu.pl/index.php/en/>.

Office of Syeak Islam Thailand. *ตำแหน่งจุฬาราชมนตรีแห่งราชอาณาจักรไทย (Jawatan **Chularatchamontri Thailand**)*. Didapati daripada : www.skthai.org

Office of The National Economic and Social Development Board. *ประวัติความเป็นมา (Latar **Belakang**)*. Didapati daripada : <http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>

_____, *แผนพัฒนาเศรษฐกิจและสังคมแห่งชาติฉบับที่ 1 (Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi I)*. Didapati daripada: <http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>

_____, แผนพัฒนาเศรษฐกิจและสังคมแห่งชาติฉบับที่ 2 (Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi II). Didapati daripada:
<http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>

_____, แผนพัฒนาเศรษฐกิจและสังคมแห่งชาติฉบับที่ 3 (Perancangan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Negara Edisi III). Didapati daripada:
<http://www.nesdb.go.th/Default.aspx?tabid=72>

Pejabat Setiausaha Kabinet Thai, ประวัตินายกรัฐมนตรีไทย 2475- ปัจจุบัน (Biografi Perdana Menteri Thai 1932-sekarang). Didapati daripada :
http://www.cabinet.thaigov.go.th/bb_main21.htm.

Pejabat wilayah Nonthaburi. Didapati daripada: Webpage: <http://nonthaburi@moi.go.th>
(Search Date : 25/1/20014).

Pejabat Wilayah Samutprakarn. เขตปกครองและประชากร (kawasan Pentadbiran dan Penduduk). didapati daripada : <http://www.samutprakarn.go.th/newweb/>

Srisak Waliphodom. ประวัติคลองแสนแสบ (Sejarah Khlong Saen Saep) dlm Siaran “*Ramadhan Night*”. didapati daripada : www.youtube.com/watch?v=guy1SfGbXRw

Sukri Sarem. ประวัติคลองแสนแสบ (Sejarah Khlong Saen Saep) dlm Siaran “*Ramadhan Night*”. didapati daripada : www.youtube.com/watch?v=guy1SfGbXRw

_____, From Siam to Makkah, dlm Siaran “Muslim Siam”. didapati daripada :
<https://www.youtube.com/watch?v=MrG3fwG-3mU>

Sumber dari temu bual “พูดเรื่องความเป็นอิสลามกับมาโนช พุฒตาล”(Perbualan Perlembagaan Islam Dengan Manoch Phuttal). **majalah OnOpen**, Didapati daripada :
<http://www.onopen.com/coffee-open/08-03-27/2537>

Thomas Robert K. (1982). **Minority Survival**. didapati daripada :
http://works.bepress.com/robert_thomas/9.

Umar Damrilert. ประวัติคลองแสนแสบ (Sejarah Khlong Saen Saep) dlm Siaran “**Ramadhan Night**” . didapati daripada : www.youtube.com/watch?v=guy1SfGbXRw

TEMU BUAL

Temu bual Ammara Tapsen, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 26
Disember 2014, 26 Mei 2015.

Temu bual Chokchai Wongtanee, pensyarah Institut Pengajian Keamanan, Prince of
Songkla University, 13 Mac 2015.

Temu bual Jaran Maluleem, Profesor Fakulti Sains Politik, Unversiti Thammasat,
Thailand, 1 Jun 2015.

Temu bual Fatimah Samani, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 26
Disember 2014.

Temu bual Hajah Mariam Maliwan, penduduk Muslim di daerah Bangkapi, Bangkok, 17
Disember 2014.

Temu bual Haji Arun Bunchom, Pengurusi Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.

Temu bual Haji O-pas Mitma2na, khatib Masjid Chakkaphong, Bangkok, 12 Januari 2015.

Temu bual Kasem Boonmaha, Bekas pengetua kampung Tha-it, daerah Pakkret, wilayah Nonthaburi, 24 Disember 2013.

Temu bual Khadiyah Samani, Penduduk Kampung *Thung Kru*, Bangkok, Thailand, 25 Disember 2014.

Temu bual Muhammad Adam, Khatib Masjid *Kaewnimit*, Kampung *Khlong Nueng*, Prathunthani, Thailand, 23 Disember 2014.

Temu bual Phaitoon Charoensuk, Bekas pegawai Bank Negara Thailand, pendnuduk kampung *Sanonoi*, wilayah *Nonthaburi*, Thailand, 7 Januari 2015.

Temu bual Preeda Chuaphoodee, Bekas Ketua Kampung *Tha-it*, wilayah *Nonthaburi*, Thailand, 2 Disember 2014.

Temu bual Samai Charoengchang, sejarahwan dan bekas wakil rakyat Bangkok berketurunan Melayu, 14 Disember 2014.

Temu bual Somwang Charoensuk, bekas guru sekolah menengah, penduduk kampung Bangbuathong, wilayah *Nonthaburi*, 25 November 2014.

Temu bual Sukri Sarem, sejarahwan dan setiausaha Persatuan Melayu Lebah Pantai
Sungai Chaophraya, 12 Februari 2015.

Temu bual Hajah Subaidah Wangmana, Tuan punya Subadah Restoran, 1 Februari 2015.

Temu bual Worapong Charoenwong, pensyarah Jabatan Pengajian Islam untuk
Pembangunan, Universiti Bangkok Thonburi, Bangkok, 3 Januari 2015

LAIN-LAIN

Arkib Negara Thai, M 44/12

Arkib Negara Thai, M 44/22

Arkib Negara. SR. 0201.25/806, 1985.

Biografi Tuan Guru Mustafa Ibrahim, Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban
Paklad.(Poster)

Himpunan Hikayat Rattanakosin, 1963.

Pusat Kebudayaan Komuniti Muslim-Melayu Ban Paklad

Raingan Karn Pra Chum Sapha Phootaen Ratsadorn, 1942.

Raingan Karn Pra Chum Sapha Phootaen Ratsadorn, 1940.

ประชุมพงศาวดารภาคที่ 39 (Mensyaurat Hikayat Jilid ke-39), op. cit.,

ประมวลกฎหมายรัชกาลที่ 1 (Buku undang-undang Raja Rama I), Jidid 1.

สำนักงานเลขาธิการรัฐสภา (Pejabat Setiausaha Parlimen).

Senarai Nama Masjid dalam Kampung-kampung Melayu di Bangkok dan Kawasan Sekitarnya**1. Wilayah Samutprakarn**

Jadual: Senarai nama masjid dalam Kampung-kampung Melayu di wilayah Samutprakarn berdasarkan mukim/daerah

Sumber:

Pejabat Ahli Jawatan Kuasa Islam Thailand

No.	Nama Masjid	Mukim/Daerah
1.	Masjid Khlong Kasya Rahmat	Khlong Dan/ Bang Boh
2.	Masjid Al-jamaah	Khlong Dan/ Bang Boh
3.	Masjid Masahtuldiniyah	Bangpreang/ Bang Boh
4.	Masjid Al-Ihsan	Bang Muang/Muang Samutprakarn
5.	Masjid Jamiul-Mukminin	Thayban/Muang Samutprakarn
6.	Masjid Darul-Nasyirin	Samrong Nua/Muang Samutprakarn
7.	Masjid Dinul-Islam	Bangpla/ Bang Phli
8.	Masjid Khairiyatul-Islamiah	Bangpla/ Bang Phli
9.	Masjid Darul Amin	Bang Chalong/ Bang Phli
10.	Masjid Darossa-a-dah	Bangnampreaw/Phrapadaeng
11.	Masjid Al-Kausar	Bangnampreaw/Phrapadaeng
12.	Masjid Kobrusman	Bangsaothong/ Bang Saothong
13.	Masjid Darul Muhajirin	Bangsaothong/ Bang Saothong

2. Wilayah Prathumthani

Jadual: Senarai nama masjid dalam Kampung-kampung Melayu di wilayah Prathumthani berdasarkan mukim/daerah

Sumber:

Pejabat Ahli Jawatan Kuasa Islam Thailand

No.	Nama Masjid	Mukim/Daerah
1.	Masjid Ruamjit Muslim	Bangprok/Muang Prathumthani
2.	Masjid Jami-ul Islam	Banchang/ Muang Prathumthani
3.	Masjid Rahmatul Islam	Suanprikthai/Muang Prathumthani
4.	Masjid Jumratul Islam	Suanprikthai/Muang Prathumthani
5.	Masjid Kaew Nimit	Khlong Nueng/Khlong Luang
6.	Masjid Lamsanun	Khlong Song/ Khlong Luang
7.	Masjid Jaroen Islam	Khlong Song/ Khlong Luang
8.	Masjid Al-Aala	Khlong Nueng/ Khlong Luang
9.	Masjid Rahmat Rasmi	Bungnamrak/Thanyaburi
10.	Masjid Iqamatul Islam	Nongsamwang/ Nong Sua
11.	Masjid Assalihin	Nongsamwang/ Nong Sua
12.	Masjid Jannatul Muhajirin	Nongsamwang/ Nong Sua
13.	Masjid Daeng	Bungkhohai/ Lamlookka
14.	Masjid Nurul Islam	Bungkhohai/ Lamlookka
15.	Masjid Al-Huda	Bungkhohai/ Lamlookka
16.	Masjid Prachasamphan	Bungkhohai/ Lamlookka
17.	Masjid Maitir-Rahman	Bungkhamsoi/ Lamlookka
18.	Masjid Iradatul Kamil	Lamlookka/Lamlookka
19.	Masjid Qasimis Siami	Lamlookka/Lamlookka
20.	Masjid Darul Ibadah (Moo 3)	Lamlookka/Lamlookka

21.	Masjid Jami-ul Khairiah	Lamlookka/Lamlookka
22.	Masjud Darul Ibadah (Moo 13)	Lamlookka/Lamlookka
23.	Masjid Rahmadullah	Khubangluang/Ladlumkaew
24.	Masjid Fadlullahita-a-la	Khubangluang/Ladlumkaew
25.	Masjid Nikmatillah	Namai/ Ladlumkaew
26.	Masjid Sa-a-datul Islam	Namai/ Ladlumkaew
27.	Masjid Muhajidul Janaini	Namai/ Ladlumkaew
28.	Masjid Nurulyakin	Khukhwang/ Ladlumkaew
29.	Masjid Surau Mai (Nurul Islam)	Bangphonua/Samkhok
30.	Masjid Jamiussalam	Nongtoey/Samkhok

3. Wilayah Nonthaburi

Jadual: Senarai nama masjid dalam Kampung-kampung Melayu di wilayah Nonthaburi berdasarkan mukim/daerah

Sumber:

Pejabat Ahli Jawatan Kuasa Islam Thailand

No.	Nama Masjid	Mukim/Daerah
1.	Masjid Iqamatul Islam	Phimolrach/Bangbuathong
2.	Masjid Nurul Islam	Lahan/Bangbuathong
3.	Masjid Nahdhatul-islam	Lahan/Bangbuathong
4.	Masjid Darul Islam (Klang)	Bangbuathong /Bangbuathong
5.	Masjid Darul Abidin	Lahan/Bangbuathong
6.	Masjid Muhaiyiddin	Lahan/Bangbuathong
7.	Masjid Nurul Hidayatul Isla	Lahan/Bangbuathong
8.	Masjid Nurussa-adah	Bangbuathong/Bangbuathong
9.	Masjid Arrahmatul Islamiah	Lahan/Bangbuathong
10.	Masjid Abdulla-Nusorn	Sano Loi/Bangbuathong
11.	Masjid Jamaluddin	Bangbuathong/Bangbuathong
12.	Masjid Tha-it	Tha-it/Pakkret
13.	Masjid Prasert Islam	Bang Talad/Pakkret
14.	Masjid Riyadissunan	Suan Yai/Muang Nonthaburi
15.	Masjid Darul Islam	Tha-sai/Muang Nonthaburi
16.	Masjid Hidayatul Ummah	Bangkraso/Muang Nonthaburi
17.	Masjid Darul Muttakil	Tha-sai/Muang Nonthaburi
18.	Masjid Jamiil Muslimin	Thawiwatthana/Sainoi
19.	Masjid Al-Huda	Khunsri/Sainoi

4. Bangkok

Jadual: Senarai nama masjid dalam Kampung-kampung Melayu di Bangkok berdasarkan mukim/daerah

Sumber:

Pejabat Ahli Jawatan Kuasa Islam Thailand

No.	Nama Masjid	Mukim/Daerah
1.	Masjid Baan-u	Bangrak/Bangrak
2.	Masjid Harun	Bangrak/Bangrak
3.	Masjid Nurul Huda	Bangmod/Thungkru
4.	Masjid Darissalam	Thungkru/Thungkru
5.	Masjid Darilhasan	Thungkru/Thungkru
6.	Masjid Alistiqamah	Thungkru/Thungkru
7.	Masjid Khalidin	Bangmod/Thungkru
8.	Masjid Darulnaim	Thungkru/Thungkru
9.	Masjid Nurulhidayah	Thungkru/Thungkru
10.	Masjid Nikmatullah	Thungkru/Thungkru
11.	Masjid Darul Ibadah	Thungkru/Thungkru
12.	Masjid Attaqwa	Thungkru/Thungkru
13.	Masjid Bayan	Wat Phrayakrai/Bangkholae
14.	Masjid Darul Abidin	Wat Phrayakrai/Bangkholae
15.	Masjid Al A-tiq	Wat Phrayakrai/Bangkholae
16.	Masjid Bang-u-thit	Wat Phrayakrai/Bangkholae
17.	Masjid Assalafiah	Bangkholae/Bangkholae
18.	Masjid Aman-narumit	Bangkholo/Bangkholae
19.	Masjid Jamiulhairiah	Bang-u-thitnai/Bangkholae
20.	Masjid Al-Huda	Saen Saep/Minburi

21.	Masjid Izhar Ulumuddin	Saen Saep/Minburi
22.	Masjid Rahmatul Islamiah	Saen Saep/Minburi
23.	Masjid Al-Ihsan	Saen Saep/Minburi
24.	Masjid Annusra	Saen Saep/Minburi
25.	Masjid Nurulhidayah	Saen Saep/Minburi
26.	Masjid Kamalul-ihsan	Saen Saep/Minburi
27.	Masjid Annurai	Saen Saep/Minburi
28.	Masjid Almadani	Saen Saep/Minburi
29.	Masjid Ahlisunnahwaljamaah	Saen Saep/Minburi
30.	Masjid Nuruljannad	Saen Saep/Minburi
31.	Masjid Solihussalam	Minburi/Minburi
32.	Masjid Attaqwa	Minburi/Minburi
33.	Masjid Sirayuddin	Minburi/Minburi
34.	Masjid Nurul-Islam	Minburi/Minburi
35.	Masjid Nurulhuda	Minburi/Minburi
36.	Masjid Kamalul-islam	Saikongdin/Khlongsamwa
37.	Masjid Darussaadah	Samwatawantok/Khlongsamwa
38.	Masjid Darul Ibadah	Samwatawantok/Khlongsamwa
39.	Masjid Jamiah	Bangchan/Khlongsamwa
40.	Masjid Hidayatul Islamiah	Saikongdin/Khlongsamwa
41.	Masjid Darussalam	Samwatawanok/ Khlongsamwa
42.	Masjid Jamiul-daniah	Bangchan/Khlongsamwa
43.	Masjid Ikhwanul-muttakin	Saikongdintai/Khlongsamwa
44.	Masjid Kamalulislam	Saikongdintai/Khlongsamwa
45.	Masjid Darul Quranilkari	Samwatawanok/Khlongsamwa

46.	Masjid Darul ihsan	Samwatawantok/Khlongsamwa
47.	Masjid Nafiah	Khlongsongtonnun/Ladkrabang
48.	Masjid Darulmuhibbin	Khlongsongtonnun/Ladkrabang
49.	Masjid Darul Muhajirin	Khunthong/Ladkrabang
50.	Masjid Siratuljannah	Khunthong/Ladkrabang
51.	Masjid Manarulhuda	Khunthong/Ladkrabang
52.	Massjid Darulmukim	Khunthong/Ladkrabang
53.	Masjid Annur	Khlongsongtonnun/Ladkrabang
54.	Masjid Al-qubra	Suanluang/Suanluang
55.	Masjid Al-Iatisam	Suanluang/Suanluang
56.	Masjid Jamiulislam	Suanluang/Suanluang
57.	Masjid Nurul Islam	Suanluang/Suanluang
58.	Masjid Jamiulidhar	Suanluang/Suanluang
59.	Masjid Manafiulislam	Suanluang/Suanluang
60.	Masjid Anwarul Abrad	Suanluang/Suanluang
61.	Masjid Darulamin	Suanluang/Suanluang
62.	Masjid Yayasan Pusat Islam Thailand	Suanluang/Suanluang
63.	Masjid Diyarussalihin	Suanluang/Suanluang
64.	Masjid Darussalam	Suanluang/Suanluang
65.	Masjid Raudhatiljannah	Suanluang/Suanluang
66.	Masjid Al-islah	Suanluang/Suanluang
67.	Masjid Jamiulmubtadi	Khlongkum/Bungkum
68.	Masjid Miftahuljinan	Khlongkum/Bungkum
69.	Masjid Assalam	Khlongkum/Bungkum

70.	Masjid Jamiul Islam	Phrakhanong/Wattana
71.	Masjid Hidayatulislam	Khlongtannue/Wattana
72.	Masjid darul Muhsinin	Khlongtannue/Wattana
73.	Masjid Badrulumuminin	Phrakhanongnue/Wattana
74.	Masjid Dhohirulislam	Khlongtannue/Wattana
75.	Masjid Al-khairian	Khlongtannue/Wattana
77.	Masjid Amanatulislam	Prawet/Prawet
78.	Masjid Jamiulislam	Prawet/Prawet
79.	Masjid Al-Alawi	Prawet/Prawet
80.	Masjid Ansoridsunnah	Nhongbon/Prawet
81.	Masjid Rahmatulislam	Prawet/Prawet
82.	Masjid Nurulibadah	Prawet/Prawet
83.	Masjid Jamiulibadah	Prawet/Prawet
84.	Masjid Albarakah	Prawet/Prawet
85.	Masjid Darulmuttakin	Prawet/Prawet
86.	Masjid Kamarul-iman	Prawet/Prawet
87.	Masjid Assaadah	Prawet/Prawet
88.	Masjid Sahratulislam	Dokmai/Prawet
89.	Masjid Ihyailislam	Prawet/Prawet
90.	Masjid Nikmatulislam	Saphansung/Saphansung
91.	Masjid Alyusra	Saphansung/Saphansung
92.	Masjid Jamiulibadah	Saphansung/Saphansung
93.	Masjid Nurul Ihsan	Saphansung/Saphansung
94.	Masjid Darulnaim	Saphansung/Saphansung
95.	Masjid Kansul Jannah	Saphansung/Saphansung

96.	Masjid Ibadirrahman	Saphansung/Saphansung
97.	Masjid Darulmunir	Saphansung/Saphansung
98.	Masjid Khairidsunnah	Saphansung/Saphansung
99.	Masjid Rizuanulislam	Khlongjan/Bangkapi
100.	Masjid Darul Ibadah	Huamak/Bangkapi
101.	Masjid Nurul Islam	Huamak/Bangkapi
102.	Masjid Jamiul Islam	Huamak/Bangkapi
103.	Masjid Darulibadah	Huamak/Bangkapi
104.	Masjid Jamiulmuttakin	Huamak/Bangkapi
105.	Masjid Sirayulibadah	Huamak/Bangkapi
106.	Masjid Fadhulbari	Huamak/Bangkapi
107.	Masjid Darulmuhibbin	Khufangnue/Nongchok
108.	Masjid Nurul Islam	Khokfaed/Nongchok
109.	Masjid Nurullah	Lamtoiting/Nongchok
110.	Masjid Nurussalam	Khokfaed/Nongchok
111.	Masjid Aljamiah	Khokfaed/Nongchok
112.	Masjid Khairuttaqwa	Khokfaed/Nongchok
113.	Masjid Khairuddin	Khokfaed/Nongchok
114.	Masjid Hasanuddin	Nongchok/Nongchok
115.	Masjid Nuruddin	Nongchok/Nongchok
116.	Masjid Darulmina	Kathunrai/Nongchok
117.	Masjid Alhusna	Nongchok/Nongchok
118.	Masjid Darulnaim	Nongchok/Nongchok
119.	Masjid Darulmuttakin	Khufangnue/Nongchok
120.	Masjid Darussalam	Khokfaed/Nongchok

121.	Masjid Jamulikhwan	Lamtoiting/Nongchok
122.	Masjid Ahihsan	Khufangnue/Nongchok
123.	Masjid Daruaman	Lamtoiting/Nongchok
124.	Masjid Darussunni	Nongchok/Nongchok
125.	Masjid Darunnaim	Nongchok/Nongchok
126.	Masjid Nurulkhadim	Lamtoiting/Nongchok
127.	Masjid Falah	Khlongsib/Nongchok
128.	Masjid Darulqani	Kathunrai/Nongchok
129.	Masjid Safirussalam	Khlongsib/Nongchok
130.	Masjid Darulmuqarrabin	Khufangnue/Nongchok
131.	Masjid Darulnasihah	Lamphakshi/Nongchok
131.	Masjid Alhidayah	Khlongsib/Nongchok
132.	Masjid Nurulyakin	Kathunrai/Nongchok
133.	Masjid Darul Hasanai	Khlongsib/Nongchok
134.	Masjid Darussalihin	Lamtoiting/Nongchok
135.	Masjid Yamiulmuttakin	Khokfaed/Nongchok
136.	Masjid Solihulmuslimin	Khokfaed/Nongchok
137.	Masjid Darulkhairat	Khokfaed/Nongchok
138.	Masjid Bidayatulhidayah	Khlongsib/Nongchok
139.	Masjid Solahudin	Nongchok/Nongchok
140.	Masjid Alhadi	Katumrai/Nongchok
141.	Masjid Nurulihsan	Khokfaed/Nongchok
142.	Masjid Solihulislam	Nongchok/Nongchok
143.	Masjid Darulmuminin	Khokfaed/Nongchok
144.	Masjid Arrahman	Nongchok/Nongchok

145.	Masjid Assajidin	Nongchok/Nongchok
146.	Masjid Ibrahim	Nongchok/Nongchok
147.	Masjid Alislah	Katumrai/Nongchok
148.	Masjid Darissunnah	Katumrai/Nongchok
149.	Masjid Ibadulmumin	Khokfaed/Nongchok
150.	Masjid Umar-ibnualkhattab	Katumrai/Nongchok
151.	Masjid Attauhid	Khlongsib/Nongchok
152.	Masjid Anusornkadiri	Nongchok/Nongchok
153.	Masjid Yayasan Alhuda	Nongchok/Nongchok
154.	Masjid Nikmatulmakbulin	Khokfaed/Nongchok
155.	Masjid Jamiyatulmuslimin	Khannayaw/Khannayaw
156.	Masjid Al-auqaf	Khannayaw/Khannayaw
157.	Masjid Imaratuddin	Samsaennok/Huaikhwang
158.	Masjid Tarkiyatul-ihsan	Anusawari/Bangkhaen
159.	Masjid Mahanak	Mahanak/Phomprabsattuprai
160.	Masjid Darulaman	Thungprayathai/Rajathewi
161.	Masjid Jamiul Khairiah	Thanonpethburi/Rajathewi
162.	Masjid Nikmatulislam	Thanonpethburi/Rajathewi
163.	Masjid Sulukulmuttakin	Thanonpethburi/Rajathewi
164.	Masjid Darulfalah	Thanonpethburi/Rajathewi
165.	Masjid Nurulislam	Thanonnakornchaisri/Dusit
166.	Masjid Jakkapong	Chanasongkram/Phranakorn
167.	Masjid Bantukdin	Bawornniwes/Phranakorn
168.	Masjid Hidayatulislam	Wangthonglang/Wangthonglang
169.	Masjid Santichon	Phlappla/Wangthonglang

170.	Masjid Muhajirin	Dindaeng/Dindaeng
171.	Masjid Darul Muhajirin	Dindaeng/Dindaeng
172.	Masjid Jamiulislam	Bangphongpang/Yannawa
173.	Masjid Darulmuslimin	Bangphongpang/Yanawa
174.	Masjid Bangluang	Watkallaya/Thonburi
175.	Masjid Suanplu	Bangyirue/Thonburi
176.	Masjid Nurulmubin	Hiranruji/Thonburi
177.	Masjid Phadung Islam	Wat Arun/Bangkoyai
178.	Masjid Tonson	Wat Arun/Bangkoyai
179.	Masjid Dinfalla	Wat Arun/Bangkoyai
180.	Masjid Ubudiah	Bang Oo/Bang Phlad
181.	Masjid Darulihisan	Bang Oo/Bang Phlad
182.	Masjid Sefi	Somdej Chaopraya/Khlongsan
183.	Masjid Suwannaphum	Khlongtonsai/Khlongsan
184.	Masjid Kuwatilislam	Khlongsan/Khlongsan
185.	Masjid Ansarissunnah	Arunammarin/Bangkoknoi
186.	Masjid Nurulyakin	Comthong/Comthong
187.	Nurulhidayatulislam	Khlongtoi/Khlongtoi

Senarai Nama Institut Pendidikan Agama di Kampung-kampung Melayu di Bangkok dan Kawasan Sekitarnya Berdasarkan Jenis Institut dan Kawasan Terletaknya

1. Institut Pendidikan Agama Jenis Tradisional (Pondok)

1.1 Wilayah Prathumthani

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Tradisional (Pondok) dalam Kampung-kampung Melayu di Wilayah Prathumthani

Sumber:

Pejabat Jawatankuasa Islam Wilayah Phrathumthani

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Hidayatul-Arifin	Kampung Lakkporn, Mukim Bangphonue, Daerah Samkhok, Wilayah Prathumthani 12160

1.2 Wilayah Nonthaburi

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Tradisional (Pondok) dalam Kampung-kampung Melayu di wilayah Nonthaburi

Sumber:

Pejabat Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Madrasah Latifuddin (Pondok Tha-it)	81/1 Moo. 6 Jalan Rattanathibet, Mukim Tha-it, Daerah Parkkret, Wilayah Nonthaburi 11110
2.	Sekolah Nurul-Islam (Pondok Surau Khaew)	8 Moo. 8 Jalan Talingchan-Suphanburi, Mukim Laharn, Daerah Bangbuathong, Wilayah Nonthaburi 11110
3.	Sekolah Arrabiti	Moo. 2, Mukim Laharn, Daerah Bangbuathong, Wilayah Nonthaburi 11110
4.	Sekolah Azzikra	Soi Bangkruai-Sainoi, Mukim Bangbuathong, Daerah Bangbuathong, Wilayah Nonthaburi 11110

1.3 Bangkok

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Tradisional (Pondok) dalam Kampung-kampung Melayu di Bangkok

Sumber:

Pejabat Jawatankuasa Islam Bangkok

No.	Nama Masjid	Mukim/Daerah
1.	Sekolah Miftahul-Ulumiddiniah (Pondok Bandon)	Soi Phrom Phak, Sukhumwit 55, Mukim Khlongtannue, Daerah Wattana, Bangkok 10110
2.	Sekolah Masahhatuddin II (Pondok Lolae)	10 Soi Ratphatthana 6, Jalan Rathphatthana, Mukim Saphansung, Daerah Saphansung, Bangkok 10240
3.	Sekolah Majlisuddini	740 Soi Phatthanakarn 20, Jalan Phatthanakarn, Mukim Suanluang, Daerah Suanluang, Bangkok 10250
4.	Sekolah Riduannul-Islam (Pondok Riduan)	355 Soi Ladprao 130, Jalan Ladprao, Mukim Khlongcan, Daerah Bangkapi, Bangkok 10240
5.	Sekolah Islam Sriwana	Soi Phattanakarn 20 Simpang 7, Jalan Phatthanakarn, Mukim Suanluang, Daerah Suanluang, Bangkok 10250
6.	Sekolah Islam Bamrungsas	Soi Pridi Phanomyong 2, Jalan Sukhumwit 71, Mukim Phrakhanong, Daerah Watthana, Bangkok 10110
7.	Sekolah Misbahul-Ulum	21 Moo 16, Jalan Romkhlae, Mukim Saensaep, Daerah Minburi, Bangkok 10510
8.	Sekolah Sassanasuksa	15/1 Moo 9. Soi Mitmaitri, Jalan Mitmaitri, Mukim Nongchok, Daerah Nongchok, Bangkok 10530
9.	Sekolah Islam Buranasas	32/1 Moo 8, Khoo-Khlongsib, Mukim Khlongsib, Daerah Nongchok, Bangkok 10530
10.	Sekolah Sassanawitthaya	31 Moo 9, Mukim Nongchok, Daerah Nongchok, Bangkok 10530
11.	Sekolah Atarbiah Al-Islamiah Lilbanat (Pondok Ban Pa) *Perempuan Sahaja	Soi Phatthanakarn 31, Jalan Phatthanakarn, Mukim Suanluang, Daerah Suanluang, Bangkok 10250

2. Institut Pendidikan Agama Jenis Swasta Mengajar Agama¹

2.1 Wilayah Nonthaburi

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Swasta Mengajar Agama dalam Kampung-kampung Melayu di Wilayah Nonthaburi

Sumber:

Pejabat Jawatankuasa Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Thailand

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Jamiul-Ikhwan	95/1 Jalan Talingchan-Suphanburi, Mukim Lahan, Daerah Bangbuathong, Wilayah Nonthaburi 11110
2.	Sekolah Tha-it Suksa	81/1 Moo. 6 Jalan Rattanathibet, Mukim Tha-it, Daerah Parkkret, Wilayah Nonthaburi 11110
3.	Sekolah Jaroensil Islam (Masjid Muhajjiddinah)	14 Moo.6, Soi Surau Lakkon, Jalan Bangbuathong-Suphanburi, Mukim Laharn, Daerah Bangbuathong, Wilayah Nonthaburi 11110
4.	Sekolah Radinghin Abdullanusorn	7 Moo 7, Jalan Bankuai-Sainoi, Mukim Phimolraj, Daerah Bangbuathong, Wilayah Nonthaburi 11110

¹ Institut Pendidikan Agama Jenis Swasta Mengajar Agama ialah institut pengajian rendah dan pertengahan (sekolah rendah dan sekolah menengah) swasta Islam yang disahkan oleh Kementerian Pendidikan Thailand. Mata pelajaran yang diajar di sekolah jenis ini adalah mata peajaran wajib (ilmu hayat) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan bersama dengan mata pelajaran agama Islam mengikut kurikulum aliran agama (Ibtidaiyah, Mutawasitah, Sanawiyah). Mata pelajaran wajib akan diadakan pada waktu pagi dan mata pelajaran agama akan diadakan pada waktu petang atau sebaliknya. Sekolah jenis ini mesti dinilai kualiti oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk mengetahui tahap dan pencapaian sekolah setiap tahun.

2.2 Wilayah Samutprakarn

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Swasta Mengajar Agama dalam Kampung-kampung Melayu di Wilayah Samutprakarn

Sumber:

Pejabat Jawatankuasa Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Thailand

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Islam Samutprakarn (Mahso Nusorn)	261 Moo 6, Karnkheha Bangpli, Jalan Ladwai-Sukumwit, Mukim Bangpreng, Daerah Bangbo, Wilayah Samutprakarn 10560

2.3 Bangkok

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Swasta Mengajar Agama dalam Kampung-kampung Melayu di Bangkok

Sumber:

Pejabat Jawatankuasa Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Thailand

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Bangkok Witthaya Mulanithi	9 Soi 112, Jalan Ladphrao, Mukim Wangthonglang, Daerah Wangthonglang, Bangkok 10310
2.	Sekolah Al-qurra Witthaya	100/21 Moo 6, Soi Onnuch 53, Jalan Onnuch, Mukim Prawet, Daerah Prawet, Bangkok 10250
3.	Sekolah Islam Suansanti	1/1 Moo 10, Soi Laebkhlongsamwatanok 6, Jalan Laebkhlong 13, Mukim Nongchok, Daerah Nongchok, Bangkok 10530
4.	Sekolah Sassanawitthaya	31 Moo 9, Jalan Mitmaitri, Mukim Nongchok, Daerah Nongchok, Bangkok 10530
5.	Sekolah Anwarul-Islam	60 Soi Nanauppatham, Jalan Pharamklao-Pethburi (Petchphraram), Mukim Bangkapi, Daerah Huaikhwang, Bangkok 10320
6.	Sekolah Sonsassana Sassanupratham	15/28 Moo 1, Jalan Srinakharin, Mukim Nongbon, Daerah Prawet, Bangkok 10260
7.	Sekolah Islam Santichon	439 Soi Ladphrao 112, Mukim Wangthonglang, Daerah Wangthonglang, Bangkok 10310

8.	Sekolah Suanrat Witthaya	242 Jalan Phatthanakarn, Mukim Suanluang, Daerah Suan Luang, Bangkok 10250
9.	Sekolah Nongchok Pitthayanusorn	31/7 Moo 9, Mukim Nongchok, Daerah Nongchok, Bangkok 10530
10.	Sekolah Thamdee Nurul-Islam	Jalan Chalermphrakat Suanluang Ro. Kao, Mukim Dokmai, Daerah Phrawet, Bangkok 10250
11.	Sekolah Phatthanakarnying	Soi Phatthanakarn 18, Mukim Suanluang, Daerah Suanluang, Bangkok 10250

3. Institut Pendidikan Agama Jenis Kerajaan²

Terdapat sebuah sekolah sahaja dalam kawasan Bangkok dan persekitarannya yang dimasukkan dalam jenis ini iaitu Sekolah Kolej Islam Thailand atau *Islamic College od Thailand* yang terletak di Alamat 146, Jalan Pracha U-Thit, Mukim Thungkru, Daerah Thungkru, Bangkok Thailand 10140.

4. Institut Pendidikan Agama Jenis Sekolah Tadika (Fardu-in)³

4.1 Wilayah Prathumthani

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Sekolah Tadika (Fardu-in) dalam Kampung-kampung Melayu di Wilayah Prathumthani

Sumber:

Persatuan Guru-Guru Agama Islam Thailand

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Al-husna	-
2.	Sekolah Nurul-ihsan	-

² Institut Pendidikan Agama Jenis ini adalah institut agama yang 100% di bawah pentadbiran kerajaan. Pengarah sekolah juga akan dilantik oleh Kementerian Pendidikan Thailand serta semua kurikulum mesti disahkan oleh kementerian.

³ Institut Pendidikan Agama jenis ini dapat dilihat dalam setiap kampung yang mempunyai penduduk beragama Islam. Biasanya sekolah-sekolah tadika akan diadakan pembelajaran pada waktu petang sampai malam kira-kira pukul empat atau lima petang sampai pukul lapan malam. Terdapat juga yang mengadakan kelas pada hari Sabtu dan hari Ahad. Institut jenis ini merupakan institute pendidikan agama asas bagi setiap kampung Muslim. Kurikulum dan mata pelajarannya akan dijaga kualitasnya oleh Persatuan Guru-Guru Agama Islam Thailand.

3.	Sekolah Al-a'la	-
4.	Sekolah Rahmaniah	-
5.	Sekolah Miftahuljannah	-
6.	Sekolah Fadhlullahitaala	-
7.	Sekolah Dinul-Islam	-
8.	Sekolah Tuan-Asiah	-
9.	Sekolah Ikhwatul-Islamwitthaya	-
10.	Sekolah Hidayatul-Arifin	-

4.2 Wilayah Nonthaburi

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Sekolah Tadika (Farduin) dalam Kampung-kampung Melayu di Wilayah Nonthaburi

Sumber:

Persatuan Guru-Guru Agama Islam Thailand

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Darul-Aman	-
2.	Sekolah Darul-Muttakin	-
3.	Sekolah Al-Warisin	-
4.	Sekolah Prasert-Islam	-
5.	Sekolah Suraudaeng	-
6.	Sekolah Darulhidayah	-
7.	Sekolah Al-ahmadiyah	-
8.	Sekolah Al-Ikhtiyaluddin	-

4.3 Wilayah Samutprakarn

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Sekolah Tadika (Farduin) dalam Kampung-kampung Melayu di Wilayah Samutprakarn

Sumber:

Persatuan Guru-Guru Agama Islam Thailand

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Bamrungsas Suksa	-
2.	Sekolah Khairiyatul-Islamiah	-
3.	Sekolah Dinul-Islam	-
4.	Sekolah Masatuddiniah	-
5.	Sekolah Asasulihisan 1	-
6.	Sekolah Asasul-Ihsan 2	-
7.	Sekolah Preaksa Islam	-
8.	Sekolah Masatuddin	-
9.	Sekolah Samakkhitham-Islam	-

4.4 Bangkok

Jadual: Senarai Nama Institut Pendidikan Agama Jenis Sekolah Tadika (Farduin) dalam Kampung-kampung Melayu di Bangkok

Sumber:

Persatuan Guru-Guru Agama Islam Thailand

No.	Nama Sekolah	Alamat
1.	Sekolah Al-islamiah	-
2.	Sekolah Abdullanusorn 2	-
3.	Sekolah Anukul-Islam	-
4.	Sekolah Darul-ihsan	-
5.	Sekolah Kamaluddin	-

6.	Sekolah Islam-tarikuddin	-
7.	Sekolah Bayanwitthaya	-
8.	Sekolah Darul-ilmu	-
9.	Sekolah Anusorn Abdurrahman	-
10.	Sekolah Annatatul-Islamiah	-
11.	Sekolah Bidayatulhidayah	-
12.	Sekolah Anusorn-Ahmadsalem	-
13.	Sekolah Nurulihsan	-
14.	Sekolah Talimuddiniah	-
15.	Sekolah Hasanalihsan	-
16.	Sekolah Ibnimas-ud	-
17.	Sekolah Alihsan	-
18.	Sekolah Muhammadiyah	-
19.	Sekolah Prakorbki-Islam	-
20.	Sekolah Surau Khlong Sib-ed	-
21.	Sekolah Islam-Tarikuddin	-
22.	Sekolah Sinah Uppatham	-
23.	Sekolah Mambail-islam	-
24.	Sekolah Suksatham-nurulyakin	-
25.	Sekolah Albidayah	-
26.	Sekolah Samakkhitham Islam	-
27.	Sekolah Muhammadiyah	-
28.	Sekolah Attaqwa	-
29.	Sekolah Khalidin	-
30.	Sekolah Sirikul Saswithaya	-

31.	Sekolah Sahamuslimbamrung	-
32.	Sekolah Thapthimdaeng	-
33.	Sekolah Riduanul-islam	-
34.	Sekolah Iramatuddin	-
35.	Sekolah Raudhatuljinan	-
36.	Sekolah Mahmudiah	-
37.	Sekolah Jamiul-Islam 1	-
38.	Sekolah Jamiul-Islam 2	-
39.	Sekolah Thamislam	-
40.	Sekolah Darululumiddiniah	-
41.	Sekolah Amanah Suksa	-
42.	Sekolah Al-madani Al-Islami	-
43.	Sekolah Amannarumit	-
44.	Sekolah Sassanasuksa(Bang-Uthit)	-
45.	Sekolah masjid Assalafiah	-
46.	Sekolah Maslahatul-Islam	-
47.	Sekolah Al-qubraa	-
48.	Sekolah Salehnoiuppatham	-
49.	Sekolah Rahmatul-Islam	-
50.	Sekolah Amanatul-Islam	-
51.	Sekolah Idharudiniah	-
52.	Sekolah Assaadah	-
53.	Sekolah Al-islahiah	-
54.	Sekolah Ruammit-Islam	-
55.	Sekolah Talibulkhairat	-

56.	Sekolah Addinunnasihah	-
57.	Sekolah Assanawiah	-
58.	Sekolah Thamdinul-Islam	-
59.	Sekolah Darul-Amin	-
60.	Sekolah Sabilillah	-
61.	Sekolah Maslahatul-Islam	-
62.	Sekolah Jamiul Islam	-
63.	Sekolah Islam Sassanasuksa	-
64.	Sekolah Nurullah	-
65.	Sekolah Darul-ulum	-
66.	Sekolah Darussalihin	-
67.	Sekolah Miftahuljannah	-
68.	Sekolah Addinunnasihah	-
69.	Sekolah Indarulmina	-
70.	Sekolah Muslim Anukrak	-
71.	Sekolah Islam Anukrak	-
72.	Sekolah Anusorn Kodiri	-
73.	Sekolah Sunobromsassana Lae Jariyatham	-
74.	Sekolah Sassana Chumchon Bung Farang	-
75.	Sekolah Hadikatul-ulum	-
76.	Sekolah Chomrom Songserm Karnsuksa	-
77.	Sekolah Muslim Witthaya	-

78.	Sekolah Kalsululum	-
79.	Sekolah Kifayatul-Islam	-
80.	Sekolah Sahratul-Islam	-
81.	Sekolah Tawisaksuksa	-
82.	Sekolah Nurul-quran	-
83.	Sekolah Nurul-hidayah	-
84.	Sekolah Manaratul-ulum	-
85.	Sekolah Mingtangmulanithi	-
86.	Sekolah Alkhairiah	-
87.	Sekolah Islahulmubda-i	-
88.	Sekolah Islam Pittaya Mulanithi	-
89.	Sekolah Darul-Muttakin	-
90.	Sekolah Prasatwit Islam	-
91.	Sekolah Hasanuddin	-
92.	Sekolah Nurulyakin	-
93.	Sekolah Darul-Ama	-
94.	Sekolah Solihulyusra	-
95.	Sekolah Selamatbamrungislam	-
96.	Sekolah Alyusrapithaksas	-
97.	Sekolah Islammutaallim	-
98.	Sekolah Samsulyamal	-
99.	Sekolah Witthayanon	-
100.	Sekolah Isradulibat	-
101.	Sekolah Salihulyusra	-
102.	Sekolah Islammutaallim	-

103.	Sekolah Irsadulibat	-
104.	Sekolah Kansussalihin	-
105.	Sekolah Jamiulidhar	-
106.	Sekolah Annur	-
107.	Sekolah Muslimbamrung	-
108.	Sekolah Sirayuddin	-
109.	Sekolah Raudatulbaninawalbanant	-
110.	Sekolah Al-aukof	-
111.	Sekolah Islamraksanti	-
112.	Sekolah Masjidtonson	-
113.	Sekolah Sassanathamwitthaya Suanplu	-
114.	Sekolah Nurulmubin	-
115.	Sekolah Masjid Bangluang	-
116.	Sekolah Alkhairiah	-
117.	Sekolah Mahadassalam	-
118.	Sekolah Nadiyah Bamrungsas	-
119.	Sekolah Hidayatuttalibin	-
120.	Sekolah Nurulhuda	-
121.	Sekolah Islamsassanasuksa	-
122.	Sekolah Tarbiyatulislamiah	-
123.	Sekolah Muinuddin	-
124.	Sekolah Raudatuttalibin	-
125.	Sekoalah Nuruljannah	-
126.	Sekolah Nuruddin	-

127.	Sekolah I-anantuttalibin	-
128.	Sekolah Mahad-assalam	-
129.	Sekolah Darulhiqmah	-
130.	Sekolah Mulanithi Thammanusorn	-
131.	Sekolah Al-falah	-
132.	Sekolah Islamsuksa	-
133.	Sekolah Anwarussunnah	-
134.	Sekolah Hidayatul-islamiah	-
135.	Sekolah Nikmatul-islam	-
136.	Sekolah Sarful-islam	-
137.	Sekolah Maddaratul-islam	-
138.	Sekolah Darussaadah	-
139.	Sekolah Darussalam	-
140.	Sekolah Darul-ulum	-
141.	Sekolah Tarikulmubtadi	-
142.	Sekolah Nurularifin	-
143.	Sekolah Sassanasamphan	-
144.	Sekolah Alhuda	-
145.	Sekolah Islamphattanawitthaya	-
146.	Sekolah Nuruddinwitthaya	-
147.	Sekolah Samakhom Assalafiah Sassanawitthaya	-
148.	Sekolah Attarikuljannah	-
149.	Sekolah Salihussalam	-
150.	Sekolah Islam Sriwana	-

151.	Sekolah Isalamwanalai	-
152.	Sekolah Santisuksa	-
153.	Sekolah Phattanakarnying	-
154.	Sekolah Diyaul-islam	-
155.	Sekolah Sirayulibadah	-
156.	Sekolah Nurulyakin	-
157.	Sekolah Addinunnasihah	-
158.	Sekolah Masahhatuddin	-
159.	Sekolah Sakafatul-islamiah	-
160.	Sekolah Islam Bamrung Witthaya	-
161.	Sekolah Hidayatul-Islam	-
162.	Sekolah Samsakul Uppatham	-
163.	Sekolah Jamiul-islam	-
164.	Sekolah Islambamrungsas	-
165.	Sekolah Darulhuda	-
166.	Sekolah Islamthabchangwithaya	-
167.	Sekolah Nasihatuddin	-
168.	Sekolah Nurul-iman	-
169.	Sekolah Nurul-islam(Wangyai)	-
170.	Sekolah Sassanabamrung	-

Gambar Informan-informan Utama dan Latar Belakangnya



Gambar: Khun Amara Tupsen (Informan yang Mewakili Institusi Keluarga)

Sumber: Chaiwat Meesantan

Informan Pertama: Khun Ammara Thapsaen (Nuchmi)

*Khun*¹ Ammara Thapsaen² (Nuchmi)³ mewakili informan yang berjaya dalam institusi keluarga. Keluarga Khun Ammara peringkat adik-beradik diterima oleh masyarakat sebagai keluarga yang berjaya kerana semua adik-beradiknya berpendidikan tinggi, mempunyai kerjaya yang baik dan memiliki banyak tanah. Kejayaan mereka jelas dilihat daripada Anugerah Bapa Negara Thai yang telah dikurniakan oleh kerajaan kepada ayahnya pada tahun 2005M berdasarkan bimbingannya mendidik anak-anak hingga setiap orang mendapat kejayaan dalam kehidupan.


¹*Khun* adalah kata ganti nama diri kedua rasmi dalam bahasa Thai. *Khun* boleh digunakan untuk lelaki dan perempuan seperti cik/puan atau encik/tuan dalam bahasa Melayu

²Temu bual Ammara Thapsaen, bekas guru sains Kolej Islam Thailand, penduduk daerah Thungkru, Bangkok Thailand, 26 Mei 2015

³Nuchmi adalah nama keluarga Khun Ammara sebelum berkahwin. Menurut undang-undang Thai, apabila seorang perempuan berkahwin mesti menggunakan nama keluarga suami.

Sekarang *Khun* Ammara Thapsaen berumur 61 tahun, seorang Islam berketurunan Melayu Patani. Nenek moyangnya dipindahkan ke Bangkok pada tahun 1786M selepas kerajaan Melayu Patani dikalahkan oleh kerajaan Siam. Beliau lulus pendidikan wajib di Sekolah Satrisisuriyothai, Bangkok. Kemudian menyambung pelajaran peringkat Sarjana Muda dalam bidang biologi daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Srinakhariwirot dan peringkat Sarjana dalam bidang pentadbiran pendidikan daripada Universiti Ramkhamhaeng. *Khun* Ammara adalah anak daripada tujuh orang adik-beradik; iaitu tiga orang lelaki dan empat orang perempuan. Beliau mula mengajar di sekolah rendah ketika berumur 17 tahun dan berpindah mengajar ke sekolah menengah apabila berumur 26 tahun. Sekarang dia mengajar di Kolej Islam Thailand yang merupakan sekolah yang ditubuhkan oleh kerajaan, khusus untuk penduduk Muslim di Bahagian Thailand Tengah.

Khun Ammara berkahwin dengan *Khun* Presert Thapsaen; seorang peguam Muslim berketurunan Melayu. Mereka mempunyai tiga orang anak; iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk tentang keluarga *Khun* Ammara.)



Gambarajah: Keluarga Khun Ammara



Gambar: Profesor Dr. Jaran Malulim (Informan yang Mewakili Institusi Keluarga)

Sumber: Chaiwat Meesantan

Informan Kedua: Profesor Dr. Jaran Malulim


Prof. Dr. Jaran Malulim⁴ mewakili informan yang berjaya dalam institusi keluarga. Keluarganya dianggap berjaya kerana tujuh daripada sembilan orang adik-beradiknya berjaya lulus daripada institusi pengajian tinggi dan dua orang daripada mereka itu menjawat jawatan Profesor di universiti. Penduduk Muslim generasi yang sama dengannya sangat susah untuk dapat menyambungkan pelajaran yang lebih tinggi daripada pendidikan wajib. Sebaliknya dengan pandangan yang luas daripada ibubapanya, hampir semua anaknya dapat menyambung pelajaran ke dalam institusi pengajian tinggi masyarakatnya. Bukan masyarakat Muslim sahaja yang mengiktiraf kejayaan keluarganya, tetapi juga masyarakat Thai.

Sekarang Dr. Jaran berumur 60 tahun. Beliau adalah Profesor dalam bidang hubungan antarabangsa di Fakulti Sains Politik, Universiti Thammasat. Sebelum menjadi

⁴Temu bual Jaran Maluleem, Profesor Fakulti Sains Politik, Unversiti Thammasat, Thailand, 1 Jun 2015.

pensyarah di universiti tersebut, beliau pernah bertugas sebagai penyelidik di Institut Pengajian Asia, Universiti Chulalongkorn. Berkelulusan sekolah rendah di Sekolah Khlongtakaen, wilayah Ayutthaya, kemudian menyambung pelajaran peringkat menengah di Sekolah Islam Sriayutthaya. Seterusnya menyambung pelajaran di Kolej Teknik Ayutthaya bahagian pembinaan. Kemudian menyambungkan pelajaran peringkat Sarjana Muda di Universiti Aligar, India dalam bidang sains politik dan meneruskan pelajaran ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti yang sama tetapi dalam bidang pengajian Asia Timur Tengah. Dr. Jaran adalah anak sulung daripada sembilan orang adik beradik; iaitu tiga orang perempuan dan enam orang lelaki.

Dr. Jaran berkahwin dengan Hajah Rohaning seorang wanita berketurunan Melayu dan Pakistan yang berasal dari wilayah Narathiwat. Mereka dikurniakan enam orang anak, tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk keluarga Prof. Dr. Jaran Maluli



Gambarajah: Keluarga Prof. Dr. Jaran Malulim



Gambar: Haji Arun Boonchom (Informan yang Mewakili Institusi Agama)

Sumber: Chaiwat Meesantan


Informan Ketiga: Haji Arun Bunchom

Haji Arun Bunchom⁵ mewakili orang yang berjaya daripada institusi agama. Sekarang beliau merupakan Pengerusi Majlis Agama Islam Bangkok, pernah bertugas sebagai Ketua Pejabat Shaikul Islam Thailand selama 20 tahun dan juga sebagai penasihat syariah bank-bank atau syarikat insuran hayat takaful. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pengelola Syariah, Bank Islam Thailand. Dalam masyarakat Melayu beliau dianggap sebagai salah seorang ulama Bahagian Thailand Tengah zaman ini. Manakala dalam masyarakat Thai, beliau dikenali sebagai pakar pertama dalam bidang syariah dan kewangan Islam. Semua syarikat yang mahu menjalankan perniagaan tentang bank atau insuran Islam, mestilah terlebih dahulu merujuk kepadanya.

Sekarang Haji Arun Bunchom merupakan Pengerusi Majlis Agama Islam Bangkok, Timbalan Mufti Thailand dan Pengerusi Penasihat Syariah syarikat insuran Muang Thai Takaful dan lain-lain. Beliau dilahirkan di Khlong Tan, Bangkok, dan mendapat pendidikan awal di sekolah dekat dengan rumahnya iaitu Sekolah Surau Sam

⁵ Temubual Haji Arun Bunchom, Pengerusi Majlis Agama Islam Bangkok, 25 Mei 2015.

In. Selepas lulus sekolah rendah Darjah Enam, beliau tidak menyambung pelajaran di Sekolah menengah kerajaan tetapi menyambung pelajaran agama di Sekolah Islam Bamrungsas. Kemudian belajar agama di Pondok Salah, Pondok Maning, dan Pondok Broming di wilayah Patani Thailand. Selepas tiga tahun di Patani dia menyambung pelajaran agama lagi di Sekolah Miftahul Ulumiddiniah, Bangkok selama enam tahun. Pada umur 24 tahun beliau mendapat biasiswa kerajaan Arab Saudi untuk menyambung pelajaran di Universiti Islam Madinah selama tujuh tahun dalam peringkat Sanawi dan Ijazah Sarjana Muda. Ketika belajar di Madinah, beliau menterjemah beberapa buku bahasa Arab kepada bahasa Thai. Antara buku yang diterjemahkan dan paling terkenal ialah *Fiqhulmanhaji*, *Hadis Bukhari*, dan *Hadis Muslim*. Beliau juga merupakan tutor kepada pelajar lain dalam mata pelajaran syariah dan hadis. Selain daripada itu beliau juga menulis kamus Bahasa Arab- Bahasa Thai setebal 1,200 halaman dengan mengumpulkan sebanyak 80,000 patah perkataan Arab. Selepas pulang ke tanah air, beliau mengajar di Sekolah Miftahul Uluidiniah dan juga mengajar di Masjid-masjid dekat dengan kediamannya. Pada masa yang sama menolong gurunya Tuan Guru Haji Muhammad Mahmud; Mufti Thailand yang pernah memegang jawatan Ketua Pejabat Sheikhu Islam Thailand selama 20 tahun. Beliau merupakan anak sulung daripada lapan orang adik-beradik; iaitu dua orang perempuan dan enam orang lelaki. Haji Arun dikurniakan empat orang anak; iaitu tiga orang lelaki dan seorang perempuan. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk keluarga Haji Arun Bunchom.)



Gambarajah: Keluarga Haji Arun Bunchom



Gambar: Haji Marwan Sama-un (Informan yang Mewakili Institusi Agama)

Sumber: Chaiwat Meesantan

Informan Keempat: Haji Marwan Sama-un

Sekarang Haji Marwan Sama-un⁶ merupakan imam Masjid Kamalul Islam, daerah Khlong Sam Wa, Bangkok dan penasihat Mufti Thailand dan dikenali sebagai salah seorang ulama di Bahagian Thailand Tengah. Haji Marwan bekerja sebagai Setiausaha kepada Mufti Haji Muhammad Mahmud selama 20 tahun mufti itu memegang jawatan tersebut. Selepas kematian Mufti Haji Muhammad Mahmud, nama Haji Marwan Sama-un adalah salah satu calon yang dikemukakan kepada jawatankuasa pilihan Mufti untuk menjadi pengganti mufti seterusnya. Beliau banyak menulis buku-buku dan menterjemah Quran. Dalam bidang politik, beliau pernah dua kali dilantik menjadi senator Thailand sebelum undang-undang pilihan senator dikuatkuasakan, dan juga pernah dilantik menjadi penasihat Menteri Luar Negeri dan penasihat Menteri Dalam Negeri tentang hal ehwal agama Islam. Beliau merupakan imam masjid pertama yang mengasaskan radio komuniti iaitu untuk mengajar ilmu agama Islam dan memberi maklumat penting kepada penduduk dalam kampung. Kepakaran ilmu agamanya diterima oleh masyarakat Muslim sehingga beliau dianugerahkan hadiah Tokoh Ulama Thailand.


⁶Temu bual Haji Marwan Sama-un, Imam Masjid Kamalul Islam, bekas senator Thailand, 27 Mei 2015.

Pengadaptasian ilmu agama Islam dengan pembangunan moden adalah panduan beliau dalam melakukan sesuatu amalan. Usahanya dalam pembangunan dan penubuhan radio komuniti serta faedah yang diberikan kepada masyarakat dijelaskan dan berjaya sehingga Universiti Rajabhat Chankasem mengurniaknya Ijazah Sarjana Kehormat dalam bidang Sains Komunikasi, dan juga dikurniakan hadiah dan anugerah peringkat tempatan dan peringkat negara kerana berjasa kepada masyarakat dan negara.

Haji Marwan Sama-un dilahirkan di daerah Khlong Samwa, Bangkok, dan belajar pendidikan wajib di sekolah berhampiran rumahnya. Selepas lulus sekolah rendah, beliau berhenti belajar ilmu akademik dan menyambung pelajaran ilmu agama dengan bapanya. Kemudian dihantar ke Pondok Tok Mong daerah Mayo wilayah Patani untuk menyambung pelajaran agama Islam. Selepas lulus dari Patani, dia mendalami lagi ilmu agama di Pondok wilayah Nakhonsrithammarat. Akhirnya balik ke Bangkok dan belajar di Sekolah Miftahul Ulumiddiniah. Haji Marwan tidak mempunyai tanda kelulusan dan tidak mendapat apa-apa ijazah, tetapi kepakarannya diterima oleh masyarakat Muslim. Beliau banyak membaca buku dan fasih berbahasa Melayu dan bahasa Arab. Haji Marwan pernah menolong bekas Mufti Thai Haji Tuan Suwannasat menterjemah Quran ke bahasa Thai. Hasil terjemahan Qurannya dinamakan "*Terjemahan Al-quran Diraja Thailand*". Beliau juga banyak menterjemah hadis dari bahasa Arab kepada bahasa Thai serta banyak menulis buku dan artikel dalam majalah. Dalam bidang pembangunan, beliau mengadaptasi ilmu agama kepada pembangunan moden seperti membersihkan Terusan Saen Saep, menubuhkan sekolah rendah swasta untuk anak Muslim, dan menubuhkan radio komuniti. Semua amalan yang dilakukan itu jelas memanfaatkan masyarakat orang Islam sehingga Universiti Rajabhat Chankasem mengurniaknya Ijazah Sarjana Kehormat dalam bidang Sains Komunikasi. Beliau juga dianugerahkan Hadiah Tokoh Ulama; yang hanya diberikan kepada ulama yang dianggap sangat berjasa

dan berjaya membangunkan masyarakat berdasarkan ilmu agama. Kejayaannya itu jelas dilihat bukan sahaja dalam masyarakat Melayu tetapi termasuk juga masyarakat Thai. Hal ini jelas dapat dilihat daripada banyak hadiah, dan melebihi daripada 10 hadiah di peringkat wilayah dan peringkat Negara pernah diterima. Haji Marwan mempunyai dua orang adik beraik sahaja. Beliau adalah anak sulung dengan seorang adik perempuan.

Haji Marwan mempunyai tujuh orang anak; iaitu tiga orang lelaki dan empat orang perempuan. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk keluarga Haji Marwan Sama-un.)



Gambarajah: Keluarga Haji Marwan Sama-un



Gambar: Prof. Madya Dr. Abdullah Numasuk
(Informan yang Mewakili Institusi Pendidikan)

Sumber: Chaiwat Meesantan


Informan Kelima: Profesor Madya Dr. Abdullah Numasuk

Prof. Madya Dr. Abdullah Numasuk⁷ merupakan wakil orang Melayu Bangkok yang berjaya dalam pendidikan dan orang Islam Bangkok pertama yang mendapat ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Islam Madinah. Beliau lulusan ijazah Sarjana Muda, Sarjana, dan Doktor Falsafah dengan cemerlang. Tesis Doktor Falsafahnya diterbitkan dengan berpuluh-puluh kali ulang cetak untuk dijual di negara-negara Arab. Namanya sangat terkenal dalam kalangan ahli akademik di negara Arab Saudi dalam bidang akidah. Di Thailand, dia sangat berpengaruh dalam pendidikan agama Islam dan pentadbiran badan-badan agama Islam. Beliau bertugas sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Bangkok dan Ahli Lembaga Pengelola Islam Thailand, dan juga merupakan Pengarah Institut Alwasatiah dan Pengarah Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkhlanakarin, Cawangan Bangkok.

⁷Temu bual Prof. Madya Dr. Abdullah Numasuk, Pengarah Institut Alwasatiah dan pengarah Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkhlanakarin Cawangan Bangkok. 25 Mei 2015.

Prof. Madya Dr. Abdullah Numsuk merupakan salah seorang Muslim berketurunan Melayu Bangkok yang terkenal kerana kebijaksanaannya dalam bidang pendidikan. Namanya bukan sahaja dikenali di Thailand, tetapi juga sangat terkenal di negara-negara Arab. Sekarang beliau merupakan Pengarah Institut Alwasatiah dan Pengarah Kolej Pengajian Islam, Universiti Songklanakharin Cawangan Bangkok. Dr. Abdullah lulusan pendidikan awal di sekolah yang berdekatan dengan rumahnya, dan belajar ilmu agama dengan bapanya bersama dengan pendidikan ilmu akademik. Selepas lulus di peringkat pendidikan wajib, beliau dihantar ke rumah orang alim untuk mempelajari ilmu agama Islam. Selama lima tahun belajar di rumah ulama, kemudian menyambung pelajaran agama lagi di Sekolah Miftahul Ulumiddiniah, Sukhumwit Bangkok selama tiga tahun, dan berhenti belajar pada umur 21 tahun kerana khidmat wajib dalam tentera. Mengikut undang-undang Thai, dia terpaksa menjadi tentera selama dua tahun. Kemudian beliau dapat mengenali Syeikh Ali Isa seorang ulama dari Mesir, wakil Rabitah Cawangan Thailand pada masa itu, dan berpeluang mempelajari agama Islam dan bahasa Arab daripada Syeikh Ali Isa sehingga mahir bahasa Arab dan dianggap fasih. Ketika belajar dengan Syeikh Ali Isa, Dr. Abdullah dapat berkenalan dengan kawan gurunya yang menjadi pensyarah di Universiti Islam Madinah. Kawan gurunya mengajak Dr. Abdullah memohon biasiswa Universiti Islam Madinah untuk menyambung pelajaran peringkat Sarjana Muda di sana. Tanpa apa-apa harapan, Dr. Abdullah memohon biasiswa itu berdasarkan petunjuk. Akhirnya berjaya mendapat biasiswa tersebut untuk menyambung pelajaran di Arab Saudi. Beliau memilih bidang akidah sebagai major untuk ijazah Sarjana Muda. Beliau telah lulus ijazah dasar dengan cemerlang serta mendapat biasiswa untuk menyambung pelajaran peringkat ijazah Sarjana dalam bidang yang sama. Pendidikan peringkat Sarjananya juga dianugerahkan hadiah cemerlang bersama biasiswa untuk menyambung pelajaran ijazah Doktor Falsafah. Disertasi Sarjananya bertajuk "*Hubungan antara Buddha dengan Sufi*", dapat diterbitkan untuk jualan. Sekarang

disertainya itu telah dicetak ulang sebanyak sepuluh kali. Inilah faktor yang membawa namanya dikenali oleh orang ramai. Begitu juga dengan pembelajaran ijazah Doktor Falsafah, beliau telah lulus dengan cemerlang dan tesisnya juga telah diterbitkan. Tambahan lagi, beliau merupakan orang bukan Arab yang pertama menulis tesis dalam bahasa Arab tanpa banyak kesalahan. Kecemerlangan dan kebijaksanaannya sangat dikenali oleh orang ramai, keana dia adalah Muslim Bangkok pertama yang lulus ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Islam Madinah. Selepas pulang ke tanah air, beliau mula mengajar di Sekolah Miftahul Ulumiddiniah. Kemudian berpindah ke Patani untuk menjadi pensyarah di Kolej Pengajian Islam Universiti Songklanakharin. Selepas di Patani selama 11 tahun, beliau balik ke Bangkok menjadi pensyarah di Fakulti Kemanusiaan, Universiti Ramkhamhaeng, dan mengasaskan kuliah Pengajian Islam dan minor bahasa Arab di bawah Jabatan Bahasa-bahasa Timur. Selepas bersara, beliau dilantik menjadi Pengarah di Institut Alwasatiah serta Pengarah di Kolej Pengajian Islam, Universiti Songkhanakarin Cawangan Bangkok. Pada masa yang sama menjadi Penasihat Mufti Thailand dan Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Bangkok. Dr. Abdullah adalah anak ketiga daripada empat orang adik-beradik, dan satu-satunya anak lelaki dalam keluarganya. Beliau dikurniakan lima orang anak yang terdiri daripada tiga orang perempuan dan dua orang lelaki. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk keluarga Dr. Abdullah Numsuk.)



Gambarajah: Keluarga Prof Madya Dr. Abdullah Numsuk



Gambar: Prof. Madya Dr. Prakorn Priyakorn
(Informan yang Mewakili Institusi Pendidikan)

Sumber: Prakorn Priyakorn/facebook

Informan Keenam: Prof. Madya Dr. Pakorn Priyakorn

Prof.Madya Dr. Pakorn Priyakorn⁸ merupakan seorang pakar dalam bidang polisi awam (Public Policy) yang pertama di Thailand. Beliau sering dilantik menduduki Suruhanjaya Penggubalan Perlembagaan kerana kepakarannya berkaitan secara langsung dengan perlembagaan. Beliau juga merupakan orang Melayu Bangkok pertama yang berkelulusan ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Cambridge, England. Pernah menjadi Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, *National Institute of Development Administration* yang merupakan institut pengajian tinggi kerajaan peringkat pascasiswazah sahaja. Juga pernah menjadi Professor Pelawat di Universiti Cambridge, England. Dalam bidang sosial, Dr. Pakorn selalu menyertai program-program pembangunan masyarakat semenjak menjadi pelajar di Universiti. Sebagai orang Islam


⁸Temu bual Prof. Dr. Pakorn Priyakorn, Jawatankuasa Penggubalan Perlembagaan, Bekas Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, *National Institute of Development Administration*, 30 Mei 2015.

yang sangat-sangat aktif dalam aktiviti masyarakat, Dr. Pakorn juga menjadi pemimpin pelajar Muslim, dan bertanggungjawab menubuhkan persatuan pelajar Muslim untuk menyatukan pelajar Muslim daripada pelbagai universiti. Persatuan tersebut dinamakan “Persatuan Pelajar Muslim Thai” atau “*Thai Muslim Student Association*”. Persatuan ini merupakan organisasi pelajar Muslim yang sangat berpengaruh dalam masyarakat Islam dan Masyarakat Thai sekarang. Kebijaksanaannya yang telah dinyatakan, merupakan sebahagian daripada sumbangan besar yang diberikan kepada masyarakat Islam dan masyarakat Thai. Dia dianggap sebagai seorang Islam berketurunan Melayu yang sangat berjaya dalam bidang pendidikan. Lantaran itu, pengkaji memilihnya menjadi informan untuk mewakili orang yang benar-benar sudah mencapai kejayaan dalam institusi pendidikan.

Sekarang Prof.Madya Dr. Pakorn Priyakorn bertugas sebagai Ahli Suruhanjaya Penggubalan Perlembagaan Thailand selepas Jeneral Prayut Chan-o-cha menjadi Perdana Menteri Thailand. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Pusat Islam Thailand; sebuah organisasi Muslim yang sangat berpengaruh dan paling aktif dalam masyarakat Thai. Dr. Pakorn berasal dari daerah Nongchok, Bangkok, berpendidikan wajib di Sekolah Nongchol Pitthayanusorn. Kemudian berpindah ke kawasan pusat bandar Bangkok kerana pekerjaan bapanya dinaikkan taraf dan perlu bekerja di pejabat dalam persekitaran bandar. Beliau menyambung pelajaran peringkat menengah di Sekolah Triamudom Suksa; sekolah menengah paling berprestij di Thailand. Selepas tamat sekolah menengah, dia menyambung pelajaran di Fakulti Sains Politik, Universiti Thammasat dengan lulus ijazah Sarjana Muda. Kemudian mendapat biasiswa daripada kerajaan Thai untuk menyambung pelajaran peringkat Sarjana di Universiti Cambridge, England dalam bidang pentadbiran awam dan pembangunan. Dia balik ke Thailand selepas lulus Sarjana, dan bertugas sebagai Setiausaha Tetap daerah Sungai Golok,

wilayah Narathiwat. Selepas dua tahun bekerja, dia mendapat biasiswa kerajaan untuk menyambung pelajaran peringkat Doktor Falsafah di Universiti Cambridge syarat. Syarat dikenakan kepada beliau mesti menjadi penyarah di mana-mana universiti kerajaan di Thailand selepas lulus. Beliau belajar dalam bidang kepakaran yang sama dengan peringkat Sarjana iaitu pentadbiran awam dan pembangunan. Selepas lulus, dia menjadi pensyarah tetap di Fakulti Pentadbiran Awam, *National Institute of Development Administration*. Ketika menjadi penyarah, beliau menjawat jawatan yang penting peringkat fakulti dan peringkat universiti seperti Dekan Fakulti Pentadbiran Awam, Timbalan Naib Chanselor dan Jawatankuasa Dewan Universiti. Beliau merupakan seorang Muslim yang sangat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan semenjak menjadi mahasiswa di Universiti Thammasat, bertanggungjawab menubuhkan Persatuan Pelajar Muslim Thailand, dan menjadi pengerusi pertama persatuan tersebut. Berdasarkan peranannya dalam masyarakat Muslim di Thailand Tengah sepanjang hayat, beliau sangat dikenali oleh masyarakat Muslim. Sekarang beliau dilantik menjadi Pengerusi Yayasan Pusat Islam Thailand. Dalam bidang politik, beliau sering dilantik menduduki Suruhanjaya Penggubalan Perlembagaan Negara dan juga Penasihat Menteri-menteri dalam bidang pentadbiran awam dan polisi awam. Beliau diterima sebagai Ahli Akademik Negara yang pakar dalam bidang polisi Awam dan Pentadbiran Awam pertama di Thailand.

Dr. Pakoran adalah anak sulung daripada tujuh orang adik-beradik; iaitu empat orang lelaki dan tiga orang perempuan. Beliau berkahwin dengan wanita Melayu Bangkok yang berasal dari daerah Thungkru, dan dikurniakan lima orang anak; iaitu dua orang perempuan dan tiga orang lelaki. Anak lelaki bongsunya meninggal dunia ketika berumur dua tahun kerana mati lemas. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk tentang keluarga Prof. Dr. Pakoran Priyakorn di bawah.)



Gambarajah: Keluarga Prof. Madya Dr. Pakorn Priyakorn



Gambar: Hajah Subaidah Wangmana (Informan yang Mewakili Institusi Ekonomi)

Sumber: Chaiwat Meesantan

Informan Ketujuh: Hajah Subaidah Wangmana


Hajah Subaidah Wangmana⁹ pemilik Subaidah Restoran iaitu sebuah restoran Muslim yang terkenal di Bangkok. Hajah Subaidah merupakan wakil informan yang berjaya dalam bidang ekonomi. Beliau memiliki dua buah restoran besar dan menjadi orang berketurunan Melayu pertama yang berjaya dalam perniagaan produk tentang itik. Setiap hari restorannya menggunakan sekurang-kurangnya 600 ekor itik sebagai bahab produknya. Restorannya sangat terkenal berhubung dengan produk itik yang susah dicari dalam masyarakat Muslim. Bukan sahaja orang-orang Muslim yang mengenali restorannya tetapi orang yang bukan Muslim juga mengenali restoran ini kerana maklumat mengenainya banyak tersebar ke udara melalui siaran televisyen di Thailand; terutama hebahan mengenai makanan dan tempat-tempat menjamu selera. Oleh itu, kalau memperkata tentang produk itik halal yang terkenal di Bahagian Thailand Tengah, Restoran Subaidah adalah pilihan pertama dan jawapan tepat dalam kalangan orang Islam di kawasan tersebut.

⁹Temu bual Hajah Subaidah Wangmana, Tuan punya Subaidah Restoran, 1 Februari 2015.

Sekarang Hajah Subaidah memiliki dua buah restoran besar dengan nama “Subaidah Restoran” dan tiga buah kedai makanan di pasar dalam kota Bangkok. Sebuah restoran terletak di Rangsit, wilayah Prathumthani dan sebuah restoran lagi di daerah Ladbualuang, wilayah Ayutthaya. Manakala kedai-kedainya pula terletak di Pasar Rassit, Prathumthani, Pasar Thungkru Plaza, Bangkok dan Pasar Minburi, Bangkok. Jumlah perniagaannya kira-kira tujuh puluh juta baht Thai atau tujuh juta ringgit Malaysia. Hajah Subaidah dilahirkan di daerah Ladbualuang, wilayah Ayutthaya. Datuknya berpindah dari daerah Bangbuathong, wilayah Nonthaburi ke Ayutthaya untuk mencari kawasan baharu tempat kediaman dan tempat mencari rezeki. Datuk sebelah ibunya menjadi ketua mukim dan menjadi orang yang dihormati oleh penduduk setempat. Manakala bapanya menjadi pesawah. Kehidupannya pada zaman kanak-kanak sangat susah kerana mempunyai ramai adik-beradik. Tambahan lagi, nenek sebelah ibunya tidak berapa senang dengan bapanya kerana miskin dan tidak mampu membantu keluarga apabila menghadapi masalah kewangan. Oleh itu, kehidupan masa kecilnya sangat susah. Adik-beradiknya selalu makan nasi berlaukkan sebiji telur dibelah empat dengan kicap. Setiap hari, semua orang adik-beradik mesti membantu ibu bapa menanam padi dan menjaga kebun tembikai. Hajah Subaidah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rasyidi, Daerah Ladbualuang, wilayah Ayutthaya. Selepas tamat pendidikan wajib, dia tidak menyambung pelajaran ke peringkat sekolah menengah kerana terpaksa menolong bapa dan ibunya bekerja di rumah. Apabila adik-beradik semua telah lulus pendidikan wajib, bapa dan ibunya membawa semua mereka ke Bangkok untuk mencari rezeki kerana hasir daripada sawah dan kebun tidak mencukupi untuk belanja anak-anak. Keluarga mereka menyewa sebuah rumah teres di Tha Phracan dan tinggal bersama-sama sekeluarga seramai 15 orang. Hajah Subaidah mendapat peluang 15 tahun untuk menjual makanan di kantin Universiti Mahidol. Selepas berhenti menjual makanan di universiti, beliau membeli sebuah rumah di daerah Thungkru, Bangkok dan membuka kedai pakaian tetapi perniagaannya tidak

berjaya. Selepas itu dia berpindah ke Ayutthaya untuk menjual daging di pasar minggu dan pasar raya tetapi perniagaan ini juga tidak berjaya. Tambahan lagi, rumah yang dia diami terbakar menyebabkan semua harta-harta habis dijilat api. Walau bagaimanapun, dengan semangat dan usaha yang tinggi serta pertolongan daripada adik-beradiknya, beliau boleh meneruskan kehidupan dan kembali sekali lagi dalam bidang perniagaan. Kali ini dia meneruskan perniagaan tentang produk itik kerana perniagaan ini belum banyak diusahakan, dan belum ada dalam masyarakat Muslim. Oleh itu, beliau cuba membuat produk yang berdasarkan itik seperti itik bakar, bebola itik, sosej itik dan beberapa produk lain daripada itik. Perniagaan Hajah Subaidah kali ini sangat berjaya dan disukai oleh masyarakat Melayu kerana sebelum ini produk dan makanan halal yang diperbuatkan daripada itik susah dicari. Begitu juga dengan pelanggan bukan Muslim, dengan cara memasak yang bersih mengikut peraturan Islam serta rasa yang sedap, ramai pelanggannya berkunjung sekali lagi selepas merasai masakan di restorannya, dan menceritakan kepada orang lain untuk mencuba.

Hajah Subaidah adalah anak kelima daripada sepuluh orang adik-beradik yang terdiri daripada lima orang lelaki dan lima orang perempuan. Hajah Subaidah mendirikan rumah tangga dengan Haji Sulaiman dan dikurniakan tiga orang anak. Anak sulung dan anak keduanya perempuan manakala anak bongsunya lelaki. Semua anaknya lulusan Sarjana Muda dan sekarang semua mereka itu menjadi pengurus kepada beberapa buah restorannya. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk tentang keluarga Hajah Subaidah.)



Gambarajah: Keluarga Hajah Subaidah Wangmana



Gambar: Khun Kittisak Binsalleh (Informan yang Mewakili Institusi Ekonomi)

Sumber: Chaiwat Meesantan

Informan Kelapan: Khun Kittisak Binsaleh


Khun Kittisak Binsaleh¹⁰ merupakan seorang Muslim berketurunan Melayu yang dianggap berjaya dalam bidang perniagaan. Sekarang beliau mempunyai sebuah restoran besar yang terkenal iaitu Restoran Sinthon. Restorannya itu terletak di Jalan Ramkhamhaeng iaitu di tengah-tengah bandar Bangkok. Setiap hari terdapat sekurang-kurangnya 500 orang pelanggan yang mengunjungi restoran itu dan pada hari cuti jumlah minimum pelanggan seramai 1,000 orang. Selain daripada restoran, Khun Kittisak juga menjadi pembekal produk-produk daging lembu yang paling besar di Thailand; iaitu sebanyak 7,000 kilogram perhari. Beliau mempunyai kilang sendiri dan mesin serta tempat menyimpan barang-barang. Produk daging lembu perusahaannya dihantar ke seluruh negara termasuk hotel-hotel lima bintang dan restoran yang terkenal di Thailand. Nilai perniagaan beliau sekarang kira-kira RM50 juta atau 500 juta baht Thai.

¹⁰Temu bual Khun Kittisak Binsaleh, Tuan punya Restoran Sinthon, 1 Mei 2015.

Khun Kittisak merupakan seorang Muslim berketurunan Melayu yang mendiami di Kawasan Thailand Tengah. Keluarganya berasal dari daerah Bangbuathong, wilayah Nonthaburi tetapi datuknya berpindah ke daerah Ladbualuang, wilayah Ayutthaya yang tidak jauh dari kampung asalnya. Keluarga Khun Kittisak dianggap sebuah keluarga yang sangat susah kerana jumlah adik-beradiknya seramai 14 orang. Khun Kittisak tidak berapa berminat belajar tetapi suka berniaga dan bekerja. Oleh itu beliau tidak menyambungkan pelajaran hanya lulus pendidikan wajib iaitu sekolah rendah sahaja. Pada zaman kanak-kanak, apabila musim sawah beliau akan bersawah padi dan berkebun serta membeli beraspadi yang ditinggalkan oleh pesawah lain untuk diberikan kepada itik-itik peliharaannya. Selain itu beliau juga bekerja sebagai pemandu bot yang merupakan pengangkutan utama orang kampung pada masa itu. Boleh dikatakan bahawa, Khun Kittisak melakukan apa-apa sahaja jenis pekerjaan yang boleh memberikan pendapatan bagi menampung perbelanjaan keluarganya. Apabila berumur 21 tahun, beliau berpindah ke Bangkok untuk mencari kerja lain bagi perbelanjaan keluarga kerana pekerjaan di kampungnya tidak cukup untuk menyara hidup keluarga. Beliau memulakan pekerjaan di Masjid Banguthit, Bangkok dengan menjual aiskrim. Kemudian bertukar kerja menjadi pembantu pemandu bas dengan pendapatan 20 baht sehari. Selepas tiga tahun bekerja di kawasan Masjid Banguthit, beliau berpindah ke daerah Onnuch untuk tinggal bersama dengan bapa saudaranya. Di sana, beliau pernah bekerja sebagai pegawai hotel dan pemandu teksi serta pemandu pelancong asing untuk bersiar-siar di sekitar Bangkok. Pada masa yang sama, dia juga bekerja di Kelab Malam pada waktu malam. Beliau menceritakan bahawa satu hari dia dapat tidur hanya satu atau dua jam sahaja. Pada usia 27 tahun, dia mendirikan rumah tangga. Pekerjaan isterinya ialah menjual daging di pasar Phrakhanong. Selepas berkahwin, dia masih bekerja keras hingga jam tiga pagi menjual di pasar bersama-sama isterinya. Kemudian pukul enam pagi dia akan memandu van sekolah untuk menghantar murid-murid ke sekolah. Pada waktu malam,

dia masih bekerja lagi di Kelab Malam. Tidak lama selepas itu, beliau sedar bahawa pekerjaan di Kelab Malam kurang elok untuk orang Islam dan menjadi contoh yang tidak baik kepada anak-anak yang sedang membesar, lalu beliau berhenti kerja tersebut, dan memulakan pekerjaan baharu iaitu menghantar daging lembu ke seluruh restoran yang terkenal dan juga ke Kelab Malam tempat kerjanya yang lama. Ini merupakan langkah pertama dalam bidang perniagaan daging lembu. Perniagaannya semakin besar dan telah menampakkan peluang lain yang lebih menjanjikan selain daripada menghantar daging lembu. Beliau terfikir bagaimana cara untuk membuat dan menghantar produk-produk yang berdasarkan daging lembu seperti sosej, bebola, ham dan daging-daging untuk stik. Kemudian beliau juga telah mengembangkan perniagaan dengan membeli lembu hidup dan menyembelihnya sendiri untuk meminimumkan modal bagi mendapatkan keuntungan yang lebih. Perniagaannya sangat berkembang hingga tahun 2003M; iaitu tahun negara Thai menghadapi masalah “penyakit lembu gila”. Perniagaan beliau menghadapi masalah besar iaitu orang Thai tidak makan daging lembu kerana takut akan penyakit tersebut. Jumlah lembu yang disembelih dan dipasarkan oleh beliau berkurangan daripada 40 hingga 50 ekor perhari jatuh kepada hanya dua ekor perhari. Beliau dan isterinya memandang serius perkara ini kerana pendapatan mereka mendadak berkurangan hingga 95 peratus. Bagi meneruskan kelangsungan perniagaan, beliau kemudian membuat kerja lain seperti membeli pokok bunga untuk membuat kebun bunga di kawasan perumahan dan membuka sebuah restoran yang bernama Thai Bone Steak di daerah Bangkrapi. Kemudian beliau berpindah membuka restoran di Jalan Ramkhamhaeng yang ada sekarang. Pada awal pembukaan restoran di Jalan Ramkhamhaeng ini, beliau hanya menjual makanan, tetapi empat tahun kemudian telah dikembangkan membuka sajian bufet yang popular dalam kalangan ramai orang bukan sahaja dalam kalangan Muslim tetapi juga yang bukan Muslim. Pada masa yang sama, beliau memperbaharui perniagaan daging seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

Khun Kittisak adalah anak keempat daripada 14 orang adik-beradik yang terdiri daripada sembilan orang perempuan dan lima orang lelaki, dan mempunyai tiga orang anak; iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan. Anak sulung mereka belajar di Universiti Rajamangkhala tahun keempat. Anak kedua belajar di Universiti Assamchan dan anak yang bongsu belajar di Sekolah Iqrah yang terletak berdekatan dengan rumah. (Sila lihat Rajah di bawah untuk merujuk tentang keluarga salsilah khun Kittisak



Gambarajah: Keluarga Khun Kittisak Binsaleh



Gambar: Khun Samai Charoengchang (Informan yang Mewakili Institusi Politik)

Sumber: Chaiwat Meesantan

Informan Kesembilan: Khun Samai Charoengchang

Khun Samai Charoengchang¹¹ merupakan seorang Muslim berketurunan Melayu yang sangat berperanan dalam politik negara sekarang. Beliau pernah dipilih menjadi ahli parlimen sebanyak tiga kali, dan pernah bekerja sebagai guru dan Guru Besar di sekolah rendah kerajaan sebelum menceburkan diri dalam dunia politik. Di Bahagian Thailand Tengah, Khun Samai sangat dikenali oleh masyarakat Muslim sebagai ahli politik yang selalu membantu masyarakat Muslim dan mewakili komuniti Muslim dalam parlimen. Banyak akta yang berkaitan dengan agama Islam dapat digubal untuk kemudahan orang Islam memasuki parlimen dan kabinet melalui peranan yang dipegangnya. Selain daripada bidang politik, beliau juga memainkan peranan yang penting dalam badan-badan agama Islam peringkat wilayah dan peringkat negara. Beliau pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Islam Bangkok dan Jawatankuasa Islam Thailand.


Khun Samai Charoengchang berasal dari daerah Minburi, Bangkok yang merupakan kawasan yang ramai didiami penduduk keturunan Melayu. Nenek moyangnya

¹¹Temu bual Samai Charoengchang, sejarawan dan bekas ahli parlimen Thailand berketurunan Melayu, 14 Disember 2014.

berasal dari Perlis dan dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang pada awal zaman Rattanakosin. Pada permulaannya, beliau mendapat pendidikan ilmu akademik hanya pada peringkat sekolah rendah kerana ibu dan bapanya tidak cukup wang dan mereka tidak mahu anak-anak belajar di sekolah kerajaan. Oleh itu, selepas lulus sekolah rendah beliau hanya diberikan pendidikan agama Islam daripada orang alim yang berhampiran dengan rumah. Kemudian dia menyambung pelajaran agama di wilayah Nakhornsrithammarat selama setahun, dan balik ke Bangkok menyambung pelajaran di Sekolah Riduanulislam. Selepas lulusan ilmu agama, beliau memulakan pelajaran akademik secara non-formal; iaitu belajar pada hari Ahad sehingga lulus peringkat menengah. Kemudian menyambung pelajaran peringkat Ijazah Sarjana Muda di Univerrsite Rajabhat Chachengsao dalam bidang pendidikan. Selepas lulus dalam bidang pendidikan, beliau bekerja sebagai guru dan kemudian dilantik menjadi Guru Besar selama enam tahun. Beliau akhirnya meletak jawatan sebagai Guru Besar untuk menceburi bidang politik negara. Sepanjang masa menjadi pelajar dan guru, beliau sentiasa bekerja dengan masyarakat dan persatuan-persatuan yang berkaitan dengan sosial dan komuniti Muslim. Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang hidupnya, beliau telah mula dikenali oleh orang ramai termasuk juga ahli-ahli politik sehingga akhirnya diajak untuk menjadi wakil Parti Demokrat untuk bertanding dalam pilihan raya Thailand. Beliau pernah tiga kali menjadi ahli parlimen; iaitu pada tahun 1995M, 1996M, dan 2011M, dan juga pernah menjawat jawatan Penolong Setiausaha Menteri Pendidikan, Jurucakap Suruhanjaya Tenaga Negara, Jawatankuasa Suruhanjaya Tentera, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pendidikan, dan lain-lain lagi. Dalam bidang agama, beliau pernah menjawat jawatan yang penting dalam perbadanan agama Islam peringkat wilayah dan peringkat negara. Antara jawatan-jawatan yang pernah dijawat ialah, Penasihat Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera Universiti Rangsit, Pengerusi Jawatankuasa Islam Bangkok, Pakar dalam Jawatankuasa Pendidikan Parlimen,

Timbalan Pengerusi Lembaga Islam Thailand, ahli Jawatankuasa Islam Bangkok dan Pengerusi Yayasan Untuk Pembangunan Remaja.

Khun Samai adalah anak sulung kepada seorang adik perempuannya. Beliau mempunyai dua orang isteri dan enam orang anak; iaitu lima orang anak dengan isteri pertama yang terdiri daripada dua orang lelaki dan tiga orang perempuan, dan seorang anak lelaki daripada isteri kedua. Anak sulungnya lulusan Ijazah Doktor Falsafah dan sekarang bekerja sebagai penyarah di Universiti Thaksin, wilayah Songkhla. Anak yang kedua lulusan Sarjana dari England. Anak yang ketiga lulusan Sarjana Farmasi. Anak yang keempat lulusan Sarjana Muda dalam bidang sains. Anak bongsu dengan isteri pertamanya lulusan Sarjana Muda dalam bidang undang-undang dari Universiti Rangsit. Manakala, anak isteri kedua sedang belajar di peringkat ijazah Sarjana Ekonomi di Universiti Malaya. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk rujukan keluarga Khun Samai.



Gambarajah: Keluarga Khun Samai Charoenchang



Gambar: Khun Narumol Rattanaphibal (Informan yang Mewakili Institusi Politik)

Sumber: Chaiwat Meesantan

Informan Kesepuluh: Khun Narumol Rattanaphibal

Khun Narumol Rattanaphibal¹² merupakan salah seorang ahli politik perempuan Muslim berketurunan Melayu yang terkenal dalam masyarakat Muslim dan bukan Muslim di Bangkok, terutama di kawasan daerah-daerah Barat Bangkok. Kawasan ini merupakan kawasan yang penduduk majoriti beragama Islam dan berketurunan Melayu. Pernah tiga kali dia dipilih menjadi Ahli Dewan Bangkok mewakili daerah Bangkapi dan Suanluang. Ketika menjadi Ahli Dewan Bangkok, beliau dilantik menjawat jawatan Timbalan Pengerusi dewan tersebut. Khun Narumol juga pernah dilantik menjadi Setiausaha Menteri Luar Negeri ketika Dr. Surin Pitsuwan. Sebelum menceburkan diri dalam dunia politik, Khun Narumol pernah bekerja sebagai wartawan di TV 7 dan TV 9.


Khun Narumol Rattanaphibal berasal dari daerah Onnuch, Bangkok, dan berpendidikan sekolah rendah di Sekolah Bang O Suksa. Semasa belajar di sekolah itu dia tinggal bersama ibu saudaranya kerana sekolah jauh daripada rumah. Punca dia

¹²Temu bual Khun Narumol Rattanaphibal, Ahli Dewan Bangkok, 1 Mei 2015

dihantar belajar di Sekolah Bang O Suksa kerana sekolah itu menyediakan pelajaran agama Islam bersama ilmu akademik. Kemudian menyambung pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Suksanari, Bangkok. Di Peringkat Sarjana Muda, Khun Narumol lulus daripada Fakulti Seni Komunikasi, Universiti Chulalongkorn. Semasa belajar di universiti tersebut, dia merupakan salah seorang mahasiswa Islam yang sangat aktif dalam aktiviti universiti. Pada tahun ketiga dia dilantik menjadi Pengerusi Kelab Agama Islam, Universiti Chulalongkorn. Selepas lulus pendidikan, bekerja sebagai wartawan di TV7 dan TV9 Thailand selama 14 tahun sebelum meletak jawatan untuk menjadi Setiausaha Menteri Luar Negeri kepada Dr. Surin Pitsuwan. Kemudian dia diajak oleh Dr. Pichit Rattakul Gabenor Bangkok pada masa itu untuk memohon menjadi ahli Dewan Bangkok. Beliau berjaya dipilih menjadi ahli Dewan Bangkok pada permohonan kali pertama. Ketika menjawat jawatan tersebut, beliau menyambungkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Fakulti Sains Politik Universiti Chulalongkorn sehingga lulus dalam bidang pemerintahan. Pada tahun 2002M dia dilantik oleh Gabenor Bangkok menjawat jawatan Penolong Setiausaha Gabenor Bangkok. Pada tahun 2010M-2015M sekali lagi dipilih untuk menjadi ahli Dewan Bangkok. Khun Narumol dijangkakan akan memohon untuk menjadi ahli Parlimen Thailand mewakili Parti Demokrat dalam pilihan raya negara yang akan datang.

Khun Narumol adalah anak sulung daripada lapan orang adik-beradik. Enam orang adik-beradik seibu dan dua orang yang terakhir berlainan ibu. Adik-beradiknya yang sama ibu terdiri daripada lima orang perempuan dan seorang lelaki. Manakala, dua orang adik yang berlainan ibu adalah perempuan. Khun Narumol telah berkahwin dan dikurniakan dua orang anak perempuan. Anak sulung mereka lulusan Sarjana daripada Universiti Huddersfield, England dalam bidang *Risk Disaster and Environmental Management*. Anak bongsu sedang belajar di peringkat menengah di Sekolah Sathit

Mahawitthayalai Srinakharinwirot Prathumwan. (Sila lihat Gambarajah di bawah untuk merujuk tentang keluarga Khun Narumol Rattanaphibal.)



Gambarajah: Keluarga Khun Narumol Rattanaphibal

Lampiran 4

Senarai Nama-nama dan Tahun-tahun perkhidmatan Chularatchamontri (Mufti) Siam yang beraliran Syiah

Sumber: Prayunsak Chalayondecha. (1996). *มุสลิมในประเทศไทย (Muslim di Negara Thai)*. Bangkok : Krongkarn

1. Chao Phraya Bawornratchanayok (Sheikh Ahmad), seorang Muslim Syiah yang berasal dari Parsi. Beliau menjawat jawatan Chularatchamontri pada tahun 1602M hingga 1627M zaman pemerintahan Phrachao Songtham dan pada tahun 1630M-1655M zaman pemerintahan Phrachao Prasatthong, dalam era Ayutthaya.
2. Phraya Chularatchamontri (Kaew) , cucu kepada Chao Phraya Bawornratchanayok (Sheikh Ahmad). Beliau dilantik sebagai Chularatchamontri pada tahun 1656M-1682M zaman pemerintahan Maha Raja Narai, era Ayutthaya.
3. Phraya Chularatchamontri (Son) anak Chao Phraya Srisaihannarong (Yee) keturunan Sheikh Ahmad, dilantik pada tahun 1730M-1758M zaman pemerintahan Phrachao Yoo Hua Barommakot, era Ayutthaya.
4. Phraya Chularatchamontri (Chen), anak Phraya Petpichai salah seorang keturunan Sheikh Ahmad, menjawat jawatan pada zaman pemerintahan Phrachao Yoo Hua Phra Thee Nang Suriyamarin, era Ayutthaya.
5. Phraya Chularatchamontri (Konkaew-Muhammad Maksum), anak Phraya Chularatchamontri (Chen) dilantik menjadi Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama I, era Rattanakosin

6. Phraya Chularatchamontri (Akayee), adik kepada Phraya Chularatchamontri (Konkaew-Muhammad Maksum) dilantik menjadi Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama II.

7. Phraya Chularatchamontri (Tuon-Muhammad Kasim), anak Phraya Chularatchamontri (Konkaew-Muhammad Maksum) menjadi Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama III.

8. Phraya Chularatchamontri (Noi-Muhammad Bakir), anak kepada Chularatchamontri (Akayee). Beliau menjawat jawatan Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama IV.

9. Phraya Chularatchamontri (Nam-Muhammad Taki), anak Phraya Chularatchamontri (Tuon-Muhammad Kasim) juga menjadi Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama IV.

10. Phraya Chularatchamontri (Sin-Kulam Husain), anak kepada Phraya Chularatchamontri (Nam-Muhammad Taki) dilantik menjadi Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama V.

11. Phraya Chularatchamontri (San Ahamadchula), anak kepada Phraya Chularatchamontri (Sin-Kulam Husain), menjadi Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama VI. Ahmadchula sebagai nama keluarga yang diberikan oleh Raja Rama VI pada 27 Julai 1913M selepas Dasar Penggunaan Nama Keluarga dijalankan.

12. Phraya Chularatchamontri (Kasem Ahmadchula), menjadi anak kepada Phraya Chularatchamontri (Sin-Kulam Husain). Beliau dilantik sebagai

Chularatchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama VI selepas kematian abangnya Phraya Chularatchamontri (San Ahamadchula).

13. Phraya Chularatchamontri (Son Ahmadchula), anak kepada Phraya Chularatchamontri (San Ahmadchula), menjadi Chula Ratchamontri pada zaman pemerintahan Raja Rama VII dan meninggal dunia pada tahun 1936M.

Lampiran 5

Senarai Nama dan Gambar Chularatchamontri (Mufti) Berketurunan Melayu

Sumber: Pejabat Mufti Thailand

	<p>Chularatchamontri Ke-14 Encik Chaem Phromyong (Haji Syamsuddin Mustafa) Menjawat jawatan pada tahun 1945-1947 dalam zaman pemerintahan Raja Rama VIII dan IX. Beliau merupakan Chularatchamontri pertama yang beraliran Sunni.</p>
	<p>Chularatchamontri Ke-15 Encik Tuan Suwannasart (Haji Ismail Yahyawi) Menjawat jawatan pada tahun 1947-1981 dalam zaman pemerintahan Raja Rama IX.</p>
	<p>Chularatchamontri Ke-16 Encik Prasert Mahamad (Haji Muhammad Mahamad) Menjawat jawatan pada tahun 1981-1997 dalam zaman pemerintahan Raja Rama IX.</p>

	<p>Chularatchamontri Ke-17 Encik Sawas Sumalyasak (Haji Ahmad bin Mahmud Sarkawi) Menjabat jawatan pada tahun 1997-2010 dalam zaman pemerintahan Raja Rama IX.</p>
	<p>Chularatchamontri Ke-18 Encik Asis Phithakkhumphol (Haji Abdulaziz bin Ismail Al-Haj) Menjabat jawatan pada tahun 2010-sekarang dalam zaman pemerintahan Raja Rama IX. Beliau berasal dari wilayah Songkhla (Melayu Selatan Thailand).</p>

Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah-wilayah di Bahagian Tengah Thailand

Sumber:

Pejabat Mufti Thailand

* ialah orang yang berketurunan
Melayu

1. Bangkok

No.	Nama	Jawatan
1.	Mr. Arun Boonchom * (Muhammad Jalaluddin)	Pengerusi Jawatankuasa Islam Bangkok
2.	Mr. Thongkham Mahamad * (Adam)	Pengerusi Kehormatan
3.	Mr. Winai Sama-un * (Marwan)	Pengerusi Jawatankuasa Penasihat
4.	Mr. Samai Charoenchang * (Ismail)	Timbalan Pengerusi Bahagian Polisi dan Misi
5.	Mr. Abdurrahman Yaena * (Abdurrahman)	Timbalan Pengerusi Bahagian Hal Ehawal Makanan Halal
6.	Assis.Prof. Dr. Abdullah Numsuk* (Abdullah)	Timbalan Pengerusi Bahagian Akademik dan Dakwah
7.	Mr. Manit Thongsaeng * (Faruk)	Timbalan Pengerusi Bahagian Kebajikan Sosial
8.	Assis. Prof. Weeraphon Arawan * (Naqib)	Timbalan Pengerusi Bahagian Teknologi Maklumat
9.	Mr. Aree Wongbunkert * (Asa-ari)	Timbalan Pengerusi Bahagian Undang-undang
10.	Dr. Wissarut Lohwithee *	Timbalan Pengerusi Bahagian Pembangunan Pendidikan dan Sumbermanusia
11.	Mr. Arun Boonmalert* (Muhammad)	Timbalan Pengerusi Bahagian Aktiviti Istimewa dan Perhubungan Masjid
12.	Mr. Chat Hasalem * (Ilyas)	Setiausaha dan Ketua Pendaftaran
13.	Mr. Wiboon Muktari (Abdul Gani)	Bendahari
14.	Mr. Ahamad Khamthetthong * (Ahamad)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Undang-undang
15.	Mr. Prasit Charoenphol * (Abdul Wahab)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Pendidikan dan Hubungan Antarabangsa

16.	Mr. Boonlom Satlae * (Abdullah)	Khadi (Hakim)
17.	Assoc. Prof. Dr. Winai Dahlan	Ahli Jawatankuasa Bahagian Pembangunan Hal Ehwal Halal
18.	Mr. Sane Langdeng * (Hasan)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Tengok Bulan dan Penolong Bendahari
19.	Mr. Ali Kongpeng * (Ali)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Dakwah
20.	Mr. Chatri Andaris *	Ahli Jawatankuasa Bahagian Sokongan Syariah Keluarga
21.	Mr. Charoen Tokmangi * (Yahya)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Perhubungan Masjid
22.	Mr. Montri Nooma * (Mad Salleh)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Perhubungan Masjid
23.	Mr. Watcharachai Seniwong * (Yaafat)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Perhubungan Masjid
24.	Mr. Sawat Muhammadyeng * (Tohed)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Perhubungan Masjid
25.	Mr. Kosem Mankong * (Kosem)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Perhubungan Masjid
26.	Mr. Thawit Ariyakitkoson * (Salleh)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Zakat dan Kebajikan Sosial
27.	Mr. Ismail Nami * (Ismail)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Akademik dan Sokongan Aktiviti
28.	Mr. Manat Pomkhunphrom * (Manaf)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Informasi
29.	Dr. Theerawut Muhammad * (Davood)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Hal Ehwal Remaja
30.	Mr. Paisal Tenghiran * (Umar)	Ahli Jawatankuasa Bahagian Wanita, Orang Tua dan Orang Cacat

2. Wilayah Prathumthani

No.	Nama	Jawatan
1.	Mr. Sanan Lamprasert *	Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
2.	Mr. Suthin Mudthong *	Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
3.	Mr Rasmi Damchawai *	Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
4.	Mr. Seri Lamprasert *	Setiausaha Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
5.	Mr. Tuan Pholcharoen *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
6.	Mr. Saeksit Singngam *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
7.	Mr. Asuk Nima *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
8.	Mr. Arom Akeb *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
9.	Mr. Phayap Salahuddin *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
10.	Mr. Payap Adam *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
11.	Mr. Preecha Saengwongha *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani
12.	Mr. Kasem Binmahmud *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Prathumthani

3. Wilayah Samutprakarn

No.	Nama	Jawatan
1.	Mr. Phaisal Phromyong *	Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
2.	Mr. Sawas Miampraphan *	Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
3.	Mr. Aree Wangsra *	Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
4.	Mr. Somsak Wongprasert*	Setiausaha Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
5.	Mr. Natthawut Sohiran *	Timbalan Setiausaha Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
6.	Mr. Phayung Rakhom*	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
7.	Mr. Somphong Prasert a-pha *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
8.	Mr. Sangaem Aeadam *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
9.	Mr. Manoch Roensuphap *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
10.	Mr. Sathaporn Watthanawes *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
11.	Mr. Hama Sanikammakarn *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn
12.	Mr. Samanchai Adam *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Samutprakarn

4. Wilayah Nonthaburi

No.	Nama	Jawatan
1.	Mr. Arun Waneloh *	Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
2.	Mr. Tayudin Latifi *	Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
3.	Mr. Anan Waneloh *	Setiausaha Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
4.	Mr. Pratchaya Charoensuk *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
5.	Mr. Davood Lohlamoh *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
6.	Mr. Prasert Yoocharoen *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
7.	Mr. Phot Saengman *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
8.	Mr.Meechai Charoensukwitthaya*	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Pratumthani
9.	Mr. Phairat Waneloh *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
10.	Mr. Rabbi Arabia *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
11.	Mr. Sanan Miskit *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
12.	Mr. Somsuk Saengsawang *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
13.	Mr.Somwang Boonphet *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
14.	Mr. Saman Sahoh *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
15.	Mr. Sakkarin Saifa *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
16.	Mr. Suthiwat manassawakul *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
17.	Mr. Wanchai Radinghin *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
18.	Mr. Ann Keesoh *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
19.	Mr. Ismail Keesoh *	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi
20.	Mr. Asaree Maddoloh*	Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah Nonthaburi